

HASAN HJ. HAMZAH

SUKA DUKA
Politik
MAHATHIR

Cetakan Pertama 1990

© Hakcipta Hasan Hj. Hamzah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula mana-mana bahagian buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Media Printext (M) Sdn. Bhd.

Penerbit:

Media Printext (M) Sdn. Bhd.
Tingkat 25, Menara Tun Razak,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2935305, 2935071

Harga \$19.90

Rekaletak dan Rekabentuk:

Amir Hj. Hamzah

Dicetak oleh:

Polygraphic Press Sdn. Bhd.
P.O. Box 25, Batu 9, Jalan Cheras, 43207 Selangor, Malaysia.

ISBN 983-9683-05-5

548763

m
954 5054
LAS

- 6 FEB. 1991
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Prakata		ix
Bab 1	Wira Dunia Ketiga	1
BAHAGIAN I (1981)		
Bab 2	Perdana Menteri Keempat	25
Bab 3	Rawatan Doktor UMNO	37
Bab 4	Satu Pasukan Yang Padu	45
Bab 5	Satu Permulaan Yang Baik	53
BAHAGIAN II (1982)		
Bab 6	Anwar Sertai Mahathir	61
Bab 7	Era Baru Penuh Keazaman	67
Bab 8	Mandat Reformasi	77
Bab 9	Undi Anwar, Kejayaan Mahathir	95
Bab 10	Mahathir Lwn Dilema Melayu	101
BAHAGIAN III (1983)		
Bab 11	Berfikir Cara Baru	109
Bab 12	Harga Kuasa	119
Bab 13	Ujian Terbesar, Kejayaan Terpenting	123
Bab 14	Pertempuran Diraja	131
BAHAGIAN IV (1984)		
Bab 15	Ke Arah Malaysia Yang Lebih Matang	137
Bab 16	Persyarikatan Malaysia	143

Bab 17	Razaleigh Lwn Musa Lagi	149
Bab 18	Daim Menteri Kewangan	153
Bab 19	Siapa Yang Lebih Islam?	157

**BAHAGIAN V
(1985)**

Bab 20	Mahathir Naik Radang	159
Bab 21	BN Kecundang Di Sabah	169
Bab 22	Sepak Terajang Politik	173
Bab 23	Saga Kereta Malaysia	181
Bab 24	Peristiwa Memali	187
Bab 25	Kemelesetan: Satu Cabaran	193

**BAHAGIAN VI
(1986)**

Bab 26	Pairin ‘Permainkan’ Mahathir	199
Bab 27	Skandal BMF: Mereka Tipu Kita	209
Bab 28	Letak Jawatan: Musa Main Politik	219
Bab 29	Pemikiran Mahathir Sukar Difahami	229
Bab 30	Ghafar: Umang-Umang Politik	233
Bab 31	Mandat Untuk Bisukan Pengkritik	241
Bab 32	Ketuanan Melayu Jangan Dicabar	249

**BAHAGIAN VII
(1987)**

Bab 33	Retak Menanti Belah	255
Bab 34	Pertarungan Maruah	267
Bab 35	Perhitungan Terakhir	277
Bab 36	Perang Untuk Musnahkan UMNO	283
Bab 37	Pembedahan Mahathir	297
Bab 38	Dr. Mahathir Mengamuk	305

**BAHAGIAN VIII
(1988)**

Bab 39	UMNO Diharamkan	315
Bab 40	UMNO Baru	331
Bab 41	Pindaan Undang-undang	341
Bab 42	Pindaan Perlembagaan Diluluskan	351

Bab 43	Pukulan Maut	359
Bab 44	Ketua Hakim Negara Digantung	373
Bab 45	Krisis Bidang Kuasa	385
Bab 46	Tawaran Kabinet Untuk Ditolak	389
 BAHAGIAN IX (1989)		
Bab 47	Taib Dalam Dilema	391
Bab 48	Politik: Komoditi Jual Beli	401
Bab 49	Bersatu Untuk Berpecah?	409
Bab 50	Belajarlah Berterima Kasih	413
 BAHAGIAN X (1990)		
Bab 51	Dasar Luar Mahathir	419
Bab 52	Pertaruhannya Terlalu Besar	431
Bab 53	Skandal Ku Li Terbongkar?	443
Bab 54	PBS Mahu Sabah Keluar Malaysia	455
Bab 55	Rakyat Masih Mahukan BN	461
Bab 56	Kabinet Baru Dibentuk	481
Bab 57	Kehilangan Dr. M Akan Diratapi	487
Bibliografi		495

Penghargaan khusus untuk,
Dato' Haji Abdul Aziz Mohamed *S.S.A.P., S.I.M.P., A.M.N., P.J.K.*,
selaku penerbit beliau banyak memberikan sumbangan untuk
menjayakan buku ini.

Kedua Ibu Bapaku,
Haji Hamzah Haji Mat Shah dan Hajah Masiah Haji Shamsuddin,
didikan dan kasih sayang yang dicurahkan tetap ku sanjung tinggi.

Kekanda dan Adindaku,
Marilah kita berusaha mencari keredhaan Allah.

PRAKATA

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad baru saja mendapat mandat baru. Keputusan pilihanraya umum yang diadakan pada 20 dan 21 Oktober 1990 itu memberikan beliau peluang untuk terus menerajui Malaysia bagi tempoh lima tahun lagi. Sesungguhnya beliau telah berjaya menjadi seorang ‘peneraju krisis’ yang cukup kental dan benar-benar tahan uji (tested leadership). Semua pengkritik dan penentangnya kini senyap sunyi. Masing-masing terkebil-kebil kerana rakyat tetap memberikan sokongan terhadap kepimpinan dinamik beliau itu.

Sejak Julai 1981, Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengemudikan Malaysia. Selaku Perdana Menteri, beliau memberi nafas baru kepada rakyat jelata. Pandangan dan visi perjuangannya sungguh menakjubkan. Amat berbeza dan adakalanya sukar untuk dimengerti. Di tengah-tengah kemelut itulah timbulnya pelbagai kritikan dan penentangan yang tak sudah-sudah.

Boleh dikatakan saban waktu ada saja yang menentang kepimpinan beliau. Ada-ada saja yang tidak kena. Setiap dasar baru, setiap rancangan baru pasti dikritik habis-habisan. Tetapi negarawan yang bernama Mahathir ini tidak langsung menghiraukan segalah kritikan dan cemuhan itu.

Selaku Perdana Menteri, beliau telah memimpin dengan gigih walaupun dikecam. “Tidak ada yang mudah dalam hidup ini. Kita mesti sanggup melawan jika mahu menang,” ujar Dr. Mahathir. Atas prinsip itulah beliau kini dianggap sebagai ahli politik paling berjaya mengemudikan ‘political crises’.

Memandangkan pelbagai liku peristiwa yang dialami oleh Dr Mahathir itu sangat berguna untuk dijadikan bahan renungan

maka saya mengambil inisiatif untuk membukukannya. "Menjadi ahli politik sama ada sanggup membunuh atau kena bunuh"—mungkinkah itu doktrin politik Dr. Mahathir?

Mahathir muncul di dalam pelbagai wajah; daripada puji yang melampau hingga kecaman peribadi yang menyakitkan. Beliau muncul di dalam satira, di dalam analisis puluhan malah ratusan tulisan mereka yang mendakwa diri 'pakar' dan 'pemerhati politik semasa', dibicarakan di dalam puluhan buku tentang beliau dan stail pemerintahan beliau yang bercambah bagi cendawan selepas hujan, juga di dalam perbincangan dan perdebatan umum.

Mahathir menjadi semacam enigma, malah sebuah misteri. Ramai yang mendakwa sukar membaca 'fikirannya', apalagi menduga gerak dan tindakan politiknya. Beliau dikatakan licik, langkah beliau selalu mendahului dan di luar jangkaan. Beliau dikatakan belajar dan mengambil iktibar daripada teori taktik politik Niccolo Machiavelli dan Karl von Clausewitz; beliau kononnya banyak dipengaruhi oleh buku-buku seperti *The Prince* karya Machiavelli dan *The Art of War* karya Sun Tzu.

Mahathir adalah si cendekiawan yang menulis buku *The Malay Dilemma* yang kontroversial itu. Bukankah ini orangnya yang memperingatkan orang Melayu bahawa sebahagian sebab punca kelemahan mereka ialah faktor keturunan dan persekitaran? Bukankah ini orangnya yang mempersoalkan pimpinan Tunku yang dikatakan mengamalkan nepotisme, tidak liberal dan tidak peka kepada tuntutan rakyat? Bukankah ini orangnya yang menulis surat terbuka yang mengecam sikap Tunku menghadapi krisis 13 Mei 1969?

Maka apabila secara rasmi mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat pada 16 Julai 1981, beliau telah membangkitkan imaginasi, harapan dan keyakinan rakyat yang belum pernah berlaku sebelumnya. Perdana Menteri yang ini sebenarnya turun ke gelanggang, bercakap dalam bahasa yang mudah, tentang perubahan yang selama ini dituntut oleh rakyat dan dengan komitmen untuk memberikan yang terbaik tanpa belas kasihan menghukum yang tidak terampil dan malas.

Bagi beliau, satu hakikat adalah jelas; Malaysia harus berubah sekiranya ia mahu maju dan dihormati. Malaysia harus membuktikan keupayaannya untuk mendapat penghormatan orang lain. Kita

sudah terlalu lama dianggap kecil, lalu dianggap lemah dan tidak berwibawa. Malaysia harus mengubah orientasinya untuk menghadapi dunia. "Hasrat kita ialah supaya negara dan masyarakat kita dihormati, disegani dan diterima sebagai setara dengan yang maju," kata beliau kepada perwakilan di dalam Persidangan UMNO yang baru lalu, mesej yang tidak pernah jemu dipantaskan ke telinga rakyat selama ini.

Yang lebih penting, orang Malaysia sendiri harus sanggup berubah. Dengan bahasa yang mudah Mahathir berkata, "Kita tidak boleh mengikut contoh masyarakat Barat yang malas. Kita harus melihat ke negeri Jepun dan Korea untuk mencapai kecermerlangan. Kita mesti sanggup bekerja keras untuk maju dan bersaing dengan orang lain."

Rakyat mahu berkongsi impian ini. Malaysia sesungguhnya di ambang perubahan. Kabinet Mahathir tahun 1981 itu dianggap yang terkuat di dalam sejarah Malaysia. Regu Mahathir-Musa dianggap cocok sekali, '2M' menjadi *catchword* yang menarik, yang membayangkan gabungan dua orang pemikir dan ahli politik *jargon* yang sehati dan sejiwa.

Kerajaan Mahathir mengumumkan dasar liberal, sikap pintu terbuka, lalu menjamin kebebasan akhbar juga membebaskan tahanan ISA sebagai langkah membuktikan sikap keterbukaan itu. Tetapi bulan madu itu rupanya tidak lama. Mungkin Mahathir muncul pada waktu yang salah. Sejarah telah membuktikan bahawa pada zaman meleset; di mana terdapat petanda bahawa kualiti hidup akibat pendapatan yang berkurang, keimbangan individu akan menular menjadi wabak yang secara kolektif akan membangkitkan keresahan dan ketidakstabilan umum.

Kebetulan negara menghadapi zaman kemelesatan ekonomi. Harga barang utama jatuh dengan teruknya. Malaysia digoncang oleh beberapa krisis kewangan yang besar. Kedudukan hutang negara yang membimbangkan menjadi isu yang besar, demikian juga beberapa projek pembangunan yang dikatakan membazir dan tidak perlu. Beberapa dasar beliau mula mendapat kecaman. Sikap liberal kerajaan menimbulkan gejala yang tersendiri pula.

Maka bagi sesetengah orang, tiba-tiba 'Mahathir-bashing' menjadi satu kecenderungan, Mahathir menjadi satu alasan kepada setiap masalah, menjadi punca kepada setiap kegagalan. Beberapa

akta yang kontroversial seperti Akta Rahsia Rasmi dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dikecam hebat. ‘Pembongkaran skandal’ menjadi keghairahan, berkat media yang mendapat lesen baru sikap liberal dan keseronokan baru membocorkan rahsia kerajaan.

Zaman Mahathir berbeza daripada zaman sebelumnya. Tunku sewajarnya berpuas hati dengan pencapaiannya; itu zaman integrasi, zaman penyesuaian, zaman bulan madu. Zaman Tun Razak lebih merupakan zaman konsolidasi, zaman pembinaan dan pengembangan, zaman pertubuhan fizikal. Tun Hussein Onn menjadi pewaris kepada zaman mewah dan tradisi pembangunan.

Masyarakat Melayu juga sudah berbeza, telah timbul satu generasi usahawan dan kelas menengah yang tidak lagi dapat dido- doikan dengan impian dan idealisme lama. Ini generasi yang mendapat nikmat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Ini generasi usahawan, birokrat dan kelas menengah Melayu yang baru.

Soal perpaduan dan ketuanan Melayu hanya idealisme yang dipelajari di menara gading. Soal bangsa hanya sekadar jargon politik. Soal kebangsaan menjadi barang antik atau sekadar slogan.

Mereka tidak payah disogokkan dengan kekhawatiran terhadap ekonomi bangsa lain. Di antara mereka sendiri ada yang sudah berupaya menjual dan membeli bank, menjadi usahawan bermodal puluhan malahan ratusan juta ringgit, dan syarikat mereka sudah mampu tercatat di Bursa Saham.

Golongan ini punya masa yang banyak untuk terlibat di dalam politik. Kali ini bukan atas dasar mengekal dan mempertahankan ketuanan dan kemuliaan Melayu, tetapi memastikan pengekalan syarikat yang mereka pimpin. Penglibatan di dalam politik lebih dilihat sebagai penyediaan landasan untuk kepentingan perniagaan.

Lihat sahajalah profil perwakilan UMNO sendiri ke perhimpunan agung yang telah berubah daripada dominasi para guru kepada kalangan ahli perniagaan.

Sementara itu usaha PAS dan golongan ekstrimis Islam juga berada di tahap yang benar-benar mencabar kepimpinan Dr. Mahathir. Politik Malaysia yang bertolak daripada landasan perkau man lebih memburukkan keadaan. Yang ada ialah parti Melayu, parti Cina, parti India, parti Kadazan, parti Iban dan seumpama-

nya. Selama beberapa dekad kemerdekaan negara ini, teori perpaduan memang boleh wujud dengan andaian kesemua kelompok besar ini hidup dalam semangat kerjasama dan muhibah. Tetapi sebenarnya mereka tidak sahaja dipisahkan oleh pengelompokan berdasarkan parti malah yang lebih besar ialah kelainan budaya, agama dan ekonomi.

Di tengah senario inilah Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. "Kecuali perbezaan gaya dan cara, barangkali tidak akan ada perubahan yang besar yang akan berlaku," kata beliau sewaktu diwawancara oleh sebuah majalah berita serantau beberapa hari setelah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri. Benarlah bahawa 'gaya dan cara' membezakan beliau dengan yang lain-lain. "Saya suka berterus terang," kata beliau. Sifat inilah menurut ramai pemerhati kekuatan dan punca sebahagian masalah yang beliau hadapi kemudiannya.

Saya cuba menganalisa kepimpinan Dr. Mahathir itu. Untuk memudahkan penyusunan agar buku ini benar-benar mantap dan padat serta mudah pula untuk difahami, maka saya mengambil pendekatan tahun demi tahun. Setiap tahun dijadikan satu bahagian. Segala peristiwa yang berlaku dalam tahun berkenaan itu pulak dijadikan bab-bab mengikut pecahan peristiwa dan juga masa berlakunya sesuatu kisah itu.

Justeru itu sejak Julai 1981 hingga ke November 1990, maka sudah hampir satu dekad Dr. Mahathir duduk di puncak kuasa. Dengan itu maka terdapat sepuluh bahagian yang berasingan dalam buku ini. Memandangkan pelbagai peristiwa menarik berlaku sejak Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri buku Suka Duka Politik Mahathir ini adalah rakaman peristiwa dari analisis secara terperinci babak-babak menarik kepimpinan beliau itu.

Sekembali dari luar negeri setelah tiga tahun tidak pulang pulang, saya bertekad untuk menghasilkan sesuatu yang bernilai untuk tatapan masyarakat. Kedepihan hati yang mulai dapat diubah akibat krisis politik di Sarawak merangsang diri ini untuk terus menjadi seorang warganegara yang berjaya.

Dalam usaha menyiapkan buku ini, saya terhutang budi kepada ramai rakan dan taulan serta institusi-institusi tertentu. Ke pada mereka ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi pengharga-

gaan kerana bantuan dan kerjasama itu telah memudahkan usaha saya ini.

Penghargaan yang setinggi-tingginya saya tujuhan kepada YB Datuk Haji Abdul Aziz Mohamed S.S.A.P., S.I.M.P., A.M.N., P.J.K., di atas sokongan moral dan wang ringgit bagi menjayakan penerbitan buku ini. Selaku penerbit beliau banyak memberi dorongan supaya saya menghasilkan buku-buku yang bermutu tinggi. Selaku seorang ahli perniagaan pula, beliau turut membimbang saya supaya berjaya seperti beliau. Harapan dan kepercayaan beliau itu menjadi perangsang kepada saya.

Kepada Paduka Ayahanda Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub, segala budi baik serta sumbangan yang diberikan sewaktu saya bertugas di Sarawak sangat-sangat saya hargai dan tidak pernah saya lupakan.

Kepada Cikgu Haji Mohd. Deli Haji Abdul Rahman pula, sejak saya bertugas bersama Cikgu hingga lah terpaksa membawa diri ke luar negeri, namun jasa baik Cikgu itu telah menjadikan saya seorang yang lebih matang. Kepada Zaiton Haji Abdul Rahman, segala-galanya sudah takdir. 'Hari-hari indah dulu itu masih baru di hatiku.' Biarlah kita abadikannya sepanjang masa.

Rakaman terima kasih juga saya tujuhan kepada Sdr. Saice Driss B.B.S., (RTM, Kuching) yang telah membantu menterjemahkan sebahagian besar isi kandungan buku saya—MAHATHIR GREAT MALAYSIAN HERO—yang menjadi asas buku SUKA DUKA POLITIK MAHATHIR ini. Saya berharap kerjasama ini dapat diteruskan ke projek yang lebih besar pada masa-masa akan datang demi menyumbangkan bakti kepada negara tercinta.

Sdr. Abdul Rahman Shaik bin Haji Abdul Razak Shaik, bekas Pengurus Barisan Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN) 1986/87 turut menyumbangkan idea bernas. Bekas pemimpin pelajar UPM itu juga memberi bantuan dari segi material untuk melicinkan lagi penghasilan buku saya ini. Kepada sahabatku Sdr. Amiuddin Khalid, kerjasama yang diberikan tetap dihargai. Demikian juga Zarinah Man (RHB), segala-galanya sudah tersurat sedemikian rupa.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada mereka yang membantu saya dalam pelbagai cara bagi menyiapkan skrip buku ini. Mereka itu ialah para pelajar Universiti Sains Malaysia—Adinda

Osman Hamzah (Manjah), Cikgu Fadhil, Wak Dos, Jimmy, Azmi, Mat Det, para pustakawan USM, Desasiswa USM, Perpustakaan Negara, rakan-rakan di University of New South Wales, University of Sydney, rakan-rakan di 21, Terry Street, Sydney, Mohamad, Bujal, Amir, serta Abdullah Ali dan Heider Mohamad di Quackers Hill, Australia, keluarga angkat saya Dr. Nana Natapradja dan Kak Nani sekeluarga, di St. Mary, NSW, Australia, Iwan Natapradja sekeluarga di Mount Druitt, NSW, Australia, Charlie Kilowaskie, Seven Hills, Australia, Sdr. Ali Saif dan Kak Tini sekeluarga di North Sydney, Australia, Bibik Dede di Perancis, Syarikat Warisan Media Sdn. Bhd. dan kakitangannya, Polygraphic Marketing (M) Sdn. Bhd. dan kakitangannya, LBG Niaga dan kakitangannya.

Kepada Cik Hapsah, Cik Rohayah, Datuk Shariff (ASPA), Sdr. Zahid Hamidi (Setiausaha Politik Dato' Sri Najib), Mr. Goh (Polygraphic), Basharuddin, Mr. Sow, Nasser, Halipah Kasimin (MARA), Jamilah, Khairuddin, Mohamad Mohd. Yatim (MARA), Amin Kassim, Abdul Rahman, Yahya Hassan (MCIS), Wan Salam, Wan (MBF), Kamaruddin Ahmad, Baki Ali, Bidin Beseri, Hasnol dan Shahrin, Mohd. Taib Ibrahim (UDA), Mahmud, Abdul Rahman, Mohd. Ali Jaafar, Mohd. Saed Hamzah, Cikgu Abdul Wahab, Ahmad Sanusi Haji Ashaari (Kementerian Sumber Manusia), Sapiah, Latifah, Khalifah (UUM), Abdul Karim Haji Hamzah, Zahrol Abdul Aziz (Polyteknik Ungku Omar) dan Azlin (Telekom) saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan. Akhir sekali ucapan terima kasih saya tujukan kepada Sdr. Amir Hj. Hamzah dan Nor Faimah Abdul Karim yang telah bertungkus lumus membantu saya menyiapkan skrip akhir buku ini.

Semoga buku SUKA DUKA POLITIK MAHATHIR ini dapat memberi manfaat sebagai rujukan dan bahan renungan kita bersama. Selamat Membaca!

November 1990

Hasan Haji Hamzah



WIRA DUNIA KETIGA

"Saya sering menceritakan kisah ketam-ketam yang dijual oleh seorang lelaki di Isles of Man. Saya memerhatikan ketam-ketam itu berbaris ke benteng laut. Tiba-tiba ketam memenuhi persekitaran dan ada di antaranya cuba mendaki benteng (berdekatan laut). Saya menegur lelaki itu, "Sekiranya anda tidak berhati-hati, ketam-ketam itu akan mendaki benteng dan kembali ke dalam laut." Tetapi lelaki itu berkata, "Tidak mungkin. Sebelum seseekor ketam dapat melintasi benteng itu, ketam yang lain akan menariknya ke bawah." Terfikirlah saya, saya adalah ketam yang di atas dan kini setiap orang cuba sedaya upaya untuk menarik saya ke bawah. Dan percayalah, sesiapa saja kemudiannya yang naik ke atas dan menduduki kerusi ini akan menerima layanan serupa."

— Dr. Mahathir

DEMOKRASI hanya dapat kekal jika ada 'majoriti yang senyap', iaitu orang-orang yang berpuas hati dari segi ekonomi dan politik, yang tidak mempunyai masa dan cita-cita untuk memainkan peranan aktif di dalam politik. Kalau semua warganegara mempertahankan dengan kuat pendapat masing-masing dan kalau semua mereka memilih untuk terlibat cergas di dalam politik, sudah tentu akan berlaku kekecohan politik. Kerana usaha memuaskan hati semua peserta yang aktif menjadi amat rumit. Dengan itu, 'majoriti yang senyap' membantu mengawal perjuangan politik dan mengurangkan kemungkinan pengasingan atau kekecewaan yang boleh timbul daripada rakyat.

yang terlampau cergas memperjuangkan sesuatu fahaman dengan semangat berkobar-kobar.

Pertikaian berlaku apabila para pesaing tidak mempedulikan peraturan atau apabila mereka mahu memusnahkan satu sama lain di dalam usaha memperolehi sumber-sumber yang terhad. Satu perbezaan jelas di antara persaingan dan pertikaian tidak boleh dikesan di dalam dunia yang sebenar. Sebagaimana para pesaing di dalam pertandingan bola sepak dan bola keranjang kadangkala menipu, para pesaing politik ‘lebih kurang’ mematuhi peraturan, kecuali mereka dapat mencari jalan yang berkesan untuk menyeleweng daripada peraturan itu. Salah satu daripada peraturan yang difahami secara senyap di dalam permainan politik ialah perubahan atau pelanggaran peraturan itu dapat diterima selagi mereka yang melanggarnya tidak terperangkap, atau bersedia menghadapi akibatnya apabila terperangkap.

Kerja memerintah, walau dilakukan oleh sesiapa sekalipun, seringnya merupakan adunan di antara falsafah dan sebahagian lagi merupakan penyesuaian dan bukan mudah mengagihkan peratus yang setepat-tepatnya kepada setiap komponen. Para pemimpin biasanya ghairah untuk menawarkan kepada orang ramai satu rangka falsafah yang mulia.

Datuk Seri Dr. Mahathir jarang sekali memberikan daya usahanya kerangka falsafah yang kedengaran agung. Bagaimanapun ini bukan bererti beliau kekurangan visi. Ini menarik perhatian kita kerana para pemimpin yang mengemukakan kehidupan lebih baik untuk rakyat biasanya tidak jemu-jemu mendesak mereka menerima falsafah demikian. Seringkali falsafah itu menggunakan bahasa penuh irama. Kalau tidak, rakyat jelata tidak akan mempedulikan visi seseorang pemimpin itu. Bagaimanapun Dr. Mahathir mempunyai nilai-nilai lain yang diperlukan untuk kepimpinan—iaitu rasa keagungan, kemuliaan dan dapat menerima apa saja yang kurang sempurna. Beliau juga memiliki keberanian. Keberanian untuk melakukan apa yang harus dilakukan dengan tidak terlalu memikirkan tentang kesannya terhadap peribadi serta bahaya dan halangan yang timbul. Keberanian tersebut menjadi nilai penting yang tanpanya keagungan di dalam kepimpinan tidak dapat dinikmati. Keber-

nian itu disertai kebimbangan yang wajar bahawa sekalipun beliau harus menggerakkan masyarakat seberapa jauh yang mungkin, janganlah pula sampai merosakkan jalinannya. Hanya ahli politik yang paling berani dan masak sahaja mengakui bahawa batas perubahan yang mungkin dapat dilakukan di dalam masyarakat adalah kecil. Sekiranya pemimpin melampui batas keupayaan itu dia boleh terkandas; dan kalau pula tidak sampai ke paras sewajarnya dia dianggap tidak bijak bertindak. Dia harus menguasai keseimbangan keadaan sekitarnya. Shakespeare berkata, "Payahnya kepala yang bermahkota".

Ahli fizik terkemuka, Albert Einstein pernah ditanya oleh seorang rakan kenapa manusia di satu pihak berjaya memecah rahsia atom, tetapi sebaliknya tidak berupaya mencipta kaedah politik yang diperlukan untuk mengawal atom itu daripada memusnahkan tamadun. Einstein menjawab, "*Ini mudah, politik lebih rumit daripada fizik.*"

Perkembangan politik yang dramatik bergerak rancak babak demi babak sehingga rakyat tidak mempunyai waktu untuk menilai sesuatu perkembangan itu lantaran ianya sudah dilitupi oleh perkembangan yang baru. Adakah ini semuanya sekadar politik biasa pada nada lebih tinggi—apabila para perempuan politik di dalam masyarakat yang secara tradisinya terbuka dan majmuk berhadapan antara satu sama lain? Atau apakah peristiwa-peristiwa kebelakangan ini memberi sumbangan terhadap satu perubahan atas nama permainan politiknya?

Satu perkara yang menjadi ciri bersama kebanyakan peristiwa-peristiwa kebelakangan ini ialah sama ada itu merupakan cabaran kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad—sebagai pemimpin UMNO atau sebagai Perdana Menteri—atau sambutan-sambutan terhadap cabaran itu. Dalam tahun 1987 pegangan Dr. Mahathir terhadap kuasa hanya dengan hujung jarinya. Soalannya ketika itu ialah berapa lama lagi beliau boleh bertahan? Tetapi soalnya sekarang ialah siapa yang boleh menyekat beliau? Berapa lama lagi beliau ingin kekal berkuasa?

Beliau telah mengubah bencana menjadi sesuatu yang menguntungkan, menghadapi setiap cabaran dengan meningkatkan pertaruhan, menggunakan kuasa eksekutif sebagai seorang Perdana Menteri untuk mengubah peraturan bagi me-

rugikan lawannya. Hasil menyeluruh beberapa tahun yang lalu ialah Dr. Mahathir telah memperkuatkan penguasaannya terhadap parti. Parti itu pula telah memperkuatkan genggamannya ke atas Barisan Nasional yang memerintah serta ke atas jentera birokrasi. Kerajaan Pusat pula telah meningkatkan kuasanya berhubung dengan mahkamah, kerajaan-kerajaan negeri dan institusi-institusi tertentu termasuk media massa.

Dinilai secara berasingan, setiap langkah Dr. Mahathir mungkin dilihat sekadar sebagai ‘respon’ kepada sesuatu keadaan. Bagaimanapun pola tetap reaksi beliau terhadap cabaran-cabaran itu telah meyakinkan ramai pihak sama ada peminat atau pengkritiknya, bahawa beliau sebenarnya mahu mengubah masyarakat dan Malaysia lebih daripada yang dijangkakan oleh banyak pihak. Beliau bukanlah ahli politik bangsawan yang amatir mengikut stail pemimpin sebelumnya, Tun Hussein Onn, dan bukan juga penguasa politik feudalisme dan penaungan wang seperti lawan utamanya, Tengku Razaleigh Hamzah.

Sebaliknya politik Dr. Mahathir ialah politik pertengahan; politik parti, kuasa Persekutuan dan birokrasi. Matlamat segeranya ialah paduan dan kecekapan eksekutif menerusi kawalan dan keseimbangan, dan menghapuskan langkah-langkah pertengahan yang tidak perlu. Matlamat akhirnya pula ialah pengwujudan sebuah negara pusat dengan golongan *bourgeois* (Melayu) yang kuat mengikut landasan ketimuran.

Apakah telah berlaku perubahan dasar pokok di dalam pengendalian politik? Kalau ada apakah kemungkinan akibatnya bagi institusi-institusi Malaysia, bagi perhubungan antara kaum dan bagi negara seluruhnya? Apakah perubahan-perubahan itu pada dasarnya satu bayangan corak pemikiran dan peribadi Perdana Menteri? Atau perubahan-perubahan itu akibat daripada perubahan-perubahan yang lebih mendalam di dalam masyarakat? Walaupun Dr. Mahathir tidak menzahirkan ini menerusi kata-kata tetapi sikap sedemikian jelas tertera di dalam bukunya, *The Malay Dilemma*, Dasar Pandangan Ke Timurnya, Penswastaan Malaysia dan sebagainya. Lagipun kalau Perdana Menteri Lee Kuan Yew dan People's Action Party (PAP) dapat melaksanakannya di Singapura kenapa tidak Dr. Mahathir dan UMNO meniru sebahagian daripadanya?

Dr. Mahathir mempunyai satu visi kebangsaan, dan beliau tidak sabar untuk melaksanakan perubahan-perubahan itu, lebih-lebih lagi terhadap institusi-institusi yang diwarisi sejak daripada zaman penjajahan yang mungkin menghalang persepsiannya tentang matlamat Melayu dan Kebangsaan. Berkemungkinan besar beliau akan menghargai perbandingan dengan Lee tetapi mungkin tidak senang dengan perbandingan yang dibuat oleh beberapa pihak lain kadangkala di antara beliau dengan Ferdinand Marcos di Filipina dan Sukarno di Indonesia pada tahun-tahun pertengahan mereka—sebelum rasuah di satu pihak dan puja personaliti di pihak yang lain menghancurkan mereka.

Namun Malaysia bukan Indonesia atau Filipina. Apa lagi ia bukanlah Singapura atau Korea Selatan. Ia adalah sebuah masyarakat majmuk yang mewah sedikit, dengan golongan kelas pertengahan yang besar dan ekonomi yang khusus dan berpandangan keluar. Ramai yang berkata Dr. Mahathir bukanlah terlalu bersifat diktator seperti yang dituduh oleh para pengkritiknya. Mereka menghujahkan bahawa UMNO, kecuali pada zaman Hussein Onn, memang telah sering mempunyai para pemimpin ‘kuku besi’ yang memecat orang yang mencabar mereka—sebagaimana berlaku kepada Dr. Mahathir dan bekas timbalannya, Datuk Musa Hitam dalam tahun 1969 apabila mereka mengkritik keras Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman kerana mengabaikan kemajuan ekonomi orang Melayu. Kedua-dua mereka disingkirkan daripada UMNO. Mereka sendiri ditohmah dan dipulaukan.

Ada satu perbezaan yang jelas, walaupun mungkin amat kecil, di antara beliau dengan para pemimpin UMNO yang lalu, yang semuanya merupakan peguam dan dengan itu biasa dengan perbahasan dan kompromi. Dr. Mahathir adalah seorang doktor perubatan, mempercayai ketepatan saintifik dan tidak biasa menemui para pesakitnya menyanggah hasil pemeriksannya. Cantuman sains dan teori pelakuan sosial jelas tertonjol di dalam *The Malay Dilemma*, yang menyifatkan orang Melayu sebagai kurang berkeupayaan daripada orang Cina kerana mereka biasa dengan persekitaran yang mudah di mana yang lemah sekalipun boleh hidup. Beliau mewakili satu sudut daripada dilema Melayu, yang beliau sifatkan sebagai di antara ‘hasrat

Melayu mahu menegakkan hak dan menuntut apa yang dianggap milik mereka, dengan hasrat yang kuat untuk berbudi bahasa dan menghormati hak dan tuntutan orang lain.'

Siapa Dia Mahathir?

PADA dasarnya seorang individu yang penyendiri, hampir-hampir pemalu dan pendiam, tetapi orang ramai menganggap beliau seorang yang berterus terang, bertindak tegas dan berani lagi teliti. Inilah mungkin menjadi dilema peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Bukan sahaja insan ini dan imejnya jauh berbeza, malah rakan-rakan dan sahabat juga tidak sepakat tentang siapa dia Dr. Mahathir.

Seorang sahabat melihat beliau sebagai seorang yang pe-nuh dengan perubahan. Bagaimanapun, beliau kekal sebagai seorang yang kuat berpegang kepada tradisi. Beliau mempunyai pandangan dan persepsi yang mendalam yang seharusnya melayakkan dirinya mengendalikan kerumitan yang menjadi ciri khusus di Malaysia. Secara diam-diam dengan menggunakan kaedah beliau yang tersendiri, Dr. Mahathir meletakkan asas bagi Malaysia memperolehi kedudukan yang sewajarnya di kalangan negara-negara di dunia. Namun yang memerlukan tindakan utama ialah apabila beliau menghadapi tugas rumit memimpin rakyat ke arah yang betul, meyakinkan mereka tentang perlunya mengubah sikap untuk membantu negara menjadi lebih maju. Sekalipun tidak ada lagi keriuhan, Dasar Pandang Ke Timur yang seluruhnya berkenaan etika kerja dan kaedah pengurusan Jepun, Korea Selatan dan Taiwan—serta kempen *Bersih, Cekap dan Amanah* adalah petanda penting visi beliau.) Mahathir mengulas, "Kejayaan bukan mudah dicapai. Kepala perlu dihantukkan ke dinding sebelum dinding dapat dipecahkan... atau pun mungkin kepala itu yang pecah. Saya rasa kita harus bertindak demikian. Saya tidak percaya kita harus mengalah."

Pendapat mengenai Dr. Mahathir memang pelbagai dan berbeza benar. Sebilangan mereka yang telah ditemui percaya, bahawa Perdana Menteri tidak pandai bergurau senda, dan menurut sebilangan sahabat, beliau tidak gemar berlucu. Apabila ditanya pada satu ketika, apakah senaman yang beliau lakukan,

beliau menjawab secara ringkas, bernafas.

Kebanyakan penganalisa bagaimanapun bersetuju bahawa nasib berperanan besar mengenai pandangan orang terhadap seseorang Perdana Menteri, dan di dalam konteks ini, Dr. Mahathir mungkin tidak berasas baik. Beliau mengambil alih pentadbiran ketika negara sedang dilanda kemelesetan ekonomi yang paling buruk sejak 1932. "Kuncinya ialah ekonomi," kata seorang ahli akademik, "dan apabila kek semakin kecil, rakyat akan melepaskan kekecewaan ke tempat lain. Dan sasarannya pula ialah Dr. Mahathir."

Menurut sebilangan orang, Dr. Mahathir tidak sedar bahawa beliau sendirilah yang menanamkan benih perubahan di dalam UMNO. Kata seorang veteran UMNO, "*Politik kita sekian lama terselindung, amat sederhana, macam persempahan wayang kulit yang biasa kita tontoni. Mahathirlah yang memulakan pendekatan berterus terang dan terbuka ini. Dari satu sudut, beliau telah membantu mengubah budaya politik kita.*" Mereka yang lain pula tidak berapa pasti. "*Pertaruhan jauh lebih besar sekarang,*" kata seorang ahli sains politik. "*Sebilangan orang melihat politik sebagai cara yang pasti ke arah kekayaan dan kuasa.*"

Dari segala sudut, Dr. Mahathir Mohamad memang merupakan seorang yang sukar difahami. Beliau adalah seorang ahli politik cara yang berterus terang dan tegas. Sikap demikian bertentangan dengan budaya politik yang pada asasnya persepkatan. Lebih-lebih lagi, menurut rakan-rakan, beliau seorang pemalu, tidak banyak cakap. Namun imej umumnya sebagai pejuang gigih tidak sedikitpun membayangkan sifat demikian. Dan di dalam satu pekerjaan di mana perhubungan awam, yang dikatakan penting, pemimpin kita ini sering merunsingkan para pembantunya. "Saya fikir secara peribadi Dr. Mahathir merasakan yang kebanyakannya orang salah faham terhadap beliau," kata Timbalan Menteri pula. "Namun beliau tidak pun menghiraukan semua perkara remeh temeh itu."

Di dalam proses itu, beliau telah menyisihkan ramai orang, termasuk beberapa pihak di dalam perkhidmatan awam. Seorang pembantu menjelaskan, "Beliau tampil penuh dengan idea-idea untuk perubahan. Perdana Menteri-Perdana Menteri yang lain

biasanya membiarkan sahaja perkhidmatan awam memilih jalan sendiri. Ini lebih selamat, tidak mungkin timbul kontroversi. Tetapi Dr. Mahathir tidak demikian. Beliau gegarkan perkhidmatan awam. Apakah yang anda jangkakan?" Seorang sahabat mempunyai penjelasan yang lebih peribadi. Katanya, "Sulit untuk membaca fikiran Perdana Menteri. Beliau akan kelihatan dan kedengaran sama sahaja tidak kira ketika berasa bosan, gembira atau puas hati. Dan tidak pernah didengar yang beliau memuji sesiapa. Jadi amat menghampaskan kerana kita tidak tahu apakah beliau menggembari atau tidak idea kita. Bagaimanapun tidak pernah pula saya melihat beliau meradang, walaupun beliau boleh jadi menyindir dengan amat pedas. Itulah sebahagian daripada peribadi beliau. Jadi orang tidak tahu apa yang beliau kehendaki atau perasaannya, jadi saya berpendapat banyak kalangan merasa tidak selesa."

Seorang wartawan asing teringat suatu pagi dalam bulan Ogos 1986. Ketika itu kira-kira pukul 4.00 pagi di Pusat Dagangan Dunia Putra dan sudah jelas yang Barisan Nasional, khasnya UMNO mencapai kemenangan besar di dalam pilihanraya umum 1986 itu. Kata wartawan tersebut, "Di situ hadir seseorang yang seharusnya berasa terbukti kebenarannya, kerana ada jangkaan yang Barisan mungkin kalah. Maksud saya, sekurang-kurangnya beliau harus kelihatan gembira." Tetapi tidak demikian keadaannya. Menurut wartawan itu, Dr. Mahathir kelihatan tenang 'seperti airbatu'.

Pendekatan yang amali dan penuh disiplin terserlah di dalam segala tindakan beliau. Seorang Timbalan Menteri teringat peristiwa penangkapan di bawah ISA Oktober 1987. Hari itu hari Rabu dan Perdana Menteri baru lepas berucap di dalam Parlimen, ketika mana beliau menjelaskan secara terperinci alasan penangkapan itu dan penutupan tiga buah akhbar. Kata Timbalan Menteri tersebut, "Setelah ucapannya itu, beliau dijadual mempengaruhi satu mesyuarat selepas Sidang Kabinet dengan disertai oleh semua Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Setiap orang hadir kerana kami berharap akan mendapat lebih banyak maklumat mengenai penangkapan itu. Maksud saya, maklumlah peristiwa itu adalah perkara terbesar pernah berlaku untuk sekian lama. Tetapi beliau

tidak menyentuh perkara itu sama sekali. Sebaliknya, seluruh mesyuarat ditumpukan kepada usaha memperindahkan Kuala Lumpur." Segala ini menambah ketakjuban terhadap beliau yang semakin mendalam, tidak lagi seimbang dengan keperibadian orangnya sendiri. Bolehlah diujahkan bahawa Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri yang paling banyak dianalisa, tidak henti-henti dikaji, dan yang paling kontroversial.

Sama ada analisa terperinci yang tidak dipengaruhi perasaan akan membuktikan hakikat ini masih belum pasti, namun itulah pandangan hari ini. Dan sudah tentu persepsi itu berbeza.

Anehnya juga, Mahathir berpegang teguh pada tradisi. "Beliau amat kuat berpegang kepada tradisi agung UMNO," kata seorang sahabat. Dengan nada agak kesal Datuk Alex Lee bersetuju, "Apabila berhubung dengan peruntukan kerusi di antara MCA dan Gerakan, selalunya beliau lebih menyebelahi MCA, bukan kerana itu yang betul, tetapi lebih kerana itu menjadi tradisi. Anda tahu, demikianlah tradisi Perikatan dulu."

Apakah beliau telah berubah sejak tahun-tahun kebelakangan ini? Ramai berfikir beliau sudah berubah. Mereka membaca bukunya *The Malay Dilemma* yang pernah dianggap kontroversial dan merumuskan bahawa yang menjadi Perdana Menteri sekarang bukanlah orang yang sama. Bagaimanapun, Dr. Mahathir sendiri tidak berfikir demikian. "*Saya orang yang sama,*" katanya. Sahabat-sahabatnya juga bersetuju. Sebilangan mereka pula mengatakan yang beliau telah menjadi semakin bersendirian, lebih berahsia, namun menurut Datuk Alex Lee, "memang beliau seorang yang amat penyendiri." Setiausaha politiknya, Mohamad Nor Azam bersetuju. Katanya, "Pada suatu hari Sabtu, saya berjumpa beliau tentang beberapa orang tahanan ISA, iaitu bila mereka mungkin dibebaskan. Beliau tidak memberitahu apa-apa kepada saya. Tetapi sebelah petangnya, apabila saya sampai di rumah, di dalam berita TV dinyatakan kira-kira 16 orang tahanan telah dibebaskan. Maksud saya, Perdana Menteri sudah tentu mengetahui mengenai perkara itu ketika saya bertemu beliau hanya beberapa jam sebelum itu tetapi beliau tidak mengatakan apa-apa. Begitulah cara beliau."

Menteri Kewangan pertama negara ini, Tun H.S.Lee pernah menyifatkan Tunku sebagai satu kes klasik tangan besi ber-

salut sutera. Jelas sekali Dr. Mahathir pula adalah sebaliknya. "Beliau menunjukkan ketegasan," kata seorang kawan, "jadi orang ketakutan oleh sikap itu. Mereka mendapat sulit untuk mendekati beliau. *Mungkin beliau merasakan yang beliau perlu menyembunyikan tangan yang lembut itu.*" Seorang ahli sains politik membandingkan Datuk Seri Dr. Mahathir dengan Lee Kuan Yew dan Tunku lalu merumuskan dengan rasa kaget, "Sebenarnya saya mungkin berkata beliau seorang yang lemah. Dua orang yang lain itu akan menghancurkan sama sekali mereka. Tetapi Dr. Mahathir membiarkan sahaja mereka."

Ramai kawan-kawan beliau bersetuju. Salah seorangnya berkata, "Setelah Datuk Musa meletakkan jawatan, ramai di antara kami menasihatkan beliau (Mahathir) agar tidak meletakkan Datuk Musa sebagai calon di dalam pilihanraya tahun 1986 kerana kami meramalkan kesulitan akan timbul. Beliau enggan berbuat demikian. Kira-kira 99 peratus calon UMNO adalah di antara mereka yang dipilih oleh jawatankuasa-jawatankuasa perhubungan negeri. Perdana Menteri tidak masuk campur."

Sebagai Menteri Dalam Negeri, beliau mula bertugas dalam bulan Oktober 1986 untuk memulihkan jiwa sebuah negara yang dihantui oleh kebimbangan sendiri serta kerisauan mendalam beliau terhadap bencana dadah. Pendirian terhadap dadah inilah yang sudah pasti menjadi faktor menyebabkan beliau dilantik menjadi Pengurus Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Dadah di Vienna pada akhir Jun 1987.

Sebagai seorang doktor perubatan, Dr. Mahathir mengetahui benar akibat gejala penyalahgunaan dadah ke atas sebuah negara membangun; lebih-lebih lagi sebuah negara yang beliau harapkan akan menyertai barisan negara-negara perindustrian baru. Menyokong pandangan beliau ialah isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali, salah seorang wakil Malaysia di persidangan serupa bagi pertubuhan-pertubuhan kerajaan di Vienna. Di dalam satu sidang pleno Datin Seri Dr. Siti Hasmah memberitahu wanita dan para pemimpin masyarakat Austria tentang pendirian tegas Malaysia terhadap para pengedar dadah. Penglibatan beliau di dalam perjuangan menentang penyalahgunaan dadah diiktirafkan oleh Nancy Reagan yang mempelawakan Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan 16 orang lagi isteri-isteri

Perdana Menteri dan Presiden ke satu sidang Wanita-Wanita Pertama berkenaan penyalahguna dadah di Rumah Putih, Washington pada bulan April 1985.

Dr. Mahathir mungkin merupakan seorang pemimpin yang lebih cekap bertindak di bawah tekanan. Beliau keras hati dan berterus terang. Tiada siapa berani menyekat beliau apabila beliau melakukan ‘sesuatu yang betul’. Beliau akan ‘menghancurkan’ penentangnya tanpa mengira apakah orang itu pemimpin-pemimpin dunia atau hanya Menteri-Menteri kabinetnya sendiri. Kalau ada yang mahu menyekat beliau daripada memberi nilai-nilai yang murni kepada manusia sejagat, terutama rakyat Malaysia, sudah tentu Dr. Mahathir akan bertindak dengan berani.

Adakah Dr. Mahathir berasa terdedah dan kesunyian di kemuncak kuasa? “*Sekiranya kita mempunyai keputusan yang melibatkan kajian terperinci, kita terpaksa memilih salah satu daripadanya. Dengan itu kita akan merasa bertanggungjawab dan lebih terlibat. Tidak ada jalan keluar. Pada saat demikian pasti terasa sunyi. Saya merasa saya mempunyai ramai orang yang memberi sokongan. Saya dapat bekerja dengan kebanyakan orang ini. Saya mempunyai hubungan peribadi yang mudah dan saya bukanlah seorang yang susah untuk bergaul. Kalau perlu saya dapat melayan semua orang berjam-jam,*” jawab Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir jelas sekali merasakan yang beliau tidak mempunyai masa yang cukup. Beliau perlu bertindak secepat mungkin. Beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri ketika berusia 56 tahun. “Mungkin pada peringkat awal beliau berfikir yang beliau terpaksa melakukan kerja 20 tahun dalam tempoh sembilan tahun.” Nor Azam berkata “Ramai orang mendesak saya agar memujuk beliau supaya memperlahangkan geraknya, bahawa kadar beliau memperkenalkan dasar-dasar baru adalah terlalu cepat untuk diterima oleh rakyat, sehingga rakyat terangsang untuk menentangnya.”

Menurut Nor Azam, jawapan Datuk Seri Dr. Mahathir, “*Saya tidak tahu berapa lama saya berada di sini. Kalau kita terpaksa menunggu setiap orang bersetuju dengan kita sebelum memulakan sesuatu, tidak ada satu apa pun dapat dilaksana-*

kan. Kita boleh menunggu dan mengekalkan keadaan *status quo*, tapi itu bukan kepimpinan sebenar.” Menurut pemimpin ini, kritikan akan tetap wujud, walau apapun yang dilakukan oleh seseorang itu. Memang itu situasi biasa bagi para pemimpin yang menganjurkan perubahan. Robert Kennedy pernah dilaporkan berkata, “Pada satu-satu ketika sekurang-kurangnya sesuku rakyat akan menentang apa sahaja yang kita buat.” Itu satu ulasan yang berasas, lahir daripada kekecewaan Kennedy atas pelbagai tohmahan ke atas dirinya.

Bagaimanapun dalam kes Dr. Mahathir, rakyat mendakwa yang beliau telah berubah dan semakin tidak menyenangi kritik. Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad telah dipilih sendiri oleh Dr. Mahathir. Datuk Radzi masih ingat rasa gembiranya apabila mendapat panggilan dari pada Perdana Menteri “mempelawa saya untuk untuk menjadi seorang setiausaha parlimen.” Datuk Radzi tidak dapat melupai pertemuan pertama dengan Perdana Menteri. “Beliau memberitahu kami semua agar menjadi contoh yang baik. Misalnya, kami dinasihatkan supaya jangan menggunakan warna kelam pada jendela kereta kami. Juga kami tidak harus menunjuk-nunjukkan kekayaan kami sekalipun itu milik yang sah. Dinasihatkan juga supaya isteri-isteri kami jangan dibaluti dengan berlian. Beliau memberitahu kami sekali dua bolehlah kami menerima ‘hamper’ (buah tangan) tapi bukan tiga atau lima peratus. Beliau memberitahu kami bahawa beliau akan mengetahui. Saya telah mencuba untuk hidup mengikut nasihat beliau. Itulah penyataan yang amat memberansangkan yang pernah saya dengar.”

Itu dulu. Kini Datuk Radzi berada di luar kerajaan dan pada fikirannya Perdana Menteri telah berubah. “Beliau tidak mahu bertolak ansur dengan pandangan,” kata Datuk Radzi. “Sekali beliau sudah menilai kita, dan menetapkan fikirannya tentang kita, habislah kita. Beliau tidak mahu melihat sudut lain sesuatu hal.” Mereka yang lain tidak mahu menerima penilaian Datuk Radzi ini. “Saya berpendapat beliau mahu mendengar. Dan Dr. Mahathir menerima kritikan paling banyak yang pernah dilemparkan ke atas mana-mana Perdana Menteri,” kata seorang pemerhati politik. “Setelah demikian rupa, sudah tentu kita terpaksa mengajar semula setiap orang peraturan demokrasi. Sama

seperti permainan hoki. Sekiranya ada pemain terlalu kasar, tulang keringnya kena ketuk, mereka mesti dibuang daripada permainan untuk seketika. Dan inilah yang dilakukan oleh Dr. Mahathir."

Di dalam kompleksiti peribadi insan bernama Dr. Mahathir—sifat pendiamnya tetapi berterus terang, berpegang kepada tradisi tetapi berani menyarankan perubahan—satu nilai yang menonjol ialah kecekapan beliau berpolitik. Menjelang tengah malam, 26 April 1987, satu suasana lengang tetapi penuh ketegangan menyelinap di kalangan orang ramai yang berkumpul dengan resah gelisah di perkaraangan Seri Perdana. Akhirnya Kamaruzaman ‘Kip’ Bahadun, bekas Setiausaha Kerja UMNO mendekati Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan keputusan rasmi. Kip mengenang kembali, “Saya beritahu beliau yang beliau menang dan menerangkan kadar kemenangannya mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau kelihatan tenang dan tidak menunjukkan sebarang emosi. Beliau bertanya tentang Ghafar dan saya memberitahu yang Ghafar juga telah menang. Kemudiannya saya mengucapkan tahniah. Beliau tersenyum sedikit.”

Kalau diambil kira pertaruhan bagi kejayaan itu (jawatan Presiden UMNO, serta Perdana Menteri negara), dan kehebatan cabaran daripada puak Razaleigh-Datuk Musa Hitam, mungkin tidak keterlaluan kalau dikatakan Dr. Mahathir adalah seorang individu yang bijak mengawal diri. Kata seorang ahli akademik yang pernah beberapa kali bekerja dengan Perdana Menteri, “Beliau macam ikan beku.”

Dr. Mahathir naik secara melonjak. Beliau menjadi ahli UMNO dalam tahun 1946, tetapi hanya menyertai kerajaan dalam tahun 1970-an. Kenapa? “Beliau dipandang sebagai golongan pertengahan kiri,” kata Datuk Abdullah Ahmad, bekas Setiausaha Politik Tun Razak. “Ketika itu UMNO amat konserватif,” katanya. Mungkin beliau menerima halangan yang lebih daripada yang sepatutnya. Beliau memasuki Parlimen dalam tahun 1964, sebagai seorang penyokong kerajaan. Dalam pilihanraya tahun 1969 beliau kalah dan kemudiannya dipecat daripada UMNO kerana menimbulkan kemarahan Tunku. Bagaimanapun Dr. Mahathir terus dekat dengan Tun Razak, dan ini meng-

untungkan beliau. Setelah Tun Razak mengambil alih kepimpinan, beliau dilantik sebagai Pengurus FIMA dan kemudian dilantik sebagai senator. Datuk Abdullah masih ingat, "Malah perlantikan beliau sebagai senator ditentang oleh Pemuda UMNO Kedah. Tun Razak terpaksa masuk campur secara peribadi."

Setelah itu Dr. Mahathir melonjak naik: Menteri Pelajaran, dan setelah Tun Razak meninggal dunia, dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Apabila Tun Hussein meletakkan jawatan atas sebab-sebab kesihatan, Dr. Mahathir mula memegang jawatan tertinggi di negara ini. Sejak itu banyak telah berlaku. Beberapa krisis baik kecil maupun besar telah berlaku. Antaranya ialah krisis perlembagaan, skandal BMF, perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan cabaran yang belum pernah ada sebelumnya daripada Tengku Razaleigh. Namun semuanya tidak menjelaskan beliau. Dalam satu temuramah dengan *Asiaweek*, Dr. Mahathir menyifatkan dirinya sebagai seorang 'pintar berpolitik'. Tidak ramai yang mahu menafikan hujah itu. Beliau memasuki pilihanraya umum pada tahun 1986, dengan tidak mempedulikan nasihat sebilangan penasihat dan memperolehi kejayaan terbesar bagi UMNO sejak 1959. Sekalipun menghadapi pembangkang yang kuat, beliau berjaya memimpin UMNO. Bagaimana beliau berbuat demikian? "Dr. Mahathir sendiri menjadi penasihat dan sahabat akrab dirinya," jawab Datuk Abdullah. "*Semua cerita konon ada orang tertentu yang mempunyai pengaruh kuat terhadap beliau adalah dongeng semata-mata.*"

Hari ini Perdana Menteri masih mahu mengejar masa seperti dahulu. Beliau masuk ke tempat kerja sebelum pukul lapan pagi dan jarang keluar sebelum pukul enam petang. Sekurang-kurangnya dua malam dalam seminggu beliau terpaksa menumpukan perhatian terhadap tugas yang memerlukan ucapan beliau. Beliau banyak sekali membaca—kebanyakannya buku-buku cerita, ekonomi dan buku-buku berkaitan pengurusan—and beliau menggemari teater. Siapakah yang mempunyai pengaruh terkuat terhadap dirinya? "Di kalangan para pemimpin dunia sekarang?" tanya Perdana Menteri, lalu menjawab sendiri soalan itu, "Tidak ada. Bagaimanapun saya amat kagum

dengan (Winston) Churchill dalam cara dia mengendalikan perangan. Di kalangan ahli-ahli politik Malaysia pula, mungkin boleh saya katakan Tun Razak."

Beliau tidak juga memikirkan tugas sekarang penuh tekanan. "Apabila menjadi doktor persendirian, saya bekerja lebih lama dan menghadapi tekanan yang lebih berat. Ketika itu nyawa orang mungkin terletak di tangan saya. Sekarang ini, mungkin juga nyawa mereka di tangan saya, tetapi secara tidak langsung. Bagaimanapun, kini saya tidak bertindak berasorangan. Ada tanggungjawab bersama." Dan, apakah rancangan beliau apabila bersara? Apakah beliau akan menceburji bidang lain? Ada spekulasi, misalnya, yang beliau mungkin menerima jawatan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. "Tidak", kata beliau, "apabila saya bersara, saya tidak terlibat di dalam apa-apa yang lain.

Apakah Pesanan Doktor

PERDANA MENTERI, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad gemar makan *nasi kandar*, makanan yang berkhasiat disediakan dengan nasi dan kari. Makanan lain kegemaran beliau ialah sotong dan telur. Kini, beliau tidak lagi memakan kedua-dua makanan tersebut. Setelah terkena sakit jantung dalam bulan Januari 1989, Perdana Menteri yang berusia 65 tahun itu mengawasi makanan, dan sekiranya beliau lupa, isteri beliau, Siti Hasmah Ali, seorang doktor, 65 tahun, sentiasa mengingatkan beliau. Dalam satu perhimpunan di Pulau Pinang baru-baru ini, Dr. Mahathir berseloroh dengan berkata, "Dr. Siti Hasmah sentiasa memerhati dari belakang saya apabila saya makan. Dia memberitahu saya tidak boleh makan itu, saya tidak boleh makan ini."

Hakikat Dr. Mahathir bergerak ke segenap ceruk rantau negara memperkemaskan partinya untuk satu pilihanraya umum yang penuh cabaran daripada memilih persaraan, menjadi bukti kecekapan dan pulih sepenuhnya beliau—and mungkin juga kerana jagaan pasangan hidupnya selama 34 tahun. Malah dalam biografi rasminya dinyatakan bahawa untuk Dr. Mahathir "hadirnya isteri di samping adalah satu bentuk kerehatan." Kata

seorang diplomat veteran: "Wujud saling hormat menghormati dan sokong menyokong yang begitu rapat di antara mereka."

Mereka bertemu semasa mengikuti pengajian perubatan di Universiti Malaya pada akhir tahun 1940-an. Sekalipun Dr. Mahathir kemudiannya meninggalkan bidang perubatan kerana mencebur politik, isterinya menempa nama untuk dirinya di dalam bidang pentadbiran perubatan dan perancangan keluarga. Beliau terus bergerak cergas di dalam berbagai-bagai kegiatan kebajikan dan menemani suaminya ke seberang laut. Beberapa tahun yang lalu, di kemuncak krisis kepimpinan parti yang se-ngit, pembangkang menyebarkan berita angin yang mereka telah berpisah. Beberapa hari kemudian pihak berkenaan tertempelak apabila sebuah akhbar menyiaran gambar Perdana Menteri berbual menerusi telefon dengan isterinya di Jepun, di mana anak perempuan mereka, Marina baru sahaja melahirkan seorang cucu untuk mereka. Kata seorang pemimpin UMNO Baru, "Dr. Mahathir menikmati kehidupan keluarga (rumahtangga) yang tenang serta bahagia, dan ini satu bukti kepimpinan yang stabil."

Perpaduan Tanpa Fikiran

"SEORANG tokoh agung di dalam sejarah Islam, Khalifah Keempat Ali Abu Talib, pernah bercakap dengan sebuah telaga. Ini adalah kerana beliau menghadapi masalah penerimaan. Apabila beliau memberi arahan, pegawai-pegawaiannya bertindak sebaliknya. Apabila beliau hampir memenangi suatu peperangan musuh menggunakan satu tipu helah yang mudah menyebabkan perajurit-perajurit beliau berhenti berperang. Beliau juga menghadapi ramai pengkritik dan terpaksa menerima tekanan, ketidakadilan dan pertikaian semasa berkuasa. Dalam keadaan demikian ada kecenderungan seseorang merasa perlu bercakap, sekalipun sekadar kepada sebuah perigi.

Setakat ini di Malaysia, kita belum sampai ke tahap itu. Tapi masih ada orang bercakap sendirian, sama ada kepada dirinya, binatang peliharaannya ataupun kepada pokok-pokok tanaman. Dalam bidang-bidang tertentu, kita menghadapi masalah komunikasi. Misalnya, di Malaysia amatlah sulit bercakap tentang politik. Itu bukan disebabkan ia diharamkan tetapi kerana

masih ada kurang kematangan dalam bidang politik. Malah penyuaran dan penilaian-penilaian terhadap peristiwa politik semasa boleh dikatakan amat kebudak-budakan.

Cuba perhatikan bagaimana orang ramai diputarbelitkan oleh pelakon-pelakon politik. Sekali sekala mereka bercakap tentang perpaduan. Setiap orang mahu menyatupadukan setiap yang lain. Mainan apakah itu? Perpaduan bukanlah dianggap sebagai nilai tersendiri. Apabila diperlukan kita tidak bersatu, maka kita tidak kita bersatu. Kalau di tempat-tempat memerlukan kita bersatu, maka bersatu. Itulah peraturan hidup. Kadangkala kita bersatu dengan insan lain, dan berkahwin dengannya. Tapi apabila wujud perbezaan yang tidak dapat diatasi lagi, maka bercerai. Kita tidak dapat menggaskan perpaduan sebagai nilai asas. Perpaduan harus ada tujuannya, matlamat yang lebih luas, dan harus wujud secara semula jadi. Tidak ada faedahnya kalau ia meruntuhkan kita, menghalang perancangan atau menimbulkan ketegangan.

Kita banyak bercakap tentang perpaduan ini seperti dalam hubungan dengan masalah UMNO. Ia bermula begini. Mula-mula sekumpulan orang bercakap mahu mengambil alih pucuk pimpinan UMNO. Mereka memulakan gerakan itu dengan menghasut dan mengeluarkan ulasan di sana sini. Dan kemudiannya, menerusi beberapa peristiwa, yang sebilangannya diwujudkan sendiri, dan ada juga ditimbulkan oleh pihak lain, kumpulan berkenaan meninggalkan badan utama.

Kini mereka sudah keluar, mereka bercakap pasal perpaduan. Tapi orang ramai tidak bertanya, "Kalau mereka berminat terhadap perpaduan, kenapa mereka tidak menjaga pekerti ketika berada di dalam parti? Kenapa mereka tidak bersatu semasa di dalam parti, sebaliknya membangkang dan cuba menggulingkan segolongan lagi?"

Perkara sama berlaku apabila UMNO menentang Malayan Union. Ada sebilangan puak di dalam UMNO yang tidak menyokong kepimpinan. Kumpulan-kumpulan itu, sekurang-kurangnya ada tiga—akhirnya meninggalkan parti itu. Apabila mereka keluar timbulah kelegaan. Presiden pengasas UMNO, Datuk Onn bin Jaafar kemudiannya dapat menumpukan perhatian terhadap masalah Malayan Union dan kemerdekaan.

Perpaduan harus dipupukkan di kalangan orang-orang yang berpandangan serupa. Misalnya, perpaduan di antara polis dan Mafia adalah perpaduan berbahaya. Polis harus bersatu padu dengan polis, dan kita berharap tidak wujud perpaduan di dalam pergerakan Mafia. Kerana misalnya perpaduan satu pihak menjasaskan masyarakat, dan perpaduan kumpulan lain menguntungkan masyarakat. Setiap manusia yang waras dan bermoral akan menyokong perpaduan. Namun begitu, biarlah ia perpaduan sejati, bukan topeng menyelindungi tujuan-tujuan lain yang tidak diterima dengan hormat kalau didedahkan. Perubahan di dalam susunan atau urutan perpaduan juga ada pelbagai. Di dalam setiap masyarakat boleh lahir beberapa kumpulan yang berpadu. Misalnya, mengapa harus sesebuah masyarakat berpadu di bawah para pemimpin tertentu yang berusaha mencabar kepimpinan? Kenapa mereka tidak bersatu di bawah kepimpinan yang sedang berkuasa? Pemilihan di bawah kumpulan mana seseorang itu harus bersatu adalah satu soalan moral. Perpaduan terbaik ialah perpaduan hasil daripada pertimbangan yang rasional dan bermoral.

Orang ramai tidak harus bingung oleh slogan-slogan. Kalau kita perhatikan parti-parti politik di negara-negara lain, kalau kita membaca akhbar India, Pakistan atau Filipina, mereka tidak bercakap tentang perpaduan. Tidak akan ada orang yang meyakini seseorang yang bercakap tentang perpaduan. Ahli-ahli politik di negara-negara lain berhujah tentang dasar-dasar mereka. Mereka mengkritik dasar-dasar kerajaan dan mengemukakan gantian-gantian dan pilihan yang lainnya. Itulah asas berpolitik—bukan perang slogan atau menyanyikan lagu perpaduan.

Sepanjang 33 tahun yang lalu, banyak sekali dodoi nyanyian di Malaysia. Setelah tahun 1957, dodoian adalah berkenaan negara Malaysia yang riang, makmur, menyintai keamanan dan gemar berkelah. Kemudian dilauangkan nyanyian pembangunan. Kini kedengaran nyanyian untuk perpaduan. Kenapa harus wujud dodoian dan nyanyian ini? Kerana tidak wujud pemikiran. Para petindak balas tidak gemar berfikir. Mereka tidak memikirkan tentang masalah dan menyarankan rancangan dan dasar gantian. Orang ramai kurang kritikal dan tidak mengemukakan tuntutan demikian.

Di dalam keadaan demikian, paras pemikiran politik di negara ini kekal kebudak-budakan. Sebenarnya di negara ini tidak ada falsafah politiknya. Penzahiran dan penyataan politik memang ada, tetapi tidak ada falsafah politik. Apabila kita bercakap tentang politik tidak bererti kita memahaminya dengan mendalam. Ramai lelaki bercakap tentang wanita, tetapi mereka belum pernah menjadi pakar psikologi wanita. Bolehkah kita menjadi pakar kajiciuaca semata-mata kerana bercakap tentang awan gemawan?

Seseorang boleh menghabiskan hayatnya bercakap tentang politik, tetapi ini bukan melayakkan mereka untuk membimbing yang lain. Masalah terbesar kita di negara ini ialah terlalu banyaknya bimbingan politik yang tidak berkelayakan. Saya merujuk kepada bimbingan politik secara meluas. Misalnya ada wartawan-wartawan yang tidak memahami sepenuhnya isu-isu politik. Banyak isu penting telah tidak ditimbulkan."

— *Tulisan oleh Profesor Dr. Syed Hussein Alatas di dalam Malaysian Business, 16 November 1988.*

Pengkritik Dikritik

NAMPAKNYA usaha Dr. Mahathir banyak menimbulkan kritikan, tetapi beliau tidak mengendahkannya. Beliau tidak membiarkan kritikan menyekat tindakannya. Sebaliknya beliau memperolehi kepuasan kerana mencapai sesuatu walaupun dikritik. Dari satu sudut lain Dr. Mahathir sama seperti pengalir kilat, dengan kuasa magnet menarik kritikan. Beliau telah berada di pusaran penyebaran berita angin. Dr. Mahathir secara sinis mengandaikan kritik-kritik sedemikian, dengan satu ciri asas di dalam masyarakat kita khususnya orang-orang Melayu yang menyanjung golongan *tertindas* tetapi tidak menerima sesiapa di kedudukan tinggi, terutama yang di puncak. Orang-orang kita menggunakan lebih banyak masa untuk bercakap dan membahaskan daripada melakukannya. Gambaran digunakan oleh beliau ialah tentang ketam-ketam yang leka berusaha menentukan tidak ada ketam yang sampai ke atas. Katanya, "Apabila saya menjadi pihak tertindas, demi Allah, saya merupakan orang yang

paling popular. Tidak ada yang saya lakukan dikatakan salah. Orang suka melihatkan kita menjadi wira (hero) tetapi wira yang kalah dan terbuang. Mereka tidak suka melihat hero yang naik. Apabila sahaja kita naik, proses menarik kita ke bawah bermula. Itulah yang saya sedari.”

Maka akan lahirlah penyiasatan untuk mengesan rasuah di dalam setiap yang dilakukannya. “Sesiapa sahaja yang berjaya kini menjadi kawan kita. Mereka berjaya kerana kita. Hakikat mereka ini sudah berjaya malah sebelum mengenali kita sama sekali dilupai,” rumus Dr. Mahathir.

Ada lagi satu tafsiran bagi semua kritikan dilemparkan ke atas beliau iaitu beliau melahirkan terlalu banyak musuh kerana bergerak terlalu pantas, memperkenalkan dasar-dasar baru yang tidak dipersetujui oleh yang lain, dan dengan tegas menggegar kan pegawai-pegawai atasan perkhidmatan awam yang berselindung di sebalik kelesuan birokrasi. Beliau menyedari isyarat bahaya. “Saya sedar saya melahirkan musuh-musuh. Saya tidak ada pilihan. Sama ada saya datang ke sini dan duduk senang lenang serta baik kepada semua orang dan tidak berbuat apa-apa, atau berusaha melakukan sesuatu sekalipun dengan berbuat demikian menjadi tidak popular. Saya tidak fikir yang saya akan kekal di sini. Saya fikir tidaklah selamanya saya tidak popular, jadi tidak menjadi hal selagi saya mencapai sesuatu, tidak mengapa kalau saya tidak popular. Malah kalau dipecat sekalipun tidak menjadi soal kepada saya.”

Sebenarnya ada dua sudut untuk melihat kritikan. Para pengkritik itu, kerana mereka banyak berbahas dan berbincang, telah timbul satu benteng *condon sanitare* (yang beliau sebutkan sebagai *condon insanitare*) yang harus dilalui oleh konsep, dasar dan idea Dr. Mahathir sebelum sampai kepada majoriti rakyat. Tetapi oleh kerana Dr. Mahathir sering tertembung pendapat dengan para pengkritik itu, akibatnya beliau menimbulkan tantangan rakyat. Lebih mengecewakan lagi ialah perutusan sebenarnya tidak sampai kepada rakyat. Dr. Mahathir menyedari benteng itu. Namun beliau tidak mahu berhenti. Sekali lagi beliau mempertalikan masalah ini dengan satu kelemahan di dalam masyarakat. Dr. Mahathir merumuskan, “Saya sedar di Malaysia lebih banyak masa digunakan untuk membahaskan baik buruk

sesebuah rancangan, bukan pelaksanaan rancangan itu. Apabila kita mahu melakukan sesuatu, kita dapati ada beberapa orang tiba-tiba amat mengetahui tentang apa yang kita hendak lakukan, malah cuba mentafsirkan kita sebelum kita dapat mentafsirkan diri sendiri. Mereka mempunyai banyak alasan kenapa itu tidak harus dilakukan. Itu tidak penting."

Dr. Mahathir kemudiannya menempelak para pengkritik, "Katakanlah kalau hari ini saya telah memutuskan kita tidak harus mengeluarkan kereta di negara ini kerana tidak menjimatkan, saya yakin ramai ahli akademik akan menulis rencana berjela-jela panjangnya memberi alasan kenapa kita harus mengeluarkan kereta. Ini sudah kebiasaan di Malaysia. Ini bukan perkara peribadi. Ini sekadar cara menunjukkan yang diri seseorang itu lebih bijak daripada orang lain." Kalau dinilai dari sudut ini, apa sahaja yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh Dr. Mahathir pasti menjadi isu yang dikritik.

Bagaimanapun Dr. Mahathir telah mengisyiharkan yang kritik tidak akan melemaskan beliau. "*Saya telah sentiasa bersedia untuk mengharungi semua ini. Jadi biarlah saya mencuba untuk mengatasinya dengan apa cara yang terdaya bagi saya. Kalau saya berjaya melaksanakan walau sebahagian daripada apa yang saya mahu laksanakan, maka itu sudah cukup memuaskan. Kalau saya gagal, saya berpuas hati kerana telah mencuba. Jadi kalau kita berjaya, itulah dia.*"

Liberal Atau Tidak Bertolak Ansur?

KERAJAAN, kata Dr. Mahathir bersedia menerima kritikan membina yang boleh memberi sumbangan terhadap usaha memajukan negara. Malangnya tuduhan yang sering dilemparkan ke atas Dr. Mahathir ialah konon beliau semakin tidak mempedulikan kritikan dan menjadi semakin tidak mahu bertolak ansur. Ramai yang mendapati sungguh berbeza sekali kerana suatu ketika dulu beliau menjadi lambang kritik membina, khasnya dalam tahun 60-an. Kata orang kini setelah berada di puncak kepimpinan, beliau enggan menerima kritikan.

Terhadap tuduhan itu, Dr. Mahathir menjawab bahawa beliau tidak berubah. "Apabila saya berada di luar, saya mengkri-

tik dan saya menjangka kerajaan membidas dan menunjukkan di mana saya tersalah—tetapi kritikan saya membina. Yang disebarluaskan sekarang ialah sejenis manipulasi dan separuh benar. Ia tidak menjelaskan saya tetapi menjelaskan keupayaan untuk pelaksanaan perkara-perkara baru yang dirancang. Ini yang menyakitkan. Saya boleh menerima sehingga ke suatu tahap, tapi saya tidak akan membiarkan gejala demikian menghalang pembangunan negara ini. Anda harus mengakui bahawa saya lebih liberal daripada kebanyakan Perdana Menteri yang lalu berhubung dengan kritikan. Misalnya, apabila saya mengambil alih tugas saya memberitahu pihak wartawan, "Kritiklah kami. Saya menganggap itu sebagai satu sistem maklumbalas. Kita telah mengeluarkan KDN secara liberal sehingga ada orang mempergunakannya bertentangan dengan yang sepatutnya. Sebilangananya bergantung kepada berita angin, yang kesemuanya tidak sihat untuk negara ini," hujah Dr. Mahthir.

"Oleh kerana saya mahu bersikap liberal, saya benarkan itu semua. Kalau anda memerhati sekeliling terdapat lebih banyak akhbar dan majalah sejak saya menjadi Perdana Menteri. Kalau ini bukan satu tanda yang saya bersedia menerima kritikan, saya tidak tahu lagi apakah itu. Kini kita dedahkan diri kepada soalan-soalan dan sekiranya kita tidak dapat menjawab, rakyat tidak percayakan kita. Saya memberitahu menteri-menteri agar berhadapan dengan orang ramai—naik ke pentas dan jawab soalan-soalan. Ini tidak pernah dilakukan dahulu. Saya telah mendedahkan diri saya apabila datang ke sini—tetapi kritikan haruslah membina. Anda melihat aneka macam lembaga khayalan di sebalik perkara-perkara biasa dan ini menjelaskan usaha-usaha untuk membina negara. Ini yang saya tidak dapat biarkan," jelas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menoleh kebelakang, "Pada zaman Tun Razak mereka menerima kritikan saya dan melaksanakannya kerana saya mengemukakan idea-idea tentang apa yang harus dilakukan. Saya tidak terus mengatakan, "Anda salah," dan apabila diminta menyarankan rumusan yang mungkin sesuai, saya tidak menjawab, "Itu urusan anda. Saya sekadar boleh berkata anda silap". Tetapi mereka sekarang ini mengkritik tanpa alasan. Ini dapat saya terima, tetapi saya berhak pula menjawab. Kenapa

saya tidak harus menjawab? Ada orang berkata saya tidak wajar berbuat demikian. Tetapi kalau saya tidak bertindak demikian, perkara ini akan berterusan.”



Siapa kata Dr. Mahathir tidak pandai berjenaka.

PERDANA MENTERI KEEMPAT

"Saya sedar di Malaysia lebih banyak masa digunakan untuk membahaskan baik buruk sesbuah rancangan, tetapi bukan pelaksanaan rancangan itu. Apabila kita mahu melakukan sesuatu, kita dapat ada beberapa orang tiba-tiba amat mengetahui tentang apa yang hendak kita lakukan, malah cuba mentafsirkan kita sebelum kita dapat mentafsirkan diri sendiri. Mereka mempunyai banyak alasan kenapa perkara itu tidak harus dilakukan."

— Dr. Mahathir

DALAM Perhimpunan Agung UMNO dalam tahun 1981, mereka datang daripada kubu kuat budaya kampung dan dari pusat-pusat bandar di mana ramai daripada mereka sebenarnya berasal dari desa, tapi baru berhijrah ke bandar beberapa dekad yang lalu. Di antara mereka ialah guru-guru, orang-orang tua di kampung, para peniaga kecil, dan juga peniaga mewah. Secara kumpulan mereka membentuk satu kuasa politik yang terpenting di Malaysia: 1,245 undi mereka menentukan kepimpinan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), yang menjadi tulang belakang Kerajaan campuran pelbagai kaum yang memerintah negara, Barisan Nasional. Mereka datang ke Kuala Lumpur untuk mengucapkan selamat berpisah kepada pemimpin mereka yang memegang tampuk sejak lima tahun sebelumnya, Datuk Hussein Onn, yang berusia 59 tahun dan telah dilantik ke jawatan tertinggi negara itu setelah kembalinya Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ke rahmatullah. Kini beliau sendiri meletakkan jawatan kerana

sering diserang sakit jantung. Mereka juga berhimpun untuk mengalu-alukan seorang pemimpin utama yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, 55 tahun, seorang doktor dari Kedah yang nampaknya akan memberikan kepada Malaysia bentuk kepimpinan kebangsaan yang paling bersemangat.

Setiap perhimpunan agung UMNO mempunyai kontroversi sendiri, perebutan untuk berkuasa dan yang kali ini juga tidak mengecewakan. Terasing daripada perjuangan itu ialah Dr. Mahathir. Perlantikannya ke kerusi presiden parti di perhimpunan tiga tahun sekali tanpa ditandingi itu menjaminkan yang beliau akan dilantik sebagai Perdana Menteri baru. Malaysia pada pertengahan bulan. Yang terserah kepada para perwakilan UMNO dari 114 bahagian di seluruh negara itu ialah kewajipan memilih 20 orang ahli dipilih ke Majlis Tertinggi, tiga naib presiden—and di dalam satu pertandingan yang menarik perhatian semua—seorang timbalan presiden. Sesungguhnya, di dalam keghairahan pertandingan memilih pemimpin nombor dua UMNO, yang dari segi tradisinya membawa jawatan Timbalan Perdana Menteri, ucapan selamat berpisah dengan presiden lama dan alu-aluan untuk presiden baru hampir dilupakan. Datuk Musa Hitam yang berjaya di dalam pertandingan itu telah membantah apabila para wartawan mengerumuni beliau dengan berkata: "Sebenarnya ini hari Dr. Mahathir."

Berminggu-minggu, Menteri Pendidikan, Datuk Musa yang berusia 47 tahun, dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, 44 tahun telah bergelumang dengan perjuangan sengit untuk memenangi undi parti bagi jawatan timbalan presiden, tapi itu bukanlah alasan tunggal menimbulkan ketegangan di sekitar pemilihan itu. Ahli-ahli parti yang setia mengetahui bahawa sesiapa sahaja yang menang akan berada dekat dengan puncak kuasa untuk jangka masa yang lama, dan di dalam tradisi UMNO pemegang jawatan itu tidak dicabar. Bagaimanapun itu bukanlah kerana tradisi dianggap suci. Dalam tahun 1977, penyokong kuat parti, Sulaiman Palestine telah mencabar Datuk Hussein Onn untuk jawatan presiden dan memperolehi 250 undi berbanding dengan 898 undi diperolehi oleh Perdana Menteri. Sulaiman Palestine telah bertekad mengubah sistem itu, dan sekalipun beliau kurang berjaya beliau menimbulkan kesedaran bahawa yang lama harus membuka ruang kepada yang baru. Sejak dari peristiwa itu,

satu generasi muda pemimpin UMNO muncul dengan begitu ghairah untuk melonjak ke mercu kuasa.

Yang menariknya, pasukan baru Dr. Mahathir dan Musa melambangkan generasi pemimpin baru sedemikian. Kedua-duanya "Angkatan Muda" parti itu yang mencabar pemimpin pergerakan kemerdekaan Malaysia, Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman, sejurus setelah rusuhan kaum 13 Mei 1969 yang memedihkan. Oleh kerana tidak sabar untuk memperbetulkan ekonomi negara yang tidak seimbang dan perlu diutamakan orang Melayu, mereka telah mendesak kepimpinan 'golongan lama' agar mengambil tindakan lebih cepat. Kedua-duanya telah dipecat kerana menimbulkan masalah dalam kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Kini, dua belas tahun kemudian, Dr. Mahathir dan Musa berada di tampuk kepimpinan parti, melengkapkan pusingan giliran yang bermula dengan Tun Razak memegang jawatan Perdana Menteri apabila Tunku meletakkan jawatan dalam tahun 1970. Setelah timbalannya, Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman meninggal dunia, Tun Razak meminta abang iparnya Hussein Onn untuk mengisi kekosongan.

Diangkat daripada seorang yang kurang terkenal menjadi Timbalan Perdana Menteri, bekas kapten tentera darat yang bersifat lembut memegang jawatan Perdana Menteri apabila Tun Razak meninggal dunia di London dalam tahun 1976. Beliau memilih Dr. Mahathir sebagai timbalannya. Dr. Mahathir ketika itu baru saja dipilih sebagai salah seorang naib presiden UMNO.

Spekulasi tentang calon-calon dan kombinasi yang mungkin bertanding merebut jawatankuasa tertinggi UMNO bermula dalam tahun 1980 lagi apabila diketahui yang Hussein Onn akan menjalani pembedahan jantung di London dalam bulan Januari. Sekalipun perlatakan jawatan Perdana Menteri yang dikatakan akan berlaku dengan cepat menjadi tajuk bualan dan berita angin kedai kopi, hanya sehingga 15 Mei 1981 barulah Hussein Onn mengumumkan yang beliau akan meletakkan jawatan. Kemudiannya, sedang kem-kem di dalam UMNO bergolak, demam politik merbak ke seluruh negara. Menjelang dirasmikan perhimpunan, para pengendali perjudian haram sama-sama berdebar seperti para perwakilan yang akan mengundi dalam persaingan Razaleigh-Musa.

Sejak awal lagi pertaruhan memihak kepada Razaleigh. Pada usia 44 tahun, beliau merupakan salah seorang Menteri Kewangan termuda di dunia dan telah sekian lama dibayangkan akan menjadi seorang pemimpin Malaysia masa depan. Dalam tahun 1965, ketika baru berusia 28 tahun, beliau dilantik ke dalam Majlis Tinggi UMNO. (Presiden boleh melantik tujuh orang ahli majlis itu di samping 20 orang yang dipilih.) Dari situ kenaikannya melonjak. Sebagai arkitek dasar-dasar ekonomi bumiputera negara, putera raja dari Kelantan itu juga mendapat sanjungan kerana berjaya memimpin UMNO menumbangkan PAS di Kelantan. Beliau menerajui pemuliharan UMNO untuk berkuasa semula dalam tahun 1977 di dalam pilihanraya di negeri asalnya, menamatkan pemerintahan Parti Islam (PAS) selama 20 tahun. Lewat tahun itu juga beliau memperolehi undi terbanyak (763) di dalam pemilihan tiga orang Naib Presiden UMNO, mengalahkan jutawan veteran UMNO Ghafar Baba (705) dan Musa (699). Keadaan menjadi terbalik dengan penuh dramatik di dalam pemilihan timbalan presiden di mana hanya ada seorang pemenang; Musa memperolehi 722 undi dan Razaleigh 522 undi.

Di mana silapnya di dalam perancangan Tengku Razaleigh yang disusun rapi untuk meningkat satu langkah di dalam hirai UMNO? "Mungkin", kata seorang orang dalam parti, "perancangan terlalu terperinci." Percubaan pertamanya di dalam kempen adalah satu langkah berani. "Sudah tiba waktunya saya dinaikkan daripada lans kopral menjadi sarjan setelah bertahun-tahun di dalam parti," katanya. "Saya pasti akan bertanding untuk jawatan itu kalau ada kekosongan. Saya yakin akan memenanginya dengan mudah." Sekalipun beliau membantah sehari kemudian yang kenyataan itu dipetik secara di luar konteksnya, tetapi ia tetap menjasikan kempen beliau. Keadaan semakin teruk apabila Razaleigh berjanji sekiranya beliau kalah beliau akan meninggalkan Kabinet. Beliau juga memberikan bayangan yang cukup jelas bahawa kehilangan keyakinan terhadap UMNO mungkin memaksa beliau menimbangkan semula masa depannya di dalam parti itu—satu ugutan yang merisaukan veteran-veteran UMNO dan menimbulkan jangkaan yang segera dinafikan oleh Dr. Mahathir bahawa Malaysia mungkin mewujudkan jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua.

Pendekatan angkuh Razaleigh dan pengumuman awalnya dalam pertandingan itu yang beliau rela berhabisan dengan bertanding hanya untuk jawatan timbalan presiden, menyebabkan sebilangan perwakilan menjauhkan diri, kata para pemerhati parti. Setelah menyedari kesilapannya Razaleigh tidak lagi membuat sebarang kenyataan tentang pencalonannya dan enggan ditemuramah oleh para wartawan. Setelah kalah di dalam pertandingan itu, beliau memberitahu para pemberita dengan nada tertekan, "Saya telah membuat keputusan dan menetapkan satu pendirian. Perlu ditunggu apakah yang akan saya lakukan untuk masa depan saya."

Satu lagi faktor yang menjatuhkan Razaleigh ialah lawannya berjaya menjadikan satu isu daripada percubaan Multi-Purpose Holdings, satu badan pelaburan Pertubuhan Cina Malaysia (MCA) untuk membeli 51 peratus saham United Malayan Banking Corporation (UMBC). Ahli-ahli politik UMNO kurang menyenangi usaha pengambil alihan itu serta terhadap perjanjian yang belum lagi diumumkan, dan Menteri Kewangan telah dikatakan secara senyap-senyap mengendurkan suasana ketegangan dengan memberi Multi-Purpose Holdings 40 peratus saham bank itu dan meningkatkan saham PERNAS, sebuah perbadanan kerajaan, daripada 10 peratus menjadi 40 peratus. Tuduhan dilemparkan bahawa MCA berada di belakang Tengku Razaleigh.

Alasan yang paling munasabah bagi kejatuhan Razaleigh ialah semata-mata kerana Dr. Mahathir lebih suka Datuk Musa menjadi timbalannya, sekalipun presiden yang baru memegang jawatan itu menafikan berita angin demikian. Salah seorang penyokong Tengku Razaleigh merungut: "Kebelakangan ini di dalam UMNO sudah ada sejarah campur tangan. Pada zaman Tunku pemilihan semuanya bebas, tetapi di bawah Tun Razak dan Datuk Hussein dasar memilih orang-orang disukai semacam sudah menjadi kebiasaan."

Jika cara Razaleigh agak berani, Musa pula bergerak secara lembut dan penuh perkiraan, sehingga beliau bagaikan seorang calon yang keberatan untuk bertanding. Berminggu-minggu beliau membiarkan seluruh negara tertanya-tanya apakah beliau akan bertanding atau tidak, dan setelah memutus untuk bertanding, tidaklah diketahui sehingga saat-saat akhir hari pencalonan yang beliau

hanya bertanding untuk jawatan timbalan presiden sahaja. Sebenarnya beliau mengemukakan kertas pencalonan bagi timbalan presiden dan naib presiden pada hari berkenaan, tetapi kemudiannya menarik balik kertas pencalonan naib presiden. Di dewan persidangan, rakan-rakan bersetuju, mungkin wujud simpati bukan pengaruh politik yang kuat terhadap bekas pensyarah ekonomi dan pentadbiran Universiti Malaya itu: dianggupkan 40 peratus perwakilan UMNO adalah guru.

Tidak kurang hebatnya daripada persaingan Musa-Razaleigh ialah prestasi menakjubkan di dalam pertandingan naib presiden yang dicapai oleh bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris, yang sedang dipenjara selama enam tahun kerana tuduhan pemalsuan dan rasuah. Datuk Harun, 59 tahun, memperolehi 757 undi, hanya didahului oleh 869 undi diperolehi Setiausaha Agung Barisan Nasional, Ghafar Baba, 56 tahun, yang telah menjadi naib presiden selama 19 tahun. Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithaudeen, 49 tahun, menduduki tempat ketiga dalam barisan naib presiden. Malah para pemerhati yang mengikuti dari dekat perkembangan UMNO tidak menjangka karisma Datuk Harun yang memang terkenal itu boleh mempengaruhi perhimpunan dari jauh. Sebaliknya yang banyak diperkatakan akan berjaya ialah Datuk Rais Yatim, ketika itu 39 tahun, Menteri Besar Negeri Sembilan yang mencapai kejayaan yang baik di dalam percubaan pertamanya dengan memperolehi 706 undi, lima undi di belakang Tengku Rithaudeen.

Datuk Harun tidak boleh menerima jawatan naib presiden kecuali diberi pengecualian oleh Pendaftar Pertubuhan. Di bawah Akta Pertubuhan yang dipinda belum lama sebelum itu, mengharankan seseorang yang sabit kesalahan daripada memegang jawatan politik sehingga lima tahun setelah dibebaskan. Bagaimanapun Datuk Harun juga ketika itu menunggu satu keputusan di atas permohonan keampunan beliau, yang sekiranya diberikan, akan menjaminkan kembalinya beliau ke arena politik.

Datuk Harun tidaklah terlalu terkejut dengan kemenangannya. Anaknya, Mazlan, seorang ketua bahagian UMNO memberitahu *Asiaweek*, "Beliau bersyukur dan gembira kerana masih mendapat sokongan begitu ramai di dalam UMNO. Sudah tentu ini membuktikan kesabaran itu ada manfaatnya." Mazlan berpen-

dapat, "Saya fikir beliau telah cukup menderita dan harus diberi peluang memegang jawatan. Membiarkan beliau untuk lima tahun lagi di dalam kegelapan politik adalah tidak adil sama sekali bagi beliau."

Menyentuh kejayaan Datuk Harun yang belum muktamad itu, Tunku Abdul Rahman menulis di dalam ruangannya di dalam akhbar *The Stars*, "Apa yang mungkin memerlukan ialah pemilihan Datuk Harun sebagai naib presiden ketika beliau masih berada di penjara, bukan atas sebab-sebab politik tetapi jenayah. Sudah tentu ini belum ada tolok bandingnya di dalam pilihanraya demokrasi di mana-mana di dunia." Satu hakikat yang agak mengejutkan juga di dalam pertandingan yang sama ialah kegagalan pejuang anti-komunis yang gigih, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafiee di dalam percubaan ketiganya ke kerusi naib presiden. Dengan memperolehi 228 undi, pengaruh Ghazali telah dilemahkan. Sebilangan pemerhati tidak pasti apakah Ghazali akan mengekalkan portfolio Menteri Dalam Negeri yang dipegangnya sejak tahun 1973.

Ketika sidang berakhir dengan ucapan perpisahan penuh air mata kepada Datuk Hussein Onn, ramai perwakilan berfikir dengan mendalam akan kesulitan tugas yang dipikul. Seorang peguam popular yang memenangi kerusi di dalam Majlis Tertinggi berkata, "Kini setelah kita memilih para pemimpin, kita harus bersedia untuk pilihanraya umum (yang belum tiba waktunya sehingga tahun 1983 tetapi dijangka akan diadakan pada tahun 1982 oleh kepimpinan baru.) Isu-isu sebenarnya, sekalipun tidak berpeluang dibincangkan ialah perpaduan kebangsaan parti-parti komponen Barisan Nasional, kawalan ke atas anasir-anasir pelampau di dalam masyarakat, dan memperbaiki ekonomi bumiputera." Kedudukan Barisan Nasional dan kekuatan mereka di dalam Parlimen dalam tahun 1981 ialah UMNO 69 kerusi, MCA 20 kerusi, MIC 3 kerusi, Gerakan 4 kerusi, (semuanya parti-parti di Semenanjung Malaysia), Parti Kesatuan Rakyat Sarawak (SUPP) 6 kerusi, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) 8 kerusi, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) 8 kerusi, Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (USNO) 4 kerusi dan Berjaya 11 kerusi.

Sementara itu Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang melihat cabaran daripada kepimpinan yang baru itu dari sudut yang

lain. "Kedua-dua Dr. Mahathir dan Datuk Musa mempunyai sejarah politik yang menimbulkan kebimbangan di kalangan bukan Melayu tentang masa depan mereka," katanya. "Saya hanya berharap mereka menyedari kebimbangan itu, setelah terdedah dalam tahun 1970-an, berbeza daripada tahun 1960-an, dan mereka akan lebih menyedari pendekatan ala Malaysia di dalam perkara-perkara yang timbul. Mereka harus mengurangkan fahaman melampau di kalangan mereka, dan harus menjadi pemimpin semua rakyat Malaysia, bukan sahaja pemimpin kepada orang Melayu." Menilai peringatan-peringatan daripada Dr. Mahathir kepada semua sektor masyarakat dalam perhimpunan yang lalu itu, tidak diragui bahawa cara kepimpinannya yang tegas dan berterus terang akan digunakan tidak kira ke atas orang Melayu dan bukan Melayu. Dan sekiranya Malaysia, sebagaimana yang jelas kelihatan, memerlukan kerajaan yang lebih bertenaga untuk menghadapi masalah-masalah tahun 1980-an, maka doktor yang bercakap tanpa berselindung dari Kedah itu nampaknya sebagai satu pilihan yang penuh hemat bagi mengadakan langkah-langkah pemulihan. Ramai pemerhati yang mahir berpandangan bahawa gandingan Mahathir-Musa sebenarnya akan menjadi kepimpinan terkuat bagi Malaysia.

Hussein Bersara Dengan Kejayaan Sederhana

DI DALAM ucapan perpisahannya kepada UMNO, Perdana Menteri Datuk Hussein yang akan bersara memohon keampunan atas apa yang beliau sifatkan sebagai kesilapan dan kelelawannya semasa memegang jawatan. Namun tidak ramai yang hadir di dewan (ballroom) hotel Hilton Kuala Lumpur yang penuh sesak pada 26 Jun 1981 itu yang merasakan permohonan maaf itu perlu bagi tempoh 2,000 hari Datuk Hussein bertugas selaku Perdana Menteri. Memang banyak masalah politik dan sosial setelah Januari 1976, apabila Datuk Hussein mendapat dirinya menjadi Perdana Menteri setelah pemimpin sebelumnya, Tun Abdul Razak meninggal dunia. Namun sedang beliau berhadapan dengan krisis politik yang bertimpa-timpa, membawa penangkapan dan dipenjaranya seorang ahli politik utama Melayu kerana rasuah, menjatuhkan seorang lagi yang menggunakan salah sebuah negeri seba-

gai milik peribadi dan memecat sebuah lagi parti komponen Barisan Nasional yang memerintah kerana fahaman cauvinisme, ekonomi yang melonjak naik dan ancaman daripada pemberontakan komunis yang memuncak ketika beliau mengambil alih jawatan, telah berjaya dihadapi dengan tabah.

Apabila Datuk Hussein mengucapkan selamat tinggal, ramai perwakilan ke perhimpunan agung tahunan ke-32 itu menitis air mata. Walau apa sekalipun kesalahan bekas pemimpin itu, beliau jelas bukan seorang ahli politik yang tamak kuasa dan tidak pernah menyeleweng daripada jalannya untuk mencari populariti, sama ada di dalam parti atau di kalangan para pengundi. Datuk Hussein berundur kerana sakit jantung—beliau menjalani pembedahan *coronary by-pass* di London awal tahun itu—and tidak ramai yang meragui bahawa beliau meletakkan jawatan semata-mata kerana beliau percaya seorang yang sakit tidak dapat menjalankan tugas Perdana Menteri dengan adil dan sempurna. Datuk Hussein datang daripada keluarga aristokrat di Johor, di mana ayahandanya telah menjadi Menteri Besar. Ayahandanya, Datuk Onn Jaafar jugalah yang mengasaskan UMNO dalam tahun 1946 ekoran satu kempen menentang Malayan Union.

Onn Jaafar dan anak lelakinya, Hussein kecewa dengan sikap British yang bertekad untuk menjaminkan semua pendatang Cina dan India menikmati kedudukan yang sama dengan bumiputera Melayu. Onn Jaafar sebaliknya mengimpikan sebuah masyarakat baru dimana wujud hak yang sama untuk semua, tetapi dengan tidak merugikan orang-orang Melayu yang ketinggalan dari segi ekonomi. Bagaimanapun UMNO menolak visi itu sebagai khayalan, dan kedua-dua ayah dan anak meninggalkan parti itu dalam tahun 1951. Usaha-usaha mereka selepas itu untuk mewujudkan parti pelbagai kaum beberapa kali gagal dan Datuk Onn kembali ke rahmatullah tanpa sempat melaksanakan impiannya. Datuk Hussein kembali ke pangkuhan UMNO lebih 15 tahun kemudian.

Sebagai seorang peguam yang berpejabat di Kuala Lumpur, beliau bercakap penuh semangat tentang kebenciannya terhadap rasuah dan memberitahu rakan-rakan bahawa sekiranya beliau ada peluang beliau akan memeranginya habis-habisan. Tun Abdul Razak, yang berkahwin dengan adik ipar Datuk Hussein memujuk Datuk Hussein agar bertanding kerusi parlimen lewat tahun 1960-

an. Aristokrat Johor yang boleh dikatakan sudah dilupakan itu dilantik pula menjadi Menteri Pendidikan dalam tahun 1971.

Setelah berada di dalam Kabinet dan sebagai saudara Tun Razak menerusi perkahwinan, beliau telah kelihatan semakin menonjol. Namun Datuk Hussein yang pemalu dan lemah lembut terus terselindung di belakang dan apabila beliau bertanding untuk menduduki salah satu daripada tiga kerusi naib presiden UMNO, beliau hanya berjaya menduduki tempat ketiga. Apabila Timbalan Presiden UMNO yang juga Timbalan Perdana Menteri Tun Dr. Ismail meninggal dunia, dengan tidak disangka-sangka Datuk Hussein tampil sebagai penggantinya.

Apabila Tun Razak meninggal dunia dan Datuk Hussein menjadi Perdana Menteri masih wujud keraguan tentang keupayaannya mengendalikan parti dan kerajaan. Secara meluas wujud sangkaan yang beliau bukan seorang ahli politik. Sekiranya kecemasan mengendalikan komplot tipu helah dan mainan politik menjadi pra-syarat untuk jawatan itu, jelas sekali Datuk Hussein tidak layak. Berkali-kali beliau memerlukan negara dengan mengambil keputusan yang tidak popular. Beliau telah menggugurkan salah seorang perancang kuasa (power broker) yang paling berjaya dalam UMNO, Ghafar Baba daripada kabinet. Beliau juga melantik seorang yang tidak popular di kalangan orang-orang Cina, Datuk Seri Dr. Mahathir, sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Kemudiannya, beliau memecat daripada UMNO seorang pemimpin yang paling berkarisma pernah dilahirkan oleh bangsa Melayu—Datuk Harun Idris, Menteri Besar Selangor yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO ekoran tuduhan rasuah terhadap beliau. Konfrantasi Harun-Hussein ini menonjol di dalam seluruh zaman beliau menjadi Perdana Menteri, menimbulkan perpecahan di dalam UMNO yang masih perlu dirawat. Bagaimanapun dengan penugasan skuad polis rusuhan besar-besaran, suasana tegang yang ditimbulkan oleh para penyokong Datuk Harun, partai caturan politik bukan sahaja kembali tenang tetapi negara terdidik supaya memahami bahawa tekanan politik tidak akan dinar mempengaruhi undang-undang. Datuk Harun dimasukkan ke penjara.

Seorang lagi pemimpin negeri, Tun Datu Mustapha Dato' Harun, Ketua Menteri Sabah, yang mentadbirkankan negerinya set-

kuku besi dan menjadi terlampau kaya telah juga terpaksa meninggalkan jawatannya. Datuk Hussein menentukan pilihanraya negeri tahun 1976 adalah bersih. Asas kuasa Tun Mustapha yang dibina dengan menggunakan kekayaan telah runtuh apabila Parti BERJAYA mengalahkan USNO dalam pilihanraya itu. Datuk Asri Muda, seorang lagi pemimpin Melayu yang kuat, pemimpin Parti Islam yang militan bukan sahaja musnah malah asas kuasanya di Kelantan, didirikan di atas semangat cauvinistik dan pelampau agama, telah diruntuhkan di dalam satu pilihanraya negeri tahun 1978. UMNO dapat berkuasa di Kelantan untuk pertama kalinya sejak 20 tahun.

Datuk Hussein yang kuat berpegang kepada kedaulatan undang-undang meninggalkan arena politik setelah beberapa penerokaan ke dalam perlembagaan dan undang-undang sehingga beliau disanjung sebagai pemimpin yang mengutamakan disiplin dan berhemah tinggi. Pada zamannya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)—yang asalnya digubal untuk menentang pemberontakan komunis—digunakan untuk menahan para pejuang kesatuan kerja tanpa perbicaraan atas nama keselamatan. Undang-undang buruh dipinda untuk meningkatkan kuasa Menteri Buruh dan Akta Keselamatan tahun 1966 juga dipinda supaya perbincangan politik di luar parti menjadi amat rumit. Perlembagaan turut dipinda untuk memungkinkan pengisytiharan darurat bolch dibuat ke seluruh negara semata-mata untuk menghadapi keadaan yang meruncing.



Selaku seorang pemimpin yang berkarisma Dr. Mahathir tetap mesra dengan Tun walaupun bapa kemerdekaan itu sering mengecam kepimpinan beliau.



RAWATAN DOKTOR UMNO

"Orangnya mempunyai persepsi mendalam yang sudah tentu melayakkannya untuk mengendalikan kerumitan yang menjadi ciri khusus Malaysia. Dengan gaya tersendiri secara senyap-senyap Dr. Mahathir meletakkan landasan bagi Malaysia mengambil tempat sewajarnya di kalangan negara-negara membangun. Beliau memikul tugas rumit memandu rakyat ke jalan yang betul dan menyakinkan mereka tentang perlunya mengubah sikap mereka demi memajukan lagi negara ini.

— Diplomat

TIGA puluh dua tahun yang lalu, seorang siswa Melayu, berusia 23 tahun, yang pendiam dan serius memasuki Kolej Perubatan King Edward VII di Universiti Malaya di Singapura.

Sebagaimana kebiasaan kolej ketika itu, pelajar yang lebih tua mencari mangsa-mangsa yang sesuai. Di dalam satu sessi ragging, siswa baru itu dipaksa tidur sepanjang malam di bawah katil seorang senior. Hari ini, siswa yang patuh itu ialah Perdana Menteri Malaysia, yang mengendali satu kerjaya politik yang bergelora, yang memiliki apa sahaja sifat kecuali sifat lemah dan penurut.

Ketika berusia 55 tahun, Dr. Mahathir Mohamad—atau disebut sahaja 'Dr. UMNO'—adalah seorang ahli politik yang keras hati, lincah bergerak, yang kata-katanya telah beberapa kali meletakkan dirinya di dalam keadaan yang merumitkan. Apabila beliau mengambil alih kuasa dalam bulan Julai 1981 daripada Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, beliaulah mungkin pemimpin tung-

gal di rantau ini, dan mungkin di dunia, yang bukunya diharamkan di negara sendiri.

Buku *The Malay Dilemma* (1970) menyarankan perlindungan membina untuk membantu orang-orang Melayu menandingi kuasa ekonomi orang-orang Cina. "Saya sekadar meminta layanan adil untuk orang Melayu," tulis Dr. Mahathir. "Ketika itu jumlah pelajar bumiputera di universiti terlalu kecil dan hampir tidak ada perniagaan Melayu," ujar Dr. Mahathir hampir 11 tahun kemudian.

Lebih satu dekad sejak penulisan buku itu, sudah tentulah suasana berubah dengan penuh dramatik. Dr. Mahathir menulis *The Malay Dilemma* setelah satu lagi kontroversi dan akibat sikap terus terangnya itu menyebabkan beliau dipecat daripada UMNO. Sejurus selepas pilihanraya Mei 1969, ketika mana Dr. Mahathir kalah di dalam pilihanraya itu, rusuhan paling buruk di Malaysia telah mengakibatkan pengisytiharan darurat. Dr. Mahathir mengkritik keras Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, bapa kemerdekaan negara. Di dalam sepucuk surat kepada Tunku, Dr. Mahathir menyatakan kebimbangan yang mendalam terhadap nasib orang Melayu dan mencela 'kelemahan dan kewaspadaan serta keengganannya Kerajaan Perikatan mengambil tindakan tegas.' Beberapa minggu lepas itu, beliau dipecat daripada UMNO.

Setahun kemudian, bagaimanapun, Tunku sudah berada di luar kerajaan. Tun Razak berkuasa dan jalan pun dirintis bagi Dr. Mahathir yang bijak mengawal diri itu untuk kembali ke dalam parti dalam tahun 1972. Menjelang tahun 1974 beliau menjadi Menteri Pelajaran, memperjuangkan keperluan bagi Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang menyatukan rakyat negara ini. Menjelang tahun 1976, beliau melonjak ke kedudukan yang bakal mewarisi tampuk kepimpinan. Datuk Hussein yang mengambil alih setelah Tun Razak meninggal dunia, memerlukan Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana pengikutnya yang ramai di segenap lapisan dan secara ironinya, kerana kedudukan beliau menonjol di dalam parti.

Perhatian berat Dr. Mahathir terhadap nasib bangsa Melayu bermula sejak muda lagi. Lahir di Alor Star, Kedah kepada seorang ibu keturunan Melayu dan bapanya scorang guru sekolah berketurunan India Islam (yang pernah mengajar Tunku), Maha-

thir ketika berusia 21 tahun rajin menulis rencana-rencana di dalam akhbar *New Straits Times*. Beliau sering menggunakan nama samaran C.H.E. Det yang menumpukan perhatian khasnya kepada masalah orang-orang Melayu luar bandar. Ketika itu, sebagaimana sekarang, beliau melihat penjajahan British sebagai punca utama dilema bangsa Melayu. "Masalah bumiputera dan orang-orang Melayu adalah perkara yang beliau gemar sekali bangkitkan," ujar seorang ahli diplomat Barat yang tersentuh perasaannya, kepada *Asiaweek*. Namun Dr. Mahathir sebagaimana menjadi ciri keperibadiannya, terus bertegas. "Pernah satu ketika kita dituduh sebagai bangsa pemalas," beliau memberitahu dalam satu wawancara. "*The Encyclopaedia Britannica* menyifatkan orang Melayu sebagai pemalas. (Satu rujukan secara tidak langsung ketika membincangkan sifat-sifat kebudayaan stereotaip di kawasan Asia Tenggara, "South-east Asian Cultures," edisi 1979). Kalau mereka boleh berkata demikian, dan menyatakannya secara terbuka, saya tidak melihat alasan kenapa kita tidak boleh menyatakan keyakinan kita tentang mereka—lebih-lebih lagi apabila ia betul dari segi fakta."

Sesungguhnya, satu lagi kecenderungan Dr. Mahathir ialah keazamannya tidak mahu mengikut cara British. Beliau mendakwa membayar harga yang mahal bagi barang-barang keluaran British, semata-mata menjadikan kita penyokong "sifat malas dan kenaikan gaji mereka, dan menyenangkan mereka. Apa faedahnya? Sebuah negara kebijakan? Kebajikan siapa? Bukan kebijikan kita."

Menjelang perhimpunan UMNO dalam bulan Julai 1981, Dr. Mahathir sudah pun menyuarakan tema kerajinan yang menjadi etika pemerintahan beliau. "Sekiranya pekerja dan pelajar Melayu terlalu dilindungi," katanya, "mereka akan mendatangkan kesan buruk ke atas rakyat, negara, agama dan diri mereka. Tidak ada yang lebih merosakkan daripada perbuatan memanja-manja."

Begitulah secara ringkasnya pandangan jelas dan penuh menjajikan daripada Dr. Mahathir tentang politik Malaysia yang rumit. Ia tidak berat sebelah. Perlindungan membina, boleh; pemanaaan, tidak. Orang Melayu harus bekerja untuk faedah sendiri. "Apa yang khususnya diperlukan daripada orang Melayu," kata beliau, "bukan lagi politik memperjuangkan tuntutan, tetapi memulihkan sikap dan nilai-nilai mulia yang telah hilang akibat dasar pentadbiran para pemimpin penjajah."

Insan Yang Mempunyai Satu Misi

DALAM mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir Mohamad sering kali menegur secara berseloroh ahli-ahli yang datang tidak tepat waktunya. Mereka yang lambat datang diberitahu dengan nada seperti seorang guru sekolah yang tegas, bahawa mereka terpaksa berdiri di suatu sudut. Memang tidak ada yang mematuhi—semuanya dianggap sebagai jenaka sahaja.

Dalam satu sessi lain pula, Perdana Menteri sendiri yang lewat. Salah seorang ahli MKT memutuskan untuk memberi kepada doktor dari Kedah itu ‘ubatnya’ sendiri. Dr. Mahathir telah diarah supaya berdiri di suatu sudut. “Lewatkah saya?” tanya Perdana Menteri dengan lurus. Apabila diberitahu secara hormat yang dia memang terlambat maka secara berjenaka beliau memberitahu bahawa seorang pembantu telah tidak memberi waktu yang betul untuk mesyuarat itu; mereka semua ketawa dengan jenaka itu.

Lingkaran kisah yang kecil itu menggambarkan dengan cukup jelas perihal Dr. Mahathir sebagai pemimpin dan seorang manusia. Satu ciri yang jelas, beliau dapat menerima kemenangan dan kekalahan dengan baik. Beliau scorang yang bijak dan cekap, tidak mahu menyerah tanpa berjuang, dan sebenarnya gemar berhujah secara lisan, walau seringkas mana pun. “Kalau anda cukup keras dan dapat berhadapan dengan beliau,” kata seorang ahli Majlis Kerja Tertinggi yang berani berjenaka tentang kelambatan Perdana Menteri kali itu, “anda akan dihormatinya.” Begitu juga dengan sikap menuntut ketepatan waktu bagi dirinya dan juga orang lain bagi Dr. Mahathir adalah sekadar satu tanda watak yang menyeluruh dan berdisiplin.

Perdana Menteri terkenal sebagai scorang yang bercakap terang. “Malah jenakanya adalah langsung,” kata seorang tokoh UMNO. Kini Dr. Mahathir sudah agak lembut berbanding dengan tahun-tahun ketika mana beliau dianggap sebagai seorang ultra Melayu di dalam UMNO. Bagaimanapun, keupayaannya menyatakan fikiran tidak berkurangan. “Kalau Perdana Menteri ada kelemahan,” menurut seorang usahawan terkemuka tempatan yang rapat dengan beliau, “kelemahan itu ialah sifatnya berterang. Sekiranya beliau merasakan kita bercakap kosong, akan dia beritahunya demikian. Apabila saya perlu memberi taklimat kepada

beliau tentang sesbuah projek, semalam sebelumnya saya tidak dapat tidur. Beliau memahami dengan mendalam dan penguasaannya terhadap perkara-perkara teknik adalah luarbiasa."

Memang benar, Dr. Mahathir sangat memberi perhatian terperinci terhadap kemajuan projek-projek pembangunan. Perdana Menteri menggunakan prinsip perdagangan di dalam kerajaan. Keputusan-keputusan kerajaan selalunya cepat dan perancangan beliau sungguh berani. Beliau seperti seorang usahawan. Dikenali secara meluas sebagai 'seorang yang tergesa-gesa', Dr. Mahathir menghadapi bahaya kerana bergerak terlalu pantas. "Dengannya seperti memasuki perlumbaan berhalang," kata seorang sahabat. "Beliau bergerak terlalu pantas sehingga walaupun beliau akhirnya berjaya tetapi setelah menjatuhkan beberapa halangan di sepanjang perjalanan." Para pemerhati berkata ramai pegawai kanan kerajaan dan sebahagian orang ramai tidak sempat mendalami banyak dasar yang beliau perkenalkan sejak menjadi Perdana Menteri. Malah, Dr. Mahathir terpaksa menghantar memorandum yang panjang kepada semua ketua jabatan menjelaskan semula maksud Dasar Pandang Ke Timur, Persyarikatan Malaysia, Penswastaan dan Kepimpinan Melalui Teladan. Dalam membuat keputusan juga beliau bergerak cepat. Seorang yang pernah menjadi pembantu Datuk Hussein Onn semasa menjadi Perdana Menteri menjelaskan, "Datuk Hussein amat tegar hati, amat teliti apabila membuat keputusan. Tetapi dengan Dr. Mahathir, orang tidak sepantas dirinya. Justeru itu beliau terpaksa menoleh ke belakang, menilai semula, menjelaskan semula. Ini tidak perlu pada zaman Datuk Hussein."

Satu lagi perbezaan di antara Dr. Mahathir dan Datuk Hussein menurut seorang 'orang dalam' ialah lebih mudah rakyat segenap lapisan masyarakat menemui Perdana Menteri sekarang. Malah pekebun atau penjaja pun boleh bertemu dengan beliau. Dr. Mahathir merujuk kepada berbagai golongan orang sebelum membuat keputusan. Bagaimanapun dalam membuat keputusan muktamad, beliau bergantung kepada diri sendiri—beliau begitu yakin pada diri sendiri—and sekumpulan sahabat-penasihat yang telah membuktikan kebolehan mereka kepada beliau. Sedang Dr. Mahathir mendakwa tidak ada puak, para penganalisa berkata ada bahaya beliau dikaitkan terlalu rapat dengan individu-individu yang

tertentu. Kata seorang ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, "Malangnya beberapa orang yang rapat dengan beliau mempergunakan persahabatan itu dengan menggunakan nama beliau di khalayak ramai. Saya hanya berharap Perdana Menteri menyedari hal itu." Yang lain berpendapat bahawa Dr. Mahathir berbeza dengan, katalah Tunku Abdul Rahman, tidak secukupnya berunding dengan pembangkang. Pemimpin pembangkang di Parlimen, Lim Kit Siang dan Dr. Mahathir boleh dikatakan tidak pernah bertemu untuk membincangkan isu-isu pokok. Para penyokong pembangkang pula berkata Dr. Mahathir tidak menunjukkan sedikit pun rasa hormat terhadap mereka di khalayak ramai, tetapi cukup mudah didekati secara peribadi.

Apabila Lee Lam Thye bertemu dengan Dr. Mahathir beliau membentangkan satu memorandum terhadap kenaikan sewa yang akan dikuatkuaskan, ditandatangani oleh 3,500 penyewa rumah murah Kuala Lumpur. Menurut Lee Lam Thye, setelah mengkaji memorandum itu, Dr. Mahathir bersetuju mengkaji semula keadaan. Tidak lama selepas itu Kementerian Wilayah Persekutuan menangguhkan kenaikan yang dicadangkan itu. "Saya mendapat gambaran," kata Lee, "yang Perdana Menteri bersimpati dengan rayuan dan nasib golongan miskin."

Para pemerhati berkata Dr. Mahathir memandang rendah pihak pembangkang mungkin sebahagian daripadanya berpunca daripada pandangan beliau bahawa kumpulan pembangkang sekarang terlalu kasar, berbeza dengan pembangkang yang dikatakan berbudi pekerti pada masa lalu. Yang lain pula berkata Dr. Mahathir meletakkan nilai yang tinggi pada kesetiaan dan beliau tinggal di dalam dunia politik hitam putih, dengan sesiapa daripada pihak lawan sebagai satu jenis musuh. "Dari segi politik," kata seorang tokoh kanan UMNO, "beliau agak sederhana." Atau apakah Dr. Mahathir kurang sabar dengan mainan politik? Ahmad Mustapha Hassan, bekas Setiausaha Akhbarnya berpendapat, "Beliau bukan perancang komplot. Beliau mempunyai strategi politik dan bukan seorang perancang politik yang menyeluruhi. Beliau tidak terlalu mengambil berat imejnya di kalangan umum. Sekiranya dia percaya dirinya betul mengenai sesuatu, beliau akan meneruskan kerja itu. Beliau tidak melibatkan diri di dalam perbalahan yang remeh. Itu adalah sebahagian daripada sifat murninya."

Cara bekerja Dr. Mahathir nampaknya sampai ke dalam kehidupan rumahnya. Perdana Menteri sekali sekala gemar memasak, biasanya memasak nasi goreng atau *sukiyaki*. "Beliau memasukkan segala-galanya pada waktu yang sama dalam susunan yang salah." Isteri Datuk Seri, Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, yang juga seorang doktor, pernah memberitahu para pemberita tempatan, "tetapi akhirnya, masakan itu sedap juga seperti biasa." Di rumahnya pun sering juga berlaku hujah menghujah secara lisan. Kata Dr. Siti Hasmah, "Anak-anak (lima orang semuanya) mempunyai cara berfikir yang berlainan dan berbahas dengan beliau berkenaan isu-isu tertentu. Kadangkala mereka membela pihak yang salah, semata-mata untuk melihat apa jawapannya, tapi beliau tidak suka membiarkan perbahasan berlarutan."

Dari segi mana sekalipun keluarga Dr. Mahathir adalah satu keluarga yang bahagia. Kalau tidak ada masalah lain, mereka mencari waktu secukupnya untuk berhimpun sekeluarga. Dr. Mahathir bangun awal pagi untuk sembahyang fardhu Subuh dan melakukan sedikit senaman ringan, sarapan mungkin dengan roti dan kari dan masuk ke pejabat sebelum pukul lapan pagi. Beliau biasanya bekerja 12 jam sehari. Perdana Menteri "memaksa dirinya bekerja terlalu keras." Para pembantu menyifatkan beliau sebagai seorang yang "ketagih bekerja dan ketua kerja yang degil."

Beliau juga disifatkan sebagai seorang insan yang mempunyai misi. Rumusannya, Dr. Mahathir muh segera menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati oleh masyarakat antarabangsa. "Saya tidak tahu berapa banyak masa yang ada untuk saya," Perdana Menteri memberitahu para pegawainya. "Saya insan biasa, dan saya boleh sahaja menghembuskan nafas akhir esok. Jadi, saya tidak boleh membuang masa yang ada. Saya merasa yang saya perlu melakukan sesuatu kerja dan melaksanakannya dengan cepat. Memang beginilah saya sejak kecil. Saya muh melihat hasilnya."

Satu hasil yang amat ingin beliau saksikan ialah orang Melayu dihormati. Ketika menghadiri satu sessi deklamasi puisi tahun 1981, Dr. Mahathir memberitahu para penonton, "Adalah menjadi impian saya untuk membasmi dan menghapuskan semua momokan dan makian yang dilemparkan ke atas kita." Perdana Menteri dengan penuh emosi menambah, "Saya tidak rela melihat bangsa saya diperhinakan lagi."



Wanita Pertama, Dr. Siti Hasmah mengambil berat Dr. Mahathir di mana sahaja.



SATU PASUKAN YANG PADU

"Pertubuhan-pertubuhan mungkin mempunyai objektif tetapi amat sedikit tanggungjawab. Sekiranya akibat hasutan mereka berlaku rusuhan dan ada orang terbunuh, bukanlah tanggung-jawab mereka memberhentikan pembunuhan. Itu tanggung-jawab kita. Kerajaan berkewajipan memberhentikan orang-orang sedemikian sebelum kita sampai ke tahap itu."

— Dr. Mahathir

SAYA berasa seronok," kata Perdana Menteri baru Malaysia, "tetapi tidak ada tempat mengadu apabila saya menghadapi masalah." Dengan penilaian yang ikhlas demikian, Dr. Mahathir Mohamad, (ketika itu berusia 55 tahun), memulakan tugas sebagai Perdana Menteri keempat negara ini, sejurus setelah beliau dengan penuh istiadat mencium tangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, berundur tiga langkah, mengangkat sumpah, tunduk dan menandatangani watikah perlantikan jawatan.

Namun semasa menunggu untuk berpindah ke pejabat Perdana Menteri sebelumnya, Tun Hussein Onn, yang baru sahaja dianugerahkan gelaran (Tun), Dr. Mahathir jelas sekali bertekad untuk mendapatkan orang-orang yang boleh berunding dan tempat merujuk di kedudukan-kedudukan penting di dalam Kabinet barunya. Setelah mengambil alih tanpa bertanding sebagai Presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang berpengaruh itu dalam bulan Jun 1981, beliau berkata tidak banyak perubahan dibuat di dalam Kabinet yang memerintah.

Memang benar, walaupun tidak ada menteri yang digugurkan daripada Kabinet, sebilangan pemerhati tertanya-tanya akan bentuk perubahan besar yang akan dibuatnya. Setakat itu tindakan paling penting berpusat pada Kementerian Dalam Negeri, pelindung peralatan keselamatan untuk negara. Menteri barunya ialah Datuk Musa Hitam, berusia 47 tahun, yang juga Timbalan Perdana Menteri dan dianggap sebagai orang yang secara peribadi paling dekat dengan Perdana Menteri. Beliau menggantikan orang yang telah memegang jawatan itu kurang sedikit lapan tahun, pemburu komunis yang penuh semangat, Ghazali Shafie, 50 tahun, yang dilantik oleh Dr. Mahathir sebagai Menteri Luar. Ghazali Shafie atau 'King Ghaz' adalah orang yang menyebabkan pecahnya rahsia persikian Rusia hanya beberapa hari sebelum Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Tengku Ahmad Rithaudeen, 49 tahun, Menteri Luar sebelumnya kembali daripada Persidangan Antarabangsa berkenaan Kambodia tepat waktunya untuk mengangkat sumpah ke jawatan yang dulunya dipegang oleh Dr. Mahathir, iaitu portfolio Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam beberapa hari sebelum pengumuman yang diawalkan dua hari atas permintaan Seri Paduka Baginda agar semua 48 orang menteri dan timbalan menteri dapat dikumpulkan untuk mengangkat sumpah dua hari kemudian, spekulasi paling menarik ialah sekitar jawatan Menteri Kewangan. Akankekalkah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, 44 tahun, yang amat dihormati itu di dalam Kabinet? Sebulan sebelum itu, para perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO telah memilih Datuk Musa dan mengenepikan Tengku Razaleigh di dalam pertandingan sengit untuk jawatan timbalan presiden parti. Putera raja dan Kelantan itu berikrar tidak akan kembali ke dalam Kabinet sekiranya kalah.

Bagaimanapun, sesuai dengan semangat setiakawan UMNO —atas desakan hampir setiap orang daripada Dr. Mahathir ke bawah—Tengku Razaleigh, setelah berfikir dengan mendalam dan berehat sebentar di seberang laut, memilih untuk bertugas kembali. Dr. Mahathir memberitahu para pemberita bahawa tidak ada syarat dikenakan bagi jawatan itu dan beliau tidak tahu tentang berita angin di ibu negara kononnya Tengku Razaleigh akan bertugas hanya sehingga bulan September. Dengan tegas Perdana Me-

teri berkata, "Anda jangan main-main dengan Kabinet."

Dengan itu pasukan lama berkekalan—tetapi berada di beberapa kedudukan yang amat berbeza. Sekalipun Dr. Mahathir berkata pentadbirannya hanya berbeza daripada pentadbiran Datuk Hussein dari segi stail dan bukan dasar, beliau sudah membayangkan beberapa dasar baru yang bakal diperkenalkan, terutama sekali pelaburan asing. "Untuk tujuan-tujuan tertentu," katanya, "kita mungkin mengendurkan sedikit syarat-syarat yang kita kenakan." Satu lagi ialah persoalan sensitif berkenaan kes-kes yang dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang keras itu. Dr. Mahathir berkata semua kes demikian yang (ketika itu) sedang dibicarakan di mahkamah dikaji semula—kerajaan akan meneliti kes orang-orang yang ditahan di bawah ISA. Katanya, "Mereka tidak dilupai." Dengan jatuhnya tugas itu ke tangan Datuk Musa sebagai Menteri Dalam Negeri, para pemerhati bersetuju tugas itu akan dikendalikan dengan baik.

Lagipun kunci bagi pentadbiran Mahathir-Musa ketika itu ialah 'pelaksanaan'. Kedua-duanya memberi perhatian yang serius supaya dasar-dasar negara bergerak di atas landasannya dan dasar-dasar itu mestilah dilaksanakan secekap yang seharusnya. Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa memainkan peranan utama untuk mengerahkan para menteri agar bertindak. Di Kementerian Dalam Negeri juga beliau terpaksa berhati-hati melaksanakan tugas baru itu. Meskipun dirancang untuk mengkaji semula ISA, diragukan yang beliau terus mengekalkan kewaspadaan terhadap pengaruh-pengaruh komunis yang telah dikendalikan dengan amat cekap oleh Ghazali Shafiee. Tetapi beliau mempunyai beberapa perkara yang memerlukan perhatian, di antaranya ialah aliran yang membimbangkan berkenaan rasuah peringkat rendah di jabatan-jabatan kerajaan termasuk pasukan Polis dan Imigresen.

Sementara itu kehadiran Ghazali di arena antarabangsa juga dialu-alukan. Ketajaman fikirannya amat dihargai di dalam Kabinet, menjadikan beliau pilihan utama untuk mengetuai Kementerian Hal Ehwal Luar. Seorang ahli diplomatik berkata, "Beliau boleh bertindak setanding dengan orang-orang seperti Menteri Luar Filipina, Carlos Romulo, Rajaratnam dari Singapura, malah Mochtar Kusumadja, rakan sejawatnya dari Indonesia." Bagaimanapun, spekulasi lain masih meluas di kedai-kedai kopi Kuala

Lumpur tentang alasan di sebalik perubahan itu.

Kemudiannya orang dalam kerajaan mempertahankan bahawa Ghazali sendiri mahu ditukar kerja keluar daripada tugas tidak popular yang beliau rasakan telah dilaksanakan terlalu lama. Dalam sidang akhbarnya yang terakhir sebagai Menteri Dalam Negeri, Ghazali membayangkan secara tidak langsung sentimen demikian apabila beliau bercakap tentang reaksi terhadap dayausaha keselamatannya: "Saya benar-benar menjadi cemuhan rakyat." Namun dua sumber peringkat tinggi juga memberitahu walaupun itu bukan menjadi satu pertimbangan utama, potensi kuasa yang boleh dikerahkan oleh seorang Menteri Dalam Negeri yang sangat penting menjadi satu faktor di dalam keputusan Dr. Mahathir mahu meletakkan orangnya sendiri pada jawatan itu. Bila ditanya apakah beliau berpuas hati dengan pengendalian Kementerian Dalam Negeri yang telah dilaksanakan oleh Ghazali, Dr. Mahathir berkata, "Bercakap secara umum, ya." Ghazali tidak kekurangan pengalaman untuk jawatan barunya. Beliau telah berkhidmat sebagai duta ke India lewat tahun 1950-an, beliau kembali ke tanahair untuk mengetuai Kementerian Luar Negeri selama sepuluh tahun sebagai Ketua Setiausaha sebelum menjadi seorang senator dalam tahun 1970.

Selain memindahkan kedudukan pemimpin-pimpinan utama di dalam Kabinet, Mahathir juga menaikkan pangkat beberapa muka baru. Doktor pergigian dari Sarawak, Sulaiman Daud, baru sahaja tiga bulan bertugas sebagai Menteri Wilayah Persekutuan apabila beliau dipindahkan ke Kementerian Pelajaran, menggantikan Datuk Musa. Dr. Mahathir juga menghidupkan semula jawatan yang diwujudkan oleh bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Sanusi Junid yang berusia 38 tahun, dilantik menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, selari dengan keazamannya untuk mempercepatkan proses pembangunan khususnya di perkampungan Melayu. Pengganti Sanusi di Kementerian Dalam Negeri, yang tidak kurang penting ialah Abdul Rahim Thamby Chik, dulunya Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan Dr. Mahathir. Seorang lagi Menteri muka baru ialah Abdullah Ahmad Badawi, 42 tahun, yang dinaikkan menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri daripada

jawatan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan. Putera Allah-yarham Perdana Menteri Tun Abdul Razak, Najib yang berusia 28 tahun, menjadi anggota kabinet termuda, pula berpindah ke jawatan Timbalan Menteri Kewangan daripada jawatan yang sama di Kementerian Pelajaran. Dr. Mahathir sendiri menguasai Kementerian Pertahanan. Kesemuanya, dilihat oleh ramai pemerhati politik Malaysia (ketika itu) sebagai satu pasukan yang penuh semangat bersedia untuk menyingkap zaman Mahathir. Waktu akan menentukan pada ketika itu, dan bagi sebilangan orang wujud keghairahan yang luar biasa. Yang pastinya semangat itu wujud di pejabat Datuk Musa. Katanya, "Saya bersedia untuk bergerak."

"Saya Mahu Menyatakan Pendapat Saya"

(Dr. Mahathir, 24 jam sebelum mengangkat sumpah)

S: *Apakah cabaran terbesar bakal dihadapi oleh Malaysia dalam tahun 1980-an?*

PM: Untuk meningkatkan kadar pembangunan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, demi untuk mencapai sasaran 1990 yang menetapkan 30 peratus saham Melayu di dalam ekonomi. Kita harus berusaha gigih kerana nisbahkekayaan yang hendak direbut itu berubah. Sektor bukan bumiputera bukannya statik. Mereka berkembang dan terus berkembang pada kadar amat pesat. Semakin cepat mereka berkembang semakin cepat kita perlu bergerak untuk setanding dengan mereka.

S: *Bagaimanakah agaknya keadaan Malaysia, katakan, setelah lima tahun di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat?*

PM: Saya sekadar dapat berkata bahawa saya berharap untuk mengekalkan pertumbuhan yang lebih baik bagi negara ini. Dunia sedang mengalami zaman kelam dari segi ekonomi, dan adalah rumit untuk saya mengekalkan kadar pertumbuhan Malaysia. Sudah tentu kita akan terus merangsangkan pelaburan, dari dalam dan luar negeri; kita akan meneruskan rancangan perindustrian, dan pada amnya bolehlah saya katakan dari segi dasar tidak akan berlaku sebarang perubahan penting. Namun saya berharap dapat memberikan lebih ba-

nyak perhatian terhadap bidang pelaksanaannya. Mungkin Malaysia kedengaran lebih bergesa-gesa, kerana saya bukanlah satu personaliti yang baik sangat. Saya suka menyatakan pendapat saya dan saya mungkin menyentuh perasaan orang ketika berbuat demikian. Tetapi selain daripada perbezaan cara dan sedikit ketegasan, mungkin tidak banyak yang berbeza.

S: *Siapakah menurut jangkaan Yang Amat Berhormat yang akan tersinggung?*

PM: Ya, apabila saya berkata orang Eropah telah menjadi malas, ada yang tidak senang. Saya tidak tahu kenapa. Saya hanya menyatakan yang benar. Kebanyakan orang keberatan menyatakannya; mereka akan bersetuju dengan saya, tetapi mereka tidak akan menyatakannya. Tapi, saya akan menzahirkannya.

S: *Adakah Yang Amat Berhormat menjangka akan menyinggung perasaan pihak tertentu di Malaysia?*

PM: Dalam beberapa cara, saya memang telah sering menyinggung perasaan orang Cina, sebagaimana anda tahu, dan saya juga telah menyinggung perasaan orang Melayu. Kerana sebagaimana saya memberitahu orang Cina yang mereka harus menerima kesan kepelbagaian kaum dan hal-hal seperti itu, saya sering memberitahu orang Melayu bahawa kalau mereka mahukan bahagian mereka, mereka harus memperjuangkannya, dan tidak ada jalan mereka boleh mendapatkannya secara percuma.

S: *Bagaimanakah Yang Amat Berhormat akan mencirikan hubungan Malaysia/Singapura?*

PM: Saya fikir hubungan kita adalah baik. Dari segi hubungan dua hala kita hanya ada sedikit masalah. Kita masih mempunyai beberapa isu yang masih tergantung setelah pemisahan, tetapi ini dapat dikendalikan menerusi rundingan secara mesra. Jadi hubungan adalah baik.

S: *Sejauh manakah Datuk Harun Idris (seorang ahli politik veteran yang dipenjarakan kerana rasuah) akan mendapat keampunan diraja?*

PM: Saya tidak boleh mengatakan terlebih dahulu apa yang akan dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atau apa yang akan dilakukan oleh Lembaga Pengampunan

Itu terserah seluruhnya kepada mereka. Saya tidak akan mempengaruhi secara terbuka keputusan yang akan dibuat oleh sebuah jawatankuasa yang mungkin akan terpaksa memikirkan perkara ini. Dengan kata lain bagi saya itu hampir sub-judice.

S: *Bantahan terhadap langkah meminda Akta Pertubuhan (mensyaratkan kumpulan tertentu mendaftar sebagai pertubuhan politik) berterusan. Isu itu nampaknya tidak mahu lenyap.*

PM: Itu perkara stamina. Kalau mereka dapat mengkalkan kadar mereka, kita juga dapat mengekalkan kadar kita. Kita lihatlah siapa yang akan bertahan lebih lama. Dulupun kita ada undang-undang yang tidak disukai oleh orang-orang tertentu. Bagaimanapun kalau kita merasakan ia tidak berfaedah kepada negara, kita tidak memerlukan desakan daripada sesiapa. Kita akan membuat keputusan sendiri.

S: *Tang Amat Berhormat telah membayangkan satu pendirian harus ada batas tentang sejauh mana pihak akhbar atau pertubuhan awam boleh bertindak. Apakah falsafah asas Tang Amat Berhormat berkenaan perkara ini?*

PM: Memanglah perlu ada keseimbangan, kalau ini boleh dicapai. Tetapi, kalau keseimbangan tidak dapat dipelihara secara sukarela—dengan kata lain, apabila kedua-dua belah pihak tidak dapat menghargai had-had yang boleh dilalui—jadi kerajaanlah yang berhak menentukan batas sempadannya. Kerajaan dipilih oleh rakyat, para wartawan tidak dipilih. Mereka jadi wartawan kerana mereka kebetulan boleh menulis dengan baik dan kebetulan ada pekerjaan, dan adalah menjadi kepentingan mereka memelihara pekerjaan itu dan meningkat di dalam kehidupan. Pertubuhan-pertubuhan mungkin ada matlamatnya tetapi tidak banyak tanggungjawab. Sekiranya akibat hasutan mereka berlaku rusuhan dan ada orang terbunuhan, bukan tanggungjawab mereka memberhentikan pembunuhan itu, itu tanggungjawab kita. Kerajaan berkewajipan membendung orang-orang demikian sebelum kita sampai ke tahap itu.

Apakah itu falsafah inti, atau sesuatu yang direka bagi keadaan khusus di Malaysia?

PM: Pada asasnya itu untuk Malaysia, tetapi saya fikir ia amat baik juga diamalkan di negara-negara lain, termasuk di Barat. Keganasan yang berleluasa di Barat, rusuhan yang terdapat di Britain hari ini, adalah akibat kecuaian yang dibiarkan sehingga ke peringkat yang tidak dapat dikawal. Jadi tidak ada lagi demokrasi, hanya pemerintahan gerombolan dan keganasan. Ini bukan matlamat perjuangan kita.

SATU PERMULAAN YANG BAIK

"Idea asasnya masih sama. Mungkin kata-kata yang saya gunakan kedengaran agak kasar, tetapi saya berada di atas landasan yang betul ketika itu, dan saya masih berpendapat yang saya harus meniti landasan yang sama kini. Bagaimanapun ada banyak jalan ke destinasi yang sama."

— Dr. Mahathir

PERDANA Menteri telah berpegang kepada janjinya yang dibuat ketika mengangkat sumpah jawatan pada 16 Julai 1981 bahawa, "Para tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak dilupakan." Usaha pembersihan dijalankan dengan begitu cepat dan menyeluruh hingga memerlukatkan kebanyakan pemerhati. Sejak 1967, ketika mana Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak membebaskan 147 orang tahanan di bawah kuasa tanpa bicara Akta tahun 1960 itu, belum pernah berlaku satu pengampunan beramai-ramai yang sedemikian. Di antara 21 orang yang dibebaskan pada 30 Julai itu ada empat nama terkenal. Selain daripada Chan Kok Kit, seorang ahli pengasas DAP yang juga Timbalan Bendahari Kebangsaan parti itu, Chian Heng Kai, 41 tahun, seorang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi DAP, Datuk Abdullah Ahmad dan Kassim Ahmad 47 tahun, Pengurus Partai Sosialis Rakyat Malaysia.

Pembebasan Datuk Abdullah Ahmad menutup kes yang diberi jolokan 'tiga abdul'. Datuk Abdullah Ahmad menjadi berita utama apabila ditahan dalam tahun 1976 bersama-sama dengan

bekas Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Abdullah Majid, 51 tahun dan tokoh wartawan Abdul Samad Ismail. Tiga Abdul ini telah dituduh menyebarkan propaganda pro-komunis.

Kedua-dua Abdul Samad Ismail dan Abdullah Majid sudah pun dibebaskan pada awal Februari 1981. Di bawah ISA, Chan dan Chian ditahan kerana 'secara sedar atau tidak sedar, langsung atau tidak langsung, sengaja atau tidak sengaja, membantu Front Bersatu Komunis dengan memperjuangkan pendidikan bahasa ibunda.' Chan dan Chian dengan lantang menyuarakan sokongan terhadap pendidikan bahasa Cina di Malaysia, satu pendirian yang bertentangan dengan dasar kerajaan memupukkan bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu.

'Kesalahan' Kassim Ahmad pula ialah mendesak supaya Malaysia mengamalkan sistem sosialis. Penulis terkenal itu pernah menyuarakan dengan berani kepada *Asiaweek* tentang, "Kerajaan yang terlampau antagonistik dan penindas di Malaysia." Kini Kassim yang terkejut dengan pembebasannya hanya mampu berkata, "Mereka yang kebebasannya tidak pernah dirampas tidak dapat memahami kebahagiaan yang saya rasai."

Di antara tahanan-tahanan lain yang dibebaskan ialah sebelas orang anggota kumpulan Islam bawah tanah, Pertubuhan Angkatan Sabilullah, atau PAS.

Mereka telah ditahan selama satu setengah tahun sebelumnya kerana terlibat di dalam tunjuk perasaan berhubung dengan subsidi padi di Alor Setar, Kedah dalam bulan Januari 1980. Enam orang lain, termasuk tiga orang wanita, juga telah dibebaskan tetapi alasan penahanan mereka tidak dijelaskan.

Apabila berita pembebasan 21 orang itu tersebar, merebak liarlah berita-berita angin konon Datuk Harun Idris juga akan dibebaskan. Para wartawan berkhemah di koridor Wad 7 Hospital Besar Kuala Lumpur di mana bekas Menteri Besar itu sedang dirawat kerana artritis. Spekulasi itu tiba-tiba berakhir apabila para pegawai Penjara Pudu memasuki biliknya selepas tengah malam 1 Ogos. Datuk Harun diberitahu bahawa beliau telah diberi pengampunan, dengan itu memendekkan tempoh penjaranya selama enam tahun kerana menerima bayaran US\$113,000 daripada Hongkong Shanghai Banking Corporation, dan menyalurkan keluar wang daripada Bank Rakyat milik kerajaan. (Beliau dijang

dibebaskan pada Februari 1982 menerusi pengampunan satu per-tiga hukuman). Setelah meletakkan cap ibu jarinya di atas lapan naskhah kertas pembebasannya, Datuk Harun yang agak ke-bingungan keluar dari hospital itu sebagai seorang yang bebas de-nan wang baki claun penjaranya sebanyak \$67.29 di dalam sakunya.

Orang yang pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO itu, di-akui sebagai ahli politik Malaysia yang paling kontroversial dan ka-rismatik, dengan segera memberitahu umum bahawa beliau tidak ada melakukan sesuatu yang "salah dari segi teknik"—dan dengan tegas mengatakan yang beliau akan kembali ke arena politik. Walau apa pun nasib masa depan Datuk Harun rakyat Malaysia terpesona untuk mengikuti perkembangan politiknya. Ismail Kassim, pem-berita wilayah bagi harian Singapura New Nation, dan seorang pengulas politik Melayu yang berpengalaman mengemukakan satu penilaian yang mengusik fikiran. "Dengan pembebasannya (Datuk Harun) dari penjara kerana pengampunan ke atas hukumannya, satu era di dalam politik UMNO telah berakhir. Satu era lain baru sahaja bermula." Kassim berfikir tidak mungkin Datuk Harun mencabar kepimpinan parti. "Beliau berbuat demikian dulu dan terpaksa membayar harga yang mahal kerana tindakan beraninya," tulisnya. "Kunci bagi seluruh isu itu ialah apakah Datuk Harun lebih berpengaruh semasa di dalam penjara, atau kini."

Menteri Dalam Negeri merangkap Timbalan Perdana Men-teri, Datuk Musa Hitam (yang berkata masih ada 568 orang di-tahan) telah membidas pandangan itu dengan katanya, "Kerajaan akan memandang berat mana-mana pihak yang sengaja menyalah-tafsirkan keputusan ini untuk mewujudkan gambaran di kalangan rakyat konon kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr..Mahathir Mohamad telah mengubah haluan dan kini mengamalkan satu pendirian yang kurang anti-komunis."

Satu perkara yang menarik di dalam perkara keselamatan dan kebebasan ialah pengharaman yang dikenakan oleh Perdana Men-teri pertama, Tunku Abdul Rahman sebelas tahun lalu ke atas buku Dr. Mahathir, *The Malay Dilemma*. Buku itu yang mengan-dungi pandangan berterus terang tentang nasib orang Melayu di Malaysia, telah diisyiharkan "membahayakan keselamatan Malay-sia." Di antara 'hadiah' Hari Rayanya, Menteri Dalam Negeri, Da-

tuk Musa mengumumkan pengharaman itu ditarik balik. Penerbitnya, Times Book International telah bersedia untuk mencetak dengan banyaknya buku yang mengandungi pandangan tanpa tolak ansur Perdana Menteri terhadap pemikiran, perangai dan tradisi bangsa Melayu. Bila ditanya baru-baru ini sikapnya terhadap buku itu sekarang, Dr. Mahathir memberitahu, "Idea asasnya masih sama. Mungkin kata-kata yang saya gunakan kedengaran agak kasar, tetapi rasa saya, saya berada di atas landasan yang betul ketika itu, dan saya masih berpendapat yang saya harus meniti landasan yang sama kini. Bagaimanapun ada banyak jalan ke destinasi yang sama."

Perang Rahsia Moscow

MENURUT Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, orangnya seorang yang 'sangat biasa, agak pendiam'. Bagi rakan-rakannya pula dia tidak lebih daripada seorang setiausaha politik yang bercita-cita tinggi bertugas di pejabat Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir, tetapi kemampuannya diragui. Memang ada yang hairan kenapa dia belum dipecat kerana jelas benar dia tidak ada melakukan kerja-kerja yang cukup penting, dan pembawaannya yang agak anch. Tiba-tiba hanya tiga hari sebelum Dr. Mahathir mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat, pecah berita yang menggemparkan. Setiausaha politiknya, Siddiq Mohamed Ghous, 43 tahun, telah ditangkap kerana dituduh menjadi agen perisik Soviet Union. Tiga orang kakitangan Kedutaan Soviet telah diarah meninggalkan negara ini dalam tempoh 24 jam. Menteri Dalam Negeri, Ghazali Shafie mengumumkan bahawa Siddiq telah 'dididik' menjadi tali barut bagi rangkaian perisikan Rusia, KGB oleh tiga orang kakitangan kedutaan itu, yang semuanya merupakan agen-agen KGB.

Bagi Mahathir aspek paling serius dalam kes itu iaitu pengusiran anggota-anggota diplomat, sesuatu yang belum pernah dilakukan oleh Malaysia sebelumnya. "Di negara ini kita ada agen perisikan sendiri dan kita kumpulkan maklumat untuk mengetahui segala perkembangan dan peristiwa di negara-negara lain," katanya. "Setiap negara ada khidmat perisikannya. Tapi apa yang anda cuba lakukan ialah sesuatu yang sama dengan pencerobohan

dalam pertubuhan atau pejabat scorang pentadbir kanan negara ni, dan mencuri rahsia-rahsia. Ini tidak bolch dibiarkan."

Para diplomat ASEAN di Kuala Lumpur terkejut dengan bendedahan tentang adanya scorang agen KGB bergerak di bawah cumbung kuasa. "Tidak dapat dibayangkan, entah di mana kita mungkin terjebak," kata salah seorang daripada mereka. "Memanglah kita merasa amat lega dengan hal itu (penahanan Sidiq)." Kebimbangan di seluruh ASEAN memang wajar. Para pegawai utama keselamatan anggota ASEAN cukup mahir tentang taktik dan teknik apa yang ditafsirkan oleh Vladimir Lenin sebagai "konsep kuasa diktator saintifik".

KGB adalah singkatan bagi Komitet Gosudarstvennoy Bezopassnosti, atau Jawatankuasa Keselamatan Negara. Pertubuhan sebelumnya, *Cheka* diasaskan hanya beberapa minggu sebelum Revolusi 1917, dan bertanggungjawab menubuhkan rangkaian kem pengasingan dan kem buruh paksa ketika itu. Bagi Lenin—dan masih demikian bagi Kremlin—itu bererti "tidak lebih dan tidak kurang daripada kuasa yang tidak terhad terletak langsung di atas kuasa tentera, tidak terhad oleh apa-apa, juga tidak disekat oleh sebarang undang-undang ataupun kuasa-kuasa mutlak."

Pengkhianatan yang dilakukan oleh KGB menggerunkan dan mendalam kesannya. Ilya Djirkhelov, yang bekerja untuk KGB selama 30 tahun sebelum berpaling tadih ke England, menganggarkan pertubuhan itu mempunyai sehingga 700,000 orang, dan 'belanjanya tidak terhad' yang di dalam amalannya berjumlah kira-kira US\$5,000 juta setahun. Di tanahair sendiri pengawasan KGB ke atas wargancara Soviet adalah menyeluruh. Di Soviet Union dan juga di seberang laut, sebarang kumpulan rakyat Rusia yang ada urusan dengan orang asing pasti mempunyai agen-agen KGB di kalangan mereka. Ini boleh jadi termasuk para wartawan di Asia Tenggara, para pegawai Kementerian Perdagangan asing atau Ontourist (yang boleh dikatakan monopoly KGB) di New York, atau pengemas bilik di hotel-hotel Moscow.

Para pegawai KGB dan cabang-cabang ketenteraannya dikatakan memenuhi kebanyakan jawatan di kedutaan-kedutaan dan konsulat-konsulat, sehingga 80 peratus daripada kakitangan di beberapa ibu negara Dunia Ketiga. Di dalam kedutaan itu, perkhidmatan diplomat yang sah didalangi oleh ketua KGB setempat,

dan 'kakitangan yang diambil bekerja' ini mendapati diri mereka menggunakan banyak masa untuk pertubuhan itu.

Banyak cerita aneh, seperti seorang 'pemandu' kedutaan memberi arahan kepada seorang duta. Oleh kerana ramai orang KGB bertugas di seberang laut, pasukan diplomatik Rusia mempunyai terlalu ramai kakitangan. Dalam tahun 1971, misalnya, Mexico mempunyai lima orang yang menikmati hak perlindungan diplomatik di Moscow, tetapi Rusia mempunyai 60 orang di Mexico City. Kini ada kebimbangan sekurang-kurangnya di sebuah negara ASEAN tentang Kedutaan Soviet yang penuh sesak demikian.

Kegiatan KGB di ibu negara-ibu negara asing ialah pelbagai, daripada perisikan langsung untuk mendapatkan maklumat, tipu helah kotor untuk menakutkan atau menimbulkan keaiban dan permusuhan, serta penugasan 'tali barut'—agen KGB seperti Siddiq yang mungkin senyap dan tidak aktif beberapa tahun ketika mereka naik atau berdekatan dengan kedudukan kuasa.

Siddiq kini sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan Negeri, yang membenarkan penahanan tanpa had. Sekali pun ada sungutan daripada pembangkang Lim Kit Siang supaya diadakan perbicaraan atas tuduhan pengkhianatan awam, Dr. Mahathir mengenepikan idea itu. Beliau memberitahu *Asiaweek*, "Kita tidak berhasrat membicarakannya."

Dr. Mahathir dan Ghazali Shafie (Menteri Luar setelah rombak Kabinet Dr. Mahathir) merasa yakin bahawa Siddiq yang telah diawasi oleh Cawangan Khas sejak awal tahun 1979, tidak melakukan pembocoran rahsia yang serius. "Apa yang dilakukannya bolehlah dikatakan sekadar lebih sedikit daripada menjual maklumat, kepada Rusia dan mungkin juga kepada orang lain," kata Perdana Menteri. "Oleh kerana kita mahu tahu kegiatan kegiatannya maka kita telah membiarkannya berterusan. Tetapi tidak ada sesuatu yang bernilai telah dibenarkan tersalur keluar."

Beberapa bulan sebelumnya, dalam tahun 1980, menurut Dr. Mahathir, pihak polis telah memberitahu beliau tentang kegiatan rahsia setiausaha politiknya itu. "Saya diberitahu," kata Dr. Mahathir. "Kerana ketika itu polis telah mengumpul cukup maklumat untuk meyakinkan saya tentang apa yang dilakukannya. Saya bukan mudah untuk diyakinkan." Sekiranya beliau memerlukan lebih

banyak bukti, kuncinya ditemui beberapa bulan kemudian dari satu sumber yang memerlukatkan iaitu Siddiq sendiri. Setelah polis pertama kali bersemuka dengannya dalam tahun 1981 berkenaan kerja salahnya, Siddiq yang jelas sekali tidak menyedari yang Dr. Mahathir mengetahui hal itu, menghantar sepucuk nota kepada beliau: "Dia boleh dikatakan membayangkan apa yang telah dilakukannya," kata Dr. Mahathir. "Katanya beberapa perkara dilakukannya menarik minat KGB. Tetapi dia tidak menerangkan minat yang bagaimana."

Kini menyedari dirinya sentiasa diekori, dan mungkin mengetahui juga yang menelefonnya, menurut satu sumber perisikan, telah diawasi, Siddiq sekali lagi mengambil tindakan aneh. Beberapa kali dalam minggu-minggu sebelum penahanannya, beliau meminta kementerian mengeluarkan satu kenyataan akhbar mengesahkan beliaulah Setiausaha Politik tunggal Timbalan Perdana Menteri. Beliau menulis sendiri kepada akhbar-akhbar tempatan menegaskan perkara itu, iaitu maklumat yang sudah lima tahun usianya. "Pada pendapat kami bahawa desakan demikian untuk memberitahu orang ramai, adalah satu isyarat untuk mengatakan yang rahsianya sudah terbongkar."

Apabila bukti secukupnya sudah diperolehi, yang tinggal ialah menentukan waktu menahannya. Ahli-ahli strategi utama UMNO mendesak agar ia ditangguhkan sehingga selepas Perhimpunan Agung parti dalam bulan Mei 1981, supaya tidak menjelaskan pengundian dalam mana Dr. Mahathir ditetapkan untuk disahkan tanpa pertandingan sebagai Presiden dan Ghazali Shafie bertanding untuk jawatan Naib Presiden (beliau kalah). Tetapi Dr. Mahathir berkata persidangan UMNO, "tidak ada kaitan". Pada asasnya beliau menjelaskan, "Saya (tidak mahu) meneruskan momokan ini setelah menjadi Perdana Menteri. (Tetapi) cukup jelas ia (penahanan) tidak boleh terlalu awal kerana polis memerlukan masa yang cukup untuk membuat siasatan serta mencari rahsia disebaliknya. Jadi saya tangguhkan sehingga saat-saat akhir." Sekalipun Perdana Menteri, Hussein Onn diberitahu perkembangan perkara itu, kata Dr. Mahathir, beliau membuat keputusan penahanan itu bersama dengan Ghazali.



6

ANWAR SERTAI MAHATHIR

Beliau menyertai politik masa kini kerana berpuas hati dengan perubahan yang digerakkan oleh kerajaan baru di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

KESINAMBUNGAN dalam kepimpinan mestilah diasaskan dari awal-awal lagi. Dengan berbuat demikian segala yang diasaskan itu dapat dipastikan yang kejayaannya akan berterusan.

Untuk menjadi pemimpin yang disegani bukannya mudah. Tugas memimpin bukan hanya di mulut. Kata-kata dan ucapan saja belum tentu dapat mengambil hati rakyat. Apatah lagi yang hendak dipikat itu seorang pemuda yang ada ketokohan untuk menjadi pemimpin besar.

Bagaimanapun bagi Dr. Mahathir ‘hendak seribu daya’. Justeru itu beliau telah melancarkan gerakan politik terbesarnya sejak mengambil alih tugas dengan menjinakkan seorang pentang yang paling berkarisma bagi menghadapi Pilihanraya Umum 22 April 1982. Pada 29 Mac, beliau mengumumkan bahawa Anwar Ibrahim, salah seorang pengkritik kerajaan yang paling aktif dan presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) (ketika itu mempunyai 40,000 orang ahli) telah meletakkan jawatannya untuk menyertai UMNO.

Dengan menyertai parti utama Barisan Nasional, Anwar yang berusia 34 tahun itu telah memusnahkan harapan Parti Islam (PAS), yang yakin Anwar adalah seorang penyokong rahsianya.

PAS menjangka dapat bersaing hebat dalam pilihanraya. Malah, Anwar akan tampil secara terbuka menyertai PAS, sebagai pemimpin. Sebilangan penganalisa berkata Anwar terlewat mengisyiharkan dirinya kerana PAS sudah meletakkan dua orang pemimpin pentingnya, Ustaz Abdul Hadi Awang dan Ustaz Fadzil Noor pengganti kepada Datuk Asri Muda.

Anwar pernah ditahan tanpa perbicaraan di bawah Akta Kese-lamatan Dalam Negeri (ISA) selama 22 bulan, setelah mengetuai tunjuk perasaan pelajar di Baling, Kedah, dalam tahun 1974, dan merupakan pengkritik ISA yang lantang. Episod Baling merupakan ekoran dari kejatuhan harga getah dan laporan kebuluran di kala-ngan pekebun kecil di kawasan itu. Akibatnya tindakan diambil ter-hadap pengikut Anwar. Anwar sekali lagi menjadi bahan berita da-lam tahun 1979 apabila beliau mengetuai tunjuk perasaan di hada-pan Kedutaan Rusia di Kuala Lumpur berikutan pencerobohan Rusia ke atas Afghanistan. Kemudian beliau mengetuai bantahan Rang Undang-Undang (Pindaan) Akta Pertubuhan yang mengan-cam akan mengharamkan sesiapa, selain ahli politik dan pertubu-han politik, daripada mengulas perkara-perkara politik. Kontroversi ekoran daripada itu menjadikan Anwar tokoh utama bagi beratus-ratus pertubuhan berdaftar mewakili berbagai-bagai agama, kaum, falsafah dan bidang kepentingan. Anwar menjadi jurucakap dan mendapat sokongan mereka. Pergerakan spontan sedemikian tidak diduga.

Anwar dan kumpulannya telah sekian lama kelihatan memain-kan peranan non electoral yang penting. Presiden Aliran, Chandra Muzaffar memberitahu: "Saya menyesali keputusannya untuk turut serta di dalam politik berparti. Di Dunia Ketiga dimana proses pemilihan tidak membawa perubahan pokok, amat perlu individu dan kumpulan non electrol yang memberi perhatian serius ter-hadap pengupasan idea dan menggerakkan tindakan-tindakan ter-hadap akar umbi penyakit sosial. Saya rasa Anwar seorang individu yang mempunyai visi tentang peranan demikian bagi kumpulan-kumpulan non electrol."

Anwar sendiri di dalam sidang akhbar ketika beliau diperke-nalkan oleh Dr. Mahathir, menyatakan keyakinan yang beliau dapat menggerakkan perubahan-perubahan penting. Anwar meng-isytiharkan yang beliau tidak akan mengorbankan prinsipnya sete-

lah menyertai UMNO. Katanya beliau tertarik oleh prestasi pentadbiran Dr. Mahathir dengan perubahan-perubahan dilakukan oleh kerajaan yang komited untuk menyebarkan nilai Islam sebenar dan ingin membasmikan kemungkaran seperti rasuah, ketidakcekapan dan pengabaian golongan miskin.

Anwar yang sekian lama mengisyiharkan tidak akan menyertai politik, menjelaskan bahawa beliau menyedari percanggahan yang timbul akibat tindakannya. Beliau menyertai politik kerana sedar bahawa perubahan-perubahan yang digerakkan oleh kerajaan baru adalah perubahan pokok.

Bagaimanapun ramai pemerhati mengatakan belum lagi jelas yang perubahan-perubahan itu benar-benar perubahan pokok. Kata seorang pengkritik, sedang tindakan terhadap rasuah kini meluas, Badan Pencegah Rasuah yang baru bukanlah badan bebas seperti badan Kehakiman atau Suruhanjaya Pilihanraya, jadi komitmen terhadap perubahan nampaknya hanya perhiasan. Juga agak mengganggu perasaan, kata seorang ahli akademik yang dihormati, bahawa ahli-ahli politik yang mengamalkan rasuah masih digunakan sebagai penggerak kuasa di dalam persiapan untuk pilihanraya. Walaupun dijangka sebilangan ahli politik yang mengamalkan rasuah ini hampir hendak ditahan atau digugurkan, tetapi pengaruh mereka berterusan.

Sebagai seorang pengkritik ISA yang lantang, Anwar kelebihan bingung oleh hakikat bahawa pada hari beliau meletakkan jawatan daripada ABIM, kerajaan telah menahan sembilan orang ahli satu puak fanatik agama dan menahan mereka di bawah akta itu. Yang memerlukan ialah beliau apologetik terhadap undang-undang itu dan menyatakan bukan prinsipnya tetapi pelaksanaannya yang dipersoalkan. Dengan itu mengemukakan cadangan luarbiasa bahawa undang-undang kuku besi dibolehkan kalau dikendali dengan wajar. Beliau juga berkata sekurang-kurangnya harus dilakukan kajian semula terhadap ISA tetapi beliau tidak mendesak pemansuhan.

Penyimpangan penting daripada pendirian tegasnya sebelum itu dijangka menyebabkan beliau kehilangan sokongan dari kalanjan pemikir liberal. Hanya beberapa minggu sebelum itu, Anwar dilantik menjadi jurucakap dan ‘pemimpin’ puak-puak yang berdemonstrasi di hadapan Kedutaan Soviet. Mereka yang terdiri dari

penyokong-penyokong DAP, PAS, PSRM dan juga pertubuhan-pertubuhan Aliran, CAP serta lain-lain golongan kiri itu mengagumi ketokohan Anwar.

Penerimaan Anwar ke dalam UMNO dilihat oleh ramai pemerhati sebagai menandakan kerajaan memerlukan satu platform yang lebih diyakini berhubung dengan hal ehwal agama. Semenara ramai orang sebelumnya mengecap ABIM sebagai fundamentalis agama, tidak diragukan juga pertubuhan itu merupakan pergerakan Islam paling liberal di negara ini. Anwar yang cuba dipikat oleh PAS dan UMNO itu sebenarnya dapat juga berhubung dengan parti pembangkang yang berasaskan masyarakat Cina, khususnya Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Ramai pemerhati percaya bahawa penyertaan Anwar ke dalam UMNO akan mengancam peluang ramai ahli politik pelapis UMNO yang bercita-cita tinggi. Hubungan Anwar dengan Dr. Mahathir wujud sejak tahun 1969 lagi. Rusuhan kaum 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur mula mengerakkan perubahan asas dalam kehidupan politik rakyat Malaysia, termasuk pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Ketika itu Anwar adalah seorang aktivis pelajar yang dipercayai berperanan menaikkan Dr. Mahathir dari tempat yang agak sederhana ke tengah-tengah pentas politik.

Apabila ditanya kenapa beliau menunggu begitu lama untuk menyertai kerajaan walaupun rakan seidealnya, Dr. Mahathir, yang menjadi seorang menteri dalam tahun 1974 telah meningkat, Anwar berkata beliau harus mempastikan prinsip yang dipegang oleh Dr. Mahathir lewat tahun 1960-an diuji. Katanya beliau tidak berpuas hati dengan komitmen kepimpinan (ketika itu) dalam menyembuhkan masyarakat daripada penyakit-penyakitnya sebagai komitmen jujur.

Penumpasan Crypto

SATU pergerakan fanatik menggelarkan dirinya Crypto dan dikatakan bertujuan mahu menggulingkan kerajaan tiba-tiba terbantut pada 27 Mac 1982. Namun setelah didedahkan kemudian didapati lebih pelik daripada berbahaya. Seramai sembilan orang daripada pemimpin utamanya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) setelah didapati pergerakan tersebut mempunyai

ya pengikut daripada berbagai-bagai fahaman yang mempercayai 'teokrasi kerajaan'. Biasanya bangsa Yahudilah yang paling unggul dalam pertubuhan seperti ini. Anehnya, para pengikut fahaman ini tidak ada sebarang pantang larang, kecuali 'berokok tembakau'. Anehnya kebebasan seks digalakkan dengan sungguh aktif sekali.

Namun demikian menurut kenyataan polis, terdapat bukti bahawa pengikut pergerakan itu yang seramai 100 orang mempunyai sebuah kerajaan bayangan yang sudahpun mencetak contoh mata wang, pasport, kad pengenalan, pakaian seragam, adalah sebuah bendera.

Walaupun tidak ada bukti yang kumpulan ini mempunyai senjata, namun kerajaan mengesyaki kumpulan ini mungkin terlibat di dalam keganasan yang berlaku di Batu Pahat dalam bulan Oktober 1980, dimana 15 orang fanatik menyerang sebuah balai polis. Seramai lapan orang daripada para penyerang itu ditembak mati, setelah mereka mencederakan 23 orang anggota polis dan tiga orang awam. Sebagaimana fanatik Crypto, para penyerang di Batu Pahat menganut ajaran aneh, yang antara lain, memerintah para pengikutnya agar mengenepekkan Mekah (Kiblat) dan menghalalkan muka mereka ke mana sahaja apabila bersembahyang. Apabila terungkapnya sembilan orang pemimpin Crypto yang memujuk para pengikut mereka dengan mengatakan keahlian di dalam kumpulan itu bererti tidak akan mati, telah menyebabkan para pemerhati semikirkan semula akan faedahnya ISA.

Para pemimpin kumpulan itu mengaku hilang akal semasa berbicaraan di sebuah mahkamah. Menurut ceritanya amalan mereka termasuk mengangkat kedua-dua belah tangan ke langit selama 10 minit pada pukul 3.00 pagi untuk menunggu kuasa mereka dan sekiranya dalam waktu tersebut tidak berhasil, para pengikut terpaksa menaikkan kaki selama 30 minit dan menunggu kuasa tersebut menyerap ke dalam tubuh mereka. Polis percaya walaupun mereka mungkin telah menahan ketua-ketua kumpulan tersebut namun masih terdapat pengikutnya. Ini terwujuk apabila satu keluarga telah membuat rayuan terbuka terhadap seorang ahli keluarga mereka yang menyertai kumpulan itu dan kembali ke pangkuhan mereka.

Seorang pakar ajaran sesat memberitahu masih terdapat banyak kumpulan yang wujud di negara ini yang menganjurkan

amalan yang lebih aneh dan tidak munasabah. Bagaimanapun polis tidak begitu bimbang terhadap kumpulan-kumpulan kecil ini. Sebaliknya polis lebih berwaspada terhadap golongan yang mahu menggerakkan fahaman mereka melalui politik, senjata api dan pedang.

ERA BARU PENUH KEAZAMAN

"Saya sedar saya mewujudkan musuh-musuh. Saya tidak ada pilihan. Sama ada saya datang dan duduk senang-senang dan tidak melakukan apa-apa, atau melakukan sesuatu walaupun akibatnya menjadi tidak popular. Saya tidak percaya saya akan selamanya tidak popular, jadi tidak menjadi hal. Selagi saya mencapai sesuatu, menjadi tidak popular tidak menjadi hal. Malah disingkirkan dari jawatan pun tidak merisaukan saya."

— Dr. Mahathir

PERISTIWA 'hitam' 13 Mei 1969 mengubah corak politik dan pemikiran rakyat negara ini. Rusuhan kaum yang mengakibatkan ratusan nyawa terkorban dan cedera itu mengajar kita semua supaya bersikap tolak ansur dan sederhana terhadap mananya isu yang sensitif.

Peristiwa tersebut telah membuka mata golongan elit Melayu supaya memandang serius terhadap masalah dan hasrat orang Melayu. Tiga belas tahun kemudian, Dr. Mahathir dan Musa sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menjadi asaran 'kempen bisik' yang mengecap mereka sebagai sosialis.

Bagaimanapun apabila mereka bersiap sedia untuk pilihanraya Parlimen dan 11 buah Dewan Undangan Negeri pada 22 April 1982, jelas sekali tradisi harus memberi ruang secukupnya kepada akat perseorangan yang biasanya disebut zaman 2M (Mahathir-Musa). Suasana ketika itu amat berbeza sama sekali dengan era unku Abdul Rahman. Dr. Mahathir tidak mahu menerima gam-

baran bumiputera yang bergembira mengucapkan syukur kepada ihsan-ihsan kecil sebagai ideal. Beliau mahukan orang Melayu berhemah tinggi dan bercita-cita besar. Tuntutan yang sarat dengan cita-cita yang serupa disampaikannya kepada ahli-ahli politik dan birokrat dimana sudah tentu mempengaruhi keputusan pilihanraya. Berbeza dengan tradisi pemerintahan zaman Tunku, dalam masa kurang daripada 100 hari Dr. Mahathir mengambil alih kuasa, dalam bulan Julai 1981 beliau telah memberi lebih banyak kebebasan kepada pihak akhbar yang sebelum ini terantai dan membebaskan berpuluhan orang tahanan ISA yang tidak disenangi itu.

Dalam pada itu beliau juga memeranjatkan kerana memberi kebebasan sepenuhnya kepada Biro Siasatan Negara (kini diberi semula nama asalnya iaitu Badan Pencegah Rasuah) untuk mengambil tindakan terhadap ahli-ahli politik serta para pegawai awam yang rasuah. Dr. Mahathir juga mengarahkan kakitangan kerajaan menggunakan perakam waktu untuk mencatat waktu datang dan pulang kerja. Langkah ini secara tidak langsung mengingatkan mereka tentang terlalu banyak waktu bekerja terbuang kerana bermain golf dan terlibat dengan kegiatan-kegiatan lain ketika waktu pejabat.

Ekoran daripada langkah tersebut, para penganalisa politik membuat andaian bahawa 500,000 orang kakitangan awam (serti tanggungan mereka) yang berjumlah lebih sejuta undi memberontak. Namun demikian mereka tersalah kira dengan tenaga dan keupayaan 2M yang kembali dari pengembalaan politik.

Biro Aduan Awam yang lebih merupakan simbol telah dipindahkan daripada pertapaannya di Kementerian Dalam Negeri bagi mendekatkannya dengan rakyat. Ada yang menjadi kecut sangat apabila Dr. Mahathir mengumumkan, sekalipun ada hubungan tradisi dagangan dengan Britain, mulai sekarang, tidak digalakkan membeli barang-barang British kalau ada pilihan lain yang wajar. Sekiranya memutuskan hubungan tradisi dengan Britain dapat diterima oleh sebilangan yang melihatnya dalam hubungan luar yang lebih terbuka, tetapi serangan ke atas sikap tradisional dalam negara tidak mudah difahami.

Datuk Musa memeranjatkan ramai penyandang jawatan 'berupah' di seluruh negara dengan menutup perusahaan-perusahaan yang mengalami kerugian yang selama ini telah menikmati stat-

'lembu keramat' di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC). Badan-badan itu sepatutnya membimbing bumiputera untuk menceburi perniagaan, tetapi jelas sekali menimbulkan terlalu banyak rasuah dan salahguna tabung awam. Suara-suara bantahan malah dari dalam UMNO sendiri telah diketepikan. Meskipun ada Dasar Ekonomi Baru, barang siapa yang berfikir bahawa SEDC pada dasarnya sebagai institusi bagi naungan politik, terpaksa berfikir semula.

Datuk Musa juga mengenepikan amaran akan bahayanya bertindak bercanggah dengan para penentu kuasa politik yang bersenang-senang di dalam institusi-institusi ini yang pada dasarnya direka untuk meningkatkan tarap hidup Melayu desa. Namun tidak ada waktu untuk berpatah balik. Sebaliknya, tersebar berita kononnya para veteran yang menjadi naungan tradisi terpaksa berundur untuk memberi ruang kepada para teknokrat muda. Umpamanya di Johor, di antara tokoh-tokoh establishmen yang didapati rasuah, hanya dua orang daripada 32 ahli lama di dalam Dewan Undangan Negeri yang dicalonkan semula. Sementara di Selangor pula hanya lima daripada 33 orang yang terselamat di dalam gerakan pemberian itu.

Perjuangan itu (2M) terganggu akibat satu kontroversi di luar angkaan mengenai dasar pendidikan. Para pegawai yang melaksanakan dasar kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira (3M) telah mencuba secara paksaan penggunaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah yang mengajar dalam bahasa Cina dan Tamil. Usaha itu berjalan dengan janggal. Akibatnya parti-parti pembangkang yang agak diam apabila berhadapan dengan tindak anduk dan rancangan 2M, mengungkitkan isu itu sekali lagi.

Para pendidik Cina, masih gusar kerana sebelum itu kerajaan mengeluarkan sebuah piagam bagi sebuah universiti bahasa Cina, telah menyertai satu bantahan yang dengan mudah boleh merebak secara terbuka. Tunjuk perasaan diharapkan tetapi Dr. Mahathir dan Datuk Musa memberi jaminan kepada masyarakat Cina dan India bahawa satu kesilapan telah berlaku. Sukatan ukuran pelajaran disemak dan bahagian-bahagiannya diperbaiki serta memberi jaminan akan mengatasi masalah itu—semacam mensuhukan akta yang lebih awal yang boleh menyebabkan sekolah-sekolah Cina dan Tamil menjadi sekolah berpengantar Melayu.

Dengan penyesuaian itu sekolah-sekolah rendah bahasa Cina dan Tamil boleh terus beroperasi selama yang dikehendaki oleh kedua-dua kaum itu.

Sedang anasir-anasir yang lebih ekstrim di dalam kerajaan dan parti-parti politik Melayu melihat ini sebagai satu sikap pengecut tetapi pihak kerajaan dengan berat mengakui ada kesilapan besar di dalam pelaksanaan. Ini merupakan satu tindakan paling tidak disenangi oleh pentadbiran sebelumnya. Satu 'dasar tidak mengene-pikan masalah' kelihatan awal-awal lagi, apabila Dr. Mahathir memulakan tugasnya dengan memulihkan Majlis Tindakan Negara yang mula-mula digunakan oleh bekas Perdana Menteri, Allahyar-ham Tun Abdul Razak untuk mengawasi kerja rakan-rakannya dan pelbagai jabatan kerajaan. Tetapi ini amat bercanggah dengan anggapan supaya elit tradisi dilayan dengan penuh hormat walau dengan apa cara sekalipun. Majlis itu secara senyap-senyap dibubar-kan.

Satu lagi perbezaan penting di antara pentadbiran sekarang dengan yang lebih awal ialah dalam cara Timbalan Perdana Men-teri bekerja bertimbang dengan Perdana Menteri. Sebelum ini, Tim-balai Perdana Menteri—termasuk Tun Razak dan Tun Hussein Onn, malah Dr. Mahathir sendiri—sekalipun baik hubungannya dengan Perdana Menteri, seringnya berada di belakang. Proses pertukaran pemimpin pada masa lalu memerlukan masa yang lama. Namun, Datuk Musa jelas sekali merupakan penganti yang dilan-tik bagi Dr. Mahathir memainkan peranan yang jarang dibenarkan kepada penyandang-penyandang sebelumnya. Jelas sekali kedu-a pemimpin ini menyedari perlunya bekerja rapat antara satu sama lain. Mereka dikatakan mempunyai satu hot-line peribadi di antara pejabat kedua-duanya di bangunan yang sama kerana mereka tidak mahu ada pengumpat di dalam parti sendiri malah di dalam kabinet.

Usaha mencari bakat baru bukan sahaja di dalam politik tetapi juga di dalam perkhidmatan awam dan agensi-agensi kerajaan lain. Langkah 2M itu menimbulkan risik-risik tentang sikap mereka yang tidak menghormati nilai-nilai tradisi. Sekalipun mereka tidak terburu-buru menaikkan pegawai awam atau ahli politik bukan Melayu, jelas yang mereka tidak akan bertolak ansur dengan sesorang semata-mata berdasarkan kaitan mereka pada masa lalu.

Pengumpat-pengumpat telah menerima padah ekoran beberapa tindakan. Haruslah diingat walaupun ada darah India pada diri Dr. Mahathir dan darah Cina pada diri Datuk Musa, namun sifat keMelayuan mereka tidak perlu dibuktikan kerana mereka telah menerima padah dicap sebagai nasionalis pelampau Melayu sehingga awal tahun 1970-an. Sifat demikian mengecewakan orang-orang bukan-Melayu dan menyebabkan pula mereka disanjung oleh orang Melayu.

Pihak pengumpat Melayu tidak lagi dapat mengubah nada mereka sekarang. Parti pembangkang seperti PAS, yang melancarkan satu kempen menuju parti Dr. Mahathir tidak bersemangat Islam, dengan segera terpaksa menelan kembali kata-kata daripada kegiatan politik berabsia mereka. Tanpa membuang masa setelah memegang jawatan Perdana Menteri, Dr. Mahathir menunaikan fardhu haji ke Mekah diikuti oleh beberapa lawatan ke Asia Barat. Setelah lawatannya ke negara-negara teluk dalam bulan Februari, Malaysia mengumumkan penubuhan sebuah universiti Islam di mana bahasa Arab dan Inggeris akan menjadi bahasa pengantar. Dasar falsafah universiti itu menurut beliau, ialah Islam. PAS tidak dapat sama sekali menentang langkah itu atau mempersoalkan kejujuran Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir juga beroleh satu kemenangan apabila berjaya mengajak Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM), Anwar Ibrahim, menyertai UMNO. Anwar bukan sahaja mewakili pergerakan kebangkitan semula Islam yang paling dihormati di negara ini, tetapi merupakan seorang intelek dan penentang yang dihormati. Kehadirannya telah menegaskan usaha Dr. Mahathir mencari orang-orang yang berkebolehan, sedang langkah Anwar itu disambut dengan rasa kecewa oleh golongan liberal yang melihat beliau sebagai pejuang masa depan dalam tolak ansur agama dan kaum. Langkah Dr. Mahathir tersebut meningkatkan imej beliau sebagai lebih bersedia bertolak ansur terhadap hasrat bukan-Melayu dan bukan Islam, kerana Anwar sendiri seorang penentang yang sebelumnya mengetuai para penyokong bukan Melayu menentang undang-undang yang ketat, mengharamkan kenyataan politik oleh pertubuhan bukan politik.

Golongan pembangkang termasuk DAP dan Partai Rakyat Sosialis Malaysia mengakui yang pentadbiran 2M mempunyai

beberapa sifat positif. Bagaimanapun mereka dan kumpulan-kumpulan bukan politik serta individu-individu yang memperjuangkan perubahan terus tidak merasa senang. Mereka sangsi—apakah langkah-langkah kerajaan itu semata-mata bertujuan mengekalkan kuasa.

Setelah sembilan bulan berada di tumpuk kuasa, Dr. Mahathir tidak mengambil langkah mengisyiharkan perubahan-perubahan dasar melalui undang-undang. BPR mendapat nama baru tetapi masih belum bebas. Tidak ada usaha dilaksanakan untuk memansuhkan Akta Pendidikan yang penuh kuasa dan boleh mengubah sekolah-sekolah Cina menjadi sekolah Melayu. Undang-undang kuku besi, ISA, masih wujud. Menurut Menteri Dalam Negeri Pindaan Akta Pertubuhan akan dikaji semula tetapi belum dimansuhkan.

Dalam banyak hal bayangan pedang kuasa masih bergantung di atas kepala rakyat yang hanya telah diberi jaminan bahawa pedang itu tidak akan jatuh. Para optimis berkata dengan manda baru akan wujud liberalisme baru. Dr. Mahathir dan Datuk Mus memang pernah merasai kepahitan tersisih kerana pandangan berbeza daripada pihak berkuasa. Tetapi akan bersympatikah mereka terhadap generasi baru yang berbeza pendapat dengan mereka? Itu hanya akan terjelma di dalam tindakan mereka apabila memenangi mandat sendiri untuk memerintah pada 22 April, 1982.

250 Hari Pertama Pentadbiran 2M

1981

16 Julai

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memegang jawatan.

18 Julai

Kabinet baru diumumkan dengan Datuk Mu Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

23 Julai

Dihidupkan semula Majlis Tindakan Negara yang mengawasi kerja kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

30 Julai

Datuk Musa mengumumkan pembebasan 21 orang tahanan ISA.

1 Ogos

Datuk Harun Idris, bekas Menteri Besar Selangor

- dibebaskan dari penjara 13 bulan sebelum tamat tempoh penjaranya selama enam tahun kerana rasuah.
- 3 Ogos** Dr. Mahathir memberi amaran kepada para pegawai awam agar memperkemaskan diri. Kad perakam waktu diperkenalkan kepada semua kakitangan perkhidmatan awam.
- 9 Ogos** Perdana Menteri China, Zhao Ziyang melakukan lawatan tiga hari ke Malaysia dan diberitahu bahawa Dr. Mahathir hanya menerima formula China bagi hubungan kerajaan dengan kerajaan dan tidak bagi hubungan parti dengan parti.
- 8 Ogos** Datuk Musa mengarahkan dua buah anak syarikat Lembaga Pembangunan Johor ditutup dan memberi tempoh enam bulan kepada dua buah lagi supaya memperkemasnya ataupun ditutup.
- 13 Ogos** Dr. Mahathir melawat Jakarta dan beliau mengisyiharkan bahawa Vietnam bukan ancaman bagi rantau ini. Datuk Musa mengumumkan bahawa pegawai-pegawai dikehendaki mengisyiharkan semua harta mereka.
- 24 Ogos** Datuk Musa mengarahkan penutupan dua buah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Perlis yang kerugian.
- 25 Ogos** Datuk Musa mengumumkan undang-undang baru berhubung dengan perkahwinan dan perceraian bukan Islam yang akan dilaksanakan dalam tahun 1982.
- 2 Sept.** Dr. Mahathir mengumumkan yang kerajaan akan memperkenalkan undang-undang untuk mengawal manipulasi bursa saham. Beliau juga mengumumkan tidak akan menghadiri Sidang Ketua-Ketua Kerajaan Komonwel di Melbourne kerana beliau mempunyai tugas yang lebih penting untuk dilaksanakan.
- 7 Sept.** Permodalan Nasional Berhad mengambil alih Guthrie Corporation.
- 15 Sept.** Datuk Musa berkata kerajaan menjamin kebebasan

- akhbar tetapi tidak berkompromi dengan amalan perkauman yang mengeksplorasi media massa.
- 10 Okt.** Dr. Mahathir mengumumkan bahawa tender dan pembelian daripada firma-firma British pada masa depan haruslah diluluskan oleh jabatannya dan ini membayangkan bahawa kerajaan hanya membeli barang-barang British setelah tidak ada pilihan lain. Dr. Mahathir berkata kerajaan bercadang menu buhkan sebuah jabatan khas menentang rasuah.
- 26 Okt.**
- 12 Nov.** Kerajaan mengesahkan langkah meminda Akta Universiti dan Kolej yang kontroversial.
- 20 Nov.** Kerajaan mengumumkan bahawa para pegawai awam yang memilih untuk bersara awal harus mengisyiharkan semua harta mereka enam bulan sebelum tarikh terakhir bekerja.
- 28 Nov.** Sekatan visa ke atas isteri rakyat Malaysia keturunan asing dilonggarkan.
- 4 Dis.** Datuk Musa mengumumkan penyeragaman waktu Malaysia dan rakyat dari Sabah dan Sarawak dapat ke Semenanjung tanpa pasport mulai 1 Januari 1982.
- 15 Dis.** Dr. Mahathir mengumumkan Dasar Pandangan Ke Timur untuk hubungan lebih rapat dengan Jepun dan Korea Selatan.
- 1982**
- 4 Januari** Sistem pendidikan asas 3M (membaca, menulis dan mengira) yang kontroversial diperkenalkan secara ujian di 302 buah sekolah. Bantahan timbul di seluruh negara.
- 5 Januari** Persatuan-persatuan sekolah Cina mengadakan satu mesyuarat menggesa ibu bapa menentang pelaksanaan rancangan 3M.
- 12 Januari** Datuk Musa memberi jaminan bahawa ciri sekolah-sekolah Cina dan Tamil tidak akan berubah. Beliau juga mengambil langkah memperbetulkan kelemahan-kelemahan rancangan 3M.
- 2 Februari** Dr. Mahathir mengisyiharkan Malaysia mungkin

- menarik balik sokongan kepada Khmer Rouge.
- Februari** Datuk Musa menawarkan baki tahanan di bawah ISA untuk 'diangkat' oleh negara-negara lain.
- Februari** Dr. Mahathir bertemu dengan Setiausaha Luar British, Lord Carrington tetapi tidak membuat sebarang perubahan di dalam dasar tidak membeli barang British sekiranya ada satu pilihan lain.
- 7 Februari** Dr. Mahathir melakukan lawatan 10 hari ke negara-negara Teluk.
- Mac** Dr. Mahathir mengumumkan sebuah universiti Islam yang menggunakan pengantar bahasa Arab dan Inggeris akan dibuka di Malaysia.
- Mac** Datuk Musa bertindak mengkaji semula pindaan-pindaan kontroversial kepada Akta Pertubuhan.
- 6 Mac** Kerajaan mengumumkan penutupan Lembaga Kemajuan Ternak (Majuternak), kerana kelemahan pengurusan dan dikatakan melibatkan rasuah.
- 7 Mac** Sembilan orang ditahan di bawah ISA kerana merancang mahu menggulingkan kerajaan.
- 9 Mac** Pemimpin belia Islam berkarisma, Anwar Ibrahim yang kuat mengkritik dasar-dasar kerajaan hampir sedekad, menyertai parti politik Dr. Mahathir.



Tengku Razaleigh Hamzah



Datuk Musa Hitam

MANDAT REFORMASI

"Sekiranya keadaan ekonomi dunia lebih baik, akan lebih mudah kita menghulurkan pembangunan dengan cepat. Inilah masalah tunggal yang paling penting kita hadapi."

— Dr. Mahathir

Saya tidak menyangka kita akan menang sebanyak itu." Ulasan gembira Dr. Mahathir itu merumuskan keputusan pilihanraya yang beliau baru sahaja harungi sembilan bulan selepas menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Memang tidaklah timbul keraguan bahawa Barisan Nasional yang memerintah, dengan UMNO diketuai oleh Dr. Mahathir yang memainkan peranan unggul, dapat berkuasa semula. Tetapi majoriti kemenangan itu yang memerlukan ramai pemerhati. Kemenangan besar ini merupakan satu kejutan yang amat pahit terhadap parti pemungkang yang kalah teruk, khususnya DAP dan juga PAS. Apabila mua keputusan diketahui, Dr. Mahathir telah memperolehi undi percayaan yang hebat.

Barisan Nasional, komponen 11 buah parti yang bertanding dalam 154 kerusi parlimen dan 312 kerusi dewan undangan negeri di Semenanjung Malaysia telah memenangi 132 kerusi parlimen. Walaupun itu adalah satu kerusi melebihi jumlah yang diperolehi dalam pilihanraya tahun 1978. Bagaimanapun perbandingan itu agak sedikit kali ini oleh pertandingan-pertandingan setempat di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung, Barisan telah meningkatkan perolehan kerusi Parlimen dengan sembilan kerusi tambahan menjadi 103. BN juga memperolehi kejayaan cemerlang di negeri-negeri Semenanjung dan meningkatkan undi popularnya sebanyak

4% menjadi 61.28%.

Sementara itu, DAP mengalami kurangan peratus dan kehilangan sembilan kerusi di Semenanjung, sekalipun memperolehi beberapa kerusi di Sabah dan Sarawak. Sebuah lagi parti pembangkang, Parti Islam Sa-Malaysia (PAS), mencapai kejayaan yang meningkat di peringkat negeri di negeri-negeri Pantai Timur, tetapi gagal di peringkat Parlimen.

Bagi Dr. Mahathir, ketika itu berusia 56 tahun, dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, 48 tahun, keputusan itu menjadi perakuan jelas untuk membolehkan terus bergerak dengan kerajaan gaya reformis. Di dalam tempoh sembilan bulan pertama mereka berkuasa, 2M telah melaksanakan sistem kad perakam waktu untuk mengatasi para pegawai yang lambat datang kerja. Mereka juga telah melancarkan kempen besar-besaran terhadap pegawai-pegawai yang terbabit dengan rasuah, membebaskan beratus-ratus tahanan politik dan menggesa rakyat bekerja lebih keras. Cogankata kempen Barisan, yang meliputi seluruh negara di dalam perang poster dan media yang belum ada tandingannya, selari dengan keyakinan Dr. Mahathir yang telah dinyatakan: iaitu kerajaan yang "Bersih, Cekap dan Amanah."

Sebilangan rakyat Malaysia yang pemikir bagaimanapun, berpendapat mungkin barisan yang memerintah dapat menggunakan secara meluas faedah yang tersedia di dalam kempen itu. Faedah faedah itu ialah belanjawan yang besar, pembahagian waktu siaran media yang kontroversial, akhbar-akhbar partisan, dan pengharuman ke atas perhimpunan atau rapat-rapat umum. Pemimpin DAP, Lim Kit Siang menegaskan, "Kami dapati amat payah untuk menyampaikan mesej kami. Politik wang mencapai paras yang tertinggi di dalam sejarah Malaysia." Dr. Mahathir manafikan aduan demikian sebagai 'alasan' untuk menutup kegagalan mereka. Datuk sebagaimana dipersetujui oleh Lim sendiri, "Rakyat telah membuat penentuan."

Dr. Mahathir, yang telah menggantikan Tun Hussein Onn sebagai pemimpin UMNO dan Perdana Menteri, kini mempunyai mandat yang jelas dan tidak terikat untuk melaksanakan rancangan sendiri untuk lima tahun. Sebarang daya usaha yang d'rancangkan oleh beliau dan Datuk Musa masih dirahsiakan, namun tidak diragui keazaman mereka. "Kalau ada orang berfikir kan-

kan berlengah-lengah selepas pilihanraya, mereka silap. Kami akan bertindak sehebat dulu. Kami mengotakan apa yang kami katakan. Ita perlu mengurangkan kelemahan di dalam pentadbiran dan menggerakkan negara ini,” ujar Musa.

Tugas utama bagi pentadbiran baru itu ialah menghadapi emelesetan ekonomi sedunia. Kata Perdana Menteri, “Sekiranyaadaan ekonomi dunia lebih baik, akan lebih mudah kita melaksanakan pembangunan dengan cepat. Inilah masalah tunggal yangalang penting kita hadapi.” Bagaimanapun keimbangan demian nampaknya tidak menghantui fikiran 2M apabila mereka bernaka di atas sebuah kerusi panjang Rumah Malaysia, rumah rasmi tetamu kerajaan, yang menjadi markas Barisan untuk malam keputusan pilihanraya itu yang berlarutan hampir ke subuh. Dikelilingiempat buah komputer yang menyampaikan keputusan lebih cepat daripada perkhidmatan televisyen milik kerajaan yang dipasang tiak jauh dari situ, dua orang pemimpin itu bagaikan ketawa sambil berbual sepanjang malam. Datuk Musa dari Johor berjenaka samil ketawa dan pada satu ketika berkata, “Malulah Johor, majoriti terlalu tinggi. Tolong jangan sebut lagi.” Sorakan dan tepukan dari dalangan tokoh-tokoh penyokong UMNO menceritakan perihal pilihanraya, “Asri sudah kalah.” “Kit Siang jatuh.” Dan akhirnya, ada saat yang sungguh lewat, “San Choon menang.”

Tiga nama itu melambangkan unsur utama di dalam politik sebahih berpusat kepada kaum dan personaliti daripada isu-isu. Mohamad Asri Muda, pemimpin berkarisma bagi fundamentalis PAS, berusaha untuk berkuasa kembali di Kelantan dan Terengganu. Dalam proses itu ia membimbangkan UMNO. Lim Kit Siang adalah Setiausaha Agung DAP yang berasaskan kaum Cina, terkekal dengan kelantangannya. Lee San Choon adalah pemimpin Persekutuan Cina Malaysia (MCA), kerabat Barisan yang hebat dicabar. Celiau mempertaruhkan kerjaya politiknya di dalam pertandingan itu lawan satu dengan Pengurus DAP, Chen Man Hin. Apabila enggiran undi yang lambat di Semenanjung itu berakhir, kehidupan mereka semua berubah.

PAS pula cukup hebat di peringkat negeri di Pantai Timur dengan memenangi kerusi di dewan-dewan undangan negeri di Selangor, Terengganu dan Perlis, tetapi tersisih di peringkat persekutuan. Sekalipun jumlah lima kerusi Parlimennya tidak berubah

tetapi empat buah kini tertumpu di Kelantan. Kerusinya dulu di Pulau Pinang sudah tumpas dan hanya scorang daripada dua orang bekas Ahli Parlimennya di Kedah yang berjaya. Nasib Asri juga bercampur aduk. Beliau kehilangan kerusi Parlimen tetapi memenangi semula sebuah kerusi negeri di Kelantan.

Bagi DAP pula, keputusan di Semenanjung bagaikan satu kekalahan teruk. Lima belas kerusi yang dimenanginya di dalam pilihanraya tahun 1978 kini tinggal enam. Paling memerlukan jatah adalah DAP kehilangan beberapa kerusi bandar yang kebanyakannya mengundinya terdiri daripada keturunan Cina.. Parti itu percaya kawasan bandar sebagai tidak mungkin terjejas kerana sekian lama ia memperjuangkan 'hak masyarakat Cina'. Lim memenangi kerusi Parlimen tetapi kehilangan kerusi negeri. Di seluruh negara pula perwakilan DAP di peringkat Negeri terjunam daripada 25 kerusi menjadi 12 kerusi sahaja.

Sedih oleh kekalahan tersebut, Lim dengan muramnya menegaskan, "Sebagaimana yang saya katakan pada hari penamaan calon, pilihanraya ini membawa erti hidup atau mati bagi DAP." Bagaimanapun berita yang lebih baik diterima oleh DAP lima hari kemudian apabila keputusan dari Sabah dan Sarawak di dalam pengundian Parlimen berperingkat-peringkat diketahui. DAP meningkatkan jumlah kerusinya dengan satu kerusi diperolehi di Sabah, dan mencipta sejarah di Sarawak. Ia menjadi parti pertama yang beribu pejabat di Semenanjung memenangi kerusi di negeri yang kaya dengan sumber asli itu. Ia memenangi dua kerusi di Sarawak dan hampir-hampir memperolehi yang ketiga. Kali ini pula Lim berkata, "Saya gembira kerana kami mencapai kejayaan baik di kedua-dua buah negeri itu, kalau tidak Malaysia akan mempunyai pembangkang paling lemah dalam sejarahnya."

Walau bagaimanapun kejayaan yang menarik itu tidak mungkin membaiki maruah DAP yang tercemar akibat kejayaan Lee Siong di Seremban. Presiden MCA berbadan tegap itu menyahut cabaran Lim supaya bertanding dengan DAP di sebuah kawasan pilihanraya Cina di bandar. Beliau mencapai kejayaan dengan kelicbihan 845 undi. Secara lahirnya, seruan Lee kepada masyarakat Cina agar bersatu di belakang beliau di Seremban umumnya tidak mendapat perhatian, tetapi kesan psikologinya hebat. Lagipun MCA menambah enam lagi kerusi berbanding dengan perolehan

ya dalam tahun 1978. Ini jelas sekali menjawab soalan tentang apa yang paling layak untuk mewakili masyarakat Cina Semenanjung.

Khoo Kay Kim, Profesor Sejarah dari Universiti Malaya yang juga seorang pemerhati politik negara berkata, "Saya berpendapat tema 'Perpaduan Cina' telah berhasil dan ini menimbulkan kegeliuhan saya. Bagaimanapun saya juga berpendapat masyarakat Cina telah menaruh keyakinan yang kuat terhadap 2M. Dr. Mahathir tersedia untuk bertindak dengan adil, dan tidak bertindak keterlaluan untuk melindungi kepentingan orang Melayu. Jika terpaksa, seliau akan menghukum sesiapa sahaja tanpa mengira kaum. Saya rasa mesejnya itu sampai kepada setiap lapisan masyarakat." Seorang lagi rakan dari Universiti Malaya menambah, "Kelas pertegahan di dalam masyarakat Cina sudah menyedari satu pasukan pembangkang yang kuat tidak akan membawa banyak perubahan, berbeza dengan satu perwakilan yang kuat di dalam kerajaan."

Secara ironinya, DAP mempunyai alasan untuk bergembira pada peringkat awal kempen. Orang-orang DAP percaya, PAS akan menarik banyak undi Melayu daripada Barisan di kawasan-kawasan pilihanraya yang ditanding oleh kedua-dua parti pembangkang itu. Datuk Musa telah menjadikan satu perkara pokok di dalam kempennya dengan mendakwa bahawa PAS, parti fundamentalis Islam, dan DAP, parti pejuang masyarakat Cina, telah menubuhkan 'perikatan rahsia' untuk menarik undi Barisan di kerusi-kerusi yang didominasi oleh kaum lain. Memang benar ada 6 kerusi demikian dimana kedua-dua parti berhadapan dengan Barisan. Secara berterus terang, seorang strategis kanan PAS mengaku, "memang ada perikatan rahsia itu. Ada tinjauan akan kekuatan satu sama lain di sesuatu kawasan khusus. Namun itu bukanlah satu perancangan formal. Kami tidak mengadakan pertemuan dengan DAP."

Kerana merasa yakin yang DAP bukan sahaja akan dapat melekatkan semua kerusinya malah mungkin menambah beberapa kerusi pinggir bandar, maka Lim melancarkan apa yang dikenali sebagai 'cabaran tentanglah kami' ke atas Lee San Choon dari MCA. Itu ialah strategi yang bijak. Sekiranya Lee enggan menyambut cabaran tersebut, DAP boleh mempergunakan isu itu, dengan mengecap Lee sebagai pengecut untuk meningkatkan legenda kekuasaan

DAP di bandar di kalangan masyarakat Cina. Sekiranya Lee termakan umpan tersebut dan kalah, besar kemungkinan ia akan memecahkan MCA yang memang sudah terjerat itu serta menghancurkan kerjaya politik Lee sendiri. Jika Lee mengalami kekalahan yang teruk, ini akan menimbulkan persaingan dalaman yang hebat di antara MCA dan Gerakan. Gerakan ialah sebuah parti berasaskan kaum Cina yang menjadi saingannya di dalam Barisan. Persaingan dalaman, mengikut perkiraan mereka, akan meruncing dan di mata rakyat jelata ini akan menguntungkan DAP.

Namun keputusan akhir Lee untuk bertanding di Seremban—setelah pada mulanya cuba mendesak saingan ketatnya di dalam MCA, Menteri Buruh, Richard Ho bertanding di sana—menjadi satu topik kepada MCA di seluruh negara. "Tidak scorang pun daripada kami berfikir yang beliau akan menyambut cabaran itu," kata seorang tokoh MCA. "Bagaimanapun apabila beliau menerima kami menganggap pilihanraya itu sebagai cabaran paling besar untuk kami."

Untuk kali itu, MCA yang kaya dengan wang ringgit memasuki pertandingan di bandar sebagai pihak yang lemah. Perjuangan yang penuh bersemangat digerakkan oleh Lee di Seremban dipercayai oleh banyak penganalisa, menarik simpati di kalangan pengundi atas pagar Cina supaya mengundi Barisan. Di seluruh Semenanjung kubu-kubu DAP runtuh pada malam pilihanraya. Kawasan Pilihanraya Damansara di Kuala Lumpur ranap bersama V. David, seorang pemimpin kesatuan sekerja yang bersuara lanang. Turut runtuh ialah kerusi lama Lim Kit Siang di Petaling dua kerusi majoriti Cina di Negeri Pulau Pinang, Keluang di Johor, dan semua empat kerusi di Perak yang ramai pengundinya daripada kaum Cina. DAP bagaimanapun berjaya merampas kerusi Kepong di Kuala Lumpur yang ditandingi secara hebat. Kee Kim Tin, dari Gerakan anggota Barisan, seorang pakar pendidikan Cina yang terkemuka, dijangka menang. Para pemerhati percaya penyeitaan yang tepat waktunya oleh bekas Ahli Parlimen Kepong, 'Tuan Pembangkang' Dr. Tan Chee Koon, bagi pihak DAP menyanggah ramalan itu. Tan pula tidak berapa senang dengan karenah DAP dalam kempen. "Pembangkang tidak bersatu, dan DAP menggunakan strategi yang salah. Mereka menjadi terlalu angkuh dengan kepentingan diri. Terlalu yakin. Saya berharap mereka be-

lebih pengajaran daripada kejatuhan ini. Mereka juga telah mengecam terlalu ramai calon. Kalau kita di pihak kerajaan barulah mudah, dengan membuka sahaja laci meja, melayang-layanglah tinggit ke dalamnya. Apabila menjadi pembangkang kita dilayan seperti pesakit kusta," ulas Tan Chee Koon.

DAP pula mempertahankan bahawa tidak ada satu alasan tunggal yang membawa kekalahan teruk parti itu di kawasan-kawasan Parlimen. Kata mereka, calon lawan yang lebih terkenal menggugat di dua buah kawasan. Di kawasan Bruas, Perak, Michael Chen yang berpindah dari MCA ke Gerakan dengan mudah menumpaskan calon DAP. Di Damansara, pemimpin kesatuan kerja, David, dikalahkan oleh jutawan Tan Koon Swan yang ketika itu Pengarah Urusan Multi-Purpose Holding, iaitu jentera selaburan MCA yang berkembang pesat. Dengan kecewa, David berkata, "Itu adalah politik wang menentang orang miskin."

Orang-orang DAP menjelaskan juga bahawa di Pulau Pinang parti itu menghadapi krisis dalaman. Dalam tahun 1981, dua orang Ahli Parlimennya dan semua tiga orang Ahli Dewan Undangan Negerinya telah belot dan menyertai MCA dan Gerakan. Perubahan di dalam Barisan di Pulau Pinang di antara MCA dan Gerakan juga telah diubati dalam tahun itu dengan bantuan Dr. Mahathir.

Sekalipun begitu, orang-orang DAP menjelaskan, parti itu hanya dikalahkan dengan 834 undi oleh seorang lagi pendidik Cina yang terkenal, Koh Tsu Koon dari Gerakan. Parti itu kali ini memperolehi dua kerusi negeri, sedangkan dulunya tidak ada. Ia juga memperolehi 48% undi di kerusi-kerusi Parlimen majoriti Cina dan lebih tiga kali ganda jumlah undinya sehingga 30% keseluruhan undi di kawasan-kawasan yang para pengundinya bersifat campur-campur. Di seluruh Semenanjung, ia masih terkemuka dari segi pembahagian undi di kerusi-kerusi majoriti Cina, namun angka itu merosot 2% menjadi 46.7%. Kata Lim, "Di Semenanjung mungkin kami merosot, tetapi belum lagi musnah."

Satu faktor yang lebih tersembunyi di sebalik keputusan-keputusan itu ialah perubahan di dalam adunan etnik di bandar-bandar Malaysia. Di Damansara misalnya, dulu 55% daripada pengundinya adalah kaum Cina. Kini undi mereka merosot tinggal 42%. orang-orang Melayu terdiri 41% dan India, 17%. Begitulah

keadaan di seluruh kawasan-kawasan pilihanraya di bandar, sekadar nisbahnya berbeza.

Sebahagian besar daripada perubahan itu adalah hasil Dasar Ekonomi Baru yang direka untuk membolehkan orang-orang Melayu memiliki 30% saham ekonomi menjelang tahun 1990. Kini semakin ramai orang Melayu meninggalkan kampung untuk meneroka peluang-peluang baru di bandar-bandar. Komposisi etnik yang semakin berubah kelihatan hampir di semua bandar utama. Di ibu negeri Perak, Ipoh, misalnya, yang sekian lama menjadi kubu kuat DAP sebelum dikalahkan, jumlah pengundi meningkat dari 63,408 orang menjadi 76,613 orang dalam tempoh empat tahun. Sebahagian daripada lonjakan jumlah 20% itu adalah para pengundi muda yang baru mendapat kelayakan mengundi, ekoran tarikan desa ke bandar.

Di kawasan-kawasan utara, yang penduduknya rata-rata terdiri daripada orang Melayu, perubahan hasil daripada pembangunan dibawah Dasar Ekonomi Baru menjadi isu asas di dalam pertembungan langsung di antara Barisan dan PAS. Pasukan penceramah yang lantang dan petah daripada PAS, dikenali sebagai 'pasukan udara' menumpukan perhatian di negeri-negeri Melayu di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Tema kempen mereka ialah pembangunan gaya Barisan tidak berpandu dengan tegas kepada prinsip-prinsip Islam. PAS yakin ia mempunyai peluang terbaik di Kelantan, yang pernah diperintahnya selama 20 tahun sehingga tahun 1978.

Pilihanraya itu menimbulkan perpecahan hebat di dalam PAS. Perlantikan Datuk Mohamad Nasir selaku Menteri Besar, yang kemudiannya meninggalkan PAS untuk membentuk Berjasa dan menjadi parti komponen Barisan Nasional telah melemahkan PAS. Apabila ingatan terhadap perpecahan itu semakin pudar, para aktivis PAS bekerja keras di negeri itu.

Menjelang Januari 1982, akhbar-akhbar melaporkan bahawa di kebanyakan kawasan para pengikut PAS dan UMNO berasingan tanah perkuburan. Penyokong PAS dan UMNO juga tidak lagi dapat berjemaah bersama-sama. Sembahyang Jumaat dua imam dan kenduri kahwin juga tidak menjemput mana-mana penyokong parti lawan walaupun saudara sendiri. Pendek kata kerana 'Fatwa Haji Hadi', penyokong PAS kini sudah 'berkerat rotan' dengan

orang-orang Barisan Nasional.. PAS bergerak di Kelantan dengan satu keuntungan. Dua kerusi negeri dimenanginya tanpa bertanding kerana kertas-kertas pencalonan Barisan ditolak disebabkan kesilapan-kesilapan teknikal. Ini tidak membantu Ketua UMNO Kelantan yang juga Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah di dalam persaingan yang berterusan dengan Datuk Musa. Menurut sumber-sumber Barisan, Dr. Mahathir amat marah terhadap kesilapan itu sehingga memanggil Razaleigh membuat penjelasan.

Dalam pilihanraya tersebut, PAS menambah lapan lagi kerusi Dewan Undangan Negeri kepada dua kerusi yang diperolehi sebahagian besarnya dengan kerugian dialami oleh Berjasa pimpinan Mohamad Nasir. Sementara itu, Tengku Razaleigh sudah tentu berpuas hati mengetahui bahawa Hussein Ahmad, Timbalan Menteri Besar yang juga seorang penyokong Datuk Musa telah tumbang.

Di negeri jiran, Terengganu, tumpuan diberikan kepada Naib Presiden PAS yang berkarisma, Ustaz Hadi Awang, yang disifatkan oleh ramai sebagai pemidato Malaysia yang paling memukau. Parti itu melompat dari 0 kerusi, memperolehi lima kerusi di dalam Dewan Undangan Negeri tetapi gagal sama sekali di peringkat Parlimen. Ustaz Hadi memperolehi sebuah kerusi negeri dengan kelebihan 133 undi. PAS memperolehi sebuah kerusi tunggal di Perlis.

Di Kedah, Dr. Mahathir dengan mudah mematahkan satu cabaran PAS daripada bekas musuh ketatnya, Ustaz Yusof Rawa, orang yang mengalahkan beliau dengan majoriti kecil dalam tahun 1969. Dalam kempennya Dr. Mahathir sering mengulangkan ajakan supaya PAS menyertai Kerajaan Barisan, yang pernah disertainya dari tahun 1973 hingga 1977. Bagaimanapun pemimpin PAS membidas dalam akhbar, "Apa yang dikatakannya itu adalah satu gimik politik. Saya tidak fikir itu satu perkara yang harus diikirkan sama sekali."

Kerugian terbesar parti itu ialah apabila ia kehilangan kerusi Permatang Pauh, iaitu kerusi parlimen tunggalnya di luar lingkungan Melayu. Beberapa hari sebelum itu, Dr. Mahathir telah merancang golongan politik dengan berita bahawa Anwar Ibrahim, pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia, ABIM, yang

juga seorang pemidato yang bukan calang-calang, bersetuju untuk menyertai UMNO. Anwar, yang berusia 36 tahun, yang pernah dikhabarkan bermain dengan politik PAS, sekalipun beliau menafikan berita itu, telah mengalahkan calon PAS, Zabidi Ali yang bertahan di sana dengan majoriti besar 14,000 undi.

Sabah pula menghasilkan keputusan yang paling rumit bagi Dr. Mahathir, apabila Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (USNO) yang menjadi jentera amat berkuasa bagi bekas Ketua Menteri, Tun Mustapha Harun telah tumpas di semua lima kerusi kepada 'calon-calon bebas'. Calon-calon itu secara terbuka adalah para penyokong Berjaya pimpinan Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh, yang menjadi musuh ketat USNO di peringkat negeri tetapi rakan di dalam Barisan pada peringkat pusat. USNO bagaikan menghampiri saat akhir kewujudannya. Berjaya telah menyingkirkannya di dalam pilihanraya Negeri dalam tahun 1980. Bersama-sama dengan calon-calon bebas itu, ia telah mengalahkan semua kecuali kerusi DAP.

Di Sarawak, dua orang bekas ahli Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), kerabat Barisan, yang dipecat kerana bertanding menentang barisan itu, memenangi semula kerusi mereka di Parlimen. Di negeri-negeri lain tidak ada yang boleh bertahan diradak oleh jentera peradak Barisan yang dikepalai oleh UMNO. Paling penting ialah lahirnya Menteri-Menteri Besar angkatan muda yang dibentuk oleh 2M. Di Melaka hadir bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah Datuk Musa, Abdul Rahim Thamby Chik; di Johor pula ialah bekas Setiausaha Politik Datuk Musa, Abdul Ajib Ahmad, yang berusia 36 tahun. Jawatan di Pahang pula jatuh ke tangan Najib Abdul Razak, putera Bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak.

Satu pengecualian ialah di Selangor, di mana kejayaan besar kempen Barisan dikendalikan dengan penuh tenaga oleh bekas Menteri Besar, Datuk Harun Idris, yang kembali bergiat setelah menjalani hukuman penjara kerana rasuah, dan beliau pula bukan rakan rapat 2M. Ahli-ahli EXCO negeri yang dipilihnya termasuk anaknya Mazlan, yang dengan mudah telah memenangi sebuah kerusi negeri.

Di Selangor juga, dua orang ultra—Ketua Pemuda UMNO, Suhaimi Kamaruddin dan Ketua Pemuda MCA, Lee Kim Kai

sama-sama memenangi kerusi Parlimen. Sepanjang kempeta selama 15 hari—yang terpendek pernah diadakan, timbul keraguan tentang wang dan kerahan menerusi media oleh Barisan. “Saya berpendapat Kerajaan keterlanjuran dalam aspek propaganda,” ulas ahli sains politik, Zakaria Ahmad dari Universiti Kebangsaan.

Lim Kit Siang pula menyebut liputan Radio Televisyen Malaysia milik Kerajaan ke atas pembangkang sebagai ‘penutupan berita secara menyeluruh.’ Memang benar, para pemimpin kerajaan wajar mendapat liputan ketika melaksanakan tugas awam. Kerajaan tidak memperuntukkan waktu siaran televisyen terbuka kepada calon-calon. Waktu siaran radio mengikut nisbah yang ditawarkan dia ditolak oleh DAP dan PAS kerana dikatakan menyebelahi Barisan secara tidak adil. Akhbar-akhbar besar, yang kesemuanya dimiliki oleh pihak yang berkepentingan di dalam Barisan, secara ketara bersikap partisan.

Bagaimanapun, berkenaan perkara itu, bekas Menteri Penetrangan, Tan Sri Senu Abdul Rahman, rakan rapat Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pengasas Malaysia membantah, “Tidak ada undang-undang di negara ini yang menghalang parti-parti pembangkang seperti DAP atau PAS memiliki sebuah akhbar harian. Ini adalah ekonomi pasaran bebas.” Aduan-aduan juga diterima berkenaan pengharaman sekian lama ke atas rapat-rapat umum, yang kini digantikan oleh ceramah tertutup yang lebih terhad.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Hanif Omar mempertahankan pengharaman itu. Katanya, “Kemungkinan bersemaraknya emosi orang ramai dapat dikurangkan sedikit; dari sudut pihak polis itu amat baik. Lebih satu dekad diperlukan untuk melihat sebarang pengurangan sensitiviti perkauman.”

Bagi Senu Abdul Rahman, kebimbangan utama ialah kadar kejayaan 2M. “Saya berharap Barisan tidak menjadi terlalu unggul,” katanya. “Kalau sesbuah parti hampir menguasai sepenuhnya Parlimen, aliran biasanya ialah ke arah autokrasi, malah melahirkan pemerintahan kuku besi. Walau bagaimanapun, saya rasa ia tidak akan berlaku, dan kita akan melihat negara Malaysia menjadi lebih liberal.” Memang, negara boleh berbangga kerana merupakan negara Asia di sebelah timur India dan selatan Jepun yang paling demokratik.

Pada malam keputusan pilihanraya Datuk Musa berkata, "Saya fikir kita boleh berbangga dengan demokrasi kita sebagai satu model bagi seluruh dunia membangun."

Menghadapi Kekayaan Yang Kian Merosot

DR. CHANDRA Muzaffar pula mengulas, "Mungkin tidak megejutkan dalam suasana pilihanraya Malaysia, tidak banyak perhatian diberikan di dalam kempen terhadap apa yang merupakan isu terpenting dalam masa lima tahun akan datang: iaitu kerosotan ekonomi. Setelah menikmati kadar pertumbuhan yang pesat selama lebih dari dua dekad, tiba kini musim sempit dengan turunnya harga bahan mentah, kurangnya pendapatan eksport, bertambahnya hutang luar negeri, semakin merosotnya simpanan antarabangsa, dan semakin kuat pula bergantung kepada hutang. Ini menjelaskan seluruh negara.

Masalah kemiskinan, pengangguran dan lain-lain bertambah mencengkam. Malah segenap lapisan masyarakat termasuk golongan pertengahan yang banyak menikmati faedah pembangunan akan mendapat peluang dan ruang kenikmatan hidup semakin sempit dan tidak boleh dianggap enteng lagi. Memang ada bahaya bagi ekonomi yang pesat berkembang tiba-tiba hilang daya kembangnya kerana ini akan menimbulkan keresahan dan kekecewaan rakyat seluruhnya.

Bayangkan kesannya terhadap kewajipan utama kerajaan iaitu memelihara keharmonian antara kaum. Ekonomi yang berkembang telah membolahkan kerajaan menampung hasrat dan kehendak rakyat. Darinya telah lahir generasi bukan Melayu yang semakin kuat menuntut persamaan hak, dan wujud pula golongan Melayu yang semakin kuat mempertahankan kedudukan mereka yang berasaskan Islam. Malah hak dan kebebasan politik mereka yang terhad pun payah hendak dikekalkan di dalam ancaman ekonomi demikian. Ketegangan sosial meningkat dan selalunya sebuah kerajaan akan menjadi lebih penindas di dalam suasana demikian demi mengelakkan ketegangan antara etnik. Maka harus dicari arah baru di dalam perkembangan ekonomi.

Kepimpinan bertindak dengan penuh keazaman untuk mengurangkan projek mewah, mengawal pembesaran birokrasi dan

menengurangkan kerugian dan menghapuskan rasuah. Sebagaimana iasa di dunia ketiga masalah asas rasuah ialah kurang upaya membezakan di antara bidang kuasa awam dan bidang kuasa peribadi. Di dalam kempen pilihanraya ini jelas ketara. Dengan kesedaran tentang perlunya beberapa langkah mengatasi kelemahan ekonomi, maka langkah-langkah memperbaiki arah aliran ekonomi juga diterima baik. Etika kerja dan peningkatan daya pengeluaran ditegaskan sebagai sebahagian daripada langkah-langkah, walaupun tidak semestinya langkah itu tepat bagi menghadapi masalah ekonomi negara kurang membangun. Beberapa perubahan asas lain juga diperlukan.

Maka usaha kerajaan ke arah berdikari di dalam ekonomi adalah langkah tepat. Usaha mengambil alih milik asing di dalam industri getah dan timah dengan membeli perbadanan British adalah langkah bijak dengan harapan pemilikan dan hasilnya dinikmati sama rata.

Dalam bidang tertentu nampaknya amalan ekonomi kurang telas. Dalam bidang elektronik dan tekstil kerajaan masih bergantung kepada sumber dan kepakaran asing di dalam rancangan perindustriannya. Ini mendedahkan negara kepada mainan kuasa luar. Apabila kemelesetan berlaku di Barat industri berkaitan di sini terjejas sama. Penegasan terhadap industri berat bukan rumusan yang sesuai kalau ia bukan sebahagian daripada pembangunan industri persepadu. Nampak jelas kerajaan tidak mempunyai dasar perindustrian yang jitu.

Untuk berdikari harus ada idea asas yang disusun teliti. Harus ada asas saintifik bagi perkembangan teknologi agar ekonomi tidak selalu bergantung kepada pihak lain. Kalau kita mahu berdikari harus diperkuuhkan bidang ekonomi agar tidak bergantung kepada bekalan luar. Ini yang dulunya kurang dan perlu difikirkan secara tindakan pembetulannya.

Masalah hubungan etnik dan ekonomi memerlukan penelitian mendalam. Dalam ancaman ekonomi pergeseran kaum harus diurangkan dan perpaduan rakyat harus dipupuk. Juga di dalam suasana yang sedemikian rakyat akan lebih senang dikerah melalui penyertaan demokratik dan bukan kuku besi. Berusaha berdikari, menengurangkan pergeseran antara kaum dan menggalakkan penyertaan secara demokratik adalah penyimpangan daripada cara lama.

Tapi jangan bimbang. Kita berada di persimpangan jalan sejarah. Harus dicari jalan baru.

'Terima Kasih Atas Sokongan'

S: *Apa pandangan TAB terhadap keputusan pilihanraya.*

PM: Memang bertambah baik daripada tahun 1978. Saya tidak menjangka demikian. Dari segi politik semakin timbul kesedaran tentang perlunya kerjasama antara kaum untuk mendapatkan hasil yang baik. Di dalam pilihanraya begini tidak ada ruang untuk bergantung hanya pada satu kaum. Kalau demikian tujuan kita tidak bolehlah menjadi parti kebangsaan. Terpaksa jadi sahaja parti wilayah atau parti sesebuah negeri. DAP dan PAS yang berjalan atas landasan perkauman—tidak akan dapat menjadi parti nasionalis.

S: *Apakah pilihanraya itu menunjukkan kalahnya golongan fundamentalis Islam di Malaysia?*

PM: Yang jelas ialah mereka yang mentakrif Islam menyimpang daripada sepatutnya. Mereka menjadikan Islam alat politik. Orang demikian yang kalah, bukan ahli-ahlinya tetapi kepimpinannya yang mengelirukan ahli-ahli. Golongan lama semakin lenyap dan yang baru sudah mempunyai asas Islam yang cukup kuat. Bukan mudah lagi mengarah mereka mematuhi sesuatu yang bertentangan dengan Islam.

S: *Setelah kekalahan ini adakah para penyeleweng Islam itu akan lenyap?*

PM: Kita berharap begitulah. Tapi hakikat Anwar Ibrahim, Presiden ABIM menyertai kita menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada orang yang dulunya dicap sebagai pelampau, fanatik dan penyeleweng sebenarnya keliru, atau sekurang-kurangnya tidak pasti apa yang dilakukan.

S: *Apakah dayausaha baru diharapkan daripada perlantikan TAB menjadi Perdana Menteri akan datang?*

PM: Saya tidak tahu dayausaha baru, tetapi kita berjanji dan berpegang pada janji mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Ini bererti kita perlu mengawasi perjalanan kerajaan dari sektor politik dan pentadbiran agar kita berjaya menuaikan janji kita.

- S: Apakah masalah terbesar di dalam penggal pentadbiran TAB akan datang?
- PM: Ekonomi—kemelesetan yang harus diharungi sedangkan pembangunan perlu diteruskan. Wang akan kekurangan kerana banyaknya projek yang perlu dilaksanakan.
- S: Memang untuk pertama kalinya berlaku defisit dalam belanjawan dalam tahun 1981. Di barat pula berlaku kemelesetan. Bilakah kedudukan Malaysia dapat dipulihkan?
- PM: Dijangka dalam tahun 1983—dua tahun menghadapi defisit. Belanja terpaksa dikurangkan. Adalah sulit sikit dan kita perlu lebih cekap. Kalau dulu projek tiga tahun memakan masa lima tahun sekarang projek tiga tahun mesti siap dalam masa dua tahun. Mesti diperolehi wang tambahan.
- S: Apakah keadaan ekonomi yang beku itu menjaskan hubungan kaum?
- PM: Saya tidak fikir demikian. Kita rancangkan dengan teliti supaya tidak ada yang ketinggalan dalam pembangunan. Pada amnya pendapatan rakyat masih baik. Mungkin tidak semewah dulu. Jumlah kenderaan dibeli dalam tahun 1981 nampaknya tidak berkurangan. Malah tv dan peralatan rumah masih laris. Malah nampaknya keset video tidak mencukupi.
- S: Barisan telah mengajak PAS menyertainya dan MCA telah mempelawa DAP bekerjasama denganannya. Kalau ini terjadi maka tidak ada pembangkang. Apakah TAB tidak bimbang?
- PM: Tidak. Kalau bimbang saya tidak jemput.
- S: Tidakkah pembangkang itu perlu?
- PM: Pembangkang yang membina dan berkesan memang baik tetapi tidak semestinya diperlukan. Ada negara yang tidak ada pembangkang langsung tetapi masih maju dengan baik.
- S: Pembangkang mendakwa tidak dapat menyampaikan mesej mereka. Mereka tidak diberi waktu siaran tv. Mereka menuduh Barisan menggunakan jentera kerajaan untuk kepentingan sendiri. Apakah peraturan pilihanraya akan diubah?
- PM: Mereka tidak ada asas menuduh kerajaan. Kami membeli ruang di akhbar—bukan percuma. Kalau akhbar pula memuji kerajaan itu hal mereka. Kita bersikap liberal. Kita ada banyak akhbar, lebih daripada yang sempat kita baca. Ada di antaranya memberi lebih banyak publisiti kepada pembangkang

daripada kita. Kita biarkan. Kita dah bagi waktu siaran tetapi mereka tolak dengan mengatakan itu tidak adil. Bagi diri saya ia ada dan saya gunakan. Alasan mereka tidak laku.

S: *Ada kawasan pilihanraya di negeri YAB, Kedah dengan hanya kurang daripada 20,000 pengundi sedangkan di kawasan Cina di Kuala Lumpur ada yang kira-kira 100,000 orang. Apakah sempadan pilihanraya akan diubah?*

PM: Tidak akan diubah. Memang ada perbezaan demikian. Cuba perhati luas kawasannya dan jumlah penduduknya. Malah di desa harus lebih ramai wakil kalau tidak mereka ketinggalan. Di mana-mana negara pun memang lebih ramai orang di bandar. Kalau kita pilih wakil mengikut jumlah pengundi akan lahirlah pentadbir daripada masyarakat bandar dan luar bandar akan terabai. Kita menekankan kawasan luar bandar dan hak sama untuk luar bandar.

S: *Ada rungutan kononnya pentadbiran 2M melanggar tradisi, terlalu kasar, memijak ramai orang. Apa ulasan YAB?*

PM: Kita tidak dapat memuaskan hati semua orang. Kalau kita tidak pijak kaki orang, orang kata kita lembut sangat. Pijak semut pun tak mati, kata orang. Kalau dipijak semut, dan semut tak mati, kita tidak mencapai apa-apa. Jadi kena buat pilihan dan laksanakan tugas dengan betul. Memang ada yang akan terasa—namun harus ada perubahan nilai. Kita sedang menghapuskan nilai-nilai yang menghalang kemajuan.

S: *Apakah di antara nilai-nilai itu?*

PM: Misalnya ctika kerja. Kita bukan gila kerja. Kita harus buang sistem nilai lama dan ganti dengan yang baru dimana kita harus rajin bekerja. Budayanya sendiri harus berubah.

S: *Adakah itu mungkin?*

PM: Budaya berubah dari semasa ke semasa, kalau tidak tentu Empayar Rom masih ada.

S: *Berkenaan Dasar Pandangan Ke Timur dikatakan rakyat Malaysia bukan orang Jepun atau Korea.*

PM: Memang bukan, tapi bukan bererti tidak boleh kerja kuat.

S: *YAB menawarkan beberapa orang tahanan politik kepada kumpulan-kumpulan hak manusia seberang laut. Mereka menolak. Apa akan jadi pada para tahanan itu?*

PM: Ada orang berkata tidak adil menyuruh mereka tinggal di negara lain, mesti beri tawaran dulu. Kalau orang-orang berkenaan tidak menerima, maka tidak jadilah tawaran, kerana kita tidak memaksa mereka. Kalau dikatakan itu tidak adil dan tidak harus, maka kita jadi tamak. Kita anggap sahaja mereka tidak mahu sedangkan kita tidakpun menawar.

S: *Apakah yang akan YAB lakukan terhadap tahanan-tahanan itu?*

PM: Mereka yang sudah mengubah sikap akan dibebaskan, sebagaimana anda tahu. Mereka yang degil dan tidak mahu berubah akan terus di sana sehingga ada orang mahu mengambil mereka.

S: *Hubungan di antara Britain dan Malaysia agak tegang. Apakah sudah bertambah baik?*

PM: Ya, ada tanda-tanda orang British sudah berubah—memang bukan kerajaannya. Mereka menawarkan biasiswa dan bantuan untuk pelajar kita dan kita hargai itu. Tapi kita belum perlu dengan rasmi menukar sikap kita.

S: *Sepanjang 10 bulan menjadi PM, apakah yang paling mengejutkan YAB tentang jawatan itu?*

PM: Sulit hendak dikatakan, tapi saya sedar semakin tinggi semakin kita sunyi. Itu sahaja. Tidak ada orang atasan tempat meminta nasihat atau melepaskan tanggungjawab buat keputusan.

S: *Apakah YAB cukup seronok untuk memegang jawatan itu sepenggal lagi?*

PM: Apakah sekarang saya nampak sedih? Saya baru sahaja menang pilihanraya. Saya tidak tahu keadaan boleh berubah, selera rakyat juga boleh berubah. Kalau tiba-tiba mereka dapati saya tidak dapat dibiarkan lagi, memaki di sana sini, mungkin saya bersara. Saya tidak akan memegang jawatan ini lebih lama daripada dikehendaki rakyat. Saya ada satu profesi untuk tempat kembali. Saya scorang doktor. Saya boleh hidup: ada skim pencen yang selesa. Apabila tiba waktunya saya letak jawatanlah.



Dato' Sri Ghafar Baba, tokoh politik sepanjang zaman.



Dato' Sri Anwar Ibrahim bakal Perdana Menteri Malaysia.

UNDI ANWAR, KEJAYAAN MAHATHIR

"Hari ini Freemason. Esok mungkin Kelab Lions atau kumpulan-kumpulan lain."

— Dr. Mahathir

SATU pilihan rumit bagi 361 orang wakil ke Perhimpunan Pemuda UMNO. Penyandang lama, Suhaimi Kamaruddin, 43 tahun sudah menunjukkan kejayaan selama dua tahun menjadi ahli. Lawannya ialah Anwar Ibrahim, 35, yang sekian lama mengkritik UMNO tetapi ditarik ke dalam parti oleh Perdana Menteri sendiri. Kedua-duanya timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya seketika sebelum pembuangan undi, Suhaimi menyarankan supaya disekat orang yang belum sampai lima tahun menjadi ahli daripada menyandang jawatan tinggi dalam UMNO. Ucapannya dicemuh tetapi Suhaimi dan rakan-rakan masih yakin akan menang. Keputusannya, Anwar 183 undi dan Suhaimi 173 undi. Dr. Mahathir menunjukkan keyakinannya. Beliau membidas mereka yang asyik memburu musuh khayalan seperti Freemason. "Hari ini Freemason. Esok mungkin Kelab Lions atau kumpulan-kumpulan lain." Lantas menjawab kontroversi yang api-apikan oleh Suhaimi dengan menggesa Kongres Pemuda menyeleru pengharaman ke atas Freemasons Zionis (*Asiaweek*, Jun 5, 1982).

Drama Pemuda UMNO itu menyelindung perhimpunan umum UMNO selama tiga hari ketika mana Dr. Mahathir men-

jangka akan bertembung pendapat dengan sebilangan penyokong kuat parti. Mereka mendakwa selama 13 bulan pertama memegang kuasa, tindakannya terlalu kasar; kempen anti rasuahnya menimbulkan beberapa kemarahan, dan dasar liberalnya memanaskan hati ultra Melayu ultra di dalam parti. Semasa perbahasan tidak banyak diluahkan kemarahan itu walaupun ada perwakilan menggesa digubal undang-undang yang menjunjung kesucian Islam, mempertahankan nilai Islam dan mencegah penyelewengan, diharamkan loteri kerajaan dan pusat judi di Genting Highlands. Akhirnya orang Islam diharamkan memasuki kasino berkenaan.

Walaupun Dr. Mahathir tidak terang-terang memihak mana-mana calon Pemuda itu, Anwar dengan cepat menyesuaikan dirinya di dalam acuan pentadbiran. Beliau bertekad mengubah imej pelampau Melayu pada Pergerakan Pemuda, dan ini menawarkan lebih daripada sokongan moral kepada Dr. Mahathir kerana Ketua Pemuda dan Ketua Wanita menjadi naib presiden secara automatik di dalam Majlis Tertinggi parti.

Bersama dengan presiden parti dan timbalan presiden (Pendana Menteri dan Timbalannya) serta Setiausaha Agung Parti dan Bendahari, mereka merupakan kabinet dapur (kitchen cabinet); 9 orang yang menasihatkan kerajaan tentang isu-isu dasar yang penting.

Menteri Kebajikan Masyarakat, Aishah Ghani, 58 tahun puluh telah mengalahkan bekas anak muridnya, Zaleha Ismail, 41 dengan 17 undi di dalam Pergerakan Wanita, dan ini penggal keenamnya terus menerus. Namun pertandingan Pemudalah yang mendapat perhatian.

Ia mula menarik apabila dalam bulan Mac 1982 bekas Ketua Pemuda, Harun Idris yang baru dibebaskan dari penjara kerana suah menyatakan tidak akan bertanding menentang anak saudar dan bekas lawannya, Suhaimi. Harun masih ada pengaruh. Mala sebelum dibebaskan, pada bulan September 1981 beliau memenangi jawatan naib presiden. Mula-mula nampaknya ada tiga petcabar, Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah, Rais Yatim yang memasuki Kabinet dalam bulan April 1982 setelah menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan, Menteri Besar baru Pahang, Najib Razak, anak Allahyarham Tun Razak, dan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Mokhtar Hashim, yang menjadi Timbalan Ketua

Pemuda sejak 1980.

Percaturan segera berubah bila Dr. Mahathir mengumumkan Anwar menyertai UMNO, lalu timbul spekulasi yang aktivis itu akan menyertai pertandingan itu. Mula-mula beliau menafikan, tapi kemudian hampir semua calon lawan Suhaimi menarik diri. Lebih mengejutkan ialah penarikan diri Mokhtar Hashim yang dituduh bersama empat orang lain kerana membunuh bekas speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan.

Bila gelanggang kosong dan mengetahui ada penyokong Harun yang anti-Suhaimi, Anwar bersetuju untuk bertanding. Tiba-tiba beberapa orang pemimpin pemuda termasuk Najib Abdul Razak bimbang kenaikan Anwar mengancam hasrat jangka panjang mereka, lalu menyokong Suhaimi.

Bagaimanapun Anwar mempergunakan persaingan di dalam pergerakan itu untuk faedahnya. Selain Harun, orang pertama menyokong pencalonan Anwar ialah Ahli Dewan Undangan Negeri, Tamrin Ghafar, anak Ghafar Baba, dari Melaka. Para pemerhati berpendapat Harun dan Ghafar menyokong Anwar dengan harapan Anwar akan mencabar orang seperti Timbalan Perdana Menteri Musa Hitam, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh dan Rais Yatim yang telah melintasi dua orang veteran itu dari segi kuasa walaupun beberapa tahun lebih junior. Dengan sokongan Harun yang berkempen secara terbuka dan Ghafar Baba yang menyerahkan kerja kempen kepada anaknya Tamrin, Anwar semakin popular. Hubungannya dengan kumpulan-kumpulan Islam menguntungkan Anwar di negeri-negeri utara. Akhirnya Anwar menang.

Sekalipun Suhaimi dengan segera meninggalkan persidangan dan enggan mengulas kekalahannya, ada yang menyatakan Suhaimi menyalahkan Harun, Ghafar dan Megat Junid Megat Ayub, setiausaha politik Dr. Mahathir kerana menyokong Anwar.

Anwar Menyertai Kelab

APABILA perhimpunan UMNO berakhir pada 12 September, Anwar yang tujuh bulan dahulu mengkritik kerajaan, terutama Akta Pertubuhan, kini berada di kalangan para pemimpin tertinggi UMNO.

Masuknya Anwar adalah seperti sirih pulang ke gagang kerana ayahnya, Ibrahim Abdul Rahman pernah menjadi Ahli Parlimen UMNO selama dua penggal dan ibunya ketua wanita di Pulau Pinang. Semasa di Universiti Malaya, Anwar cergas di dalam politik kampus dan pemidato yang baik. Menjelang tahun 1970 menjadi Setiausaha Majlis Belia Malaysia dan empat tahun kemudian menjadi Presiden ABIM. Semasa mengetuai tunjuk perasaan membela nasib para petani miskin di negeri Kedah, beliau ditahan tanpa bincara di bawah ISA.

Imejnya sebagai seorang pengkritik kerajaan yang lantang dikaitkan dengan PAS dan dikatakan bakal pengganti Asri Muda. Ketika cergas menentang pindaan Akta Pertubuhan beliau mendapat isyarat yang Dr. Mahathir mahukan beliau menyertai pilihanraya atas tiket UMNO. Apabila Dr. Mahathir menawarkan beberapa janji termasuk mengkaji semula pindaan terhadap Akta Pertubuhan, Anwar dengan berat menyertai UMNO. Lepas itu beliau menang kerusi Parlimen Permatang Pauh dan kemudiannya jawatan Ketua Pemuda mengalahkan Suhaimi.

Seorang sarjana di Singapura berkata meskipun Anwar seorang intelek, namun beliau berpandu kepada pandangan agama. Sebelumnya menyokong PAS secara terbuka dan kini, di dalam UMNO, terus melonjak naik. Alasannya tidak menyertai PAS ialah PAS bukan parti kebangsaan dan tidak mungkin menjadi parti kebangsaan. Sesungguhnya Anwar bercita-cita untuk terus naik ke puncak.

Mahathir Bertindak Tegas

UNTUK beberapa minggu, Kuala Lumpur menunggu corak tindakan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad terhadap pindaan Akta Pertubuhan yang diluluskan 20 bulan sebelumnya yang mengenakan cengkaman ketat ke atas 14,000 buah pertubuhan berdaftar, terutama yang dianggap kumpulan pendesak. Adalah semacam gegaran dikesan di dalam kerajaan dan juga di dalam parti Perdana Menteri.

Gegaran itu adalah sekitar Anwar, yang menentang kuat pindaan itu dalam tahun 1981 dan kini menjadi Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri setelah memenangi kerusi Parlimen

UMNO. Beliau dikatakan bersetuju menyertai kumpulan Dr. Mahathir kerana dijanjikan yang pindaan itu akan dikaji semula.

Kajian semula tidak seperti dijangkanya. Pindaan tahun 1981 membenarkan pendaftar membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan yang menyeleweng daripada tujuannya dan pertubuhan tidak dapat merayu di mahkamah. Bagaimanapun beliau terpaksa mempertahankan kerajaan dengan mengatakan bahagian pengelasan pertubuhan kepada kumpulan politik dan bukan politik yang menjadi sasaran kempen 1981 sudah dimansuhkan. Apabila bantahan semakin lantang, Anwar dikatakan mendesak supaya dilakukan perubahan lebih dramatik.

Dr. Chandra Muzaffar dari Aliran (yang ahlinya orang akademik) menyatakan kebimbangannya kerana undang-undang itu tidak demokratik kerana ada perenggan (clause) baru yang membolehkan pegawai menyelongkar pejabat pertubuhan untuk mencari sesuatu. Orang kuat Anwar di ABIM, Kamaruddin Mohamad Noor kecewa dan tidak senang kerana Menteri Dalam Negeri Musa Hitam tidak menunaikan janjinya berkenaan undang-undang yang tidak demokratik itu.

Anwar dikatakan terus-terusan mendesak supaya dilakukan dua perubahan iaitu peruntukan bagi hak untuk merayu kepada Menteri Dalam Negeri terhadap keputusan pendaftar dan syarat supaya pejabat pendaftar mendapatkan perintah majistret terlebih dahulu sebelum menyelongkar pejabat pertubuhan. Kedua-dua Perdana Menteri dan Timbalannya terpaksa berfikir dengan mendalam mempertimbangkan kesan buruknya terutama konfrantasi berlarutan dengan pertubuhan-pertubuhan. Sementara itu pengkritik Musa, terutama para penyokong Tengku Razaleigh berharap suasana ini akan menjadi satu pertembungan di antara Musa dan pertubuhan-pertubuhan dengan Anwar menyebelahi pertubuhan-pertubuhan. Ini pasti menguntungkan Razaleigh untuk memperkuatkan semula pengaruhnya.

Bagi Anwar itu satu pertaruhan habis-habisan. Kalau berjaya beliau akan memperolehi pengaruh politik yang kuat malah dikatakan akan mencabar teraju di akhir dekad. Ada yang menuduh Anwar tidak menentang dengan sekutu-kuatnya, malah beliau perlu meletakkan jawatan. Bagaimanapun hasilnya Anwar semakin lantang berpolitik.

Jatuhnya Empayar Othman

Untuk lima belas tahun Johor dikendalikan macam ladang peribadi oleh Tan Sri Othman Saat. Sebagai Menteri Besar yang berpengaruh dan suka bercakap lantang, beliau merupakan satu legenda. Ekoran spekulasi terhadap masa depan politiknya beliau mengumumkan pengunduran dari politik setelah Pilihanraya Umum pada 22 April 1982. Sehari selepas menjadi orang biasa, semua enam gelarannya kecuali satu, yang diterima daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung telah dilucutkan atas perintah Sultan Johor. Ini mengejutkan seluruh negara kerana beberapa minggu sebelumnya beliau selaku penasihat jawatankuasa pilihanraya Barisan Nasional di Johor berjaya menumpaskan pembangkang di semua kawasan Parlimen dan negeri dan ini dipuji oleh Timbalan Perdana Menteri Musa Hitam yang juga dari Johor.

Sebelum itu ada perselisihan di antara Othman dan pihak Istana, kerana perlantikan semula Tuanku Mahmood selaku Putera Mahkota Johor oleh Almarhum Sultan beberapa hari sebelum mangkat setelah dilucutkan gelaran itu dalam tahun 1961. Othman Saat marah kerana perlantikan itu tidak dirujukkan kepadanya. Istana menjawab yang pihak Istana tidak perlu merujuk kepada sesiapa.

Lepas itu dalam bulan Jun beliau gagal mengekalkan kerusi Naib Presiden UMNO. Perselisihan dengan baginda Sultan itu, menjadikan popularitinya menjunam. Beliau terus juga bertelagah dengan baginda Sultan, apatah lagi apabila disokong oleh Tunku Abdul Rahman.

Kemudiannya Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad meminta beliau berhenti daripada kepimpinan UMNO Johor. Alasannya ialah pentadbiran Othman masih disiasat kerana dikatakan terbabit dengan rasuah dan menyalahgunakan kuasa. Ekorannya ialah perlucutan gelaran-gelarannya.

Dengan perletakan jawatan Othman saat itu, Musa melantik rakan rapat dan bekas setiausaha politiknya, Ajib Ahmad menjadi Menteri Besar yang baru Negeri Johor. Dengan itu bermulalah pengenalan muka baru di Dewan Undangan Negeri bagi negeri yang cukup pesat membangun itu.

MAHATHIR LWN DILEMA MELAYU

"Dilema Melayu ialah sama ada mereka harus berhenti berusaha membantu diri sendiri dan berbangga sebagai golongan miskin di negara makmur, atau cuba memperolehi sedikit kekayaan yang dibanggakan oleh negara, sekalipun mengaburkan sedikit gambaran ekonomi Malaysia."

— Dr. Mahathir

KALAU mendiang Presiden Charles de Gaulle kecewa oleh rakyat Perancis, dan Mao Zedong kecewa oleh rakyat China, sebaliknya Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula kecewa oleh orang Melayu. Beliau mahukan rakyatnya menjadi satu kuasa yang dihormati, dan matlamat itu memerlukan penglibatan rakyat sendiri supaya mengubah sikap dan pandangan hidup. Rakyat menyedari hakikat itu tetapi bersediakah mereka? Lebih sepuluh tahun selepas Mahathir mengejutkan orang Melayu dan bukan Melayu dengan testamen politik yang berterang, *The Malay Dilemma*, ciri dilema mungkin sudah berubah tapi dasarnya masih sama.

Mahathir merumuskan, "Kalau tidak dihalang penguasaan orang Cina terhadap ekonomi Malaysia, negara sudah tentu makmur. Dilema Melayu ialah sama ada mereka harus berhenti berusaha membantu diri sendiri dan berbangga sebagai golongan miskin di negara makmur, atau cuba memperolehi sedikit kekayaan yang dibanggakan oleh negara, sekalipun mengaburkan sedikit gambaran ekonomi Malaysia." Kata Mahathir, "Orang Melayu kini

dalam dilema memilih untuk bertegas terhadap hak mereka dan mempertahankan apa yang mereka anggap sebagai hak mereka dan dalam masa yang sama masih mahu bertatatertib, menghormati dan bertolak ansur dengan tuntutan orang lain."

Hasil daripada Dasar Ekonomi Baru status Melayu meningkat dengan secara dramatik dan agak kelihatan lain sekarang. (semasa buku *The Malay Dilemma* diterbitkan dasar itu masih dirangka). Dasar tersebut telah meningkatkan status dan kekayaan orang Melayu serta taraf pendidikan mereka.

Kini dilemanya sejauh mana mereka boleh bertindak mengubah sikap dan pengaruh sejarah demi menjamin pemodenan masyarakat itu kekal. Kalau semuanya berjalan baik, matlamat boleh dicapai menjelang tahun 1990. Tetapi sejauh mana sebenarnya pencapaian itu kalau dinilai peranan mereka di dalam masyarakat dan ekonomi moden di bandar perindustrian? Suasana ekonomi mewah beberapa dekad kini sudah mula berubah. Untuk menghadapinya Mahathir mendesak rakyat agar bersikap tegas, menjaga disiplin dan rajin bekerja serta mematuhi kepimpinan baru. Memang semua pemimpin sebelum ini termasuk Tun Hussein Onn mahu mencipta bangsa Melayu baru, namun Mahathir mempunyai rekod menyatakan apa yang paling tidak menyenangkan orang, terutama Melayu.

Ramalan *The Malay Dilemma* tentang rasa putus asa pada sebahagian rakyat dan kemarahan pada yang lain tepat sekali. Kalau orang bukan Melayu bimbang dengan nasionalisme yang agak melampau, orang Melayu pula merasa terhina dengan penyataan terbuka ciri-ciri negatif yang diwarisi turun temurun oleh masyarakat Melayu. Mereka ketinggalan dan terpaksa dibantu untuk maju. Keadaan ini menambah keyakinan Mahathir untuk melakukan perubahan. Pencapaian orang Melayu sepanjang dekad menambah keyakinannya. Golongan konservatif percaya orang Melayu adalah saksama,, tetapi Mahathir yang radikal mengatakan kedudukan orang Melayu tidak sama dan perlu diubah.

Senjatanya ialah kuasa politik yang mereka pegang sejak merdeka. Bagi Mahathir pula di situ ada bahayanya walaupun kementerian memberi kuasa dan kekayaan kepada elit Melayu kerana mewujudkan suasana mudah untuk orang Melayu sehingga terhapus segala cabaran demi survival dan maju. Akibatnya ini boleh

meruntuhkan bangsa itu. Perubahan hanya dari segi kekayaan negara bukan perubahan asas dalam matlamat, sikap dan selera Melayu.

Mahathir tidak menyenangi hanya perkembangan golongan elit dan pemodal. Penolakan Mahathir terhadap Britain dan sanggannya terhadap Korea Selatan dan Jepun hampir scrupa dengan penolakan Kamal Ataturk terhadap huruf dan purdah Arab dan topi British sekitar 60 tahun dahulu. Kalau Ataturk mahu memulihkan keyakinan kebangsaan Turkey, Mahathir pula mahu memulihkan keyakinan diri bangsa Melayu setelah bertahun-tahun dijajah British dan dihimpit oleh perusahaan imigran.

Nasib bangsa Melayu mula berubah dengan kegagalan cangan Malayan Union dalam tahun 1947— yang mahu memberi hak yang sama kepada kaum-kaum imigran. Kemerdekaan meningkatkan semangat mereka dan Dasar Ekonomi Baru meningkatkan kekayaan mereka. Mahathir pula mahu mewujudkan bangsa Melayu yang boleh berdiri tegas di arena antarabangsa di zaman saintifik. Sikapnya terhadap British lebih merupakan pengaruh falsafahnya daripada pengaruh peribadi yang lain. Lagipun teknologi British sudah ketinggalan dan sistem sosialnya menampakkan keruntuhan. Masalah kenaikan yuran universiti meningkatkan modal Mahathir. Pada umumnya segala suasana menampakkan Mahathir sebagai pemimpin berani menghadapi kuasa tua (British) yang angkuh itu.

Korea Selatan pula memang model negara membangun moden yang mengalahkan negara perindustrian Barat dan mencabar pula Jepun. Rakyatnya cergas, berdisiplin, berterus terang dan rajin bekerja. Itulah nilai-nilai yang dikehendaki oleh Mahathir untuk Malaysia. Malah daripada jalan fikirannya yang menampakkan beliau lebih sebagai pemimpin dunia daripada hanya pemimpin sebuah negara membangun. Lalu beliau berhadapan dengan masalah nilai rakyat Malaysia serta suasana masyarakat majmuk Malaysia yang berlainan dengan modelnya, Jepun dan Korea yang homogen.

Matlamat DEB memang mahu mewujudkan sedikit sebanyak suasana homogen dengan menggalakkan orang Cina menerima nilai bahasa dan budaya Melayu, sementara orang Melayu menerima suasana pembandaran, teknologi dan disiplin diri. Malah ada

yang mengatakan apabila Mahathir merujuk kepada Korea Selatan dan Jepun, apa yang sebenarnya dimaksudkan ialah Singapura dan masyarakat Cina. Mahathir meminati disiplin dan daya gerak masyarakat Cina Singapura, walaupun cukup kritis terhadap para peniaga Cina. Daripada penilaian nampaknya Mahathir mahukan Malaysia memiliki perusahaan yang lebih besar, berasaskan teknologi untuk memperluaskan asas perindustrian, bukan sekadar perdagangan. Ini boleh dicapai dengan kombinasi modal kerajaan (dikawal oleh Melayu), sikap sosial yang positif serta daya keusahawanan Cina. Dengan cara ini sudah tentu dapat melahirkan golongan usahawan yang dikehendaki itu. Kalau semangat keusahawanan Cina mulai kendur ini akan membawa kepada keunggulan Melayu di dalam ekonomi serta politik.

Masyarakat Melayu sudah mula memahami dan menerima keghairahan dan langkah-langkah Mahathir muh menghapuskan kurang kecekapan dan rasuah. Scorang pengkritik sosial yang terkemuka, Prof. Syed Hussein Alatas berpendapat memang ada hasrat jujur Mahathir untuk bertindak membentras rasuah. Bagaimanapun tidak boleh tidak gerakan itu akan menyentuh beberapa perkara peribadi orang-orang tertentu.

Kerumitannya ialah bagaimana hendak melaksanakan perancangan Mahathir itu. Orang-orang yang menghargai usaha-usaha Mahathir itu sendiri juga yang meragui nilai-nilai yang memusatkan prestasi ekonomi dan teknik. Mereka yang bersikap demikia menjelaskan nilai-nilai budaya dan kemanusiaan—iaitu nilai-nilai penuh budi bahasa dan pertimbangan hak orang lain yang dianggap oleh Mahathir sebagai kelemahan.

Maka wujudlah masalah bukan sahaja peningkatan semangat bagi mengatasi kelemahan-kelemahan kemanusiaan itu, malah rakan komited terhadap usaha itu mungkin belum sempurna. Ini adalah kerana gaya bertindaknya yang tegas, langsung dan tidak berbelah bagi itu dikatakan bercanggah dengan sifat orang Melayu. Akibatnya timbul reaksi yang kurang menyenangkan.

Satu masalah yang dihadapi oleh PM ialah kekurangan pada penasihat yang berkebolehan untuk diletakkan di kedudukan penting di dalam birokrasi untuk mengekalkan kad gerak perubahan. Usaha menghapuskan kebuntuan dan kebekuan semangat di dalam birokrasi adalah satu kempen yang berterusan

Usaha menghapuskan rasuah daripada sistem politik pula mungkin lebih daripada keupayaan sesiapa.

UMNO adalah sebuah parti yang kuasanya disebarluaskan di kalangan rakyat, serta sebuah pergerakan politik rakyat dengan perlembagaannya yang amat demokratik. Ini menyulitkan Mahathir bertindak tegas sebagaimana Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew. PAP di Singapura dan UMNO terlalu berbeza.

Satu lagi gejala bahaya ialah reaksi berasaskan fahaman pelampau agama yang bukan sahaja mengancam keharmonian kaum tetapi juga sikap bagi mewujudkan ekonomi perindustrian moden. Kewujudan dengan suburnya pergerakan dakwah merupakan jawapan semulajadi masyarakat desa yang memerlukan identiti dan keselamatan apabila berhadapan dengan corak perubahan yang terlalu mendadak dan asing itu. Suasana diwujudkan oleh proses perindustrian yang pesat tidak menyenangkan golongan dakwah. Kehidupan baru itu terlalu baru bagi mereka.

Hussein Alatas bagaimanapun berpendapat sebenarnya tidak ada percanggahan di antara agama sendiri dan proses perbandaran yang mungkin menimbulkan reaksi berasaskan agama itu. Agama tidak mungkin terjejas akibat perindustrian. Malah golongan radikal agama di dalam pergerakan dakwah yang mempunyai ramai ahli yang dilatih dalam bidang teknik tidak menerima percanggahan di antara pergerakan agama dan perbandaran.

Bagaimanapun agama adalah satu isu yang harus diambil pertimbangan oleh perikatan yang memerintah. Walaupun majoriti rakyat tidaklah semakin kuat malah semakin kurang kecenderungan keagamaannya daripada dulu, jumlah aktivis sudah bertambah dan sentiasa menjadi kumpulan pendesak yang cergas. Ini adalah kerana mengikut perlembagaan, orang Melayu adalah orang Islam (berbeza dengan di Indonesia), sekalipun di dalam budaya Melayu itu masih ada amalan yang pra-Islam dan bercanggah dengan Islam. Di samping itu ada prinsip dan tafsiran agama yang menganggap orang Melayu moden, sama ada eksekutif yang mewah dengan amalan meminum wiskinya, atau gadis kilang dengan mekap dan bebas dari segi ekonominya sebagai ancaman kepada nilai-nilai keagamaan.

Para pekerja perindustrian dari apa sahaja kaum pastinya akan melihat kepentingan kumpulan masing-masing sebagai lebih utama

daripada latar belakang etnik dan agama. Bagaimanapun di kawasan-kawasan bandar, kaum-kaum masih berkembang secara bersingan. Malah di kalangan kelas pertengahan berpendidikan dan dijangka dapat membentuk masyarakat berpadu juga ramai yang membuat hal masng-masing. Di kalangan orang Melayu sendiri ada rungutan tentang ketidakadilan pembahagian hasil Dasar Ekonomi Baru terutama di antara penduduk bandar dan luar bandar.

Jawapan Mahathir ialah orang Melayu harus menjadi warga yang pasti dan muktamad di Malaysia. Inilah yang menjadi asas kekuatan Melayu di segenap lapisan politiknya. Malah mungkin bertegas terhadap bukan Melayu dengan mendesak sekiranya kewarganegaraan diberikan kepada bukan Melayu adalah kerana orang Melayu menyetujuinya dan persetujuan itu bersyarat. Bagaimanapun sifat semulajadi orang Melayu sedia bertolak ansur membolehkan masalah berat berhubung dengan agama di kalangan orang Melayu serta dengan bukan Melayu dapat dielakkan.

Kalau pada masa lalu, tafsiran Islam yang sempit amat ketara di kawasan pesisiran di mana orang Melayu menerima agama Islam dari India dan Arab. Bagaimanapun perkembangan melalui perkahwinan campuran telah memperkayakan budaya Melayu, menjadikan orang Melayu, terutama di bandar tidak sulit menerima perubahan dan menjadikan cendekiawan Islam yang berdisiplin satu daya gerak ke arah kemajuan. Dari segi kemahiran moden, sikap bandaran dan pendidikan, orang Melayu sekarang sekurang-kurangnya sama maju dengan mana-mana masyarakat pemerintah Islam.

Dasar Pandang ke Timur! Untuknya orang Melayu harus mengetepikan sebahagian daripada ciri tolak ansur dan sedia berkompromi lalu menerima sebagai gantinya corak pemikiran tegas dan mengutamakan urusan perniagaan. Apakah pertembungan itu mungkin dilaksanakan?

Dilema orang Cina pula ialah mereka harus mempelajari bahasa Melayu dan Inggeris dan melupakan bahasa ibunda, serta budaya asli mereka, namun begitu belum juga berjaya mendekati diri dengan orang Melayu. Ini adalah kerana perbezaan agama. Kahwin campur di antara Melayu dan Cina di Semenanjung amat jarang berlaku. Dalam suasana demikian akan terus ada pengasi-

ngan kaum, namun matlamat Malaysia ialah keharmonian di antara pelbagai unsur dalam konteks Melayu sebagai budaya yang unggul.

Dilema orang Melayu sekarang ialah apakah mereka harus lebih banyak berkompromi berkenaan agama dan tradisi demi perpaduan negara dan dengan itu menyegerakan penyerapan sikap, idea dan kemahiran masyarakat bandar, yang berdikari dari segi sosial dan teknik—iaitu ciri-ciri masyarakat maju. Juga apakah mereka bersedia mewujudkan pembahagian ekonomi secara saksama yang akibatnya ialah orang bukan Melayu akan mempunyai bahagian yang lebih besar kuasa politik, sedangkan orang Melayu perlu mengekalkan ketuanannya.



Menteri Pertahanan, Dato' Sri Najib Tun Razak



Menteri Perindustrian Antarabangsa, Datuk Paduka Rafidah Aziz

BERFIKIR CARA BARU

"Saya tidak kira orang akan Ingatkan saya atau tidak. Yang penting ialah apakah saya sudah mencipta sejarah atau tidak apabila saya sudah meninggal."

— Dr. Mahathir

PEMBANGUNAN mental dan fizikal dengan corak baru serta berfikiran yang lebih hebat sedang diwujudkan oleh Kerajaan sekarang. Tunku Abdul Rahman dikaitkan dengan kemerdekaan dan kestabilan politik, Tun Razak dengan ekonomi dan pemodenan sektor desa, dan Tun Hussein Onn dengan pengukuhan dan penyelarasaran perkhidmatan awam, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebagai Perdana Menteri nampaknya menumpukan perhatian terhadap perubahan. Perubahan yang beliau mahukan meliputi setiap bidang kehidupan dan kegiatan rakyat Malaysia demi kehidupan individu dan negara yang lebih baik.

Perubahan itu pula harus datang dari jiwa orang-orang yang responsif terhadap falsafah itu. Dr. Mahathir menganjurkan pemikiran baru—bukan lagi dalam perspektif sempit tetapi meliputi ruang dunia yang lebih luas.

Perubahan itu memerlukan penganalisaan dan kajian terhadap corak kerja yang sudah menjadi kebiasaan, dan menerima pula cara dan konsep baru yang lebih baik hasil perubahan yang tegas itu. Bidang perubahan yang dikerahkan itu meliputi amalan perniagaan sehingga perkhidmatan awam dan dasar-dasar pembangunan. Tidak ada bidang yang akan dibiarkan oleh Kerajaan.

Perkhidmatan awam telah diserapkan dengan mentaliti baru; rasuah dianggap sebagai musuh utama; seluruh rakyat diminta

menilai diri sendiri dan bersedia menerima perubahan; nilai dan etika kerja dan kehidupan sosial diberi keutamaan; dan Jepun dijadikan contoh untuk diteladani oleh rakyat Malaysia. Satu keperibadian baru bagi rakyat Malaysia sedang dibentuk. Dalam satu wawancara (1982) Perdana Menteri mengesahkan apa yang beliau percaya arah baru untuk memusatkan pembangunan Malaysia di dalam beberapa tahun akan datang, tetapi dengan tidak mengorbankan ciri ke-Malaysiaannya, sistem nilai dan etikanya. Hasilnya satu masyarakat yang tidak takut melayari lautan luas, dan berniaga dengan seluruh dunia secara besar-besaran.

Beliau membayangkan Malaysia dengan penduduk yang ramai sebagai strategi bagi memperluaskan keluaran dalam negeri kasar dan permintaan dalam negeri. Beliau membayangkan syarikat dan perbadanan raksasa dari Malaysia mendapat kontrak dan membina projek untuk negara-negara lain. Sekalipun beliau tidak mengatakan ini akan terjadi, beliau ada bercakap tentang negara Islam dan ekonomi berasaskan konsep bank Islam (yang difahami oleh dunia Barat sebagai bank pelaburan), serta ajaran moral Islam. Katanya kalau dilaksanakan rakyat Malaysia bukan Islam tidak perlu bimbang kerana sebuah negara Islam tidak lebih daripada sebuah negara yang mengamalkan moral bersih.

Bank Islam wujud seiring dengan bank-bank biasa. Ini perlu untuk menggerakkan modal umat Islam yang enggan menerima faedah yang dianggap riba. Secara umumnya bank-bank perlu berubah, lebih berorientasikan pembangunan dan mengamalkan sikap penaungan. Sektor korporat secara keseluruhannya perlu melalui proses kajian semula—dalam bidang-bidang seperti perusahaan baru, pembangunan hasil, galakan eksport, pasaran baru, dan kaedah pengurusan dan perniagaan. Kerajaan pula sedia membantu sektor swasta. Perdana Menteri menegaskan kerjasama di antara sektor awam dan swasta akan merangsangkan lagi pertumbuhan.

Berkenaan pemikiran baru di dalam kerajaan, desakan Datuk Seri Dr Mahathir juga tidak kurang hebatnya. Kemelesetan ekonomi mungkin mendesak disegerakan proses kajian semula—kajian semula sasaran dan belanjawan adalah sebahagian dari gerakan itu. Namun cukai dan sumber tradisi pendapatan juga dikaji semula. Demi mengurangkan bebanan belanja sector awam malah bidang pembangunan kerajaan yang tradisi juga dikaji semula. Perdana

Menteri bertanya, "Tidakkah boleh sebahagian daripada tanggungjawab itu diserahkan kepada sektor swasta dan mendapat faedah juga daripadanya? Kita perlu meninjau semula apa yang kita lakukan sekarang, wajar atau tidak—atau semata-mata main ikutan ahaja kerana begitu tradisi kita."

Secara menyeluruh satu falsafah negara yang baru sedang dibentuk. Etika, moral, nilai, sikap, ideologi sudah tentu tidak pernah diberi perhatian seperti sekarang. Dan sekiranya Malaysia bergerak cergas ke abad akan datang, inilah tapak yang paling sesuai untuk memulakannya.

Pemulihan Mahathir

PANDANGAN sinis rakyat Malaysia terhadap ahli-ahli politik, yang telah dipupuk lebih suku abad, memang lebih kuat terhadap Perdana Menteri sekarang, berbanding dengan tiga orang sebelumnya. Bagaimanapun sebelum tamat tempoh bulan madu selama 12 bulan yang beliau minta, keraguan mula hilang di kalangan mereka yang paling hebat kritiknya kerana semakin jelas yang Perdana Menteri menawarkan sesuatu yang tidak terfikir pun oleh tiga orang Perdana Menteri sebelumnya—kebangsaan negara berasaskan hakikat dan ketegasan matlamat. Sedang pada masa lalu perpaduan di dalam masyarakat majmuk paling indahnya sebagai satu harapan jujur—and paling buruknya slogan kosong—Mahathir yang pernah dikutuk pada masa lalu kerana sikap nasionalis ultra-Melayunya, telah mengambil langkah-langkah untuk menyatukan kaum-kaum itu. Namun pemulihan itu bermula dengan rawatan kejutan yang bererti memisahkan bayi berusia 25 tahun itu dari pada botol susu British yang dinikmatinya sejak sekian lama.

Dasar dalam tahun 1981, tidak membeli barang British ka-
au masih ada pilihan lain mengejutkan seluruh establishmen. Lebih mengejutkan ialah Dasar Pandang Ke Timur, yang menyeru rakyat Malaysia meneladani orang Jepun sebagai model pembangunan dan perindustrian negara. Perubahan dasar itu yang mula mulanya dipandang aneh dan diterima dengan penuh keraguan tetapi kini dilihat sebagai satu langkah mengubah tumpuan kehidupan politik negara. Mahathir mahukan lebih daripada sekadar peningkatan kemakmuran dan daya pengeluaran. Sebagaimana

pemimpin-pemimpin sebelumnya beliau yakin hanya kemakmuran dapat menyelamatkan negara daripada polarisasi kaum dan kegusaran politik, tetapi itu tidak mencukupi. Kekayaan yang lebih banyak pula hanya akan menambah buruk keadaan. Beliau menjelaskan ketika melancarkan dasar tidak membeli barang British, apa yang perlu ialah perubahan sikap.

Apabila bertemu dengan para wartawan tentang dasar Pandang ke Timur, jelas sekali beliau memikir dekad-dekad akan datang, dari segi masyarakat Malaysia ketika mana sesuatu kaum tidak lagi melihat ke dalam diri dengan prasangka tetapi memandang keluar dengan rasa bangga. Beliau menjelaskan pergantungan terhadap barat berbahaya dan sudah tiba waktunya dipupukkan semangat berdikari dengan segera, dan usaha mewujudkan hubungan dengan Dunia Ketiga mestilah dilaksanakan dengan gigih. Inti dasar itu ialah keyakinan bahawa walau betapa hebat penguanan terhadap susunan ekonomi baru sedunia, apabila tiba keadaan yang mengancam, Dunia Ketiga terpaksa berdiri sendirian.

Pemulihan Mahathir bermula dengan para pegawai awam menggunakan kad perakam waktu seperti pekerja kilang. Keperluan mengubah sikap birokrasi ditandai oleh penubuhan satu pasukan petugas untuk merangka kanun etika untuk para kaki-tangan awam. Beliau juga memberi jaminan kepada bukan Melayu bahawa perniagaan tidak harus dikuasai hanya oleh satu kaum, dan saham bumiputera di dalam ekuiti korporat tidak akan ditambah daripada 30% yang ditetapkan lebih awal, dan saham bukan Bumiputera pula tidak akan dikurangkan daripada 40%. Sektor asing akan terus menikmati saham 30% kerana perindustrian yang pesat menerusi input modal dan teknologi asing hanya dimungkinkan berlaku dalam suasana penuh keyakinan, atau menurut kata-kata beliau sendiri, hanya kalau Malaysia menjadi sebuah negara yang benar-benar stabil.

Berikut sebahagian daripada petikan wawancara dengan Dr. Mahathir.

Berkenaan Dasar Pandang Ke Timur

“JEPUN adalah pelabur terbesar di Malaysia dan saya berpendapat oleh kerana Dasar Pandang Ke Timur, minat ditunjukkan oleh Jepun dan Korea Selatan meningkat daripada dulu. Jadi minat

yang lain juga tidak berkurangan, jadi kita beruntung.

Apakah dasar baru itu akan mendatangkan perbezaan kepada para pelabur dari tempat-tempat lain di dunia?

“Tidak...kerana kita memberi layanan scrupa kepada setiap orang. Dasar Pandang ke Timur kita bukan bertujuan mendapatkan pelaburan dari Jepun tetapi memperolehi jenis dasar, sistem dan etika kerja yang ada pada orang Jepun.”

Rakyat tertanya-tanya apakah dasar itu. Bolehkah diberi sempadan jelas: sejauh mana ke Timur harus kita memandang?

“Biar kita kata begini, pada masa lalu kita memandang ke barat untuk mendapat pengetahuan baru, belajar teknologi baru, kaedah pengeluaran baru, malah sistem. Semuanya sistem barat. Ini yang kita pandang kerana ketika itu Barat amat berjaya, sehingga dapat menguasai seluruh dunia. Memanglah kita mahu berjaya sama dan meniru cara mereka. Kini keadaan sudah berubah, kita melihat persaingan di antara kaedah Jepun dengan kaedah Barat, dan Jepun semakin maju sedangkan barat nampaknya semakin mundur. Jadi untuk maju Malaysia harus belajar daripada contoh yang lebih baik, dan contoh itu ialah Jepun. Itulah sebabnya dasarnya ialah Pandang ke Timur, menggantikan dulunya Pandang ke Barat.

Bagaimana dengan bahayanya? Pada masa lalu di dalam pandangan ke barat kita perolehi teknologi dan perangai-perangai buruk mereka.

Apabila kita memandang ke Barat kita tidak mahu mengambil segalanya, tetapi nampaknya di dalam proses itu ada juga terambil perkara yang kita tidak mahu. Kebelakangan ini perangai buruk semakin berleluasa di Barat. Kini mereka tidak lagi menghiraukan agama, nilai moral mereka semakin merosot, tidak sesuai dengan nilai moral kita. Jadi kita rasa perlu kita melindungi diri daripada gejala itu, dan kita perlu menseimbangkannya.

Kini dalam kes Jepun, memang benar mereka juga tidak memandang berat sangat agama, namun nilai moral mereka senada

dengan moral dan etika kita di negara ini, atau yang kita inginkan di negara ini. Mereka mungkin tidak sentiasa bersembahyang, namun dari segi falsafahnya mereka sudah ada pegangan itu...di dalam falsafah perdagangan, misalnya, keuntungan bukan segalanya. Kebajikan pekerja juga penting. Merkca tidak mempunyai perbezaan kelas yang menonjol sangat seperti di Barat di mana dalam sebuah kilang, scorang ekskutif tidak mahu duduk di kantin sama dengan pekerja.

Apa Kata Mahathir Pada Tahun 1983

BERKENAAN tatacara pentadbiran yang terlalu cepat untuk difahami dengan baik dasar-dasarnya oleh orang ramai.

"Dasar-dasar itu sebenarnya saling kait-mengait, iaitu satu dan perkara yang sama. Saya terpaksa menekankan berbagai-bagai aspek (pada peringkat-peringkat tertentu) demi menggerakkan kerja. Kalau saya berhenti menyuruh rakyat memandang ke timur akan timbul salah faham. Jadi kita bertindak: Pandang ke Timur bererti memandang Jepun dan Korea Selatan. Apa yang dipandang di sana? Bukan hara-kirinya. Kita tumpukan perhatian terhadap etika kerjanya.

Saya juga melihat kejayaan perusahaan swasta di sana. Jadi kita wujudkan dasar penswastaan. Kita melihat akrabnya kerjasama di antara kerajaan dan sektor swasta, jadi wujudlah dasar Persyarikatan Malaysia, dan kita melihat cara kerja orang-orang Jepun dimana presiden perusahaan datang ke tempat kerja dan bertemu dengan para pekerja. Itu kepimpinan melalui teladan.

Saya mungkin kedengaran mengeluarkan satu lepas satu dasar tetapi itu hanya menegaskan bidang-bidang yang kita mahukan. Kalau saya lakukan serentak tentu rakyat keliru. Kritik terhadap dasar ini amat dialu-alukan: itu sahaja cara kita mengetahui rakyat sudah faham atau tidak apa yang kita beritahu mereka. Tapi ada juga kritik penuh sindiran: Pandang Ke Timur kerana Mahathir dibayar upah oleh Jepun kata mereka. Para pengkritik demikian tahu benar mereka tidak bercakap benar tetapi mereka lakukan kerana itu scronok, untuk memburuk-burukkan establishmen."

Menyentuh nisbah pembayaran hutang Malaysia yang telah meningkat dan sebilangan penganalisis menyamakan nasib ekonomi negara ini dengan Mexico.

"Nisbah perkhidmatan hutang itu adalah satu perubahan bukan sahaja dengan jumlah pinjaman tetapi juga indeks yang kita gunakan untuk menyandarkannya. Kalau dibanding dengan kadar keluaran negara kasar dan kadar itu jatuh, sudah tentulah kadar pinjaman serupa tiba-tiba kelihatan sangat tinggi. Dalam beberapa tahun yang lalu, pendapatan kita tidaklah sebanyak dulu.

Rumusannya: sama ada dikurangkan pinjaman atau menahaninya, dan kita telah membatalkan beberapa projek. Kalau pemulihan berlaku, nisbah perkhidmatan hutang sudah tentu jatuh. Kita tidak sama dengan Mexico. Kita tidak mentadbir negara kita seperti mereka."

Menyentuh Malaysia yang nampaknya mengubah pendekatan terhadap perindustrian, bergantung kepada gantian import dengan menekankan industri berat seperti besi waja.

"Itu bukan sekadar mencari gantian import. Industri itu memang perlu untuk membolehkan proses perindustrian. Kita selalu diberi tahu lebih murah membeli daripada mengeluarkannya. Itu memanglah propaganda negara maju untuk mengekalkan pasaran mereka. Cuba lihat Korea. Apabila ia mahu memulakan kilang besi wajanya yang pertama ia diberitahu agar mengeluarkan 600,000 tan besi waja, tetapi mereka mengeluarkan 1.5 juta tan. Setiap orang berkata itu bodoh, kerana kononnya Korea Selatan dapat membeli besi waja lebih murah daripada Jepun. Tetapi hari ini Korea Selatan mengeluarkan di sebuah loji sahaja, 11.5 juta tan besi waja, dan sebahagian daripadanya dijual kepada Jepun. Saya tidak berkata Malaysia akan menjadi sebuah lagi Korea Selatan, tetapi prinsipnya sama."

Menyentuh Dasar Ekonomi Baru mungkin dilanjutkan selepas 1990.

Apa yang membimbangkan kita ialah walaupun mudah membeli

30% daripada ekonomi itu untuk bumiputera, bukan mudah mengekalkan paras 30% kecuali rakyat mengetahui cara menguruskan saham mereka. Dari segi keupayaan pengeluaran, pengeluaran kemahiran teknologi dan pengurusan di kalangan bumiputera, hasrat DEB tidak tercapai dengan kerajaan membeli saham. Kita perlu mengkaji dengan teliti apa yang perlu dilakukan. Kita tidak menghalang orang lain dan tidak mahu juga di akhir tahun 1990 semua 30% itu lesap kerana rakyat menjual semua saham mereka, membelanjakan wang itu, bermewah-mewah dan menjelang tahun 1991 balik ke tahap lama. Kita harus menilai perlanjutan itu dari segi kestabilan, bukan segi angka sahaja. Semangat DEB itu sendiri yang harus dicapai.

Berkenaan janji menyemaikan perasaan takutkan Tuhan di dalam pembenterasan rasuah.

Kita sudah dapat membaca tentang tindakan yang diambil di akhbar. Malangnya orang yang mengadu tentang rasuah enggan tampil untuk memberi bukti. Orang-orang seperti ini lebih buruk daripada mereka yang tidak berguna: sebenarnya mereka membantu orang-orang yang rasuah. Kadangkala dengan bukti-bukti yang kurang kukuh kami bertindak secara rasmi. Kalau di dalam politik kita buangkan ahli politik yang rasuah. Langkah ini sangat jelas dengan adanya ahli politik yang tidak dikemukakan untuk pemilihan semula kerana disyaki rasuah.

Menyentuh kata orang yang kerajaan masih takut bertindak terhadap ikan besar.

“Dua orang menteri diambil tindakan secara terbuka dan didapati bersalah. Kerajaan tidak takut pergi ke mahkamah. Kalau ada bukti kita akan bertindak. Gerakan anti rasuah masih berjalan dan dalam beberapa hal ia lebih berguna di peringkat bawah. Apa yang dikatakan ikan besar mungkin menyakitkan orang besar. Tetapi orang kecil akan terasa sekalipun rasuahnya hanya lima ringgit: katalah pegawai kastam atau polis yang mengutip beberapa ringgit, seorang tahu yang tindakan akan diambil.”

Menyentuh iklim lebih liberal di Malaysia.

"Kita telah mengkaji ISA. Di antara banyak kritik terhadapnya ialah peruntukannya, kononnya di dalam akta itu para saksi memberi bukti dengan muka mereka ditutup. Mana ada begitu. Itu diadakan. Yang penting ialah bagaimana undang-undang itu digunakan. Kewujudan undang-undang itu sendiri tidak bermakna apa-apa. Hakikatnya kita telah bebaskan tahanan di bawah ISA. Saya telah lakukan apa yang saya rancangkan. Apa yang saya telah lakukan ialah bersikap lebih bertolak ansur, dan membenarkan orang-orang ini keluar sekalipun mereka mungkin masih merupakan satu ancaman. Penilaian saya ialah kita boleh berhadapan dengan ancaman itu. Kita masih mengkaji bahagian manakah ISA yang harus dimansuhkan, dan kita dapat amat sedikit."

Mengenai visi untuk negara.

"Sebuah negara yang kuat, stabil, makmur, dalam mana rakyatnya hidup dalam suasana harmoni dan semua keperluan material dan rohani mereka dipenuhi. Saya tidak ingin menyebut ini sebuah nasyarakat agung (masa depan). (Namun) setiap pemimpin mahu memimpin sesebuah negara yang kuat dan dihormati."

Menyentuh warisan untuk ditinggal.

Saya tidak kira orang akan ingatkan saya atau tidak. Yang penting ialah apakah saya sudah mencipta sejarah atau tidak apabila saya sudah meninggal. Semasa menjadi menteri pendidikan, saya mengarangkan sekolah-sekolah diberi nama sempena nama orang yang masih hidup, termasuk diri saya. Adalah tidak wajar sama sekali mengekalkan ingatan terhadap diri kita di dalam sejarah. Kita tidak dapat menentukan penghakiman sejarah terhadap diri kita. McDangkan semasa masih hidup pun orang mengemukakan pelbagai penilaian yang di luar kawalan saya."



Dr. Mahathir ketika itu dipercayai dari UMNO) kelihatan di sini



Gambar Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah sewaktu baru-baru
mendirikan rumah tangga.

12

HARGA KUASA

"Dalam masa hanya dua tahun, beliau boleh dikatakan telah menulis semula buku sejarah politik Malaysia. Namun, Dr. Mahathir baru sahaja bermula dan mulai sekarang, usaha itu menjadi semakin rumit."

UMNO menyaksikan pertama kali serangan padu terhadap presidennya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai autokratik dan tidak memahami makna demokrasi, dan menjunjung tradisi hanya untuk memudahkan kepimpinan parti. Hanya ketika Tun Razak pada awal 1970-an pernah berlaku serangan demikian. Jawapan yang diberikan oleh Mahathir ialah "kita telah dipilih untuk melaksanakan tugas. Kalau kita tidak melakukannya kita boleh dipecat."

Seramai 1,200 orang wakil dari 114 kawasan pilihanraya di Semenanjung duduk terpaku di kerusi untuk mendengar kritik terhadap sokongan yang boleh dikatakan terbuka terhadap timbalan-ya, Musa Hitam. Orang-orang Razaleigh berterus-terusan melan-arkan serangan. "Bukanlah kerana saya mahu menyokong Musa tetapi saya terpaksa bekerja rapat dengan orang yang telah dipilih sendiri oleh UMNO, dan terpaksa menentang sesiapa sahaja yang menggunakan fitnah dan perbuatan memburuk-burukkan seseorang untuk memecahkan pentadbiran ini."

Setelah dua tahun mentadbir, Mahathir menghadapi cabaran dari dalam dan luar parti dan terus bertahan. Perhimpunan agung UMNO boleh menjadi petanda bagaimana Malaysia menyambut sangat reformis pentadbiran Mahathir-Musa.

Menghapuskan mentaliti penjajahan di kalangan rakyat Malaysia menjadi langkah pertama pentadbiran baru dalam tahun 1981. Mereka mahu mewujudkan semangat kemerdekaan tulen, yang melahirkan keyakinan ditingkatkan dengan tenaga serta rangsangan yang lebih kuat untuk bekerja di dalam rangka Dasar Pemandangan Ke Timur, Persyarikatan Malaysia, Penswastaan, serta galakan terhadap industri berat. Jenis perubahan serta cara pengenalan dan perlaksanaannya yang agak mengejut menyebabkan sebilangan rakyat boleh dikatakan termengah-mengah. Bersama perubahan itu berlaku juga perubahan sistem nilai dilengkapi dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam bidang pendidikan juga dan sistem bank.

Bagi Mahathir hadiah akhir bagi kepimpinannya ialah dapat membantu Malaysia menikmati kedudukan lebih dihormati di dunia dan bagi rakyatnya—orang Melayu—memainkan peranan yang terpenting di dalam proses itu. Hembusan angin politik yang ditüp oleh 2M tidak hanya mengejutkan rakyat bawahan, malahan juga menyentuh mereka di peringkat teratas: golongan Diraja. Akibatnya sebuah rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen menghadkan hak dan kuasa raja berperlembagaan negara ini, terutamanya hak untuk enggan menandatangani rang undang-undang bagi mensahihnya, telah ditangguhkan tandatangannya.

Pasangan dinamik Malaysia paling bimbangkan perpecahan di dalam parti itu akibat gaya kepimpinan yang terlalu cepat berubah, lalu kedengaran pelbagai aduan dan kritik. Namun bagi Mahathir apabila ahli-ahli UMNO hanya boleh mendengar kata para pemimpin dan tidak berani mengemukakan pandangan sendiri, UMNO sudah tidak ada guna lagi.

Di antara yang mendapat kritik yang kuat ialah apabila perakuan diberikan kepada Musa dan semacam arahan agar Musa tidak ditentang untuk mendapatkan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Menurut Mahathir mainan kotor dan kata mengata di dalam UMNO sudah terlalu teruk sehingga perlu diambil tindakan. Untuk mengurangkan tuduhan liar dan mainan politik kotor itu beliau menegaskan bahawa tidak ada masalah bekerjasama dengan Musa. Musa pula menegaskan bahawa walaupun beliau berterima kasih atas sokongan Mahathir namun itu bukan bererti beliau harus sentiasa mengikut telunjuknya, kerana kalau perlu beliau juga akan mengkritik Mahathir.

Pendirian pemimpin ini tentang perpecahan di dalam parti ialah kalau dahan yang pecah kita patahkan satu atau dua dahan dan kalau sebuah bahagian yang pecah kita gantungkan bahagian itu dan melantik orang dari pusat parti untuk mengendalikan bahagian itu. Ini adalah untuk mengelakkan perpecahan di tengah-tengah parti. Di antara kritik yang ditimbulkan oleh ahli-ahli ialah sejak dua tahun Mahathir memimpin telah lahir beberapa slogan dan projek industri berat seperti ‘kereta Malaysia’ tetapi tidak ada kemajuan sebenar di luar bandar. Rancangan Kerajaan membina rumah berharga \$10 juta untuk Perdana Menteri serta pembinaan projek bangunan Dayabumi di tengah-tengah Kuala Lumpur juga dikritik hebat.

Tidak adanya perbincangan tentang skandal BMF yang boleh melemahkan kedudukan Razaleigh memberi semacam kelegaan kepada Menteri Kewangan yang kemudiannya menjadi pencabar Musa. Para pengkritik terutama dari kalangan bukan Melayu pula menuduh Mahathir terpaksa membawa UMNO dan Barisan mengikut landasan yang lebih fundamentalis atas desakan dan sifat agresif golongan fundamentalis Islam dari rangkaian negeri-negeri utara Semenanjung. Lim Kit Siang dari DAP menuduh Mahathir mempercepatkan proses pengislaman tanpa mengambil kira perasaan separuh rakyat lagi yang terdiri daripada bukan Islam. Dr. Chandra Muzaaffar pula berkata kebangkitan Islam jenis doktrainer akan bertambah serius dan lama kelamaan akan menghakiskan asas sokongan Melayu sementara sokongan bukan Melayu semakinerosot.

Walau bagaimanapun orang-orang veteran seperti Dr Tan Chee Koon dan Tunku Abdul Rahman melihat aspek positif tindakan Mahathir. Menurut Dr Tan pentadbiran Mahathir telah memberi rasa bangga terhadap diri sendiri di kalangan rakyat Malaysia kerana Mahathir menyemaikan kesedaran yang rakyat sendiri boleh berdikari tanpa sokongan orang luar—kulit putih. Bagaimanapun Dr Tan melihat bahawa keutamaan harus diberikan kepada membaiki perhubungan dengan kaum-kaum minoriti demi membolehkannya menjadi pemimpin besar.

Tunku pula berpendapat Mahathir mencapai kejayaan yang baik dan menumpukan perhatian yang banyak terhadap pembangunan ekonomi.



Datuk Ling Liang Sik



Datuk Lee Kim Sai

UJIAN TERBESAR, KEJAYAAN TERPENTING

"Tidak akan mencapai kejayaan seseorang yang tidak sanggup berkorban secara peribadi."

— Napoleon

SEKALIPUN tekanan setahun yang lalu kian nyata Datuk Seri Dr. Mahathir terus bertindak tegas dalam melaksanakan pemodenan dan pembangunan untuk negara. Pelbagai kritik dilemparkan ke atas beliau tetapi beliau terus bertegas.

Ujian terbesar dihadapinya di dalam tempoh 30 bulan berkuasa ialah apabila pengesahan Diraja ke atas Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan yang kontroversial telah tidak ditandatangani oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Ini melahirkan satu ribut politik yang melibatkan kerajaan, UMNO dan golongan Diraja. Krisis ini telah menjadi ujian terbesar dan kejayaan terpenting bagi Dr. Mahathir.

Kesan krisis itu ada sesetengah pihak yang merasakan telah mewujudkan garis perpecahan di dalam masyarakat Melayu terutama UMNO, walaupun Mahathir berfikir sebaliknya. Sekurang-kurangnya pandangan terhadap satu sama lain, Raja-Raja dan ahli-ahli politik serta hubungan mereka dari segi perlembagaan mulai berbeza. Malah sebilangan keluarga Diraja merasa terkilan kerana UMNO telah tidak lagi melindungi mereka, dan sebaliknya mengecewakan mereka.

Menurut pandangan Dr. Mahathir pula, krisis itu memperkuatkan UMNO, yang telah menunjukkan perpaduan berha-

dapan dengan isu itu. Perhimpunan besar di Alor Star dan Johor Bahru menjadi bukti perpaduan tersebut. Apabila ada golongan tertentu yang menyebarkan berita angin dan salah tafsiran mengenai pindaan itu, Mahathir bertindak tegas sehingga perbuatan itu hilang dengan sendirinya.

Berita Angin Perletakan Jawatan

"MEMANG saya menafikan yang saya akan meletakkan jawatan. Ada sebilangan ahli di dalam UMNO yang mencadangkan dibabkan kebuntuan (di dalam pindaan perlembagaan) itu saya harus meletakkan jawatan. Saya tidak menerima rumusan demikian kerana saya tidak fikir perletakan jawatan itu akan menyelesaikan masalah.

Sekiranya saya meletakkan jawatan, apakah rumusan selepas itu? Mengalah sama sekali? Kalau-lah sekadar mengalah, saya boleh mengalah. Lainlah kalau dengan saya meletakkan jawatan, rang undang-undang itu akan ditandatangani. Tidak adapun cadasan demikian.

Ada orang mengambil peluang untuk menghalau saya. Saya bukanlah mudah hendak dihalau keluar oleh segelintir orang. Tetapi kalau semua rakyat, seluruh negara mahukan saya meletakkan jawatan, dan kalau majoriti rakyat mahukan saya keluar, saya tidak keberatan untuk meletakkan jawatan. Saya tidak mahu menjadikan jawatan ini harta peribadi. Ini satu amanah.

Saya tidak tahu apakah ini krisis terbesar saya dalam tempoh 30 bulan menjadi Perdana Menteri. Mungkin pada pandangan ramai orang itulah krisis terbesar."

— Perdana Menteri menegaskan sewaktu krisis sedang memuncak.

Berkenaan implikasinya di luar UMNO pula Dr. Mahathir berkata PAS tidak boleh mempergunakan isu tersebut kerana PAS memang anti-Raja, dan di dalam perlembagaannya tidak disebut kesetiaan dan sokongan kepada Yang Dipertuan Agong atau Raja. DAP pula memang tidak menaruh kesetiaan kepada Raja malah kuat sekali mengkritik Raja sebagaimana surat Encik Karpal Singh

kepada Perdana Menteri. Bagaimanapun, majoriti orang Melayu ramai yang melihat institusi Raja sebagai kawalan ke atas kepimpinan Melayu.

"Kerajaan akan mempertahankan kawalan itu," kata Dr. Mahathir. Untuk membala pengaruh itu Dr. Mahathir memperingatkan bahawa sebilangan Raja-Raja mahu 'menghapuskan semua orang-orang tertentu', kalau diberi kesempatan.

Berita Angin Pembunuhan 'Satu Strategi'

"ITU strategi. Perkara itu sudah tentu menyebabkan saya kehilangan landasan kalau satu perhimpunan besar diadakan, khasnya di Johor, dan saya tidak hadir. Kemudian sudah tentu akan timbul kekecewan besar dan sudah tentu akan ada panggilan telefon mengatakan saya kena tembak.

Saya tidak fikir ini boleh berlaku. Saya tidak percaya. Tetapi kalau saya menikus, 100,000 orang yang hadir akan kecewa, dan kewibawaan saya hilang. Kalau sebaliknya pula kesannya berbeza, kerana mereka akan berkata tidak guna pergi ke perhimpunan itu kerana saya tidak dapat datang.

Sekiranya pula saya datang mengharapkan 100,000 orang tetapi katakan hanya ada 5,000 orang, jadi ada yang akan berkata, saya tidak ada sokongan di Johor. Jadi ini strategi. Saya tidak percaya ada orang benar-benar mahu membunuh saya. Bukan menjadi ciri perwatakan Melayu membunuh orang.

Saya masih perlu bergerak sekeliling dan menerangkan kepada rakyat sekarang setelah perkara itu selesai, kalau tidak rakyat akan menuduh saya datang menemui mereka hanya pada waktu kesulitan, kemudian bila berjaya saya lupakan mereka.

Di Johorlah perhimpunan terbesar dari segi jumlah hadirin. Di Kedah perhimpunannya penting kerana itulah perhimpunan pertama dan sifat orang Kedah tidak suka tunjuk perasaan, susah hendak menghimpun orang di Kedah. Hakikat mereka datang untuk bertemu dengan saya amatlah penting. 50,000 orang di Kedah adalah jumlah yang sangat besar.

Saya tidak dapat mengatakan yang mana satu terbaik. Bagaimanapun secara keseluruhannya mereka telah melakukan sesuatu yang baik untuk parti.

Apa Yang Salah

MENURUT Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kurang jelasnya peruntukan di dalam Artikel 66(5) Perlembagaan menjadi alasan atas diwujudkan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan yang kontroversial itu. Kekaburuan itu kadangkala menimbulkan kerumitan di peringkat negeri—di mana apa yang merupakan istiadat ditakrifkan sebagai hak. Memanglah di peringkat negeri tidak banyak kerosakan yang boleh timbul, tetapi di peringkat Persekutuan kecaburan itu boleh membawa kesan yang serius.

Dari segi tatacara tiga peringkat rasmi yang terlibat di dalam penggubalan undang-undang ialah pemasangan mohor Diraja, menandatangani Rang Undang-Undang serta pewartaaan Rang Undang-Undang sebelum satu Rang Undang-Undang diluluskan oleh Parlimen jadi undang-undang. Tidak ada satu pun di antara tiga tatacara rasmi itu ditegaskan di dalam perlembagaan sebagai lebih penting daripada yang lain.

Memang ada pengkritik yang menghujah bahawa kecaburuan itu telah ada sejak tahun 1957. Kesedaran tentang perlunya pindaan itu terasa sejak sekian lama. Oleh kerana perlembagaan hendak dipinda maka Dr. Mahathir berpendapat elok dipinda sekali bahagian yang meragukan itu.

Kenapa kerajaan mendesak pindaan itu dilakukan dengan cepat tanpa banyak perbahasan atau perbincangan? Menurut Mahathir perbincangan tidak dimungkinkan oleh Akta Hasutan yang tidak membenarkan perbincangan tentang hak dan kedudukan Raja. Malah ia boleh menyebabkan perubahan sikap rakyat terhadap Raja-Raja. Secara ironinya pula cara pindaan tersebut diluluskan itulah yang menjadi isu utama perbahasan terhadap Pindaan Perlembagaan itu.

Bagaimanapun akhirnya Rang Undang-Undang itu ditandatangani juga. Sebelum itu Rang Undang-Undang disusun semula setelah dirunding dengan Yang Dipertuan Agong, dihantar ke Parlimen untuk diluluskan lepas itu baru ditandatangani. Tidak ada tempoh yang ditetapkan bagi menunggu tandatangan berkenaan.

Terhadap tuduhan di dalam peruntukan baru, Dr. Mahathir mengatakan sekalipun ada peruntukan tentang rundingan dengan

Yang Dipertuan Agong sebelum itu akan tetapi ada hal-hal penting yang mana baginda tidak dibawa berunding—terutama semasa Singapura keluar dari Malaysia. Tunku Abdul Rahman hanya buat keputusan sendiri. Tidak pun dirujuk ke DYMM Yang Dipertuan Agong. Hanya lepas diumumkan baru dibawa ke Parlimen. "Kebetulan saya juga turut menyokong langkah Tunku itu di Parlimen," ujar Dr. Mahathir.

Catatan Krisis

- | | |
|---------|--|
| 1 Ogos | Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membentangkan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan, 1983 dalam Dewan Rakyat. Katanya semangat dan prinsip yang termaktub di dalam perlembagaan tidak dijejaskan oleh pindaan itu. |
| 3 Ogos | Rang Undang-Undang itu diluluskan oleh Dewan Rakyat tanpa pindaan selepas tiga hari. |
| 10 Ogos | Rang Undang-Undang itu diluluskan oleh Dewan Negara. Bagaimanapun semasa Sidang Belanjawan Dewan Rakyat dalam bulan Oktober Perdana Menteri ditanya kenapa Rang Undang-Undang itu belum ditandatangani. Mahathir menjawab DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong belum dapat berbuat demikian kerana masih gering. |
| 28 Okt. | UMNO Bahagian Kuala Muda di Kedah mengisyiharkan sokongannya kepada Pindaan Perlembagaan itu, memecahkan kesenyapan, dan menjadi yang pertama di antara beberapa suara menyokong kerajaan dan UMNO di dalam menyelesaikan isu itu. Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman menggesa Majlis Raja-Raja agar jangan melengah-lengahkan persetujuan terhadap Rang Undang-Undang itu dan menasihatkan kerajaan agar menunggu persetujuan itu sebelum mewartakan Rang Undang-Undang tersebut. |
| 30 Okt. | UMNO Bahagian Sungai Petani di Kedah memberi sokongan penuh kepada seruan Tunku. |
| 4 Nov. | Pemuda UMNO menyatakan sokongan kepada pin- |

- daan itu.
- 5 Nov. Wanita UMNO juga menyatakan sokongannya.
- 7 Nov. DYMM Raja Perlis berkata beliau dan Raja-Raja lain sedang mencari satu rumusan terhadap masalah itu.
- 8 Nov. Semua Menteri Besar mengumumkan yang mereka menghantar satu memorandum kepada Raja di negeri masing-masing meminta agar diterima Rang Undang-Undang itu.
- 9 Nov. Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar mengumumkan bahawa semua bahagian UMNO menyokong penuh pemimpin parti mereka di dalam menyelesaikan krisis itu.
- 20 Nov. Satu perwakilan UMNO bertemu dengan sembilan orang Raja di Shah Alam.
- 25 Nov. Ketua Pemuda UMNO Anwar Ibrahim sekali lagi menegaskan pendirian Pemuda menyokong pindaan itu.
- 26 Nov. Di Alor Star Perdana Menteri menafikan yang beliau mahu meletakkan jawatan. Beliau hanya akan meletakkan jawatan apabila rakyat mahu beliau berbuat demikian.
- 28 Nov. Di Bagan Datoh, Perak, Dr. Mahathir berkata sebarang kelemahan di dalam sistem Raja Berperlembagaan sekarang harus diperbetulkan agar sesuai dengan keperluan masa. Kata beliau, ini adalah tujuan tunggal Rang Undang-Undang itu dipinda.
- 29 Nov. Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman berkata di dalam sepuuk surat kepada Parlimen bahawa Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan itu tidak menjaskan hak Raja-Raja dan Yang Dipertuan Agong tidak ada hak untuk menghalang atau enggan memberi persetujuan kerana di bawah perlembagaan baginda bertanggungjawab menyetujui sebarang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.
- 2 Dis. Mahathir mengisyiharkan di dalam satu perhimpunan di Seremban bahawa Rang Undang-Undang itu bukan satu percubaan oleh para pemimpin kerajaan mahu mendapat lebih banyak kuasa. Beliau kesal ke-

rana semua usaha kerajaan untuk membawa Raja-Raja bersatu terhadap Rang Undang-Undang itu telah gagal. Kemudiannya beliau menyampaikan satu ke nyataan kementerian di Dewan Rakyat menjelaskan yang Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan menghadapi jalan buntu.

3 Dis. UMNO mengadakan satu sidang Majlis Tertinggi. Mahathir memberitahu bahawa kerajaan bersedia untuk berkompromi berkenaan pindaan perlembagaan tetapi tidak akan meninggalkan prinsip asas mentadbir Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Kemudiannya di Kuching, Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam berkata rang undang-undang itu bukan bertujuan mengumpul kuasa di tangan sesorang atau sesuatu kumpulan. Pemuda MCA mengisytiharkan sokongannya kepada Dr. Mahathir.

5 Dis. Pemuda UMNO sekali lagi menyetu Dr. Mahathir agar mewartakan Rang Undang-Undang itu. Musa berkata kerajaan dan Raja-Raja cuba menyelesaikan isu itu di peringkat tidak rasmi. Para Senator menyatakan sokongan penuh kepada Perdana Menteri. Kerajaan Negeri Trengganu dan UMNO negeri menyatakan sokongan penuh kepada Dr. Mahathir.

8 Dis. Dr. Mahathir berkata jauh daripada memecahbelahkan rakyat pindaan itu sebenarnya menyatukan mereka. Beliau membayangkan ada tanda-tanda satu rumusan dapat dicapai. Yang Dipertuan Agung menerima Dr. Mahathir mengadap petangnya.

10 Dis. Timbalan Yang Dipertuan Agong, baginda-baginda Sultan Selangor, Johor dan Kedah, serta Raja Perlis dan Tengku Laksamana Negeri Sembilan bersidang berkenaan formula kompromi UMNO sebelum sidang mereka keesokannya. Baginda Sultan Perak dan Sultan Trengganu bercuti di seberang laut. Dr. Mahathir berkata di Kuching pertemuan itu adalah satu petanda baik dan mengisytiharkan sekiranya usaha kerajaan untuk menamatkan kebuntuan itu gagal be-

liau akan mendedahkan pembelot-pembelot yang menghalangi usaha itu.

11 Dis. Raja-Raja mengemukakan cadangan-cadangan baru untuk menyelesaikan kebuntuan terhadap pindaan perlembagaan itu. Menteri Penerangan, Datuk Adib Adam berkata di Jasin, Melaka, penetapan satu tempoh tertentu bagi persetujuan Diraja pada sebarang Rang Undang-Undang diperuntukkan di dalam Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan selaras dengan hasrat kerajaan.

12 Dis. Mahathir berkata beliau belum menerima cadangan baru Raja-Raja tetapi akan mengadap Raja Muda Perak pada 13 Disember. Majlis Belia Malaysia menyatakan sokongan kepada Dr. Mahathir. Di Pulau Pinang Musa berkata tidak ada yang negatif di dalam formula baru yang dikemukakan oleh kerajaan kepada Raja-Raja untuk mengatasi kebuntuan itu.

13 Dis. Ekoran pertemuan di antara Dr. Mahathir dan Raja Muda Perak dan perkembangan seterusnya pada hari berkenaan, dilaporkan kemungkinannya cerah bagi krisis itu diselesaikan.

14 Dis. Majlis Tertinggi UMNO mengadakan mesyuarat khas pada hari Sabtu untuk membincangkan perkembangan terbaru mengenai isu itu. Dilaporkan kabinet di dalam mensyuarat mingguannya mengemukakan se-pucuk surat kepada Yang Dipertua Agung menarik perhatian baginda terhadap betapa pentingnya Rang Undang-Undang itu ditandatangani dan diwartakan menjelang 15 Disember untuk membenarkan Suruhanjaya Pilihanraya memulakan kerja menetapkan tanda sempadan baru bagi kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen. Tanpa pewartaan, kerja itu hanya akan dapat dilakukan dalam tahun 1994.

15 Dis. Timbalan Yang Dipertuan Agong menandatangani Rang Undang-Undang itu.

PERTEMPURAN DIRAJA

"Daripada pertahanan lahir kekuatan. Pokok yang paling kuat bukanlah yang terlindung daripada ribut, dan terlitup daripada cahaya matahari, tetapi pokok yang tegak di tanah lapang, dimana ia terpaksa berjuang untuk terus tegak, menahan pukulan angin dan simbahuan hujan serta bahana matahari."

— Napoleon

BUKAN rahsia lagi sembilan orang pemerintah Diraja yang setiap lima tahun memilih salah seorang daripada mereka untuk berkhidmat sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menunjukkan sikap bangga dan kadangkala angkuh di negeri sendiri. Sudah banyak peristiwa sejak merdeka, Raja atau Sultan menggunakan kuasanya memecat Menteri Besar yang dipilih, atau menghalang urusan kerajaan dengan enggan menantangani rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan. Bagaimanapun belum ada yang berkhidmat sebagai Yang di-Pertuan Agong bersikap demikian. Keadaan ini menyebabkan Perdana Menteri bertindak membawa Raja-Raja itu berkonfrantasi secara langsung di dalam pindaan perlumbagaan 1957 itu.

Dua sebab utama ialah Perdana Menteri juga bersikap bangga dan sensitif seperti Raja-Raja itu, di samping sifatnya sebagai seorang reformis yang kesuntukan waktu. Beliau mahu menetapkan had tertentu terhadap bidang pengaruh mereka, walaupun dari segi teori ditentukan di dalam perlumbagaan namun itu terdedah

kepada salah tafsiran di dalam amalan sebenarnya. Perdana Menteri telah menerima laporan beberapa orang calon untuk jawatan Yang di-Pertuan Agong secara sembarangan berkata kalau dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong akan mengisyiharkan darurat dan menghapuskan semua ahli politik yang merosakkan negara.

Seorang lagi Sultan kononnya bertitah tentang hubungannya dengan pegawai polis terkemuka dan disebutkan sebagai telah berkata, "Harus ada orang menyelamatkan negara ini." Sultan yang dikatakan mendakwa UMNO terlalu berlembut dengan orang Cina dan kalau baginda naik takhta akan mengubah pemerintahan negara, sedangkan hakikatnya baginda berkawan rapat dengan orang Cina. Keadaan ini membimbangkan Perdana Menteri. Dengan hal yang demikian beliau membuat keputusan tidak akan membiarkan keadaan sedemikian berlaku.

Sejak Januari atau Februari 1983 lagi, kabinet telah memutuskan bahawa Artikel 21 Perlumbagaan itu, termasuk yang menentukan sempadan pilihanraya perlu dipindah sebelum pertengahan tahun 1983. Dr. Mahathir memutus untuk meminda perlumbagaan itu dengan mengemukakan dua perubahan tambahan memperkemaskan kedudukan Raja-Raja. Perubahan pertama berpusat sekitar Artikel 66(5) Perlumbagaan dan memperuntukkan bahawa sebarang Rang Undang-Undang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh 15 hari setelah dipersembahkan kepada baginda akan dianggap sudah dipersetujui dan menjadi undang-undang. Kini tidak dinyatakan tempoh berkenaan.

Perubahan kedua yang dicadangkan berkisar tentang Artikel 150 Perlumbagaan, yang memperuntukkan YDP mengisyiharkan darurat. Pindaan itu bertujuan memberi hak kepada Perdana Menteri seorang sahaja kuasa berkenaan.

Mengikut amalan biasa Dr. Mahathir akan mempersenbahkan laporan hasil mesyuarat kabinet untuk tatapan Yang di-Pertuan Agong. Sumber-sumber yang tinggi di dalam Kerajaan dengan kuat mempertahankan bahawa Baginda Yang di-Pertuan Agong secara peribadi bersetuju terhadap perubahan-perubahan itu.

Apa yang berlaku ialah satu pindaan terhadap jadual kelapan perlumbagaan supaya selari dengan Artikel 66, dan ini akan melatihkan kedudukan baginda-baginda Sultan di negeri masing-masing.

sing tertakluk juga kepada tempoh 15 hari yang dinyatakan itu.

Ketika itu kerajaan bagaikan merasa ia sudah mencapai maksudnya. Kabinet bersetuju terhadap pindaan-pindaan itu dan baginda Yang di-Pertuan Agong telah membayangkan yang baginda menerima dan kerajaan mempunyai majoriti yang besar dalam Parlimen. Sebelum Parlimen bersidang untuk membahaskan pindaan itu para pengarang akhbar-akhbar tempatan dijemput dan diminta supaya melaporkan hanya ucapan pembentangan oleh Perdana Menteri dan bukan perbahasan mengenainya. Para pengarang, kecuali seorang, yang secara peribadi berpendapat bahawa pindaan itu perlu dan sedia bekerjasama.

Kebimbangan mula menguntum. Beberapa orang telah menghadap baginda Yang di-Pertuan Agong dan menarik perhatian baginda akan kesan pindaan itu terutama kesan daripada jadual kelapan. Dr. Mahathir diarah mengadap dan beliau memberitahu tidak menyedari yang kedudukan para Sultan akan terlibat sama dan meminta penjelasan daripada Peguam Negara. Peguam Negara pula menjelaskan bahawa peruntukan itu dibuat kerana dalam prinsipnya undang-undang negeri hendaklah selari dengan undang-undang persekutuan.

Raja-Raja tidak berpuas hati. Perdana Menteri secara peribadi kecewa kerana baginda Yang di-Pertuan Agong nampaknya menentang apa yang sebelum itu telah baginda persetujui. Mengikut pandangan para Sultan, di dalam perlombagaan memperuntukkan agar Majlis Raja-Raja diminta pandangan. Lebih buruk lagi ada menteri-menteri dari UMNO sendiri kurang yakin yang pindaan itu perlu dilakukan.

Menteri Luar ketika itu, Tan Sri Ghazali Shafie berpendapat ada kelemahan serius dari segi undang-undang dalam hujah-hujah kerajaan. Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan ketika itu, kurang ghairah. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam juga di peringkat awal dikatakan kurang komited tetapi akhirnya menjadi penyokong kuat pindaan itu. Seorang bekas Menteri Penerangan, Datuk Senu Abdul Rahman menghantar surat terbuka mengatakan pindaan itu menjelaskan peruntukan perlombagaan yang memberi kedudukan istemewa kepada Raja-Raja Melayu. Akibatnya para editor dipanggil sekali lagi bagi mendengar penjelasan Kerajaan supaya pihak akhbar bertindak mengenepikan surat Senu. Peguam

Negara pula memberi jaminan kepada Dr. Mahathir bahawa tidak perlu meminta persetujuan Raja-Raja untuk meminta Artikel 66(5). Semua editor bersetuju kecuali seorang kerana mereka memahami surat Senu. Editor *The Star* menghujahkan bahawa kewibawaan akhbar akan dipersoalkan kalau tidak menyiaran surat Senu.

Kerajaan bertegas dengan pendiriannya bahawa perkara itu terlalu sensitif untuk perbahasan terbuka dan menegaskan sekali lagi peruntukan di bawah Akta Hasutan Malaysia menyulitkan perubahan demikian. Dalam satu peringkat dikatakan bahawa sebuah jawatankuasa perang saraf terdiri daripada ahli-ahli politik, birokrat dan orang-orang media telah ditubuhkan di bawah Adib Adam, Menteri Penerangan ketika itu.

Apabila Dr. Mahathir bertemu dengan Raja-Raja di Kota Kinabalu pada 12 dan 13 Oktober 1983, pihak akhbar masih tertakluk kepada kawalan rasmi dan kawalan yang dikenakan sendiri. Sementara itu masyarakat Cina bimbang kerana kalau perlembagaan dapat dipinda dengan begitu mudah, perubahan lain melibatkan kedudukan kumpulan-kumpulan tertentu di dalam masyarakat mungkin dibuat kemudian. Masyarakat Melayu pula berbelah bagi di antara kesetiaan kepada Raja-Raja dan kesetiaan kepada UMNO. Suasana semakin tegang sehingga harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh.

Kemudiannya pada 17 Oktober, bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman menulis mengenainya di dalam ruangan mingguannya dalam akhbar *The Star*, mendedahkan seluruh perkara itu. 1,500 orang pemimpin pemuda UMNO dari seluruh Semenanjung bertemu di Kuala Lumpur untuk menyatakan sokongan kepada kerajaan. Dikatakan juga para sultan merancang akan bertemu pada 20 November untuk membincangkan isu itu. Perwakilan UMNO juga akan menemui Raja-Raja tersebut. Wakil-wakil Dr. Mahathir pula dikatakan bersedia untuk menggugurkan peruntukan yang melibatkan kedudukan Sultan-Sultan di negeri masing-masing dan mengubah peruntukan tersebut dalam tempoh 15 hari.

Di samping itu perhimpunan-perhimpunan yang menyokong pindaan itu diadakan di sekitar Semenanjung. Kerajaan menggalakkan liputan akhbar tentang sikap pembaziran sebilangan Sultan.

Filem-filem Melayu awal tahun 1950-an yang menunjukkan kere-nah Sultan-Sultan zaman lampau yang sentiasa membawa keris dan sewenang-wenangnya menyiksa orang yang tidak disukai juga ditayangkan di televisyen.

Di dalam ucapan-ucapan di perhimpunan pula Dr. Mahathir menggunakan tema kedaulatan rakyat dan kuasa di tangan rakyat. Cerita tentang kegiatan seorang dua Sultan dan kes kawasan pajakan hutan dan lombong kepunyaan Raja-Raja tertentu juga di-dedahkan. Satu cadangan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika itu, Anwar Ibrahim supaya kerajaan mewartakan sa-haja rang undang-undang itu menyedarkan golongan Raja-Raja yang mereka tidak ada harapan untuk menang.

Pada 15 Disember, Majlis Raja-Raja dengan persetujuan Tim-balon Yang di-Pertuan Agong bersetuju agar Dr. Mahathir mem-bawa balik cadangan tersebut ke Parlimen supaya dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang. Rang Undang-Undang yang di-rangka semula itu kemudiannya diluluskan oleh Parlimen dan beberapa hari kemudian dilulus dan ditandatangani oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Di bawah pindaan yang dipersejuaui itu, Yang di-Pertuan Agong mengekalkan hak mengisytiharkan darurat tetapi hendaklah atas nasihat Kabinet. Peristiwa itu mengesahkan prinsip bahawa Raja-Raja sekadar pemerintah berperlembagaan dan tidak berhak untuk menggunakan kuasa mereka ke atas proses perundangan. Sekalipun Raja-Raja mengekalkan kuasa ke atas agama dan adat-istiadat Melayu di peringkat negeri tetapi golongan politik Melayu lebih memihak kepada UMNO.

Peristiwa itu juga dilihat sebagai membayangkan usaha ber-terusan Dr. Mahathir memusatkan kuasa politik kepada kerajaan persekutuan, dengan pemimpin politik peringkat negeri menaruh kesetiaan kepada Kuala Lumpur.

Secara rumusannya Dr. Mahathir berjaya. Bidang kuasa Raja-Raja dihadkan dan populariti mereka pula terhakis di dalam masyarakat moden yang semakin maju. Dr. Mahathir mendapat sokongan rakyat. Ini selari dengan tema perjuangannya—hanya mencerusi disiplin, negara dunia ketiga dapat mencapai kemak-muran.



Datuk Sanusi Jusid



Datuk Paduka Daim Zainuddin

KE ARAH MALAYSIA YANG LEBIH AGUNG

"Pada sebarang waktu, sekurang-kurangnya sesuku rakyat akan menentang apa sahaja yang anda lakukan."

—Kennedy

SEMENJAK memegang jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berusaha mengubah negara ini merusi satu siri idea, dasar dan slogan baru yang telah mendapat sokongan kebanyakannya rakyat Malaysia. Aliran itu berterusan dalam tahun 1983. Bagaimanapun berbeza daripada lapan belas bulan sebelumnya, beberapa dasar dan keputusan yang dibuat di dalam tanah berkenaan mendapat bantahan dan kritikan daripada pelbagai hak.

Boleh dikatakan mungkin tempoh bulan madu sudah berahir kerana rakyat Malaysia mula merasakan kesan hakikat dan aplikasi dasar-dasar kerajaan. Bagaimanapun ini tidak melemahkan keazaman kepimpinan untuk melahirkan Malaysia Yang Lebih Agung. Dengan itu, walaupun menghadapi beberapa ujian pahit mun peristiwa-peristiwa itu harus dilihat sebagai lahir dan dinun semula untuk meletakkan batu asas bagi masa depan negara yang cemerlang sebagaimana dikhendaki oleh pemimpinnya.

Dasar-Dasar dan Isu-Isu Dalam Negeri

ALAM usaha membina sebuah negara yang kuat dan dihormati, beberapa dasar utama dilancarkan. Ini termasuk 'Persyarikatan

'Malaysia', 'Penswastaan', dan 'Kepimpinan Melalui Teladan'. Dua dasar pertama itu dilancarkan hampir serentak dalam bulan Februari. Menurut Dr. Mahathir, di bawah konsep 'Persyarikatan Malaysia', "negara adalah sebuah syarikat di mana kerjasama rapat di antara kerajaan dan sektor swasta menjaminkan kemajuan syarikat. Hasil kemajuan itu akan diagihkan kepada semua rakyat di negara ini."

Di bawah konsep ini, peranan kerajaan adalah untuk membantu dan melengkapkan usaha sektor swasta, bukan menghalanginya demi kemajuan ekonomi yang pesat. Dasar 'Penswastaan' pula memindahkan perkhidmatan dan perusahaan kerajaan kepada sektor swasta. Kedua-dua dasar ini mungkin dilihat sebagai landasan bagi masa depan Malaysia.

Ekonomi negara beransur-ansur pulih daripada kesan kemelesetan. Bagaimanapun kesan kemelesetan masih menjaskannya kedudukan kerajaan. Menurut Dr. Mahathir, anggaran kos pengendalian (tidak termasuk belanja pembangunan) bagi tahun 1983 itu ialah M\$17 ribu juta berbanding dengan pendapatan negara yang dianggar M\$18.5 ribu juta (*The Star*, 19.8.1983). Lagipun diakui juga bahawa perkhidmatan awam dan sektor swasta telah bercanggah dalam soal tujuan dan arah yang dikhendaki oleh pihak kerajaan. Akhirnya peranan kegiatan-kegiatan ekonomi kerajaan di dalam dekad yang lalu telah 'menghimpit atau meninggalkan' sektor swasta. Kedua-dua dasar baru itu diharapkan dapat mengawasi dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan serta pertukaran di dalam strategi untuk menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Pihak kepimpinan telah menutup atau memperkukuh beberapa perbadanan awam yang menjadi alat utama di dalam pelaksanaan DEB. Kejayaan perbadanan tersebut yang terhad sebelumnya diterima kerana sekurang-kurangnya berjaya mewujudkan satu kelas usahawan Bumiputera. Walau bagaimanapun, semasa ekonomi berkembang dengan baik, kurang kecekapan dan kerugian tidak lagi boleh diterima. Dan kerugian yang berterusan disertai oleh kemelesetan ekonomi menjadikannya tidak dapat dibiarkan. Strategi-strategi dan perubahan masa kemudiannya telah meningkatkan jumlah syarikat bumiputera dan syarikat-syarikat besar yang lain terutama perbadanan-perbadanan tajaan kerajaan. Pada per mulaannya 'penswastaan' akan mewujudkan penyertaan pelaburan

asing dalam sesbuah syarikat bukan Bumiputera sahaja, dan ini menurut Dr. Mahathir harus dicegah dalam semangat DEB.

Dari segi pengertiannya, ‘penswastaan’ bukan perkara baru, kerana di bawah DEB, perusahaan awam dan syarikat kerajaan yang berjaya akan dijual kepada Bumiputera. Perbezaannya ialah sekarang ini kebanyakannya sektor awam tradisi seperti pelabuhan, perkhidmatan keretapi, dan telekom pula yang ditawarkan kepada sektor swasta.

Sambutan terhadap dasar tersebut positif tetapi dalam keadaan penuh hati-hati daripada sektor swasta. Sektor swasta bimbang dengan perbelanjaan yang terlibat untuk mengambil alih kemudahan-kemudahan dan juga mencadangkan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Anti-Monopoli bertujuan ‘untuk melindungi para pesaing baru dari firma-firma yang lebih besar, yang dulunya mendapat faedah kerana bergerak sebagai perusahaan awam.’

CUEPACS, mewakili kesatuan-kesatuan sekerja perkhidmatan awam memberi amaran bahawa dua dasar itu boleh mengakibatkan kesan buruk ke atas ekonomi seperti pengangguran, pemecahan suasa kesatuan sekerja, belanja hidup yang tinggi, dan keresahan sosial akibat bertambahnya kemiskinan dan eksloitasi pekerja. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mengkritik penswastaan sebagai langkah ke belakang. Seperti kes Pelabuhan Klang, MTUC mendakwa bahawa pengurusannya sudahpun cekap mengikut ukuran antarabangsa. Kerajaan berusaha menjaminkan pekerja i bawah rancangan penswastaan akan diberi pilihan sama ada teruskan kerja di bawah skim sekarang atau dengan gaji yang ditawarkan oleh sektor swasta.

Dalam tahun 1983 diumumkan bahawa TV3 akan dikenal alikan secara swasta (oleh sebuah syarikat UMNO). Beberapa firma telah mengambil alih pembekalan telefon dan alat teleprinter, yang dulunya dimonopoli oleh Telekom. Sementara itu perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti Lembaga Pelabuhan Klang, sudahpun diputuskan untuk diswastakan.

Dr. Mahathir mengumumkan bahawa sebuah jawatankuasa antara jabatan di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan untuk mengkaji berbagai-bagai aspek penswastaan, serta ‘menyokong penswastaan secara pilihan dan progresif.’ Dasar-dasar itu menjadi juk pelbagai seminar sepanjang tahun. Kerajaan terpaksa men-

jelaskan semula dasar-dasar penswastaan bagi mengelakkan salah faham sektor swasta tentang dasar tersebut.

Dua dasar itu diikuti oleh kempen 'Kepimpinan Melalui Tela-dan'. Rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat terutama para pegawai awam digesa 'menunjukkan contoh yang baik di dalam semua aspek kehidupan bukan sahaja untuk menyokong konsep bersih, cekap dan amanah, tetapi juga menjamin kemajuan negara serta penghormatan oleh seluruh dunia'. Kempen itu dilancarkan melalui perhimpunan 10,000 orang kakitangan awam, di Kuala Lumpur dan perhimpunan lebih kecil di bandar-bandar utama yang lain. Mereka diminta oleh Dr. Mahathir untuk menunjukkan contoh yang baik dengan bekerja 15 minit lebih masa setiap hari. Bukanlah sesuatu yang sengaja apabila para pegawai awam, yang majoritinya merupakan orang Melayu dipilih khusus untuk kempen itu.

Kakitangan awam dipersalahkan apabila DEB gagal mencapai matlamatnya. Dengan itu Dr. Mahathir perlu membuktikan dasar-dasar baru kerajaan akan mencapai matlamat.

Untuk menjamin mereka memahami dasar-dasar baru itu, Dr. Mahathir mengedarkan memorandum dalam bulan Jun untuk menjelaskan tiga dasar tersebut di atas dan dasar 'Pandang Ke Timur' kepada Ketua-Ketua Jabatan.

Kempen-kempen lain juga dilancarkan dalam tahun itu. Di antaranya ialah kempen salah guna dadah yang dijalankan selama enam bulan dimana ia dianggap sebagai musuh utama negara, dengan hampir setengah juta penagih menjelang tahun 1983. Akta Dadah Berbahaya dipinda untuk memperuntukkan hukuman mat mandatori ke atas pengedar yang sabit kesalahan sekalipun jumlah dadah terlibat ialah 15 gram. Sekiranya seseorang didapati bersalah memiliki 15 gram, dia dianggap sebagai seorang pengedar.

Satu kempen Kebersihan Kebangsaan juga dilancarkan dengan beberapa orang pemimpin menyapu jalan raya dan menggeser seluruh negara menjadikan kebersihan sebagai satu cara hidup. Satu kempen Daya Pengeluaran selama sebulan juga diadakan yang menggesa ditubuhkan Kumpulan Kawalan Mutu Kerja untuk meningkat dan menambahkan mutu dan hasil perkhidmatan.

Media massa, terutama televisyen juga menggesa rakyat Malaysia memupuk kegemaran membaca, mengamalkan sikap band-

membantu jiran, memandu dengan berhati-hati, serta menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul. Sebahagian daripada kempen itu terutamanya kempen anti dadah dan keselamatan jalan raya ditaja oleh syarikat-syarikat swasta.

Bagi tahun 1983 mungkin dilihat sebagai era ketika mana langkah menuju ke arah Malaysia Yang Lebih Agung bermula. Bentuk negara baru itu semakin jelas walaupun bagi kebanyakan rakyat Malaysia, agak kabur bentuknya.

Pengumuman dan pelaksanaan dasar-dasar dan projek-projek berkenaan dianggap oleh para pengkritik sebagai langkah tergesa-gesa. Sepatutnya, dasar difikir dan dirancangkan dengan teliti terlebih dahulu. Mereka berpendapat perlunya lebih banyak maklumat didedahkan kepada orang ramai kerana dasar tersebut untuk kepentingan mereka.

Semakin sensitifnya kepimpinan terhadap kritik dapat dikesan dalam tahun-tahun itu. Misalnya para pemimpin telah membidas orang yang suka mengkritik terutama sekali orang Barat dan mereka yang sengaja mencari kesalahan di dalam negara ini. Walaupun mungkin banyak unsur kebenaran di dalam Jawapannya terhadap kritik-kritik itu, tetapi pada hakikatnya perubahan yang cepat boleh membawa keraguan dan kebimbangan rakyat. Masalah-masalah ini tidak boleh diblarkan begitu sahaja. Tambahan pula walaupun dinyatakan hasrat untuk sebuah kerajaan terbuka secara berperingkat, pada tahun itu menyaksikan peruntukan yang agak terhad.

Satu isu yang penting dan kontroversial yang belum diketahui ramai menunjukkan tidak sedianya kepimpinan menguji kes mereka secara terbuka, kecuali mengikut syarat-syarat mereka sendiri. Ini boleh menghasilkan pengikut yang tidak selaras dengan hasrat sebuah negara Malaysia yang lebih agung sebagaimana yang diharapkan oleh para pemimpin.

Sasaran pembangunan politik yang berterusan masih berkisar di sekitar perpaduan negara. Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri harus mewakili negara walaupun politik menetapkan bahawa kepentingan orang Melayu sebagai majoriti harus diberi keutamaan. Masalah kepimpinan di dalam sebuah masyarakat majmuk adalah untuk menentukan tindakan yang diambil itu adil. Tindakan semaliknya akan menambah masalah yang lebih rumit untuk dikawal tanpa ditambah kuasa.

Walaupun nampak penting di bawah dasar-dasar kerajaan itu orang Melayu harus menyesuaikan diri, kalau tidak pun dapat mengubah sebahagian sikap dan nilai mereka yang bercanggah dengan kemajuan mereka. Hasrat Dr. Mahathir tidak dapat diterima baik kecuali rakyat terbanyak Melayu menerima visinya.

Pada peringkat ini seruan agar berpegang kepada tradisi dan agama menawarkan satu cabaran kepada kepimpinan. Sikap berterus terang kepimpinan masih bertentangan dengan norma tatertib tradisi, sedangkan itulah nilai yang hendak disemai oleh kerajaan. Dalam hal ini Islam dapat digunakan untuk mencapai dasar kerajaan kerana dengan merujuk kepada perkara-perkara yang tidak berubah, perubahan lebih mudah diterima. Bahayanya ialah langkah kerajaan menjalankan dasarnya berlandaskan Islam mungkin disalah tafsirkan dan hal ini akan terus menjadi isu kontroversi.

Masalah kepimpinan timbul kerana penduduk negara bukan sekadar orang Melayu sahaja, tetapi bukan Melayu juga harus diyakinkan bahawa mereka adalah sebahagian daripada negara dan pandangan mereka diberi perhatian saksama. Oleh itu susunan sosial, hendaklah dikendalikan dengan tegas dari sudut mana sekalipun. Kepimpinan bukan tidak boleh berbuat demikian. Kejayaan pembangunan di dalam semua dimensinya, baik di dalam atau di luar negeri, masih bergantung kepada keupayaan kepimpinan mengendalikan masalah itu.

Jalan ke arah 'Malaysia Yang Lebih Agung' telah terbukti walaupun ada masalah pertumbuhan awalnya. Para pemimpin sedang bergerak dan adalah menjadi cabaran kepada mereka untuk menentukan rakyat Malaysia mematuhi dengan bijak dalam tahun-tahun akan datang.

16

PERSYARIKATAN MALAYSIA

'Pertaruhannya lebih tinggi sekarang. Sebilangan orang melihat politik sebagai jalan terjamin untuk memperolehi wang dan kuasa.'

— Ahli Sains Politik

MALAYSIA telah beroleh pengajaran daripada kemelesetan ekonomi kerana bergantung kepada komoditi eksport sahaja. Kini kerajaan mengorak langkah mengubah landasannya. Susunan ekonomi sekarang yang berlandaskan komoditi eksport dan terdedah kepada harga pasaran luar yang mengakibatkan dasar ekonomi dalam negeri boleh terjejas dengan mudah. Maka para perancang ekonomi diminta memberi pandangan yang dapat memberi perubahan kepada ekonomi negara.

Pada awal 1983 menjelang dasar 'Persyarikat Malaysia', satu usaha dilaksanakan bagi mempererat hubungan di antara kerajaan dan industri swasta. Kemudiannya disusuli pula dasar penswastaan, dalam mana sebahagian besar sektor ekonomi dan kemudahan prasarana dipindahkan daripada kawalan awam kepada kawalan wasta. Semua dasar tersebut menunjukkan hasrat kerajaan mengambil faedah sektor swasta secara lebih berkesan dan mengurangkan peranannya sendiri untuk sekadar menjadi pengawas sahaja. Dasar penswastaan membayangkan dengan jelas bahawa kerajaan tidak lagi berupaya mengkalkulkan kedudukan tunggal dalam ekonomi dan tidak dapat menampung permintaan yang

semakin meningkat bagi perkhidmatan yang lebih banyak dan mutunya lebih baik.

Rancangan penswastaan itu merupakan ekoran pelaburan swasta yang berkurangan sejak bertahun-tahun sedangkan untuk beberapa dekad pertumbuhan sektor awam terus berkembang. Ini juga menandakan perpisahan daripada strategi yang mengasaskan DEB: untuk merangsang dan mengarahkan pertumbuhan ekonomi menerusi pelaburan kerajaan di dalam perusahaan awam.

Penerimaan terhadap dasar itu bergantung kepada lebih dari pada sekadar perubahan pemikiran. Seorang eksekutif industri berkata, "Dr. Mahathir telah melafazkan kata hikmat itu, sayangnya tidak ada orang yang tahu mentafsirkannya". Olch kerana begitu meluasnya kekeliruan terhadap dasar tersebut sehingga sampai ke peringkat menteri dan para pegawai lain, maka Perdana Menteri terpaksa mengeluarkan garis panduan menjelaskan tiga dasar baru itu.

Perubahan perundangan akibat dasar penswastaan yang baru itu cukup meluas dan memerlukan penyesuaian untuk beberapa tahun. Kerajaan menegaskan mahu penswastaan dilaksanakan secara terpilih dan progresif. Jelas sekali kerajaan mahu penswastaan bermula dengan perumusan dasar itu sendiri, dengan Mahathir dan para pegawainya mahu melengkapi idea mereka menerusi cadangan daripada sektor swasta. Sesuatu cadangan itu hendaklah 'menguntungkan dari segi ekonomi, dapat diterima dari segi politik dan selaras dengan DEB,' kata salah scorang penasihat ekonomi Mahathir.

Tanpa garis panduan yang khusus, banyak sektor awam di peringkat negeri tidak dapat diubah dengan mudah untuk menjadi perusahaan swasta yang menguntungkan. Sesetengah badan berkanun sudah sampai ke peringkat sentiasa kerugian. Dalam tahun 1982 seluruh pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada perbadanan-perbadanan itu berjumlah lebih 10 peratus keseluruhan peruntukan persekutuan. Ini tidak termasuk pelaburan persekutuan sebanyak \$2.3 ribu juta. Hutang mereka kepada Kuala Lumpur menjelang 1983 pula berjumlah \$15 ribu juta. Bagaimanapun pentadbiran mahukan dasar itu sebagai perangsang bagi penubuhan perbadanan swasta yang besar dan membantu mendahului pelaburan dalam negeri daripada harta, ladang dan pe-

ombongan kepada pengeluaran dan perindustrian yang lebih jauh.

"Sebelum ini dasar tersebut tidak dapat dilakukan kerana tidak banyak syarikat Malaysia dan sudah tentu juga tidak cukup menyertai Bumiputera," kata Dr. Mahathir kepada pada wartawan sempatan pada bulan Julai 1983. Di bawah DEB penekanan kerajaan berpindah daripada pembangunan luar bandar kepada perdagangan dan perindustrian serta sektor bandar. Akibatnya ditubuhkan banyak perusahaan awam yang ketika itu berjumlah sekitar 100 buah.

Birokrasi juga berkembang pesat sejak 1970—dan kini dari segi nisbah ialah yang terbesar (dan paling tidak cekap, bagi pakar ekonomi) di rantau ini. Pelaburan awam dan perbelanjaan pembangunan juga berkembang pesat. Mengikut nisbah kadar keluaran asas negara, perbelanjaan kerajaan menjangkau sekitar 43 peratus. Seorang pakar ekonomi yang rapat dengan kerajaan menjelaskan, "Kita mahukan kerajaan yang lebih kecil, lebih mudah bergerak dan lebih cekap."

Di antara perkara-perkara yang membimbangkan kerajaan adalah:

Bidang industri berkembang pesat sehingga mula tersisih keluar daripada ekonomi. Kerajaan mahukan pelaburan swasta mencapai paras 76 peratus daripada seluruh pelaburan menjelang 1990, tetapi matlamat itu diragui kejayaannya. Perubahan daripada pengeluaran komoditi kepada industri pengeluaran moden yang menjadi tunggak hasrat pentadbiran memerlukan ekonomi pelaburan jangka panjang di dalam sektor perindustrian. Ini boleh diperolehi dengan cepat menerusi kemahiran pengurusan khasnya di kalangan Bumiputera. Dengan birokrasi diperluaskan ke dalam perdagangan dan perindustrian, kerajaan dengan cekap telah menyembunyikan kurang kecekapan dan melindungi perusahaan-perusahaannya daripada disiplin pasaran. Fungsi yang bertimbang balik, pembaziran, rasuah dan campur tangan politik juga mewarnakan kegiatan-kegiatan kerajaan. Sensitiviti politik telah mencegah sebarang usaha untuk mengurangkan senarai penerima gaji dengan menjadikan perusahaan itu menguntungkan dari segi kos.

- Pelaburan awam baru dipindahkan kepada projek-projek dimana kerajaan memegang majoriti saham dan terlibat langsung di dalam pengurusannya. Dasar baru itu menyebabkan kerajaan menumpukan perbelanjaan terhadap industri yang diharap dapat memberi sumbangan mengatasi masalah kemiskinan dan agihan pendapatan. Industri berat adalah contoh yang paling ketara. Kejayaan sesuatu projek industri seperti Proton Saga dan Perwaja akan meningkatkan ekonomi Malaysia. Buat permulaan HICOM mengendalikannya dan apabila sudah kukuh akan diswastakan.
- Dalam bidang lain pula kerajaan mahu memindahkan perhatian daripada pemilikan ekuiti kepada penentu dasar kewangan dan fiskal sahaja sebagai panduan bagi perkembangan ekonomi.

Segala ini merupakan berita baik bagi para pelabur sewasta yang sekian lama merasa terhimpit dengan kerajaan kerana memainkan peranan besar di dalam ekonomi sejak di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak. Dengan perubahan dasar itu kerajaan mengadakan beberapa siri perbincangan dengan para wakil perindustrian bagi membincangkan langkah-langkah yang sesuai untuk diambil termasuk penswastaan.

Beberapa bidang juga diberi tumpuan di dalam perbincangan—di antaranya ialah pengilangan dimana kerajaan menimbang untuk menjual saham majoritinya di dalam projek industri berat apabila sudah ada perbadanan swasta dalam negeri yang cukup besar untuk mengambil alih. Turut dibincangkan ialah projek-projek yang terbengkalai dan penggunaan jentera di dalam pengeluaran, terutama bidang pertanian.

Bagaimanapun ada beberapa masalah. Di antaranya modal yang menjadi asas bagi beberapa sektor yang hendak diswastakan amatlah besar sedangkan pulangannya kurang menjanjikan keuntungan.

Kerajaan mungkin mengamalkan penswastaan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialu modal kerajaan yang banyak akan dikekalkan sementara pentadbiran dikendalikan secara kontrak iaitu bentuk yang dibayangkan di dalam dasar Persyarikatan Malaysia. Pada peringkat kedua pula termasuklah ratusan aktiviti kerajaan dalam sektor yang lebih menjanjikan keuntungan seperti kewa-

ngan, pengeluaran, pertanian, pemerosesan, jualan runcit dan sebagainya. Para perancang mahukan ini dikendalikan oleh swasta sepenuhnya sebagaimana TV3 dan sistem acrobus negara.

Para perancang kerajaan yakin daya usaha Perdana Menteri itu akan berjaya. Pelaksanaannya pula harus dijalankan dengan berhati-hati untuk menarik sektor swasta. Banyak pertimbangan perlu diambil kira termasuk penetapan harta aset yang ada serta bentuk dan kualiti pengurusan di dalam sektor swasta agar perusahaan-perusahaan itu kelak menguntungkan. Kerajaan pula terpaksa mengimbangkan di antara matlamat sosial dan politiknya sebelum menyerahkan sistem praserana ke tangan swasta.

Pihak pengusaha pula tertanya-tanya sejauh mana dan secepat mana kerajaan mahu melaksanakannya, dan sebanyak mana pula pengurangan sebenar dari segi belanja. Dengan kadar kemiskinan masih pada paras sekitar 30 peratus Malaysia dikatakan belum bersedia untuk penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan asas. Kesatuan sekerja dan pengurusan turut bimbang dengan dasar penswastaan itu.

Sememangnya bakal pelabur tertarik dengan dasar baru itu untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu tetapi masih sangsi akan kejayaannya.



Perdana Menteri membuat lawatan rasmi ke Indonesia. Kelihatan Presiden Suharto sendiri yang menyambut ketibaan beliau itu.



PM dan rombongan bersiar di Tembok Besar Negeri China sewaktu lawatan rasmi ke China

RAZALEIGH LAWAN MUSA LAGI

"Yang lebih penting ialah saya tidak pernah dicabar. Siapa sekalipun dipilih sebagai timbalan terpaksa bekerja di bawah saya."

— Dr. Mahathir

LEBIH setahun rakyat Malaysia berteka-teki kemungkinan akan berlaku sekali lagi persaingan hebat di arena politik. Sehingga pagi 15 Mei 1984, belum ada tanda-tanda yang perebutan hebat itu akan berlaku. Tiba-tiba kira-kira empat setengah jam sebelum waktu pencalonan ditutup, Tengku Razaleigh Hamzah secara rasmi menyatakan menerima pencalonannya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Perang pun bermula lagi. Beliau akan bertanding untuk merebut jawatan timbalan presiden. Langkah beliau itu memadamkan spekulasi dan tanda tanya sama ada mahu beranding jawatan timbalan presiden atau hanya menerima pencalonan salah satu daripada tiga kerusi naib presiden UMNO sahaja.

Sebelum itu satu berita yang menggemparkan tersebar meluas apabila nama Tengku Razaleigh disebut di dalam satu perbicaraan di Hong Kong, dalam kes Mak Foon Than yang dituduh membunuh. Di dalam kenyataan hematnya kepada polis Mak Foon Than berkata bahawa dia dihantar ke wilayah itu oleh Menteri Kewangan Malaysia. Ini menjaskan harapan Razaleigh dalam perandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO itu.

Di samping Razaleigh dan Musa, dalam pertandingan tiga lagi buat pertama kalinya bagi merebut jawatan tersebut, Datuk

Harun turut mempertaruhkan nasibnya. Inilah juga kali pertama Timbalan Perdana Menteri dicabar di dalam pertandingan UMNO. Dengan pencalonan sebanyak 92 daripada 114 bahagian Musa dianggap sebagai sukar untuk ditewaskan.

Pencalonan Harun telah menimbulkan kerumitan. Walaupun harapan beliau tipis, tetapi jumlah undi ke atas Datuk Musa dan Tengku Razaleigh akan terjejas. Namun demikian Musa dianggap dapat memenangi jawatan tersebut sekiranya sokongan kepada beliau masih seperti pada tahun 1981.

Jangkamasa tiga tahun Musa memegang jawatan Timbalan Presiden dan sebagai Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Dalam Negeri membantu beliau mendapat sokongan baru. Bagaimanapun ada rakan yang merasa tersisih akibat daripada penonjolannya dan dasar beliau yang adakalanya melupakan kawan itu.

Razaleigh pula, sekalipun mengekalkan jawatannya sebagai Menteri Kewangan, pengaruhnya agak tersekat setelah dikalahkan oleh Musa dalam percubaan pertama dahulu. Kalangan rapat berkata Menteri Kewangan terkongkong oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) iaitu sebuah kumpulan pakar ekonomi di Jabatan Perdana Menteri yang mengurus sebahagian besar perancangan kewangan negara.

Peranan yang terhad dalam kabinet menyebabkan Razaleigh sepanjang lapan belas bulan sebelum percubaan kali kedua ini, menjelajah mencari sokongan di seluruh negara bagi memperkuatkan diri untuk menghadapi pertandingan tersebut.

Walaupun banyak publisiti buruk, para penyokong Razaleigh lega apabila Mak mengubah kenyataannya. Dengan itu puak Musa berpendapat undi simpati akan menguntungkan lawannya. Banyak persoalan timbul: Apakah undi simpati akan mengubah aliran nasib? Apakah Musa akan mendapat keuntungan daripada tuduhan itu? Jika tewas pula Razaleigh tidak mungkin menikmati jawatan menteri. Sementara di pihak Musa pula bukan sahaja harus menang tetapi menang dengan majoriti yang besar, kalau tidak akan Razaleigh akan berulang setiap tiga tahun.

Keputusan pertandingan tersebut ialah Musa memperoleh 744 undi, 22 undi lebih daripada yang diperolehi dalam tahun 1981. Manakala Razaleigh hanya mendapatkan 501 undi, 15 undi kurang daripada jumlah undi tiga tahun lalu. Harun yang mem-

nangi kerusi naib presiden dalam tahun 1981 semasa di dalam penjara kali ini hanya memperolehi 34 undi.

Mengulas kemenangan Musa, Perdana Menteri berkata, "Yang lebih pentingnya ialah hakikat saya tidak pernah dicabar. Sesiapa sahaja dipilih sebagai timbalan ketua terpaksa bekerja di bawah saya". Dengan mandat baru, Dr. Mahathir dan Musa—2M memiliki kuasa untuk melaksanakan lebih banyak rancangan untuk membangun negara.

Rombak Kabinet Dr. Mahathir

SETELAH menang besar di dalam peperangan untuk para penyokongnya di dalam pemilihan pemimpin tiga tahun sekali bagi UMNO, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menghadapi tugas rumit memupuk keamanan negara. Inti masalah itu ialah kadar jumlah di dalam kumpulan yang kalah, yang kebanyakannya orang-orang veteran parti, serta barisan teknokrat muda yang bercita-cita mahu meningkat naik. Jelas sekali ada yang terpaksa dikorbankan dan pihak yang wajar perlu pula diberikan ganjarannya.

Barisan mereka yang tewas terdiri daripada tokoh-tokoh politik Melayu termasuk enam orang menteri iaitu, Menteri Kewangan, Hal Ehwal Luar, Perdagangan dan Perindustrian, dua orang menteri besar dan tiga timbalan menteri.

Keadaan menjadi begitu rumit sehingga diragukan kebijaksanaan mengambil tindakan tergesa-gesa kerana sebab-sebab berikut:

- Perlunya menseimbangkan pusat kuasa peringkat negeri kerana kali ini pihak yang setia kepada wilayah terbukti kuat. Hanya tujuh Menteri Pusat termasuk Perdana Menteri yang menang berbanding dengan 12 dalam tahun 1981. Daripada 27 orang yang dipilih, 10 dimenangi oleh Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri berbanding dengan 3 kerusi dalam tahun 1981.
- Perlu mencegah parti-parti Islam daripada cuba menarik para pemimpin UMNO yang kecewa itu terutama kerana di dalam ucapan pembukaannya Dr. Mahathir telah membidas golongan Islam tradisi.

- Perlunya mengekalkan sebilangan veteran di dalam kepimpinan yang sekarang purata usianya 41.5 tahun berbanding dengan sekitar 48 tahun di dalam majlis tertinggi parti yang lalu.
- Perlunya mengekalkan tokoh berkelibar seperti Razaleigh dan Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafiee.
- Perlu juga diketengahkan mereka yang cekap sebagai orang tengah di antara kerajaan dan sultan-sultan. Ini terbukti merupakan satu kuasa politik yang harus dihormati semasa krisis perlombagaan tahun sebelumnya.

Namun bagi Dr. Mahathir kejayaan itu lebih daripada kejayaan biasa. Baginya kejayaan itu membuktikan yang UMNO merupakan sebuah parti yang bertanggungjawab kerana sebelum pemilihan, banyak ramalan menyangka akan berlaku kekecohan selepas pemilihan, tetapi sangkaan itu meleset.

18

DAIM MENTERI KEWANGAN

"Saya tidak boleh melantik orang asing sama sekali. Saya perlu mengenali mereka."

— Dr. Mahathir

SEJAK tiga tahun berkuasa beliau telah melakukan perubahan-perubahan yang 'mengagumkan', namun apabila merombak Kabinet Dr. Mahathir boleh dikatakan konservatif. Ahli-ahli kabinet kebanyakannya diwarisi daripada pentadbiran Tun Hussein Onn dalam tahun 1981. Hanya setelah tiga tahun barulah beliau memasukkan beberapa muka baru dan mengubah jawatan-jawatan utama. Dr. Mahathir melahirkan satu pasukan yang setia dan lebih komited walaupun dari segi politik beliau membayar harga yang murah.

Masalah kos politik berpusat sekitar Tengku Razaleigh yang gagal untuk kali kedua mencabar Musa bagi jawatan timbalan presiden UMNO. PM berhak mengenepikannya tetapi Razaleigh dari Kelantan yang lincah dari segi politiknya, kekal di dalam kabinet walaupun dengan jawatan yang kurang berpengaruh di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Para penyokong Musa pula mahukan Razaleigh disingkirkan demi mengubat luka akibat persaingan untuk merebutkan jawatan itu.

Sekalipun spekulasi meluas, Razaleigh dan Musa bungkam di khalayak ramai. Kedua-duanya dikatakan dua kali berunding tentang peranan masa depan putera Kelantan itu di dalam parti. Dr.

Mahathir mahukan Razaleigh terus memainkan peranan penting di dalam kerajaan memandangkan Razaleighlah yang merancangkan kejatuhan PAS dalam tahun 1978. Dalam pilihanraya 1982 pula PAS masih mengaut 42 peratus undi. Apakah UMNO menghadapi bahaya kehilangan Kelantan kalau Razaleigh disingkirkan daripada Kerajaan dan barisan pemimpin kanan parti? Kempen untuk menyingkirkan Razaleigh memang rancak.

Para penyokong Razaleigh pula mendakwa dalam akhbar bahawa berita angin tentang Razaleigh meletakkan jawatan merupakan sebahagian daripada perang saraf untuk memaksanya jangan meletakkan jawatan.

Satu kompromi diwujudkan, sekurang-kurangnya di dalam kabinet. Dengan berpindah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Razaleigh mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh seorang lagi putera Kelantan, Tengku Ahmad Rithaudeen yang kembali ke portfolio Hal Ehwal Luar Negeri yang dipegangnya dari tahun 1978-81. Bagaimanapun, Razaleigh kehilangan semua jawatannya dalam UMNO, termasuk sebagai bendahari parti dan Ketua Jawatankuasa Perhubungan Negeri Kelantan.

Dengan kekalnya Razaleigh di dalam kabinet banyak ramalan menganggap rombakan kabinet itu tidak tepat. Bagaimanapun kejutan yang terbesar ialah munculnya kawan rapat Dr. Mahathir, usahawan Daim Zainuddin menjadi Menteri Kewangan. Tidak ramai yang menjangka perlantikan tersebut kerana Daim ketika itu adalah seorang usahawan yang berjaya memiliki saham dan pegangan saham di dalam banyak syarikat dan perbadanan yang besar. Dr. Mahathir melantiknya kerana beliau mempunyai keupayaan untuk melaksanakan kerja. "Saya tidak boleh melantik seseorang yang asing sama sekali ke dalam kabinet. Saya perlu mengenal mereka," kata PM.

Di samping itu dua muka baru turut diperkenalkan. Timbalan Menteri Pendidikan, Khalil Yaakob, yang memenangi kerusi Majlis Tertinggi UMNO dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sementara Abu Hassan Omar yang dulunya Timbalan Menteri Pengangkutan kini berada di Kementerian Pembangunan Sosial. Anwar Ibrahim berpindah dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ke Kementerian Pertanian. Adib Adam bergantung tugas dengan Rais Yatim dari Kementerian Penerangan ke Keme-

terian Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dari Kementerian Pendidikan yang disandangnya sejak tahun 1981, Dr. Sulaiman Daud berpindah ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Rombakan itu jelas menunjukkan Dr. Mahathir telah meningkatkan genggamannya ke atas parti dengan menempatkan rakan-rakan rapat di jawatan-jawatan utama baik dalam Kabinet mahupun di dalam UMNO. Sekalipun mencapai kejayaan besar mengalahkan Razaleigh, orang-orang Musa kebanyakannya kettinggalan daripada kenaikan pangkat, dan tidak ada pula yang dilantik dari kalangan rakan-rakan rapat Musa yang gagal di dalam pemilihan untuk kerusi Majlis Tertinggi.

Daim Naik Melonjak

DAIM Zainuddin, seorang usahawan Melayu angkatan baru yang berjaya agak pemalu, lemah lembut dan tidak gemarkan publisiti. Peguam yang ketika itu berusia 45 tahun juga mengamalkan pendekatan agak berlainan di dalam perniagaan dengan mengagihkan asetnya ke dalam berpuluhan-puluhan buah firma, bukan ditumpukan kepada sebuah firma untuk mewujudkan sebuah empayar.

Seperti Razaleigh, Daim menerima jawatan itu tanpa pengalaman di kementerian. Sebagai kawan rapat Perdana Menteri, Daim telah bergerak dan berurus di dalam empat jawatan berbeza. Sebagai nomini UMNO beliau mempengerusikan cabang pelaburan parti itu, Kumpulan Fleet, yang menguasai penerbit gergasi New Straits Times Press, kumpulan hotel dan harta tanah, Faber Merlin dan memiliki lesen untuk mengendalikan rangkaian televisyen swasta TV3. Sebagai nomini kerajaan beliau mengetuai Petronas Berhad, lembaga harta UDA.

Daim memiliki kepentingan di dalam UEP dan Raleigh pengeluar basikal, dan beberapa buah syarikat persendirianya. Daim telah berjaya di dalam bidang korporat sebelum Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri lagi.

Setelah menjadi guru untuk beberapa ketika beliau ke London menuntut dalam bidang undang-undang dan dilantik menjadi peguam di Lincoln Inn. Sekembali ke Malaysia beliau dilantik menjadi majistret dan Timbalan Pendakwa Raya sebelum membuka firma guaman sendiri. Pernah juga menceburi politik apabila

membantu Syed Kecik menyelesaikan satu krisis di Sarawak dalam tahun 1960-an.

Kejayaan besarnya bermula apabila pada awal tahun 1970-an Menteri Besar Selangor ketika itu, Harun Idris memberikan kepadanya sekeping tanah di Cheras. Agak aneh juga Daimlah orang yang mempertemukan Harun dan Dr. Mahathir apabila Dr. Mahathir tersisih di dalam perjuangan politiknya. Daim kemudiannya membangunkan tanah tersebut menjadi bandar-bandar satelit di kawasan Kuala Lumpur dan menjadikannya jutawan. Dalam tahun 1977 Daim ke Amerika Syarikat mengikuti satu kursus perancangan bandar. Dalam tahun 1979 sekembali ke tanahair, beliau ditawarkan peluang untuk mempengerusikan UDA, tetapi menca-dangkan penubuhan Peremba. Daimlah yang harus dipuji kerana memulakan langkah pengagihan pembangunan Kuala Lumpur dan pengwujudan bandar-bandar baru yang tersusun.

SIAPA YANG LEBIH ISLAM?

"Bahaya tidak melakukan apa-apa adalah lebih daripada bahaya bertindak ofensif."

— Ahli Sains Politik

MULAI daripada ucapan yang pedas dan berasas semasa menyambut perayaan ulang tahun kemerdekaan pada 31 Ogos 1984, Dr. Mahathir memulakan satu kempen untuk memenangi perang psikologi yang UMNO mungkin dikalahkan oleh PAS di negeri-negeri yang majoriti Melayu seperti Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan. PAS telah menarik ribuan orang ke ceramah-ceramahnya di Kelantan yang pernah dikuasainya selama 18 tahun sebelum kehilangan kuasa dalam tahun 1978. Demikian juga di negeri-negeri di utara Semenanjung termasuk Terengganu yang menjadi kubu PAS.

Secara terbuka kerajaan membayangkan persaingan ialah di antara susunan pentadbiran yang teratur dengan golongan pelampau tanpa merujuk kepada kemungkinan menghadapi pilihanraya. Pelbagai langkah diambil dan pelbagai tuduhan berbalas tuduhan dilemparkan, sehingga dikatakan PAS merancang penubuhan skuad berani mati yang yakin bahawa menumpahkan darah orang UMNO adalah halal, serta adanya hubungan PAS dengan kumpulan-kumpulan tertentu di Iran. Pada satu peringkat malah Dr. Mahathir menawarkan peluang perbahasan langsung menerusi televisyen dengan PAS, tetapi kemudiannya dibatalkan.

Akhbar-akhbar pula memainkan peranan dengan memberi publisiti meluas terhadap konflik itu walaupun kemudiannya memainkan peranan pereda dengan mengemukakan beberapa pendapat beras dan berfaedah dari segi politik.

Dr. Mahathir mempunyai alasan tertentu mengambil tindakan demikian. Walaupun UMNO sedia kukuh tetapi PAS muh diletakkan terus di pihak bertahan bukan menyerang. Lagipun kalau dibiarkan anasir-anasir anti demokratik dan tidak bertolak ansur anjuran PAS boleh menjelaskan jalinan hubungan di dalam masyarakat Malaysia. Jalan yang baik ialah bertindak kerana bahaya tidak bertindak lebih besar daripada bahaya bertindak ofensif.

Pergerakan Pemuda UMNO telah menubuhkan pasukan gerak gempur dengan mengadakan ceramah balas kepada ceramah PAS. Mereka juga menerbitkan kaset balasan kepada kaset-kaset ucapan yang diedarkan oleh PAS. Kerajaan seterusnya menahan empat orang termasuk seorang anggota PAS yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dan dua orang pekerja Pemuda PAS di bawah ISA, serta menghadkan beberapa ceramah kelolaan PAS. Sekalipun sekatan itu diadakan, PAS terus mengadakan ceramah dengan diawasi oleh polis. Dua orang daripada tiga orang ahli PAS kemudiannya dibebaskan dalam bulan Julai tanpa sebab.

Bukan Dr. Mahathir dan kepimpinan UMNO sahaja yang bimbang dengan meningkatnya fahaman fundamentalis malah golongan bukan Melayu juga semakin risau. Ironinya ialah perkembangan pengajian tinggi yang dirancang dan dilaksanakan oleh UMNO yang menghidupkan semula minat terhadap agama di kalangan ramai pelajar Melayu dan membawa reaksi di bandaraya bandaraya luar negeri dan juga Kuala Lumpur.

Pergerakan dakwah banyak tumbuh dan berkembang di bandar-bandar. Kebanyakan kumpulan dakwah muh memperkuatkan ketakwaan di kalangan mereka yang lahir sebagai umat Islam bukan mencari saudara-saudara baru dari kalangan bukan Islam.

Dr. Mahathir menempelak tokoh-tokoh PAS, "Tidak boleh makna dengan berserban tebal-tebal dan berjubah itu lebih Islam. Para pemimpin PAS tidak semestinya pakar dalam perundangan Islam. Mereka juga tidak boleh mengeluarkan fatwa sesuka hati."

20

MAHATHIR NAIK RADANG

"Di tengah-tengah misteri yang menyelubungi kita, tidak ada yang lebih pasti daripada hakikat kita berada di hadapan sumber tenaga luar yang tiada had yang menjadi sumber segalanya."

DALAM tahun 1985, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menghadapi beberapa isu mendesak dan membayangkan tekadnya untuk mengekalkan penguasaan yang lebih ketat. Beliau memberi amaran kepada mereka yang mahu mengenakan tekanan ke atas kerajaan. Di dalam perutusan Tahun Baru beliau memberi amaran:

"Hari ini kerajaan tidak mahu menunjukkan kukunya. Kita masih berdiam diri, tetapi janganlah ada yang se-njaga memikirkan kesabaran kita tiada hadnya. Hadnya ada. Saya memberi amaran di sini kepada mereka yang berani mengatakan kerajaan kita lemah dan pengecut. Biar saya bagi amaran bahawa tindakan-tindakan seperti tunjuk perasaan dan pemulauan akan membawa akibat buruk ke atas semua pihak, malah mungkin melibatkan orang yang tidak bersalah."

Pada bila-bila masa sekalipun, usaha memerintah Malaysia merupakan satu tugas yang boleh melemahkan semangat, rumit dengan keadaan masyarakat majmuk, sebuah sistem persekutuan meliputi bahagian timur dan barat yang terpisah dan sebuah kera-

jaan campuran terdiri daripada hampir satu dozen parti politik yang berasingan. Di samping itu kepimpinan negara harus berhadapan dengan cabaran jangka panjang seperti memupuk pertumbuhan ekonomi dan perindustrian, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan hasrat mahu menghapuskan keadaan ekonomi tidak seimbang antara kaum serta usaha-usaha membasmikan kemiskinan. Di samping itu wujud juga hasrat untuk menyemaikan rasa bangga dan cintakan negara di kalangan rakyat.

Dalam keadaan sedemikian, terdapat pula cabaran-cabaran semasa seperti kegiatan gerombolan komunis, tekanan-tekanan daripada kebangkitan semula Islam, tekanan serius di dalam perhubungan di antara raja berperlembagaan dan eksekutif serta permintaan daripada golongan menengah yang kian berkembang bagaimana menyertai politik.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran demikian, seseorang Pendana Menteri Malaysia harus juga menumpukan tenaganya terhadap hal ehwal dalaman UMNO yang menjadi sebuah paruh utama di dalam Barisan Nasional serta memupuk tali silaturrahim di dalam barisan yang memerintah itu sendiri. Pada masa yang sama beliau harus sensitif terhadap kesan pergerakan parti-partenari pembangkang terutama yang menggunakan 'platform' Islam.

Pendek kata, scorang pemimpin Malaysia yang berjaya harus memiliki kebijaksanaan pengurusan demi mengimbangi permasalahan yang berbagai-bagai dari pelbagai golongan kaum. Di seluruh dunia, pentadbirannya harus menghadapi ketegangan yang meningkat mengenai matlamat DEB yang tidak mencakupi matlamatnya dalam tempoh yang ditetapkan. Kemungkinan mungkin akan satu pilihanraya umum lebih awal sebelum kemelesetan ekonomi lebih 'menggigit', malahan turut dirumitkan oleh keruncingan perpecahan berterusan di dalam Persatuan Cina Malaysia (MC). Lagipun wujud beberapa isu yang kontroversi termasuk kes Bantuan China dan Papan serta skandal Kewangan Bumiputera Cina, yang menjadi masalah kepada kerajaan. Inilah antara bebanan yang paksa dipikul oleh Dr. Mahathir.

Masalah buruh pula berlanjutan ekoran berlaku pertubuhan berterusan di antara Kerajaan Persekutuan dan CUEPACS terhadap semakan semula kadar gaji yang dijadualkan menjelang

1985. Pertikaian itu berpunca daripada keengganan kerajaan menuhi tuntutan CUEPACS. Keadaan tersebut semakin membengkak dengan rancangan menghapuskan skim pencecang perkhidmatan awam serta menggantikannya dengan caruman wajib kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kesatuan-kesatuan sekerja juga bimbang tentang kesan penswastaan beberapa perkhidmatan kerajaan ke atas kerjaya para pegawai awam.

CUEPACS mahukan kenaikan gaji yang lebih tinggi bagi mengekalkan taraf hidup yang dinikmati oleh para pegawai awam dalam tahun 1980 apabila penyelarasan gaji terakhir dibuat. Tuntutan itu ditolak oleh kerajaan dengan alasan kemelesetan ekonomi menjadikan kerajaan tidak berupaya menampung permintaan itu. Ekoran penolakan oleh CUEPACS terhadap tawaran kenaikan gaji terhad, kerajaan mengeluarkan perangkaan ke atas kos jangkaan bagi perkhidmatan awam Malaysia dimana menjelang tahun 1990 Perpendaharaan terpaksa mencari M\$11 ribu juta untuk membayar gaji lebih 800,000 orang pekerja sektor awam.

CUEPACS berusaha menekan kerajaan dengan mengancam akan mengadakan mogok seluruh negara kalau pertikaian itu tidak diselesaikan menjelang akhir tahun, dan pekerja badan berkanunn juga boleh mengadakan piket. Pertikaian meruncing dalam bulan Ogos apabila Presiden CUEPACS, Ahmad Nor mengumumkan bahawa lima orang ahli Majlis Bersama Kebangsaan (Bahagian Kakitangan) mengancam tidak akan menyokong Barisan Nasional sekiranya pertikaian itu berterusan sehingga tahun baru. Beliau juga memberi notis satu undi mogok akan diadakan.

Tindakan sedemikian tidak disenangi oleh kerajaan tambahan pula ketika kerajaan sedang menimbang bagi mengadakan pilihanaya umum. Demikian juga dengan laporan-laporan bahawa Ahmad Nor dan para pemimpin kesatuan sekerja lain terlibat dalam penubuhan sebuah parti pelbagai etnik—Parti Nasional Melayu. Sebagai tindak balas, Kerajaan mengeluarkan amaran, mengugatkan mereka tentang sekatan-sekatan terhadap kegiatan politik yang diperuntukkan oleh Akta Kesatuan Sekerja. Dalam pada itu, Syariah Agung BN, Ghafar Baba dan Pemuda UMNO menggalas kerajaan agar jangan mengalah kepada kesatuan-kesatuan sekerja. Perdana Menteri pula mengesahkan bahawa pentadbiran tidak akan tunduk kepada ancaman-ancaman kesatuan sekerja

yang mahu menarik balik sokongan undi daripada BN.

Setelah diadakan rundingan di antara para pegawai CUEPACS dan kedua-dua Datuk Musa Hitam dan Menteri Kewangan, Daim Zainuddin maka dipersetujui bahawa Perdana Menteri akan berunding dengan para pemimpin CUEPACS demi menyelesaikan pertikaian itu.

Satu lagi perkembangan penting di dalam hal chwal buruh ialah dialog di antara CUEPACS dan MTUC bertujuan untuk mencantumkan dua buah pergerakan itu yang berpecah dalam tahun 1980 akibat perbezaan dalaman. Badan baru yang akan diwujudkan itu dikenali sebagai Pergerakan Buruh Bersatu Malaysia bertujuan menyatukan semua pertubuhan pekerja yang ditubuhkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Pertubuhan. Sebuah jawatankuasa perpaduan bersama CUEPACS-MTUC bersidang untuk merangka pindaan-pindaan kepada perlombagaan MTUC bagi penubuhan sebuah badan baru itu. Bagaimanapun tidak dapat pastikan apakah Pendaftar Pertubuhan akan membenarkan pekerja luar bandar dan kumpulan-kumpulan profesional bergabung bawah satu pertubuhan itu nanti. Sekiranya pendaftar tidak meluluskan, dipersetujui agar dikekalkan nama MTUC untuk badan baru itu. Bagaimanapun, usaha itu gagal.

Kesatuan Sekerja Pekerja Ladang Kebangsaan pula bertelag dengan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia berhubung dengan gaji dan membawa kes itu ke Mahkamah Perusahaan. Pemajikan pula menyebut kemerosotan harga komoditi dan pelburan yang berkurangan di dalam sektor peladangan sebagai alasan menentang kenaikan gaji. Tekanan juga dikenakan ke atas pihak berkuasa agar mengharamkan penggunaan racun rumpai (panquat) setelah beberapa orang pekerja lalang mati dan beratus-ratus pula buta akibat salah guna racun tersebut.

Menghadapi Masalah A-Z

PERISTIWA-peristiwa dalam tahun 1985 sekali lagi menunjukkan tekanan berterusan dari kalangan golongan kelas pertengahan tuk penyertaan yang lebih luas di dalam politik. Rungutan tuk kedengaran akibat tekanan kerajaan ke atas kegiatan-kegiatan kumpulan berkepentingan, kurang tanggungjawab terhadap perbel-

jaan awam, keengganan membenarkan orang ramai mendapatkan maklumat rasmi, dan terlalu sensitif terhadap kritik di akhbar—sama ada yang dibuat oleh kumpulan atau individu.

Kegelisahan terhadap isu-isu demikian amat ketara apabila Tun Hussein Onn mengecam kerajaan kerana enggan mendedahkan kepada umum laporan penuh skandal Bank Bumiputera Finance (BMF) dan perkara-perkara lain kepentingan negara. Beliau juga mencela kerajaan kerana menyalahgunakan Akta Hasutan untuk menakut-nakutkan orang yang membantah dan memberi amaran adalah satu kesalahan untuk mewujudkan satu iklim dimana rakyat takut menyatakan pandangan mereka.

Sebagaimana dalam tahun-tahun sebelumnya, kumpulan-kumpulan seperti Aliran, Sahabat Alam, dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang, terus mengulas berbagai-bagai isu dan mengkritik kerajaan. Tekanan baru juga datang daripada para ahli akademik untuk membenarkan lebih banyak kebebasan dalam penyelidikan. Mereka juga mendesak dihapuskan undang-undang yang melarang mereka untuk turut serta di dalam kegiatan-kegiatan politik. Terdapat ahli-ahli akademik terlibat di dalam penubuhan Parti Nasionalis Malaysia walaupun ada undang-undang kakitangan yang menyekat mereka. Jika mahu aktif dalam politik mereka mestilah meletakkan jawatan terlebih dahulu.

Pada amnya kerajaan terus bersikap tegas terhadap tekanan scumpama itu. Sebagaimana dalam tahun-tahun sebelumnya, Perdana Menteri sekali lagi memberi amaran kepada akhbar-akhbar tentang tugas kerajaan yang dipilih secara demokrasi untuk mengawal kebebasan akhbar demi kepentingan negara. Beliau juga menyatakan pentadbirannya sedang menimbang semula dasar liberalnya kerana terdapat beberapa akhbar yang telah menjelaskan usaha memperkuuhkan perpaduan negara.

Sensitiviti kerajaan terhadap kebolehan orang ramai mendapatkan maklumat rasmi terbayang di dalam perbicaraan wartawan Far Eastern Economic Review yang berpejabat di Kuala Lumpur, di bawah Akta Rahsia Rasmi. James Clad didenda MS10,000 setelah mengaku bersalah memiliki secara haram maklumat tentang dasar perdagangan Kerajaan Malaysia dengan Negara China.

Walaupun jelas ketegasannya, ada tanda-tanda pentadbiran Dr. Mahathir mengubah sikap setelah dikritik. Pindaan terhadap

Akta Dadah Berbahaya hanya diluluskan oleh Parlimen setelah dipertimbangkan oleh sebuah Jawatankuasa Khas, yang mengadakan perbincangan umum di seluruh negara. Sesungguhnya ini merupakan satu daripada tiga peristiwa di dalam sejarah perundangan Malaysia sebuah rang undang-undang dirujuk kepada sebuah jawatankuasa yang dipilih khas. Dalam bulan Februari, Timbalan Menteri Dalam Negeri (ketika itu) Radzi Sheikh Ahmad mengumumkan yang beliau akan merujuk kepada Kabinet dengan tujuan membenarkan semua rang undang-undang akan datang yang melibatkan kebebasan dan hak rakyat akan didedahkan kepada perbincangan umum terlebih dahulu sebelum dibentangkan di Parlimen.

Kesediaan kumpulan-kumpulan berkepentingan dan parti-parti politik terlibat di dalam isu-isu sosial ditunjukkan di dalam kempen untuk menyelamatkan Sim Kie Chon daripada tali gantung. Dalam dekad yang lalu, hukuman bunuh dikuatkuasakan semula di Malaysia bukan sahaja kerana membunuh tetapi juga kerana memiliki senjata api dan peluru serta pengedaran dadah. Kebanyakan mereka yang dikenakan hukuman bunuh itu keturunan Cina.

Kes Sim menimbulkan kontroversi guaman dan politik yang serius dalam usaha meminta dibatalkan hukuman matinya. Sim dikenakan hukuman di bawah ISA kerana memiliki senjata api dan peluru dan dua kali mengemukakan rayuan terhadap Lembaga Pengampunan, dengan menghujahkan bahawa ia melanggar hak perlembagaannya dengan tidak mengantikan hukumannya dengan hukuman seumur hidup sebagaimana yang telah dilakukan dalam kes Datuk Mokhtar Hashim seorang bekas Menteri Kabinet Persekutuan yang didapati bersalah membunuh Speaker Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Sembilan. Dakwaan pertama Sim ditolak oleh Mahkamah Agung yang memutuskan bahawa hak membuat pertimbangan adalah tindakan eksekutif yang mengikuti cirinya tidak tertakluk kepada kajian semula kehakiman.

Sedang Sim menunggu dakwaan keduanya sampai ke mahkamah (dia mendakwa Lembaga Pengampunan telah tidak memberi perbicaraan yang adil terhadapnya), tindakan undang-undang diambil terhadap Presiden Majlis PEGUAM Malaysia, Param Cumarasamy. Beliau dikatakan telah menghasut dalam satu sidang ak-

bar dalam bulan Julai, berhubung dengan peranan Lembaga Pengampunan di dalam kes Sim. Majlis Peguam secara terbuka menyokong rayuan Sim untuk hukuman lebih ringan serta membayangkan keresahannya terhadap hukuman mati mandatori bagi para pesalah berhubung dengan senjata api. Kemudiannya dalam bulan berkenaan, peguambela Sim sendiri, Karam Singh didakwa di Mahkamah Agung kerana menghina mahkamah dan kemudianya didenda M\$10,000 kerana ulasannya konon dipaksa supaya tergesa-gesa menyusun pembelaan ke atas Sim.

Di samping kontroversi guaman itu kedengaran juga kempen umum yang meluas supaya diringankan hukuman ke atas Sim. DAP mengadakan satu rayuan supaya diringankan hukuman dan satu acara puasa perpaduan diadakan di sebuah kuil Cina. Setiausaha Agung SDP, Fan Yew Teng dan Iapan orang rakannya ditahan kerana menunjuk perasaan di hadapan Penjara Pudu di Kuala Lumpur. Beberapa pertubuhan lain dari pelbagai kaum di Malaysia, menyertai rayuan kepada ke bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar meringankan hukuman itu. Ini termasuk beberapa pertubuhan seperti Aliran, CUEPACS, MTUC, PAS, PSRM, Persatuan Pelajar Islam Malaysia dan Persatuan Sains Sosial.

Manakala puak Tan Koon Swan di dalam MCA juga menyokong rayuan itu dan Kesatuan Sekerja Wartawan Kebangsaan menyeru ditangguhkan semua pelaksanaan hukuman di bawah undang-undang senjata api. Sedang kes Sim berbau perkauman timbul daripada sudut pandangan orang Cina tentang pilih kasih yang disengajakan di dalam mengenakan hukuman mati, juga kelihatan kesediaan kumpulan-kumpulan beraneka melintasi pertimbangan kaum dalam masalah hak kemanusiaan. Bagaimanapun Sim mati di tali gantung juga.

Sepanjang tahun itu wujud kontroversi mengenai pendatang haram apabila kerajaan berdolak-dalik tentang cara mengendalikan masalah itu. Para pendatang haram terutamanya rakyat Indonesia dipersalahkan kerana meningkatnya kadar jenayah, membawa berbagai-bagai penyakit serta menambah masalah setinggan di kawasan-kawasan bandar. DAP juga mengecam kegagalan kerajaan mengatasi masalah itu, dan mendakwa hakikatnya ada hampir sejuta pendatang haram di Malaysia.

Sebagai menjahut kritik yang kian lantang, kerajaan mengumumkan bahawa usaha padu akan diambil serta Pasukan Petugas VII yang asalnya ditubuhkan untuk mengendalikan masalah orang hanyut Vietnam akan ditugaskan juga mengawal semua pendatang haram termasuk yang datang dari Indonesia. Sepanjang tahun 1985 polis melancarkan beberapa serbuan untuk menahan para pekerja pendatang haram. Bagaimanapun pertimbangan ekonomi telah menyebabkan pihak berkuasa menutup mata kepada ribuan pendatang haram yang kebanyakannya rakyat Indonesia yang bekerja di estet.

Menurut Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah ketika itu, Datuk Seri Adib Adam, terdapat kekurangan 300,000 orang pekerja estet di Malaysia dan ini mengurangkan potensi getah serta keluaran kelapa sawit di beberapa estet. Sesungguhnya satu gerakan oleh pihak imigresen Pahang untuk menghantar balik 20,000 orang pekerja pendatang haram kelapa sawit terpaksa dibatalkan setelah aduan daripada para pemilik estet yang operasi itu akan mengakibatkan kekurangan teruk tenaga pekerja.

Isu pendatang haram itu juga mempunyai nada perkauman yang kuat. Ada keyakinan meluas di kalangan bukan Melayu kononnya para pendatang haram Indonesia diterima demi meningkatkan jumlah Bumiputera.

Langkah-langkah juga diambil untuk menyelesaikan dua isu yang menjadi kontroversi sejak tahun 1984 lagi. Umpamanya di Perak, Menteri Besar Datuk Seri Ramli Ngah Talib mengumumkan bahawa tapak pembuangan bahan buangan radioaktif akan ditempatkan semula di satu kawasan kira-kira lima kilometer dari pada tapak cadangan asal tetapi kilang mengeluarkan bahan buangan itu tidak akan dipindahkan. Di samping itu tanggungjawab keselamatan kawasan pembuangan itu akan dipikul oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Sedang isu pengubahan tapak pembuangan sisa itu merupakan satu tolak ansur terhadap pandangan umum, para penduduk tempatan dan para pencinta alam masih tidak puas hati dan terus menentang pembuangan sisa nuklear di kawasan Papan itu.

Manakala di Melaka pula, kerajaan negeri telah membincangkan isu Bukit Cina. Kerajaan negeri merancang untuk memajukan bukit perkuburan lama Cina untuk tujuan perumahan dan per-

dustrian dan menuntut dua juta ringgit gantirugi daripada lembaga amanah tanah sekiranya kawasan tanah tersebut tidak dilaksanakan. Kerajaan negeri haruslah menyerahkannya kepada Persatuan Cina Malaysia. Kerajaan negeri akhirnya mengalah dan dalam bulan Februari mengisyiharkan rancangan pengindahan kawasan itu sudah siap dirangka dengan persetujuan Lembaga Amanah Bukit Cina. Dalam melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam, isu Bukit Cina dipandang oleh ramai orang Cina sebagai menunjukkan kurang pekanya kerajaan terhadap sensitiviti keagamaan mereka.

Kerajaan Persekutuan seterusnya memperhebatkan kempen anti dadah. Menurut pihak berkuasa terdapat lebih kurang 80,000 orang penagih dadah di Malaysia dan dadah merupakan ancaman utama terhadap keselamatan negara. Langkah-langkah pencegahannya semakin diperhebatkan. Menjelang pertengahan tahun 1985 seramai 30 orang yang sabit kesalahan mengedor dadah di hantung sampai mati sejak dikuatkuasakan hukuman mati mandatori di bawah Akta Dadah Berbahaya. Seramai 43 orang lagi, termasuk dua orang rakyat Australia dan beberapa orang warganegara Hong Kong, juga akhirnya menjalani hukuman gantung. Satu pembangunan penting di dalam kempen anti dadah ialah lulusnya Lang Undang-Undang (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) Dadah Berbahaya 1984. Di bawah pindaan-pindaan itu, Menteri Dalam Negeri diberi kuasa sama dengan yang dikuatkuasakan di bawah ISA. Orang-orang yang disyaki mengedor dadah boleh dihukum tanpa perbicaraan sehingga dua tahun, diikuti oleh lanjutan empat tahunan yang sama.

Sepanjang kajian terhadap rang undang-undang itu yang dilancarkan oleh sebuah Jawatankuasa Khas, beberapa golongan dan tertubuhan berasa kurang senang dengan peruntukan tersebut dan mungkin terhakisnya kebebasan hak asasi yang dijamin oleh perlembagaan. Ahli Parlimen pembangkang tunggal di dalam Jawatankuasa itu, Lee Lam Thye menyokong langkah-langkah lebih keras terhadap para pengedor dadah tetapi enggan menerima perjanjian-perjanjian jawatankuasa itu kerana DAP menentang tahanan tanpa perbicaraan. Kerajaan juga menggubal undang-undang untuk memberi kuasa kepadanya merampas harta para pengedor dadah.

Beberapa golongan aristokrasi Malaysia nampaknya berazam untuk mengekalkan kepentingan mereka tanpa mengira sikap di-

ngin yang ditunjukkan terhadap golongan Diraja dalam krisis perlembagaan tahun 1983 dulu. Awal tahun 1985, dua orang anggota keluarga Diraja Pahang gagal mendakwa kerajaan negeri mereka bagi pemilikan ke atas seluruh lembah Sungai Tembeling dengan mendakwa tanah yang diwarisikan oleh nenek moyang mereka sejak tahun 1877. Sekiranya tuntutan itu berjaya kerajaan negeri Pahang akan kehilangan seluruh Taman negara dan sebahagian besar sumber aslinya.

Manakala di Selangor, pula ketika baginda Sultan merayakan Jubli Peraknya, kontroversi timbul akibat campurtangan baginda Sultan di dalam hal ehwal negeri. Ekoran masalah-masalah di dalam pengendalian perayaan hari keputeraan baginda, baginda Sultan menuntut pemecatan Setiausaha Kerajaan Negeri, dalam tempoh 24 jam. Campurtangan baginda Sultan dikritik sebagai 'tidak wajar dan tidak dapat diterima' oleh seorang Ahli EXCO Pemuda UMNO Selangor yang mengingatkan baginda Sultan bahawa semua pegawai kerajaan bertanggungjawab kepada Menteri Besar yang dipilih oleh rakyat.

Baginda Sultan Selangor juga dikritik kerana menuntut supaya perayaan Jubli Peraknya disambut sepanjang bulan dengan belanja sekitar RM10 juta. Kedua-dua Pemuda UMNO dan ABIM mengecam kos perayaan itu sebagai membazir. Sebaliknya pula perayaan Hari Keputeraan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong disambut dengan sederhana daripada tahun-tahun sebelumnya.

Di dalam Perhimpunan Agung UMNO 1985, Perdana Menteri memberi amaran kepada Sultan-Sultan bahawa para peniaga tertentu menggunakan pengaruh Diraja untuk kepentingan kewangan peribadi mereka. Penglibatan Raja-Raja di dalam pentadbiran mungkin menjaskan kedudukan mereka sebagai Raja Berperlembagaan dan menyebabkan orang-orang Melayu mempersoalkan peranan baginda-baginda itu. Sekalipun mengakui isu penglibatan keluarga diraja di dalam perniagaan adalah sesuatu yang sensitif, Dr. Mahathir memberi amaran bahawa mereka yang mencari keuntungan menerusi hubungan dengan keluarga diraja akan disenaraikan oleh kerajaan.

BN KECUNDANG DI SABAH

"Sebahagian orang berjaya selagi ada orang lain di belakang mereka dan menggalakkan mereka. Tapi sebahagiannya pula berjaya sekalipun dalam suasana rumit. Pilihlah sendiri."

BARISAN Nasional mengalami kekalahan pertamanya di dalam pilihanraya umum dalam tahun 1985 apabila BERJAYA, sebuah kerabat BN dikalahkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS). Parti yang baru ditubuhkan itu dipimpin oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan, seorang peguam Kadazan Katholik yang meninggalkan Berjaya dalam tahun 1984 setelah bertelagah dengan Ketua Menteri Datuk Harris Salleh. Setelah Datuk Pairin berjaya memenangi DUN Tambunan di atas tiket Bebas, maka Datuk Haris memotong semua tabung pembangunan ke DUN berkenaan. Tindakan Harris ini dikecam hebat.

Langkah Pairin mengerahkan pihak pembangkang untuk menjatuhkan kerajaan Berjaya berpunca daripada rasa tidak puas hati golongan tertentu terutamanya dari kalangan masyarakat Cina dan Kadazan terhadap dasar-dasar pro-Muslim kerajaan Harris. Ahli Parlimen Berjaya, Mark Koding meletakkan jawatan kerana membantah tindakan kerajaan di Tambunan.

Kepimpinan BN tetap menyokong Berjaya dan Dr. Mahathir menegaskan, "Timbul atau tenggelam kita tetap bersama." Beliau juga menuduh PBS sebagai perkauman. Malangnya, keputusan pilihanraya itu di luar jangkaan dan telah membinasakan BN.

Sekalipun memperolehi majoriti besar, pihak yang kalah bertindak pada saat-saat akhir untuk mencegah PBS daripada berkuasa. Harris memohon sokongan BN untuk bercantum dengan USNO demi mengekalkan kuasa. Permintaan Harris ditolak oleh Datuk Musa Hitam yang dengan tegas mengatakan Kerajaan Persekutuan menghormati hasrat majoriti berasaskan sistem demokrasi berparlimen.

Sekalipun gagal mendapat sokongan BN, satu percubaan dibuat oleh Tun Mustapha untuk mendahului Datuk Pairin dengan mendedak Yang Dipertua Negeri menerima angkat sumpah kerajaan campuran USNO-Berjaya. Tindakannya itu berlandaskan peruntukan perlembagaan yang memperuntukan Ketua Menteri boleh melantik enam orang ahli Dewan Undangan Negeri yang bukan dipilih dalam pilihanraya. Apabila semua ahli dipilih daripada USNO-Berjaya dan dicampur dengan jumlah enam orang ahli dilantik tadi maka pakatan USNO-Berjaya menang majoriti di dalam Dewan Undangan Negeri.

Sebelum Subuh 22 April, Tun Mustapha meminta Setiausaha Kerajaan Negeri, Hakim Besar Borneo dan Peguam Negeri datang ke Istana Yang Dipertua Negeri, Tun Mohamad Adnan Robert. Beliau kemudian datang tanpa diundang menghadap Yang Dipertua Negeri dan menuntut untuk mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri. Hakim Besar Borneo dan Setiausaha Kerajaan Negeri sama-sama menegaskan bahawa tindakan itu melanggar perlembagaan, dan bersama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri tidak mahu masuk campur di dalam permintaan Tun Mustapha dengan meninggalkan Istana.

Menurut sebuah kenyataan kemudiannya, Yang Dipertua Negeri bimbang dengan perlakuan rombongan Tun Mustapha yang mengancam keselamatan diri dan keluarganya. Dengan melengkapkan dirinya dengan sebilah keris dan sepucuk pistol, beliau berpura-pura memutuskan melantik Tun Mustapha sebagai Ketua Menteri supaya beliau meninggalkan Istana. Lewat hari itu, Yang Dipertua Negeri membatalkan perlantikannya dan menerima angkat sumpah jawatan bagi Datuk Joseph Pairin Kitingan pula.

Pentadbiran baru di bawah Pairin sedar penting sekali mewujudkan hubungan yang baik dengan Kerajaan Persekutuan. Adakah kebimbangan di dalam PBS yang Kuala Lumpur mungkin meng-

isytiharkan darurat dan menguatkuasakan perintah Persekutuan ke atas Sabah. Dengan itu Ketua Menteri Pairin berkunjung ke Kuala Lumpur untuk memberi jaminan kepada Kerajaan Persekutuan akan kesediaannya berkerjasama dan memberi jaminan kepada UMNO bahawa beliau tidak berhasrat mengamalkan dasar ganas terhadap golongan Muslim. Pairin juga menyampaikan hasrat PBS untuk menyertai BN.

Kerajaan PBS berikrar akan benar-benar memperkuuhkan hubungan dengan Kuala Lumpur dan juga menegaskan bahawa masa depan Sabah terletak pada kerjasama yang berterusan di dalam Persekutuan Malaysia. Ia merujuk kepada Tun Mustapha semasa menjadi Ketua Menteri pernah mengugut mahu membawa Sabah keluar dari Malaysia. Pairin dan PBS juga mencela rekod Berjaya dan mengarah diadakan penyiasatan ke atas salahguna wang yang dikatakan dilakukan oleh pentadbiran sebelumnya dan menyalahkan pentadbiran tersebut sebagai membawa Sabah ke jurang muflis.

Kedudukan Datuk Pairin diperkuuhkan dengan kunjungan beberapa pihak dari Semenanjung Malaysia, termasuk Pemuda UMNO. Tunku Abdul Rahman pula secara terbuka mengesahkan hak rakyat Sabah mengubah kerajaan sementara Tun Hussein Onn mahukan Datuk Pairin diberikan peluang di samping menggesa BN menerima PBS sebagai parti komponennya.

Tun Mustapha yang enggan menerima kesahihan perlantikan Pairin pada 22 Mei 1985 mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi terhadap Pairin dan Yang Dipertua Negeri dan mendakwa kononnya perlantikan asalnya sebagai Ketua Menteri sebagai sah disisi undang-undang dan perlombagaan. Pairin membala dengan mengadakan sidang tergempar Dewan Undangan Negeri dan mengadakan pungutan undi percaya terhadap kerajaannya demi memperkuuhkan kedudukannya. Walaupun cuba menghalangi persidangan tergempar itu, Tun Mustapha gagal.

Datuk Harris Salleh pula meletakkan jawatan Presiden Berjaya dengan mendakwa dasar parti pelbagai kaumnya gagal, kerana alirananya sekarang ialah terhadap dasar parti perkauman.



Dr. Mahathir sedang berucap di Persidangan PBB di New York.



Dr. Mahathir bersama Setiausaha Agung PBB Perez De Cuellar di pejabatnya di New York. Mungkinkah Dr. M bakal menggantikannya selaku Setiausaha Agung PBB?

SEPAK TERAJANG POLITIK

"Apabila seseorang itu benar-benar mendapati dirinya di puncak tangga kejayaan, dia tidak pernah sendirian kerana tidak ada orang boleh mendaki ke puncak kejayaan sebenar tanpa membawa orang lain bersamanya."

BERITA angin tentang perbezaan pandangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam tersebar luas untuk beberapa bulan. Tetapi apabila gambar mereka berdua berpelukan mesra disiarkan oleh akhbar-akhbar maka sumber-sumber tidak bertanggungjawab di Singapura pula yang dipersalahkan. Kisah itu senyap buat seketika.

Timbul pula masalah politik wang yang melanda UMNO sehingga ada pemimpin memberi amaran terbuka akan bahaya gejala itu. Datuk Musa bimbang politik wang akan mengasingkan UMNO daripada rakyat biasa. Kata Musa, seorang individu sudah sanggup membelanjakan sekitar M\$600,000 semata-mata untuk menjadi pengurus sebuah bahagian UMNO.

Tindakan undang-undang ekoran pertikaian antara puak di dalam UMNO sendiri juga semakin meningkat dan membimbangkan, kerana ia mendedahkan kelemahan-kelemahan UMNO ke khalayak ramai dan memindahkan hal chwal parti daripada kawalan parti, sehingga memperluaskan lagi jurang di antara puak-puak.

Disebabkan kebimbangan terhadap politik wang dan bertambahnya tindakan guaman, Majlis Tertinggi UMNO membuat beberapa perubahan terhadap perlombagaan parti. Pindaan pertama

memperuntukkan pemecatan secara automatik sebarang ahli yang mengambil tindakan guaman sebelum Majlis Tertinggi atau Perhimpunan Agung mempertimbangkan sesuatu pertikaian.

Satu lagi pindaan memperkuuhkan kawalan pucuk pimpinan ke atas pemecatan ahli parti peringkat cawangan dan bahagian, dan pemilihan parti, untuk mencegah politik naungan. Di bawah pindaan itu calon-calon bagi jawatan peringkat bahagian hendaklah menjadi ahli sekurang-kurangnya dua tahun.

Keunggulan UMNO di dalam politik Malaysia dilambangkan dengan tersergamnya Komplek UMNO baru berharga M\$400 juta yang termasuk menara pejabat 41 tingkat, sebuah hotel dan sebuah dewan perhimpunan yang boleh memuatkan 15,000 orang. Kompleks itu mendatangkan pendapatan daripada sewaan kemudahan-kemudahan itu, di samping menyediakan kemudahan untuk upacara-upacara UMNO.

Di Perhimpunan Agung 1985, kepimpinan UMNO menggesa ahli-ahlinya agar mengutamakan perpaduan parti daripada perpaduan puak-puak tertentu dalam parti dan menegaskan komitmen parti mempertahankan hak Melayu.

Krisis Kepimpinan Di Dalam MCA

SEKALI lagi BN mengalami guncangan apabila timbul krisis demi krisis di dalam MCA. Pemangku Presiden, Datuk Dr. Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan masing-masing mahu menjadi pemimpinnya sejak perlletakan jawatan Datuk Lee San Choon sebagai Presidennya dalam tahun 1983. Beberapa tindakan mahkamah dengan aneka tuduhan dilakukan silih berganti. Di antara saman itu ialah kerana senarai ahli MCA dilengkapi dengan nama ahli-ahli yang tidak wujud (ghost members) untuk meningkatkan jumlah perwakilan yang mengundi.

Dalam bulan Januari, Ghafar Baba berjaya mencari penyeliasan menerusi rundingan apabila pemimpin kedua-dua kem menghentikan tindakan guaman, dan mengambil semula ahli yang dipecat atau digantung lalu mengadakan pemilihan parti untuk menentukan kepimpinan MCA. Sayangnya persetujuan itu tidak berkesan dan tindakan-tindakan guaman bermula lagi mengakibat-

kan banyak mcsyuarat dan pemilihan parti dihalangi oleh perintah Mahkamah Tinggi.

Ekorannya, Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan meletakkan jawatan kerana gagal mengamankan dua puak yang bertentangan itu.

Pada 10 Mei di dalam penyelesaian luar mahkamah kedua-dua puak bersetuju membenarkan pemilihan parti diteruskan apabila satu penyiasatan adil dipengerusikan oleh Ghafar Baba selesai meneliti daftar ahli. Namun ini juga gagal dan diburukkan lagi oleh kumpulan-kumpulan bebas yang menggesa dipulihkan perpaduan masyarakat Cina. Menjelang Ogos pula daripada hanya dua kumpulan yang berebut kuasa, timbul kumpulan ketiga yang diketuai oleh Mak Hon Kam yang mendakwa menjadi Pemangku Presiden yang sah. Beliau mendapat sokongan kumpulan Tan Koon Swan.

Kelemahan yang berterusan di dalam kepimpinan MCA ini menyebabkan ada pihak di dalam UMNO merasa tidak senang dengan keadaan tersebut. Datuk Musa Hitam menyarankan agar MCA menyelesaikan urusan mereka di luar BN. Majlis Tertinggi BN juga menyarankan agar Neo dan Mak menyelesaikan segera masalah kepimpinan itu atau keluar daripada BN. Tekanan ditingkatkan apabila Perdana Menteri memutus untuk menggugurkan Datuk Neo daripada kabinet, sementara menunggu diselesaikan isu kepimpinan itu. Sementara Ghafar Baba pula terus berusaha menyelesaikan isu ahli-ahli palsu.

Krisis itu berakhir setelah Tan Koon Swan mengalahkan Datuk Dr. Neo Yee Pan di dalam pemilihan parti dengan memperolehi 2,715 undi berbanding dengan 809 undi diperolehi oleh lawannya. Bagaimanapun Datuk Mak Hon Kam dan rakannya Datuk Tan Tiong Hong memulaukan pengundian itu. Pemilihan Tan Koon Swan, seorang jutawan pula mendedahkan MCA kepada serangan terbuka oleh lawan-lawan politiknya yang menuduh MCA sebagai parti tauke-tauke.

Krisis MCA memburukkan lagi kedudukan politik khususnya bagi masyarakat Cina di Malaysia dan peranan utama UMNO mengendalikan hal ehwal dalaman BN. Pengguguran Pemangku Presiden MCA daripada kabinet dan cadangan supaya MCA keluar BN sekiranya tidak dapat menyelesaikan krisis mereka memba-

yangkan betapa rapuhnya kedudukan MCA, serta keazaman BN menggantikannya dengan parti yang lebih cekap melaksanakan tugas mewakili masyarakat itu. Ini juga membayangkan kesibukan MCA dengan politik personaliti, daripada memikirkan masalah-masalah yang mendesak berhubung dengan masyarakat Cina.

Pergeseran Dalam Gerakan

DALAM usaha memperkuuh kedudukan politik masyarakat Cina, pada bulan April Gerakan bersetuju menubuhkan sebuah majlis bersama dengan MCA bertujuan mencari pendekatan bersama terhadap isu-isu negara dan memupukkan kerjasama di antara dua buah parti itu. Malah ada ura-ura untuk mencantumkan dua parti tersebut yang asalnya satu, demi memperkuat perwakilan masyarakat Cina di dalam BN sebelum menjelang pilihanraya umum akan datang. Sayangnya ini menyebabkan ahli-ahli bukan Cina di dalam Gerakan berasa tersisih dan status Gerakan sebagai parti pelbagai kaum dipersoalkan.

Gerakan juga menghadapi pergeseran dalaman dan beberapa orang pemimpin kanannya menyertai MCA pula. Tindakan berpindah kesetiaan ini menjelaskan usaha mencantumkan kedua-dua parti itu. Hubungan baik dengan MCA terus terjejas oleh cedera Dr Lim Keng Yaik, Presiden Gerakan supaya Gerakan diambil untuk menggantikan MCA sekiranya MCA meninggalkan BN kerana krisis kepimpinannya. Ahli-ahli MCA digesa supaya menyertai Gerakan.

MIC Turut Bergolak

PRESIDEN Kongres India Malaysia (MIC), Datuk Samy Vellu mendedahkan wujudnya ketegangan di dalam BN. Beliau juga dengan lantang mendakwa orang bukan Melayu tidak diberi peluang pekerjaan yang adil di dalam perkhidmatan awam yang dikuasai oleh orang Melayu. Akibatnya seorang ahli EXCO Pemuda UMNO menyeru supaya beliau meletakkan jawatan dari kabinet.

MIC seterusnya bertindak lebih agresif di dalam mengemukakan masalah masyarakat India Malaysia untuk perhatian Kerajaan. Datuk Samy Vellu memberi amaran bahawa MIC akan hilang

ngaruh sekiranya mereka tidak memperjuangkan nasib kaum India. Ketua Pemuda MIC, Senator D.P.Vijendran pula menegaskan terdapat jurang yang luas di antara kaum India dengan lain-lain kaum di negara ini serta meragui kesan DEB ke atas masalah kemiskinan masyarakat India.

MIC juga berusaha memperkuatkan kedudukannya di dalam BN dengan melancarkan gerakan membuka 150 buah cawangan baru. MIC juga mengambil langkah menyusun semula penciptaan masyarakat India dalam usaha menseimbangkan kuasa di sekurang-kurangnya 30 kawasan pilihanraya. Parti itu dikatakan membeli tanah di beberapa kawasan terpilih untuk menempatkan semula masyarakat India. Badan pelaburan MIC, Maika Holdings pula akan memperhebatkan kegiatan-kegiatan pelaburannya.

Langkah-langkah agresif MIC serta kegiatan perniagaannya yang kian meluas mendapat perhatian pihak-pihak di dalam UMNO. Ketua Pemuda UMNO, Anwar Ibrahim bersetuju untuk berunding dengan Datuk Samy Vellu tentang tuduhan masyarakat India dianaktirikan di dalam perkhidmatan awam. Beliau juga menegaskan bahawa orang Melayu juga menderita kemiskinan dan kekurangan peluang pendidikan.

Datuk Samy juga dikritik hebat oleh UMNO apabila berunding dengan Perdana Menteri India, Rajiv Ghandi berkenaan langkah Maika Holdings mahu membeli saham Kerajaan India di dalam United Asian Bank yang beribu pejabat di Malaysia. Sebagaimana di dalam tahun-tahun sebelumnya MIC juga mengalami pergeseran dalaman dan beberapa orang ahli yang dipecat menyatakan rasa tidak puas hati dengan menubuhkan sebuah parti lawan untuk masyarakat India, Parti Demokratik India Malaysia.

Tindak Balas Kerajaan

KERAJAAN terus menumpukan perhatian yang serius terhadap cabaran PAS. PAS digambarkan sebagai sebuah parti pelampau, bencikan kemajuan material, bertekad memecahbelahkan orang Melayu, serta menentang konsep berkongsi kuasa yang diamalkan oleh BN. Dalam bulan November 1984 Kerajaan mengeluarkan Kertas Putih dalam mana PAS beserta golongan pelampau yang lain serta Parti Komunis Malaya dikaitkan dengan kegiatan-kegiatan

tan subersif.

Jelas sekali para pemimpin kerajaan masih bimbangkan PAS sebagai pembangkang Melayu utama di dalam iklim politik yang sebat dengan tarikan-tarikan Islamisasi dan kekecewaan dengan keadaan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan masyarakat Melayu.

Permusuhan politik UMNO-PAS dicatutkan oleh keganasan pada awal tahun 1985. Seorang ahli PAS terbunuh dan beberapa orang lagi cedera di dalam satu perkelahian dengan para penyokong UMNO di Lubuk Merbau semasa diadakan pilihanraya kecil (dimenangi oleh UMNO) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Padang Terap di Kedah. Pada 16 Mac pula Penasihat Undang-Undang PAS, Haji Suhaimi Said ditahan tanpa perbicaraan di bawah ISA kerana dituduh menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam. Kerajaan juga menggunakan ISA untuk menyekat edaran rakaman video dan risalah berhubung dengan pertempuran UMNO-PAS itu.

Dalam tahun 1985 ini juga PAS mengubah strateginya dengan mengadakan satu siri dialog dengan masyarakat Cina Malaysia untuk menjelaskan perjuangan parti itu dan memberi jaminan bahawa hak dan kepentingan masyarakat Cina akan dilindungi di bawah rejim Islam. Untuk menguatkan kenyataan itu scorang saudara baru keturunan Cina dilantik ke Jawatankuasa Pusat PAS dan scorang keturunan Cina dilantik mengetuai cawangan parti itu di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Di dalam Muktamar 1985 pula, Presiden PAS (ketika itu) Haji Yusuf Rawa melancarkan serangan ke atas fahaman etno-sentrik dan perkauman dan memberi jaminan kepada bukan Islam bahawa Islam sejati tidak mengenal batas perkauman.

UMNO pula menggunakan pendirian anti perkauman yang baru diamalkan oleh PAS dengan menuduhnya mengkhianati Melayu. Modal utama ialah ucapan yang dibuat oleh Naib Presiden PAS, Ustaz Haji Hadi Awang di dalam satu persidangan dengan masyarakat Cina bahawa PAS bertekad menghapuskan hak istimewa orang Melayu. PAS menafikan kenyataan tersebut tetapi mengaku yang Naib Presidennya menegaskan masalah hak Melayu tidak timbul di bawah undang-undang Islam kerana hak Islam dan bukan Islam terjamin di bawah keadilan Islam.

UMNO menggunakan peluang daripada perubahan pendirian PAS untuk membidas parti tersebut. Peguam Negara diminta menyiasat sama ada tekad mahu menghapuskan hak Melayu itu sebagai hasutan atau tidak, sementara Pemuda UMNO Kelantan menyeru supaya Ustaz Haji Hadi Awang ditahan di bawah ISA. PAS pula terus menyalahkan kerajaan kerana gagal melaksanakan prinsip Islam dengan tepat di dalam pentadbiran, serta membidas tindakan rasmi menggalakkan semangat kebangsaan, dengan mengatakan itu merupakan satu konsep sekular Barat yang bertentangan dengan sifat universal Islam. Demi menghadapi cabaran dari pada PAS kepimpinan negara terus menggunakan strategi biasa menyekat peluang penyertaan di dalam politik.

Di samping itu UMNO terus giat memupukkan dirinya sebagai parti politik utama umat Islam Malaysia dan akan melaksanakan dasar Islamisasi peringkat demikian peringkat. Sekalipun PAS digambar secara rasmi sebagai pertubuhan separuh subversif, Perdana Menteri sekali lagi mengajak PAS bekerjasama untuk kepentingan perdamaian umat Islam, iaitu satu cadangan yang ditolak oleh Presiden PAS.

GOONI



SAGA KERETA MALAYSIA

"Jangan menghebohkan kepada dunia yang anda boleh melakukannya—buktikan! Hasrat lebih besar daripada hakikat, kerana ia mengajak kita terus menerus mendaki ke arah puncak yang tidak mungkin dicapai."

LAHIRNYA Proton Saga bukan setakat lahirnya sebuah kereta tetapi merupakan juga lahirnya jcentera untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan terhadap perindustrian.

Impian untuk mewujudkannya jelas sekali bermula dalam tahun 1979, apabila Menteri Perdagangan dan Perindustrian ketika itu, Dr. Mahathir Mohamad tertarik dengan cadangan untuk mengeluarkan kereta sedemikian sebagai kereta kebangsaan. Beliau yakin negara perlu mempelbagaikan asas ekonomi daripada bergantung kepada komoditi tradisi. Apakah jalannya untuk mewujudkan cukup landasan yang bagi membawa negara ke dunia perindustrian? Rumusannya; bina kereta sendiri, bukan jenis yang dipasang di negeri ini sejak 1967, tetapi kereta yang bolch diakui sebagai kereta Malaysia.

Beberapa negara telah menunjukkan dengan jelas kesan penggandaan daripada pengeluaran kenderaan, sebagaimana halnya dengan kejayaan Toyota di Jepun dan General Motors di Amerika. Kerajaan melalui projek Protonnya mahu melaksanakan apa yang gagal dilaksanakan oleh sektor swasta terhadap industri kenderaan. Kerajaan berharap dapat menguasai sebahagian besar pasaran serta membentuk jumlah perniagaan yang akan menyuburkan

rangsangan teknologi.

Projek Proton yang diharapkan akan menggerakkan negara menjadi pengeluar industri berat, bukan sahaja harus menguntungkan tetapi menjadi inti yang penting kepada pembangunan negara. Ia bukanlah sebarang kenderaan tetapi satu kenderaan yang mengasak kesedaran ke arah perindustrian.

Itu kesedaran dan perancangannya, yang agak senang tetapi yang sulitnya ialah pelaksanaannya. Pengeluar yang bersedia untuk berkongsi pengetahuan dengan ganjaran yang wajar payah dicari. Kebanyakan pengeluar di Timur dan Barat tidak yakin dengan projek itu. Dalam bulan Oktober 1981 Perdana Menteri bertemu dengan Mimura, Presiden Mitsubishi Corporation dan membincangkan perkara itu. Februari 1982 berikutnya Dr Kubo, Pengurus Mitsubishi Motor Corp datang menemui PM untuk mencapai persetujuan tentang jenis kereta yang hendak dikeluarkan.

Bagaimanapun pada peringkat awalnya Jepun pula kurang faham dengan projek itu dan memikirkan kerajaan hanya mahu mengeluarkan kereta mengikut syarat-syarat yang sedia ada dalam pemasangan tempatan. Ini diperbetulkan oleh Perdana Menteri. Pengusaha Jepun itu memberi amaran bahawa belanjanya melangit kerana ia memakan masa antara tiga hingga empat tahun dan memerlukan sekitar US\$500 hingga US\$700 juta untuk mengeluarkan kereta yang paling sederhana. Menjelang pertengahan tahun 1985 kilang pemasangan tempatan bermula dengan sekutu 12.5 juta ringgit sudah dibelanjakan sekadar untuk menghasilkan versi akhir model yang hendak dikeluarkan. Itupun kereta Proton menggunakan jalan rentas—menggunakan komponen yang ada dengan melakukan penyesuaian pada bentuk badan kereta sahaja.

Pada 2 Februari 1982 projek pengeluaran kereta kebangsaan dilancarkan dengan perlantikan Tan Sri Jamil Jan sebagai Pengurusan Hicom. Penyelidikan pasaran dan pelbagai kajian lain dibuat tentang jenis kereta yang banyak digunakan, kapasiti dan bentuk fizikal umumnya. Pelbagai laporan disusun sehingga apabila draft akhir siap pada 22 Oktober 1982 maka lahirlah satu laporan setebal kira tiga inci, penuh dengan angka-angka dan bahasa teknikal yang khusus. Ini terpaksa diringkas dengan tepat untuk diluluskan oleh kabinet. Pada bulan Disember kabinet meluluskannya. Bagaimanapun sedang kabinet masih membahasinya, model tanah liat per-

rama dibawa masuk ke negara secara sulit.

Setelah dilihat model dan diterima, butirannya ditandatangani menandakan hasrat untuk meneruskan projek itu dan rundingan peringkat kedua bermula. Di dalam rundingan itu syarikat perunding British diambil untuk mengawasi rundingan tersebut. Jelas sekali orang Jepun yang dibawa berunding itu bijak dan penuh dengan pengetahuan serta pengalaman dan cekap dalam tawar menawar.

Setelah butiran teknikal dan dokumen guaman disusun, diambil pula pakar-pakar undang-undang untuk mengkaji segala aspek rang perjanjian itu. Pada 7 Mei 1983, Proton sebagai sebuah syarikat telah diperbadankan dan beberapa naskhah kontrak berkenaan pengeluaran kereta kebangsaan ditandatangani pada 22 Mei. Kerja pun bermula di atas tapak 52 hektar di Shah Alam yang dulunya bekas ladang kelapa sawit dan hutan. Loji pengeluaran siap dalam tempoh 19 bulan sekalipun terpaksa memenuhi spesifikasi teknik yang rumit dan kemudahan-kemudahan tambahannya.

Dalam tahun 1982 pula, Dato' Eric Chia, Ketua Eksekutif United Motor Works diminta mengelolakan sebuah syarikat untuk menjual kereta kebangsaan, kerana Perdana Menteri mahukan kerja pengeluaran dipisahkan daripada bahagian pemasaran dan perkhidmatan serta bebas daripada satu sama lain. Dato' Chia menghadapi kerumitan kerana kumpulan syarikatnya masih memegang franchise Toyota. Bagaimanapun setelah beberapa pertimbangan dibuat dan memberi beberapa penjelasan kepada pihak Toyota, Dato' Chia mengerakkan bahagian pemasaran Proton.

Tarikh cadangan pelancaran Proton ialah Januari 1986. Bayangkan betapa mencabar usaha untuk mengeluarkan kereta itu. Setelah lima bulan prototaip akhir kereta itu siap diberi nama Perkasa. Lepas itu disiapkan prototaip pengeluaran pula. Kesemuanya 36 prototaip kereta itu dibuat sehingga semua pihak berpuas hati. Dalam bulan April 1984 sebenarnya dua buah kereta awal Proton Saga yang disamarkan (diubahsuai) telah bergerak dua bulan di sekitar Semenanjung, tanpa pengetahuan umum.

Beberapa peringkat kerja dijalankan selepas itu. Menjelang Mac 1985 kilang di Shah Alam lengkap dipasang dan pada 1 April 1985 kereta Proton Saga yang pertama lahir dan kini berada di Muzium Negara. Akhirnya pada 1 September Proton Saga dilan-

carkan dengan belanja pelancaran 600,000 ringgit.

Kini pengeluarannya 105 buah kereta sehari, iaitu hanya 25 peratus keupayaan sebenarnya, yang bolch mengeluarkan 21,3 buah kereta sejam, dan seluruh keupayaannya ialah memasang 120,000 kereta setahun. Jualannya laris kerana kadar harganya yang tidak dapat diatasi oleh kereta lain.

Walau bagaimanapun syarikat yang baru lahir itu bukanlah diterima terus oleh masyarakat. Banyak berita angin yang membukuk-burukkan kereta itu tersebar, tambahan pula ada kecenderungan rakyat Malaysia kurang mempercayai barang keluaran sendiri. Untuk menghapuskan berita angin itu, Edaran Otomobil Nasional (EON) mengadakan sagathon menjelajah ke seluruh negara dan mengharungi segala jenis jalan raya. Berita angin itu berhembus lalu.

Jambatan Impian Menjadi Nyata

DARI peringkat impian sehingga menjadi satu kenyataan, Jambatan Pulau Pinang sentiasa mendapat publisiti. Jambatan berharga 850 juta ringgit dan meragut 20 nyawa itu diharap akan memberi pulangan ekonomi yang besar. Semasa memandu-uji menyeberang menggunakan jambatan itu dengan Proton Saga pada 3 Ogos 1985 Perdana Menteri menyebut sebagai jambatan peluang. Yang lain menyebutnya tali tembuni merentang laut.

Impian pembinaan jambatan raksasa itu timbul kira-kira 40 tahun dahulu apabila lalulintas Pulau Pinang bersesak di pangkalan feri. Dalam tahun-tahun 50-an dan 60-an ia berubah daripada impian menjadi janji politik. Kerja pembinaan sebenar bermula pada 12 April 1982 apabila Dr. Mahathir membenamkan cerucu pertama. Ia siap dibina pada bulan Februari 1985 oleh pasukan pekerja 2,300 orang, satu pertiga daripadanya rakyat Korea.

Selain memudahkan aliran lalulintas dengan empat lorongnya di antara dua kawasan perindustrian di selatan George Town dan Prai, jambatan itu ‘menjulang’ peluang-peluang ekonomi. Hasil langsung daripada jambatan itu ialah pendapatan 100 juta ringgit dikutip setiap tahun daripada tol kenderaan—iaitu sah dengan kadar tambang feri.

Kesannya pula ialah keuntungan daripada tol itu merupakan

harga kemerosotan dan matinya perkhidmatan feri yang telah wujud sejak tahun 1824. Di samping itu harga dan sewa rumah di kawasan pusat Perindustrian Seberang Prai telah naik walaupun pasaran harta dikatakan merosot.

Apabila kelak jambatan itu menghubungi dengan dua lebuh-rayu utama negara iaitu timur-barat dan utara-selatan pasti ia membantu hasrat kerajaan persekutuan dan negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat pentadbiran kawasan utara.



Datuk Seri Sany Vellu, Presiditer MIC yang suka singkir menyingkir.

PERISTIWA MEMALI

DALAM bulan November 1985, berlakulah peristiwa paling ganas di negara ini sejak rusuhan Mei 1969, apabila para penduduk kampung dan polis bertempur di Kampung Memali di Baling, Kedah. Menurut laporan rasmi, beberapa unit daripada Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dan Pasukan Polis Hutan, dengan dua buah kereta perisai masuk ke kampung tersebut untuk menangkap Ibrahim Mahmud, seorang guru agama tempatan, serta 36 orang yang lain atas pelbagai kesalahan.

Ibrahim Mahmud lulusan Universiti Al-Azhar, Mesir pernah juga menuntut di Tripoli dan kemudiannya bekerja di Pusat Islam di Kuala Lumpur sebelum kembali ke kampungnya di Baling untuk menjadi guru agama yang ramai pengikut. Oleh kerana pernah belajar di Libya menyebabkan Ibrahim mendapat jolokan Ibrahim Libya.

Apabila para penduduk kampung menyedari ketibaan pasukan polis itu, semua penduduk dari pelbagai peringkat, lelaki dan wanita bersenjatakan parang, pedang, buluh dan apa sahaja menyekat kemaraan polis. Di dalam pertempuran itu seramai 18 orang terkorban dan beberapa orang anggota polis dan penduduk kampung cedera. Di antara yang meninggal dunia ialah empat orang anggota polis serta juga Ibrahim Mahmud. Polis menahan 159 orang penduduk kampung termasuk wanita dan kanak-kanak. Satu perintah berkurung dikuatkuasakan di seluruh Baling dan lewat hari itu Menteri Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam berucap di Parlimen menerangkan butir-butir kejadian tersebut.

Oleh kerana Ibrahim Mahmud seorang yang aktif serta bekas calon pilihanraya PAS, kejadian itu berbau politik. UMNO menuntut PAS menyatakan pendiriannya terhadap peristiwa itu. Tim-

balan Presiden PAS (ketika itu) Fadzil Noor berkata partinya terkejut oleh peristiwa itu dan kesal atas kejadian tersebut. Bagaimanapun menurut PAS guru agama yang terkorban itu dan para pengikut PAS telah bertindak sebagai individu. Dalam pada itu PAS menuntut untuk mengetahui butir-butir lanjut serbuan ke atas Memali dan mendesak supaya mereka yang ditahan hendaklah dibebaskan atau dihadapkan ke mahkamah. PAS berjanji akan memberi bantuan guaman kepada mereka yang ditahan.

Ekoran peristiwa itu Kerajaan mengharamkan buat sementara semua ceramah politik dan agama di Kedah, Perlis, Trengganu, Kelantan dan Pulau Pinang. Di samping itu semua penerbitan dan dokumen yang tidak disahkan oleh pihak berkuasa berkenaan peristiwa Memali tidak dibenarkan pengedarannya.

Kerajaan bimbang berita angin akan tersebar menokok tambahan peristiwa keganasan itu, serta mempersoalkan kesahihan laporan rasmi berkenaan. Kerajaan dengan segera berjanji akan mengeluarkan kertas putih sementara rakaman video peristiwa itu yang dibuat oleh polis ditayangkan di televisyen.

Peristiwa Memali itu menyulitkan kerajaan kerana hampir semua penduduk kampung tersebut tidak menghirau amaran polis sebaliknya menyerang pula pasukan polis. Kejadian itu secara tidak langsung mendedahkan kegagalan pihak berkuasa agama dan penisikan polis mengawal kegiatan Ibrahim Mahmud dan para pengikutnya, yang telah bergerak sejak beberapa bulan sebelum tragedi ngeri itu. Oleh kerana kurangnya keterangan lengkap dan sejauh mana keganasan itu berpunca daripada pasukan keselamatan kerana ada yang menyerbu perkarangan Ibrahim Mahmud, gambaran pasukan keselamatan yang kebanyakannya Melayu menyerang orang-orang kampung yang terdiri daripada kanak-kanak dan wanita Melayu juga, boleh merosakkan imej kerajaan.

Di samping itu pula kes Memali sebenarnya bukan kes yang pertama kali. Kawasan Baling merupakan kawasan kemiskinan Rusuhan sudah berlaku sejak tahun 1974. Dalam tahun 1980 juga beribu-ribu petani mengadakan tunjuk perasaan haram di Alor Setar kerana merosotnya pendapatan para peladang. Di dalam kedua-dua kes itu kegiatan keislaman terlibat menggalakkan bantahan atas keresahan ekonomi itu. Kerajaan menolak kemungkinan kemiskinan menjadi punca keganasan di Memali, sebaliknya mengatakan

kejadian itu disebabkan fahaman fanatik.

Keganasan di Memali sudah tentu memperkuatkan hujah kerajaan bagi mendapat sokongan untuk kawalan yang lebih ketat ke atas hal ehwal Islam—terutama badan-badan dakwah. Ini juga mewajarkan tindakan keras ke atas beberapa orang pemimpin PAS sejak beberapa bulan sebelum kejadian itu. Penglibatan orang PAS di dalam keganasan di Memali memperkuatkan usaha kerajaan mengecap PAS sebagai parti pelampau yang berbahaya di samping mematah kempen lawannya untuk mendapat sokongan bukan Islam.

Di pihak lain pula, ancaman pengganas komunis ke atas keselamatan Malaysia sudah reda. Bagaimanapun wujud pula satu ancaman baru iaitu daripada kegiatan lanun-lanun. Dalam bulan September 1985 umpamanya, Lahad Datu di Sabah diserang oleh 27 orang lanun yang lengkap bersenjata. Seramai sepuluh orang awam mati. Lanun-lanun itu melarikan diri setelah merompak dan menyerang beberapa tempat penting termasuk sebuah bank dan pejabat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Lanun-lanun itu kemudian dikesan dan diserang di sebuah pulau oleh pasukan keselamatan dimana lima orang daripada lanun tersebut dapat dibunuh. Menteri Dalam Negeri (ketika itu), Datuk Musa Hitam mengakui pantai Sabah sulit untuk diawasi dan mengarah unit Pasukan Petugas VII memperhebat gerakan membanteras ancaman lanun.

Ancaman komunis sudah dapat dikawal. Kini kegiatan-kegiatan komunis ditumpukan kepada propaganda dan sekali sekala tindakan mensabotaj dan memasang perangkap samar di sepanjang sempadan Malaysia-Thai. Anchnya menurut laporan Kertas Putih yang dikeluarkan lewat tahun 1984 menunjukkan komunis semakin hebat memperjuangkan kepentingan Islam demi memenangi hati orang Melayu.

Tanda-tanda keyakinan orang ramai terhadap kawalan keselamatan negara ialah tawaran baru Perdana Menteri menerusi temu ramah dengan BBC bahawa kerajaan akan melepaskan tahanan-tahanan ISA ke mana-mana negara yang mahu menerima mereka. Sementara itu Panglima Angkatan Tentera ketika itu, Jeneral Tan Sri Mohamad Ghazali Mohamad Seth berkata usaha sedang dibuat untuk mewujudkan sistem pertahanan negara yang lebih lengkap

dan pasukan keselamatan diperlengkapkan dengan alat-alat moden kerana peranan pasukan tentera sudah berkembang dan bukan sekadar satu pasukan anti gerila sahaja.

Perkembangan Islam dalam tahun 1985

KERAJAAN terus berusaha mengawal perkembangan Islam di Malaysia. Bahaya ajaran sesat memerlukan perpaduan umat Islam di samping perlunya langkah guaman dan pentadbiran untuk mengawal hal ehwal Islam. Ini merupakan tindakan simbolik dan jelas untuk menunjukkan keterlibatan kerajaan memupukkan Islam.

Kegiatan ajaran sesat sedikit sebanyak terlantun ke atas PAS. Di Johor seorang guru agama dikatakan menguji keyakinan para pengikutnya dengan mengarah mereka meminum racun rumpai. Keghairahan para pemimpin negara terhadap pemupukan perpaduan umat Islam tergambar di dalam tema Musabaqah Bacaan Al-Quran 1985—Perpaduan Asas Kecutuhan Umah. Perdana Menteri pula menyeru supaya umat Islam bersatu padu serta terus bersemasngat dan tidak terjerat oleh musuh-musuh Islam. Pengawasan ke atas kegiatan keagamaan dipertingkatkan. Salah satu langkah tersebut ialah kerajaan negeri mengarahkan setiap jemaah yang datang ke masjid dicatat nama mereka untuk mengesan golongan yang memulaukan imam. Perdana Menteri juga mengumumkan usaha untuk menggubal undang-undang bagi menghadapi umat Islam yang mengkafirkan satu sama lain.

Sepanjang tahun itu juga kerajaan mengumumkan berbagai bagai dayausaha dalam bidang pembangunan ekonomi dan pendidikan Islam serta mengadakan seminar untuk membincangkan pelaksanaan dasar-dasar Islamisasi. Pembukaan Pusat Islam dan siapnya salah sebuah bangunan menarik di Kuala Lumpur, iaitu bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji setinggi 38 tingkat berharga M\$109 juta menambah bukti keazaman kerajaan dalam dasar Islamisasi. Perdana Menteri juga telah melancarkan Syarikat Takaful Malaysia, iaitu syarikat insuran pertama di negara ini yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam di dalam segala urusannya.

Kepercayaan Islam ortodoks menjadi isu pertikaian di antara Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Haji Abdul Rahman Yaakub

dan Ketua Menterinya, Datuk Patinggi Taib Mahmud (yang juga anak saudaranya sendiri). Beberapa orang Menteri Persekutuan bagaimanapun menyatakan sokongan kepada pentadbiran Datuk Patinggi Taib. Akhirnya Yang Dipertua Negeri bersara, tetapi mendakwa penentangan ke atas anak saudaranya adalah atas motif keagamaan bukan politik. Taib pula mengatakan tindakan itu merupakan muslihat politik untuk mengasingkan beliau daripada orang-orang Melayu bagi menjatuhkannya.

Bagaimanapun, pentadbiran Dr. Mahathir yang mahu meningkatkan usaha penerapan niali-nilai Islam di negara ini menimbulkan rasa kurang senang di kalangan orang bukan Islam. Namun usaha-usaha tersebut terus juga dipergiatkan. Di samping Dr. Mahathir, Anwar Ibrahim adalah tunggak dalam usaha tersebut.



Potret seorang negarawan yang berhemah tinggi.

MAHATHIR

KEMELESETAN: SATU CABARAN

PERGOLAKAN di Sabah, krisis MCA, Peristiwa Memali, semuanya berlaku dalam setahun. Dalam pada itu tahun 1985 juga tahun ketika mana kemelesetan ekonomi memberi kesan hebat ke atas fikiran dan belanjawan rakyat. Kemelesetan ekonomi mencengkam ekonomi dunia. Yang paling teruk ialah sektor komoditi utama serta industri elektronik dan tekstil. Ribuan pekerja Malaysia yang dulunya bekerja di kilang-kilang dan limbung-limbungan kapal Singapura kini kehilangan pendapatan. Kemerorotan industri komputer serta tindakan perlindungan yang kian meluas yang diamalkan oleh negara maju mengurangkan permintaan antarabangsa.

Ribuan pekerja ladang juga turut terjejas sekalipun perihal mereka kurang diperkatakan. Para pemilik estet bertindak mengurangkan pengeluaran apabila harga komoditi mereka turun dan akibatnya gaji buruh ladang dikurangkan. Di samping itu mereka terpaksa pula bersaing dengan para pekerja pendatang haram dari Indonesia yang sanggup bekerja di ladang-ladang terpencil walau pun dengan gaji amat rendah.

Di bandar-bandar pula berlaku protes paling lantang daripada para pegawai awam dan kesatuan-kesatuan sekerja mereka. Sejak bulan November 1984 CUEPACS mengemukakan senarai cadasan kenaikan gaji dengan alasan bahawa kenaikan dalam tahun 1980 tidak seimbang dengan kenaikan sara hidup. Bagaimanapun kerajaan tidak dapat memenuhi tuntutan kenaikan gaji itu kerana kerajaan kekurangan wang. Kenaikan gaji sederhana kemudian di-

tawarkan dalam bulan Jun 1985. CUEPACS yang tidak berpuas hati dengan cadangan tersebut meneruskan rancangan protes dan mengancam untuk mogok mulai 15 Januari 1986. Sehari sebelum mogok dilancarkan Perdana Menteri akhirnya bersetuju berunding dengan para pemimpin kesatuan sekerja dan mogok dibatalkan.

Ekonomi Malaysia terjejas teruk oleh kemelesetan ekonomi seluruh dunia. Harga bahan-bahan utama terlalu lemah, harga timah menjunam sedang harga getah pula berada pada paras terendah dalam tempoh sembilan tahun.

Sektor bank dan kewangan pula 'menyumbangkan' masalah. Jawatankuasa Penyiasatan terhadap skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF) melaporkan berlakunya rasuah yang melibatkan tiga orang anggota lembaga bank itu serta tiga orang bekas pegawai bank berkenaan. Dari tahun 1981 hingga 1983 BBMB mengalami kerugian lebih M\$2.2 ribu juta (US\$960 juta) kerana hutang lapuk. Akibatnya dalam tahun 1984 Bank Bumiputera terpaksa diambil alih oleh syarikat minyak kerajaan Petronas. Dalam tahun 1985 berita angin terus berhembus tentang adanya orang-orang politik terlibat dalam skandal BMF itu, sehingga Peguam Negara terpaksa mengesahkan hanya ahli-ahli perniagaan yang terlibat. Namun hakikat yang menghantui kepimpinan UMNO ialah sebuah bank ditubuhkan untuk memajukan kepentingan perniagaan Bumiputera kerugian berjuta-juta ringgit kerana memberi pinjaman kepada orang Cina yang menjalankan kegiatan spekulasi.

Tun Hussein Onn pula mendakwa bahawa operasi Bank Bumiputra di Malaysia juga diselubungi rasuah dan sebilangan pegawai bank menerima rasuah untuk membenarkan pinjaman secara cagaran yang secukupnya, sehingga masalah pinjaman di dalam negeri sama hebat dengan masalah di Hong Kong.

Bank-bank lain juga bermasalah. Bank Buruh kerugian M\$5 juta, sementara Public Bank dikaitkan dengan keruntuhan Overseas Trust Bank di Hong Kong.

Pada awal Disember 1985 pula Pan-Electrik Industries Limited yang berpusat di Singapura telah jatuh bankrap kerana hutang sebanyak US\$157 juta, menyebabkan penutupan sementara bursa saham di Kuala Lumpur dan di Singapura. Dengan itu dedah juga penyelewengan yang melibatkan Tan Koon Swan (Pengerusi MCA yang baru dipilih). Tan Koon Swan kemudiannya

dapat sabit kesalahan dan dipenjarakan di Singapura.

Industri perumahan pula terjejas oleh syarat-syarat yang ketat bagi mendapatkan kredit bank. Langkah itu menyulitkan para pembeli rumah. Sekatan di dalam perbelanjaan kerajaan turut menyusahkan industri itu. Malah kerajaan mengakui amat rumit untuk menampung 50 peratus sasaran pembinaan rumah murah di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Agensi-agensi kerajaan yang membantu perusahaan Bumiputra pula mengalami kesulitan untuk mendapatkan bayaran balik hutang lama. MARA melaporkan menjelang bulan Mei 1985 ia berjaya mengutip hanya M\$11.05 juta daripada hutang sebanyak M\$81.9 juta. Pendapatan para peneroka FELDA pula jatuh dari pada M\$1,245 sebulan dalam tahun 1984 tinggal M\$875 kerana jatuhnya harga kelapa sawit dan getah.

Cengkaman ekonomi yang semakin serius itu turut mengancam kestabilan politik dan kesannya ke atas kerajaan kerana semakin timbul kegelisahan di kalangan rakyat pelbagai peringkat dan kaum. Malah Ketua Pemuda UMNO ketika itu, Anwar Ibrahim memberi amaran bahawa

“...rakyat kecewa dan marah kerana banyak wang diberikan ke atas projek-projek mewah sedangkan peruntukan bagi projek kecil yang berfaedah tidak dapat dipenuhi.”

Demi menenangkan kerasaan rakyat, kerajaan-kerajaan negeri digesa agar menangguhkan beberapa projek mewah serta mengurangkan perayaan mewah.

Kerajaan juga tetap terus berusaha untuk mencapai matlamat DEB walaupun ada tanda-tanda yang matlamat itu tidak akan dicapai menjelang 1990. Lalu kerajaan siang-siang lagi mengumumkan setelah 1990 DEB akan digantikan oleh sebuah Dasar Ekonomi Kebangsaan yang juga berasaskan falsafah membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Sepanjang 1985 usaha tegas dilaksanakan untuk mengutangani perbelanjaan awam. Projek-projek mewah disekat dan kerajaan-kerajaan negeri diminta membayar pinjaman pembangunan tepat pada waktunya. Perkembangan perkhidmatan awam disekat dan jentera itu dikerah agar lebih produktif. Tindakan per-

tama dalam tahun 1985 ialah mengeluarkan semula arahan supaya semua pegawai awam datang bekerja jam 8.00 pagi. Menjelang bulan April pula ditubuhkan sebuah jawatankuasa pentadbir mengenai langkah untuk mengurangkan jumlah pegawai awam. Semua jawatan kosong juga dibekukan. Demi melengkap tindakannya kerajaan menggunakan pendirian tegas di dalam rundingan gaji dengan para pegawai awam.

Pada akhir April, Menteri Kewangan membayangkan bahawa kemajuan telah mula dicapai di dalam melaksanakan strategi jimat cermat kerajaan. Hasilnya belanjawan berjaya diperkecilkan dari pada 19.2 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 1982 menjadi 10.3 peratus sahaja bagi tahun 1985.

Pertumbuhan sektor swasta pula digalakkan. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sering bertemu dengan para peniaga untuk berbincang memulihkan ekonomi. Kerajaan turut membidas kurang keyakinan pihak swasta sehingga menggunakan bursa saham sahaja untuk spekulasi. Mereka diberitahu bahawa ekonomi dijangka akan bertambah baik dan mereka digesa mempelbagaikan bidang pengeluaran. Sesuai dengan galakan kepada bidang pengeluaran, kerajaan melancarkan kempen 'Belilah Barang Malaysia' dan perakuan dihantar kepada Perbendaharaan supaya diwajibkan pembelian barang tempatan untuk kegunaan di jabatan-jabatan kerajaan.

Dalam suasana ekonomi sedemikian jugalah lahir kereta pertama keluaran Malaysia, Proton Saga yang menandakan bermula dasar perindustrian Malaysia. Proton Saga menjadi kebanggaan negara, sekalipun ia membawa risiko kewangan yang besar. Untuk melahirkan Proton Saga Hicom telah melabur MS405.4 juta dan ia memakan masa yang agak lama sebelum projek itu boleh menguntungkan.

Kerajaan juga mengambil tindakan untuk merangsangkan pertumbuhan sektor swasta dengan menambah kemudahan kredit. Dalam bulan April simpanan berkanun dikurangkan daripada 5 menjadi 4 peratus dan bank-bank menurunkan kadar asas pinjaman dari 11.25 menjadi 10.25 peratus. Dalam bulan September pulak Perbendaharaan mengumumkan butir-butir tabung M\$1,000 juta ringgit untuk merangsangkan pelaburan di dalam bidang pengeluaran, pelancongan dan pertanian. Kawalan pelaburan asing tur-

dikendurkan dengan beberapa kategori pelaburan dikecualikan daripada 70 peratus ekuiti penyertaan tempatan yang disyaratkan di bawah DEB. Akta Penyelarasan Perindustrian juga dipinda untuk membenarkan lebih banyak kebebasan daripada kawalan kerajaan ke atas syarikat-syarikat yang lebih kecil.

Dalam bidang kewangan pula beberapa perubahan pengarah bank dibuat. Langkah itu membawa kepada perselisihan di antara Gabenor Bank Negara, Tan Sri Abdul Aziz Taha dengan Menteri Kewangan, menyebabkan Gabenor Bank Negara kemudiannya meletakkan jawatan. Gabenor baru, Datuk Jaafar Hussein berusaha untuk mengubah sistem bank dan kewangan dengan mengurangkan kawalan dan menggalakkan persaingan.

Dalam bidang pertanian pula sebuah Jawatankuasa Kabinet berkenaan Pertanian ditubuhkan khas untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian dalam usaha mengurangkan kerugian tahunan yang cukup besar kerana mengimport makanan. Kepelbagaiannya jenis tanaman digalakkan penanamannya di dalam bidang itu. Perkembangan lain dalam bidang pertanian ialah Sime Darby berusaha membeli operasi tayar Malaysia daripada Dunlop dengan tujuan menjadikan Malaysia pengeksport tayar utama.

Usaha-usaha juga ditingkatkan di bidang pelancongan sebagai sumber pertukaran asing dan langkah-langkah diambil untuk menyelaras perancangan dasar pelancongan. Dengan itu misi diplomatik Malaysia di seberang laut diarah memberi penekanan lebih kepada hubungan ekonomi dan memperkenalkan secara agresif barang Malaysia.

Belanjawan 1986 diumumkan dalam bulan Oktober 1985 yang masih mengawal perbelanjaan sektor awam. Menteri Kewangan mengumumkan pengecualian cukai ke atas keuntungan yang diperolehi di seberang laut oleh rakyat Malaysia kalau wang itu dibawa balik. Bagaimanapun daripada belanjawan itu kelihatan ang ekonomi Malaysia masih lemah kerana merosotnya harga utama dan beban hutang negara.

Laporan Belanjawan Negara 1985/86 dibentangkan di Parlemen pada 25 Oktober 1985, tidak pula mengandungi langkah swangan yang ketat. Kemungkinan kerana tahun 1986 mungkin ahun pilihanraya dan juga bermulanya suku akhir DEB, iaitu Rangkaian Malaysia Kelima.

Fakta itu penting kerana keputusan penting harus dibuat dan dimasukkan di dalam rancangan pembangunan lima tahun itu—sama ada memenuhi matlamat penyusunan semula di dalam DEB, atau menghadapi kerumitan dan meminta dilanjutkan tempohnya selepas 1990. Dalam Rancangan Malaysia Kelima jelas sekali pemikiran semula dilakukan oleh pentadbiran—hasilnya ialah Pelan Induk Perindustrian.

PAIRIN 'PERMAINAKAN' MAHATHIR

"Mula-mula dirakamnya telefon seseorang yang merupakan satu jenayah. Kemudian mereka mengatakan hanya mahu bekerjasama dengan USNO kalau ditahan para pemimpin USNO. Apa jenis mainankah ini?"

BEBERAPA hari menjelang akhir Mac 1986, krisis politik yang diselangi oleh keganasan, nampaknya hampir berakhiri. Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan landasan bagi satu penyelesaian pada 26 Mac 1986 apabila beliau berkunjung ke Kota Kinabalu. Kunjungan itu dibuat beberapa hari selepas berlakunya beberapa pengeboman, perbuatan khianat membakar bangunan dan tunjuk perasaan.

Dr. Mahathir membawa satu cadangan berkongsi kuasa dari-pada Kerajaan Persekutuan yang diterima pada dasarnya oleh tiga pihak yang bertelagah di Sabah—Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang juga Ketua Menteri Sabah yang sedang dilanda masalah, USNO pimpinan Tun Mustapha Harun, dan Berjaya yang baru sahaja dikalahkan di dalam pilihan-raya setahun lalu. Tarikh dan waktu telah ditetapkan untuk menandatangani satu perjanjian oleh tiga pihak itu di hadapan Dr. Mahathir di Kuala Lumpur. Bagaimanapun jam 2.30 petang Sabtu, 29 Mac berlalu tanpa sebarang perjanjian.

Di Kota Kinabalu, Majlis Tertinggi PBS yang memerintah mengkritik Pairin kerana menerima pekej kompromi yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir dan menggesa mengumukakan cadangan

balas bagi rundingan baru. Dengan itu ketegangan meningkat semula dan bertambah meruncing apabila satu letusan bom yang tidak membawa sebarang korban berlaku di pinggir Kota Kinabalu pada 1 April.

Kompromi awal yang dipersejuaui oleh tiga kumpulan utama di Sabah ialah bersetuju menarik balik semua tindakan guaman, termasuk yang dikemukakan oleh Tun Mustapha kerana mencabar kesahihan hak Pairin untuk memerintah dari segi perlembagaan; penerimaan USNO dan PBS ke dalam Barisan Nasional, sedang Berjaya sudahpun menjadi ahlinya. Setelah menyetuju pekej itu pada dasarnya, PBS meminta supaya pilihanraya negeri diadakan terlebih dahulu daripada sebarang bentuk kerjasama kerana Dewan Undangan Negeri telah dibubarkan dengan cara yang sah oleh Pairin pada 26 Februari. Peguam Negara juga menegaskan bahawa dari segi perlembagaan pilihanraya itu tidak dapat ditangguhkan. Dengan itu USNO dan Berjaya harus menerima pilihanraya itu sebagai prasyarat satu perjanjian berkongsi kuasa. Namun para pemimpin PBS mengemukakan pula tuntutan-tuntutan lain yang tidak pernah ditimbulkan semasa pertemuan Pairin dengan Dr. Mahathir.

Di antara syarat-syarat baru yang dikemukakan kepada USNO, Berjaya dan Kerajaan Persekutuan ialah diharamkan perbuatan melompat dari parti ke parti di dalam Dewan Undangan Negeri. Pengharaman itu memerlukan pindaan ke atas Perlumbagaan Sabah. Perbuatan demikian biasa berlaku di dalam politik Sabah dan parti-parti dikatakan menggunakan wang untuk memancing ahli Dewan. PBS sendiri pernah mendapat faedah daripada amalan itu apabila sekurang-kurangnya empat orang ADUN USNO dan Berjaya ‘melompat’ ke dalam PBS dalam tahun 1985. Tetapi amalan itu juga menyebabkan ia kehilangan enam orang ahli dan hampir kehilangan dua orang lagi—dan kehilangan majoriti untuk memerintah—sebelum Pairin menyelamatkan parti dengan membubarkan Dewan. USNO dan Berjaya menghujahka bahawa amalan demikian sah bukan sahaja di Sabah bahkan dalam Parlimen Persekutuan dan di bawah perlumbagaan semuanya negeri lain di Malaysia.

Para pemimpin PBS pula berkeras dengan mengatakan tanpa pindaan demikian tiga kumpulan itu akan berebut membeli ahli

Dewan dan parti yang paling kaya akan mempunyai paling ramai ahli di dalam Dewan Undangan Negeri. Lagipun menurut mereka pindaan itu penting kerana bukti perjanjian yang ditawarkan kepada mereka hanyalah alat untuk menjatuhkan pentadbiran mereka menerusi perbuatan melompat dari satu parti ke parti yang lain. Untuk menyokong dakwaannya Pairin berkata beliau ada rakaman perbualan telefon di antara seorang pemimpin Berjaya Majid Khan dengan peguam Yaakob Merican yang bertindak bagi Berjaya. Kandungan perbualan itu menurut Pairin ialah bagaimana cara-cara pembangkang dapat menjatuhkan kerajaannya.

Satu lagi cadangan balas PBS ialah supaya parti-parti itu dibenarkan bertanding dalam pilihanraya negeri dengan menggunakan lambang sendiri, bukan membentuk perkongsian dahulu dan berbahagi kerusi di antara mereka. PBS juga menuntut supaya satu kerajaan campuran ditubuhkan di negeri itu hanya kalau parti memerintah tidak memiliki majoriti dua pertiga di dalam Dewan Undangan Negeri. Cadangan balas itu merupakan perkembangan baru dan menimbulkan kemarahan para pemimpin pusat BN serta juga USNO dan Berjaya kerana menurut mereka prinsip asasnya sudah dipersetujui. Oleh itu kenapa Pairin bertukar fikiran, sangatlah tidak disenangi.

Pairin kemudiannya terbang pula ke Kuala Lumpur dengan cadangan balas pada 30 Mac 1986, sehari setelah perjanjian awal dijadualkan ditandatangani. Beliau membawa bersamanya pita rakaman perbualan telefon dua orang anggota Berjaya itu, untuk bertemu dengan Dr. Mahathir dan Setiausaha Agung Barisan, Ghafar Baba bagi memberi taklimat kepada mereka berkenaan pandangan-pandangan PBS. Dr. Mahathir cnggan menemuinya dan Ghafar pula memberi sambutan dingin.

Sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, Pairin membuat kenyataan akhbar yang pedas tentang kebimbangan partinya terhadap polarisasi kaum serta tidak sihatnya mengamalkan politik dan parti perkauman. Ini secara tidak langsung menyindir kepimpinan Persekutuan dan UMNO serta parti-parti perkauman lain. Katanya, "Sebarang cadangan yang mengatakan hanya orang Islam boleh mewakili umat Islam di Sabah merupakan jangkaan salah dan akan memperkenalkan anasir agama ke dalam politik." Kali ini Pairin bertembung secara langsung dengan para pemimpin utama di

Kuala Lumpur dan beliau kelihatan berani menghadapi risikonya.

Sumber-sumber PBS berkata di dalam memonya kepada Dr. Mahathir, beliau menyuruh ditahan semua pemimpin USNO dan Berjaya yang terlibat di dalam tunjuk perasaan dan protes. Seorang pemimpin Kerajaan Pusat berkata, "Mula-mula mereka kawal telefon orang lain yang merupakan satu jenayah. Kemudian berkata mereka hanya akan bekerjasama dengan USNO kalau kita menahan para pemimpin USNO. Apa jenis mainankah ini? Kalau PM bersetuju menahan para pemimpin USNO, apakah USNO mahu menyertai satu perkongsian? Mereka menuntut sesuatu yang mereka tahu akan ditolak. Apa yang dikehendakinya ialah menyalahkan dan menimbulkan aib kepada Kerajaan Persekutuan."

Seorang pemerhati berkecuali di Kuala Lumpur berkata, "Pairin tahu tangan Dr. Mahathir terikat ketika itu. Beliau mempergunakan keadaan itu kerana mengetahui Dr. Mahathir mahu mengadakan pilihanraya awal, dengan itu terpaksa menyelesaikan segera isu Sabah sebelum membubarkan Parlimen. Pairin cuba memberitahu Dr. Mahathir rundingan hendaklah mengikut syaratnya. Beliau tahu Dr. Mahathir tidak boleh menunggu lebih lama dan mungkin akan memaksa USNO menerima syarat-syarat itu."

Semakin luas jurang di antara PBS dan Kuala Lumpur, sementara Dr. Mahathir sibuk untuk mendapat kelulusan dan sokongan terhadap cadangannya. Pada 2 April 1986 beliau memberitahukannya kepada kabinet yang kemudiannya menyokong formulir UMNO yang sudah ditolak oleh PBS. Malam itu Dr. Mahathir mempergerusikan satu mesyuarat biro politik UMNO yang melahirkan satu usaha rundingan strategi baru kalau PBS masih enggan mengalah. Keesokan harinya, Suruhanjaya Pilihanraya yang berkali-kali enggan menetapkan satu tarikh bagi pilihanraya di Sabah sejak dibubarkan Dewan Undangan Negeri dalam bulan Februari, mengumumkan bahawa pilihanraya untuk memilih 48 orang Ahli Dewan Undangan Negeri itu akan diadakan pada 5 dan 6 Mei. Tarikh-tarikh itu diramalkan lebih awal sebagai dipilih untuk pilihanraya umum oleh Dr. Mahathir sebelum akhbar-akhbar menyatakan secara meluas penangkapan Tan Koon Swan, Presiden MCA di Singapura kerana penipuan di dalam pasaran saham.

Para penentang Pairin pula menaruh harapan yang tinggi hadap keputusan mahkamah pada 15 April tentang kesahihan-

sebagai Ketua Menteri. Tindakan guaman Tun Mustapha berpunca daripada peristiwa 22 April 1985, apabila ketika keputusan belum lengkap Tun Mustapha mendesak supaya dibenarkan mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri dan atas rasa terancam Yang Dipertua Negeri Adnan Robert bersetuju tetapi membatalkan perlantikan itu kemudiannya lalu melantik Pairin pula.

Bom Dan Undi

PENGEBOMAN, perbuatan membakar kerana khianat, perhimpunan politik dan penggunaan masjid negeri Sabah oleh para penunjuk perasaan dari pihak USNO telah menimbulkan ketegangan yang membimbangkan di negeri Sabah. Tiga nyawa turut terkorban. Pertikaian di antara parti-parti politik di Sabah telah menjadi isu agama dan perkauman. Setelah seminggu keganasan berlaku, sedang tidak ada pihak yang mengaku bertanggungjawab mencetuskannya, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mengambil sebarang tindakan dan di dalam satu rundingan peribadi dengan Ketua Menteri Sabah, Joseph Pairin Kitingan pada 17 Mac beliau memberi jaminan pula tidak akan mengenakan perintah darurat. Lebih menarik ialah Dr. Mahathir juga mengumumkan hasratnya melawat Sabah dalam bulan April—kali pertama sejak PBS berkuasa.

Kekacauan politik di Sabah bermula dua minggu setelah Yang Dipertua Negeri membubarkan Dewan Undangan Negeri pada 26 Februari—hanya 10 bulan setelah kerajaan baru memerintah. Apabila memohon pembubaran itu Pairin mengharapkan satu mandat daripada rakyat untuk menyelesaikan perebutan kuasa di Sabah. Gabungan pembangkang terdiri daripada USNO dan Berjaya, amat marah dengan tindakan itu. Langkah Pairin itu menyekat peluang mereka memperolehi majoriti melalui satu perkongsian di dalam Dewan.

Dengan itu pada 12 Mac, satu keputusan terhadap satu permohonan larangan mahkamah bagi membatalkan pembubaran Dewan dijadualkan akan didengar di Mahkamah Tinggi, dimana 3,000 orang penyokong USNO yang berhimpun di luar bangunan mahkamah melaungkan slogan anti-PBS. Awal pagi itu bom buatan sendiri telah dilemparkan ke beberapa buah stesen petrol. Seka-

lipun UNSO tidak mengaku terbabit di dalam pengeboman, tetapi tunjuk perasaan itu dikelolakan secara terbuka oleh penyokong USNO. Mahkamah menangguhkan keputusan pada hari itu dan larangan itu kemudiannya diketepikan pada 17 Mac.

Di dalam protes menentang langkah PBS pimpinan Kristian dan berpusatkan di kalangan masyarakat Kadazan itu, sekitar 2,000 hingga 3,000 umat Islam telah berkhemah di masjid negeri di Kota Kinabalu sejak 14 Mac, menunggu arahan seterusnya dari para pemimpin USNO. Setelah fardhu Jumaat hari itu, kira-kira seribu orang berbaris ke rumah Tun Mustapha untuk menunjukkan sokongan, sekalipun beliau ketika itu berada di Kuala Lumpur. Beberapa letupan kecil berlaku menyebabkan bandar Kota Kinabalu berada di dalam keadaan ketakutan dan pasukan-pasukan keselamatan awam dan pencegah rusuhan terpaksa ditambah.

Sementara itu di Tawau sebuah bandar di pantai timur Sabah pula berlaku satu kebakaran yang disengajakan yang telah mengorbankan dua orang wanita. Kekacauan terus merebak ke bandar pelabuhan Sandakan dimana pada awal 18 Mac seorang penjual akhbar menjadi korban salah satu daripada tiga letupan. Keganasan terbuka yang paling sensitif ialah apabila pada pagi 13 Mac enam tanda salib dilukis dengan cat merah di pagar sekeliling masjid Masing-masing pihak saling tuduh menuduh berkenaan palang salib itu.

Dengan menggunakan masjid sebagai markas gerakan USNO memperolehi perlindungan politik dan kesihihan keagamaan. Polis tidak boleh menghalau mereka daripada sesebuah masjid kerana ini boleh dikaitkan dengan pencerobohan terhadap kebebasan beragama dan tidak akan menembak selain daripada pemedihi mata kerana ini hanya akan mengembalikan tragedi berdarah ala Memali. Penggunaan masjid juga memperkuatkan gambaran bahawa perjuangan mereka demi agama.

Kemarahan USNO terhadap PBS berpunca daripada apa yang didakwanya Pairin mungkir janji yang dibuat sebelum pilihanraya di antara USNO dan PBS dalam bulan April 1985, seminggu sebelum pilihanraya negeri untuk membentuk sebuah kerajaan campuran. Pairin mendakwa perjanjian itu hanya berkuatkuasa kalau tidak ada parti tunggal memenangi majoriti. Oleh kerana PBS mendapat

jumlah kerusi terbanyak di dalam Dewan Undangan Negeri iaitu 25 daripada 48 kerusi, maka PBS mengenepikan perjanjian itu.

Sekian lama UNSO mendesak ditubuhkan kerajaan campuran—satu idea digalakkan oleh Kerajaan Persekutuan—sedangkan PBS terus berdegil menentangnya. Suasana menjadi agak aneh, kerana Berjaya yang dikalahkan berada di dalam Barisan Nasional, sementara PBS yang memerintah Sabah adalah pembangkang sekalipun ia telah memohon untuk menyertai Barisan.

Selain satu perebutan kuasa di antara parti politik dan pemimpin, perjuangan juga terbahagi oleh permusuhan etno-agama berpusat sekitar ekonomi. Ramai penduduk dari Semenanjung yang menetap di Sabah pula mendakwa beberapa orang pekerja Islam dipecat atau diarah berpindah tugas oleh Kerajaan PBS. Dalam masa beberapa bulan, 19 orang pegawai daerah diberikan surat berpindah tugas di dalam apa yang disifatkan oleh PBS sebagai perpindahan biasa. USNO pula mendakwa hanya tiga daripada 180 biasiswa negeri diberikan kepada pelajar Islam dalam tahun 1985. Seorang Muslim berasal dari Semenanjung berkata, "Umat Islam di Sabah akan habis sekiranya Kerajaan Pusat tidak bertindak."

Bukan semua orang Islam bersetuju dengan apa yang berlaku. Ada yang tidak senang dengan penggunaan masjid sebagai markas gerakan politik dan mendakwa ia menjadi tapak perkhemahan belia Filipina yang menganggur dengan upah M\$10 sehari. Makanan mereka disediakan oleh USNO sementara mereka menafikan atau berdiam diri apabila ditanya tentang bayaran harian itu. Bagi rakyat keturunan Filipina, tindakan itu merupakan 'tindakan balas budi' kerana bantuan Tun Mustapha semasa menjadi Ketua Menteri 10 tahun lalu yang membolehkan mereka menetap di Sabah. Kemerosotan industri binaan di bawah Pairin menimbulkan kemarahan mereka yang kebanyakannya bekerja sebagai buruh kontrak.

Sedang pihak USNO sendiri ada yang khuatir takut-takut perhimpunan di masjid itu tidak terkawal, PBS pula terpaksa mengawal para penyokong mereka rata-rata keturunan Kadazan supaya jauh daripada tindak tanduk para penyokong USNO yang boleh menimbulkan kemarahan. Pairin bimbang kalau-kalau dikuatkuasakan perintah darurat. Jika darurat, ekonomi yang sudah terjejas sejak kekacauan sekarang akan bertambah teruk. Lebih-

lebih lagi sekiranya diisyiharkan darurat, akan terlepaslah genggamaninya ke atas negeri ini, sebagaimana PAS telah kehilangan kuasa di Kelantan setelah darurat November 1977.

Dr. Mahathir dikatakan tersepit dan terpaksa bertegas untuk tidak mengenakan perintah darurat, agar tindakan beliau nanti kelihatan adil dan tidak menyebelah mana-mana pihak di dalam krisis di Sabah.

Pemenang Memperolehi Segalanya

PERTARUHAN PBS berhasil. Setelah menggadai peluang keduukan sebagai parti memerintah dengan mengadakan pilihanraya negeri untuk mandat baru setelah hanya 10 bulan berkuasa, PBS kembali berkuasa dengan kejayaan besar. Ia memperolehi 34 dan pada 48 kerusi negeri, 8 kerusi melebihi kerusi yang lalu dan sudahpun mendapat majoriti dua pertiga untuk meminda perlembagaan negeri—bagi menyulitkan perbuatan ahli Dewan melompa dari parti ke parti. USNO kekurangan empat kerusi daripada 16 tinggal 12 kerusi, sementara Berjaya hanya mendapat satu kerusi yang dimenangi oleh Presidennya, Datuk Mohamad Noor Mansoor.

PBS yang pada dasarnya sebuah parti Kristian masyarakat Kadazan menjadi kerajaan bukan Islam tunggal di Malaysia yang agama rasminya Islam. Dengan keputusan pilihanraya itu, PBS memperolehi kedudukan lebih baik untuk berhadapan dengan Kerajaan Pusat setelah memenangi beberapa kerusi di kawasan majoriti Islam. Ia kini bolehlah mendakwa sebagai parti yang benar benar pelbagai kaum. Dengan mandat untuk memerintah dan sokongan yang meluas, PBS memohon menjadi komponen dalam Barisan Nasional, yang sebelum ini ditarik balik kerana pihak pusat mendesak ditubuhkan kerajaan campuran dengan USNO dan Berjaya sebelum diadakan pilihanraya.

Para penyokong PBS sebelum pilihanraya amat bimbang terhadap gabungan pembangkang kerana sebelum itu pernah wujud usaha melancarkan rampasan kuasa politik. Bagaimanapun tanpa Tun Mustapha yang mengumumkan hasrat untuk bersara daripada politik keadaan menjadi tenang. Ada pihak mengira jumlah kerajaan ditumbangkan untuk kempen pilihanraya itu hanya satu pertig-

daripada korban tahun sebelumnya. Kejayaan PBS kerana ia mendapat sokongan pengundi biasa masyarakat Cina yang marah akibat taktik ganas USNO—dan juga Berjaya.

UMAN R
PER
TU



"Lima tahun lagi," mungkinkah itu isyarat dari Dr. Mahathir?

Gambar Warisan Nasional.

SKANDAL BMF: MEREKA TIPI KITA

"Saya sedar saya mewujudkan musuh-musuh. Saya tidak ada pilihan. Sama ada saya datang bersenang-senang dengan tidak melakukan apa-apa atau berusaha melakukan sesuatu sekali-pun menjadi tidak popular. Saya tidak fikir akan selamanya tidak popular jadi tidaklah menjadi hal selagi saya mencapai sesuatu, tidak popular tidak apa. Kalau dipecat dari jawatan pun tidak apa bagi saya.'

— Dr. Mahathir

SKANDAL Bumiputera Malaysia Finance (BMF) merupakan satu tragedi negara—kerugian 2.5 ribu juta ringgit wang negara, maruah dan nama baik negara di mata dunia tercemar, di samping terkorbannya seorang pegawai yang tekun yang enggan bertolak ansur terhadap amanah rakyat. Tragedi itu membawa tafsiran mendalam tentang erti tanggungjawab awam—with keputusan kerajaan menerbitkan laporan akhir Jawatankuasa Ahmad Noordin serta pembentangan sebuah Kertas Putih di Parlimen.

Penemuan-penemuan Jawatankuasa Ahmad Nordin men dedahkan had kuasa pengawasan Bank Negara, serta soal maruah. Jawatankuasa itu bukan menyiasat jenayah tetapi jumlah wang yang hilang dan bagaimana ia hilang. Ia melibatkan cerita orang yang berhutang dan memberi hutang wang sejumlah 2.5 ribu juta ringgit melalui skim-skim cepat kaya, pinjaman tanpa cagaran, ma al pembunuhan.

Kisah bermula dengan satu majlis jamuan koktil dalam tahun 1978 apabila 'peminjam' dan yang 'memberi pinjaman' bertemu.

Ekorannya pada 6 Jun 1979, pinjaman lima juta ringgit diberikan kepada sebuah syarikat dikenali sebagai Carrian dimiliki oleh seorang muflis, George Tan yang hanya diisyiharkan tidak lagi muflis di Singapura dalam tahun 1980. Alasan pinjaman itu ialah mengambil peluang daripada masa mewah yang dijangka berlaku dalam pasaran hartanah Hong Kong.

Dalam zaman mewah yang singkat itu George Tan dan beberapa buah syarikat dengan modal HK\$2 terus menerus mendapat pinjaman daripada pemberi kreditinya BMF dan BBMB. Paling kecil pinjamannya ialah HK\$5 juta. Rangkaian Carrian dikatakan menerima US\$700 juta sementara US\$123 juta diberikan kepada syarikat-syarikat milik pemaju Kevin Hsu, dan US\$40 juta diterima oleh Eda Investment. Pinjaman-pinjaman itu pula tidak ada dokument yang teratur. Malah ada dibuat pinjaman sebelum lembaga pengarah BMF meluluskannya dan tidak ada bukti yang banyak pinjaman tidak diluluskan oleh lembaga pengarah.

George Tan dikatakan memperolehi pinjaman dengan mudah kerana amat rapat dengan Lorraine Esme Osman, yang ketika itu salah seorang pengarah BMF. Dia juga dikatakan rapat dengan pengarah-pengarah lain seperti Dr. Rais Saniman dan Datuk Hashim Shamsuddin, serta Pengurus Besar BMF, Ibrahim Jaafar. Pinjaman-pinjaman itu dinikmatinya dari Jun 1979 sehingga Julai 1983.

Laporan BMF mengatakan bahawa pinjaman-pinjaman di keluarkan tanpa kelulusan lembaga pengarah BMF. Bank Bumi putera pula dikatakan lambat menyedari sesuatu yang tidak betul dalam urusan pinjaman itu.

Di antara peristiwa yang mengisi skandal itu ialah pembelian Gammon House, menara pejabat 34 tingkat di Hong Kong. George Tan membeli menerusi salah sebuah syarikatnya dengan harga US\$200 juta dengan hasrat akan menjualkannya semula kepada Kerajaan Malaysia dengan harga US\$250 juta. Daya usaha itu bermula dengan kenyataan Tengku Razaleigh Menteri Kewangan ketika itu, yang Kerajaan Malaysia berminat untuk membeli Gammon House bagi menempatkan berbagai-bagai pejabat kerajaan Malaysia di Hong Kong. Bagaimanapun kerajaan Malaysia tidak jadi membeli Gammon House sebaliknya membeli sebuah bangunan lain. Sekalipun nyata kerajaan tidak berminat lagi te-

hadap Gammon House tetapi BMF terus juga membiayai George Tan membeli Gammon House.

Satu siri pinjaman dari September 1981 hingga Oktober 1982 berjumlah US\$580 juta ringgit diberikan kepada George Tan untuk membeli sebuah syarikat perkapalan Grand Marine Holdings. Rancangannya ialah membeli syarikat itu dengan harga HK\$800 juta dan menjualkannya kepada Kerajaan Malaysia dengan harga HK\$1,000 juta. Wang pinjaman kepada George Tan disalurkan kepada sembilan buah syarikat korporat, empat daripadanya tidak pun berdaftar. Tan membeli Grand Marine Holdings kononnya atas permintaan bekas seorang pengarah BMF, Rais Saniman yang dikatakan bertindak bagi pihak Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam. Kerajaan Malaysia sebenarnya tidak membeli Grand Marine Holdings.

Pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada kumpulan Kevin Hsu pula ialah untuk menyelesaikan hutang bayaran faedah.

Setelah pembelian Grand Marine masalah Carrian dan George Tan semakin bertimbun sehingga akhirnya dia mengisyaratkan tidak berupaya membayar hutang semasa kerana masalah modal. BMF dan BBMB pula terus cuba membantu George Tan dengan memberi pinjaman tambahan. Kesemuanya lebih US\$70 juta dikeluarkan untuk menyelamatkan kumpulan syarikat George Tan. Di dalam langkah-langkah itu BBMB dan BMF membeli harta-harta George Tan di Amerika Syarikat iaitu sahamnya di dalam China Underwriters Limited and Union Bank Hong Kong Limited (CUL/UB). Harga dua harta itu ialah US\$76 juta sedangkan dua bulan sebelum itu apabila ditawarkan sebagai cagaran dikatakan bernilai US\$570 juta. Seorang penilai Amerika pula mengatakan harta itu bernilai tidak lebih daripada US\$56 juta sahaja.

Berbagai-bagai cara digunakan untuk melindungi hakikat bahawa wang itu wang BBMB. Jalil Ibrahim, Penolong Pengurus Besar (kredit) dihantar secara peribadi oleh Pengurus BBMB, Dr. Rawawi Mat Awin untuk cuba menyelesaikan pinjaman Carrian. Jalil enggan mengeluarkan pinjaman di dalam suasana demikian kerana arahan telah diberikan kepadanya bahawa pinjaman tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran lembaga pengarah. Apabila penolong pengurus besar BMF Henry Chin meminta dikeluarkan

pinjaman itu daripada Jalil dengan menyebut kelulusan Lorraine, Jalil ragu-ragu. Dengan keraguan itu dia pergi berjumpa Mak Fon Than di sebuah hotel untuk melaporkan semula kepada Chin berkenaan kemajuan pinjaman itu. Setelah panggilan ketiga yang tiba-tiba terputus, Chin hilang sabar lalu melepaskan pinjaman itu. Dua hari kemudian mayat Jalil dijumpai di sebuah ladang pisang. Dengan tiba-tiba kes BMF menjadi 'ngeris'. BBMB terpaksa menanggung kerugian besar akibat skandal BMF itu. Kerajaan pula melalui Petronas terpaksa mengambil alih bank itu dengan bantuan dua ribu juta ringgit serta pekerja penyelamat. George Tan sendiri ditangkap. Desakan orang ramai supaya dilaksanakan keadilan membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Ahmad Noordin.

Kejatuhan Bank-bank

TAHUN-tahun lapan puluhan merupakan tahun agak malang bagi bank-bank di seluruh dunia. Dalam tahun 1983 sahaja sebanyak 48 buah bank di Amerika telah ditutup. Dalam bulan Mei 1984 pula bank ketujuh terbesar di Amerika Syarikat, Continental Illinois telah ditutup kerana terlalu banyak hutang lapuk. Pada tahun itu juga Johnson Matthey Bankers di London jatuh kerana penipuan dan kelemahan pengurusan. Sebelumnya, dalam tahun 1982, Banco Ambrosino, bank utama Italy yang ada hubungan rapat dengan Vatican telah muflis dengan hutang lapuk sebanyak 2.8 ribu juta ringgit. Di Hong Kong pula keadaan tidaklah berbeza. Dalam tahun 1983 sebanyak US\$2.4 ribu juta ringgit hutang lapuk dilupuskan. Kemudiannya Overseas Trust Bank diisyiharkan ditutup pada tahun 1985. Manakala di Brazil tiga buah bank jatuh dalam tahun 1985 meninggalkan hutang antarabangsa hampir 19 ribu juta ringgit kepada bank pusat negara itu.

Apabila Kebenaran Bukan Benar

SALAH pengurusan dan rasuah berlaku di seluruh dunia. Kedua-duanya terbabit. Bank Rakyat misalnya mendapat perhatian ramai apabila disiasat oleh Suruhanjaya Diraja. Perdana Menteri, Hussein Onn yang mengulas hasil siasatan itu dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1979 berkata, "ia satu pengajaran pahit kepada

institusi-institusi dan agensi-agensi kerajaan lain termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan. Nampaknya pengajaran pahit itu tidak mujarab namun pendedahan perkara itu membantu menyelamatkan kewibawaan kerajaan. Demikian juga apabila kerajaan teragak-agak hendak menerbitkan laporan skandal BMF menyebabkan merebaknya pelbagai berita angin yang dianggap sebagai kebenaran. Apabila diterbitkan sahaja laporan itu jelas sekali masyarakat Malaysia bukanlah masyarakat yang tidak peka. Mereka berebut-rebut membeli laporan setebal 6,600 muka surat yang berharga 250 ringgit satu set itu. Penerbitannya jelas memberi makna baru kepada istilah tanggungjawab awam.

Skandal BMF menunjukkan ahli-ahli bank yang terlibat merupakan orang tamak dan tidak berwibawa. Ia juga mendedahkan kelemahan di dalam peranan dan keberkesanan peranan pengawasan yang dimainkan oleh Bank Negara.

Pemimpin pembangkang, Lim Kit Siang mengisyiharkan skandal BMF juga sebagai skandal Bank Negara. Menurut laporan itu apabila Carrian mengumumkan masalahnya dalam bulan Oktober 1982 yang membawa kepada keruntuhannya, sebenarnya Bank Negara sudah sebulan mengetahui penglibatan BMF di dalam skandal itu melalui laporan sulit yang diterima oleh gabenor ketika, Tan Sri Aziz Taha. Maklumat juga diperolehi melalui satu pasukan Bank Negara yang meneliti urusan BMF selama tiga bulan mulai Jun 1982.

Bank Negara hanya bertindak enam minggu kemudiannya apabila Tan Sri Aziz memanggil Dr. Nawawi Mat Awin, penggerusi agensi induk BMF, Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) untuk membincangkan keadaan itu. Nawawi pula memberi jaminan segala-galanya terkawal dan audit dalam BBMB sendiri menelan penyiasatan. Aziz mungkin tersilap lalu menemui Perdana Menteri dalam bulan November untuk memberi taklimat tentang keadaan itu. Satu taklimat yang sama diadakan enam minggu kemudian diikuti oleh sepucuk surat setebal 10 halaman kepada Perdana Menteri dalam bulan April 1983 dengan meminta untuk bertemu lagi dengan Perdana Menteri bagi membincangkan perkara.

Laporan itu merumuskan peranan pengawasan Bank Negara tidak berkesan. Sekiranya Bank Negara masuk campur setelah ia

menyiapkan pemeriksannya, mungkin pemberian hutang seterusnya kepada Carrian dapat disekat. Namun di dalam laporan itu juga dikatakan bahawa Bank Negara telah menggunakan segala daya usahanya dengan melaporkan perkara itu kepada kerajaan, kerana kerajaanlah yang merupakan pemegang saham utama BBMB dan kerajaan telah diberi taklimat tentang perkara itu.

Sebenarnya Bank negara diberi kuasa mengambil alih operasi sebuah bank yang tidak dikendalikan dengan baik. Bagaimanapun hak itu hanya dengan persetujuan Menteri Kewangan. Sebelum ini pun bank negara tidak pernah ragu-ragu bertindak, tetapi dalam kes ini ada keraguannya. Ini disebabkan BBMB merupakan bank khas yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, dengan Bank Negara sekadar sebagai penasihat. Urusan dengan BBMB sensitif dan memerlukan kebenaran politik untuk bertindak. Ahli-ahli politik pula dikatakan mengikut nasihat yang salah.

Sekalipun terjadi skandal BMF yang menggerunkan itu industri bank di negara ini berkembang pesat—meningkat dua kali dalam tujuh puluhan dan 20 peratus sejak 1981. Dalam pada itu ada keraguan tentang keupayaan profesional kita di dalam industri bank. Seorang pengusaha bank saudagar pula berpendapat kita mempunyai cukup ramai eksekutif pertengahan tempatan. Hanya masalahnya menurut usahawan itu, terlalu ramai ‘lantikan politik’ di peringkat teratas dan ini tidak sihat.

Bagaimanapun bukan semua orang bersetuju dengan pandangan itu kerana perlantikan politik dikira wajar memandang 65 peratus aset di dalam bank perdagangan yang diperbadankan negara ini terletak di dalam tiga buah bank milik kerajaan—Malayan Banking, BBMB dan United Malayan Banking Corporation. Rumusannya kekecohan BMF disebabkan kurang kejujuran dan apabila orang tidak jujur berkuasa di dalam sesbuah amanah awam atau mana-mana sistem yang amat teratur, akan berlaku salahguna kuasa.

Kes BMF memberi kesan yang cukup lama untuk membolehkan perubahan undang-undang, bukan sahaja di Hong Kong tetapi juga di Malaysia. Hong Kong mengubah undang-undangnya dalam tahun 1983 berhubung dengan syarikat pengambil deposit yang merangkumi BMF. Syarikat demikian tidak lagi benarkan memberi pinjaman lebih 25 peratus modal berbayar se-

orang atau syarikat peminjam. Manakala di Malaysia pula amalan perakaunan telah diperketatkan. Kini terdapat kawalan ketat ke atas pengiraan faedah bagi bayaran balik pinjaman yang tidak bergerak. Peraturan-peraturan kawalan yang lain juga diperketatkan, di atas had pinjaman untuk peminjam tunggal dan agihan risiko portfolio.

Di dalam suasana mengurangkan kawalan, peraturan baru itu pada mulanya tidak banyak membantu kegiatan perusahaan bank di Malaysia yang memang agak muram. Selain BMF kebanyakan bank mengadu pendapatan korporat mereka yang merosot. Banyak bank memberi nilai yang terlalu tinggi bagi harta cagaran dan beberapa buah pula membiayai pembelian saham bersandarkan saham yang dibeli itu sendiri. Bagaimanapun seorang pengurus veteran bank perdagangan berkata, "Memang kita menghadapi masa susah, tetapi selagi ekonomi tumbuh, walaupun lambat, bank akan berkembang juga." Apa yang membimbangkan mereka ialah kesan daripada peristiwa BMF, menyekat kerajaan daripada memperluaskan kegiatan ke seberang laut.

Terlalu Baik Untuk Dianggap Benar

PADA 11 Januari 1984, Perdana Menteri mengumumkan sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyiasat skandal BMF. Keesokannya Ketua Juruaudit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Haji Zakaria dan dua orang rakan di dalam jawatankuasa tersebut menerima surat perlantikan daripada Bank Bumiputera Malaysia Berhad. Dua orang lagi ialah Chooi Mun Sou seorang peguam dan Ramli Ibrahim, juga seorang juruaudit. Selain perlantikan itu tidak ada panduan jelas bagaimana kerja itu harus dilaksanakan. Setelah mengkaji pelbagai aspek, jawatankuasa itu memutus untuk melaksanakan tugas dengan mencari maklumat tentang berapa banyak wang yang hilang dan bagaimana wang itu boleh hilang. Di samping tiga orang ahli utama jawatankuasa itu terdiri daripada tiga orang peguam, tiga orang akauntan, dan beberapa orang pembantu serta kakitangan pekeranian yang juga bertugas dengan jawatankuasa itu. Mereka ini dilantik oleh jawatankuasa tersebut.

Dari segi perbelanjaan pula, jawatankuasa itu diberi peruntukan awal 200,000 ringgit dan ditambah mengikut keperluan selepas itu oleh Perbendaharaan. Sementara tentang bayaran upah

pula, hanya dua orang rakannya merupakan orang swasta diberikan bayaran sedangkan Tan Sri Ahmad Noordin tidak diberikan bayaran kerana dianggap kerja biasa sebagai pegawai awam. Bayaran itu pun hanya satu pertiga daripada bayaran yang mereka tuntut.

Jawatankuasa itu memulakan tugasnya dengan meneliti laporan siasatan awal yang dijalankan oleh Bank Negara dan Bank Bumiputra ke atas BMF. Di dalam tempoh 23 bulan jawatankuasa itu melaksanakan tugasnya, banyak bantuan diberikan oleh para pembantu yang ditugaskan. Merekalah yang mencapai dan mengesahkan maklumat yang diperlukan.

Ahmad Noordin lebih suka mengelak untuk menjawab tuduhan yang laporan itu tidak lengkap. Menurutnya harapan orang ramai terlalu menuntut keadilan. Bagaimanapun menurutnya itu bukan laporan siasatan jenayah tetapi sekadar menyiasat kes kerugian wang. Di dalam proses menjalankan tugasnya, memandangkan harapan pihak yang mengarah begitu tinggi, beliau pernah bertemu Menteri Kewangan meminta supaya jawatankuasa itu diberi bidang tugas sebagai sebuah Suruhanjaya Penyiasat. Ini disalah petik oleh akhbar dan akhirnya menjadi isu politik. Malah ada beberapa laporan dikemukakan kepada bank untuk diteliti dan sepatutnya isinya dirahsiakan telah dibocorkan kandungannya kepada orang ramai. Ini termasuklah laporan tentang kes-kes rasuah. Pendedahan laporan itu kemudiannya menyulitkan kerja jawatankuasa itu kerana para saksi tidak lagi mahu bekerjasama.

Ada juga tuduhan kononnya jawatankuasa itu bersikap tidak adil di dalam tugas mereka kerana tidak menemui orang-orang tertentu yang disebut. Ahmad Noordin berkata bagi jawatankuasa itu terselit nama para menteri di sana sini bukan perkara anch bagi mereka yang mahu menampakkan sesuatu skim. Perkara namun tokoh-tokoh penting disebut oleh orang-orang tertentu untuk mendapat sokongan atau mendapatkan hasil. Menurutnya jawatankuasa tidak berniat mengaitkan sesiapa dan bukan juga urusannya melindungi atau merosakkan nama sesiapa.

Jawatankuasa itu berpendapat laporan tersebut memang tidak memuaskan kerana banyak masalah yang dihadapi. Yang meromitkan ialah kes itu merupakan kes Malaysia yang melibatkan dua Malaysia dan rakyat Malaysia tetapi kebanyakannya babak peristiwa berlaku di Hong Kong. Umumnya semua pihak bekerjasama di-

memberi sokongan, sekalipun ada juga yang cuba mengelak atau bersikap dingin.

Apa yang menyedihkan ialah setelah isu itu menjadi isu politik, maka ahli-ahli jawatankuasa yang menjalankan tugas dengan jujur dan tidak terlibat di dalam mencipta atau menyebabkan skandal itu pula yang telah menjadi sasaran.



"Great Malaysian Hero" sedang mencium keris pahlawan.

GKE JO
26HB APRIL 1987



Perhimpunan Agung UMNO 1987 satu peristiwa yang menghancurkan

LETAK JAWATAN: MUSA MAIN POLITIK

"Daripada surat perletakan jawatan beberapa surat layang yang saya terima saya mendapat kesan ada perbezaan sebenarnya dari segi dasar dan corak kepimpinan di antara dua orang itu. Kini saya tahu alasan sebenarnya di sebalik tindakan itu, saya mula terasa ada orang sengaja mengelirukan kita selama ini."

— Ahli Majlis UMNO

UMNO mengadakan satu mesyuarat tergempar yang dipengerusikan oleh Presidennya yang sudah berusia 60 tahun, Dr. Mahathir Mohamad. Tajuk perbincangan ialah sekitar perletakan jawatan timbalannya, Datuk Musa Hitam 51, di dalam parti dan kerajaan secara mengejut dua hari sebelum itu. Dr. Mahathir mewar untuk mengosongkan kerusi dan meninggalkan mesyuarat kerana dirinya menjadi sebahagian daripada perkara yang akan dibincangkan. Bagaimanapun 32 orang yang berada di sekeliling meja persidangan tidak mahu beliau berbuat demikian.

"Datuk Seri sendiri bertanggungjawab. 'You' mesti dengar rayuan kami," ujar salah seorang penyokong Datuk Musa di MKT. "Kami mahukan penjelasan kenapa Timbalan Perdana Menteri letak jawatan."

Dr. Mahathir agak tergamam. Semua orang scolah-olah menyalahkan dirinya. Musa letak jawatan, kononnya gara-gara beliau. Tidak ada sebab lain. Kononnya, scratus peratus salah Mahathir.

Para penyokong Musa di dalam mesyuarat itu menyatakan rasa terkejut mereka dan mendesak agar beberapa tuduhan yang terkandung di dalam surat perletakan jawatan itu disiasat dengan teliti. Rombongan Johor, orang-orang kuat Musa mendesak supaya satu rundingan diadakan dan beberapa penyokong Dr. Mahathir turut menyatakan sokongan. Bagaimanapun sebelum berakhirnya mesyuarat enam jam itu pada sekitar jam 2 pagi 1 Mac 1986, Perdana Menteri telah dapat mengubah aliran pendapat mereka. Dr. Mahathir membuka rahsia sebenar.

Dr. Mahathir mengeluarkan sepucuk surat yang ditulis oleh Musa tiga hari sebelum satu rombakan kabinet pada bulan Julai 1984. Di dalam surat itu Musa yang baru sahaja memenangi kerusi Timbalan Presiden UMNO setelah menumpaskan Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan ketika itu kali kedua, memberi amaran kepada Dr. Mahathir agar tidak mengekalkan lagi Razaleigh di dalam kabinet. Kalau Dr. Mahathir mengambil juga Razaleigh, Musa akan meletakkan jawatan mulai Julai 1985. Setelah mendengar kandungan surat itu, beberapa orang penyokong Dr. Mahathir dan beberapa orang ahli majlis yang dianggap sebagai penyokong Musa dengan serta merta meminta supaya diterima sahaja perletakan jawatan Musa itu.

Cara Musa mengemukakan surat perletakan jawatan itu juga mengejutkan. Beliau terus berlepas ke Arab Saudi pada malam 26 Februari, meninggalkan untuk Dr. Mahathir sebuah notis perletakan jawatan dan sepucuk surat sepanjang 7 muka menjelaskan alasannya. Pada hari berikutnya tersebarlah surat yang disahkan oleh Ahli-Ahli Majlis Tertinggi sebagai kenyataan perletakan jawatan Musa yang mereka juga terima. Surat itu dialamatkan kepada Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan merujuk ke pada kesetiaan beberapa orang ahli di dalam majlis tertinggi parti. Di dalam surat itu dijelaskan bagaimana berlakunya ketegangan dan perselisihan di antara mereka dan hubungan di antara mereka peringkat demi peringkat.

Pada akhir surat itu Musa berkata, "Semakin lama saya memegang jawatan semakin kuat pula tuduhan dan dakwaan. Kalau saya bekerja keras saya akan disalahtafsir dan kalau sebaliknya pulagi kuat bahaya salahtafsiran." Musa juga menegaskan dengan perletakan jawatannya itu, Dr. Mahathir boleh memilih orang yang

dia suka untuk menggantinya. Dia menjelaskan pemergiannya ke luar negeri semata-mata untuk menjauhkan diri daripada sebarang perbincangan atau persoalan tentang perletakan jawatannya dan dengan itu dapat mengurangkan kekeliruan.

Berita perletakan jawatan itu tersebar ke seluruh negara. Sumber-sumber UMNO berkata Dr. Mahathir bersedih dan kecewa. Dr. Mahathir dan Musa—digelar 2M oleh pihak media pada mula—merupakan satu pasangan dinamik apabila mereka mengambil alih tugas daripada Perdana Menteri, Tun Hussein Onn yang sakit dalam tahun 1981. Apabila Dr. Mahathir dipilih tanpa bertanding menjadi Presiden UMNO dan secara automatik menjadi Perdana Menteri, beliau menyokong Musa sebagai orang nombor dua, daripada Razaleigh.

Seorang penganalisa politik berkata pergeseran bermula setelah perhimpunan UMNO tahun 1984. Setelah kalah dalam tahun 1981 Razaleigh meneruskan tugasnya sebagai Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO. Beliau mencabar Musa sekali lagi dalam tahun 1984 untuk jawatan yang sama. Kempen kali kedua ini amat sengit dan besar belanjanya. Para penyokongnya berkata Musa mencapai persefahaman dengan Dr. Mahathir bahawa sekiranya Razaleigh bertanding lagi dalam tahun 1984 dan kalah, beliau akan digugurkan daripada kabinet dan juga jawatan di dalam UMNO. Dr. Mahathir dikatakan menunaikan separuh sahaja janji itu. Razaleigh kehilangan jawatan bendahari parti tetapi kekal di dalam kabinet sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan itu disifatkan boleh membuka ruang bagi pertandingan kali ketiga di antara mereka dalam tahun 1987.

Musa memikirkan kerana sudah mendapat mandat baru yang kuat di dalam UMNO, beliau boleh mengenakan beberapa syarat dan sedikit demi sedikit memperkuatkan pegangannya ke atas parti dan kerajaan. Malangnya beberapa cadangannya di dalam pembentukan kabinet tidak diambil kira oleh Dr. Mahathir, terutama di dalam meletakkan orangnya di tempat yang disukainya. Pada hari mengemukakan cadangan itulah Musa mendapat tahu yang Perdana Menteri mahu mengekalkan Razaleigh di dalam kabinet.

Beberapa hari kemudian pihak Musa menerima satu lagi puluhan hebat apabila Dr. Mahathir memilih kawan rapat dan usahawan Melayu terkemuka, Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewa-

ngan dan Bendahari UMNO yang baru. Dr. Mahathir juga mengumumkan perlantikan seorang kawan rapat dan setia kepadanya iaitu Sanusi Junid, sebagai Setiausaha Agung parti. Musa memang marahkan Sanusi Junid yang dituduh tidak mempedulikan arahan Dr. Mahathir, lalu menyokong Razaleigh di dalam perhimpunan tersebut.

Dalam suasana demikian Musa yang berjaya mengekalkan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO bukannya semakin berpengaruh sebaliknya merasa semakin tersisih. Tambahan pula Sanusi mula menunjukkan belang dengan menguasai penuh ibu pejabat parti dan lama kelamaan ke atas ahli-ahli peringkat bawahan. Sebagai Setiausaha Agung parti yang setia kepada Dr. Mahathir, sudah tentu Dr. Mahathir sedia mendengar pendapatnya. Berpasangan dengan Setiausaha Kerja UMNO, Kamarulzaman (Kip) Bahadon, Sanusi menguasai dengan kuat jentera dan peralatan parti sehingga sulit bagi orang yang tidak sebulu dengan mereka untuk menggunakan. Sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pula Sanusi mengawal beberapa pertubuhan luar bandar peringkat bawahan. Dengan itu pengaruh dan kuasanya cepat berkembang. Musa tiba-tiba merasai dia kehilangan sahabat di peringkat tertinggi parti.

Selain daripada Sanusi dan Kip, Musa juga kecewa dengan tatah Megat Junid Megat Ayob yang ketika itu Timbalan Menteri Perusahaan Utama dan bekas Setiausaha Politik Dr. Mahathir. Megat dikatakan akan dilantik sebagai Menteri Besar Perak, iaitu negeri yang paling ramai penduduknya di Malaysia, serta pengaruh jumlah perwakilan terbesar ke Perhimpunan Agung UMNO.

Kemudian Musa juga tidak gemarkan Daim kerana kawalannya atas kerajaan dan kewangan yang menjadikannya seorang tokoh yang paling berpengaruh di dalam sebuah negara dengan tradisi politik naungan dan politik wang. Daim pula merupakan salah seorang usahawan terkemuka Malaysia yang mewah di samping mempunyai hubungan rapat dengan peniaga-peniaga terkemuka di negara ini. Golongan Musa menjadi risau kerana wang yang sedemikian boleh menghidup dan mematikan orang di dalam politik.

Sebelum ini sudah beberapa kali berita angin tersebar tentang perletakan jawatan Musa. Dalam bulan Jun 1985 beliau pergi ke Eropah secara mengejut setelah bercerai dengan isterinya Matil

Ketika itu surat yang ditulisnya pada tahun 1984, sepatutnya sudah berkuatkuasa. Nampaknya Musa tidak membiarkan sahaja surat itu dilupai, sebaliknya mengingatkan Dr. Mahathir dengan menulis pula sepucuk surat panjang yang bukan sahaja membincangkan masalah lama dan baru tetapi juga masalah peribadinya, termasuk perceraian dengan Maria. Berita angin tentang perletakan jawatan Musa lenyap beberapa minggu kemudiannya apabila Musa kembali daripada bercuti dan setelah itu dia menafikan meletak jawatan di Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Musa berkata hubungannya baik dengan Perdana Menteri. Beliau berpeluk-pelukan dengan Dr. Mahathir di depan Perhimpunan Agung UMNO itu.

Suasana reda untuk beberapa bulan tetapi bangkit semula pada 15 Januari 1986 apabila di dalam sidang majlis tertinggi beberapa orang pemimpin parti—termasuk Naib Presiden veteran Ghafar Baba bercakap tentang apa yang mereka istilahkan sebagai sesuatu yang tidak sihat telah menyerang parti dan kerajaan.

Di antara isu-isu tersebut ialah Dr. Mahathir dan Musa berbeza pandangan dalam pengendalian kes Memali bulan November 1985. Dr. Mahathir secara peribadi dikatakan tidak menyokong tindakan pihak polis dan dengan itu Musa sebagai Menteri Dalam Negeri turut dipersalahkan di dalam peristiwa pertumpahan darah tu. Musa pula tidak menyenangi projek-projek utama Dr. Mahathir seperti Jambatan Pulau Pinang dan kereta Proton Saga ketika dianggap membazir.

Dalam sidang tergempar malam itu, Majlis Tertinggi beretru terhadap satu cadangan dari Johor supaya dihantar satu perwakilan empat orang ke London untuk memujuk Musa. Perwakilan itu diketuai oleh Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad dan dianggotai oleh Ajib Ahmad, Menteri Besar Johor, Najib Razak, Menteri Besar Pahang dan Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Perak. Para penganalisa politik percaya rombongan ke London itu akan gagal kerana tidak mungkin Musa menarik balik apa yang diputuskan di dalam suratnya. Lagipun tebal sekali buruk tangka dan kesangsian bukan sahaja di antara Musa dan Dr. Mahathir tetapi juga di antara para penyokong mereka. Akhirnya perwakilan ke London itu gagal.

Seorang Timbalan Menteri yang bersimpati dengan Musa berpendapat keadaan sudah sampai ke tahap dimana Musa merasa-

kan tidak ada cara lain lagi untuk bekerja di bawah Dr. Mahathir. Scorang lagi penyokong Musa di dalam Majlis Tertinggi UMNO menjelaskan bahawa perbezaan itu ialah di dalam cara bukan di dalam isi. Musa berasa tidak dibawa berunding dalam banyak hal dan terisih di dalam membuat keputusan.

Perletakan jawatan itu satu pertaruhan yang dirancang dengan teliti oleh seorang ahli politik yang cukup berpengalaman. Dalam tahun 1978, Musa yang berasal dari Johor itu memenangi salah sebuah daripada tiga kerusi naib presiden. Tiga tahun kemudian beliau dicabar oleh Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan Timbalan Presiden. Di dalam pertandingan itu Musa mendapat sokongan terbuka daripada Dr. Mahathir. Mereka bertarung lagi dalam tahun 1984 dan sekali lagi Dr. Mahathir menyokong timbalannya dan Musa memenangi dengan majoriti lebih besar. Menurut para pemerhati UMNO setelah hampir lima tahun sebagai orang kedua, Musa mulai hilang sabar kerana merasakan peranannya sebagai Timbalan Presiden agak kecil. Semenara itu, sebilangan pemimpin kerajaan yang dekat dengan Dr. Mahathir pula menuduh Musa cuba menggulingkan Perdana Menteri.

Menjelang Perhimpunan Agung UMNO tahun 1987 terdapat kalangan menjangka Dr. Mahathir yang sudah berusia 60 tahun akan berundur untuk memberi ruang kepada Musa. Bagaimanapun Perdana Menteri kekal menguasai kerajaan. Orang-orang Musa pula mengira kalau Dr. Mahathir kekal dalam jawatannya dalam tahun 1987, Musa mungkin menghadapi satu lagi cabaran daripada Razaleigh. Lagipun ada bahaya para pengikut Musa yang berharap mendapat ganjaran lebih baik akan menghadapi sains yang lebih hebat terutama daripada angkatan baru yang naik dengan cepat.

Perletakan jawatan Musa berlaku ketika pentadbiran menghadapi masalah-masalah besar dalam berbagai-bagai bidang. Ekonomi merosot dengan Keluaran Negara Kasar (KNK) bagi tahun 1985 didapati pada paras 2.8 peratus, sedangkan dalam tahun berlumnya 7.6 peratus. Kemungkinan untuk tahun 1986 juga rang baik. Tambahan pula MCA, rakan kedua terpenting di dalam Kerajaan Barisan Nasional menghadapi krisis kepimpinan dengan Tan Koon Swan didakwa menipu di Singapura. PAS pula sem-

kuat. Manakala di Sabah pula timbul krisis politik di mana kerajaan PBS pimpinan Joseph Pairin Kitingan dianggap terkepung sejak pilihanraya 15 April.

Dalam suasana sedemikian perhatian seluruh negara tertumpu kepada Dr. Mahathir dan Musa serta membuat pelbagai ramalan akan tindakan mereka seterusnya. Mahathir bagaimanapun kejadian amat tenang dan kekal menjadi Perdana Menteri.

Kegemparan Kerana Komando

PASUKAN berkenaan diberi nama komando atau skuad serang atau gerila. Mereka bergerak dari dalam Pergerakan Pemuda UMNO. Dalam perang mulut di antara para pengikut setia Dr. Mahathir dan Musa kisah komando menjadi popular.

Di dalam surat perletakan jawatannya, Musa melahirkan keimbangannya terhadap komando kerana beliau dikatakan terlibat. Menurut seorang rakan Musa, komando merupakan satu kumpulan elit yang dibiayai oleh ibu pejabat parti untuk mempertahankan Dr. Mahathir dan rakan-rakan rapatnya. Dengan orang-orang itu dikatakan di belakang Dr. Mahathir, Musa berasa tidak dapat berfungsi dengan berkesan. Malah dirasakannya mereka bertujuan memusnahkan politik beliau.

Para penyokong Dr. Mahathir pula berkata tidak ada sesuatu yang berbahaya tentang komando. Kumpulan komando yang terdiri daripada 200 orang itu lahir daripada rancangan latihan politik Pemuda UMNO. Lagipun ketua mereka Anuar Zaini merupakan pembantu khas Musa di Kementerian Dalam Negeri. Sebagai sebahagian daripada rancangan latihan, mereka menjalankan latihan fizikal yang kuat supaya menjadi personaliti yang kuat. Bagaimanapun tidak ada yang dilatih menggunakan senjata atau mencederakan orang.

Seorang Ahli Majlis Tertinggi yang rapat dengan Musa mengatakan Musa agak risau tanpa asas. Seorang yang rapat dengan kumpulan pula berkata, nama komando lahir kerana pernah satu ketika sebilangan pelatih itu terlibat di dalam satu perbincangan dalam tahun 1985. Perbincangan itu menjadi hangat sehingga salah seorang dengan marah menegaskan mereka tidak suka mendengar orang menyalahkan Dr. Mahathir, sekalipun pengkritik itu

seorang menteri kabinet. Ini menyebabkan ada orang salah sangka yang komando itu satu skuad Dr. Mahathir yang mahu menghapuskan semua musuh politiknya.

UMNO Parti Yang Dianggap Bapa

BAGI orang Melayu, UMNO sentiasa dipandang sebagai bapa yang baik hati. UMNO pula—selaku parti yang unggul di dalam Barisan Nasional yang memerintah telah menentukan ia menjaga baik anak-anak buahnya. Bagaimanapun di dalam kemerosotan ekonomi, UMNO mendapat sulit untuk menyediakan buah-buah pembangunan untuk orang-orang Melayu luar bandar yang membentuk sebahagian besar ahli dan penyokongnya.

Sebarang keresahan di kalangan orang Melayu, baik di bandar maupun di luar bandar menimbulkan ancaman hebat kepada UMNO. Dalam suasana yang menghimpit, PAS nampaknya semakin pulih kekuatannya di kawasan-kawasan kubu lamanya di Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis. Sekalipun tumpuan PAS terhadap golongan Melayu miskin di desa, aliran kebangkitan Islam di seluruh negara menjadikan lebih menarik kepada beberapa golongan termasuk mereka yang mahukan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran.

Untuk meredakan pengaruh PAS, orang-orang UMNO yang kuat pengaruhnya di kalangan masyarakat Islam mempunyai jadual yang sibuk di dalam kempen menseimbangkan tarikan PAS di kawasan-kawasan Melayu. Di antara yang paling menonjol dalam kempen itu ialah Anwar Ibrahim, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad dan Yusof Mohamad Noor.

Kerajaan juga telah berusaha memenuhi harapan orang Melayu bagi lebih banyak kegiatan Islam tajaan Kerajaan. Maka telah ditubuhkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan Syarikat Takaful, sebuah sistem insuran Islam.

Yang rumitnya ialah sentimen Melayu Islam telah mula melampaui permintaan yang tidak lagi terhad kepada sebuah masjid baru atau sekolah agama. Mereka menuntut pula sistem perundangan dan perlombongan negara yang berlandaskan Islam. Ini agak rumit bagi kerajaan, kerana sekalipun ia mempunyai ramai penyokong Melayu, kebimbangan bukan Melayu harus diambil ke-

juga. Selain daripada desakan PAS mereka bimbang di dalam UMNO sendiri akan lahir golongan pelampau.

Strategi baru PAS pula ialah cuba menarik bukan Melayu—terutama masyarakat Cina. Bagaimanapun ini belumlah sampai menjelaskan MCA. PAS menjelaskan usaha itu untuk mendidik dan membiasakan penyokong pembangkang bukan Islam di luar bandar akan pendekatan mereka. Tumpuan mereka ialah di kawasan dimana PAS bertemu satu lawan satu dengan Barisan Nasional. Bagaimanapun pengaruh PAS di kalangan orang Melayulah yang membimbangkan UMNO. Modal utama UMNO iaitu semangat kebangsaan semakin kurang tarikannya, terutama di kalangan golongan muda kerana zaman sudah berubah dimana kini semakin jauh politik Melayu meninggalkan perjuangan kemerdekaan dari-pada penjajahan.

Satu lagi faktor ialah Dr. Mahathir mahu melihat negara ini berjaya dengan pesat menjelang tahun 1990 ketika mana Dasar Ekonomi Baru berakhir tempohnya. DEB akan digantikan dengan satu Dasar Ekonomi Kebangsaan. Tetapi masyarakat India dan Cina sudahpun bimbang kemungkinan dasar itu tidak berbeza daripada DEB.

Sebilangan pemimpin UMNO percaya Musa mungkin sudah kurang minat untuk mendesak diteruskan dasar-dasar yang menguntungkan Bumiputera. Lagipun semakin lama Dr. Mahathir memegang jawatan semakin tipis peluang Musa untuk menggantikannya kerana orang-orang Dr. Mahathir memperkuatkan kedudukan mereka, sedang golongan lebih muda akan meningkat.

Dalam Perhimpunan Agung Tahunan UMNO pada bulan September 1985, Dr. Mahathir jelas sekali telah memperkuatkan kedudukannya. Daim Zainuddin yang dilantik oleh Dr. Mahathir sebagai Menteri Kewangan dan Anwar Ibrahim yang menjadi Ketua Pemuda UMNO ketika itu, kedua-duanya dikatakan orang Dr. Mahathir diterima baik oleh para perwakilan. Musa sendiri dalam ucapannya menyatakan kesediaan untuk bekerjasama.

Bagaimanapun sejak tahun 1986 Musa kelihatan mengambil langkah tegas dan beberapa tindakan keras setiap kali Dr. Mahathir berada di seberang laut. Di antara isu-isu yang paling ketara ialah:

Mengeluarkan amaran kepada MCA dalam bulan Disember 1985, supaya menyelesaikan krisis kepimpinannya atau keluar

- dari Barisan Nasional,
- Menggantikan tapak bagi pembuangan sisa nuklear di Papan Perak dalam bulan Januari 1985,
- Keputusan Musa mengiktiraf keputusan pilihanraya Sabah dan bukan upacara angkat sumpah sebelum subuh oleh pemimpin minoriti Tun Mustapha Datu Harun,
- Peristiwa di Baling.

Sekalipun Musa dalam beberapa kes dikatakan melaksanakan kenyataan kotor untuk Dr. Mahathir, namun sikap Musa itu dianggap sudah keterlaluan. Cara Musa membuat keputusan mengenai Sabah merupakan keputusannya bersendirian. Malang sekali bagi Dr. Mahathir kerana krisis yang menjelaskan imej beliau selalunya terjadinya sebaik sahaja beliau berada di seberang laut.

Musa merupakan seorang perancang strategi yang baik, katanya seorang anggota kem lawan. Beliau hanya memainkan peranan menunggu dan membiarkan peristiwa berlaku. Satu contoh menonjol ialah kemarahan beberapa pihak di dalam UMNO kerana Dr. Mahathir memecah tradisi meletakkan muka orang baru di tempat yang tinggi di dalam hiraki parti.

Yang paling membimbangkan Dr. Mahathir ketika itu ialah satu teori yang datang daripada ahli-ahli politik sendiri, bahawa Musa dan Razaleigh mungkin bersatu untuk mencabar Dr. Mahathir. Tidak boleh dielakkan juga ialah dengan tempoh tamat DEB semakin hampir, tempoh Dr. Mahathir memegang jawatan pula bertembung dengan kesedaran ekonomi yang kian meningkat di kalangan Melayu, terutama di dalam UMNO. Tidak hairanlah politik wang di dalam UMNO telah sampai ke tahap wabak yang membimbangkan. Para pemimpin UMNO sendiri secara terburu mengutuk amalan membeli sokongan para perwakilan untuk mereka dapat kedudukan baik di peringkat cawangan mahupun bahagian dan seterusnya di peringkat pusat.

PEMIKIRAN MAHATHIR SUKAR DIFAHAMI

"Saya harus bersedia untuk memikul segala ini. Jadi biarlah saya mencuba dengan cara saya untuk mengatasinya. Kalau saya berjaya mencapai walaupun hanya sebahagian daripada apa yang saya hajati, itu sudah memuaskan. Kalau tidak berjaya, saya akan berpuas hati kerana telah mencuba. Jadi, kalau kita berjaya, itulah dia."

— Dr. Mahathir

JELAS sekali kunci falsafah di dalam pentadbiran Dr. Mahathir ialah kepimpinan pusat. Kuasa terletak di tangan segelintir orang yang berada di puncak. Dr. Mahathir sendiri sentiasa menonjol, malah sambil berjenaka beliau pernah berkata, dia mahu terlibat di dalam banyak perkara. Beliau telah mengambil dayausaha menghantar rombongan dagangan ke luar negeri dan memanggil pelabur asing, memperjuangkan sawah padi secara besar-besaran serta memulakan percubaan pertama Malaysia mengeluarkan keteta. Beliau juga terlibat langsung di dalam pembentukan sosial dengan meletakkan sasaran jumlah penduduk 70 juta menjelang tahun 2010.

Sekalipun 'rundingan' menjadi corak kerajaan secara ber-kongsi kuasa di dalam Barisan Nasional, namun di bawah Dr. Mahathir, berbeza daripada pemimpin-pemimpin sebelumnya, apabila Perdana Menteri biasanya membuat keputusan yang

muktamad. Oleh kerana itu apabila timbul sesuatu yang tidak senang dengan Dr. Mahathir, hampir secara peribadi dipersalahkan. Walaupun tidak adil menyalahkan beliau bulat-bulat tetapi itulah yang telah berlaku.

Mungkinkah Malaysia belum bersedia untuk menerima pentadbiran corak Dr. Mahathir? Para pegawai kanan mendakwa mereka didesak bertindak cepat. Dr. Mahathir pula mempunyai fikiran yang jelas dan padu tentang ke mana negara hendak dituju. Maka 'pembangunan' pun datang dengan kadar yang sungguh cepat.

Kini bolehlah dikatakan negara sudah biasa dengan corak sedemikian, sekalipun belum tentu menyokong gaya kepimpinan Dr. Mahathir. Apa yang dianggap oleh para penyokongnya sebagai cara dinamik, sebaliknya dianggap oleh para pengkritik sebagai terburu-buru tanpa pertimbangan. Apa yang dianggap sebagai keyakinan pada diri sendiri dianggap sebagai keangkuhan oleh yang lain.

Usaha Dr. Mahathir menyelesaikan krisis kepimpinan MCA yang berlarutan selama hampir dua tahun dikritik oleh sebilangan pihak dalam MCA sebagai campurtangan di dalam hal ehwal dalam parti mereka. Dengan menggugurkan bekas Pemangku Presiden MCA, Datuk Neo Yee Pan daripada portfolio Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. Mahathir menegaskan bahawa Datuk Neo tidak lagi disanjung. Sokongan yang dikatakan diberikan kepada Menteri Buruh, Mak Hon Kam dikatakan membantu memecahkan parti itu kepada tiga puak.

Puak Tan Koon Swan menjadi hilang imbangan. Bagi merdeka Barisan Nasional mengiktirafkan puak Tan Koon Swan kerana belum itu mereka dipanggil untuk membantu di dalam kempilihanraya kecil. Bagaimanapun apabila Tan Koon Swan akhirnya menang menjadi Presiden MCA pada 25 November ramai yang kurang pasti apakah Dr. Mahathir mengiktirafkan kemenangan ini. Ini menyebabkan seorang perwakilan dari kem Tan berkata, "dangkala sukar difahami pemikiran Dr. Mahathir."

Sabah mungkin menghakiskan kewibawaan Dr. Mahathir berbanding peristiwa-peristiwa yang lain di dalam tempoh empat tahun tengah tahun berkuasa. Bagi sesetengah orang peristiwa kedua yang menghakiskan kewibawaannya ialah krisis perlumbagaan yang menyebabkan Dr. Mahathir bersaing dengan sembilan orang

Raja untuk menentukan siapa yang sebenarnya memegang kuasa. Ketika Pairin dengan parti barunya PBS mencapai kejayaan yang di luar dugaan, Dr. Mahathir mengetuai satu perwakilan perdagangan ke Scandinavia. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang bertindak bagi pihak Dr. Mahathir mengumumkan bahawa pilihan rakyat Sabah harus dihormati. Di khalayak ramai Dr. Mahathir menyokong keputusan Musa tetapi sumber di dalam UMNO mendakwa Musa membuat keputusan yang salah.

Sejak peristiwa-peristiwa itu, kalau ditinjau daripada pandangan orang ramai di akhbar-akhbar, Dr. Mahathir tidak senang menerima kekalahan. Menjawab satu soalan tentang keadaan politik yang tidak menentukan di Sabah menjelang pilihanraya Dr. Mahathir menjawab, "Kita tidak pasti siapakah yang menjadi Ketua Menteri kerana ada perebutan untuk jawatan itu." Ini membayangkan pengiktirafan yang meragukan terhadap Pairin. Akibatnya keyakinan terhadap amalan demokrasi di Malaysia tergugat, khasnya di kalangan golongan lebih berpendidikan di bandar. Lebih-lebih lagi ia telah menyebabkan rakyat Sabah, terutama golongan yang sensitif merasakan undi mereka tidak dihormati apabila berhadapan dengan kehendak dan kemahuan Persekutuan.

Walau bagaimanapun Dr. Mahathir cukup kuat dan cukup berani menghadapi risiko. Oleh kerana sikapnya penuh bertenaga, dan amat yakin pada diri sendiri, harapan rakyat yang dipertaruhkan terhadapnya lebih tinggi. Tambahan pula apabila mula berkuasa beliau telah melancarkan beberapa dasar dan janji. Bagaimanapun kini gema dasar Pandangan ke Timur sudah berkurangan setelah beberapa usahawan tempatan menuduhnya menjual negara kepada orang Jepun. Dasar 'Bersih, Cekap dan Amanah' telah tersamar oleh beberapa kes skandal rasuah. Di antara yang terbesar adalah skandal BMF yang melibatkan wang M\$2.5 ribu juta.

Secara sendirian Dr. Mahathir telah terlibat dan tertonjol di dalam peristiwa dan kejadian di negara ini yang melebihi dari apa yang dihadapi oleh dua orang Perdana Menteri sebelumnya, Tun Hussein Onn atau Allahyarham Tun Razak, semasa mereka berkuasa. Bahkan ketokohan Dr. Mahathir memang jauh lebih me-tonjol jika dibandingkan dengan Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman. Dr. Mahathir menerajui Malaysia ke satu era yang tidak pernah impi sebelum ini.



Tunku Abdul Rahman

GHAFAR: UMANG-UMANG POLITIK

"Orang Melayu ada Ali Baba, Orang India ada Sai Baba, dan orang Cina ada Ghafar Baba..."

— Akhbar Singapura

BAGI Encik Ghafar Baba, yang ketika itu berusia 61 tahun, perlantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah kebangkitan yang menakjubkan. Setelah dua kali terlepas peluang untuk menduduki kerusi itu, syukurlah kerana adanya kerena Musa, kini beliau berada di tempat yang sewajarnya. Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Ghafar 'sckadar schembusan nafas daripada jawatan Perdana Menteri.'

Bagi seseorang yang sejak tahun 1976 telah tidak dikira sebagai calon serius bagi menerajui puncak kepimpinan, peluang ini sesungguhnya satu kejayaan yang besar. Begitulah nasib menentukan. Dalam bulan Mac 1986, Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan daripada kabinet, tetapi masih menjadi Timbalan Presiden UMNO. Tradisi UMNO menetapkan kalau Timbalan Presiden tidak dapat, jawatan Timbalan Perdana Menteri disandang oleh salah seorang naib presiden. Antara tiga orang naib presiden, iaitu Abdul Ghafar Baba, Datuk Wan Mokhtar dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Ghafarlah yang paling layak, lalu Ghafar pun diangkat menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Sememangnya sejak perletakan jawatan Musa bertiuplah berita angin tidak henti-henti tentang timbulnya puak-puak di dalam

parti UMNO. Dengan PM terpaksa berhati-hati untuk mengelakkan masalah menjadi semakin genting, lalu perlu dicari seorang yang dianggap 'neutral' tetapi dihormati oleh semua pihak. Malah Tengku Razaleigh Hamzah yang pernah dua kali bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden berkata, "kalau orang lain yang dilantik pasti UMNO akan berpecah."

Untuk beberapa tahun Ghafar merupakan ahli politik ketiga yang paling berkuasa dan berpengaruh. Apabila Timbalan Perdana Menteri Tun Dr Ismail Abdul Rahman meninggal dunia dalam tahun 1974, Ghafar sudah memiliki kelayakan politik untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Namun Tun Razak memilih salah scorang lagi naib presiden, iaitu, birasnya (Tun) Hussein Onn. Ghafar terus berjuang. Sekurang-kurangnya sekali beliau pernah memangku jawatan Perdana Menteri, apabila kedua-dua Razak dan Hussein berada di luar negeri. Tun Razak meninggal dunia dalam tahun 1976, lalu Hussein naik ke puncak kuasa, dan jawatan Timbalan Perdana Menteri sekali lagi kosong. Setelah banyak perkiraan dan petimbangan Hussein melantik Dr. Mahathir sebagai orang nombor dua. Untuk menyedapkan Ghafar, Hussein menawarkan dua jawatan kabinet, iaitu Perusahaan Awam dan Pertanian. Atas sebab-sebab tertentu Ghafar meninggalkan kabinet dan memulakan penceburan selama 10 tahun di dalam perniagaan.

Insan yang dikatakan berjaya atas kegigihan diri sendiri ini dilahirkan di Kuala Pilah dalam tahun 1925, anak sulung dari sepuluh orang adik beradik. Beliau menjadi yatim piatu ketika masih berusia 10 tahun, apabila ayahnya seorang penoreh getah dan pekerja buruh, meninggal dunia diikuti oleh ibunya beberapa bulan kemudian. Apabila adik beradiknya berpindah untuk tinggal dengan saudara mara di Melaka, Ghafar menetap di kampung. Untuk meneruskan persekolahan beliau melakukan pelbagai jenis pekerjaan—menjadi caddy golf, pembantu di dalam gelanggang tenis penjaja dan sebagainya. Ketika berusia 10 tahun, beliau menjadi caddy kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, yang kemudiannya menjadi Yang Dipertuan Agong yang pertama dan di sini Ghafar pula menjadi Ketua Menteri Melaka yang pertama.

Ketika berusia 15 tahun Ghafar terpaksa berhenti sekolah (bertahun-tahun kemudian, ketika menjadi Ketua Menteri Melaka beliau menduduki peperiksaan MCE dan lulus). Setelah berhenti

sekolah, Ghafar memohon dan diterima masuk ke Maktab Perguruan Sultan Idris. Malangnya Perang Dunia Kedua meletus. Ghafar dipilih oleh Jepun di kalangan calon-calon yang mempunyai potensi kepimpinan untuk dimasukkan ke Dito Kunrensho (Pusat Latihan). Mereka dilatih menyebarkan budaya Jepun di kalangan rakyat. Di antara orang-orang yang dipilih bersamanya ialah (Tan Sri) Ghazali Shafie, (Tan Sri) Abdullah Salleh (kemudiannya mengetuai Petronas) dan (Tan Sri) Mohamed Yaakub (Menteri Besar Kelantan). Setelah enam bulan dilatih menghayati segala-gala yang berupa Jepun, Ghafar ditugaskan ke sebuah pusat latihan pergerakan dekat Ayer Keroh. Ghafar menjadi seorang pensyarah di pusat itu.

Selepas perang dunia, semangat nasionalisme Melayu bangkit kerana British bertindak untuk menguatkuasakan Malayan Union. Ghafar yang muda remaja tertarik dengan sosialisme radikal anjuran Allahyarham (Datuk) Ahmad Boestamam, dan akhirnya menyertai Parti Kebangsaan Melayu (MNP) yang diketuai oleh Dr. Burhanuddin El-Helmy, yang kemudian membentuk Parti Islam Se-Malaya (PMIP) yang kini dikenali sebagai PAS. Ahli MNP dianggap oleh British sebagai radikal dan parti itu diharapkan menjelang tahun 1948 kerana disyaki mempunyai hubungan dengan komunis. Ghafar turut disyaki sebagai anasir subversif.

Ketika itu UMNO sudah wujud di bawah pimpinan Onn Jaafar, namun Ghafar tidak menganggap yang UMNO sebagai gantian yang sesuai untuk MNP. Beliau tidak bersetuju dengan corak politik UMNO ketika itu yang tidak benar-benar memperjuangkan kemerdekaan (sekitar tahun 1948). Ghafar hanya berubah pandangan dan terus menyertai UMNO dengan setiannya setelah Tunku Abdul Rahman mengambil alih kepimpinan dalam tahun 1951. Beliau tertarik dengan personaliti Tunku, terutama kerana sanggup meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Pendakwaraya, satu jawatan kerajaan yang berpengaruh, untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap politik. Baginya matlamat perjuangan yang dibawa oleh Tunku adalah jelas.

Dalam tahun itu Ghafar menyertai UMNO dan dilantik menjadi Setiausaha Cawangan Bandar Melaka. Sejak itu beliau tidak berhenti-henti memegang pelbagai jawatan di dalam parti yang

paling berkuasa itu. Menjelang tahun 1957 beliau sudah duduk di dalam Majlis Tertinggi UMNO dan dalam tahun 1959 dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka, jawatan yang dipegangnya sehingga tahun 1967. Dalam tahun 1966 beliau dilantik mengetuai Majlis Amanah Rakyat (MARA), agensi utama kerajaan untuk membantu orang Melayu dari segi ekonomi. Dalam tahun 1969 beliau bertanding untuk kerusi parlimen dan dengan segera dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Menurut rakan lamanya, Tan Sri Khir Johari, Ghafar adalah seorang ahli parti dan akan mematuhi keputusan parti. Sifat setianya itu dapat dikesan awal-awal lagi. Misalnya, apabila Tunku mahu menyisihkan Aziz Ishak, seorang Naib Presiden UMNO yang juga seorang Menteri yang banyak membuat kerentahan, Ghafar dipilih untuk menandinginya. Ghafar yang menurut perintah dengan mudah memenangi perebutan itu kerana mendapat sokongan pucuk pimpinan. Tun Razak pula menggunakan sebagai 'barometer' menguji pandangan masyarakat Melayu, kerana Ghafar dianggap wakil paling dekat dengan golongan bawahan. Malah kata Datuk Harun Idris yang pernah menjadi 'power broker' di dalam UMNO, Ghafar mempunyai kebolehan merasakan gerak nadi masyarakat Melayu.

Sesuai sekali dengan imejnya sebagai ahli politik kampung, Ghafar paling tidak cerewet tentang pakaian, dan cukup gemar memakai kemeja T 'dua ringgit' dan kasut getah. Setelah berucap di kampung-kampung beliau akan duduk di kalangan hadirin dan bercakap tentang masalah tanaman mereka. Rakyat jelata pula senang bergaul dan bercakap tanpa segan silu dengan beliau.

Ghafarlah juga ahli politik yang bergiat sejak zaman Tunku, yang tidak mahukan sebarang bintang kebesaran. Menurut Khir Johari mereka bertiga iaitu beliau sendiri, Ghafar Baba dan Senu Abdul Rahman berjanji tidak akan menerima sebarang gelaran sehingga bersara daripada politik.

Ramai orang menyatakan ketiadaan kelayakan pengajian tinggi membantutkan peluangnya untuk meningkat. Apa yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang ialah beliau merupakan salah seorang pelajar terbaik semasa di maktab perguruan dulu. Sekalipun mendapat pendidikan Melayu dan kurang mengetahui bahasa Inggeris, tetapi sekarang cukup fasih menggunakan bahasa

itu. Seorang ahli sains politik merumuskan bahawa golongan elit berpendidikan Inggeris tersilap jangka tentang keupayaan Ghafar.

Di kalangan ahli-ahli politik yang lahir pada zaman Tunku, hanya Ghafar dan mungkin Harun Idris yang masih aktif. Bagaimanapun Harun yang suatu ketika dulu dianggap mempunyai potensi menjadi Perdana Menteri telah mempertaruhkan segalanya dan kalah di dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden dalam tahun 1984. Ghafar terus bertahan kerana menurut Harun 'sokongan Ghafar tidak terhadap mana-mana kumpulan atau mana-mana negeri, menjadikannya seseorang yang dicari oleh mereka yang berpengaruh. Seorang pemerhati dengan lebih tepat merumuskan, 'Ghafar tidak pernah kalah di dalam sebarang pertandingan UMNO.'

Menurut Ghafar falsafahnya ialah sentiasa menyokong kepimpinan dan jangan mengkhianati pemimpin. Ini terbukti apabila berlaku krisis perlombagaan, Ghafar, sekalipun dari golongan tua, memberi sokongan terbuka kepada Dr. Mahathir. Seorang pemerhati pula berpendapat, Ghafar cukup bijak memerhati aliran dan memilih mana-mana pihak untuk disokong. Kadangkala beliau rela mengenepikan pandangan sendiri apabila berhadapan dengan perselisihan pandangan.

Kalau politik Musa lebih banyak pertimbangan, dengan setiap langkah dikaji dengan lebih teliti, politik Ghafar bagaikan sesuatu yang semulajadi. Dari segi pengalaman memang Ghafar lebih banyak pengalaman, dan semasa beliau sudah berada di dalam Kabinet, Musa baru menjadi seorang setiuusaha politik. Musa masih kanak-kanak, Ghafar pula sudah menjadi Ketua Menteri Melaka.

Pada ketika Musa meletakkan jawatan, Barisan Nasional agak kurang kemas untuk menghadapi pilihanraya umum. Ghafar berkejar ke sana ke mari di seluruh negara berucap sehingga 10 kali sehari. Kempen Ghafar mendatangkan kesan hebat ke atas pilihanraya itu. Seorang timbalan menteri berpendapat kalau bukan kerana Ghafar, Kelantan mungkin sudah jatuh ke tangan pembangkang. Rahsianya menurut Ghafar, kajian menunjukkan orang-orang di luar bandar lebih berminat tentang bila parit di kampung mereka akan dibina dan bila pula mereka akan mendapat bekalan air. Mereka kurang berminat terhadap skandal BMF ataupun jawatan tinggi dalam parti.

Di dalam krisis kepimpinan MCA pula peranan Ghafar cukup besar sehingga kedua-dua belah pihak yang bergeseran naik risau akan kehadirannya yang dianggap tidak boleh ketika itu. Ini menyebabkan sebuah akhbar Singapura menulis 'Orang Melayu ada Ali Baba, orang India ada Sai Baba, dan orang Cina pula ada Ghafar Baba.'

Mungkinkah Ghafar seperti umang-umang? Sehingga ini beliau dapat menyesuaikan diri dalam apa keadaan sekalipun. Beliau boleh bercakap dalam semua nada politik. Menurut orang dalam, Ghafar berperanan di dalam mewujudkan kompromi dalam satu sidang kabinet berkenaan isu peribumi. MCA yang kecewa kerana usaha mereka untuk menghentikan penggunaan istilah pendatang atau imigran berhubung dengan rakyat Malaysia bukan Melayu, mengancam mahu keluar daripada persidangan. Ghafar menenangkan setiap orang dan perbincangan dapat diteruskan.

Masa depan Ghafar dikatakan terletak di tangan Allah dan Dr. Mahathir. Kalau satu ketika Ghafar Baba yang kini Timbalan Presiden UMNO dianggap seorang timbalan sementara, semata-mata memanaskan kerusi untuk orang pilihan Dr. Mahathir, iaitu Anwar Ibrahim, pandangan itu sekarang sudah mulai berubah. Anggapan bahawa seseorang pemimpin harus memiliki kelayakan pengajian tinggi untuk memegang jawatan penting semakin tidak penting. Sebagai sebuah parti yang semakin matang, kekurangan kelayakan tidak lagi dianggap sebagai kekurangan keupayaan. Kata Khir, "Ghafar orang lama, dan saya yakin beliau akan dapat mengatasi sebarang percubaan untuk menjatuhkannya."

Memasuki Dunia Perniagaan

GHAFAR menceburi bidang perniagaan hanya untuk menyara hidup setelah meninggalkan politik barisan depan. Dengan tekad yang kuat, beliau tidak membuang masa lagi mewujudkan sebuah empayar perniagaan dan menjadi salah seorang usahawan terkemuka di negara ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, "Setelah keluar dari Kabinet, saya meminta nasihat beberapa orang kawan di bidang perniagaan. Saya juga mendapat peluang membeli tanah dengan harga yang murah di kawasan Kuala Lumpur. Beberapa bulan

kemudian ada pihak yang menawarkan harga yang baik untuk tanah itu. Dengan keuntungan itu saya memulakan perniagaan saya." Dalam bulan Disember 1979, tiga tahun setelah meninggalkan kabinet, Ghafar melalui syarikat keluarganya, Goodyield Plaza, memperolehi 41 peratus saham di dalam Pegi dengan harga sekitar 850,000 ringgit. Pegi ketika itu yang mempunyai aset asas sekitar 3.2 juta ringgit telah beberapa ketika terbiar, dan digantung perniagaannya daripada Bursa Saham Kuala Lumpur. Beberapa bulan setelah Ghafar ambil alih, Pegi disenaraikan semula ke dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan sahamnya meningkat dari 2.50 ringgit menjadi 16 ringgit sesaham. Goodyield Plaza kemudiannya membeli 9.25 peratus lagi saham Pegi, dan menjadikan Pegi anak syarikatnya.

Pegi kemudiannya membeli saham beberapa buah syarikat besar dan yang terbesar ialah DUNLOP. Pegi berjaya memiliki 26 peratus saham di dalam syarikat pelbagai negara (multi-national) itu, menjadikannya pemegang saham terbesar. Apabila nilai saham Dunlop jatuh Ghafar terpaksa menunggu dengan sabar. Awal tahun 1986, BTR, salah sebuah syarikat perindustrian terbesar Britain mengambil alih Dunlop. Pegi ditawarkan dua pilihan bagi 26 peratus saham yang dimiliki di dalam Dunlop, iaitu wang tunai sejumlah 64 juta ringgit atau 3.54 juta saham di dalam BTR sendiri. Pegi memilih saham itu dan perniagaannya pulih, dengan keuntungan berlipat ganda. Dengan itu Ghafar berpeluang menyelamatkan diri daripada keadaan yang rumit.

Kini Ghafar sudah meninggalkan semua kedudukannya di dalam perniagaan. Apabila ditanya yang mana lebih digemarinya, politik atau perniagaan. Jawapan beliau, "Kedua-duanya."

PERSIDANGAN



Datuk Musa berjabat salam dengan Tengku Razaleigh sambil disaksikan oleh Dr. Mahathir dan Datuk Abu Hassan Omar di Persidangan UMNO 1987 yang menghancur lebur perpaduan rakyat jelata.



Datuk Musa keluar dari Mahkamah setelah menang saman malu terhadap sahabatnya Sdr Syed Hussein Al-Attas gara-gara buku Challenger—Siapa Lawan Siapa. Senang pula dia kerana buku itu dilarang di Malaysia. Terima kasih.

MANDAT UNTUK BISUKAN PENGKRITIK

"Berikan kami beberapa ribu kad pengenalan biru (status warganegara), lebih banyak surat hak milik tanah untuk kampung-kampung baru Cina serta peruntukan teratur unruk memajukan tanah-tanah itu, barulah kami akan memperolehi lebih banyak undi masyarakat Cina untuk Barisan Nasional."

— Seorang pemimpin MCA

DR. MAHATHIR melakukananya. Rata-rata orang berpendapat yang Barisan Nasional akan kalah teruk tetapi dia tetap memungkinkan juga pembubaran Parlimen. Di tengah-tengah kecususan pelbagai isu-isu besar seperti skandal BMF, perletakan jawatan Datuk Musa, kemelesetan ekonomi dan pergeseran di dalam parti komponen Barisan Nasional itulah Dr. Mahathir pergi kepada rakyat untuk mendapatkan mandat baru. Hasilnya dalam Pilihan Umum 1986 itu, beliau bersama Barisan Nasional menang dengan Campuran 13 parti komponen BN kembali berkuasa dengan memenangi 148 dari 177 kerusi Parlimen—mendapat lebih maju dua pertiga yang diperlukan. Mandat baru itu sesungguhnya telah membisukan para pengkritik Dr. Mahathir.

Prestasi UMNO lebih baik dari yang dijangka—memenangi daripada 84 kerusi Parlimen dan 228 daripada 240 kerusi diangkat Dewan Undangan Negeri yang ditandingi. Mahathir diri memenangi kawasan Kubang Pasu dengan kelebihan 298 undi, sekadar 500 undi kurang daripada jumlah dalam tahun 1982. Di Johor bekas timbalannya, Datuk Musa Hitam,

memperolehi jumlah undi kedua terbanyak, iaitu 30,633 undi mengalahkan calon PAS. Sebagaimana dijanjikan Musa telah membawa untuk Barisan Nasional semua 18 kerusi Parlimen dan 35 daripada 36 kerusi negeri—hampir 100%.

Dengan apa yang merupakan kejayaan mutlak, Mahathir berharap kini untuk menyenangkan para pengkritik yang sejak tahun sebelumnya menimbulkan isu skandal kewangan, penyelewengan pentadbiran wang awam, rasuah, kekacauan politik di dalam Barisan Nasional dan apa yang dianggap umum sebagai krisis kepimpinan. Memang tidak dapat dinafikan para pengkritik kini sudah hilang banyak peluru mereka.

Analisa keseluruhan pula menunjukkan keputusan mengikut batas perkauman. Perwakilan utama masyarakat Cina di dalam Barisan, MCA kalah teruk. Gerakan juga mengalami kekalahan teruk di dalam kawasan majoriti Cina. DAP, parti pembangkang mencapai kejayaan yang baik dan memperolehi 20.82% pula undi popular. Bagaimanapun diluar jangkaan ialah rakan tidak rasmi DAP di dalam pilihanraya itu, PAS, gagal untuk memperolehi undi Melayu, dengan memenangi hanya satu kerusi Parlimen daripada lima kerusi sebelum pilihanraya, dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 18 kerusi sebelumnya, walaupun ia memperolehi 15.58% undi popular. Di banyak kawasan persaingan amat sengit, tetapi tidak cukup sengit untuk mengubah status quo Melayu. MIC menunaikan janjinya terhadap penguasaan undi penduduk keturunan India yang merupakan 9% penduduk negara, dan dengan memenangi semua enam kerusi Parlimen yang ditandingi dia kehilangan hanya satu daripada 13 kerusi Dewan Undangan Negeri ditandingi.

MCA dirasakan kurang bersungguh-sungguh kerana digemari oleh krisis kepimpinan, dan Presidennya sendiri, Tan Kok Swin dilanda skandal penipuan dan pecah amanah. Para pemimpin MCA dan Gerakan selalu berkata, populariti dan kewibawaan mereka bergantung semata-mata kepada kesediaan UMNO memenuhi permintaan masyarakat Cina. "Berikan kami beberapa tiakad pengenalan biru (status warganegara), lebih banyak surat hak milik tanah untuk kampung-kampung baru Cina serta peruntukan teratur untuk memajukan tanah-tanah itu, kami akan memperoleh lebih banyak undi masyarakat Cina untuk Barisan Nasional," kat-

scorang pemimpin MCA.

Dr. Mahathir mengadakan sidang akhbar di bangunan pencakar langit, ibu pejabat UMNO. "Kami memang sentiasa merasmalkan yang kami akan mendapat majoriti dua pertiga," kata pemimpin yang kelihatan lemah tetapi masih ada tenaga untuk membidas pembangkang. Dalam kempen yang paling singkat pernah diadakan—10 hari, beberapa parti pembangkang mengancam untuk menyekat peluang Barisan mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen, bagi membolehkan kerajaan meluluskan pindaan perlembagaan dan undang-undang penting yang lain. Dengan memperolehi 148 daripada 177 kerusi Parlimen itu merupakan prestasi terbaik sejak tahun 1969. Pembangkang pula mengharapkan pengulangan keputusan pilihanraya 1969 demi memaksa pentadbiran lima tahun Mahathir supaya bertolak ansur tentang beberapa isu.

Sekalipun minat ramai begitu ketara jumlah pengundi yang keluar mengundi hanya 68% iaitu yang paling rendah pernah berlaku. Biasanya setakat ini purata kadar kehadiran pengundi di Malaysia ialah antara 70% dan 75%.

Kunci utama bagi penguasaan ke atas Malaysia terletak di Semenanjung di mana umat Islam merupakan lebih 55% pengundi berdaftar. 92 daripada 132 kerusi atau 70%—mempunyai majoriti pengundi Melayu. Sejak kemerdekaan tahun 1957, perjuangan untuk menguasai undi Melayu yang menjadi kunci penguasaan terhadap negara adalah perlawanan langsung di antara UMNO yang bercorak nasionalis dan PAS yang fundamentalis agama.

Dalam tahun 1982 apabila Mahathir mengadakan pilihanraya mengejut untuk mendapat mandat pertamanya sejak menjadi Perdana Menteri telah memenangi 132 daripada 154 kerusi ketika itu dan mengekalkan penguasaan terhadap semua 11 Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan. Empat tahun sudah berlalu, sangat reformisnya sudah agak tumpul, kehilangan pula rakannya, Musa, ekonomi juga menjunam daripada kadar pertumbuhan lebih 7% dalam tahun 1979-an dan awal 80-an menjadi hampir tiada pertumbuhan, dan ramalan untuk tahun 1986 pun sama suramnya.

Di samping itu pentadbiran Mahathir juga telah digoncangkan oleh beberapa skandal kewangan termasuk skandal BMF MS2.5 ribu juta di Hong Kong. Sebelum pilihanraya itu malah anggota-anggota kabinet Mahathir dan para pemimpin utama di

dalam Barisan mengakui kerajaan memang menerima tekanan dari beberapa hala. Dua minggu sebelum pembuangan undi, Menteri Buruh, Lee Kim Sai, Setiausaha Agung MCA (ketika itu) mengatakan di beberapa bahagian masyarakat suasananya amat anti kerajaan. Beliau memberitahu Asiaweek yang kerajaan terpaksa meyakinkan rakyat yang ekonomi tidak akan bertambah baik sekali pun pembangkang yang berkuasa.

DAP menjadikan perubahan jiwa rakyat itu sebagai modal dan menumpukan perhatian terhadap isu-isu penyelewengan. Selain isu BMF ia juga menyentuh sekitar 400,000 orang pendatang haram Indonesia yang dikatakan oleh parti itu sebagai akhirnya akan diterima dan diserapkan ke dalam masyarakat Melayu dan menambah jumlah orang Melayu di negara ini. Di samping itu DAP juga menimbulkan isu-isu perkauman seperti pendidikan Cina, budaya, peluang pekerjaan dan lanjutan Dasar Ekonomi Baru—yang membantu orang Melayu dari segi ekonomi dengan menyekat peluang orang Cina dan India. Tujuannya ialah untuk mengurangkan majoriti dua pertiga Barisan di Parlimen.

PAS tidak menaruh harapan menggunung, sebaliknya menumpukan perhatian ke Kelantan di mana UMNO Kelantan terjejas kerana persaingan dalam parti di antara para penyokong Tengku Razaleigh Hamzah yang ketika itu Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Menteri Besar, Mohamed Yaacob dan para pengikut Timbalan Presiden UMNO, Musa Hitam. Ini melemahkan jentera parti. Mahathir menawarkan kepada Razaleigh kedudukan sebagai pengarah bersama jentera pilihanraya Barisan di Kelantan bersama dengan Mohamed Yaacob. Razaleigh tidak menolak tetapi tidak juga menerima dan menangguhkan tindakannya sehingga seminggu sebelum pilihanraya. Jentera itu buat sementara waktu terpaksa disokong oleh para pemimpin utama UMNO dari bahagian-bahagian lain. Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba menggunakan hampir separuh masa kempen di Kelantan. Mahathir dan Anwar Ibrahim juga pergi membantu. Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithaudeen memberitahu para pemberita menjelang pembuangan undi, "Adalah penting Barisan menang di Kelantan dan setiap orang berusaha sedaya upaya mahu menjamin supaya kita menang."

Setiausaha Agung UMNO, Sanusi Junid berkata partinya

memang menjangka akan mendapati kemenangan besar, kerana sekalipun menghadapi banyak ujian dari dalam ia telah kukuh, jadi tidak mungkin sebarang kuasa dari luar dapat memecahkan UMNO. Rakyat naik jemu dengan PAS yang tidak tetap pendirian. Dalam tahun 1982 mereka mengafirkan orang UMNO kerana berkawan dengan bukan Muslim tetapi dalam tahun 1986 mereka bekerja rapat dengan beberapa orang keturunan Cina dan mempergunakan saudara baru keturunan Cina.

Kejayaan Barisan Nasional yang belum ada tandingannya di Parlimem telah melemahkan lawan-lawannya. Musa pula sudah dianggap sejarah dan tipis sekali peluang untuk kembali. Bagaimanapun di Sabah dan Sarawak Barisan tidaklah begitu cemerlang. PBS dan USNO anggota Barisan di sana kehilangan empat kerusi Cina di bandar ke tangan DAP. Lagipun calon USNO, Amir Kamar, anak Tun Mustapha dikalahkan oleh seorang calon bebas, yang dikatakan ditaja oleh PBS. Di Sarawak pula, Barisan Nasional Negeri mengandungi empat parti pimpinan Ketua Menteri, Taib Mahmud mengalami serangan dari dalam dan kehilangan satu kerusi Cina ke tangan DAP dan dua kerusi Iban ke tangan calon Bebas.

Pegangan Kukuh

PADA 11 Ogos 1986, seminggu selepas kejayaan besar Barisan Nasional di dalam pilihanraya umum, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kabinet baru, yang memperkuuhkan sedudukannya. Menurut Mahathir kabinet itu tidak akan membawa banyak perubahan dasar utama kerana sudahpun berada di dasan yang betul, yang membawa kepada kemenangan di dalam pilihanraya. Imbangku kuasa di kalangan parti-parti di dalam Barisan nasional juga dikenalkan. UMNO mengekalkan semua 14 watan menteri dan 14 timbalan menterinya, sementara parti-parti lain mengekalkan peruntukan mereka.

Kajian teliti menampakkan kabinet baru itu memperkuatkan sedudukan Mahathir kerana ‘pusat-pusat saraf kuasa’ dipegang oleh orang-orangnya. Bekas Setiausaha Politik Mahathir, Megat Ahmad Megat Ayub dilantik menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, dimana Mahathir sendiri adalah Menterinya. Rakan-rakan

rapat Mahathir juga mengekalkan kedudukan mereka. Di antaranya ialah Daim Zainuddin di Kementerian Kewangan dan Anwar Ibrahim di Kementerian Pendidikan, serta Sanusi Junid Menteri Pertanian. Orang-orang Musa pula sama ada dibawa ke ibu negara untuk dapat diawasi kegiatan mereka atau dipindahkan ke kementerian yang lebih rendah profilnya. Orang kuat Musa, Datuk Abdul Ajib Ahmad dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Najib Tun Abdul Razak dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Datuk Shahrir Abdul Samad bekas Menteri Wilayah Persekutuan diberikan portfolio Kementerian Kebajikan. Dalam suasana itu dan dengan prestasi cemerlang Barisan di dalam pilihanraya yang lalu peluang Musa sendiri untuk memegang tampuk pimpinan merosot.

Pulau Pinang dengan 32.8% penduduknya Melayu, dan negeri tunggal mempunyai Ketua Menteri keturunan Cina sedangkan baki negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai Ketua Menteri atau Menteri Besar daripada orang Melayu dan parti UMNO. Selepas sahaja pilihanraya dilangsungkan, pemimpin UMNO Pulau Pinang, Abdullah Ahmad Badawi menuntut supaya jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang diberikan kepada UMNO kerana UMNO memenangi 12 kerusi, iaitu melebihi sembilan kerusi dimenangi oleh Gerakan dan dua kerusi oleh MCA. Abdullah disokong oleh ramai pemimpin UMNO lain. Gerakan menggelabah lalu mengancam untuk keluar dari Barisan Nasional dan berkerjasama dengan DAP menuju sebuah kerajaan pembangkang di Pulau Pinang.

UMNO Pulau Pinang telah sekian lama menerima tekanan dari dalam dan luar. Sokongan terhadap tuntutannya membawa kejayaan 100% kepadanya. PAS pula mencemik UMNO kerana tidak berani memperjuangkan kepentingan Melayu. Tekanan kepada UMNO atas maruah negeri bukan perkara kecil. Pulau Pinang adalah kampung halaman Anwar Ibrahim Ketua Pemuda UMNO, tokoh yang sedang meningkat naik dan menikmati keyakinan Mahathir untuk meningkat menggantikannya.

Abdullah selaku Ketua UMNO Pulau Pinang dan saingan kepada Anwar, terpaksa mengambil langkah pertama selepas pilihanraya itu, atau kehilangan markah politiknya. Akibat tindakan itu para pemimpin atasaran UMNO dan Gerakan mengadakan beberapa

undangan di Pulau Pinang. UMNO diingatkan bahawa penduduk Pulau Pinang kebanyakannya Cina dan pucuk pimpinan tidak boleh menambah buruk keadaan polarisasi kaum yang sudah jelas dalam perspektif keputusan pilihanraya seluruh negara. Cada- gan UMNO Pulau Pinang supaya diwujudkan satu jawatan Timbalan Ketua Menteri bagi salah seorang ahli dewan negerinya yang mewarani juga ditolak, mungkin kerana Kerajaan Pusat takut ia menjadi ikutan kepada negeri-negeri lain.



Dr. Mahathir memang handal berpolitik. Parti UMNO dihararkan pun dia tetap Perdana Menteri yang unggul.



Perhimpunan Agung UMNO lebih hebat lagi setelah dihararkan. Tahun 1988 tahun UMNO baru mengukuhkan kedudukan Dr. Mahathir.

KETUANAN MELAYU JANGAN DICABAR

"Jangan ada sesiapa yang menjangka, kerana kita diam apabila dicabar, kita berasa lemah atau bersalah. Kita tidak mahu merampas hak orang lain, tapi jangan pula ada orang cuba merampas hak kita."

Dr. Mahathir

UMNO adalah pemegang amanah kepentingan Melayu. Selagi amanah dan kepentingan itu tidak terancam, ia juga akan menjamin kerjasama pelbagai kaum di negara ini. Menurut Dr. Mahathir: "Janganlah menganggap kita mudah sahaja dikutak kakik, kerana kesabaran kita ada hadnya." Perkara hak dan kebangsaan bangsa Melayu menjadi kata keramat di dalam dewan yang penuh sesak dengan perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO ke-37. Setelah mencapai kejayaan cemerlang dalam Pilihanraya Umum 1986 kini Dr. Mahathir bertindak dengan lebih berani. Dan di hadapan perhimpunan Agung UMNO beliau menegaskan 'ketuanan' Melayu jangan digugat.

Penyataan lantang UMNO tentang kesedaran dan kepentingan Melayu selalunya membimbangkan rakan-rakan lain di dalam Barisan Nasional. Ahli-ahli politik Melayu berulang kali menegaskan bahawa kebanyakannya ahli Parlimen Cina dalam Barisan Nasional menggunakan hanya dengan bantuan undi Melayu. Ahli-ahli politik Cina juga mempertalikan kegagalan mereka dengan dasar-dasar program putera kerajaan, dan polarisasi kaum bertambah sejak pilihan umum bulan Ogos 1986 itu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad cuba menenangkan suasana dengan mengekalkan komposisi yang sama di dalam Kabinetnya selepas pilihan raya itu. Ahli-ahli UMNO pula merasakan tidaklah perlu kewaspadaan demikian.

Dua minggu sebelum itu Ahli Parlimen Kok Lanas, Datuk Abdullah Ahmad telah bercakap tentang 'Ketuanan Melayu' di satu majlis di Singapura, dan ini menjadi alasan yang sahih untuk pembidasan. 'Kita sudah terlalu banyak mengalah' menjadi slogan popular di dalam ucapan dan perbualan di perhimpunan itu. Dr. Mahathir sendiri menyuarakan, "*Kita bersabar apabila mereka mengkritik kerajaan. Kita diam apabila sindiran digunakan di akhbar, apabila beberapa orang cauvinis bercakap seolah-olah negara ini bukan asalnya tanah Melayu, tetapi sebahagian daripada tanah asing.*"

Apabila perhimpunan empat hari itu berakhir pada 20 September 1986, beberapa orang pemerhati bukan Melayu pula melahirkan rasa tidak senang. Tiada siapa tahu bahagian mana ke nyataan itu untuk dihazamkan oleh ahli-ahli dalam UMNO, dan bahagian yang mana pula sebenarnya amaran kepada bukan Melayu di luar perhimpunan. Apabila para wakil mendesak supaya DEB dilanjutkan daripada tempoh asalnya tahun 1990, Dr. Mahathir berkata, "*Kerajaan Barisan Nasional akan melanjutkan dasar itu sehingga matlamatnya dicapai kerana dasar itu menunjukkan kesediaan kita berkompromi dan memberi tempat dan kepentingan kepada bukan bumiputera. Jangan ada sesiapa yang menjangka kerana kita diam apabila dicabar, kita berasa lemah atau bersalah. Kita tidak mahu merampas hak orang lain, tapi jangan pula ada orang cuba merampas hak kita.*"

Tiga rumusan yang membayangkan perhatian utama UMNO yang telah diluluskan di dalam perhimpunan itu adalah berkenaan dengan:

- Pendidikan, berpusat sekitar tuntutan masyarakat Cina sebagai satu bahagian kontroversial di dalam Akta Pendidikan dimansuhkan untuk menjamin kewujudan sekolah-sekolah Cina dan Tamil.
- Ekonomi, di mana para perwakilan menggesa supaya lesehan dan tabung pembangunan kerajaan diberikan lebih kepada orang Melayu 'yang tahu berterima kasih' daripada kaum

pung-kampung baru Cina yang lebih condong kepada pembangkang.

Agama, pula merayu agar UMNO berwaspada terhadap tindak tanduk PAS. Seorang perwakilan Trengganu telah mengejutkan para hadirin dengan kisah fardhu Jumaat dua kali oleh imam dilantik kerajaan dan imam lantikan PAS—telah berlaku tidak kurang daripada 33 buah kampung di negeri itu. Sembahyang dua imam juga dilakukan dalam solat fardhu.

Sekalipun permintaan dan tuntutan begitu lantang namun para pemimpin parti menggunakan kuasa mereka dengan bijak—‘kerana berkuasa dan tidak mempergunakannya adalah bodoh’ kata seorang wakil wanita.

Diperhimpunan itu juga, oleh kerana ia merupakan perhimpunan pertama sejak perpisahan Dr. Mahathir-Musa, seorang wakil dari Johor meminta kedua-duanya menjelaskan kepada perhimpunan perihal pertikaian itu. Bagaimanapun kedua-duanya tetap ber selindungan di sebalik politik kiasan dan imbasan Melayu biasa. Sokongan kepada Musa agak merosot kerana kejayaan Dr. Mahathir memimpin parti sehingga mencapai kejayaan besar di dalam pilihanraya yang baru lalu dan ucapan Dr. Mahathir yang penuh bersemangat di pembukaan persidangan memantapkan lagi kepimpinannya.

Ketika berucap merasmikan Perhimpunan Pemuda dan Wanita pada 17 September, Musa yang baru sahaja melangsungkan perkahwinan dengan Datin Zulaikha Sheardin, bekas model berusia 28 tahun, telah memberi amaran tentang bahaya menjadi mangsa sindrom senyap. Sindrom itu akan subur apabila mereka tidak peka terhadap perkembangan politik semasa, dan dengan itu mereka sekadar menjadi pengulas kenyataan pemimpin-pemimpin tertentu untuk mendekatkan diri kepada para pemimpin sedemikian.

Kenyataan Musa yang dibuat beberapa jam sebelum pemilihan Ketua Pemuda dan Wanita, disifatkan oleh Ketua Pemuda Anwar Ibrahim sebagai sokongan terbuka kepada pencabarnya, Syed Hamid Albar. Jawapan Anwar pula ialah Pergerakan Pemuda tidak dapat dipaksa menyertai pertengkarannya peribadi atau dijadikan alat oleh mana-mana individu untuk kepentingan peribadi dan

pendirian politik yang sempit.

Musa juga menggesa para wakil meneliti kejayaan dan kelebihan perjuangan UMNO. Di samping itu para wakil diminta menilai projek-projek mewah yang merujuk kepada beberapa projek utama Dr. Mahathir dan perlunya mengasingkan tugas politik dan tugas perniagaan, yang merujuk kepada Menteri Kewangan Datuk Daim Zainuddin yang juga Bendahari UMNO.

Seorang wakil menyifatkan kandungan ucapan Musa sebagai pengisytiharan perang besar-besaran, dengan merujuk kepada pemilihan pucuk pimpinan dalam tahun berikutnya. Dr. Mahathir tidak mengindahkan cabaran itu. Sebaliknya Dr. Mahathir dalam ucapannya menumpukan sepenuh perhatian terhadap perkara-perkara kepentingan negara: ekonomi, tuntutan masyarakat Cina dan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Corak tindakan Dr. Mahathir yang bersifat amat Melayu itu melegakan ketegangan. Malah Musa kemudiannya dengan rendah hati memohon maaf kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita atas ucapannya.

Kegiatan lobi melobi di dalam pemilihan pemimpin Pergerakan Pemuda dan Wanita cukup rancak, dan dianggap sebagai perang wakil (proxy battle) di antara Dr. Mahathir dan Musa. Isu utama ditimbulkan ialah corak kepimpinan Anwar yang menyebabkan Pergerakan Pemuda sekadar bayangan dan penyokong pendirian kepimpinan parti, bukan memainkan peranan tradisinya sebagai kumpulan pendesak di dalam parti. Bagaimanapun kekalahan Syed Hamid ditangan Anwar di dalam pemilihan Ketua Pemuda tidak dianggap sebagai membayangkan kemasuhan Musa, kerana Syed Hamid dianggap kurang terkenal.

Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Paduka Rafidah Aziz, rakan rapat Dr. Mahathir pula menang tanpa bertanding.

Percantuman USNO-UMNO Dibatalkan Setelah Diluluskan

DENGAN alasan mahu melindungi kepentingan umat Islam dan bumiputera—serta memupukkan integrasi Sabah-Semenanjung Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (USNO) dengan sukarela membubarkan dirinya pada 29 November 1986 untuk bercantum

dengan parti kebangsaan yang unggul, UMNO. Dengan serta merta imbalan politik Sabah berubah.

Bagi PBS yang memerintah di Sabah, langkah itu sungguh mengancam. Kini dengan percantuman itu, PBS bukan lagi berhadapan dengan dua buah parti peringkat negeri yang sederhana tetapi sebuah jentera politik yang amat rapi susunannya, cukup biaya dan kuat.

Hakikatnya Kuala Lumpur memang tidak senang dengan urusan negeri Sabah yang berada di tangan PBS yang asasnya parti Kadazan dengan kebanyakannya ahlinya beragama Roman Katholik.

Secara kebetulan pula perhimpunan luar biasa USNO yang memutuskan untuk meluluskan percantuman itu serentak dengan satu pilihanraya kecil di Sulaman pada 30 November, di mana PBS memenangi kerusi yang sekian lama diduduki oleh USNO. Sebagai reaksi terhadap percantuman USNO-UMNO itu, maka Setiausaha Agung PBS, Joseph Kurup, terbang ke Kuala Lumpur membawa sebuah memorandum untuk Presiden UMNO, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Keputusan membubarkan USNO iaitu sebuah parti yang membawa negeri itu mencapai kemerdekaan dulu, bukanlah satu perkara yang mudah. Bagaimanapun percantuman dengan UMNO adalah untuk menjamin pemerintahan umat Melayu Islam supaya pulih di Sabah, iaitu satu rancangan yang disokong oleh UMNO sendiri. Mesyuarat luar biasa dua hari itu cukup kuat menentang percantuman. Persetujuan dicapai hanya setelah pujuk memujuk dan dijelaskan faedah daripada percantuman itu. Di dalam pengundian kesokannya 45 bahagian menyokong percantuman penuh, satu bahagian menyokong cadangan pergabungan dan dua tidak mengundi. Ada juga yang bimbang percantuman itu membawa kepada penjajahan Sabah. Sememangnya di dalam percantuman itu USNO menggadai maruah dirinya dan ahli-ahlinya. Para ahli USNO masih ingat yang parti itu telah jatuh dalam tahun 1979 apabila UMNO mula menyokong Berjaya. UMNO jugalah yang merencanakan penyingkiran USNO daripada Barisan Nasional dalam tahun 1984.

Reaksi masyarakat Cina di Sabah pula dianggap amat penting terhadap percantuman itu. PBS yang melihat ancaman terhadap dirinya, merisik untuk bercantum dengan Gerakan, bagi memberi

ruang kepada masyarakat Cina yang mungkin merasa terancam dengan percantuman USNO-UMNO itu. Bagaimanapun percantuman itu juga tidak terlaksana.

Para pemimpin USNO dengan segera menyatakan bahawa kejayaan percantuman itu sekarang terletak di tangan UMNO. Mereka menyarankan supaya UMNO Sabah diberi kebebasan dari segi pentadbiran, dan dikekalkan para pemimpin lama USNO, serta dipenuhi syarat-syarat yang diberikan oleh USNO. Sayangnya krisis di dalam UMNO di Semenanjung menyebabkan percantuman itu kemudiannya dibatalkan.

Mengkritik Wartawan Asing

KRITIKAN Perdana Menteri terhadap akhbar-akhbar asing semakin kerap beberapa minggu sebelum dan setelah pilihanraya umum Malaysia pada 2 dan 3 Ogos 1986, ketika mana Barisan Nasional yang memerintah memenangi 148 daripada 177 kerusi Parlimen.

Dalam majlis anugerah wartawan tempatan pada 20 Ogos 1986, Dr. Mahathir sekali lagi menimbulkan perihal kawalan atas akhbar-akhbar. Beliau kesal terhadap sikap kononnya 'akhbar yang bukan akhbar' sekiranya sentiasa menyokong kerajaan. Beliau membidas bahawa banyak akhbar yang terkemuka dikuasai oleh Yahudi yang menjadi warganegara di negara-negara Barat. Mereka itu menjadikan akhbar-akhbar lebih kuat dikawal serta di-pengaruhi oleh pasukan Zionis daripada akhbar-akhbar tempatan yang dikawal oleh Kerajaan Malaysia. Beliau menegaskan soalannya bukan bebas atau tidaknya akhbar, tetapi apakah senjata yang berpengaruh itu digunakan untuk tujuan yang baik atau sebaliknya.

33

RETAK MENANTI BELAH

"Kalau tuan-tuan tidak mempercayai kerjasama, cuba perhatikan apa yang berlaku kepada sebuah kereta kuda yang hilang sebuah rodanya.'

SEJAK penubuhannya dalam tahun 1946, UMNO merupakan institusi tunggal yang paling berpengaruh, yang telah membentuk bukan sahaja corak politik tetapi juga seluruh struktur sosial di Malaysia. Sejak merdeka dalam tahun 1957, ia telah menjadi tulang belakang kepada Kerajaan sehingga hari ini. Lebih penting lagi, para pemimpin UMNO sebagai satu pasukan telah terus menerus berkhidmat dan menguasai kabinet, badan eksekutif utama Malaysia. Dengan itu mereka bertanggungjawab besar dan berpengaruh di dalam menentukan aliran pembangunan ekonomi yang cukup berjaya, yang telah dinikmati oleh Malaysia setakat ini. Jadi, tidak boleh tidak apa yang berlaku di dalam UMNO amat penting kepada setiap wargenegara Malaysia, tanpa mengira kaum atau kelas. Ini terbukti pada masa lalu, dan amat jelas kini, dan bolehlah dikatakan sedemikian juga pada masa akan datang.

Orang luar, terutama para pelabur asing yang mempunyai kepentingan ekonomi di Malaysia juga mengikuti dengan teliti hal-hal dalam UMNO. Ini adalah kerana perubahan sesuatu dasar dimulakan dari dalam UMNO, yang pada masa lalu melibatkan ekonomi Malaysia, dan dengan itu kepentingan orang asing juga turut terlibat. Pendek kata baik rakyat Malaysia sendiri atau orang

luar yang ada kepentingan di Malaysia menganggap kestabilan dalam UMNO amat penting kepada kebaikan mereka, sama ada untuk jangka pendek atau jangka panjang. Dalam pada itu, suasana di dalam UMNO pula turut juga terpengaruh oleh gejala-gejala di luarnya.

Dengan itu UMNO wujud sebagai sebuah institusi yang sentiasa membentuk dan dibentuk oleh unsur-unsur di dalam dan di luarnya. Pusat bagi sebarang perbincangan tentang UMNO ialah kepimpinannya. Ini tidak dapat dielakkan kerana apa sahaja yang berlaku terhadap kepimpinannya, terutama puncak pimpinannya—sama ada berlaku persetujuan atau pertikaian di antara mereka—menentukan kestabilan dalaman UMNO, dan dengan itu melibatkan juga seluruh negara.

Ini terbukti jelas misalnya apabila satu krisis kepimpinan berlaku di dalam UMNO pada pertengahan tahun 1970-an, diikuti oleh satu siri krisis di dalam Barisan Nasional, maka suasana politik di Malaysia akhirnya menjadi amat tegang. Ketika itu, UMNO mengalami pertukaran pucuk pimpinan yang bermula dengan Allabyarham Tun Abdul Razak pada awal tahun 1970-an setelah mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO daripada Tunku Abdul Rahman. Di bawah beliaulah Dasar Ekonomi Baru yang tujuan utamanya untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di dalam Malaysia, telah diperkenalkan.

Dasar itu jelas menguntungkan orang Melayu dan kaum penduduk asal yang lain yang secara kelompok dikenali sebagai bumi-putera, khasnya di dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Ketika itu Tun Razak melihat kejayaan pelaksanaan strategi tindakan tegar pro-Melayu itu dapat dijalankan hanya dengan para pemimpin yang lebih berpendidikan dan berorientasikan teknokrat. Dengan itu di dalam pilihanraya umum tahun 1974 lahir kumpulan elit ayam tambatannya, yang kebanyakannya mereka itu adalah pilihan peribadi Tun Abdul Razak. Ada di antaranya menjadi pemimpin parti dan Menteri Kabinet dalam masa yang amat singkat. Di antaranya mereka ialah Dr. Mahathir Mohamad dan Musa Hitam, kedua-duanya dipecat daripada UMNO oleh Tunku Abdul Rahman kerana melawan ketua setelah pilihanraya umum tahun 1969 dan Tengku Razaleigh, yang dianggap oleh ramai ketika itu se-

bagai 'genius ekonomi Melayu.'

Langkah yang diambil oleh Tun Razak ini ditentang oleh 'kepimpinan lama' (orde lama) di dalam UMNO dan akhirnya tercetus krisis di dalam kepimpinan atasan UMNO yang melibatkan juga kepimpinan peringkat bawahan. Bagaimanapun krisis itu kurang mendapat perhatian daripada kebanyakannya penganalisa, sekali-pun cukup berat, ataupun mungkin lebih berat daripada krisis sebelumnya. 'Golongan lama' di peringkat kebangsaan dan umbian (grassroot) menentang langkah yang diambil oleh Tun Razak kerana dengan langkah itu mereka semakin kehilangan pengaruh yang dari segi tradisi berasaskan kegiatan agihan naungan (political patronage).

'Kepimpinan baru' (orde baru) mula memperolehi pengaruh politik menerusi pelaksanaan dengan jayanya pentadbiran bercorak pusat dan teknokratik, yang memberi kesan mendadak dan positif kepada para penyokong peringkat bawahan, serta kumpulan usahawan Melayu yang kian berkembang. 'Kepimpinan baru' ketika itu memperolehi kejayaan politik kerana suasana ekonomi yang keseluruhannya amat baik di Malaysia. Malangnya, sedang kumpulan ayam tambatannya baru saja dapat menikmati kedudukan yang kukuh, khasnya di dalam UMNO, Tun Razak meninggal dunia dalam bulan Januari 1976. Sekalipun terjejas, 'kepimpinan lama' yang belum tewas di dalam UMNO, bertindak balas untuk memulihkan kuasa dan pengaruh mereka. Dengan itu satu krisis kepimpinan yang rumit di dalam UMNO berlaku sekitar tahun 1976-77.

Bagaimanapun, 'kepimpinan baru' kini diterajui oleh Datuk (kemudiannya Tun) Hussein Onn yang menggunakan pendekatan bersungguh-sungguh, akhirnya berjaya. Namun kejayaan itu bukanlah tanpa mengorbankan mangsanya. Tiga orang ayam tamatan Tun Razak akhirnya dijadikan tahanan politik kerana dituntut terlibat di dalam 'kegiatan-kegiatan komunis.' Salah seorang daripada tokoh golongan lama yang berpengaruh, Harun Dris, akhirnya merengkok di Penjara Pudu, Kuala Lumpur setelah didapati sabit kesalahan rasuah. Menjelang pilihanraya umum Julai 1978, kepimpinan baru telah memperkuatkan kedudukannya sebagai kepimpinan pusat, baik di dalam UMNO maupun di dalam Barisan Nasional. Mereka mencapai kejayaan besar di dalam pilihanraya itu.

Bagaimana pun pada bulan yang sama, (Julai 1978) buat pertama kalinya di dalam sejarah UMNO, presiden parti dicabar. Datuk Hussein Onn, yang sebenarnya masih Pemangku Presiden UMNO ketika itu setelah mengambil alih tugas daripada Tun Razak yang telah meninggal dunia, dicabar oleh Sulaiman Palestin, seorang calon yang dikemukakan oleh kepimpinan lama dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-31. Cabaran itu untuk menunjukkan rasa tidak senang mereka dengan cara Hussein Onn melayan Harun Idris, yang ketika itu telah dipecat daripada UMNO dan disabitkan kesalahan kerana rasuah. Sekalipun Hussein Onn memang nangi pemilihan itu dengan mudah, satu tradisi 'keramat' UMNO telah 'dipecahkan'.

Menjelang tahun 1978 semua jawatan tertinggi UMNO telah dipertandingkan, kecuali jawatan Timbalan Presiden, satu jawatan yang amat penting di dalam UMNO dan juga di dalam konteks Malaysia kerana sesiapa sahaja yang memegang jawatan itu, kecuali Tun Dr Ismail, telah menjadi Timbalan Perdana Menteri, dan kemudiannya menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Dengan itu tafsiran yang dibuat oleh beberapa pemerhati politik dalam tahun 1976, setelah pemecatan Datuk Harun daripada UMNO, bahawa UMNO masih 'bercorak marhaen dengan nilai-nilai tradisi yang menganggap sebarang bentuk bantahan terhadap kepimpinan sebagai tidak sopan, terbukti tidak tepat. Tafsiran sedemikian jelas membuktikan mereka tidak sensitif terhadap hakikat sosial di Malaysia.

Hakikatnya ialah orang Melayu, terutama hasil daripada perlaksanaan DEB, telah mengalami perubahan sosioekonomi yang hebat, malah mengubah sifat dan sikap mereka. Ekoran daripada itu pula telah mempertajamkan kesedaran sosial mereka, terutamanya kesedaran politik dan pentingnya sikap kritis. Lagipun mereka yang mengundi di dalam perhimpunan-perhimpunan UMNO dari tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an adalah terdiri daripada golongan inteligensia desa, golongan profesional dan birokrat atas dan pertengahan yang berpendidikan di bandar, usahawan Melayu lama dan baru, yang bukan lagi marhaen sebagaimana lam tahun 1950-an dan 1960-an. Mereka bukan sahaja mempunyai kesedaran demokratik yang tinggi tetapi juga kritis dan bersuara lantang. Ramai daripada mereka itu adalah lepasan uni-

siti tempatan pra-1974, yang menerima pendidikan di bilik kuliah dan sudut pidato, mendengar pidato berapi-api menentang kerajaan, serta berada di jalanan menghidu gas pemedith mata dan polis yang bersenjatakan kayu cota.

Sekalipun menjadi agak tenang oleh kehidupan yang selesa setelah tamat pengajian, mereka bukanlah tukang angguk yang dungu dan sering menjadi orang di belakang tabir atau pasukan pemikir bagi berbagai pemimpin UMNO, yang sentiasa menjalankan kegiatan senyap seperti gerila, terhadap satu sama lain untuk mengekalkan kedudukan penting di dalam parti.

Adunan faktor dalaman dan luaran ini telah mengubah peraturan asas politik dalaman UMNO daripada yang dipandu oleh nilai-nilai tradisi dalam tahun 1950-an dan 1960-an, kepada politik yang muncul sebagai nilai yang dipengaruhi kebendaan (atau ‘politik wang’ menurut istilah Dr. Mahathir sendiri) dan dicirikan oleh persaingan yang terbuka tetapi terkawal serta pembangkangan dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an.

Dengan latar demikianlah seseorang harus menilai dan memahami punca persaingan peribadi yang tegang dan sengit yang muncul dan berterusan untuk separuh dekad (1980–85) di antara Musa Hitam dan Tengku Razaleigh di dalam perjuangan merebut jawatan timbalan presiden UMNO. Persaingan itu berlaku pertama dalam tahun 1981 (apabila jawatan itu dipertandingkan untuk pertama kalinya di dalam sejarah pemilihan pucuk pimpinan UMNO), dan sekali lagi di dalam tahun 1984. Dengan itu menjelang tahun 1981 semua jawatan tertinggi UMNO telah ditandingi.

Kesannya di dalam konteks UMNO ialah setelah tahun 1981 sebarang cabaran kepada kepimpinan tertinggi oleh ahli-ahli di setiap peringkat dianggap sebagai satu tanda ‘kematangan politik’ mereka, bukan lagi sebagai ‘bukan Melayu’ atau tidak sopan. Sepanjang ‘peperangan’ yang berlarutan di antara Musa dan Razaleigh inilah ‘kematangan politik’ itu berkembang dan menjadi kenyataan. Dengan ini lahirlah dua puak yang sama-sama tidak mahu kalah di dalam UMNO, masing-masing diketuai oleh Musa dan Razaleigh. Sebelum ini sebarang puak sedemikian hanya terasa di Duncak. Tetapi kali ini ia menjurus sampai ke peringkat akar umbi. Gelaran orang Musa dan orang Razaleigh bukan semata-mata ‘label’ tetapi seringkali dijadikan kata-kata yang membuka atau

menutup sebarang urusan atau perbincangan lain, menjamin atau menghapuskan peluang seseorang untuk mendapat kontrak atau biasiswa, dan boleh juga mempercepatkan atau memperlambatkan proses permohonan jawatan, lesen atau perpindahan seseorang guru dari satu kawasan hulu ke sekolah bandar, dan sebaliknya. Pendek kata, bahasa interaksi politik, khasnya di peringkat bawah (grassroot), sama ada di kalangan ahli UMNO atau para penyokongnya, mengandungi unsur pemecah dari segi isi dan bentuk. Perkembangan ini membawa pertikaian pemimpin di peringkat atas ke dalam isu tempatan, satu suasana yang tidak pernah terjadi sebelumnya.

Sekalipun Musa memenangi kedua-dua pertandingan, tetapi kedua-duanya, Musa dan Razaleigh sama-sama parah dan pedih. Para pengikut mereka juga cukup menderita, walaupun Musa dan Razaleigh berbaik-baik semula, sekurang-kurangnya di khalayak ramai, setelah pertandingan-pertandingan itu. Gema 'puak Musa' dan 'puak Razaleigh' kekal di peringkat bawah lebih lama setelah pertandingan berakhir. Malah para penyokong masing-masing sudah bersedia untuk pusingan seterusnya apabila Musa tiba-tiba meletakkan jawatan, sekalipun mengekalkan jawatan timbalan presiden UMNO dalam bulan Februari 1986. Keputusan inilah yang memeranjatkan Dr. Mahathir dan orang-orangnya.

Perubahan angin politik yang tiba-tiba itu merumitkan pucuk pimpinan UMNO. Suasana menjadi semakin rumit dan mengejirukan di peringkat bawah terutama di dalam 'kem Musa', yang di dalamnya ramai juga penyokong Dr. Mahathir, kerana Musa adalah calon yang diperakuan oleh Dr. Mahathir di dalam pertandingan jawatan timbalan presiden untuk tahun 1981 dan juga tahun 1984. Sebilangan penyokong di dalam 'kem Razaleigh' keriangan melihat perpecahan Mahathir-Musa itu kerana memudahkan jalan bagi Razaleigh untuk kembali ke puncak.

Namun peristiwa-peristiwa setelah itu menunjukkan bahawa ini bukan pendapat umum 'kem Razaleigh'. Mereka mungkin tidak sukakan Musa, tetapi mereka lebih bencikan Dr. Mahathir kerana dikatakan 'gergaji dua mata'. Apa yang jelas dengan pertakan jawatan Musa, dan pendedahan surat Musa kepada Dr. Mahathir dalam bulan Julai 1984 yang meminta supaya Razaleigh tidak dikekalkan di dalam Kabinet, satu permintaan yang tidak di-

tunaikan oleh Dr. Mahathir telah meruncingkan lagi perpaduan UMNO. Dengan itu terbukalah gelanggang untuk ‘peperangan antara gergasi’ di dalam pemilihan pemimpin UMNO tahun 1987.

Wayang Kulit Di Segamat

MAINAN politik berubah menjadi satu kesenian apabila Razaleigh merasmikan mesyuarat Bahagian UMNO pimpinan Musa di Segamat. Dua orang jaguh itu telah bermuafakat dan mewujudkan semacam persetujuan untuk menghadapi Perhimpunan Agung UMNO. Pada tarikh 22 Februari 1987 di Segamat, politik berubah menjadi satu persembahan seni, seperti wayang kulit tetapi penuh rahsia dan kiasan, menarik ingin dan menyelubungi isyarat. Sesungguhnya itu adalah satu pertunjukan kemahiran politik yang mula mendebaran oleh dua orang ahli politik yang bijak. Persembahan itu menjadi lebih menarik lagi kerana kedua-duanya sebelum ini merupakan musuh di dalam politik.

Razaleigh berada di sana atas jemputan Musa, berselindung di sebalik alasan untuk merasmikan mesyuarat peringkat bahagian itu. Bagaimanapun para wartawan yang berhimpun di bandar Negeri Johor itu mengesahkan perkara yang lain—Razaleigh berkata yang beliau ‘akan bertanding untuk merebut jawatan tertinggi dalam UMNO’ di perhimpunan agung akan datang (24–26 April 1987). Beliau diramalkan akan bertanding untuk jawatan Nombor 1, yang ketika itu diduduki oleh presiden parti merangkap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dengan itu setelah tiga bulan penuh teka-teki, ada yang menjangka beliau akan mendahakan hasratnya di Segamat. Bagaimanapun beliau tidak berbuat demikian. Namun ‘mesej wangnya’ tidaklah terdedah; perlu digali makna yang terselindung, yang dikatakan amat banyak. Seorang ahli UMNO Perak yang dipelawa ke sana sebagai pemerhati berkata ‘Kempennya untuk jawatan Presiden UMNO bermula di Segamat’.

Kedua-dua mereka berusaha menegaskan persahabatan mereka, dalam ucapan masing-masing. Musa dan Razaleigh menegaskan yang kedua mereka tetap setia kepada UMNO. Langkah sedemikian menghapuskan rasa tidak percaya di kalangan para penyokong mereka—memandangkan mereka pernah dua kali

bertembung untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO. Kata Musa di dalam ucapan perasmianya, "Sekalipun kami pernah bertanding dua kali sebelum ini, biar saya katakan bahawa kini kami sependirian tanpa rasa sakit hati, sebaliknya bersatu sepenuhnya. Kami mungkin mempunyai perbezaan dari segi politik tetapi itu adalah dengan semangat demokrasi. Dan kalau kami merasakan perlu ada perubahan, jadi kami ketepikan perbezaan dan menawarkan diri kami sebagai calon."

Musa terus sahaja menyerang 'kurangnya demokrasi' di dalam parti. Katanya, "Hari ini kita menghadapi cabaran hebat. Nam-paknya demokrasi hanya khusus untuk yang berkuasa. Ini tidak boleh jadi. Demokrasi bukan monopoli pihak yang kuat sahaja." Dengan merujuk kepada seorang rakan dan sama-sama ahli politik dari Johor, Datuk Shahrir Samad beliau menambahkata, "Sudah tentu demokrasi tidak bererti apabila ada orang yang terlalu terbuka, terlalu kritis, perlu dikawal, atau dipindahkan ke Kebajikan."

Akhirnya beliau menyentuh perkara inti. Perakuannya terhadap Razaleigh dinyatakan secara berselindung dan hanya menimbulkan spekulasi. Antara ucapan Musa, yang mendapat tepukan gemuruh: "Sekiranya, dan saya hanya mengira-ngira, Tengku Razaleigh bertanding untuk menjadi presiden parti, apa pendian saya? Saya kata, bertandinglah dan saya akan menyokong. Dan sekiranya beliau menang, beliau menjadi Perdana Menteri, habis bagaimana? Kata saya, saya sokong beliau sepenuhnya."

Razaleigh mengambil giliran berucap dengan menyatakan kegembiraanya, dan agak terkejut, mungkin kerana kali ini beliau bukan mencabar Musa. Jenaknya melegakan majlis yang dihadiri oleh ramai penyokong kuat Musa.

Beliau seterusnya mengkritik 'mereka yang mendakwa sesebuah percubaan untuk mencabar kepimpinan UMNO bererti mereka memecah belah UMNO'. Razaleigh mendakwa setelah dua kali beliau mencabar Musa, UMNO terus kuat. "Tidak ada orang berani cakap pasal perpecahan parti. Kenapa bercakap pasal itu sekarang?

Seterusnya Razaleigh menyeru dilakukan satu perubahan dalam kepimpinan UMNO. "Perubahan itu harus datang daripada tuan-tuan, ahli-ahli UMNO. Demokrasi dapat diamalkan, dengan syarat semua diberi peluang. Tidak ada yang harus dibimbangi. Kita lihat selepas segala usaha itu, tuan-tuan enggan berganjak,

mendesak supaya diadakan perubahan, jadi apa yang diperolehi ialah kerajaan yang seadanya bagi kita," ujar Razaleigh.

Razaleigh tidak menjelaskan secara khusus apa jawatan yang mahu ditandinginya selain daripada menegaskan 'saya serahkan kepada tuan-tuan dan puan-puan.' Bagaimanapun Bahagian Segamat menangkap maksudnya, lalu mencadangkan Razaleigh untuk calon presiden dan Musa menjadi timbalannya—satu bentuk perjanjian yang cukup dahsyat. Musa menafikan tuduhan demikian. Menurut Musa "Encik Ghafar Baba bergerak ke seluruh negara berbicar menyokong Perdana Menteri. Kalau itu bukan satu 'perjanjian', bagaimana pula boleh dikatakan 'perjanjian' di antara kami ini."

Mesej yang tertonjol ialah Razaleigh telah memulakan kempennya, demikian menurut kebanyakan pemerhati UMNO. Seorang penyokong kuat dari UMNO Johor pula berkata, "Secara tidak rasmi kami diberitahu yang beliau akan bertanding untuk jawatan nombor satu. Namun beliau tidak mahu mengisyiharkan terlalu awal takut mendapat malu kelak apabila mendapat terlalu sedikit pencalonan. Cara ini lebih baik, semakin banyak bahagian 'mendesak' beliau bertanding, semakin hebat kesan psikologinya."

Cakap Berselindung Di Gua Musang

SEDANG Musa lebih berterus terang, bayangan diberikan oleh Razaleigh untuk mempertaruhkan segalanya, amat berselindung di dalam kepelbagaiannya kemungkinan makna. Bagaimanapun, baya ngan itu semakin nyata dengan satu lagi pertunjukan kehebatan di Gua Musang, kawasan luar bandar di Kelantan, negeri Tengku Razaleigh.

Menyertai Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaakub berasa sedih setelah mengetahui perkara itu pada 20 Mac 1987. Bahagian UMNO Hulu Kelantan mengadakan pemilihan tiga tahun sekali dan perhimpunan yang cukup besar dan bersuara lantang tidak lagi menyembunyikan perasaan mereka. Menurut Razaleigh yang hadir di antara 50,000 hingga 70,000 orang, tetapi anggaran yang lebih realistik ialah sekitar 15,000 dan 20,000 orang.

Yaakub diejek-ejek ketika berjalan perlahan ke pentas khas tempat orang-orang kenamaan. Malah ada yang berterusan meng-

ejek setiap kali nama beliau disebut. Nasib serupa dialami oleh seorang lagi rakannya dari Kelantan, yang juga Ketua Penerangan UMNO, Datuk Hussein Ahmad. Alasan sebenar layanan buruk itu ialah kerana bahagian-bahagian yang mereka pimpin: Tanah Merah dan Rantau Panjang masing-masing menyokong kepimpinan yang ada, dengan itu di mata hadirin mereka adalah 'orang Dr. Mahathir'. Di dalam UMNO layanan seperti itu amat tidak kena, tetapi kini layanan terhadap seorang Menteri Besar yang dihormati berbeza daripada apa yang sepatutnya. Pertunjukan pengaruh itu yang kononnya terbesar sejak Perhimpunan UMNO di Batu Pahat menyokong Pindaan Perlembagaan—hanya menegaskan keyakinan bahawa Razaleigh benar-benar mempertaruhkan segalanya.

Razaleigh sendiri belum berani berterus terang mengisyiharkan hasratnya, sekalipun banyak sekali memberi bayangan. Katanya, "Saya tidak akan berundur." Beliau juga mengisyiharkan perhimpunan itu sebagai '*melambangkan semangat baru UMNO*'. Beliau ingin melihat 'semangat baru itu untuk mencari perubahan' dan 'saya di sini menegakkan satu perjuangan.' Satu perjuangan apa? Dengan bahasa penuh berselindung Razaleigh cuba menjelaskan 'hubungan' yang baru diasaskan dengan Datuk Musa Hitam yang hadir di sana atas pelawaan Razaleigh. Razaleigh menjelaskan bahawa mereka telah bersatu tenaga untuk memberikan perpaduan baru kepada UMNO.


Musa lebih berterus terang dan merujuk Razaleigh sebagai bakal presiden. Beliau menegaskan bahawa "ancaman terbesar yang dihadapi oleh UMNO bukan komunis, dan bukan juga perlampau agama, tetapi dari dalam—iaitu yang berbentuk kepimpinan, yang sudah menyimpang daripada idea asal, menyimpang daripada sasaran asal. Setakat ini banyak benar skandal yang menjadi bukti krisis itu."

Kemudiannya Datuk Musa merujuk kepada perlakuan jawatannya yang sungguh kontroversial daripada kedudukan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Beliau berkata "Mungkin saya terpaksa mengambil bahagian di dalam kepimpinan selama empat tahun. Namun sepanjang masa itu, saya cuba menimbulkan masalah ini, dan memikirkan yang saya ber sikap kritis dengan tujuan membina. Sebaliknya saya dituduh ma-

merebut kuasa, tidak cukup sabar. Dalam keadaan demikian, seseorang yang ada prinsip tidak mempunyai pilihan, kecuali meletakkan jawatan." Musa seterusnya menegaskan bahawa 'kita bukan tidak ada penyokong.'

Sedang sokongan sudah nyata, persoalan terpenting ialah Razaleigh sendiri belum mengisyiharkan hasratnya. Ada yang mengatakan Razaleigh tidak akan mengisyiharkan sehingga pada saat-saat akhir, malah ada yang menyatakan itu semata-mata untuk mendapat tolak ansur pucuk pimpinan. Apabila ditanya apakah beliau akan benar-benar bertanding, Razaleigh hanya menjawab 'mungkin'.

Bagaimanapun setiap orang yakin beliau akan bertanding. Marina Yusuf berkata, "Tidak perlu Razaleigh terhegeh-hegeh, sehingga boleh dituduh bongkak, atau terlalu yakin." Seorang tokoh UMNO Kelantan pula menegaskan, "Beliau tidak dapat berundur lagi sekarang. Kalau berundur kewibawaannya akan terjejas." Seorang Timbalan Menteri yang diketahui menyokong Perdana Menteri pula berkata: "Memang benar, dan jelas yang Ku Li akan bertanding untuk jawatan tertinggi. Sebenarnya, beliau sudah banyak kali bercakap tentang hasratnya mahu meninggal bidang politik. Ini (keputusan di dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO) akan memberi alasan yang paling tepat untuk beliau meninggalkan politik."



Dr. Mahathir berucap di perasmian CHOGM.



... sambutan yang sukar kenapa Dr. Mahathir

PERTARUNGAN MARUAH

"Kalau anda sudah berusaha dan gagal; kalau anda sudah merancang dan menyaksikan rancangan anda tumpas di depan mata; ingatlah bahawa manusia-manusia agung wujud di dunia ini adalah hasil keberanian. Dan keberanian lahir di dalam kancang bencana."

— Falsafah

PERJUANGAN merebut kuasa di dalam UMNO tidak akan menjadi begitu hebat sekiranya ekonomi Malaysia tidak diundi kemelesetan yang berlarutan. Selagi ekonomi berkembang pesat, maka kepentingan dan hasrat yang bersaingan di antara golongan atasan dan pertengahan Melayu dapat dihadapi dan diperuni dengan agak mudah oleh mereka yang berkuasa. Tetapi, apabila ekonomi terjejas teruk, maka mereka yang turut terjejas, terutama di kalangan golongan Melayu yang disebutkan di dalam bab sebelum ini, menjadi marah dan kecewa. Akhirnya golongan ini menentang mereka yang berkuasa kerana putus asa, terkejut dan berhadapan dengan hakikat kesempitan ekoran kemelesetan itu..

Dengan itu bukanlah memerlukan apabila mereka ini suka mencari pihak untuk dipersalahkan dan sanggup mengubah rasa kekecewaan itu menjadi tindakan politik, mula-mula dengan secara terbuka mengecam kerajaan dan para pemimpinnya dan kemudian juga mencabar mereka pula secara terbuka di arena politik. Bagaimanapun bukanlah golongan atasan dan menengah sahaja yang menerima kesan negatif kemerosotan ekonomi. Para peniaga kecil,

pegawai awam, malah penduduk-penduduk desa, juga terlibat teruk. Maka masalah kemelesetan ekonomi dan perlunya memulihkan ekonomi dengan serta merta itu telah dijadikan sebagai peluang keemasan untuk menyingkirkan Dr. Mahathir dan seterusnya sebagai titik kerjasama pasukan Razaleigh-Musa.

Secara bersendirian, isu ekonomi tidak berupaya untuk menarik cukup ramai penyokong ke kem Razaleigh-Musa. Namun adunan isu-isu ini dan pelbagai isu lain yang diketahui umum mulai tahun 1980, seperti skandal BMF, skandal kewangan di dalam UMNO dan di kalangan rakan-rakan di dalam Barisan Nasional, serta kelemahan pengurusan ekonomi, isu 'Kabinet dapur', serta pendekatan Mahathir yang dikatakan berkuku besi di dalam mengendalikan UMNO dan negara, membolahkan pasukan Razaleigh-Musa menarik dan mengeraikan sokongan ahli-hali UMNO supaya secara terbuka mencabar kepimpinan Mahathir.

Mulai tahun 1980 berbagai skandal kewangan, di dalam dan di luar Kabinetnya, terdedah. Skandal Pan-Electric, yang membawa kepada tertangkap dan sabit kesalahan Tan Koon Swan, Presiden MCA serta 'bakal' menteri Kabinet oleh pihak berkuasa Singapura, adalah salah satu daripada skandal terbesar. Ada juga skandal lain, seperti yang melibatkan Sport-Toto yang dikawal oleh kerajaan, dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, serta United Engineering Malaysia dan Fleet Group milik UMNO.

Skandal-skandal itu dipergunakan oleh penentang Mahathir di dalam UMNO sebagai bukti beliau membiarkan rasuah dan pilih kasih di kalangan individu yang rapat dengannya. Apabila syarikat, Zenecon Bumi Sdn. Bhd. yang dikuasai oleh adik ipar perempuan Mahathir diberikan kontrak besar bagi membina blok pejabat Dayabumi setinggi 40 tingkat miliki Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) yang dikuasai oleh kerajaan, maka banyak tohmah yang dilemparkan terhadap Mahathir menjadi semakin dapat dipercayai oleh ahli-ahli UMNO dan orang ramai. Imej yang dicemari dengan skandal itu tidak membantu kepimpinan Mahathir untuk menangkis tuduhan, lalu kerajaannya menghadapi 'krisis keyakinan'. Ia semakin sulit dengan satu lagi tuduhan, iaitu keluhan mengurus ekonomi yang semakin merosot.

Kem Razaleigh-Musa berulang kali mengatakan bahawa krisis ekonomi yang dialami oleh Malaysia tidak boleh semata-mata

dipersalahkan ke atas suasana ekonomi antarabangsa yang merosot. Pembangkang mendakwa kesilapan Mahathir yang mengutamakan projek-projek besar dan dilaksanakan pada waktu yang salah, lalu mengakibatkan kelemahan di dalam pengurusan ekonomi, juga bertanggungjawab menyebabkan krisis ekonomi negara. Contoh yang paling kerap disebut sebagai 'bukti' kelemahan pengurusan Mahathir ialah projek kereta 'Proton Saga' dan skim-skim industri berat yang berkaitan yang negara ini kurang upaya untuk melaksanakannya pada waktu yang salah. Beberapa projek seperti Jambatan Pulau Pinang dan projek Dayabumi disebut oleh para pengkritik Mahathir di dalam UMNO untuk menegaskan 'kebenaran' dakwaan mereka walaupun beberapa buah projek itu perlu dengan bertambah pesatnya kegiatan perindustrian di seluruh negara.

Secara objektifnya tidaklah adil menyalahkan Mahathir sebagai bagi semua kelemahan ekonomi yang dideritai oleh Malaysia itu. Tetapi di dalam situasi politik yang semakin ganas, diapi-apikan oleh isu kemelesetan ekonomi maka setiap sesuatu yang dilakukan oleh Mahathir, terutama 'kesilapannya' pasti dikritik dengan kuat oleh semua pihak berkaitan, khasnya para penentangnya di dalam UMNO. Seringkali isu yang remeh juga sengaja dibesar-besarkan. Di dalam fikiran kononnya, Mahathirlah orang yang telah menimbulkan segala masalah.

Tidaklah rumit memahami wujudnya persepsi demikian kalau diambil kira hakikat bahawa Mahathir kelihatan amat 'berpuak' dan bersikap 'diktator' di dalam caranya mengendalikan kerajaan dan segala urusan, baik politik atau ekonomi, baik sebagai Presiden UMNO atau sebagai Perdana Menteri. Beliau dituduh mempunyai satu puak kecil ahli perniagaan yang diutamakannya, dan sebuah 'Kabinet Dapur' yang lebih kecil di dalam Kabinetnya, dengan itu memberi kesan umum bahawa ekonomi dan politik negara adalah di tangan elit dari yang elit.

Sebagai ekoran, mereka di luar lingkungan yang amat rapat di kalangan rakan-rakan Mahathir mendakwa peluang amat terhad untuk mendekatinya. Di samping itu beliau juga dituduh tidak memberi banyak perhatian terhadap mana-mana pandangan yang berbeza daripada pandangannya, baik dari dalam Kabinet, daripada tokoh-tokoh UMNO, dan daripada mereka yang di luar kerajaan; maka mensahihkan tuduhan yang beliau 'berkuju besi'. Tuduhan

berat itu telah ditimbulkan bukan sahaja oleh para penentangnya di dalam UMNO tetapi juga mereka di luarnya, terutama pertubuhan bukan kerajaan seperti Aliran dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang, serta seteru politik tradisi UMNO, Parti Islam (PAS) dan Parti Tindakan Demokrasi (DAP).

Pendekata, Mahathir menghadapi musuh dari segenap penjuru, dari dalam dan luar parti politiknya. Sekalipun beliau tidak dapat menghadapi dengan berkesan penentangnya di dalam UMNO, walaupun dengan mendedah dan mengubah kelas dokumen berhubung dengan tiga projek kontroversial utama (Jambatan Pulau Pinang, Dayabumi dan Proton Saga), yang sebelumnya dikelaskan sebagai rahsia rasmi, dengan itu menunjukkan yang Razaleigh dan Musa bertanggungjawab sama memperakui projek itu yang mereka kini kecaman, Mahathir berjaya sedikit sebanyak menjelaskan imej penentangnya di luar UMNO.

Menerusi kenyataan para menterinya dan kenyataannya sendiri, Mahathir mengumumkan kepada orang ramai bahawa kerajaan mengetahui sebilangan pertubuhan bukan kerajaan itu, yang tidak pernah dikenalpasti, menerima bantuan dari seberang laut dan mensyaki sekurang-kurangnya dua daripadanya mendapat sokongan Zionis satu tuduhan amat berat di sebuah negara Islam PAS, DAP dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan itu digambarkan oleh orang-orang kuat UMNO sebagai duri dalam daging di negara ini. PAS dan DAP dituduh cuba untuk merosakkan susunan politik dan sosial negara dengan sentiasa melaksanakan seni memburuk-buruk kerajaan dan sentiasa berusaha mewujudkan keimbangan untuk merosakkan imej kerajaan. Sejauh yang berkenaan dengan para penentang Mahathir di dalam UMNO, sebarang pendedahan oleh mereka di luar UMNO ketika itu, amat membantu perjuangan mereka membawa perubahan ke dalam UMNO.

Matlamat itu jelas terhambar di dalam slogan mereka untuk kempen itu: 'Kami Mahu Perubahan, Razaleigh-Musa, Azam Baru 1987', yang tercetak malah di atas pemetik api murahan yang diagihkan kepada mereka yang menghadiri perhimpunan-perhimpunan puak berkenaan. Jelas sekali 'peperangan antara gergas yang meletus di dalam UMNO dalam tahun 1987 itu telah mengakibatkan gerak laku serentak kuasa sosial yang lebih besar dan memberi kesan dalaman yang khusus di dalam UMNO.'

Faktor-faktor yang sama juga meningkatkan kesedaran kritis di kalangan ahli-ahli UMNO. Ekorannya, mereka mula berani menilai kepimpinan yang ada dan memikirkan alternatif secara serius, iaitu sesuatu yang tidak pernah mereka fikirkan sebelum ini. Dari satu segi akibat 'perang' itu, UMNO dan masyarakat Melayu menjadi semakin demokratik dan semakin berani menyatakan pandangan yang berbeza.

Mengesan punca 'perang' di antara pasukan Mahathir-Ghafar dan Razaleigh-Musa di dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO bulan April 1987 dan mengaitkannya dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tahun 1986 dan 1987 hanya akan mendedahkan sebahagian daripada ceritanya, sekalipun itu bahagian yang lebih menarik. Harus juga diteliti perubahan menyeluruh yang dialami oleh rakyat setelah diperkenalkan DEB dalam tahun 1971. Rakyat Malaysia amnya, dan orang Melayu khususnya yang menjadi ahli UMNO sudah menikmati buah pembangunan hasil DEB. Oleh itu, arus aliran jangka panjang dan peristiwa terbaru di dalam dan luar UMNO bertanggungjawab mencetuskan 'perang antara gergasi' di dalam UMNO itu.

Pelaksanaan DEB menimbulkan perkembangan pesat, yang melahirkan kelas pertengahan Melayu. Sebahagian besar golongan kelas menengah Melayu yang baru itu, terdiri daripada para pegawai awam, profesional, dan usahawan-usahawan yang menjadi ahli UMNO. Sebagaimana kelas menengah di mana sahaja, perkembangannya di Malaysia telah melahirkan gejala percanggahan tersendiri kerana pelbagai kumpulan di dalam perjuangan kelas ini menguasai sumber ekonomi dan laluan ke kedudukan politik. Mereka ini meningkatkan kepentingan dan hasrat yang bercanggah menerusi politik UMNO.

Ini tidak menghairankan sangat kerana UMNO sebagai sebuah parti politik, sejak ditubuhkan telah mengandungi dan mengendalikan semua yang hendak dilindungi, dipelihara dan dicapai oleh golongan menengah dan atasan Melayu. Jadi perjuangan yang semakin sengit bagi mendapatkan kuasa di dalam UMNO, yang bermula pada pertengahan tahun 1970-an bersambung sepanjang awal tahun 1980-an, mencapai puncaknya di Perhimpunan Agung ke-34 UMNO apabila Presiden yang ada dicabar dengan serius. Itu bukan semata-mata cabaran peribadi kepada Mahathir, sebagai

Presiden, tetapi juga kepada seluruh angkatannya. Satu pasukan yang diketuai oleh Razaleigh dan Musa cuba menawarkan alternatif kepada kepimpinan yang ada.

Mereka menawarkan satu gantian yang belum pernah ada, melibatkan bukan sahaja seorang Presiden dan Timbalan Presiden gantian, tetapi juga Naib-Naib Presiden dan ahli-ahli Majlis Tinggi. Pertaruhannya tinggi—yang tertinggi di negara ini kerana ia melibatkan jawatan Perdana Menteri dan jawatan-jawatan kabinet yang lain. Pendekata rakyat Malaysia untuk pertama kalinya dalam sejarah negara ini ditawarkan satu pasukan pemimpin gantian.

Kempen itu adalah yang paling sengit, paling mahal dan paling kuat gejala perpecahannya di dalam sejarah parti itu selama 41 tahun. Sejak awalnya ada dua kem utama, iaitu para penyokong dan penentang Mahathir. Ada juga beberapa orang yang berkecuali. Di kalangan satu dozen lantikan UMNO di dalam kabinet campuran, lima orang berkempen secara terbuka menentang Mahathir. Tiga hari sebelum pembuangan undi, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Najib Tun Razak, yang secara peribadi telah menyokong kem Razaleigh-Musa berpaling tada dan mengisyiharkan sokongannya kepada Mahathir. "Ini satu pukulan bagi kami, walaupun tidaklah pukulan hebat," kata seorang penyokong Musa. Hanya Menteri Penerangan, Tengku Ahmad Rithuadeen, juga dari keluarga Diraja Kelantan, yang terus berkecuali sehingga ke akhir. Menurutnya itu adalah pendirian terbaik di dalam pertandingan yang panas itu.

Tuduhan dilemparan oleh kedua-dua belah pihak yang wang memainkan peranan penting untuk mendapatkan sokongan. Menteri Perusahaan Awam, Rafidah Aziz mendakwa salah seorang rakanannya ditawarkan rasuah M\$10,000. Jawatankuasa Tatatertib UMNO bagaimanapun tidak memperolehi bukti untuk menyokong dakwaannya itu. Pada hari akhir kempen itu, para wakil dr rakan-rakan mereka menghadiri jamuan dan layanan terbaik hotel-hotel. Beberapa pemerhati melaporkan kadar sebenar yang ditawarkan bagi beberapa undi yang benar-benar terapung ialah M\$50,000 atau lebih. Para penganalisa berkata sulit untuk menilai berapa banyak terpaksa dibelanjakan oleh setiap kumpulan dalam kempen pemilihan itu. Namun mereka menganggarkan perbelanjaan keseluruhan, dari pemilihan peringkat cawangan sehingga

hari terakhir pemilihan berjumlah berpuluhan-puluhan juta ringgit.

Kalau dikesampingkan wang, gerakan berkempen agak bersejiring, sesuai dengan tradisi Melayu, tinju bayang lebih dapat diterima daripada tinju terbuka. Razaleigh tidak mengisyiharkan pencalonannya sehingga 11 April, hari terakhir mengisi kertas pencairan. Malah ketika itu pun beliau cuba mengelakkan perhatian umum, menumpukan usahanya untuk menarik perhatian hampir 1,500 orang wakil di dalam mesyuarat tertutup, bukan menerusi media secara meluas sebagaimana dilakukan oleh Mahathir dan Ghafar.

Keenggan Razaleigh untuk mengisyiharkan pencalonannya awal ditafsirkan sebagai kurang pasti dalam membuat keputusan oleh lawannya. Mereka menyebarkan berita angin kononnya mungkin Razaleigh berpapak dengan Mahathir untuk menyisihkan musuh lamanya, Musa. Namun sumber-sumber di kedua-dua puak berkata tidak pernah wujud satu perjanjian kompromi. "Kedua-dua Mahathir dan Razaleigh adalah orang yang besar hati, dan sebagaimana orang bersifat demikian, mereka tidak memahami makna kompromi," kata seorang pemimpin kanan UMNO yang mengenali dua orang tokoh itu bertahun-tahun.

Mahathir juga memulakan kempennya agak lewat iaitu setelah sukses mengelakkan diri daripada menjadi tajuk utama akhbar beberapa minggu sebelumnya. Apabila beliau akhirnya memasuki selanggang beliau berkata, "Saya terpaksa pergi ke sana ke mari seolah-olah menghadapi pilihanraya umum." Pada usia 61 tahun, Mahathir tidak jemu-jemu berkempen meliputi seluruh negara.

Mahathir mempergunakan tradisi—satu unsur penting di dalam masyarakat Melayu-Islam yang konservatif. Dengan melancarkan satu cabaran untuk menggulingkan Perdana Menteri dan memimpin parti yang sedang berkuasa, Razaleigh dan Musa sebenarnya telah melanggar tatasusila budaya ketimuran dan sudah melampaui batas. Media yang kebanyakannya dikuasai oleh kerajaan atau dimiliki oleh UMNO—mempergunakan tema itu. "Apakah mereka yang memecahkan tradisi mempunyai tempat di dalam masyarakat?" Serangan media terhadap Razaleigh dan Musa, kata imai pemerhati, mengena balik Mahathir.

Scorang ahli politik kaum Cina berkata, "Ini adalah sebuah watan kuasa tertinggi parti dengan hanya 1,500 orang ketua

bahagian memilih seorang ketua, tetapi nampaknya sebilangan jurukempen menggunakan taktik pilihanraya umum, seolah-olah cuba mempengaruhi 15 juta rakyat untuk mendesak 1,500 orang wakil."

Para penyokong Musa-Razaleigh yang pada mulanya marah dengan layanan berat sebelah pihak media, akhirnya gembira kerana perhatian sepenuhnya ke atas Mahathir. "Dengan mengejutkan hanya apa yang dikatakan oleh Mahathir, Ghafar dan Anwar, media juga menonjolkan kesilapan-kesilapan mereka," kata seorang penyokong lawan. "Dengan mengenepikan kami, mereka tidak memberi perhatian terhadap kesilapan kami. Media adalah gergaji dua mata yang disorong makan ditarik pun makan. Kami gembira kerana tidak diberikan terlalu banyak publisiti." Namun dengan berita mengenai penentangnya tidak diberi ruang, sura layang dan risalah racun menjadi cara berkempen. Kebanyakannya mengandungi tuduhan liar terhadap satu sama lain.

Di kemuncak kempen itu, Mahathir mengecap lawannya sebagai 'pembelot terhadap kepentingan Melayu dan parti' kerana beliau mendakwa, mereka merosakkan perpaduan. Mahathir berkata, pertandingan pucuk pimpinan itu adalah 'satu percubaan oleh satu kumpulan untuk merampas kuasa'. Beliau juga mendakwa adanya 'sebilangan negara' mahu cuba 'melemahkan para pemimpin yang dipilih' di dalam UMNO. Beliau tidak menyebut mana-mana negara tetapi merujuk kepada para Zionis yang menentang Malaysia dan dasar-dasar keislamannya.

Mahathir melemparkan peluru pertamanya dengan berkata beliau akan berundur sekiranya ahli-hali parti mahu beliau berbuat demikian. "Kalau tuan-tuan tidak sukakan saya, beritahu saya," katanya. "Tapi jangan tekan saya ke bawah." Kemudiannya, dalam satu lawatan singkat ke Brunei, beliau berkata yang beliau akan kekal berkuasa 'sekalipun kalau saya menang dengan hanya satu undi'. Pada akhir kempen itu Mahathir berkata seorang Perdana Menteri tidak semestinya meletakkan jawatan kalau kalah di dalam pertandingan jawatan parti. Katanya, Perdana Menteri hanya dapat disingkirkan menerusi undi tidak percaya di dalam Parlimen. Penentangnya mengatakan ulasan yang mempunyai makna tersebut bunyi itu telah menjasaskan kempennya.

Musa dan Razaleigh berkempen mengenai beberapa

utama: ekonomi yang merosot, pembaziran wang awam ke atas projek besar seperti Jembatan Pulau Pinang dan kes Maminco dalam mana Kerajaan kerugian \$300 juta semata-mata untuk menguasai pasaran timah demi menaikkan harga timah Malaysia. Mahathir menyahut tuduhan itu dengan berkata bahawa Musa dan Razaleigh, ketika dalam kabinet sama-sama terlibat di dalam kepustusan bersama dengan apa yang dikemukakan oleh Perdana Menteri. Namun kerajaan enggan mendedahkan kertas berhubung berhubung dengan isu Maminco atau skandal UMBC dalam mana sejak rapat Mahathir, Menteri Kewangan Daim Zainuddin, memungut saham terbesar di dalam bank ketiga terbesar di negara ini, setelah pemilik saham terbesarnya, PERNAS, sebuah perbadanan kerajaan, diberitahu agar tidak mengemukakan isu hak. Daim kemudiannya menjual saham itu kepada PERNAS dengan harga lebih tinggi daripada yang akan dibayar oleh PERNAS.

Puak Mahathir menimbulkan semula peristiwa Memali di Negeri Kedah, ketika mana 18 orang termasuk empat orang anggota polis terkorban di dalam pertempuran di antara para penyokong radikal Parti Islam Se-Malaysia dan pasukan keselamatan. Musa menjadi Menteri Dalam Negeri ketika itu dan terlibat dalam perkembangan operasi berkenaan. Sebilangan penyokong Mahathir menyebut Musa sebagai pembunuhan, kerana kata mereka, beliau harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua tindakan polis.

Musa berkata beliau telah memberi taklimat sepenuhnya kepada Mahathir tentang kejadian itu dengan serta merta malah menasihatkan Mahathir agar membatalkan lawatannya ke negara Cina. Tetapi Mahathir menyerahkan masalah itu kepadanya dan pihak polis. Orang-orang Mahathir juga merujuk kepada kisah peribadi Razaleigh dan Musa. Kedudukan Razaleigh sebagai orang bujang menjadi satu bebanan di dalam kempen. Musa pula telah bercerai dengan isterinya dari Peru tahun 1986 dan dalam bulan September berkahwin dengan seorang model Malaysia.



Ratu Elizabeth II diiringi oleh Dr. Mahathir dan para kenamaan asing ke upacara perasmian CHOGM.



Walaupun Dr. Mahathir, Perdana Menteri Thatcher turut terpesona dengan kepimpinan

PERHITUNGAN TERAKHIR

"Di dalam setiap jiwa disemai benih masa depan yang agung, namun benih itu tidak pernah bercambah, apa lagi untuk berkembang sehingga matang, kecuali dengan memberikan perkhidmatan yang berfaedah."

HANYA sehingga pertengahan Mac 1987, barulah Mahathir memutuskan untuk menyahut kempen lawan bagi mempertahankan kedudukannya bagi 'Kejohanan Heavyweight UMNO' akan diberikan oleh *Watan* sebuah akhbar tabloid Melayu teman terhadap pertandingan itu. Beliau berbuat demikian di pagah-tengah wilayah 'musuh', apabila merasmikan ibu pejabat UMNO di Kelantan, sebagai tetamu Razaleigh dan di hadapan ribuan penyokong kuat Razaleigh sendiri. Perutusannya jelas dan lantang, sekalipun diselimuti dengan peribahasa Melayu 'air mengang tidak akan putus', dalam merujuk hubungan seperti saudara dengan Razaleigh.

Bagaimanapun beliau memberi amaran sekiranya terlalu didekati dan ditekan, 'air bolch jadi ais dan ais boleh jadi retak, macam manusia'. Apabila beliau meningkatkan kempennya beliau berap semakin langsung di dalam serangannya ke atas Razaleigh, diajawab dengan nada serupa oleh Razaleigh. Pertikaman balas lincah bagaikan bunga-bunga silat itu berterusan selama tiga paggu. Segala ucapan dan kempen itu dilaporkan sepenuhnya media, khasnya *The Star*, akhbar bahasa harian Inggeris milik A, dan *Watan*, yang kedua-duanya sentiasa memberikan lipu-

tan seimbang kempen di antara dua kem berlawanan sejak perang gergas itu bermula. Menjelang akhir Mac senarai penuh perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO telah siap, terdiri daripada perwakilan rasmi yang boleh mengundi (sejumlah 1,479 orang dengan 1,434 orang dari 133 bahagian UMNO, 35 orang ahli Majlis Tertinggi, dan lima masing-masingnya dari Pergerakan Wanita dan Pemuda) serta para pemerhati dari cawangan-cawangan dan bahagian UMNO (kira-kira 13,500 orang). Para calon pula sudah berada di jalanan untuk melawat seberapa banyak bahagian, dan bertemu dengan seberapa banyak yang mungkin perwakil yang telah dipilih ke perhimpunan itu.

Dalam tempoh tersebut, kempen dijalankan secara terbuka dan dilaporkan sepenuhnya oleh media massa. Sekalipun pihak mod menyebelahi pasukan Mahathir-Ghafar, perhimpunan di kawasan popular menentang Mahathir-Ghafar, yang tidak semestinya terbayang di kalangan para perwakilan rasmi. Oleh kerana liputan yang kurang menguntungkan oleh media massa, kem Razaleigh-Musa terpaksa menggunakan pita video dan keset untuk menyampaikan perutusan ke luar lingkungan UMNO, yakni audiens yang lebih luas, satu strategi yang digunakan oleh PAS di dalam kempilihanraya umum tahun 1986. Sekalipun kumpulan Mahathir-Ghafar mendapat liputan media yang menguntungkan, rakan mereka yang memenuhi pentas dan mengendalikan sambutan, dengan tokoh utama di dalam drama parti yang tegang berdiam diri, seolah-olah menunggu kem Razaleigh-Musa ketibaan modal politik.

Menjelang 11 April, setelah semua pencalonan bagi pelbagai jawatan diterima, kempen terbuka dikurangkan apabila 'majlis penyelidikan dan perisikan' kedua-dua kem mencongak pula dengan angka untuk mengetahui jumlah pengundi yang mereka tawarkan. Bagaimanapun itu satu gerakan yang rumit kerana wakil yang nampaknya dianggap rakan oleh kedua-dua belah pihak. Jumlah undi yang belum pasti pendiriannya pula masih besar, kira-kira 20 hingga 25 peratus daripada sejumlah 1,479 orang. Drama terbuka dan riuh rendah di dalam babak kempen sebenarnya tiba-tiba diganti dengan sidang tertutup dan secara selektif dihadiri oleh mereka yang dianggap paling penting.

Tidak boleh tidak sesi tertutup menjadi gerakan mencari rahsia dan kelemahan lawan kerana kedua-dua kem pada dasarnya tidak ada perbezaan sebenarnya di dalam seluruh falsafah, dasar dan pendekatan terhadap kebanyakan isu penting negara. Oleh kerana kedua-duanya berada di dalam UMNO yang komited untuk memelihara dan memperjuangkan kepentingan Melayu, adalah dikatakan bahawa perbezaan di antara mereka bagaikan perbezaan di antara Pepsi-Cola dan Coca-Cola.

Dalam pada itu, baki pertandingan jawatan UMNO, seperti naib presiden, ahli Majlis Tertinggi, sudahpun jelas pembahagian-nya di dalam kempen itu. Puak-puak itu pula menolak kemungkinan sebarang bentuk kompromi, sekalipun ada usaha di belakang tabir yang kebanyakannya dibuat oleh kem Mahathir-Ghafar.

Enam orang calon bagi tiga jawatan naib presiden datang dari dua kem: tiga dari kem Mahathir-Ghafar terdiri daripada Anwar Ibrahim (menteri Kabinet), Wan Mokhtar dan Ramli Ngah Talib (kedua-duanya Menteri Besar), dan tiga lagi dari kem Razaleigh-Musa terdiri daripada Abdullah Badawi, Rais Yatim (kedua-duanya menteri Kabinet) dan Harun Idris (bekas Menteri Besar). Dua orang calon menunggu ialah Abdullah Badawi dan Wan Mokhtar sementara Harun Idris pernah memegang jawatan itu, Rais Yatim pernah dua kali bertanding dan gagal, dan Ramli Ngah Talib dianggap sebagai pendatang baru yang kuat kerana beliau adalah pemimpin perwakilan UMNO Perak, yang mempunyai blok perwakilan terbesar, 256 orang wakil di perhimpunan itu. Bagi menyerahkan peluangnya untuk menang, Anwar Ibrahim meletakkan jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO, dengan itu menamatkan kedudukannya selaku naib presiden secara *ex-officio*.

Terdapat seramai 69 orang calon bagi merebut 25 kerusi Majlis Tertinggi, iaitu jumlah terbesar di dalam sejarah pemilihan pucuk pimpinan UMNO. Jumlah asalnya 72 orang tetapi tiga orang menarik diri daripada pertandingan. Sebagaimana calon-calon naib presiden, mereka juga datang daripada dua kem utama, yang menunjukkan hasrat jelas kedua-dua kem untuk menguasai parti itu. Untuk pertama kalinya tidak ada calon dari peringkat itu bertanding untuk jawatan lebih tinggi, terutama untuk jawatan naib presiden, yang dulunya menjadi kebiasaan. Pendeknya setiap orang bertanding, dari jawatan tertinggi sehingga jawatan Ahli

Majlis Tertinggi mempertaruhkan segala-galanya.

Malah 13 orang menteri Kabinet UMNO juga berpecah ke dalam dua kem, dengan enam orang di belakang Mahathir dan enam di belakang Razaleigh, dan scorang, Tengku Ahmad Ritha udeen, duduk di atas pagar. Sekurang-kurangnya empat orang timbalan menteri dan empat orang Setiausaha Parlimen mengisyaitarkan secara terbuka sokongan kepada Razaleigh. Bagaimanapun Mahathir mendapat sokongan padu semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, yang sejak 26 Februari lagi telah berikrar taat setia mereka kepada beliau, iaitu satu lagi langkah yang belum pernah terjadi di dalam sejarah UMNO.

Langkah mereka itu tidak memerlukan kerana semuanya mereka menduduki jawatan masing-masing atas kehendak Mahathir. Namun sekurang-kurangnya dua orang daripada mereka terhutang budi langsung kepada Ghafar, iaitu Menteri Besar Negeri Sembilan dan Selangor. Mereka bukan dilantik setelah pilihan raya umum 1986, tetapi dilantik hanya setelah Ghafar berjaya merayu bagi pihak mereka kepada Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Sultan Selangor.

Kira-kira seminggu sebelum pertandingan besar bagi menentui kepimpinan parti itu, persaingan nampaknya terlalu rapat. Jumlah mereka yang di atas pagar berkurangan kepada 10 hingga 15 peratus seluruh perwakilan yang berhak mengundi, dengan 8 hingga 90 peratus undi komited terbahagi secara saksama di antara Mahathir dan Razaleigh. Musa dikatakan masih mempunyai keseimbangan berbanding dengan lawannya Ghafar. Wan Mokhtar Abdullah Badawi dan Anwar pula dikatakan awal-awal lagi mengantasi tiga orang lagi calon untuk naib presiden. Menurut kajian teknikal yang dilakukan oleh 'markas penyelidikan dan perisikan' kedua-dua kem, di 'tempat-tempat yang penuh rahsia' di Kuala Lumpur, terdapat profil para wakil ke Perhimpunan Agung UMNO pada April telah berubah dengan sungguh ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Secara tidak langsung perkembangan tersebut mempengaruhi polar pengundian. Misalnya, para guru, yang merupakan 40 peratus wakil dalam tahun 1981 dan 32 peratus dalam tahun 1984, kini hanya merupakan 19 peratus.

Peranan mereka sebagai pemimpin telah diambil alih oleh angkatan baru kelas menengah Melayu yang terdiri daripada

niaga dan usahawan Melayu yang berjumlah 25 peratus wakil dalam tahun 1987. Para pegawai awam merupakan 23 peratus, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan merupakan 19 peratus, pegawai kemajuan masyarakat mengisi 5 peratus, dan profesional serta yang lainnya 1 peratus. Jumlah perwakilan ke perhimpunan itu juga bertambah dari tahun ke tahun; seramai 1,158 orang dalam tahun 1981, 1,244 orang dalam tahun 1984 dan 1,479 orang dalam tahun 1987. Pertambahan itu adalah hasil bertambahnya kawasan pilihanraya parlimen dalam tahun 1982 dan 1986, masing-masingnya mempunyai bahagian UMNO yang baru.

Menjelang hari pengundian, Jumaat 24 April, perkiraan angka masih mengelirukan, namun kedua-dua belah pihak nampak begitu yakin untuk menang. Para wakil tiba di Kuala Lumpur sejak 20 April bersama dengan 13,500 orang pemerhati rasmi dari semua cawangan dan bahagian UMNO di samping para wakil media massa tempatan dan luar negeri. Mereka semua memenuhi tidak kurang daripada 5,000 bilik hotel, daripada hotel lima bintang, sehingga ke hotel tidak berbintang, menyebabkan UMNO perlu membayar berjuta-juta ringgit, tidak termasuk bil makanan 150,000 ringgit untuk semua yang hadir di dalam peristiwa bersejarah empat hari di Pusat Dagangan Dunia Putra milik UMNO itu.

Tempat persidangan itu ditutup kepada orang ramai oleh tidak kurang daripada 500 orang anggota keselamatan berpakaian teragam dan berpakaian peremau, terutamanya dari pasukan polis. Kempen sengit oleh kedua-dua kem tidak berhenti sehingga saat pembuangan undi. Tapi kini ia bertumpu di 'coffee-lounge' dan bilik hotel, dengan tawaran berbalas tawaran. Kempen sudah dipenuhi oleh surat layang yang masih basah dakwat percetakannya di samping risalah-risalah yang baru keluar mesin cetak lengkap dengan gambar warna. Kedua-dua kem menggunakan kaedah dan peralatan cetak yang terbaik. Sesiapa sahaja melihat 'penerbitan-penerbitan' itu pasti kagum dan yakin bahawa DEB telah berjaya, sekurang-kurangnya di dalam industri percetakan, sekalipun mungkin kebanyakan kerja itu dikontrakkan semula kepada bukan bumiputera.

Apabila pengundian bermula, pada hari Jumaat 24 April, para wakil membuang undi scorang lepas scorang, bukan bahagian

demi bahagian, dengan itu mengurangkan pengaruh ketua bahagian yang secara tradisi dapat mempengaruhi pilihan wakil. Pembuangan undi dijalankan selepas sahaja ucapan Presiden, dengan itu tidak lagi memberi ruang bagi kempen saat akhir. Sekalipun rancangan asal Majlis Tertinggi ialah supaya pembuangan undi berakhir sebelum Fardhu Jumaat, namun ia tidak terjadi demikian.

Berlaku banyak kekeliruan di kalangan para wakil tentang siapa hendak dipilih kerana tidak ada nama calon di atas kertas undi hanya nombor yang ditetapkan untuk setiap calon, dengan itu pengundian berlanjutan sehingga ke lewat petang. Ketika rehat itulah kempen berterusan dibuat oleh kedua-dua kem. Ada yang mengatakan kempen semasa rehat itulah yang menentukan kejayaan Mahathir.

Bagaimanapun pengiraan undi untuk lima jawatan tertinggi iaitu presiden, timbalan presiden dan tiga naib presiden, memakan masa lapan jam untuk disiapkan dan keputusannya tidak diumumkan sehingga selepas tengah malam kerana undi diulangkira beberapa kali. Keputusan pemilihan ahli Majlis Tertinggi hanya dapat diumumkan pada keesokannya. Tidak diragukan lagi, pada hari ini tercipta rekod dan terpecah rekod bagi UMNO dan hasil sentiasanya cukup hebat ke atas pertubuhan itu. Ia juga menandakan kelahiran dan pengukuhan segera apa yang dikenali di dalam UMNO sebagai Team A dan Team B, yang pertama merujuk kepada Mahathir dan para penyokongnya dan keduanya kepada Razaleigh dan para penyokongnya. Masing-masing tak mahu mengalah.

PERANG UNTUK MUSNAHKAN UMNO

"Tidak ada kedudukan di dalam hidup ini yang boleh selamat, dan tidak ada pencapaian yang boleh kekal, kecuali dibina di atas kebenaran dan keadilan."

APABILA pencalonan ditutup pada 11 April, ada dua orang calon untuk presiden, Mahathir dan Razalcigh; dua orang untuk timbalan presiden, Ghafar dan Musa; enam orang termasuk Anwar, untuk jawatan naib presiden, dan 69 orang untuk 25 jawatan di dalam Majlis Tertinggi UMNO. Kedua-dua belah pihak mengaku keputusannya akan menjadi amat rapat. Begitulah yang terjadi. Apabila pengiraan undi (disiarkan secara langsung oleh televisyen) berakhiri, Mahathir berjaya mengalahkan pencabarnya dengan kelebihan undi yang amat kecil, iaitu 43 undi daripada keseluruhan 1,479 undi, iaitu berbeza 2.9 peratus sahaja. Keputusan bagi jawatan timbalan presiden juga tidak kurang hebatnya, apabila calon menunggu kali ini kalah, juga dengan kelebihan undi yang kecil. Ghafar hanya mendapat kelebihan 40 undi, mengalahkan Musa. Hakikatnya ialah jumlah kelebihan itu sebenarnya lebih kecil daripada jumlah 'undi rosak', 41 undi kerana telah dibiarkan kosong.

Para pencabar mungkin bercerak awal ke medan perang, namun kecekapan calon menunggu melakukan manipulasi saat akhir, dan pemberian 'ole-ole' telah menjamin kejayaan berpihak kepada kem Mahathir. Tengku Razalcigh sebenarnya memerlukan sekitar 22 undi untuk menghasilkan apa yang mungkin menjadi

kekecewaan terbesar di dalam sejarah politik Malaysia. Beliau tidak berjaya mencari undi-undi itu. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kekal sebagai presiden UMNO dan Perdana Menteri mengalahkan Razaleigh dengan jumlah 718 undi berbanding 761 undi. Lebih memerlukan lagi ialah timbalan presiden menunggu dan calon yang mendapat sokongan ramai, Datuk Musa Hitam memperolehi 699 undi dikalahkan oleh pencabarnya merangkap Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba yang memperolehi 739 undi. Ia menjadi satu pertunjukan kelincinan politik Mahathir yang mengagumkan. Seorang penganalisa yang kebingungan berkata, "Beliau berjaya menarik Ghafar ke arah kejayaan, menguasai kerusi naib presiden dan berjaya meletakkan kebanyakan orangnya di Majlis Tertinggi. Saya boleh katakan beliau menguasai keadaan sepenuhnya."

Jelas sekali Perdana Menteri bersetuju. Kelihatan tenang dan gembira setelah kemenangan itu, beliau bergurau tentang tipisnya kemenangan yang dicapainya dengan berkata, "Saya dah kata, saya akan mengekalkan jawatan, sekalipun dengan hanya kelebihan satu undi. Sebagaimana anda lihat, saya memperolehi lebih daripada satu undi." Beliau juga tidak memberi sebarang bayangan akan mengubah dasar atau corak kepimpinannya, sebaliknya hanya berkata 'saya akan teruskan kerja seperti biasa.' Yang lain tidak pasti.

Bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn mendakwa 'sokongan kuat yang diterima oleh Tengku Razaleigh dan Musa Hitam membayangkan berlaku perpecahan yang sungguh serius di dalam UMNO berhubung dengan corak kepimpinan Dr. Mahathir. 'Kepimpinan beliau harus menumpukan perhatian terhadap punca perpecahan itu dan berusaha mengubatinya.' Pandangan Tun Hussein itu dikira wajar. Razaleigh dan Musa memperolehi hampir 49 peratus undi (48.7 peratus), membayangkan perpecahan itu hampir benar-benar membelah dua UMNO. Ada beberapa orang lagi yang bersetuju dengan bekas pemimpin itu.

Memang itu kejayaan yang amat tipis bagi kombinasi Mahathir-Ghafar. Bagaimanapun mereka gembira dan sekaligus terkejut. Gembira kerana mereka menang, "Saya sekadar mahu menang," kata Ghafar di dalam ucapan menyambut kemenangannya. Mereka terkejut kerana kemenangan amat tipis itu bukanlah jenis kejayaan yang mereka mahu atau idamkan. Keputusan itu jelas

menunjukkan bahawa populariti Mahathir telah merosot dengan teruk, imejnya tercemar, pengaruhnya terhakis, dan ‘kebersihannya’ dipersoalkan, serta ‘kecekapannya’ diragukan, di samping ‘sifat amanahnya’ disangsikan. Pendek kata kombinasi Mahathir-Ghafar telah memenangi pertempuran, tetapi tidak semestinya memenangi perpeperangan.

Sejak awal-wal lagi Razaleigh dan Musa mengetahui yang mereka memasuki medan pertandingan habis-habisan. Ini disahkan oleh Mahathir di dalam ucapan penutup perhimpunan itu pada 26 April apabila beliau berkata, “Kalau kita menang, adalah mendapat sesuatu, dan kalau kita kalah, kita tidak mendapat apa-apa.” Sebenarnya Razaleigh telah mengosongkan pejabatnya di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kerana walau bagaimana pun keputusan pemilihan itu, beliau pasti akan mengosongkannya. Semua penyokongnya sedar yang mereka membuat pertaruhan hitam putih apabila menyatakan sokongan kepadanya, dan kemungkinan kehilangan jawatan dan kerja terpampang di hadapan mereka.

Dalam pada itu, sekalipun kalah di dalam pemilihan dan kehilangan kerja, mereka tidak kalah di dalam ‘perang moral’. Razaleigh memenangi 48.7 peratus seluruh undi yang dibuang, satu kadar yang lebih daripada dihormati memandangkan keupayaan mereka yang terhad untuk mengerahkan sebarang bentuk jentera kerajaan semasa kempen itu.

Kalah jadi abu, menang jadi arang, kata pepatah Melayu. Sedikit sebanyak pepatah itu menyatakan cukup tepat nasib kedua-dua belah pihak di dalam pertandingan itu. Batas kekalahan atau kemenangan yang tipis bererti kedua-duanya kerugian, terbakar dan rentung seperti abu dan arang. Kadar kerugian sudah tentu berbeza. Mahathir menerima hanya separuh mandat untuk mengendalikan UMNO dan negara, satu prospek yang kurang menggalakkan.

Lebih-lebih lagi beliau terpaksa membiarkan sahaja kritikan terhadapnya, jika mahu mengelakkan konfrantasi terbuka. Sesungguhnya satu aliran telah dilahirkan di dalam tahun 1987 dan sebagaimana pemimpin UMNO pada masa depan yang mengabaikan aliran itu berhadapan dengan bahaya. Inilah bebanan yang perlu dipikul oleh Mahathir dalam beberapa tahun akan datang. Sebaliknya pulak, untuk jangka pendek dan segera, Razaleigh dan Musa akan ter-

paksa menderita dalam kebungkaman kerana jatuhnya status mereka sebagai tokoh yang sangat dihormati. Untuk beberapa ketika mereka akan dihantui kekecewaan kerana mereka amat dekat dengan mercu kejayaan. Para penyokong mereka, terutama di peringkat bawahan, juga menderita, mungkin lebih teruk kerana kerugian mereka lebih menyeluruh: tidak ada lagi kemudahan parti, lesen perniagaan, biasiswa untuk anak-anak mereka, tidak ada harapan untuk bayaran pinjaman dijadualkan semula, sementara sebahagiannya jatuh muflis.

Di Pusat Dagangan Dunia Putra, emosi mendidih. Sejurus setelah keputusan diumumkan, ahli majlis tertinggi parti, Marina Yussof, yang merah padam mukanya kerana marah, meluru ke dalam dewan pengiraan undi dan mempersoalkan keputusan. Beliau mengisyiharkan bahawa Razaleigh telah menang di dalam kiraan pertama dengan sekurang-kurangnya 800 undi. Menerusi sekurang-kurangnya dua kali perkiraan semula, beliau mendakwa undinya semakin berkurangan. Kemudiannya, Marina, yang juga seorang rakan Razaleigh mengaku kalah. "Itu satu pertandingan yang adil," katanya. "Kita harus memberi sokongan penuh kepada pucuk pimpinan." Sementara itu seorang jurucakap jawatankuasa pemilihan UMNO berkata, "untuk jawatan presiden hanya sekali perhitungan."

Perdana Menteri kemudian menyeru ahli-ahli UMNO agar bekerjasama rapat demi kepentingan bangsa Melayu, agama dan negara. Menurutnya tugas utama sekarang ialah perjalanan parti dan negara mesti licin. Mahathir berkata beliau menjangka sejak awal lagi akan menang dan majoriti yang kecil bukan satu 'halangan'. Razaleigh, yang amat yakin akan menang berkata beliau 'kecewa' kerana kalah tetapi "tidak akan berputus asa." Tambahan, "Kita masih mewakili 50% UMNO. Kita masih merupakan satu kuasa yang harus dihormati," beliau mengisyiharkan.

"Keputusan itu menunjukkan kita kembali kepada tradisi," kata Setiausaha Agung UMNO ketika itu, Sanusi Junid yang juga Menteri Pertanian. 'Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri hendaklah Presiden dan Timbalan Presiden UMNO,' beliau menegaskan. 'Timbalan Presiden tidak boleh dari kalangan orang yang tidak dapat bekerjasama dengan Presiden. Kombinasi Tengku Razaleigh-Musa tidak mungkin sesuai; ia akan membawa kepada

zaman kekacauan. Kombinasi Mahathir-Ghafar akan memawa kepada kestabilan." Musa pula yang perletakan jawatannya daripada kerajaan adalah ekoran tuduhan yang beliau merancang untuk menjatuhkan Mahathir, berfikir agak berbeza, "Saya tafsirkan sokongan kepada kami cukup besar," katanya. "Keputusannya amat dekat."

Pertandingan bagi tiga orang naib presiden parti melahirkan seorang muka baru. Penyandang lama Wan Mokhtar Ahmad mengekalkan jawatan dengan 935 undi. Menteri Besar Trengganu itu bertanding di pihak Mahathir tetapi mendapat sokongan terbuka daripada sebahagian puak Musa-Razaleigh. Seorang lagi penyandang lama, Menteri Pertahanan, Abdullah Badawi, rakan rapat Musa, menduduki tempat kedua dengan 879 undi. Anwar Ibrahim berjaya menduduki tempat ketiga dengan 850 undi. Tokoh-tokoh yang kalah: Menteri Luar Rais Yatim, seorang penyokong Musa, memperolehi 690 undi; Menteri Besar Perak, Ramli Ngah Talib memperolehi 667 undi; dan bekas Menteri Besar Selangor yang cukup berpengaruh, Harin Idris memperolehi 396 undi. Keputusan di peringkat Naib Presiden menunjukkan ahli-ahli parti cuba menseimbangkan perwakilan, dengan memberi kedua-dua belah pihak peluang diwakili di dalam Majlis Tertinggi.

Ditinjau dari sudut mana sekalipun, pemenang sebenar daripada 'peperangan gergasi' itu ialah Anwar Ibrahim. Razaleighlah yang mengadakan semua rundingan dengan Anwar dan berjaya membawanya masuk ke dalam UMNO dalam tahun 1982, sekali pun Mahathir yang diberi pujian sepenuhnya secara umum oleh media massa kerana 'perubahan' politik Anwar. Menjelang Mac 1982 Anwar diterima sebagai seorang ahli UMNO.

Dalam pilihanraya umum April 1982 beliau bertanding kerusi Parlimen Pematang Pauh dan menang dengan mudah. Sejurus akhir mudian beliau dilantik menjadi seorang timbalan menteri, dan awat tahun itu dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO menggantikan penyandang lama, Suhaimi Kamaruddin hanya dengan kelebihan sepuluh undi. Dengan itu secara automatik beliau menjadi naib-presiden ex-officio UMNO. Tidak lama selepas itu beliau menyertai kabinet sebagai seorang menteri penuh di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan setelah pilihanraya umum 1986 beliau dinaikkan ke jawatan Menteri Pelajaran. Dan setelah April

1987, beliau muncul sebagai seorang Naib Presiden UMNO yang dipilih, dan bukan lagi dalam kedudukan ex-officio.

Sesungguhnya kenaikannya ke puncak kuasa benar-benar melonjak kerana segalanya dicapai dalam tempoh lima tahun menyertai UMNO, satu pencapaian politik yang belum ada bandingannya di dalam UMNO, ataupun di dalam sejarah Malaysia.

Apa yang lebih menarik ialah beliau memperolehi semua kejayaan itu ketika UMNO menghadapi krisis kepimpinan yang terbesar dan paling sengit. Anwar berjaya mengharungi segala itu tanpa mengalami banyak kerugian, dan selalu berada di pihak yang menang. Mungkin perjalanan singkat tetapi penuh berapi dilaluiinya kini sudah menjadikanya lebih daripada bersedia untuk 'kenakan pangkat' seterusnya, iaitu jawatan Timbalan Presiden UMNO yang amat diidamai orang, yang juga membawa kepada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kemungkinannya tidaklah terlalu jauh.

Harus diambilkira hakikat walaupun berlaku perjuangan pertama di antara Team A dan Team B di dalam menghadapi pemilihan pemimpin UMNO tahun 1987, ramai wakil yang ditemuramah setelah peristiwa itu secara terbuka mengaku mereka memilih Anwar walaupun mereka penyokong Razaleigh. Pengundi menyeberang sempadan ini pada mulanya menghairankan. Tetapi kalau diperkira peranan Razaleigh membawa Anwar memasuki UMNO dan memberikan kepada Anwar sepuluh undi nyawa untuk memenangi jawatan Ketua Pemuda UMNO hujung tahun 1982, pengundi menyeberang sempadan itu tidak menghairankan.

Kejayaan Anwar dan Wan Mokhtar itu memberi kombinasi Mahathir-Ghafar kelebihan daripada pasukan Razaleigh-Musa di peringkat atas. Bagaimanapun di dalam Majlis Tertinggilah pasukan Mahathir-Ghafar mencapai kemenangan penting. Sekurang-kurangnya lima belas daripada 25 orang ahli yang dipilih dalam Majlis Tertinggi dianggap rakan Mahathir. Mahathir menambah puluh sepuluh orang lagi kepada angka itu kerana beliau mempunyai hak istimewa sebagai presiden untuk melantik Setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Penerangan dan tujuh orang ahli tambahan majlis itu, di samping 25 orang yang terpilih. Dengan itu menjadikan kuasanya tidak dicabar di dalam lingkungan pembuat dasar dalam parti yang berpengaruh itu.

Kalau dikira keseluruhannya, kejayaan Anwar, Wan Mokhtar

dan Abdullah Badawi sebagai naib presiden, dan khasnya Yusof Noor untuk Majlis Tertinggi—beliau menerima undi terbanyak, 1,030 undi—tidak boleh tidak seseorang itu akan merumuskan faktor Islam memainkan peranan penting di dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun 1987 kerana semuanya adalah tokoh Islam. Wan Mokhtar, Abdullah Badawi dan Yusof Noor terdidik di dalam pengajian Islam. Sementara Anwar pula, graduan pengajian Melayu, tetapi memperjuangkan kepentingan Islam sejak awal tahun 1970-an, mula-mula sebagai pemimpin Angkatan Belia Islam (ABIM) dan kemudiannya sebagai seorang pemimpin UMNO.

Bagaimanapun bolehlah dihujahkan bahawa semua tokoh ini mempunyai pengikut peribadi di seluruh negara. Ini mungkin sudah cukup untuk membawa mereka mengharungi pertandingan dan memenangi kedudukan masing-masing. Dalam pada itu kejayaan mereka telah mewujudkan pula satu perasaan kurang senang di kalangan ramai pemerhati politik di luar UMNO yang bimbangkan perubahan ke arah Islam di dalam UMNO. Mereka yang berfikir sekular percaya aliran itu tidak sihat untuk negara seluruhnya.

Kejayaan cemerlang dapat dicapai oleh Team A di peringkat sub-presiden dan majlis tertinggi, tetapi sulit difahami kenapa kejayaan Mahathir-Ghafar sendiri begitu kecil.

Beberapa teori dikemukakan di media massa dalam dan luar negeri. Seminar khusus untuk membincangkannya juga diadakan di Kuala Lumpur. Malah setelah semua ‘pemberontak’ disingkir dari Kabinet pada 30 April, masih tidak ada penjelasan yang meyakinkan kenapa kemenangan tipis yang diterima oleh Mahathir dan Ghafar. Hanya setelah diumumkan rombakan kabinet yang ditunggu-nantikan pada 19 Mei barulah nampak tanda-tanda yang kuat daripada sebarang teori dikemukakan oleh para pemerhati politik sebelumnya, tentang dari mana datangnya 43 undi yang menentukan kemenangan Mahathir itu.

Kemasukan Mohamed Rahmat dan Mustaffa Mohamad di dalam Kabinet, serta dilantiknya Abdul Ghani Othman sebagai orang timbalan menteri, semuanya dari kubu kuat Musa di luar, dan kekalnya Najib Tun Razak maka jelas menunjukkan penentu mereka ini di dalam memperolehi undi penting

bagi Mahathir. Najib pada mulanya menyokong Tengku Razaleigh-Musa, sehingga beliau diberikan jawatan Ketua Pemuda UMNO, walaupun secara memangku, oleh Anwar, seorang penyokong kuat Mahathir. Anwar (yakni Mahathir) tidak akan memberikan jawatan itu kepada calon kalau tidak ada perjanjian yang Najib sebagai ketua bahagian, akan mendapatkan undi untuk Team A. Mohamed Rahmat dan Mustaffa Mohamad (kedua-duanya kalah di dalam pertandingan Majlis Tertinggi) secara terbuka menyokong Mahathir dan Ghafar walaupun ada bangkangan kuat dari dalam bahagian UMNO pimpinan masing-masing.

Bagaimanapun, mereka tidak akan dilantik menjadi Menteri Kabinet semata-mata kerana percubaan lantang menentang sokongan kuat untuk Musa di Johor. Di dalam pertandingan hidup-mati dihadapi oleh Mahathir, undi sudah tentu paling penting, dan kedua-dua Mohamed Rahmat dan Mustaffa Mohamad pastinya telah dapat mendesak para wakil dari bahagian mereka supaya mengundi Mahathir, dengan itu mereka pun diberi ganjaran lumayan. Seorang bekas ahli akademik, Abdul Ghani Othman, Ahli Parlimen dan ketua bahagian di Ledang, Johor, dulunya orang Muslim tetapi pada ketika yang sama, dikenali sebagai orang Sanusi Junaidi dalam lembaga pengarah Bank Rakyat. Beliaulah ahli tunggal dalam Jawatankuasa Kerja Pemuda UMNO, yang mengetuai Bidang Ekonomi, turut dilantik oleh Mahathir sebagai seorang timbalan menteri di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Abdul Ghani Othman bukanlah orang yang terlalu penting dalam Pemuda UMNO, dan tidak kuat pengaruhnya di dalam UMNO seluruhnya. Masih ramai yang lain dari Team A yang lebih terkenal dan berpengalaman di kalangan mereka yang kalah dalam kerusi Majlis Tertinggi, tetapi tidak dilantik sebagai Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen di dalam kabinet baru yang dibentuk oleh Mahathir. Ghani pasti telah memperolehi 11 undi yang amat berharga dari bahagiannya untuk Mahathir. Kalau dia semua undi daripada empat orang tokoh itu, tepat angkanya dengan undi yang membawa kemenangan kepada Mahathir untuk kekal sebagai presiden. Ini yang mungkin menjelaskan sebab-sebab perlantikan mereka ke dalam kerajaan.

Kemenangan yang tipis itu juga meletakkan Mahathir pada kedudukan untuk tidak dapat membuat sebarang kompro-

Walaupun demi kepentingan perpaduan masa depan UMNO, Mahathir tidak boleh bertolak ansur dengan kem lawan, sama ada dalam bentuk mengekal sebilangan menteri yang memberontak atau melantik para pemberontak yang kalah di dalam pertandingan ke jawatan naib presiden atau majlis tertinggi. Beliau harus memberikan ganjaran yang setimpal kepada mereka yang bertanggung-jawab terus menjaminkan kejayaannya dan menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada ketua. Beberapa kali semasa kempen beliau menegaskan, yang beliau dapat bekerja hanya dengan menteri-menteri kabinet yang setia. Kalau ulasan itu diambil sebagai bayangan sebenar pendirian Mahathir dapatlah dianggap bahawa beliau tidak berhasrat untuk berkompromi sama sekali dengan pihak lawan, sekalipun kesannya negatif terhadap UMNO pada masa hadapan, apabila beliau mengenepikan kehendak 48.7 peratus wakil yang mengundi menentangnya.

Bagaimanapun, ini amat selari dengan konsep 'Persyarikatan Malaysia' Mahathir, di mana pemegang saham utama memerintah, sekalipun majoritinya amat tipis—2.9 peratus. Dengan sendirinya, mengukuhkan penguasaan para 'pemegang saham' Team A (orang Mahathir) di semua peringkat dan di semua bidang kehidupan politik dan ekonomi. Ini juga bererti UMNO dan sedikit sebanyak Malaysia, kehilangan beberapa orang pemimpin yang baik dan berpengalaman, kebanyakannya teknokrat yang dibawa masuk oleh Allahyarham Tun Razak untuk mentadbirkan DEB. Ini juga mendangkan berakhir 'kumpulan pemimpin baru' yang diasuh oleh Tun Razak pada pertengahan tahun 1970-an, yang kini berpecah tiga iaitu kumpulan Mahathir, Razaleigh dan Musa Hitam.

Pertelingkahan di dalam UMNO pada masa yang sama berterusan sekalipun UMNO tidak jemu-jemu cuba mengadakan kempen perpaduan di seluruh negara dalam bulan September dan Oktober, untuk mencantumkan semula Team A dan Team B. Sebelum bertolak ke Vancouver, Canada untuk menghadiri Persidangan Commonwealth, Mahathir menjelajah ke seluruh negara mengajak rakyat khususnya ahli-ahli UMNO supaya bertaut semula.

Ancaman terbesar dari dalam UMNO ialah dakwaan yang dikemukakan oleh para penyokong Razaleigh-Musa ke mahkamah, terhadap pihak Ibu Pejabat UMNO, termasuk Setiausaha Agungnya, Sanusi Junid, atas alasan yang mereka secara sengaja dan lalai

membenarkan perwakilan dari 53 cawangan yang tidak berdaftar turut hadir dan mengundi di Perhimpunan Agung UMNO April 1987. Dengan itu mereka menuntut pengisytiharan mahkamah bahawa Perhimpunan Agung parti itu tidak mengikut perlumbagaan dan keputusannya tidak sah. Memikirkan kejayaan tipis Mahathir, dakwaan itu amat penting. Bagaimana pun kedua-dua belah pihak tidak menjangka akan keputusan dibuat pada bulan Februari 1988 yang mana UMNO telah diharamkan.

Pada waktu yang sama, UMNO juga sibuk menghadapi serangan tidak henti-henti dari dalam Barisan Nasional—MCA, MIC, Gerakan dan sebagainya. Pelbagai isu berhubung dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan digembar-gemburkan. Serangan terbesar timbul dari langkah Kementerian Pendidikan yang melantik guru-guru bukan berpendidikan Cina ke jawatan pentadbiran kanan di sekolah-sekolah rendah Cina. Secara tiba-tiba masyarakat Cina dan parti-parti politik komponen BN berasas kaum Cina disertai oleh DAP dan 15 buah pertubuhan Cina yang lain bersatu dan bercakap satu nada. Hampir seluruh masyarakat Cina menentang tindakan kerajaan dalam isu ini. Perpaduan masyarakat Cina seumpama itu menimbulkan suasana yang tegang. Jika tidak disekat boleh menimbulkan rusuhan kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969 dulu.

Sebelum ini pun parti-parti kerajaan bukan UMNO telah menzahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap pelbagai isu. Antaranya termasuk satu keputusan oleh Senat Universiti Malaya yang dikuasai oleh orang Melayu untuk mengajar kursus pilihan di jabatan-jabatan pengajian Inggeris, Cina dan India dalam bahasa Melayu; satu syarat dikenakan oleh Kerajaan Negeri Melaka supaya para pelajar bukan Islam mengangkat ikrar secara Islam; cadangan Pemuda UMNO meminta kerajaan menarik balik bantuan yang diberi kepada institusi pengajian tinggi yang dikuasai oleh orang Cina, dan penentangan oleh badan sukarela dominan Melayu serta Pemuda UMNO terhadap keputusan kerajaan membayar balik berjuta-juta ringgit kerugian yang dialami oleh beratus ribu penyimpan, kebanyakannya orang Cina, akibat skandal koperasi pengambil deposit yang melibatkan ramai pemimpin MCA.

Kerajaan Mahathir juga terpaksa menghadapi berbagai serangan dari luar Barisan Nasional, baik dari parti-parti pembangkang

maupun badan pertubuhan sosial. Kedua-duanya ini benar-benar menggeletek kerajaan. Yang pertama, melibatkan parti pembangkang, DAP, berhubung dengan kontrak yang dicadangkan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan United Engineering Malaysia (UEM) syarikat yang dari segi tekniknya dimilik dan dikawal oleh UMNO, untuk penswastaan 900 kilometer Lebuhraya Utara-Selatan di Semenanjung Malaysia. Pimpinan pembangkang, Lim Kit Siang, berjaya mendapatkan perintah mahkamah menghalang upacara menandatangani kontrak itu dan beliau telah mengemukakan satu dakwaan bahawa terdapat rasuah dalam pemberian tender.

Kedua-dua pihak kerajaan dan UEM telah mencuba tetapi gagal di mahkamah untuk mengenepikan larangan itu dan mengenepikan dakwaan sampingan Lim Kit Siang itu. Dakwaan itu terpaksa dibicara dalam bulan Januari tahun 1988. Ia melibatkan Menteri-Menteri Kabinet berikut: Mahathir, Ghafar, Daim dan Sanusi Junid, semuanya dari UMNO, dan Samy Vellu, pemimpin MIC.

Pada masa lalu, tuduhan rasuah telah berjaya dikemukakan terhadap tiga orang menteri besar—iaitu Ahmad Said dari Perak, Ibrahim Fikri dari Trengganu dan Harun Idris dari Selangor. Bagaimanapun inilah dakwaan pertama pernah dikemukakan terhadap menteri-menteri persekutuan, termasuk Perdana Menteri sendiri. Dalam jawapan yang lemah terhadap serangan DAP itu, dan di dalam usaha menarik ahli-ahli UMNO agar menyokongnya, Mahathir menjelaskan bahawa pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, pemberian kontrak kepada UEM dan penguatkuasaan tol semuanya berhubung dengan pelan agungnya yang akan membolehkan pembayaran hutang kerana UMNO membina bangunan baru UMNO yang hebat dan mengagumkan.

Ramai yang mengesyaki kejayaan Lim Kit Siang menyusun satu kes terhadap kerajaan dan UEM mungkin kerana maklumat lengkap diterima dari Hasbudin, sebuah syarikat milik Melayu yang pro-Razaleigh-Musa, dan telah berjaya membina Jembatan Pulau Pinang tetapi gagal mendapat kontrak bagi penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan, walaupun syarikatnya mengemukakan tawaran lebih rendah berbanding Hatibudi, sebuah syarikat milik UMNO. Kalau ini benar, jadi pertempuran di antara Team A dan Team B telah melelat keluar UMNO dan tidak berakhir di dewan perhimpunan

sahaja sebagaimana sepatutnya. Nampaknya semakin hebat dan semakin meluas.

Serangan kedua ke atas kerajaan berhubung dengan cadangan supaya perlembagaan dipinda agar bersesuaian dengan perubahan setelah tiga puluh tahun merdeka. Cadangan itu dikemukakan oleh Aliran, satu pergerakan perubahan sosial, dalam perayaan ulang-tahun kesepuluhnya yang diadakan pada 15 dan 16 Ogos 1987 yang dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman. Tunku juga menyokong langkah itu. Cadangan itu menarik ulasan daripada pelbagai pihak di dalam masyarakat Malaysia, termasuk bekas pegawai kanan kehakiman serta golongan diraja. Mahathir dan rakan-rakannya menjawab cadangan itu dengan berkata tidak perlu dipinda perlembagaan kerana ia sudah mengandungi semua peruntukan yang perlu untuk meliputi setiap aspek perubahan yang telah dan mungkin akan dialami oleh masyarakat Malaysia.

Dalam rancak berbalas hujah untuk beberapa minggu, Mahathir dan rakan-rakan malah menghujahkan bahawa pihak kehakiman tidak harus membuat kenyataan politik yang boleh menjelaskan sikap berkecualinya. Jika sikap pihak kehakiman mencampuri urusan politik berterusan, Mahathir berpendapat ianya boleh mengurangkan keyakinan awam terhadap institusi kehakiman. Gabungan peristiwa yang genting ini baik yang berlaku di dalam UMNO, di dalam Barisan Nasional atau di luar kedua-duanya telah menimbulkan pula suasana perkauman yang hampir mendidih di ibu negara, Kuala Lumpur. Suasana tiba-tiba menjadi tegang dan sangat mencurigalkan. Api perkauman bertiupek mengang.

Mahathir yang balik dari Vancouver pada minggu terakhir Oktober, setelah berjaya membawa sidang Komonwel akan datang ke Kuala Lumpur, hanya berharap supaya tidak timbul satu rusuhan kaum di negara ini. Ini kemungkinan berlaku sekiranya perhimpunan UMNO yang dirancangkan, dan perarakannya untuk merayakan ulangtahun ke-31 parti itu, dijadualkan pada 1 November di Kuala Lumpur dengan kira-kira 500,000 orang ahli, tidak lagi dapat dikawal oleh pihak pengelola. Bagaimanapun Mahathir bertindak cepat untuk mengawal ancaman itu. Beliau memerintahkan supaya ditahan semua mereka yang 'mengancam keselamatan negara'. Dari 27 Oktober hingga 20 November seramai 106 orang

ditangkap dan ditahan tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Rumusannya, cabaran yang bermula di dalam UMNO merebak keluar. Seluruh kemerosotan ekonomi sudah tentu memainkan peranan asas dengan meningkatkan ketegangan di dalam dan di luar UMNO. Di luarnya lahir dalam bentuk ketegangan kaum, bukan satu gejala baru di Malaysia. Apa yang berlaku di luar UMNO nampaknya dapat dikawal dengan penggunaan kuasa di bawah ISA, namun ketegangan di dalam UMNO dijangka berterusan untuk beberapa lama.



Perdana Menteri Lee Kuan Yew antara sahabat yang melawat Dr. Mahathir menjalani pembedahan jantung.

PEMBEDAHAN MAHATHIR

"Saya tidak mempunyai bantahan apa-apa terhadap para pengkritik. Tetapi mereka yang berbohong, banyak cerita palsu, yang menyelewengkan setiap kenyataan mereka, yang menggunakan akhbar untuk menimbulkan rasa tidak yakin dan ketegangan—orang begini yang harus dihapuskan, atau tidak harus diberi muka...atau masa...oleh sesiapa."

— Dr. Mahathir

EKALIPUN ramai yang bersetuju itu 'tindakan yang betul', namun masih ada yang terperanjat terhadap langkah Perdana Menteri menyingkirkan dari kabinet mereka yang tidak sependirian dengannya. Ramadan adalah bulan puasa bagi umat Islam, bulan untuk menahan hawa nafsu, bulan mulia dan bulan ibadah. Ia berakhir dengan Hari Raya—dirayakan dengan muhibah dengan rumah terbuka, saling bermaaf-maafan di kalangan sesama umat Islam, tanpa mengira ideologi politik masing-masing.

Namun Hari Raya tahun 1987 agak berbeza. Dua hari puasa, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akhirnya menamatkan semua spekulasi. Beliau menggugurkan semua anasir yang tidak sependirian dengan beliau, menerima perletakan jawatan dua orang menteri (Tengku Razaleigh Hamzah dan Rais Ahmad), dan memecat (kenyataan rasmi menyebut menamatkan kerjihmatan) tujuh orang lagi.

Di antara mereka yang digugurkan ialah tiga orang menteri (Abdullah Ahmad Badawi, Shahrir Samad dan Ajib Ahmad) dan

empat orang timbalan menteri (Kadir Sheikh Fadzir, Radzi Sheikh Ahmad, Zainal Abidin Zin dan Rahmah Osman). Alasannya: dengan pelbagai cara mereka semua telah menentang kepimpinan Dr. Mahathir; lebih gemarkan kepimpinan gantian seperti yang dikemukakan oleh Razaleigh dan bekas Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam. Langkah Dr. Mahathir itu memang dijangka, bagaimanapun masih memerlukan persetujuan. Sedang ramai bersetuju 'ini perkara yang betul', masih ada yang secara peribadi berpendapat Perdana Menteri tidak akan berani menyentuh hati 49 peratus lagi ahli UMNO yang telah mengundi Kumpulan Razaleigh-Musa.

Sebenarnya ini telah dibayangkan oleh Dr. Mahathir awal lagi. Di dalam sidang akhbar setelah pemilihan itu, beliau bersetuju dengan para pemberita bahawa para menteri yang tidak bersetuju dengan Perdana Menteri mereka 'harus meletakkan jawatan'. "Mungkin harus ada undang-undang memperuntukkan demikian, tetapi tidak ada... dan sekiranya mereka tidak mahu meletakkan jawatan, apa kita nak buat?" tanya Dr. Mahathir.

Kem 'pemberontak' pula berpendapat lain. Semua mereka yang kalah di dalam pertandingan—Razaleigh untuk jawatan presiden, Rais Yatim untuk naib presiden—dengan serta merta menghantarkan surat perletakan jawatan, tetapi yang lain tidak berhasrat berbuat demikian. Alasan mereka: semua mereka telah memenangi pertandingan untuk jawatan yang ditandingi, dan dapat menghujahkan yang ahli-ahli UMNO mengundi mereka untuk terus berkhidmat di dalam Kabinet, bertindak sebagai menseimbangkan pentadbiran. Memang ada yang merasa bahawa Dr. Mahathir akan bersifat murah hati sedemikian, dan dapat menjaminkan perpaduan UMNO dengan menerima balik para pemberontak ke dalam lingkungannya demi kejayaan yang lebih besar bagi bangsa, agama dan negara.

Jelas sekali Dr. Mahathir tidak yakin dengan pendapat itu. Kata Setiausaha Agung UMNO (ketika itu), Datuk Seri Sanusi Junid, "Perdana Menteri telah terlalu kerap cuba memuaskan orang. Dua kali beliau mengkalkan Razaleigh di dalam Kabinet walaupun bertentangan dengan kehendak Musa, dan kita sensasi tahu percubaan itu gagal. Saya fikir, beliau lebih bijak sekarang."

Reaksi terhadap penyingkiran itu ialah dari rasa puas hati, hinggalah ada yang betul-betul marah. Semua orang bersetuju

yang pemilihan anggota Kabinet adalah hak istimewa Perdana Menteri sendiri tapi yang menimbulkan kemarahan ialah pemecatan Datuk Abdullah Ahmad Badawi dari jawatan Menteri Pertahanan. Abdullah baru sahaja dipilih menjadi Naib Presiden UMNO, yang meletakkan beliau hampir sama dengan ahli politik ketiga paling kuat.

Tindakan Dr. Mahathir memecat Abdullah sungguh memerlukan. Seorang ahli majlis tertinggi yang memihak kepada Dr. Mahathir memberitahu tiga hari selepas pemilihan itu bahawa beliau merasakan ‘Dr. Mahathir akan memecat setiap yang lain kecuali Abdullah Badawi’. Bila ditanya sebabnya, beliau agak berat menjawab, “Abdullah Badawi seorang Naib Presiden, dan anda tahu, bukan mudah mengenepikan scorang Naib Presiden. Sebenarnya kita mungkin terpaksa memberikannya jawatan sesuai dengan scorang Naib Presiden.”

Seorang ahli Parlimen yang telah cuba tetapi tidak berapa berjaya untuk bersikap berkecuali sepanjang perebutan itu pula berpendapat,

“Ini jelas sekali menunjukkan kepada satu perkara, iaitu Perdana Menteri tidak berhasrat untuk berundur selepas 1990. Kalau beliau berhasrat mahu berundur beliau tidak kisahkan orang-orang seperti Razaleigh ataupun Musa. Beliau boleh membiarkan mereka bersaing. Hakikat yang Mahathir menyisihkan mereka semua bererti beliau menjangka akan berhadapan dengan cabaran lagi kelak, dan dalam kes itu, tindakannya betul. Dalam bidang politik, pilihannya ialah dibunuuh atau membunuuh.”

Sementara itu kebanyakan penganalisa bersetuju, orang yang mendapat keuntungan daripada segala pergolakan itu ‘tidak daripada Anwar Ibrahim’. Anwar dengan cara tersendiri, mempertaruhkan segalanya di dalam pemilihan pucuk pimpinan itu. Anwar sanggup menyerahkan kepimpinan Pemuda UMNO yang gagak ‘selamat’ untuk bertanding salah satu jawatan naib presiden. Beliau berjaya dengan agak mudah, sedang sepanjang masa itu menampakkan dirinya penyokong kuat Dr. Mahathir. Dari segi politik kenaikannya yang begitu melonjak disifatkan sebagai me-

nakjubkan dan akhbar The New Straits Times di Singapura menyifatkannya sebagai 'Pewaris'.

Mungkin tidaklah selicin itu gerak lincah politik Menteri Pelajaran yang masih muda tersebut (39 ketika itu). Seorang ahli majlis tertinggi berkata, "Terutamanya di dalam Kem Dr. Mahathir bukan semua sukaan Anwar. Hanya ketika itu mereka terpaksa bersatu sementara untuk menentang musuh bersama, iaitu Razaleigh dan Musa. Sebenarnya Anwar juga ada musuh tetapi mereka ini masih tidak berjaya menyekatnya daripada mencapai kemenangan yang menyakinkan di dalam pemilihan itu. Sesungguhnya asetnya yang terbesar ialah 'kebersihannya' yang jelas, bebas sama sekali daripada calitan rasuah, tetapi, untuk seadil-adilnya, nilai yang sama ada pada Abdullah Badawi. Bagaimanapun, ringkasnya Anwar masih ada kelebihannya. Tanyalah mana-mana penganalisa, "Kalau sesuatu berlaku ke atas Dr. Mahathir atau Ghafar, siapa yang anda jangka akan naik?"

Semua Orang PM

SUSUNAN kabinet baru membayangkan pemisahan di dalam pemilihan UMNO—pemenang memperolehi semua, dengan jawatan yang baik-baik diberikan kepada rakan-rakan Dr. Mahathir yang paling kuat. Dalam keadaan biasa, Perdana Menteri yang membuat pengumuman. Tetapi setelah perebutan yang sengit bulan April untuk memperolehi tumpuk kepimpinan UMNO, dan gugurnya lima orang menteri dan empat orang timbalan menteri, keadaan itu bukanlah seperti biasa. Lagipun Datuk Seri Dr. Mahathir 'diserang demam'.

Maka pengumuman kabinet baru dilaksanakan oleh seorang pegawai awam. Pada 19 Mei 1987 Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamad melaksanakan tugas itu, mengakhiri spekulasi selama tiga minggu. Perubahan terbesar ialah perwujudan sebuah kementerian baru, Pelancongan dan Kebudayaan, dan dimansuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan. Di dalam proses itu, dua orang menteri kehilangan sebilangan 'kuasa' mereka—'pelancongan' dulunya di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sementara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dipendekkan namanya menjadi Kementerian Belia dan

Sukan. Ada satu lagi perubahan kulit—nama Kementerian Pela-jaran di dalam bahasa Malaysia diubah menjadi Kementerian Pendidikan.

Intinya ialah sebuah Kabinet ‘pemenang memperolehi semua’. Rakan-rakan Dr. Mahathir yang setia diberi ganjaran. Dan pemenang terbesar mungkin Datin Paduka Rafidah Aziz. Seorang menteri kanan di dalam kedudukannya yang tersendiri, dan telah menjadi Menteri Perusahaan Awam awam sejak tahun 1980—beliau mendapat jawatan penting, Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Portfolio ini dulunya dipegang oleh Razaleigh, dan dianggap salah sebuah kementerian terpenting di dalam kerajaan setelah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan.

Di samping itu, Perdana Menteri memperkuatkan lagi kedudukan Rafidah Aziz sebagai Ketua Wanita UMNO dengan melantik seorang lagi menteri wanita (Napsiah Omar ke Perusahaan Awam) dan dua orang timbalan menteri wanita (Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Datin Paduka Zaleha Ismail). Perlantikan itu menurut ahli-ahli sains politik belum pernah dilakukan sebelumnya. Langkah Dr. Mahathir itu meletakkan Rafidah dalam kedudukan sebagai Ketua Wanita yang paling kuat dalam sejarah UMNO. Dengan itu amat susah untuk mengalahkannya.

Datuk Abu Hassan Omar juga menikmati kenaikan pangkat, berpindah dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang sudah dimansuhkan ke Kementerian Luar Negeri yang disegani, semenara Tengku Ahmad Rithaudeen juga diberi ganjaran kerana sikap berkecuali’ dengan berpindah dari Kementerian Penerangan ke Pertahanan. Baki penyokong-penyokong kuat Dr. Mahathir (Daim Zainuddin, Anwar Ibrahim dan Datuk Sanusi Junid) semuanya masih di jawatan lama. Ini sama sekali bertentangan dengan satu teori. Teori ini yang tersebar luas meramalkan yang Daim tidak akan berada di dalam rombakan kabinet yang baru itu. Ia mula bermula apabila tiga hari sebelumnya Daim membuat pengumuman menafikan sebarang berita angin dan bertanya, “Kenapa saya meletakkan jawatan.” Seorang ahli majlis tertinggi menjelaskan selanjutnya, “Kalau Daim meletakkan jawatan sekarang, sama ada dengan mengakui tuduhan yang dilimpahkan ke atasnya. Jadi ada sebab beliau harus meletakkan jawatan.” Beliau pasti

meletakkan jawatan kalau keadaannya berbeza.

Semangat kedaerahan diberi perhatian di dalam susunan Kabinet itu. Semua negeri kecuali Perlis, ada wakilnya. Terengganu memperolehi menteri pertamanya (Dr. Yusoff Noor) sejak Manan Othman. Johor, kubu kuat Musa juga ada wakil iaitu Datuk Mohamed Rahmat dan Mustaffa Mohamad. Mohamed Rahmat telah menjadi Duta ke Indonesia (taraf menteri) sehingga tahun 1984 apabila tanpa alasan yang jelas beliau meletakkan jawatan. Kini beliau memegang portfolio Penerangan. Timbalan Menteri Kerjaraya Mustaffa Mohamad pula dilantik menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat. Kedua-duanya kalah di dalam pertandingan ke Majlis Tertinggi, tetapi kedua-duanya menyatakan sokongan terbuka kepada pentadbiran Dr. Mahathir sebelum pertandingan bulan April itu.

"Menjadi Ahli Majlis Tertinggi tidak menjadi syarat utama untuk perlantikan Kabinet," kata Sanusi Junid. Mungkin benar sekurang-kurangnya di dalam rombakan kali ini. Di antara para menteri itu, sekurang-kurangnya tiga orang (Rahmat, Mustaffa dan Napsiah Omar) gagal mendapat tempat di Majlis Tertinggi UMNO. Enam orang lagi iaitu Datuk Megat Junid, Datuk Tajol Rosli, Dr Siti Zaharah, Khalid Yunos, Datuk Abu Bakar dan Hussein Ahmad telah berjaya. Bakinya sama ada telah berusaha atau tidak gagal (Daud Taha, Kassim Ahmad) atau perlantikan baru.

Kata Sanusi, "Perlantikan itu berasaskan pertimbangan politik dan pentadbiran. Yang penting ialah sama ada mereka semua dapat bergerak sebagai satu pasukan, sama ada mereka akan melaksanakan tanggungjawab bersama dan mempertahankan keputusan Kabinet dan sama ada mereka dapat berpegang kepada sumpah jawatan. Dan saya merasa susunan sekarang akan dapat memenuhi kehendak tersebut". Ahli Parlimen (bekas) bagi Kok Lanas, Datuk Abdullah Ahmad pula menambah, "Itu sebuah kabinet pengikis setia, dan ia merupakan yang terbaik dapat diwujudkan. Kini tidak ada lagi alasan, tidak perlu lagi berpolitik dalam kabinet; biarlah mereka melaksanakan tugas memerintah."

Reaksi terhadap susunan baru itu agak berbeza. Satu perkara yang menarik minat setiap golongan ialah pengwujudan Kemeterian Pelancongan, dengan kebanyakan peniaga dan pengusaha hotel bersetuju 'sudah lama sepatutnya'. Sementara itu para ahli

merhati menghitung dan mengira gerak laku Anwar kini, yang kata mereka semakin kuat. The New Straits Times meramalkan ‘beliau akan mendapat kenaikan pangkat,’ tetapi Kementerian Pendidikan sudah satu kementerian yang amat penting—semua Perdana Menteri telah berkhidmat di portfolio tersebut terlebih dahulu.



Yasser Arafat dan Dr. Mahathir menjulangkan tangan di perhimpunan Palestin yang

DR. MAHATHIR MENGAMUK

"Saya tidak suka menggunakan ISA. Saya cuba bersikap liberal. Orang bercakap tentang Perdana Menteri yang lemah. Anda tentu tahu yang kita tidak boleh nak buat baik dengan orang tertentu. Itulah sebabnya saya membuat analogi tentang kera diberi bunga. Oleh kerana tidak dapat memahami keindahan bunga itu, kera tadi mengoyak-ngoyakkan bunga itu."

— Dr. Mahathir

POLIS Malaysia menahan 106 orang yang dianggap mengancam keselamatan negara di dalam satu gerakan besar-besaran bermula pada 27 Oktober 1987. Kemudiannya Dr. Mahathir memberitahu Parlimen dan ini disiarkan ke seluruh negara, bahawa orang-orang itu telah memulakan gerakan untuk merusuh antara kaum dan agama. "Untuk menjaga ketenteraman, kerajaan terpaksa menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," ujar Mahathir.

Sejak tiga minggu dengan 'ketukan pintu di waktu malam' sebagaimana seorang peguam mengistilahkannya, kebimbangan dan ketakutan menyelubungi rakyat. Ramai individu yang dulunya lantang bersuara, mulai senyap. Dr. Mahathir juga menutup 3 buah akhbar Malaysia yang sungguh berani menyiarkan kritik pembangkang pada 28 Oktober. Dengan pengharaman akhbar Watan, The Star dan Sin Chiew Jit Pao itu, maka mereka yang lantang mengkritik kerajaan hilang saluran bersuara.

Tempoh penahanan 60 hari pertama untuk siasatan polis

berakhir pada 26 Disember. Di bawah akta itu, penahanan lebih daripada 60 hari memerlukan tandatangan Menteri Dalam Negeri, iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Hasil gerakan itu, 33 orang dikenakan perintah tahanan dua tahun dan di antara mereka ada yang dihantar ke Kamunting, sebuah kem tahanan politik di Taiping Perak. Tiga orang dibebaskan, menjadikan jumlahnya 55 orang dibebaskan daripada 106 orang asalnya yang ditahan sejak 27 Oktober. Lapan orang lagi diletakkan di bawah perhatian polis. Dua orang dibuang daerah.

Tahanan ISA yang dikatakan keras kepala itu adalah terdiri tujuh orang Ahli Parlimen DAP yang diketuai oleh Setiausaha Agung parti itu Lim Kit Siang—sekurang-kurangnya 10 orang dari Parti Islam (PAS) juga pembangkang dan 10 orang lagi adalah campuran daripada kumpulan Kristian, kumpulan tertentu yang radikal dan kesatuan sekerja. Dua orang pemimpin kecil DAP dibebaskan, sementara Ketua Pemuda DAP diletakkan di bawah perhatian polis dan dibenarkan keluar dari rumah hanya di antara pukul 6 pagi hingga 8 malam. Sekalipun akhirnya pada 29 Disember pihak polis mengumumkan senarai mereka yang dibebaskan tetapi nama-nama yang masih ditahan tetap dirahsiakan.

Apabila ditanya, Dr. Mahathir mengesahkan penahanan dua tahun bagi Lim dan Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh, dan tidak lebih daripada itu. Berita penahanan itu diperolehi daripada keluarga yang berkenaan, yang sama ada melaporkan fakta itu kepada parti politik masing-masing atau kepada ‘kumpulan ad hoc’ penyokong para tahanan ISA itu. Penahanan itu dilakukan dengan penuh rahasia.

“Saya hairan bagaimana kerajaan kita masih terus menyebut dirinya sebuah kerajaan dengan demokrasi berparlimen,” kata Presiden Majlis Peguam, Param Cumaraswamy berhubung dengan penahanan itu, terutama terhadap Lim dan rakan-rakan Ahli Parlimen pembangkang yang lain. “Satu ikrar suci dibuat di Parlimen dalam tahun 1960 oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak yang undang-undang ini tidak akan digunakan untuk menyekat ahli-ahli politik yang menentang kerajaan di negara ini telah dilanggar,” tegas Param.

PAS pula menerima berita itu dengan tenang. “Kami bersama dengan tahanan di bawah ISA dan memang menjangkanya,” katanya.

Haji Subky Latiff yang ketika itu ahli Jawatankuasa Pusat PAS. Beberapa orang tahanan dari parti itu sekarang adalah orang veteran ISA. PAS lebih kecewa dengan pengharaman menyeluruh perhimpunan politik. Tindakan tersebut sungguh menyekat kegiatannya. Seramai 33 orang tahanan lanjutan itu diberi masa dua minggu untuk membuat kenyataan 'taubat' dan merayu kepada lembaga penasihat ISA, yang bertemu setiap tiga bulan pertama dan setiap enam bulan selepas itu, untuk mengkaji semua kes-kes. Di bawah ISA tidak ada perbicaraan di mahkamah terbuka.

Perintah tahanan Lim Kit Siang yang berkuatkuasa pada 19 Disember itu ditandatangani oleh Dr. Mahathir selaku Menteri Dalam Negeri, dan menyenaraikan 10 peristiwa khusus di mana Lim 'menimbulkan sentimen perkauman.' Kesalahan yang dikatakan itu berlaku antara Januari 1983 dan Oktober 1987. Kesalahan-kesalahan itu melibatkan ucapan Lim di dalam pelbagai perkara—dasar kebudayaan negara, rancangan untuk memajukan kawasan perkuburan Cina di Bukit Cina, Melaka, tuduhan yang masyarakat Cina dilayan sebagai rakyat kelas dua, menetapkan kawasan penjualan daging babi di market, usaha kerajaan melaksanakan agama Islam, tuduhan memaksa seorang gadis Cina memeluk Islam dalam tahun 1986, dan konon keengganan kerajaan menyelamatkan para penyimpan yang kebanyakannya keturunan Cina di dalam skandal operasi, dan yang terbaru, kenaikan pangkat guru-guru bukan berbahasa Mandarin di sekolah-sekolah Cina.

Penahanan itu boleh melumpuhkan DAP. Lim memang tetua pembangkang di dalam dan di luar Parlimen. Timbalannya, sekalipun disebut sebagai 'Datuk Bandar' oleh para penyongnya di Kuala Lumpur, jauh di tempat kedua dari segi profil bangsaan. Lim Kit Siang merupakan tenaga penggerak di bekas kekuatan DAP di Pulau Pinang dan di dalam memenangi 34 kerusi Parlimen dan 37 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam Pilihanraya Umum 1986. Parti itu berharap dapat merebut Pulau Pinang daripada Barisan Nasional dalam tahun 1990, apabila Pilihanraya umum seterusnya dijadualkan. Ini adalah pertemuan kedua Lim dengan ISA setelah ditahan untuk kali pertama dalam tahun 1969 selepas sahaja peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 sehingga bulan Oktober 1970.

Di Kamunting bersama Lim ialah empat orang ahli parlimen

yang masing-masing adalah pemimpin penting DAP: Karpal Singh, Timbalan Pengerusi DAP, Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi DAP Selangor, V. David dan P. Patto Timbalan Setiausaha Agung. Sekali lagi kelemahan dialami di dalam rangkaian negerinya sudah tentu merugikan DAP dalam pilihanraya akan datang. Sebagai seorang peguam Karpal terkenal kerana mengambil kes-kes yang amat sedikit peguam lain berani mengambilnya. Antara kes yang besar ialah dakwaan DAP, dengan Lim sebagai plaintif, terhadap Kerajaan Malaysia kerana memberikan kontrak projek lebuh raya berharga MS3.4 ribu juta kepada United Engineers Malaysia (UEM), sebuah syarikat yang dikuasai oleh UMNO.

Gerakan terbaru itu merupakan gerakan polis kedua terbesar di bawah undang-undang tahanan pencegahan Malaysia. ISA yang diperkenalkan dalam tahun 1960, dulunya digunakan untuk menentang saki baki pemberontakan komunis pada akhir zaman Darurat 12 tahun. Namun di dalam dekad seterusnya kerajaan juga menggunakan ISA ke atas para pelajar yang menunjuk perasaan, wartawan dan ahli politik.

Pihak kehakiman tidak dapat berbuat apa-apa di dalam apa yang ditetapkan oleh pihak eksekutif sebagai ‘keselamatan’. Lapan orang daripada tahanan terbaru, termasuk Chandra Muzaffar, Presiden Aliran, sebelum itu telah memohon ‘writ of habeas corpus’ atas alasan ditahan secara salah, tetapi tidak diterima oleh Mahkamah Tinggi. Tiga orang daripada lapan itu merayu ke Mahkamah Agung tetapi rayuan mereka ditolak pada 23 Disember 1987. “Tugas kami bukan menukar keputusan kami dengan keputusan pihak eksekutif,” kata Ketua Hakim Negara (ketika itu), Tun Mohamad Salleh Abas di dalam penghakimannya. “Kami hanya bertindak terhadap aspek tatacara pelaksanaan kerja eksekutif. Kami tidak ada kepentingan, dan tidak ada hasrat untuk bertindak sehingga menceroboh bidang perundangan atau eksekutif,” katanya.

Kertas putih keselamatan yang ditunggu sekian lama, diedarkan di Parlimen pada 23 Mac 1988. Kertas tersebut bertujuan menjelaskan alasan di sebalik langkah kerajaan menahan 106 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Oktober sebelumnya, dengan itu menyebabkan 38 orang ditahan sehingga dua tahun dan pengharaman tiga akhbar. Bagaimanapun laporan 16 muka (24 muka dengan lampirannya dan gambar-gambar) itu se-

benarnya tidak memberi banyak maklumat tambahan kepada ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir di Parlimen sehari setelah penangkapan beramai-ramai yang bermula pada 27 Oktober 1987 itu.

Kertas putih bertajuk "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara" itu menegaskan sekali lagi yang polis terpaksa bertindak kerana meningkatnya ketegangan kaum dan agama, satu situasi yang dikatakan mudah dipergunakan oleh para penyokong faham Marxist. Ia juga menuduh anasir-anasir di dalam gereja-gereja Baptist dan Katholik sebagai berusaha merosakkan perpaduan negara— satu tuduhan yang amat serupa dengan yang dibuat oleh Kerajaan Singapura terhadap 22 orang yang ditahan dalam tahun 1986 kerana dikatakan berusaha menjatuhkan kerajaan.

Dua hari sebelum dikeluarkan kertas putih itu, Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan lesen penerbitan baru kepada tiga akhbar yang sebelum ini diharamkan kerana dikatakan menghasut sehingga timbul ketegangan kaum. Akhbar 'tabloid' harian *The Star*, dwi-mingguan *Watan* dan harian berbahasa Cina *Sin Chiew Jit Poh* dibenarkan menyambung penerbitannya pada 16 Mac 1988, iaitu tarikh lesen baru itu berkuatkuasa.

Pertembungan di antara orang Melayu dan Cina adalah sebahagian daripada sejarah Malaya pra-merdeka, kata laporan Kementerian Dalam Negeri. Dari tahun 1945-57 pertikaian kaum dan agama tercetus 17 kali; dan laporan itu menyebut yang empat lagi tercetus di antara 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur—iaitu rusuhan kaum yang paling buruk pernah berlaku sejak merdeka, dengan angka rasmi mencatatkan 248 korban terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India.

Rusuhan itu menyebabkan kerajaan memperkenalkan program baru, terutama Dasar Ekonomi Baru, untuk membaiki keadaan sosio-ekonomi yang tidak seimbang. Tanpa menyebut mana-mana kaum, laporan itu menegaskan ada pihak yang enggan menerima hakikat, bahawa demi mengatasi keadaan tidak seimbang di antara kaum, peluang-peluang untuk mencapai kemajuan harus dikongsikan oleh semua kaum. Berbagai kumpulan 'tidak suas hati dengan kedudukan mereka' sementara yang lain 'bimbang akan kehilangan identiti dan warisan budaya' sekalipun dimulai oleh perlombagaan. "Di tengah segala-gala itu, parti politik,

kumpulan pendesak, Parti Komunis Malaya yang diharamkan dan akhbar-akhbar mempergunakan situasi tersebut untuk kepentingan tamak mereka sendiri, kata laporan itu.

Sebilangan kumpulan Islam pula mahu menegakkan kerajaan Islam menerusi kekerasan, sementara yang lain cuba menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pelbagai golongan umat Islam dengan mengapi-apikan keganasan di antara rakyat pelbagai kepercayaan, tambah laporan itu lagi. Sementara kebanyakannya gereja mematuhi satu peruntukan perlombagaan yang mengharamkan kegiatan mubaligh mereka di kalangan belia Islam, sekumpulan kecil dikenali sebagai Petugas Untuk Orang-Orang Terbiar, berpusat dalam Gereja First Baptist di pinggir Kuala Lumpur, telah cuba menyebarkan agama mereka di kalangan umat Islam.

Laporan itu seterusnya menyebut bagaimana sejak memegang jawatan dalam tahun 1981, kepimpinan sekarang telah mengamalkan dasar liberal namun ada 'kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab' telah mempergunakan sikap tolak ansur itu. Perhimpunan haram diadakan, isu perkauman dimainkan dan ditokoh tambah oleh akhbar-akhbar—membawa kepada keadaan yang aman tegang dalam bulan Oktober 1987. Keadaan semakin meruncin setelah berlaku beberapa kejadian tembak-menembak yang tidak ada kaitan langsung dan tidak merupakan kejadian perkauman tengah-tengah Kuala Lumpur, tetapi orang ramai mula menyimpulkan makanan kerana menjangka rusuhan akan berlaku.

"Apabila keadaan sampai ke peringkat genting, dan boleh membawa kepada rusuhan meluas, kerajaan memutuskan untuk bertindak demi mengawal keadaan yang boleh merosakkan keseimbangan awam dan keselamatan negara," kata laporan itu. Penggunaan ISA tidak terhad kepada langkah-langkah menentang komunis, tambahnya. Memang ramai yang menyatakan rasa lelu apabila dibatalkan perhimpunan raksasa yang dirancangkan oleh UMNO pada 1 November 1987, kerana suasana ketika itu bagaimana rusuhan telah benar-benar berlaku.

Sahabat handai dan saudara mara para tahanan—dikenali sebagai Penyokong orang-orang Tahanan ISA—menegaskan semula lagi seruan mereka kepada kerajaan supaya para tahanan di bawah ISA didakwa di bawah Akta Hasutan, mengikut jenis jenayah yang dilakukan, bukan menahan mereka tanpa bicara di bawah I

Dengan meragui bukti kesalahan terhadap mereka, kumpulan itu berkata, "Daripada bukti yang didapati di dalam perbicaraan *haecas corpus* (yang dibenarkan kepada beberapa orang tahanan), selas sekali para tahanan itu dikurung berasingan, disoal siasat dengan lama dan tidak diberi kemudahan perkhidmatan guaman. Sebarang kenyataan yang menjerat sendiri di bawah keadaan demikian diragui...kecuali terbukti ia dibuat bukan dalam keadaan terpaksa."

Kertas Putih itu asalnya tidak dijadualkan untuk dibahaskan di Parlimen. Ketika membentangkan satu usul perkara kepentingan swam yang sangat penting keesckannya, Pemangku Ketua DAP, Lee Lam Thye menyifatkan itu sebagai "satu percubaan mahu merosakkan nama baik DAP ketika DAP mencapai kejayaan yang menarik." DAP telah memenangi 20.28% seluruh undi dalam pilihanraya umum 1986 dan mula bertapak di kawasan luar bandar. Lee menafikan tuduhan kerajaan bahawa ahli-ahli Parlimen DAP menggunakan sentimen perkauman dan menyarankan keganasan menerusi ucapan-ucapan mereka—misalnya ucapan Lim, ditanya tentang dasar kerajaan mahu melahirkan 'satu bangsa, satu budaya, satu bahasa dan satu agama', telah menghakiskan kedudukan budaya lain. Sekalipun kerajaan mungkin menganggapnya isu sensitif, 'kami di dalam DAP telah menimbulkannya bukan untuk mempergunakannya tetapi untuk meredakannya' dengan menarik perhatian kerajaan "supaya memikirkan masalah-masalah itu yang asalnya ditimbulkan oleh kerajaan sendiri," kata Lee.

Namun penafiannya kurang tegas, 'kerana Lee tidak dapat memberikan butir-butir khusus. Sementara beberapa tuduhan telah dilemparkan ke atas mereka, para tahanan sendiri tidak dapat menjawab atau membersihkan nama masing-masing. ISA tidak memerlukan perbicaraan. Penahanan selepas tempoh soal siar awal 60 hari adalah automatik selepas Menteri Dalam Negeri Dr. Mahathir sendiri menandatangani perintah menahanan dua tahun, dan penahanan itu boleh dilanjutkan setiap dua tahun.

Kata laporan itu, Persatuan Cina Malaysia, MCA dan Kongres India Malaysia, MIC, yang menjadi anggota Barisan Nasional 13 yang memerintah, telah bertindak balas terhadap tohmah yang mereka 'menjual maruah' tentang isu pendidikan dan bahasa. Namun menurut Chandra Muzaffar yang telah turut di-

tahan untuk soalsiasat selama 52 hari, berkata laporan itu tidak berubah meninjau asas masalah itu. "Nampaknya ada perhatian lebih berat terhadap mereka yang menyatakan tentang adanya masalah, daripada terhadap mereka yang mula-mula menjadi punca masalah," katanya.

Walau bagaimanapun ketegangan begitu meruncing sehingga apabila diadakan Perhimpunan Pemuda UMN0 pada 17 Oktober, iaitu perhimpunan terakhir sebelum tindakan diambil, ada di kalangan hadirin yang membawa sepanduk bertulis 'Mei 13 sudah bermula'—rujukan kepada rusuhan 1969—dihiasi dengan lukisan sebilah keris bertulis, 'dimandikan dengan darah Cina'.

Sementara itu, sebilangan pekerja gereja Katholik yang menganut fahaman Marxist, mempercayai di dalam 'teologi pembebasan' Marxist yang menggesa digunakan kekerasan kalau perlu, untuk memperolehi kebebasan manusia menerusi perjuangan kelas. Laporan itu menyebut pekerja sosial gereja yang ditahan, Theresa Lim Chin Chin sebagai telah menjelaskan semasa disoalsiasat bahawa mereka telah menu buhkan Misi Bandar Desa, yang matlamat utamanya ialah 'mengadakan dan mendidik golongan bawahan—dari kalangan pekerja estet, kilang dan penduduk setinggan—untuk mewujudkan pergerakan berasaskan massa' untuk mencabar secara radikal susunan sosial dan dasar kerajaan sekarang. Menentu kempen Lentennya, satu lagi kumpulan Katholik, National Office of Human Development (NOHD), telah menu buhkan sebuah kumpulan penganut Kristain yang 'lantang dan berani mengkritik kerajaan dalam isu-isu berhubung dengan ketidakadilan dan yang melibat masyarakat'. Dengan itu kumpulan tersebut bertindak sebagai satu kumpulan pendesak, yang dikatakan oleh laporan itu telah diakui oleh Theresa Lim sendiri, sewaktu disoal siasat.

Juga dilaporkan bahawa penolong pengarah NOHD, Anthony Rogers telah mengakui beberapa frasa digunakan di dalam Reflections terhadap doa agama mereka 'sesuai untuk menghasilkan rakyat supaya menimbulkan keresahan sosial'. Ketika menafik dakwaan itu, Archbishop Katholik di Kuala Lumpur, Anthony Soter Fernandez berkata 'rujukan kepada penggunaan 'Teologi Pembebasan' oleh apa yang dinamakan 'Kumpulan Marxist' namanya sebagai satu peniruan murah yang dibuat oleh Kerajaan Singapura terhadap mereka yang ditahan tahun lalu atas tuduhan

scrupa. Sedangkan pihak Vatican menjelaskan teologi pembebasan sebenarnya ‘pada dasarnya adalah pembebasan daripada dosa—peribadi dan sosial.’ Para pegawai Cawangan Khas bertemu dengan para bishop Malaysia ‘untuk menjelaskan isu itu di dalam tiga mesyuarat yang berasingan,’ namun tuduhan tentang penyusupan Marxist kekal di dalam laporan itu, katanya.

Kampus-kampus universiti adalah satu lagi sasaran Marxist, menurut laporan itu, yang menyebut Mohamad Nasir Hashim dan Chee Hing Leng—dua orang pensyarah universiti di kalangan yang ditahan—sebagai telah berusaha ke arah ‘kuasa diktator golongan proletariat.’ Di samping itu Mohamad Yunus Lebai Sli, seorang pelajar Melayu radikal, mengakui semasa disoal-siasat sebagai telah bertemu dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Melayu, Chin Peng di Peking dalam tahun 1980, yang menggalakkannya memulihkan kegiatan militan di kalangan pelajar Melayu, kata laporan itu. Yunus memberitahu Chin Peng juga membiayai pengajiannya di London di mana dia telah bertemu dengan Tan Wah Piow—iaitu orang yang dianggap sebagai nadi penggerak fahaman Marxist di belakang para tahanan Singapura.



Kempen poster Pilihanraya Umum Oktober 1990.



Eeh...! You tenvok dacing ini tak boleh kovak.

UMNO DIHARAMKAN

"Keputusan mengisyiharkan UMNO itu haram amat rumit. Tapi undang-undang dibuat oleh Parlimen kita sendiri dan sudah tentu UMNO sedar (tentang Akta Pertubuhan) kerana mereka sentiasa merupakan majoriti."

— Hakim Harun Hashim

MENJELANG jam 6.15 petang, 4 Februari 1988 kedua-dua peguam baru saja menamatkan hujah masing-masing. Bilik Mahkamah yang penuh sesak menjadi senyap apabila Hakim Datuk Harun Hashim mengangkat pena dan mula menulis. Beliau terus menulis selama 20 minit dan kemudiannya, berdaham meluaskan tukaknya, lalu melafazkan keputusan yang memerlukan. Suatu keputusan yang merupakan sesuatu yang lebih daripada apa yang diharapkan oleh kedua-dua belah pihak.

Permintaan 11 orang penyokong yang kecewa dari Team B dalam UMNO itu hanya mahukan mahkamah mengisyiharkan yang pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada 24 April 1987 adalah tidak sah dan batal.

Bagaimanapun Harun melangkah selangkah ke hadapan. Beliau memutuskan bahawa UMNO itu sendiri tidak sah kerana terdapat 30 daripada cawangan-cawangannya tidak didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan. Di dalam kegemparan selepas sahaja keputusan itu diumumkan, baik di dalam atau di luar kamar mahkamah, nampaknya tidak jelas pihak mana yang menang. Segaimana kata seorang peguam, "Pihak plaintif yang kena tolak kuwaan mereka tersenyum sementara pihak defendant kelihatan suram." Kebanyakan penganalisa pula berpendapat, undang-

undang berhubung dengan sebuah pertubuhan haram adalah cukup jelas.

Pertubuhan itu tidak boleh menggunakan nama, logo atau lambang lamanya. Di samping itu semua hartanya dibekukan dengan serta merta, dan diletakkan di bawah kuasa Pemegang Amanah Raya.

"Keputusan untuk mengisyiharkan UMNO itu haram amat rumit," kata Hakim Datuk Harun Hashim ketika mengumumkan keputusannya. "Tapi undang-undang dibuat oleh Parlimen kita sendiri dan sudah tentu UMNO sedar (tentang Akta Pertubuhan) kerana mereka sentiasa merupakan majoriti." Nampaknya ini menjadi kes keris makan tuan, tambahnya. Di bawah Akta 1966, yang telah dipinda sebanyak 5 kali itu, dan yang terbaru di bawah kerajaan pimpinan Dr. Mahathir sendiri, mewajibkan setiap cawangan sesuatu pertubuhan haruslah didaftarkan bersama dengan Pendaftar Pertubuhan.

Satu perkara yang jelas daripada kekecohan ekoran keputusan Mahkamah Tinggi itu ialah kedua-dua belah pihak memperolehi lebih daripada apa yang diharapkan. Ini sudah tentu membatalkan keputusan pemilihan parti yang lalu, tetapi tidak membabitkan keputusan sebelum pemilihan itu—with Dr. Mahathir masih Presiden, tetapi dengan Musa dan bukan Ghafar sebagai timbalannya—seharusnya kembali ke tempat masing-masing, kerana tidak jelas bila cawangan haram itu telah ditubuhkan.

Apabila mendapati dirinya tidak lagi berparti, Dr. Mahathir dengan segera menyatakan perbezaan di antara kerajaan dan parti. Beliau memberi jaminan kepada negara keesokan harinya bahawa kerajaan akan terus mentadbir seperti biasa. "Kerajaan dibentuk berdasarkan pilihanraya dimana kami berdiri secara individu, sekali-pun menggunakan lambang parti," katanya. Undi tidak percaya dalam Parlimen diperlukan, sebagaimana disarankan oleh pembangkang DAP, jika mahu memecatkan kerajaan Dr. Mahathir dengan tuntutan supaya Perdana Menteri meletakkan jawatan.

Kes UMNO ini bermula pada 25 Jun 1987 apabila 12 orang ahli parti yang memberontak mengemukakan saman terhadap Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Sanusi Junid dan tujuh orang setiausaha bahagian parti. Di dalam dakwaan itu, mereka mendakwa bahawa pemilihan dalam bulan April tidak sah kerana

para wakil dari 30 cawangan yang tidak didaftar—serta beberapa orang wanita di bawah umur hadir di dalam mesyuarat pergerakan wanita sementara lelaki yang lebih umur menghadiri mesyuarat pemuda—telah membantu memilih perwakilan bahagian ke perhimpunan agung April itu. Seorang daripada 12 orang itu kemudian mengundur diri.

Semasa menggulung hujah di Mahkamah Tinggi, peguam pihak plaintiff, Raja Aziz Addruse, dengan jelas mahukan hanya pemilihan pemimpin UMNO itu diisyiharkan tidak sah, bukan seluruh parti dianggap tidak sah. Peguam pihak dependen, G. Sri Ram pula menghujahkan yang para plaintiff bukan pihak yang kerugian kerana tidak ada di kalangan mereka yang bertanding sebarang jawatan tertinggi parti. Mereka juga bukan pihak yang akan kerugian dari segi material ekoran keputusan mahkamah itu.

Sejurus selepas keputusan mahkamah itu, orang-orang kanan Dr. Mahathir serta semua Ketua Menteri dan Menteri Besar UMNO di peringkat negeri dan ketua-ketua bahagian UMNO, dengan segera berdiri di belakang beliau dan berikrar memberi sokongan yang padu. Menteri Pendidikan, Anwar Ibrahim, yang dianggap oleh ramai sebagai pewaris Dr. Mahathir, mengutuk mereka yang secara terbuka atau secara rahsia menyokong 11 orang ahli parti yang memberontak itu sebagai "orang yang lapar kuasa." Katanya, "Mereka harus didedahkan dan mesti bertanggungjawab."

Segalanya bergantung kepada kebijaksanaan Dr. Mahathir untuk menjadikan keputusan Mahkamah Tinggi yang belum pernah berlaku itu sebagai sesuatu yang boleh menguntungkan kumpulannya dan menghalang serangan yang telah dilancarkan oleh Tun Hussein Onn bersama para pemimpin veteran parti terhadap kepimpinannya.

Peristiwa luarbiasa itu boleh sahaja menghakiskan pengaruhnya di dalam kerajaan dan juga karier politik beliau sendiri. Ada yang mendesak diadakan kompromi di antara Dr. Mahathir dan para penentangnya sebagai yang lebih wajar dan mungkin membawa balik bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Perdana Menteri pada masa itu benar-benar berada di dalam celut politik. Keadaan ini merupakan ujian paling getir bagi kepimpinannya. Dalam seminggu yang bergerak pantas itu, mula-

mula Dr. Mahathir ditinggalkan dengan sebuah parti yang haram tetapi memerintah negara, satu keputusan di luar jangkaan dari pada tindakan guaman mencabar keputusan perhimpunan April 1987, kemudian ada seruan supaya beliau meletakkan jawatan bukan oleh pembangkang tetapi oleh negawaran tua dari partinya, Tunku Abdul Rahman, yang kemudiannya dimasukkan ke hospital kerana kelelahan.

Sejak UMNO diisytiharkan haram oleh Mahkamah Tinggi orang Melayu yang berasa bimbang tertunggu-tunggu apakah jalan yang diambil oleh Dr. Mahathir untuk memulihkan status sah UMNO itu. Bagi kebanyakan orang Melayu, UMNO menjadi simbol lambang kewujudan mereka, hak dan kemakmuran mereka di dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia, dan UMNO merupakan parti induk di dalam Barisan Nasional.

Dr. Mahathir telah menegaskan hasratnya untuk membalikkan 'buah keras' terhadap Razaleigh. Hasrat Razaleigh untuk memulihkan parti itu di bawah nama UMNO Malaysia telah terhalang. Sedang garisan perjuangan di antara dua kumpulan itu dijelaskan, dengan kepimpinan UMNO menjadi pertaruhan, aliran politik menjadi semakin keruh dengan pendirian baru yang namanya digunakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam. Sebagai apa yang dikatakan pemimpin bersama Team B UMNO yang diketuai oleh Razaleigh, menentang Team A diketuai oleh Dr. Mahathir, Musa sepatutnya memberi sokongan kepada kem Razaleigh.' Bagaimanapun Musa kini nampaknya mengambil pendirian politik bebas, sekurang-kurangnya di peringkat mukaan, dengan menyokong kepimpinan pusat UMNO, yang diketuai oleh Dr. Mahathir.

Ramai pemerhati terkejut apabila Musa tiba serentak dengan Dr. Mahathir untuk menghadiri satu perhimpunan besar-besaran Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional di bangunan Parlimen pada 14 Februari 1988. Perhimpunan sekitar 600 orang pemimpin UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional itu dianggap sebagai tindakan paling simbolik untuk menyatakan sokongan kepada kepimpinan Dr. Mahathir di dalam menghadapi krisis politik itu. Setelah menerima ikrar sokongan Barisan Nasional dan bertulis daripada para pemimpin Melayu, Cina, India dan golongan minoriti lain yang ada wakil di dalam Barisan Nasional,

Dr. Mahathir memberi bayangan pertama tindakan yang dipilihnya untuk memulihkan status UMNO itu.

Katanya, sedang undang-undang Tuhan tidak boleh diubah, undang-undang yang dicipta oleh manusia dapat diubah. Ucapan-nya itu merujuk bahawa undang-undang mungkin akan dipinda menerusi Parlimen. Dr. Mahathir mendapati ramai ahli perunda-gan yang memberi pandangan bahawa beliau masih boleh ber-gantung kepada majoriti dua pertiga di dalam Parlimen. Ini bererti bukan sahaja Dr. Mahathir dapat bergantung kepada keyakinan majoriti di dalam Parlimen untuk menyokong kerajaannya, tetapi juga dapat meluluskan undang-undang untuk mengesahkan semula UMNO. Salah satu pilihan bagi Dr. Mahathir untuk me-mulihkan UMNO ialah mendapatkan kelulusan Parlimen terhadap satu langkah meminda dengan kuasa retrospektif Akta Pertu-buhan—yang menjadi asas UMNO dipandang sebagai tidak sah oleh Mahkamah Tinggi. Parlimen itu mungkin menarik bagi Dr. Mahathir kerana, menurut sumber kabinet, beliau tidak mahu menggunakan kuasa eksekutifnya secara berlebihan di dalam usaha memulihkan UMNO. Penentang Dr. Mahathir telah menuduhnya semakin bersikap diktator, dan menyebut penahanan 106 orang aktifis politik dalam bulan Oktober 1987, menutup tiga akhbar dan kemudiannya memperketatkan undang-undang persuratkhabar sebagai bukti.

Usaha utama ialah memulihkan parti, atau sebagaimana kata Datuk Abdullah Ahmad, "memulihkan keunggulannya di dalam politik Malaysia." Rakan-rakan Tengku Razaleigh bertindak lebih dahulu. Empat hari setelah keputusan mahkamah itu, Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman ketika meraya-kan ulangtahunnya yang ke-85, mengumumkan bahawa beliau telah mengambil daya usaha untuk mendaftar sebuah parti baru yang berasi nama UMNO Malaysia. Termasuk di dalam jawatankuasa penaja ialah orang-orang seperti Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketiga, dan orang kuat Team B seperti peguam Marina Yusoff, bekas Menteri Luar, Datuk Rais Yatim dan bekas Timbalan-Tim-baluan Menteri, Rahmah Osman dan Zainal Abidin Zain.

Sejumlah M\$121,000 (US\$47,173) dengan segera diderma-kan oleh mereka yang hadir bagi membayai urusan pendaftaran parti itu. Permohonan Tunku kepada pendaftar pertubuhan itu

mendahului satu langkah serupa yang dirancangkan oleh Dr. Mahathir. Di dalam pengumumannya tentang penubuhan sebuah jawatankuasa 13 orang di Pulau Pinang pada 8 Februari itu, Tunku mengulas tentang keputusan Mahkamah Tinggi dengan berkata, kepimpinan UMNO telah bertindak bagaikan mereka berada di luar undang-undang, dan menambah bahawa 'keruntuhan UMNO timbul oleh mereka yang berkuasa yang terlalu tamak sehingga lupa untuk menyelamatkan UMNO.'

Menggunakan tema itu, Tunku mengeluarkan cabaran paling kuat terhadap Dr. Mahathir agar meletakkan jawatan, "Sekiranya kepimpinan sekarang menunjukkan kecenderungan yang mera-gukan dan dengan itu tidak lagi menikmati keyakinan rakyat, sudah tiba masanya beliau berundur dengan baik demi nama baik parti itu." Sebenarnya menurut sumber UMNO, langkah Tunku itu didalangi oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Pada ketika itu Tunku berfikir tidak ada langkah dilaksanakan untuk mendaftarkan semula parti itu. Pada pendapatnya beliau semata-mata 'mengambil daya usaha untuk menghidupkan semula parti sehingga diadakan pemilihan semula para pemimpin baru. Tunku juga menjelaskan yang beliau telah menulis surat kepada Tengku Razaleigh menggesa beliau mengambil langkah serupa, tetapi Razaleigh tidak bersetuju takut disalah tafsir. Dengan itu kata Tunku, beliau 'terpaksa melakukan sesuatu'.

Langkah itu dengan serta merta menimbulkan tanda tanya. Sekalipun kebanyakan pengkritik mengakui langkah kedua-dua bekas Perdana Menteri (Tunku dan Hussein Onn) itu bukan dide-sak oleh hasrat mahu kembali berkuasa, tetapi yang dipersoalkan ialah langkah mendaftarkan parti itu tanpa kerjasama kepimpinan yang ada. Kata Abdullah, "Nampaknya terlalu jelas semacam mer-but peluang."

Bagaimanapun dalam usahanya itu Tunku telah menghantui sepucuk surat kepada Perdana Menteri Dr. Mahathir mempelawa beliau menyertai usaha memulihkan UMNO. Dr. Mahathir mengesahkan ada menerima surat itu pada 12 Februari 1988. Namun sebagaimana, menurut Dr. Mahathir sedang beliau hendak mengemukakan jawapannya kepada Tunku untuk menolak pelawaan itu, bekas para pemimpin UMNO itu sudahpun bertindak senyap senyap hendak menubuhkan sebuah parti baru, dan beliau tentu

dak dapat terlibat di dalam dua buah jawatankuasa protem serentak.

Nampaknya Razaleigh dan kuncu-kuncunya terlalu ghairah untuk bertindak sebelum Dr. Mahathir dapat bertindak menubahkan jawatankuasa protem sendiri untuk mendaftarkan semula parti itu. Namun Razaleigh yang terkenal sebagai pencabar Dr. Mahathir, berpendapat adalah lebih menguntungkan kalau mendapat negarawan ulung UMNO, Tunku, untuk menjalankan tingkah tersebut kerana memikirkan bahawa Tunku dengan segala senang hati untuk menolong. Sekalipun ada laporan akhbar mengatakan Razaleigh adalah salah scorang ahli jawatankuasa itu, namun beliau terus berada di sebalik tabir. Baik beliau mahupun Musa tidak mengulas tentang percaturan politik semasa. Nama Musa, dikatakan terkeluar dari senarai jawatankuasa protem. Ini menguatkan lagi kepercayaan para penganalisa bahawa dua orang pemimpin 'Team B' itu tidak lagi bekerjasama menentang Dr. Mahathir.

Oleh kerana undang-undang memerlukan nama baru bagi pendaftaran semula parti sedemikian, jawatankuasa protem itu menamakan parti itu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia diikuti oleh UMNO Malaysia di dalam kurungan. Namun permohonan jawatankuasa itu pada 8 Februari telah ditolak dua hari kemudian oleh pendaftar tanpa memberi sebarang alasan.

Para penganalisa politik berpendapat bahawa Dr. Mahathir berhasrat untuk menyingkirkan Razaleigh dan Kumpulan B-nya. Dr. Mahathir mendakwa kumpulan 11 orang itu 'semata-mata mahukan presiden parti digantikan oleh seorang tertentu.' Mereka anggan menerima sebarang percubaan penyelesaian di luar mahkamah, dan menarik balik tindakan guaman itu. "Ini dengan jelas menunjukkan yang tindakan mereka itu bukan demi kepentingan parti tetapi adalah untuk memenuhi kepentingan seseorang tertentu." Orang yang Dr. Mahathir maksudkan itu ialah Razaleigh.

Pada 15 Februari Razaleigh menamatkan kebungkamannya telah sekian lama mendiamkan diri dengan mengeluarkan satu suruhan kepada serangan Dr. Mahathir terhadapnya. "Saya amat cemas oleh serangan berterusan, tohmah dan tuduhan palsu terhadap saya dan para penyokong saya oleh beberapa orang bekas

pemimpin UMNO," katanya yang jelas tetapi secara tidak langsung ditujukan kepada Perdana Menteri. Menyentuh penolakan oleh pendaftar terhadap permohonan UMNO Malaysia, Razaleigh berkata: "Masih ada cara lain, dan salah satu daripadanya ialah tindakan undang-undang walaupun rumit dan memakan masa—ada tanda-tanda ini mungkin corak tindakan yang boleh diambil."

Beliau menggesa Perdana Menteri, yang juga Menteri Dalam Negeri, 'supaya menggunakan jasa baiknya untuk meminda Akta Pertubuhan' demi memulihkan UMNO dan hak ahli-ahlinya. Razaleigh nampaknya lebih mengharapkan satu langkah untuk memulihkan UMNO dengan semua ahlinya, termasuk dirinya dan para penyokongnya, daripada memberi peluang kepada Dr. Mahathir untuk menyusun satu senarai ahli baru.

Dr. Mahathir dan orang-orang kanannya menggunakan narasi emosional itu untuk memperkuat kekuatan politik mereka. Dengan Dr. Mahathir kekal sebagai seorang Perdana Menteri yang kuat, media dalam negeri pada dasarnya masih dikuasainya dan kegiatan-kegiatan pihak pembangkang terus tidak dilaporkan. Dengan Musa dan para pengikutnya sekarang menjauahkan diri daripada Razaleigh, maka kedudukan Perdana Menteri semakin kuat.

Menjelang perhimpunan 14 Februari, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, bertemu menggesa ahli-ahli Barisan Nasional agar menyokong kepimpinan Dr. Mahathir.

Keputusan pendaftar menolak permohonan jawatankuasa protem UMNO Malaysia memang satu halangan yang dijangka. Sebagaimana kata Marina Yusoff, salah seorang daripada penyokong kuat Razaleigh, dan bekas ahli Majlis Tertinggi UMNO, "Kami memang menjangka, tetapi tidaklah begitu pantas—mungkin beberapa sebab teknik." Strategi rakan seperjuangan Razaleigh sebelum ini, Musa Hitam pula terus sukar untuk difahami. Musa yang dulunya Timbalan Perdana Menteri, diiktirafkan sebagai politik yang mahir dan mempunyai cita-cita sendiri untuk menjawatan utama itu.

Beliau tidak terlibat di dalam jawatankuasa protem UMNO Malaysia tajaan Tunku. Tiba-tiba pada 12 Februari 1988 Musa memecah kebungkamannya dengan berkata yang ahli-ahli UMNO

harus menyokong kepimpinan semasa. Bagaimanapun, beliau dengan penuh hati-hati berkata bahawa survival parti lebih penting daripada survival individu, yang ditafsirkan merujuk kepada Dr. Mahathir. Sebilangan penganalisa memikir rancangan Musa ialah berada berdekatan dengan pusat kuasa UMNO—kepimpinan Dr. Mahathir—sekalipun beliau sedang menyuburkan hasrat untuk menggantikannya. Kalau kekal di dalam kem Razaleigh akan tersisih pula daripada aliran utama UMNO dan boleh membawa kepada kritik yang beliau terlibat cergas di dalam plot mahu meleahkan parti itu.

Kelakuan Musa di perhimpunan Barisan Nasional di perkaraan Parlimen pada 14 Februari pula cukup menarik. Datuk Musa tiba serentak dengan Dr. Mahathir. Kemudian beliau duduk di meja utama di samping Dr. Mahathir. Demikian juga sewaktu hendak pulang, Musa tersenyum lebar serta melambaikan tangan sambil memandu keluar sebuah kereta salun kecil, iaitu sejurus sahaja Perdana Menteri memasuki kereta limozinnya yang dibawa oleh pemandu.

Dua hari kemudian, apa yang dijangka mesyuarat biasa telah menjadi satu pertemuan luar biasa. Hadir di Hotel Pan Pacific Kuala Lumpur pada hari Selasa 16 Februari 1988 itu, belasan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional Malaysia yang memerintah. Tanpa wakil rasmi ialah UMNO, rakan terunggul Barisan. Sebabnya: 12 hari sebelumnya UMNO telah diisyitiharkan sebagai sebuah haram oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Namun Perdana Menteri, sehingga diumumkan keputusan mahkamah, merupakan Penggerusi Barisan Nasional. Dan di mesyuarat itu, Presiden UMNO tetap tersenyum lebar.

Dr. Mahathir kelihatan gembira. Kenapa? Tidak lama kemudian tokoh-tokoh Barisan Nasional yang hadir mengetahui sebenarnya. Dr. Mahathir memberitahu dalam mesyuarat tersebut bahawa beliau telah menerima kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan untuk menubuhkan sebuah parti politik baru. Namanya pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO baru). Dr. Mahathir, berkata, semua 1.4 juta orang ahli UMNO terpaksa memohon semula untuk menyertai UMNO baru. I termasuk musuh ketatnya, Tengku Razaleigh Hamzah. Dr. Mahathir berkata, kriteria utama bagi keanggotaan di dalam

UMNO baru ialah 'kesetiaan kepada parti', dan menambahkata 'barang siapa yang bertindak berlawanan dengan kepentingan parti tidak akan diterima masuk.' Parti itu juga telah diterima sebagai sebuah parti anggota Barisan Nasional dan Dr. Mahathir kembali menjadi pengurus Barisan itu. Beberapa hari sebelum itu, walaupun tidak diumumkan, tetapi secara teknikal, Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liang Sik adalah pemangku Pengurus BN. Ini adalah kerana Dr. Mahathir tidak berparti setelah UMNO diharamkan.

Berita penubuhan UMNO (Baru) itu tersebar dengan cepat ke seluruh negara. Dengan itu memadamkan pelbagai spekulasi tentang apa tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri.

Pada hari Ahad, 14 Februari, Dr. Mahathir telah menyaksikan sekitar 600 orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dari Barisan Nasional berhimpun di Parlimen yang ke semuanya bersikrar bahawa mereka bersama beliau dan kerajaannya. Ikrar sokongan besar-besaran itu nampaknya memberi keyakinan tambahan kepada Perdana Menteri yang terkepung oleh keadaan itu untuk bertindak penuh yakin. Dalam sesi hujung minggu itu, Dr. Mahathir mengimbas kembali masalah semasa parti itu mengadakan pemilihan pucuk pimpinan UMNO April lalu. Di pemilihan ini Dr. Mahathir mengalahkan Razaleigh dengan majoriti yang tipis dalam perebutan sengit untuk jawatan presiden parti, yang di segi tradisinya membawa kepada jawatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata yang beliau telah cuba untuk menguji ahli-ahli parti agar menentukan jawatan tertinggi tidak bertandingi, sesuai dengan tradisi. "Malangnya, pandangan saya ditolak kerana ada orang tertentu yang mahu merebut jawatan tersebut, dengan menggunakan nama demokrasi," katanya. Dalam peristiwa itu, 11 orang ahli penyokong parti, mencabar keputusan itu di mahkamah atas alasan 30 cawangan tidak berdaftar. Menurut Akta Pertubuhan negara sebarang pertubuhan yang cawangan itu tidak diluluskan oleh Pendaftar adalah haram, jadi mahkamah tidak ada pilihan selain mengisyiharkan UMNO sebagai haram.

Pada peringkat awalnya, para pemerhati UMNO berfikir yang Dr. Mahathir mungkin membentangkan pindaan undang-undang di Parlimen untuk mengesahkan semula UMNO yang telah diharamkan itu. Bagaimanapun menerusi cara tersebut ada kerugian bagi Perdana Menteri dan para penyokongnya. Dari satu segi,

akan membolehkan ahli-ahli asal parti itu kekal di dalamnya.

Ramai rakan Dr. Mahathir secara peribadi bersetuju yang tetapi mereka mahu mengasingkan Razaleigh. Bagi menyekat sebarang langkah untuk mengeluarkan beliau dan para penyokongnya dari UMNO, Razaleigh awal-awal lagi menyokong penubuhan sebuah jawatankuasa protem yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman untuk mendaftarkan sebuah parti baru diberi nama UMNO Malaysia. Permohonan oleh kumpulan Tunku untuk menubuhkan parti dengan segera ditolak oleh Pendaftar. Apabila ditanya apakah beliau akan membenarkan Razaleigh menyertai UMNO Baru, Dr. Mahathir menjawab, "Bukan saya scorang yang akan memutuskan."

Sekiranya beliau memohon untuk menyertai UMNO baru dan permohonannya diluluskan, Razaleigh yang berusia 50 tahun, mungkin mencabar jawatan Presiden. Razaleigh amat percaya yang kejayaan tipis Dr. Mahathir adalah semata-mata kerana bernasib baik, kata scorang Ahli Parlimen yang rapat dengan bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu. "Razaleigh melihat pemilihan yang lalu sebagai satu perlawanan bolasepak yang dimenangi seminit sebelum tiupan wisil terakhir di atas tendangan penalti." Namun ramai yang berpendapat sejak mula lagi bahawa Razaleigh dan para penyokong utamanya tidak dibenarkan menyertai UMNO baru.

Kini Musa pula memberi sokongan kepada Dr. Mahathir untuk memulihkan UMNO. "Musa bersikap realistik," kata scorang rakan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu. "Beliau tahu orang Melayu akan kembali ke dalam UMNO yang menguasai kerajaan. Beliau tahu yang beliau harus mempertaruhkan suatu di ambang pintu. Jika tidak dia (Musa) akan hanyut."

Dalam satu kenyataan akhbar pada pertengahan Februari, bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi menuliskan, "Tidaklah benar yang kami tidak melakukan apa-apa. Kita cuba hadkan pelbagai cara sebaik sahaja keputusan mahkamah dimungkinkan. Kami merujuk kepada ramai peguam. Apa yang kami cuba ialah satu rumusan yang tidak boleh dicabar di mahkamah... kalau tidak masalah itu tidak akan selesai."

Sehari selepas permohonan Tunku, jawatankuasa Dr. Mahathir menghantar permohonannya sendiri untuk mendaftarkan se-

buah parti baru, UMNO '88. Sebagaimana dijelaskan oleh Dr. Mahathir kemudiannya, "Kedua-dua permohonan itu (beliau dan Tunku) ditolak kerana UMNO lama masih belum dibatalkan perdaftarannya. Apabila sudah dibatalkan pendaftarannya kami mengemukakan satu permohonan baru untuk penubuhan UMNO baru. "Itu pada 13 Februari. Pendaftar Pertubuhan meluluskannya tiga hari kemudian."

Tempoh dua hari itu telah mengubah susunan politik Malaysia. Dalam satu hal, kebanyakan penganalisa bersetuju yang Perdana Menteri telah memperkuuhkan kedudukan politiknya, dengan mengasingkan musuh-musuh beliau secara langsung di dalam proses itu. Kata bekas Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Datuk Shahrir Abdul Samad, "Razaleigh bertindak terlalu awal." Dr Chandra Muzaffar dari Aliran bersetuju, "Langkah mahu menuhukan UMNO Malaysia bukan satu idea yang baik. Mereka (orang-orang Razaleigh) bimbang yang mereka akan tersisih dari pada kepimpinan parti baru, jadi mereka bertindak dahulu." Jelas sekali itulah alasan di sebalik tindakan Tunku yang terbantut itu. Langkah itu menimbulkan hasil bertentangan dengan hasrat. Pertamanya, kerana ia dibuat secara terburu-buru, malah tanpa satupersetujuan di kalangan para pemimpin Kumpulan B. Memang adabeberapa orang pemimpin penting Kumpulan B—Musa, Abdullah Badawi, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Shahrir dan Datuk Radzi Sheikh Ahmad—secara terbuka menyisihkan diri daripada langkah itu, dan di dalam proses itu menyebabkan ramai ahli berpaling tada.

Yang lebih penting menurut para penganalisa, usaha Tunku itu gagal kerana sebarang langkah untuk menghidupkan semula UMNO tanpa penyertaan kepimpinan yang ada pasti gagal. Dalam realiti politik Malaysia usaha mengencipikan Dr. Mahathir memang akan gagal. Dan kebanyakan ahli parti pula semata-mata mahu melihat UMNO dipulihkan. Seorang bekas ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO berkata, "Saya mungkin ada perbezaan pendapat dengan Perdana Menteri, namun kalau beliau dapat memulihkan UMNO, saya akan menyokongnya. Dan langkah itu harus datang daripada kepimpinan sekarang. Kalau ia datang darimana-mana pihak lain, apa yang akan kita perolehi ialah dua buah parti."

Lebih meyakinkan lagi ialah kerana para penyokong Dr. Mahathir berada di segenap penjuru dan meliputi semua bidang. Beberapa parti pembangkang, terutama DAP menyeru supaya Perdana Menteri meletakkan jawatan kerana ‘beliau mengetuai parti haram.’ Bimbang akan kemungkinan satu undi tidak percaya di Parlimen, para penyokong Perdana Menteri mengadakan ikrar terbuka menyokong beliau.

Ikrar dari seluruh pelusuk negara mencuruh-curah datang kepada Perdana Menteri, berkemuncak dengan satu perhimpunan dimana lebih tiga suku Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional, mengangkat ikrar kesetiaan masing-masing kepada Perdana Menteri. Hakikat orang yang dulunya menentangnya, seperti Musa dan Abdullah Badawi, adalah di antara orang-orang yang berikrar itu, sudah tentu memberi kesan psikologi yang hebat. Di pihak lain pula, 11 orang yang berkenaan diunduh sebagai pengkhianat UMNO.

Kata Abdullah Badawi, “Dr. Mahathir kini mempunyai satu peluang yang hanya dapat diimpikan oleh kebanyakan pemimpin, itu membentuk sebuah parti berdasarkan imejnya sendiri. Beliau tidak memintanya, tetapi peluang itu dihidangkan kepadanya berdasarkan dulang perak.” Sesungguhnya cukup ramai penyokongnya berfikir yang Dr. Mahathir harus menggunakan peluang tersebut, untuk menghapuskan semua musuhnya di dalam UMNO.

Berita Baik Untuk Mahathir

KERAJAAN Malaysia dan United Engineers (Malaysia) Berhad UEM telah menang di dalam rayuan di Mahkamah Agung terhadap satu tindakan saman awam (civil suit) yang dikemukakan oleh Lim Kit Siang. Tindakan saman itu telah menghalang kedua-dua pihak daripada menandatangani sebuah kontrak bagi merancang dan mengendalikan ‘Projek Lebuh Raya Utara Selatan’ (PLUS) yang berharga M\$3.4 ribu juta ringgit. Lima orang hakim mencapai keputusan, majoriti 3–2, pada 15 Januari 1988 setelah berbicaraan dua hari. Seorang rakan tahanan di bawah ISA, Karpal Singh, dibebaskan sementara untuk mewakili Lim di dalam perbincangan itu.

Ketua Hakim, Tun Mohamed Salleh Abbas, yang mengundi

menyokong kerajaan berkata, Lim tidak mempunyai 'locus standi' untuk mengemukakan dakwaan itu—ia hanya boleh dikemukakan oleh Peguam Negara.

Ketika mengemukakan keputusannya kepada mahkamah yang penuh sesak, Salleh menambah kata bukanlah tugas sebuah mahkamah sivil untuk memutuskan sama ada tuduhan rasuah yang dikemukakan oleh Lim itu benar atau tidak. Katanya tanggungjawab mengemukakan aduan jenayah itu juga berada di tangan Peguam Negara. 'Kalau beliau gagal menjalankan tugasnya bukanlah kita yang boleh mengatakan bagaimana beliau harus diadili.'

Sebelum itu di dalam perbicaraan, Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman mengesahkan satu laporan polis telah dibuat dan siasatan sedang dijalankan ke atas tuduhan rasuah di dalam pemberian kontrak itu. Di dalam penghakiman yang bertentangan, Tan Sri Abdoolcader dan Datuk George Seah berkata Lim berhak mengemukakan dakwaan itu, kerana tuduhannya melibatkan orang ramai dan jumlah wang yang banyak. Seah menambahkata peraturan 'locus standi' bertujuan mengelakkan tukang sibuk dari menyibukkan mahkamah, tetapi Lim mempunyai satu tanggungjawab kepada rakyat sebagai seorang Ahli Parlimen.

Sementara itu, perlantikan hakim-hakim baru Mahkamah Tinggi Malaysia pada 11 Januari 1988 memberi satu peluang kepada Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman untuk mengingatkan para hakim agar jangan menyatakan pendapat mereka di luar mahkamah—iaitu sentimen yang telah berulang kali dihirkikan sebelum itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ini menimbulkan bidasan 'bukan dengan semangat konfrantasi tetapi satu penjelasan' daripada Ketua Hakim Negara, Tun Mohamad Salleh Abas, yang biasanya berdiam diri, dan menjauhkan diri daripada perbahasan kehakiman-eksekutif sejak beberapa bulan yang lalu.

"Adalah malang sekiranya amanah dan keyakinan orang ramai di dalam fungsi sebenar kehakiman dicemari akibat desakan hendak memperjuangkan kebebasan dalam perkara yang kurang penting," akhbar The New Straits Times menyebut Abu Talib sebagai berkata di majlis perlantikan dua orang hakim. "Kebebasan (mahkamah) tidak semestinya bermakna memutuskan satu kes berlawanan dengan kerajaan," kata Abu Talib, memetik pendapat H. R.

Khanna, seorang hakim terkemuka di India. "Kadangkala satu pendapat wujud yang kononnya apabila semakin banyak hakim membuat keputusan bercanggah dengan kepentingan kerajaan, semakin hebatlah dia. Ini seluruhnya adalah satu pendapat yang mengejutkan.... Kebebasan bererti melaksanakan kehakiman tanpa rasa simbang atau menyebelahi mana-mana pihak," Abu Talib menambah.

Dalam keadaan tertekan, seorang hakim mungkin melupai kedudukannya yang tersendiri itu dan terpengaruh oleh emosinya, kata Talib memberi amaran. "Sekalipun keputusannya mungkin kukuh dari segi undang-undang, penghakiman itu mungkin mengandungi ulasan sampingan atau membayangkan pendapat peribadi hakim yang boleh menyentuh perasaan sesuatu kumpulan." Ulasan Tan Sri Abu Talib Othman itu menimbulkan rungutan baru di kalangan para peguam, sekalipun ia menandakan tamatnya itu rombakan pentadbiran para hakim yang sebelum itu telah menimbulkan pelbagai ulasan pihak guaman.

Perlantikan baru itu menamatkan gerakan berkenaan dan untuk sementara ketegangan nampaknya reda apabila kalangan guaman mengkaji dua dakwaan penting dalam bulan Januari—satu kes melibatkan kerajaan dan satu lagi melibatkan parti utama di dalam kerajaan, UMNO sebagai defenden. "Kebebasan kita nampaknya menghadapi satu bentuk tekanan," Salleh mengulas esoknya.

Perkembangan terbaru ini bukan sahaja memalukan pihak kehakiman tetapi juga mempersoalkan sikap berkecuali dan nilai dasar ia sebagai sebuah institusi yang terasing. Ketika melancarkan dua buah buku undang-undang, sebuah daripadanya, beliau telah membantu mengeditkannya, Tun Salleh berkata, "Amatlah dikesali talau satu keputusan mahkamah dianggap sebagai satu tindakan menentang kerajaan, sekiranya kerajaan kalah di dalam kes itu, dan anggap sebagai penghakiman yang sempurna hanya apabila pihak kerajaan memenanginya."

Perkembangan terbaru itu membayangkan hubungan yang sumit, sensitif, kalaupun tidak berbahaya' di antara pihak kehakiman dan eksekutif di dalam masyarakat yang mempercayai kebebasan bidang kehakiman. "Mengatakan yang keputusan diwarnai oleh 'emosi dan sikap psikologi hakim, bukan salah satu salah aham tentang undang-undang, tetapi adalah juga satu kritik yang

tidak adil," ujar Tun Salleh Abbas.

"Bukan sahaja rakyat harus meyakini jentera kehakiman, pihak eksekutif dan perundangan juga tidak harus melakukan sesuatu untuk menjelaskan keyakinan itu," tambah Salleh. "Dalam hubungan ini kita tidak perlukan peringatan daripada Peguam Negara atau dari seseiapa, tentang tanggungjawab dan tugas kita," tegas Tun Salleh disambut dengan tepukan memanjang daripada para peguam dan pensyarah undang-undang di kalangan para hadirin di majlis tersebut. Para hakim yang duduk di barisan hadapan tersenyum.

Tun Salleh berpendapat, "Kebebasan kehakiman tidak harus dilihat sebagai satu bebanan negara, tetapi sebagai satu aset negara yang paling penting." Menjawab peringatan yang sering kedengaran daripada ahli-ahli politik bahawa Parlimen dan bukan pihak kehakiman yang menggubal undang-undang, Salleh berkata oleh kerana perlombagaan lahir daripada hasrat rakyat dan oleh kerana perlombagaan menyebut pihak kehakiman sebagai pentafsir akhir bagi undang-undang, hasrat dan kehendak rakyatlah yang terus diberi perhatian oleh para hakim.

40

UMNO BARU

"Bagaimana anda boleh berkata saya menggunakan stail berkonfrantasi apabila saya memberi tempat kepada mereka yang kalah, serta mereka yang telah menentang saya? Mereka yang telah mencemekkan hidung mereka ke arah saya pun diberi tempat. Bandingkan ini dengan kes Tunku dan Aziz Ishak, Tun Razak dan Khir Johari dan Tun Hussein dan Harun Idris, misalnya."

— Dr. Mahathir

ORANG Melayu memerhati dengan cemas akan permainan catur guaman di kalangan protagonis politik utama. Ahli-ahli UMNO pula nampaknya berada dalam keraguan apakah parti mereka akan berjaya dan kekal bersatu. Isu pemulihan UMNO kini kembali ke mahkamah atas satu rayuan pihak kumpulan 11 orang sementara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed melancarkan satu gerakan berterusan untuk membina sebuah 'UMNO (Baru)'. Kemungkinan bahawa satu perpecahan kekal di dalam parti itu semakin ketara hari demi hari.

Ramai orang Melayu di kawasan luar bandar mungkin tidak memahami sepenuhnya apa yang berlaku kepada sebuah parti yang bagi mereka telah menjadi satu lambang status politik mereka. Akan tetapi mereka yang terlibat di dalam perebutan untuk menguasai kepimpinan UMNO menggunakan segala tipu helah guaman untuk mencapai kejayaan. Sepanduk (lambang) parti itu sentiasa diidamkan oleh kedua-dua belah pihak, tetapi ia mungkin akan koyak rabak apabila permainan maut itu berterusan.

Pengumuman Dr. Mahathir pada 16 Februari yang beliau telah diberi kebenaran oleh pendaftar pertubuhan untuk memulakan

proses mendaftarkan sebuah parti baru—untuk menggantikan UMNO lama, yang telah diisyiharkan haram oleh Mahkamah Tinggi dua minggu sebelumnya—memerlukan kebanyakan perhati. Itu adalah satu gerakan politik yang amat bijak oleh Perdana Menteri, kerana dua hari sebelum itu telah membayangkan yang beliau akan menggunakan jalan lebih mudah, iaitu meminta satu pindaan ke atas Akta Pertubuhan menerusi Parlimen untuk memulihkan UMNO.

Dr. Mahathir memberitahu satu sidang akhbar bahawa permohonan telah dikemukakan kepada Pendaftar pada 13 Februari, selepas sahaja UMNO lama dibatalkan pendaftarannya—satu langkah yang tidak diumumkan ketika itu. Parti baru itu, katanya, diberi nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO Baru. Dr. Mahathir mahukan parti baru itu dikaitkan secara jelas dengan yang lama. Bendera dan lambang parti baru itu hampir serupa dengan yang ada pada parti lama.

Bagaimanapun ia juga ada bezanya dengan parti lama. Menurut Perdana Menteri, ‘orang-orang seperti Tengku Razaleigh Hamzah atau Datuk Rais Yatim tidak akan dibenarkan menyertai parti baru itu.’ Berucap dalam satu perhimpunan di negeri kampong halamannya, Kedah, Dr. Mahathir mendedahkan ‘kurang daripada 100 orang bekas ahli UMNO yang diharamkan akan dikeluarkan daripada keanggotaan UMNO Baru.’

Orang yang tidak akan dimasukkan ke dalam senarai, katanya, disusun oleh jawatankuasa protem UMNO Baru (seperti Majlis Tertinggi UMNO) dan di dalamnya termasuk:

- Mereka yang terlibat di dalam perbicaraan yang menyebabkan UMNO diisyiharkan haram.
- Mereka yang dijangka akan menghalang usaha untuk menubuhkan parti baru itu.
- Mereka yang terlibat di dalam usaha menubuhkan UMNO Malaysia.

Apabila senarai penuh jawatankuasa protem Dr. Mahathir, yang dibentuk untuk mengawasi pendaftaran sepenuhnya UMNO (Baru) diumumkan kemudian, satu lagi petanda jelas menunjukkan yang Perdana Menteri tidak akan memberi ruang kepada musuh-musuh politiknya. Selain daripada beliau sendiri sebagai Presiden Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba dinamakan sebagai Tim-

balannya, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat sebagai Setiausaha dan Menteri Kewangan, Datuk Daim Zainuddin sebagai Bendahari. Jawatankuasa itu terdiri daripada Majlis Tertinggi UMNO lama Datuk Shahrir Samad, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan juga Marina Yusoff—semuanya ahli Team B tidak disenaraikan.

Seorang anggota Team B yang dimasukkan ke dalam jawatan-kwasa itu ialah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, bekas Menteri Pertahanan dan seorang Naib Presiden UMNO. Sekalipun statusnya sebagai anggota Team B, Abdullah telah meneruskan hubungan dengan Dr. Mahathir dan telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang secara samar-samar menyokong Perdana Menteri di wujudnya peristiwa itu. Ini menimbulkan spekulasi di kalangan para penganalisa politik yang beliau mungkin disediakan untuk kembali ke dalam lingkungan kepimpinan itu kelak.

Dengan satu langkah cekap Dr. Mahathir mengambil peluang daripada dayausaha penentangnya dan menjelaskan yang beliau akan menentukan mereka membayar harga yang setimpal dengan tindakan mereka. Ghafar kemudiannya berkata yang proses pendaf-taran parti itu akan memakan masa setahun, atau mungkin dua tahun. Dr. Mahathir pastinya telah mencongak yang langkah sempama itu akan memberi ruang bergerak yang luas, bebas dari serangan para penentangnya, sedang beliau dapat menapis narai keanggotaan parti itu dengan selesa. Beliau juga dapat membidas sebarang kritik dengan mengatakan ‘semuanya disebabkan kesalahan 11 orang’. Dengan itu mengaitkan Razaleigh, yang memang mendalangi mereka yang 11 orang itu.

Hanya pada 16 Februari 1988, akhbar-akhbar tempatan, telah mendedahkan bahawa permohonan lebih awal oleh penentang Dr. Mahathir untuk menu buhkan ‘UMNO Malaysia’ telah ditolak oleh pendaftaran. Jawatankuasa sementara itu mencatatkan nama termuka iaitu Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman, sebagai Presidennya dan seorang lagi yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn sebagai timbalan presidennya. Dr. Mahathir mendedahkan yang permohonan tersebut, dan satu permohonan oleh beliau sendiri untuk menu buhkan parti ‘UMNO 88’ telah gagal, kerana dikemukakan sebelum UMNO asal dibatalkan secara rasmi daripada daftar pertubuhan.

Pendaftar Pertubuhan, Datin Zakiah Hashim, nampaknya sebagai telah membantu Dr. Mahathir. Beliau tidak dengan segera memberi sebarang sebab kepada kumpulan UMNO Malaysia kerana permohonan mereka ditolak pada 10 Februari. Nampaknya hanya Dr. Mahathir dan rakan-rakannya—and bukan penentangnya—mengetahui bila UMNO lama dibatalkan pendaftarannya. Dengan itu membolehkan mereka dengan segera mengepakkan permohonan yang sah bagi UMNO (Baru). Zakiah, seorang pegawai awam yang bekerja di Kementerian Dalam Negeri di bawah Dr. Mahathir, tidak boleh dihubungi oleh pihak akhbar disepanjang peristiwa itu.

Dr. Mahathir secara senyap-senyap kini menjadi scorang pemimpin yang tidak lagi menaruh belas kasihan, dan tidak berapa menghormati golongan elit berpendidikan barat yang telah memimpin UMNO dan negara sepanjang sejarahnya. Apabila telah mengalahkan Team B dalam pemilihan pucuk pimpinan parti bulan April 1987, tanpa membuang waktu lalu beliau menyisihkan semua yang menyokong Team B daripada jawatan masing-masing dalam kerajaan. Sedang mereka yang lebih menyedari sepak terjang politik di bandar mungkin tidak senang dengan cara Dr. Mahathir itu, namun Perdana Menteri menikmati sokongan hebat daripada rakyat marhaen di kawasan luar bandar. Bagaimanapun Razaleigh juga mempunyai pengaruh yang luas di dalam masyarakat Melayu, dan dengan kekayaan daripada kumpulan syarikat keluarganya serta estet-estet harta tanah, beliau dapat menaung orang-orang yang setia kepadanya.

Asas politik Musa pula kurang terjamin. Bekas Timbalan Pendaftar Menteri yang telah berkhidmat lima tahun di bawah pentadbiran 2-M Dr. Mahathir, tidaklah terlalu kaya. Para penyokongnya lebih menghargai bakat dan karisma politiknya, tetapi beliau dikatakan bimbang kerana dengan perebutan Dr. Mahathir Razaleigh berterusan, politik Melayu diturunkan ke peringkat lebih peribadi dengan hanya sedikit perhatian terhadap masa depan parti.

Musa sebagaimana Abdullah telah menyeru secara terbuka supaya ahli-ahli UMNO menyokong kepimpinan Dr. Mahathir dalam UMNO (Baru). Bagaimanapun pada masa yang sama Musa dengan berhati-hati menambah bahawa sokongannya ‘tidak han-

ditafsirkan sebagai mengikut kepentingan peribadi atau individu, yang dikatakan merujuk kepada Dr. Mahathir dan Razaleigh.

Peraturan Baru

UMNO (Baru), yang baru sahaja ditubuhkan tetapi tetap unggul di dalam Barisan Nasional, telah memberi ruang kemenangan kepada para penyandang jawatan utamanya di dalam majlis tertinggi 35 orang ahli parti itu pada masa-masa akan datang. Di dalam perlumbagaannya yang dipinda, sebarang calon presiden atau timbalan presiden memperolehi 10 undi percuma untuk setiap pencalonan dari setiap bahagian—di samping undi-undi yang dibuat di dalam perhimpunan parti yang sebenarnya.

Ini adalah satu perubahan penting berbanding dengan perlumbagaan UMNO yang asal yang kini sudah diharamkan. Ini bererti di dalam UMNO (Baru) pencalonan sebenarnya diterjemahkan sebagai undi kelompok dan bukan khidmat janji sebelum pemilihan oleh bahagian-bahagian yang bimbang takut menyokong secara terbuka seseorang pencabar.

Perlumbagaan UMNO (Baru) yang telah dipinda membawakan pengajaran yang diperolehi daripada pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun 1987, apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengekalkan jawatannya sebagai presiden dengan majoriti hanya 43 undi mengalahkan lawannya Tengku Razaleigh Hamzah, sekalipun beliau dicalonkan oleh 88 daripada 133 bahagian UMNO. Sedangkan Razaleigh hanya menerima 37 pencalonan tetapi mampu meraih undi yang banyak iaitu hampir setengah undi perwakilan. Rakan Dr. Mahathir di dalam pertandingan itu, Ghafar Baba, telah diperakui oleh hampir sebanyak itu juga—76 daripada 133 bahagian—tetapi apabila undi daripada 1,479 wakil dihitung, Ghafar hanya memperolehi 40 undi menggantikan penyandang lama jawatan Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam. Di bawah peraturan UMNO (Baru) Dr. Mahathir akan dibekalkan awal-awal lagi dengan 880 undi dan Ghafar seharusnya mendapat 760 undi.

Pindaan terhadap perlumbagaan UMNO (Baru) itu sebagian daripadanya timbul daripada semakin kurang upaya ketua-tetua bahagian untuk menguatkuasakan disiplin pengundian di

kalangan para wakil. "Pembuangan undi adalah rahsia, namun di dalam beberapa kes yang melampau, adalah adil dikatakan yang ketua bahagian mengundi untuk seorang calon sedangkan 10 orang wakil dari bahagian yang sama mengundi pihak lawannya," kata seorang pekerja parti peringkat negeri.

"Sekalipun banyak pencalonan diterima, apabila tiba kepada pemilihan sebenarnya, undi tidak selari dengan jumlah pencalonan," tegas Dr. Mahathir. Ini tidak bererti yang rakyat di peringkat bawahan tidak menyokong calon-calon tetapi para wakil telah tidak memenuhi mandat yang diberikan kepada mereka oleh ahli-ahli bawahan.

Pindaan itu akan mengurangkan kuasa para wakil—and dengan itu, diharapkan oleh sesetengah pihak, dapat mengurangkan amalan membeli undi. Para pemimpin UMNO di setiap peringkat telah mengadu tentang 'politik wang' yang mula bersambah di dalam tiga pemilihan yang lalu, dengan berita angin bertiu kononnya harga beberapa undi yang tidak pasti di dalam pemilihan tahun 1987 bernilai beberapa juta ringgit terutama menjelang pembuangan undi. "Perlembagaan UMNO (Baru) itu sesungguhnya adalah hasil daripada perebutan yang sengit sejak beberapa tahun di dalam UMNO," ujar seorang penyokong Dr. Mahathir.

Di dalam UMNO (Baru) juga majlis tertingginya akan melantik Ketua Wanita dan Ketua Pemuda, bukan membiarkan mereka dipilih oleh perhimpunan masing-masing setiap dua tahun seperti yang sudah-sudah.

Ini secara tidak langsung memberikan kepada seorang presiden parti lebih banyak kebebasan untuk menyebarkan peruntukan dan pemberian—and ini berjanji akan mengubah cara pergerakan pemuda khususnya. Pergerakan Pemuda UMNO dalam segi tradisi bertindak sebagai kumpulan pendesak dalaman, yang mana pemimpin dan pendiriannya bebas daripada badan induk.

Namun sejak tahun 1982, apabila Anwar Ibrahim menjadi Ketua Pemuda, hubungan rapat dengan Dr. Mahathir mengikuti pergerakan itu dengan aliran utama parti. Dengan itu banyak membayangkan pandangan yang serupa. Malah beberapa pendiri yang ekstrim pergerakan itu dikatakan telah mendapat restu presiden parti.

Oleh kerana para pemimpin Pemuda dan Wanita pada masa lepas, secara tidak langsung akan terhutang budi kepada pemimpin utama kerana mendapat jawatan itu, sikap pemberontak tidak diperaktikkan lagi. Mungkin sebagai pampasan, setiap pergerakan kini berhak menghantar 30 orang wakil, bukan lima orang seperti dahulu, ke setiap perhimpunan agung.

Sikap Salam kepada Rakyat

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad beremu dengan rakyat dua kali dalam tempoh empat hari—sekuangnya-kurangnya di permukaannya—and memperolehi sokongan beliau kchendaki, walaupun di dalam bentuk yang terpimpin. Pada 5 Mac, UMNO (Baru) memenangi pilihanraya kecil Tanjung Duri di Johor yang ditandingi dengan hebat. Calon UMNO (Baru) mengalahkan Parti Sosialis Rakyat Malaysia, dengan majoriti 31 undi sahaja setelah dikira tiga kali. Jumlah pengundi yang keluar, hanya 58.9% adalah luar biasa rendahnya sekalipun untuk pilihanraya kecil. Sekitar 67% hadir di dalam pembuangan di sebelumnya dalam tahun 1986, dan kedua-dua parti faham ahawa kurangnya pengundi Melayu keluar bererti ada rasa tidak mas hati dengan UMNO dan kurangnya pengundi Cina hadir bererti satu kerugian kepada PSRM.

Kejayaan amat penting bagi UMNO (Baru) itu. Ini adalah kali pertama sejak keputusan mahkamah yang dramatik pada 4 Februari mengisyiharkan parti lama sebagai pertubuhan haram. Agaimanapun majoriti yang diterima oleh calon UMNO (Baru) untuk Yunos Sulaiman adalah lebih kecil daripada yang diperolehi dalam tahun 1986, ketika mana beliau memenangi pertandingan dengan kelebihan 506 undi melawan calon PSRM yang sama, Abdul Razak Ahmad, seorang peguam tempatan, di dalam perundingan tiga penjuru. Razak mencabar keputusan itu dan pada 4 Januari 1988, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pilihanraya itu batal kerana beberapa kesilapan teknikal di dalam tatacara pilihanraya.

Kali ini keputusan hanya diumumkan pada jam 4.00 pagi—setelah undi dihitung tiga kali. Dalam hitungan pertama Yunus mendapat majoriti 40 undi. Pegawai pengurus pilihanraya

tidak mengumumkan keputusan hitungan kedua, hanya berkata ada beberapa perkara yang kurang tepat, dan apabila akhirnya keputusan hitungan ketiga sampai, Yunos mendapat 10,181 undi dan Razak memperolehi 10,150 undi.

Sebaliknya pula, lawatan Dr. Mahathir ke Kelantan pada Mac adalah lebih merupakan satu langkah perhubungan awam ketika mana beliau melancarkan gerakan Semarak, singkatan bagi Setia Bersama Rakyat di dalam Bahasa Malaysia. Langkah itu bertujuan mendekatkan para pemimpin dengan rakyat di dalam matlamat bersama mencapai kemakmuran negara. Dr. Mahathir turut membantu membawa sebuah rumah kayu kampung ke tapak barunya dan kemudiannya menghadiahkannya kepada seorang balu.

Pilihanraya kecil negeri dan pelancaran Semarak itu penting kerana kedua-duanya berlaku di kubu lawan politik Dr. Mahathir sendiri. Johor adalah pengkalan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dan corak undi Melayu di sana dianggap pertanda sejauh mana penyokong UMNO (baru) peringkat negeri bersedia untuk bertolak ansur setelah tersingkirnya Musa daripada rakan-rakan daripada barisan pemimpin Dr. Mahathir di dalam parti baru itu. Musa, yang hadir untuk berkempen bagi UMNO Baru, jelas sekali tidak menyertai Tengku Razaleigh Hamzah dalam usaha menubuhkan parti lawan kepada parti Dr. Mahathir.

Para pemerhati lebih hairan dengan sambutan yang diterima oleh Dr. Mahathir di Kelantan—negeri asal Razaleigh. Perhimpunan orang ramai di Kelantan memberikan sambutan besar-besaran lengkap dengan nasi kunyit dan bunga emas. Dr. Mahathir telah dihadiahkan dengan tengkolok pahlawan, dan isterinya diturima sebagai Ibu—tanda kasih sayang dan hormat. Anchnya pulak walaupun bertentangan dengan tujuan kempen Semarak, kehadiran polis rusuhan telah mengasingkan rakyat jelata daripada pemimpin mereka. Keselamatan perlu dijaga kerana ada berita angin, dibayangkan sendiri oleh Dr. Mahathir, yang nyawanya dalam bahaya di Kelantan.

Satu lagi berita angin tersebar ialah baginda Sultan Kelantan—seorang saudara kepada Razaleigh—akan merasmikan sambutan perhimpunan lain pada ketika yang hampir serentak dengan sambutan Dr. Mahathir dikatakan akan bertemu dengan ahli-ahli Exco negara.

untuk melihat sejauh mana kesetiaan mereka. Ketika menafikan berita angin itu, seorang ahli politik Kelantan mencadangkan bahwa ini mungkin cara orang Kelantan sekurang-kurangnya menyayangkan kecenggahan untuk menghadiri perhimpunan Dr. Mahathir, walaupun bukan sebenarnya memulaukannya.



Dr. Mahathir serius mendengar pandangan Datuk Mohamed Rahmat menyusun strategi



Dr. Mahathir menjulang tangan para pemenang bina badan Mr. Universe di

PINDAAN UNDANG-UNDANG

"Orang yang tidak melakukan kesalahan hanyalah orang yang tidak pernah melakukan apa-apa. Jangan takut melakukan kesalahan, dengan syarat jangan mengulangi sesuatu kesalahan."

— Roosevelt

PERJUANGAN untuk menguasai parti politik utama Malaysia serta kesetiaan para penyokong Melayunya berlaku serentak dibagai peringkat—di mahkamah, di Parlimen dan di peringkat awan. Hampir setahun musuh-musuh politik Perdana Menteri mulang alik ke mahkamah untuk cuba menjatuhkan beliau dari usia.

Mula-mula datang satu cabaran guaman (saman) terhadap umihan semula beliau dalam bulan April 1987 sebagai presiden UMNO kerana ada wakil yang mengundi datang dari cawangan-wangan yang tidak sah. Oleh kerana itu melanggar Akta Pertubuhan, UMNO diisyiharkan haram. Disebabkan hakim enggan membuat keputusan hanya di atas pemilihan itu sahaja, maka para pemberontak di dalam UMNO mengemukakan satu rayuan kepada Mahkamah Agung. Sementara itu para pemberontak lain membantah pendaftaran parti baru Dr. Mahathir, UMNO Baru.

Kini, untuk membalasnya Perdana Menteri juga menggunakan undang-undang. Beliau mengubahnya. Dalam satu mesyuarat secipar Kabinet pada 14 Mac 1988, Dr. Mahathir membentuk rang pindaan bukan sahaja ke atas Akta Pertubuhan tetapi ke atas Perlumbagaan sendiri. Bersedia untuk tindakan gu-

man selanjutnya yang diramalkan daripada ahli-ahli UMNO lama yang kecewa, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Megat Junid Megat Ayub—yang ketuanya sebagai Menteri Dalam Negeri ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Dr. Mahathir Mohamad sendiri—pada 15 Mac membentangkan pindaan ke atas Akta Pertubuhan yang membenarkan perpindahan dengan licin aset pertubuhan lama kepada UMNO Baru yang baru ditubuhkan. "Pindaan itu benar-benar bijak dan memperkuatkan kedudukan Dr. Mahathir," kata Ahli Parlimen Abdullah Ahmad, seorang penyokong Perdana Menteri.

Di bawah satu peruntukan dalam Akta Pertubuhan yang dipinda itu, hanya cawangan yang tidak berdaftar perlu diisyiharkan tidak sah, dan bukan seluruh pertubuhan. Satu peruntukan membenarkan perpindahan aset sebuah pertubuhan lama kepada pertubuhan baru kalau kedua-duanya memiliki piagam dan keanggotaan yang sama. Undang-undang ini akan membolehkan UMNO Baru memiliki beratus-juta aset UMNO yang dikumpul sejak beberapa tahun. Ia juga akan menghalang tindakan guaman oleh para pemerontak dari parti lama untuk mendapatkan kepentingan pemergaan yang begitu meluas.

Lawan-lawan Dr. Mahathir dari UMNO lama telah melancarkan satu siri serangan melalui mahkamah sejak parti itu dibatalkan pendaftaran pada 4 Februari dan mengemukakan tuntutan ke atas perbagai harta dan saham milik UMNO adalah langkah seterusnya yang logik—kecuali tidak ada orang di luar inti kepimpinan benar-benar mengetahui sama ada ini akan menjadi aset atau beban setelah dihitung. Dengan itu pindaan itu mencadangkan supaya ahli-ahli yang membantah susunan perpindahan aset itu akan dibersamai pampasan sahamnya di dalam seluruh aset pertubuhan lama. Bagaimanapun sekiranya terkesan di dalam tempoh enam tahun daripada permohonannya pertubuhan itu didapat ada berhutang yang tidak diumumkan lebih dahulu, orang berkenaan akan bertanggungjawab untuk membayar bahagian hutangnya pula.

Pindaan itu juga akan menjaminkan yang peristiwa 4 Februari tidak akan berulang. Ia mencadangkan bahawa hanya sesetengah cawangan dan bukan keseluruhan sesebuah pertubuhan akan dianggap haram sekiranya sesebuah pertubuhan membuka cawangan-cawangan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Pendai-

pertubuhan. Turut dibentangkan ialah satu peruntukan baru memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membuat pertimbangan bagi menentukan sama ada seseorang yang mahu memeriksa dokumen-dokumen menjalankan kerja itu untuk satu tujuan yang sah dan bawa pemeriksaan sedemikian ‘bukan dilakukan atau bagi mewakili sesebuah pertubuhan yang tidak sah.’ Ini sebenarnya akan menghalang para penentang Dr. Mahathir daripada menyelidik dokumen-dokumen berhubung dengan UMNO lama.

Pindaan itu juga mengemukakan satu fasal baru menjadikan satu kesalahan, yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun, bagi sesiapa bertindak bagi pihak, atau mewakili sebuah pertubuhan haram atau ahli-ahli jawatankuasa, kecuali untuk mendak berhubung dengan tatacara mahkamah. Satu peruntukan memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk memperuntukkan kes-kes ke mahkamah dan kepada hakim pilihannya. Satu lagi memindahkan kepada kerajaan kuasa untuk menentukan bidang putus dan kuasa Mahkamah Tinggi. Dalam beberapa bulan kebelakangan Dr. Mahathir secara terbuka mengkritik beberapa orang ahli dalam kes-kes yang menyalahkan kerajaan.

Pindaan-pindaan perlombagaan adalah lebih rumit bagi Dr. Mahathir—tapi tidaklah terlalu rumit. Di samping memerlukan majoriti dua pertiga di dalam Parlimen, perubahan-perubahan masih dipersembahkan untuk pengesahan oleh Duli Yang Muli Paduka Baginda Yang diPertuan Agong.

Langkah-langkah ‘untuk menutup semua lubang kelemahan undang-undang’ itu sebagaimana kata seorang peguam, dikemukakan hanya empat hari setelah Dr. Mahathir memenangi apa yang mengancam menjadi satu perang perwakilan di Kelantan, Pantai Barat, kampung halaman lawan peribadinya, Tengku Razaleigh Zah. Tanpa harapan untuk mendapat sokongan daripada rakan Razaleigh di dalam Dewan Undangan Negeri, parti pembangkang Parti Islam (PAS) gagal untuk memecatkan Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Mohamad Yaacob menerusi satu usul tidak sah pada 12 Mac 1988.

Tindakan PAS selari dengan peranannya sebagai pembangsa. Ia tidak kerugian kalau gagal, dan akan beruntung besar berjaya. Kejayaan bagaimanapun bergantung sepenuhnya pada sokongan daripada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang

menyokong Razaleigh. Menteri Besar Mohamad Yaacob adalah orang Dr. Mahathir di Kelantan dan usul itu dilihat sebagai satu perlawanan perwakilan di antara dua puak UMNO itu.

Bagaimanapun apabila sampai saat-saat yang cukup genting, disiplin parti mengatasi perbalahan dalaman dan semua 28 orang ahli Dewan Undangan Negeri dari UMNO tidak termasuk Speaker yang tidak mempunyai hak mengundi—memilih untuk menyokong Mohamad Ya'kub. Jadi usul tidak percaya yang dibawa oleh Timbalan Ketua PAS Negeri Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman itu gagal menjatuhkan Menteri Besar yang menjadi orang kuat Dr. Mahathir di Kelantan.

Pada permukaannya, Razaleigh nampak seperti mengalami hakisan pengaruh di tempat sendiri. Namun menurut seorang penyokong, Razaleigh sendiri telah mengarahkannya agar menyokong Mohamed. Oleh kerana langkah-langkah guaman sedang diambil untuk menyekat perkembangan lanjut UMNO (Baru) yang baru ditubuhkan oleh Dr. Mahathir, dan memulihkan UMNO lama, beliau berpendapat yang Razaleigh mahu menggunakan segala ruang guaman sebelum menimbangkan langkah melampau sedemikian.

Dua taktik utama Razaleigh untuk memulihkan semula UMNO telah disekat. Pada 10 Mac, bekas Menteri Luar, Datuk Rais Yatim, seorang rakan Razaleigh meminta perintah mahkamah untuk membenarkan kumpulan anti-Dr. Mahathir mencabar keputusan Pendaftaran Pertubuhan yang menolak permohonan kumpulan itu untuk menubuhkan UMNO Malaysia sedangkan kemudianya meluluskan pendaftaran UMNO Baru. Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan itu untuk menunggu satu wapan daripada Menteri Dalam Negeri—Dr. Mahathir sendiri terhadap rayuan itu. Satu bentuk lagi serangan ialah—satu cabang guaman terhadap harta parti lama, kini nampaknya disekat oleh langkah yang diambil oleh Perdana Menteri di Parlimen.

Pada 14 Mac, Dr. Mahathir mengesahkan penyisihan Razaleigh daripada UMNO baru bersama dengan sekitar 100 orang ahli UMNO lama yang kini sudah dimansuhkan.

Sekalipun usul tidak percaya bukan pertama kalinya di Ketuanan, bagi PAS langkah itu mungkin membawa kemanisan masyarakat balas dendam. PAS telah mengemukakan undi tidak percaya

hadap Menteri Besar ketika itu, Datuk Mohamad Nasir. Beliau adalah seorang pemimpin PAS yang diperakui oleh UMNO sebagai rakan di dalam Barisan Nasional yang memerintah—ketika mana PAS menjadi salah sebuah parti komponennya antara tahun 1974–1977. Kerajaan Persekutuan dengan segera mengisyiharkan perintah darurat dan Dewan Undangan Negeri digantung. Apabila pemerintahan awam dipulihkan dan pilihanraya umum dijalankan dalam tahun 1978, UMNO berjaya menawan Kelantan daripada PAS, kali pertama dalam tempoh 20 tahun.

Kini PAS mahu mempergunakan perpecahan di dalam UMNO, sebagaimana UMNO dulu memecahkan PAS apabila ia menyokong Mohamed Nasir, yang kemudiannya menubuhkan parti serpihan, Berjasa. Penyertaan Berjasa di dalam pilihanraya umum 1978 mengurangkan undi PAS, membawa kepada kejayaan untuk UMNO. Oleh kerana PAS memenangi 46.3% undi popular di Kelantan di dalam pilihanraya umum dalam tahun 1986, ia amat yakin akan dapat bertahan dalam pilihanraya akan datang. PAS berharap sejarah akan berulang—and kali ini diharapkan akan memihak kepada PAS.

Dalam persidangan itu, PAS menghujahkan bahawa Baginda Sultan telah melantik Menteri Besar Mohamed Yaakub sebagai seseorang yang mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri, setelah dipilih sebagai calon UMNO dalam pilihanraya umum 1986 dan selaku pemimpin Barisan Nasional. Bagaimanapun oleh kerana UMNO tidak ada lagi, Mohamad sudah hilang mandat. Sebagaimana selalunya di dalam taktik politik Melayu, Razaleigh sendiri berlepas ke Makkah untuk menunaikan umrah pada 8 Mac—satu pertanda pertama bagi PAS yang ia akan berdiri sendiri.

Pada awalnya PAS diberitahu yang ia bolehlah mengharapkan sokongan daripada sekurang-kurangnya 10 orang penyokong Razaleigh, malah mungkin 16 orang. Para penyokong Dr. Mahathir pula berkata, hanya tiga orang terus setia sepenuhnya kepada Razaleigh, sementara pihak Razaleigh mengira 13 orang sebagai maksimum daripada 26 orang ahli UMNO di Dewan Undangan Negeri.

Semasa perbahasan di dalam dewan, ahli-ahli yang setia kepada Menteri Besar Mohamed Yaakob, mencemuh PAS kerana

'menangguk di air keruh'. Seorang ahli Dewan menjelaskan sekali-pun ada masalah dalam parti, tidak ada orang UMNO yang akan menyokong PAS, musuhnya sejak 30 tahun lalu dan di bawah perintah PAS-lah ahli-ahli UMNO tertindas selama 20 tahun. Ini lebih-lebih lagi hakikatnya bagi orang-orang Razaleigh dulu yang mendapat pujian kerana memenangi Kelantan untuk UMNO dan merosakkan itu sekarang juga akan merosakkan kewibawaannya di kalangan para pengikut bawahan.

Ahli PAS di Dewan itu, Halim Abdul Rahman berkata parti nya mahu 'mempergunakan masalah-masalah parti yang memerintah itu'. Menteri Besar Mohamed Yacob, seorang penyokong Perdana Menteri mengisyiharkan, "Sebarang keraguan terhadap sokongan yang saya nikmati telah dihapuskan. Ini bukan sahaja undi keyakinan terhadap saya, tetapi juga undi keyakinan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir."

Kenapa puak Razaleigh tidak mengundi menyokong PAS? Rakan-rakan Dr. Mahathir di Kelantan mendakwa kumpulan itu sebenarnya mengira tidak lebih daripada enam undi di dalam Dewan dan daripada mendapat malu kalau kalah, akhirnya memutus untuk menyokong kerajaan negeri. Bagaimanapun orang-orang Razaleigh berkata, beberapa hari sebelum mengundi, pemimpin mereka mengarahkan mereka agar jangan menyokong usul PAS. "Kalau orang-orangnya menyokong PAS dan menggulingkan kerajaan, itu akan merupakan berpatah arang di antara Razaleigh dengan UMNO," kata seorang pemerhati Kelantan. Di pihak mereka, rakan-rakan Razaleigh menegaskan yang mereka hanya kalah di dalam satu dua pertempuran, bukan di dalam perperangan. Kata seorang pula; "Ada waktunya kita harus merempuh, dan ada kalanya kita menyembunyikan senjata kita yang paling bisa."

Tindakan-tindakan Guaman Berterusan

PERANG saraf politik dan guaman berterusan di antara parti pemimpin UMNO Baru dan lawan politik mereka dan bekas pemimpin yang mungkin tidak akan diterima keanggotaan mereka dalam UMNO Baru. Pada 1 April 1988, dua orang bekas Perdana Menteri dan seorang bekas Menteri Pertanian memohon kepada mahkamah untuk satu perintah larangan bagi menyekat as-

UMNO yang telah dibatalkan pendaftarannya daripada dipindahkan ke UMNO (Baru) dan mencegah UMNO (Baru) dari pada mengambil ahli dari kalangan ahli parti asal.

Permohonan itu dikemukakan oleh bekas Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman dan bekas Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn, dan Datuk Manan Othman. Mereka menamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Presiden protem UMNO (Baru) dan Setiausaha Agung protem, Datuk Mohamed Rahmat sebagai defenden.

Parlimen telahpun meminda Akta Pertubuhan dalam bulan Mac untuk membolehkan pemindahan aset sedemikian dengan syarat majoriti ahli di dalam sesbuah pertubuhan baru terdiri dari pada ahli-ahli pertubuhan lama. Namun pada 7 Mac, Dr. Mahathir berkata sebilangan mereka yang mengancam penubuhan UMNO (Baru) tidak akan diterima sebagai ahli. Ini akan termasuk Tengku Razaleigh Hamzah yang gagal mencabar Dr. Mahathir untuk jawatan presiden dalam bulan April 1987. Ia juga boleh termasuk Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein. Kedua-duanya terlibat di dalam percubaan menubuhkan UMNO Malaysia, setelah mahkamah mengisyiharkan UMNO sebuah badan haram.

Bekas ahli-ahli UMNO yang tidak diterima menjadi ahli UMNO (Baru) sudah tentu akan "terpaksa hilang saham mereka yang sah di dalam aset itu," kata Tunku. Tambahnya, "Para pengasas UMNO bukan semata-mata mengasaskannya, malah sebenarnya membayarinya juga." Beliau sendiri terpaksa menjual 14 buah rumah kedai dan beberapa harta peribadi untuk membekalkan UMNO dengan modal sewaktu diasaskan dulu.

Bagaimanapun lebih daripada sekadar isu harta, UMNO adalah sebuah parti Melayu yang terbuka kepada semua orang-orang Melayu. Tunku menegaskan. "Percubaan untuk mengasingkan sebilangan orang Melayu seperti saya sendiri dan beberapa orang yang lain, akan bererti...yang UMNO (Baru) sama sekali tidak merupakan satu pengganti kepada UMNO. Ia adalah satu lembaga yang tidak diketahui oleh kita, orang Melayu.

Sekalipun ada tindakan seumpama itu dan beberapa tindakan suaman yang masih menunggu untuk dilaksanakan, UMNO (Baru) memperkuatkannya dirinya. Menjelang 3 April majlis tertinggi protemnya telah meluluskan barisan protem lengkap bagi

negeri-negeri, menggugurkan 33 dari 133 ketua bahagian asal yang dipilih. Kebanyakannya dapat dikenalpasti di dalam kumpulan Razaleigh atau dikaitkan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, yang bertanding di dalam pemilihan pimpin parti sebagai rakan Razaleigh. Musa sendiri kekal sebagai ketua bahagian sementara Razaleigh telah digugurkan.

Sementara itu cabaran kepada Dr. Mahathir jelas sekali semakin rancak di negeri Razaleigh, Kelantan. Pada 30 Mac, Menteri Besar, Datuk Mohamed Yaacob digugurkan daripada senarai tamu untuk upacara tradisi mengangkat sumpah kesetiaan kepada DYMM Baginda Sultan Kelantan. Menurut seorang ahli politik Kelantan, baginda Sultan berpendapat Mohamed telah melampaui batas kerana berikrar ‘kesetiaan tidak berbelah bagi’ kepada Dr. Mahathir di dalam satu perhimpunan raksasa untuk melancarkan kempen SEMARAK dalam bulan Mac. Jelas sekali baginda Sultan berpendapat sebarang ikrar selepas itu kepada baginda sendiri sudah tidak bermakna.

Di dalam titah ucapan baginda, DYMM Sultan, yang ada hubungan darah dengan Razaleigh dan selaku ketua agama Islam negeri, menyatakan kebimbangan kerana rakyat diminta mendewakan para pemimpin. Kata baginda, itu bertentangan dengan Islam. Baginda jelas sekali merujuk kepada Dr. Mahathir, yang menjadi tumpuan perhimpunan SEMARAK.

Kemudiannya pada 1 April, dalam satu majlis diraja yang lain, satu perhimpunan sekitar 5,000 hingga 7,000 yang cukup riuh rendah tetapi tidaklah dalam keadaan tegang meneriakkan slogan menentang Dr. Mahathir dan Mohamed Yaacob dan menyokong Razaleigh. Mereka yang terlampau ganas telah ditahan, dan perhimpunan itu bubar dengan aman. Yang hadir di perhimpunan itu jelas sekali puas hati kerana telah meneriakkan protes mereka. Bagaimanapun para pencabar Dr. Mahathir mengalami suatu tamanparan pada 12 April apabila Mahkamah Tinggi menolak satu permohonan oleh dua orang bekas Perdana Menteri bagi perintah larangan dari mahkamah untuk menahan UMNO (Baru) pimpinan oleh Dr. Mahathir daripada mendaftarkan ahli-ahli parti.

Di dalam kenyataan singkatnya di hadapan mahkamah yang penuh sesak, Hakim Datuk Ajaib Singh berkata, “tidak ada kewajaran bagi UMNO Malaysia, yang kewujudannya tidak me-

uentu, untuk mengambil tindakan terhadap UMNO (Baru). Setelah berdaftar UMNO (Baru) sekadar melaksanakan tidak lebih daripada apa yang merupakan tujuan dan hasrat yang sah baginya sebagai sebuah parti politik yang sah," kata Ajaib Singh. Hakim membenarkan tindakan UMNO (Baru) mengedarkan borang keahlian itu. Peguam bagi UMNO (Baru), Zaki Tun Azmi menghujahkan bahawa 'bukanlah urusan pihak plaintif' untuk memberi arahan kepada pelanggannya tentang apa yang harus dilakukan.

Menyentuh isu penting tentang aset dan tanggungan, pindaan terbaru terhadap Akta Pertubuhan memperuntukan 'perlindungan secukupnya' kepada bekas ahli UMNO, kata Ajaib, tanpa membabitkan hujah Raja Azmi Addruce, peguambela pihak plaintif tentang kebimbangan mereka, yang mereka tidak lagi dapat menikmati saham di dalam aset itu. Merujuk kepada perintah larangan menahan para pemimpin UMNO (Baru) daripada membuat kenyataan tentang UMNO Malaysia, Ajaib berkata, "Ini salah dan melampau dengan adanya jaminan perlembagaan terhadap kebebasan bercakap. Parti-parti politik bebas membuat kenyataan tentang perkara-perkara yang melibatkan orang ramai."



Apabila nafsu menguasai pemikiran ahli politik, maka tindakannya sukar diterima lagi.



Tokoh-tokoh Gagasan Rakyat megah menayangkan manifesto "Selamatkan Malaysia"

PINDAAN PERLEMBAGAAN DILULUSKAN

"Siapa memberitahu anda yang ia tidak dapat dilakukan? Dan kejayaan agung apakah yang dimilikinya untuk memberi hak kepadanya untuk menggunakan perkataan 'mustahil' dengan begitu bebas?"

— Falsafah

PERDANA Menteri membentangkan pindaan perlembagaan akoran beberapa kes dalam mana mahkamah membuat keputusan menentang kerajaan. Ketika membentangkan pindaan-pindaan itu, Dr. Mahathir berkata, kini 'batas di antara kuasa kehakiman dan eksekutif tidak jelas. Ada perkara-perkara yang dianggap kuasa-kuasa mutlak pihak eksekutif dianggap terbuka kepada gangguan kehakiman.'

Sekali lagi tanpa mengebut nama, Dr. Mahathir secara tidak langsung mencela Hakim Poh Swee Chin di Mahkamah Tinggi Johor, kerana telah menyebut di dalam keputusannya membebaskan anggota DAP Karpal Singh pada 9 Mac, yang kesilapan fakta di dalam kertas tuduhan membayangkan 'sikap sambil lewa dan ngikuh' Menteri Dalam Negeri sehingga membawa kepada malaikat (niat buruk). Frasa itu sebenarnya datang daripada hujah pembebasan Karpal, namun Dr. Mahathir—yang menjadi Menteri Dalam Negeri—menghujahkan itu adalah satu perkara serius yang berrosakkan nama (Menteri berkenaan).'

"Kita tidak berhasrat menjadi hakim," kata Dr. Mahathir. "Tujuannya semata-mata menentukan 'para hakim melaksanakan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen, dan bukan membuat undang-undang sendiri sebagaimana yang berlaku sekarang." Beliau mengingatkan yang seorang hakim telah membuat keputusan bahawa seorang menteri tidak boleh mengecewakan seseorang individu di dalam harapannya untuk bekerja sepenuh masa mengikut permit kerjanya, dan selepas itu membaharuinya—satu rujukan khusus kepada keputusan Mahkamah Agung untuk mengenepikan pembatalan permit kerja yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap dua orang wartawan Asia Wall Street Journal dalam tahun 1986, kemudiannya mengusir mereka. Namun jelas sekali, kata Dr. Mahathir, seorang menteri mungkin kecewa di dalam harapannya.

Satu lagi keputusan penghakiman yang jelas sekali menimbulkan kemarahan Dr. Mahathir ialah keputusan Mahkamah Agung dalam bulan Ogos 1987 membenarkan satu larangan mahkamah untuk menyekat United Engineers Malaysia—sebuah syarikat binaan yang secara tidak langsung dikawal oleh UMNO yang kini sudah dibatalkan pendaftarannya—daripada menandatangani satu kontrak yang kontroversial dengan kerajaan untuk membina projek lebuh raya utara selatan (PLUS) berharga \$3.4 ribu juta ringgit. Pindaan-pindaan itu dengan segera menimbulkan reaksi kuat daripada pihak pembangkang dan para peguam. 'Memindai perlembagaan adalah satu kerja yang serius dan murni' yang tidak boleh dijalankan "dengan sama sekali tidak menghormati serta menghina pihak kehakiman," kata Pemangku Setiausaha Agung DAP, Lee Lam Thye.

Kejayaan bagi Dr. Mahathir tiba pada 18 Mac apabila Parlimen meluluskan pindaan untuk mengurangkan kuasa yang dulunya diberikan kepada Mahkamah Tinggi dan mahkamah di bawahnya—menghapuskan hak mereka mentafsirkan undang-undang, meninggalkan hanya hak untuk mencapai keputusan dan menjatuhkan hukuman yang diperlukan.

Di dalam perlembagaan yang ada dimulakan dengan ketaraan bahawa Kuasa Kehakiman Persekutuan 'akan diserahterahkan kepada dua Mahkamah Tinggi untuk menyelaraskan bidang kuasa dan status, iaitu a) Mahkamah Tinggi di Malaya; dan b) Mahkamah

Tinggi di Bornco; dan Mahkamah Rendah sebagaimana diperuntukkan oleh Undang-Undang Persekutuan.

Pindaan itu meminta kuasa untuk menggantikan perkataan Kuasa Kehakiman Persekutuan akan diserahkan' supaya menjadi 'Akan ada...' dua Mahkamah Tinggi. Ia juga meminta kuasa untuk menggantikan perkataan 'dan di Mahkamah-Mahkamah Rendah sedemikian yang diperuntukkan oleh Undang-Undang Persekutuan, dengan 'dan Mahkamah-Mahkamah Rendah sedemikian sebagaimana diperuntukkan Undang-Undang Persekutuan; dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi akan mempunyai bidang kuasa yang kuasa sebagaimana dianugerahkan di bawah Undang-Undang Persekutuan.'

Dengan itu apa yang dikehendaki oleh pihak eksekutif ialah penghapusan kuasa kehakiman mahkamah—yang diberikan oleh perlembagaan pada asalnya—dengan memindahkan perlembagaan itu ke sisi mahkamah. Pihak eksekutif menerusi undang-undang dibuat di Parlimen, dengan itu akan menganugerahkan kepada mahkamah baru dan terhad. Bagaimanapun, pihak mahkamah masih belum pasti bagaimana sebenarnya mahkamah akan bergerak.

Pindaan perlembagaan tersebut memerlukan kelulusan oleh majoriti dua pertiga di dalam Parlimen dan ini—pindaan ke-27 ke-28 perlembagaan berusia 30 tahun itu—diluluskan oleh 142 dan angkang oleh 18 undi, setelah dibahaskan selama dua hari. Sebanyak 17 orang Ahli Parlimen tidak hadir, termasuk tujuh orang dari Parlimen DAP yang berada dalam tahanan di bawah ISA. Parlimen juga meluluskan menerusi satu undi suara yang mudah, pindaan-pindaan terhadap Akta Pertubuhan, 1966, yang akan membantu UMNO Baru menguasai aset parti sebelumnya yang diharamkan. Langkah itu menghalang tindakan mahkamah lawan-lawan politik Dr. Mahathir.

Pindaan-pindaan perlembagaan juga menambah kuasa Pemerintah Negara, membenarkan beliau menentukan tempat bagi kesama ada Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi. Ini sekali sebagai jawapan kepada keputusan Hakim Zakaria dalam tahun 1987 yang mengatakan adalah bertentangan dengan Perlembagaan bagi pendakwaraya memindahkan satu kes Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi. (Kes itu melibatkan Yap Peng, didakwa atas tuduhan pecah amanah.) Pendak-

waraya telah merayu kepada Mahkamah Agung yang juga menolak rayuan itu.

Dua pindaan itu dikatakan akan melemahkan pihak kehakiman sekalipun yang pertama lebih mendalam kesannya. Seksyen 121 sekarang memberikan satu peraturan yang menyeluruh bahawa hakim-hakim dan majistret tidak lagi mentafsirkan undang-undang. Mereka hanya memutuskan sama ada seseorang itu bersalah atau tidak, dan menjatuhkan hukuman yang diperuntukan oleh perundangan. Satu fasal baru mengkhususkan bahawa mahkamah-mahkamah itu tidak boleh membicarakan kes-kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Bagaimanapun Mahkamah Agung, iaitu mahkamah tertinggi untuk rayuan tidak disebut dalam pindaan itu dan dianggap sebagai terkecuali daripada peraturan itu.

Sebenarnya Dr. Mahathir membayangkan rancangan untuk menggubal undang-undang Disember 1987 lagi, tetapi ketika itu tidak ada yang memahami bagaimana beliau muh melaksanakannya. Secara sedikit demi sedikit, pindaan-pindaan ke atas beberapa undang-undang ketika itu—Akta Percetakan dan Penerbitan—Akta Rahsia Rasmi dan Akta Polis—menentukan hukuman penjara mandatori dan menaikkan denda minima. Lebih utam lagi, ini juga memberikan peruntukan yang mengatakan keputusan menteri berkenaan adalah muktamad.

Dua lagi fasal penting di dalam pindaan-pindaan itu menyertu perihal imigresyen dan tanah. Dalam pindaan pertama, orang asing ditahan kerana kesalahan imigresyen kini boleh ditahan selama 14 hari, bukan lagi 24 jam sebelum dihadapkan ke mahkamah. Ini difikirkan bertujuan khusus untuk para pekerja imigran Indonesia, yang seringkali memerlukan waktu untuk mengensi diri mereka. Pindaan kedua memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan membeli pada harga pasaran, mana-mana tanah kepunyaan Kerajaan Negeri untuk tujuan Persekutuan. Sekiranya tanah itu tidak lagi diperlukan Kerajaan Persekutuan boleh menjualnya kepada pihak ketiga, selaras dengan dasar penswastaan.

Sebagai pendamai di dalam pertikaian di antara warganegara dan negara, "Mahkamah memainkan peranan pelindung hak kebebasan warganegara daripada sebarang gangguan ke atas mereka oleh jentera perundangan dan eksekutif kerajaan," kata P-

Majlis Peguam, Param Cumaraswamy yang tamat tempoh kerkhidmatannya. "Apabila kuasa kehakiman dihapuskan daripada tangan kehakimah, jalan ke arah pemerintahan diktator terbuka luas."

Chandra Muzaffar, Presiden Aliran—di kalangan orang-orang ditahan di dalam bulan Oktober tetapi kini dibebaskan—berata, "Pihak kehakiman tidak akan dapat meneliti tindakan eksekutif. Warganegara biasa tidak ada perlindungan." Peristiwa baru ini telah menunjukkan bahawa kesediaan beberapa orang hakim untuk menggunakan kuasa dan hak yang diberikan oleh perlembagaan kepada mereka, maka beberapa ketidakadilan yang berat dapat diatasi sedikit sebanyak," katanya.

Persaingan di antara pihak eksekutif dan kehakiman timbul berdasarkan pada apa yang nampaknya pandangan berbeza tentang di mana benarnya kuasa terletak. Sedang para hakim telah sentiasa menunjung keluhuran perlembagaan, Dr. Mahathir lebih suka kalau Parlimen menjadi punca kuasa utama. Beliau membayangkan demikian apabila membandingkan Parlimen Malaysia dengan Parlimen British, yang keputusannya muktamad, dan di mana yang terpaksa menerima keputusan itu tanpa membuat tafsiran yang beranggahan." Sedangkan di Malaysia, "perlembagaan bertulis sangat bergantung kepada kuasa bebas pihak kehakiman yang kadangkala berubah dan berbeza di antara seorang hakim dengan hakim yang lain."

Sebagai rumusan sekali lagi Dr. Mahathir menegaskan, "Parlimen British adalah yang agung, apakah salahnya kalau dalam merangka undang-undang di Malaysia, Parlimen diberi kuasa yang sama." Dr. Mahathir mahu pihak kehakiman terikat oleh Undang-Undang Persekutuan yang bertulis, merujuk kepada tata-sebelumnya di dalam undang-undang British. Kebudayaan British berbeza dengan kebudayaan Malaysia. "Apakah konsep adil dan semulajadi mereka lebih penting daripada undang-undang kita?" beliau menuntut jawapan. "Kita menerima demokrasi tetapi tak mahu menerima segala yang mereka (orang British) anggap sebagai demokratik."

Pindaan kepada Seksyen 121 Perlembagaan Persekutuan berkenaan kuasa kehakiman tidak lagi secara khusus berada di tangan hakim. Beberapa kes guaman tertentu tidak dapat dicabar oleh tangan kehakimah.

Sesi Parlimen bulan Mac 1988 memang telah menyaksikan beberapa pindaan ke atas undang-undang agung negara ini iaitu Perlembagaan. Sebilangannya menimbulkan sekadar beberapa riau. Di antaranya; pindaan terhadap Akta Pertubuhan dan pindaan terhadap Seksyen 121 dan Seksyen 145 Perlembagaan Persekutuan. Yang kemudiannya melibatkan pihak kehakiman dan perubahan terhadap Seksyen 121 adalah yang menarik banyak perhatian.

Sejak merdeka, sistem perlembagaan Malaysia telah berasaskan doktrin pengasingan kuasa di antara tiga bahagian yang sama tara di dalam kerajaan, iaitu legislatif (perundangan), eksekutif dan kehakiman. Perlembagaan memberikan bidang kuasa khusus kepada masing-masingnya, sedangkan dari segi teori bergantung di antara satu sama lain, dan diharap melaksanakan tugas secara simbiotik.

Dari satu segi pihak kehakiman memegang kuasa terpenting dalam erti ialah yang membuat undang-undang dan mahkamah menggunakan atau mentafsirkannya. Sebagai mana dikatakan oleh seorang juris English terkenal, Lord Denning berkata: "Parlimen dapat kalau mahu, mengubah yang hitam menjadi putih." Dan perlembagaan bertindak sebagai penimbang tara. Bagaimanapun, ada kepercayaan yang dipegang bahawa pihak perundangan tidak akan melakukan sesuatu yang 'dari segi moralnya menjijikkan.'

Pindaan ke atas Seksyen 121 Perlembagaan telah mengubah keadaan. Kalau dulu seksyen itu dengan jelas mentafsirkan suatu entiti seperti 'kuasa kehakiman', seksyen yang dipinda tidak mengandungi lagi perkataan itu. Sebaliknya ia menegaskan bahawa 'Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah akan membuat kuasa demikian diberikan di bawah Undang-Undang Persekutuan.'

Implikasinya: pihak kehakiman tidak lagi menjadi penturutungan proses guaman negara ini. Ia juga dengan berkesan mengubah doktrin pengasingan kuasa, kerana dengan itu tidak ada lagi apa yang dinamakan kuasa kehakiman. Seorang peguam mengatakan, "Sebelum ini semua tiga cawangan kerajaan adalah setara dan kini satu daripadanya kurang setara dengan yang lain."

'Kuasa kehakiman' bukanlah satu konsep kabur. Dalam satu keputusan penting tahun lalu, Mahkamah Agung dengan majoriti 3-2 membatalkan satu Seksyen 418A Kanun Tatacara Jenayah yang berlawanan dengan Perlembagaan, kerana ia menyanggahi da-

bertentangan dengan Artikel 121(1) Perlembagaan. Alasannya: tafsir yang berkenaan mencerobohi bidang kuasa kehakiman.

Tan Sri Eusoffe Abdoelcader mentafsirkan kuasa kehakiman sebagai 'kuasa untuk memeriksa soalan-soalan yang dikemukakan untuk penentuan dengan tujuan mengeluarkan keputusan yang penuh kuasa tentang hak dan tanggungan seseorang atau lebih pihak. Adalah hampir mustahil untuk merumuskan satu tafsiran konsep yang serba lengkap akan istilah itu, sama ada secara inklusif atau eksklusif.'

Ini menurut pemerhati guaman, bererti seakan-akan cek kosong di mana sebarang kuasa boleh dibawa ke mahkamah kalau pihak yang kerugian berpendapat satu perkara diputuskan oleh pihak eksekutif telah mencerobohi bidang kuasa mahkamah.

Ini mungkin salah satu sebab bagi pindaan-pindaan itu dibuat. Bagaimanapun sebab utama pindaan-pindaan itu terpaksa dibuat ialah kerana semakin tidak serasinya hubungan di antara Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan pihak kehakiman.

Di Parlimen beliau menerangkan dengan lebih jelas. Kata Dr. Mahathir, "Tugas tiga cawangan kerajaan hendaklah ditafsirkan dengan jelas untuk membolehkan kerajaan bergerak dengan stabil." Di antara alasannya mengemukakan pindaan: ada pihak tertentu di dalam jentera kehakiman telah menggunakan undang-undang bercanggah dengan apa yang dihasratkan oleh Parlimen. Mereka tidak mengendahkan undang-undang yang ditulis dengan jelas, sebaliknya merujuk kepada konsep-konsep seperti 'keadilan mulajadi' (natural justice) dan common law.'

Menurut sumber guaman, pindaan itu tidak akan mendangkan kesan serta merta ke atas proses kehakiman kecuali di dalam kes-kes di mana undang-undang dengan jelas menyebut perkara-perkara seperti 'keputusan menteri adalah muktamad.' Kes demikian dulunya dapat dicabar, dan memang pernah dilakukan—seperti kes Aliran melawan Menteri Dalam Negeri—atas peruntukan demikian bertentangan peraturan 'keadilan mulajadi' dan 'melanggar hak di bawah perlembagaan', serta di mana para hakim di dalam melaksanakan 'kuasa kehakiman' mereka telah bersetuju. Bukan semua peguam bersetuju mengenai perkara itu walaupun menegaskan yang 'segalanya boleh dibahas-

Sementara itu, Dr. Mahathir menafikan tujuan pindaan itu adalah untuk menekan pihak kehakiman. Kata Perdana Menteri, "Pindaan ini tidak akan menjaskankan kebebasan kehakiman. Pihak kehakiman juga tidak semestinya, menyebelahi kerajaan."

PUKULAN MAUT

"ia sekadar membayangkan kekecewaan beberapa orang yang kalah di dalam pemilihan. Jelas sekali ll orang ini yang tinggal di merata tempat di seluruh Malaysia tidak akan dapat bertindak bersama sekiranya mereka tidak diselaraskan oleh seorang yang lebih tinggi kedudukannya. Mereka tidak membayangkan corak UMNO sama sekali. Seorang ahli biasa tidak akan menerima sesiapa yang mahu menimbulkan aib atau meruntuhkan UMNO."

— Dr. Mahathir

ERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meningkatkan usaha menghapuskan seteru-seteru politiknya. Ia berjaya mewujudkan sebuah parti pengganti kepada UMNO yang sudah dibatalkan pendaftarannya, dan enggan meminta permohonan menjadi ahli daripada para penentangnya, bermula kemudiannya mengemukakan cabaran yang amat rumit kepada para pemberontak yang paling lantang di dalam parti: iaitu merauh secara terbuka kepada kepimpinannya atau dipecat daripada Barisan yang memerintah dan tercampak ke kerusi pembangkang di dalam Parlimen.

Dr. Mahathir yang telah membuktikan kecekapannya bermain politik dengan membuat pukulan maut di dalam parti sejak beberapa percubaan untuk menjatuhkannya bermula pada awal tahun 1987, telah mengumumkan pada 21 Mei bahawa Majlis Tertinggi UMNO Baru yang berusia baru tiga bulan itu, akan menyarankan pada Majlis Tertinggi Barisan Nasional, di mana beliau menjadi perusinya supaya ahli-ahli Parlimen dari UMNO lama yang juga menyertai UMNO Baru dipecat daripada Barisan Nasional.

Apabila menjadi pembangkang, ahli-ahli parlimen itu bersatu dengan seteru Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh Hamzah, atau mereka yang menentang Dr. Mahathir atas alasan-alasan lain, akhirnya ditekan supaya melepaskan kerusi mereka dengan alasan yang mereka telah memenangi kerusi itu sebagai calon Barisan Nasional.

Tiga orang Ahli Parlimen, bekas Menteri Kebajikan, Datuk Shahrir Abdul Samad, bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan Mohamed Tawfik Tun Ismail yang satu ketika adalah Pengurus Besar Kumpulan Media Fleks Group dan beberapa perusahaan yang lain dikuasai oleh UMNO telah mengatakan yang mereka tidak akan menyertai UMNO Baru dan akan kekal di kerusi mereka sebagai anggota bebas. Manakala Razaleigh dan mereka yang terlibat di dalam satu kes mahkamah sehingga menyebabkan UMNO lama diisyiharkan haram, sering mereka yang menentang penubuhan UMNO Baru memang tidak akan dibenar menyertai parti itu.

Dr. Mahathir nampaknya telah diaibkan dengan menjana seorang Perdana Menteri yang dilucutkan partinya, tetapi beliau kembali berada di hadapan di dalam sepak terjang politik. Razaleigh menerusi Perdana Menteri pertama dan ketiga Malaysi, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn telah gagal pada Februari untuk mendaftarkan UMNO Malaysia bagi menggantikan UMNO. Tiga hari kemudian UMNO (Baru) ditubuhkan.

Razaleigh dan para penyokongnya tidak mahu mengakui kalah. Sejak itu, beliau sibuk dengan lawatan berjumput rakyat untuk memperolehi kesetiaan mereka. Beberapa kes bertujuan mengubah keputusan pada 4 Februari itu dan juga untuk mencegah perkembangan UMNO Baru, dijalankan berterusan di mahkamah. Tidak ramai yang berani meramalkan siapakah akhirnya yang akan menang. Namun Dr. Mahathir beruntung kerana sedang berkuasa.

UMNO Baru kemudiannya mengadakan Perhimpunan Agung tahunan pertamanya dalam bulan Oktober 1988. Perhimpunan itu meriah walaupun tidak ada pemilihan pucuk pimpinan. Jelas sekali Dr. Mahathir berjaya menubuhkan semula UMNO berdasarkan keahliannya sudah menjadi lebih ramai daripada yang dijangkakan. Pemilihan mungkin diadakan dalam tahun 1989 sekiranya Dr. Mahathir mahukan perhimpunan itu diadakan selepas

tiga tahun. Dengan itu UMNO Baru mempunyai masa untuk menyuburkan akarnya di kalangan para penyokong setia. Mereka yang memilih untuk terus berada di luar UMNO Baru tidak akan dapat mengemukakan apa-apa untuk membawa Dr. Mahathir berhadapan dengan pemilihan pemimpin parti lebih awal, namun mereka berazam untuk tidak mahu menyerah kepada tekanan agar meletakkan jawatan beramai-ramai.

Mereka tidak menolak kemungkinan meletakkan jawatan di beberapa kawasan pilihanraya yang strategik pada ketika yang mereka pilih sendiri untuk menguji sokongan terhadap Dr. Mahathir di dalam pilihanraya kecil. Dari segi teori, ahli-ahli Parlimen mewakili Barisan Nasional dan bukan parti individu, dalam pilihanraya umum. Tetapi ada persoalan sama ada tiga orang ‘ahli bebas UMNO’ dan yang akan dipecat kerana sebagai individu mereka bukan juga ahli Barisan Nasional. Barisan Nasional adalah sebuah pertubuhan yang mempunyai pendaftaran berasingan. Individu pula menyertai parti-parti yang menjadi parti komponen Barisan itu. Jika mereka tidak lagi menjadi ahli mana-mana parti komponen Barisan, maka dengan sendirinya mereka itu anggota bebas.

“Dari segi undang-undang, ahli-ahli UMNO yang belum lagi menjadi ahli UMNO Baru, semuanya ahli bebas,” jelas Radzi. Mereka tidak perlu digugurkan. Di samping itu pihak yang boleh memutuskan keahlilan saya ialah UMNO lama, dan bukan UMNO Baru. Dianggarkan seramai 15 daripada 46 orang penyokong UMNO lama di dalam Dewan Rakyat dengan 177 kerusi itu akan kekal di luar UMNO Baru. Dr. Mahathir mendapat kesetiaan para Menteri dan Timbalan Menteri kerana mereka dipilih dari kalangan para penyokongnya setelah pemilihan pucuk pimpinan UMNO. Ada enam orang yang kesetiaan mereka tidak jelas kepada siapa. Ketika itu UMNO mempunyai 83 kerusi di dalam Parlimen itu.

Bagaimanapun beberapa orang lain yang pernah mengaitkan diri dengan rangkaian Razaleigh-Musa dijangka menyertai parti baru—di antaranya Musa sendiri. Sekiranya beliau berbuat demikian maka berakhirlah persekongkolan Team B Razaleigh-Musa, membuktikan yang ia tidak lebih daripada satu kerjasama bagi menghadapi pemilihan. Musa sebelum itu berkata beliau tidak dapat melihat cara untuk memperjuangkan kepentingan Melayu di luar UMNO, tapi tidak pula mengatakan UMNO yang mana.

Di antara ahli-ahli Parlimen yang memberontak, Shahrir Samad enggan menyertai UMNO Baru kerana berpendapat yang ia bukanlah parti lama yang mengutamakan rakyat jelata—berasaskan perpaduan Melayu, bergerak menerusi muafakat semua pemimpin Melayu. "Kini ada yang diketepikan," katanya. "Di samping itu, Dr. Mahathir mempunyai kuasa untuk memulih UMNO tetapi meninggalkan tanggungjawabnya dan 'membiarkan kami semua terhuyung-hayang,' tambahnya, "Kami bertolak ansur dengan beberapa tindakan Dr. Mahathir kerana beliau adalah pemimpin kami dan kami mahu UMNO memenangi pilihanraya (umum)," kata Shahrir. "Tetapi apabila beliau membunuh parti itu, tidak ada sebab untuk kami menyokongnya."

Sekalipun mereka tidak mempunyai saluran kepada media massa yang dikawal oleh kerajaan atau UMNO atau mematuhi kedua-duanya, para penyokong Razaleigh menggunakan cara mengagihkan berbagai salinan ucapannya yang dirakam dalam pita video. Diberi jolokan TV4—sedang stesen televisyen dikawal oleh UMNO ialah TV3—itulah cara tunggal bagi mereka sampai ke rumah-rumah kerana pihak polis tidak akan membenarkan mereka berucap di perhimpunan besar. Di samping itu, semasa dan selepas bulan Ramadan, beberapa orang ahli Parlimen yang memberontak bergerak sekitar negeri-negeri, berbuka puasa atau menyambut Hari Raya dengan para penyokong dan sesiapa sahaja yang mahu mendengar cerita daripada pihak mereka pula.

Mesejnya disampaikan dengan cara mudah. UMNO disamakan dengan seorang ibu dikasihi yang sedang tenat, jelas Tawfiq. Tiba-tiba menjelma ibu tiri, yang di dalam tradisi cerita pari-pari, enggan menerima semua anak-anak di bawah jagaannya. Inti perutusannya ialah: Kalau bapanya benar-benar seorang doktor (sebagaimana Dr. Mahathir) kenapa tidak mengubat si ibu? Kepada golongan tua Melayu khasnya, seruan penuh emosi untuk memulihkan UMNO 1946, parti yang memperjuangkan kemerdekaan dan maruah Melayu, cerita itu menyentuh hati mereka.

Musa Berubah Fikiran

TIBA-tiba sahaja Datuk Musa Hitam salah scorang daripada sekurang-kurangnya tiga puak di dalam parti Melayu yang dulunya

memerintah, telah memutuskan untuk tidak menyertai UMNO baru pimpinan Dr. Mahathir yang baru berusia empat bulan. Musa untuk beberapa ketika telah teragak-agak untuk menyokong Dr. Mahathir, berharap dapat memainkan peranan orang tengah dan penyatu di dalam politik Melayu. Langkah Perdana Menteri mengantungkan Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Salleh Abas dari jawatannya sebagai ketua bidang kehakiman negara pada 27 Mei 1988, menurut sumber-sumber yang rapat adalah sebab utama berubahnya pendirian Musa.

Di dalam sebuah kenyataan pada 2 Jun, Musa secara tidak langsung membayangkan pendiriannya dengan berkata ‘perkembangan terbaru dalam bidang kehakiman’ sebagai ‘amat membimbangkan.’ “Ia harus diberi perhatian serius oleh semua mereka yang cintakan demokrasi di negara ini,” tambahnya. Kenyataan itu yang dikeluarkan di Segamat, Johor seterusnya berkata, “Permusuhan (di dalam UMNO) telah menjadi semakin serius. Dua kaum (lain) tidak memberi ruang kepada mereka yang sederhana. Semangat berunding dan muafakat tidak dapat diterima sama sekali oleh kedua-dua belah pihak.”

Dengan itu sekalipun Musa telah diamanahkan dengan jawatan pengurus jawatankuasa protem UMNO Baru di bahagian Segamat, beliau berpendapat yang beliau harus meletakkan jawatan. “Inilah sahaja pilihan yang terbuka kepada saya sekarang dalam krisis perpaduan Melayu ini,” tambahnya.

Sebelum itu, Musa telah membiarkan orang berteka teki, mungkin gembira dengan jolokan ‘badut di dalam kumpulan’ oleh pihak media. Sikap berdiri atas pagar begini menyebabkan beliau kehilangan kewibawaan dan sokongan. Tapi Musa bukan sudah hendak diketepikan, dengan pengalaman pada masa lalu sebagai pengaju sepak terjang politik yang hebat.

Dengan memainkan peranan sebagai pihak yang bersikap sederhana, beliau menghadapi risiko besar. Sikap seumpama itu satu pilihan yang payah untuk mendapat pengaruh apabila para pemimpin yang lebih rendah, termasuk beberapa orang penyokongnya telah menyuarakan pandangan mereka dengan tegas. Kewibawaan Musa telah banyak dipersoalkan akibat pendirian yang tidak tetap itu. Para penyokongnya mengharapkan beliau menyerah UMNO Baru. Apabila beliau berjumpa Dr. Mahathir pada 28

Mc, bagaimanapun beliau menyedari kedua-dua belah pihak tidak bersedia untuk berkompromi. "Kedua-dua belah pihak menuntut supaya semua bekas ahli dan pemimpin UMNO asal mengambil tindakan tegas yang bererti menyokong mereka," katanya di Segamat.

Dengan Musa kekal menyisih, imbangan kuasa di dalam politik Melayu sekali lagi berubah. Sekiranya Musa telah menyertai UMNO Baru, sekurang-kurangnya tiga orang Ahli Parlimen mungkin menyertainya, dan memperkuatkan pengaruh Dr. Mahathir. Keputusan Musa itu satu pukulan kepada pihak Dr. Mahathir yang telah berharap untuk mendapatkan sokongan Melayu di Johor, kampung halaman Musa. Gerakan pendaftaran ahli UMNO Baru paling lemah di Kelantan, negeri kampung halaman Razaleigh, dan juga di Johor. Rakan-rakan Dr. Mahathir berharap Musa akan mengubah aliran itu. UMNO asal dilahirkan di Johor dan hubungan di antara Melayu Johor dan UMNO telah melahirkan para pengundi yang hampir 100% pro-establishment di negeri itu.

Kalau Musa percaya golongan sederhana boleh berjaya setelah puak-puak Dr. Mahathir-Razaleigh muktamad mengambil pendirian tegas, nampaknya tipis harapannya. Razaleigh menyambut baik pengumuman Musa.

Sementara itu, Dr. Mahathir tidak mahu memberi muka kepada pembangkang. "Cara tunggal untuk hidup dan berjaya ialah sentiasa melawan," beliau menasihatkan para pemain badminton yang penuh harapan menjelang kejohanan penting Piala Thomas, dengan menyamakan kemenangan di gelanggang badminton dengan kejayaan politik. "Tidak kiralah kalau ada yang mengejek. Ada yang telah mengejek saya sampai tidak terkira banyak kali. Kalau anda kalah oleh perkara demikian, anda tidak akan sampai ke mana-mana."

Setelah pertengahan tahun 1988, lawan-lawan Dr. Mahathir memperhebatkan kempen mereka menentang kepimpinannya. Sementara itu MCA pula menunjukkan tanda-tanda keresahannya. Mereka yang lain yang telah berdiri di tepi mula menyatakan pandangan mereka setelah menilai kelebihannya. Pada 2 Oktober, Musa Hitam membuat keputusan akhir apabila mengisytiharkan dirinya seorang ahli Parlimen bebas. Limabelas orang Ahli Parlimen lain seperti Musa dulunya daripada UMNO lama, dan mc

rupukan pengkritik Dr. Mahathir yang lancang juga telah berpindah sokongan.

Apa yang merupakan kehadiran 83 kerusi UMNO di dalam Parlimen yang mempunyai 177 kerusi itu kini tinggal menjadi 67 kerusi sahaja. UMNO Baru sebagaimana parti yang digantikannya adalah ahli induk Barisan Nasional yang memerintah. Dengan Musa mengasingkan diri, kini ia mempunyai 132 kerusi di Parlimen. Musa telah menegaskan pada 2 Jun yang beliau tidak akan memasuki UMNO, dan juga tidak menyertai kem Razaleigh.

Sejak Jun 1988, Ketua Hakim Negara telah diadili dan dipersekutui, lima orang lagi hakim Mahkamah Agung digantung perkhidmatan, dan bekas orang kuat Musa dalam UMNO, Datuk Shahrir Samad telah menang dengan majoriti yang begitu besar dalam pilihanraya kecil Parlimen Johor Baru atas tiket bebas.

Para penyokong Dr. Mahathir telah melemparkan tuduhan tuduhan palsu semasa kempen pilihanraya itu, Musa mendakwa, "Jelas sekali saya berkewajipan untuk memainkan satu peranan untuk meredakan suasana yang amat berbahaya ini di dalam sistem demokrasi kerajaan, yang dirintiskan oleh UMNO asal tahun 1946, dan (akan) berusaha sedaya upaya untuk membenteraskan diran itu," katanya.

Dengan memilih pendirian sebagai orang di pertengahan setelah UMNO diharamkan, Musa mungkin berharap yang Dr. Mahathir dan Razaleigh akan keletihan di dalam persaingan politik dan membiarkan orang yang lebih berkompromi seperti dirinya mengambil alih. Namun pendiriannya yang tidak tetap itu dikritik sebagai pendirian oportunistis politik. Musa sedar sekiranya tidak menentukan pendiriannya sekarang, beliau akan layu begitu sahaja di dalam percaturan politik.

Ada satu langkah untuk mewujudkan satu lagi UMNO melalui UMNO Baru. Pada 30 September, 10 orang bekas ahli UMNO yang kurang dikenali telah memohon kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menubuhkan sebuah parti baru dikenali sebagai UMNO '46—merujuk kepada tahun penubuhan UMNO asal, yang kuat kaitannya dengan nasionalisme Melayu moden. Osman Akhir menafikan pendapat-pendapat yang beliau bertindak atas arahan Razaleigh, sekalipun jelas sekali, seperti Razaleigh, beliau ada kepada semangat UMNO lama.

Untuk menunjukkan kepada orang Melayu akan kesetiaan mereka kepada semangat UMNO asal, Razaleigh juga mengemukakan satu rang undang-undang kepada Parlimen, yang bersifat undang pada 10 Oktober, untuk meminda undang-undang dan memulihkan UMNO asal. Sekalipun rang undang-undang itu tidak dibahaskan apa lagi dilulus, publisiti sekitar percubaan itu meningkatkan pengaruhnya. Kalau ini belum cukup untuk dikenyalikan oleh Dr. Mahathir, Presiden MCA, Menteri Pengangkutan Datuk Ling Liang Sik telah mengambil cuti tanpa gaji selama enam minggu mulai 1 Oktober sebagai satu tindakan protes senyap.

MCA telah koyak rabak akibat masalah dalaman sejak beberapa tahun, berpunca daripada satu kepimpinan yang lemah dan daripada beberapa kegiatan jenayah di dalam urusan perniagaan beberapa orang pemimpin kanannya. Presiden sebelumnya, Tan Koon Swan telah dipenjarakan di Singapura dan ketika itu berada di Malaysia kerana menghadapi tuduhan pecah amanah. Ini menyebabkan MCA kehilangan banyak sokongan masyarakat Cina. Lagipun MCA semakin resah apabila diketepikan beberapa tunutannya yang boleh memulihkan sedikit sebanyak popularitinya yang telah hilang itu.

Keengganan UMNO Baru untuk menarik balik satu fasal perlembagaan yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengubah sekolah-sekolah Cina menjadi sekolah kebangsaan, ketiadaan peruntukan bagi kampung-kampung baru Cina di dalam Belanjawan 1987, dan bantahan terhadap perlantikan para pentadbir bukan berpendidikan Mandarin ke sekolah-sekolah Cina dalam tahun 1987, terus menjadi bisul. Perkara terakhir yang mencetuskan protes Datuk Ling ialah apabila beberapa pihak di dalam UMNO Baru yang menuduh bahawa kekalahan di dalam pilihanraya kecil Johor Baru disebabkan MCA tidak mempengaruhi undi-undi Cina yang amat diperlukan oleh calon Barisan Nasional.

Orang-orang dalam MCA menegaskan bahawa MCA tidak pernah menguasai undi Cina di kawasan bandar seperti Johor Baru. Lagipun oleh kerana corak kepimpinan Dr. Mahathir menjadi isu di dalam pilihanraya kecil itu, MCA terbabit sama kerana ikatannya dengan Dr. Mahathir. Bagi MCA dan juga bagi UMNO Baru, itu adalah 'mainan politik'. MCA menghujahkan yang ia

tidak dapat mempengaruhi undi Cina agar menyokong Barisan Nasional kerana UMNO Baru enggan bertolak ansur dengan beberapa isu kaum Cina. UMNO Baru pula merasakan ia tidak perlu mengalah kepada tuntutan MCA kerana MCA tidak dapat menarik undi.

Sebelum pergi bercuti, Ling menafikan yang beliau akan meletakkan jawatan, tetapi sumber-sumber mengakui sekiranya UMNO Baru enggan beralih tentang isu-isu masyarakat Cina apabila beliau kembali daripada bercuti, Ling mungkin benar-benar meletakkan jawatan sebagai satu lambang pengorbanan. Kalau beliau meletakkan jawatan, timbalan presiden partinya, Datuk Lee Kim Sai, yang lebih lantang bersuara dan terkenal sebagai lebih kental memperjuangkan isu-isu kaum Cina, akan mengambil alih. Kalau ini yang berlaku, Lee boleh menarik keluar MCA dari Barisan Nasional—satu tindakan melampau, kata orang dalam parti, dan hanya digunakan sebagai langkah terakhir. MCA yang menganggung hutang yang banyak adalah dalam keadaan yang lemah untuk bertawar menawar serta menghadapi saingan pengaruh dengan parti Gerakan Rakyat, di dalam Barisan Nasional.

Kalau berada di luar Barisan Nasional, MCA boleh berpadu dengan kumpulan Razaleigh dan membentuk sebuah barisan pembangkang pelbagai kaum yang lebih dapat diterima oleh kebanyakan pengundi daripada Parti Islam (PAS) dan DAP. Bagaimanapun DAP telah membantu Shahrir di dalam kempennya. Sementara Razaleigh dan Musa yang tidak mendapat layanan dari media yang pro kerajaan, akhbar parti itu, The Rocket telah menyatakan ucapan mereka.

Ini satu pilihan yang rumit bagi Razaleigh. Satu ikatan rasmi dengan DAP, yang lantang dalam isu-isu berkenaan orang Cina dan dianggap sebagai sebuah parti cauvinis Cina oleh orang Melayu, boleh menyebabkan beliau kehilangan sokongan Melayu. Ikatan dengan MCA, yang sudah hilang banyak kewibawaannya, boleh menyebabkan beliau kehilangan sokongan masyarakat Cina. Apa sekalipun terjadi, rakyat Malaysia bermain teka teki lagi berdasarkan andaian bahawa parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain boleh tertarik keluar. Kalau 16 orang Ahli Parlimen kawan Razaleigh berganding bahu dengan 24 orang dari DAP, 10 orang dari PAS, 17 orang dari MCA, dan enam orang bebas dari

Sabah dan Sarawak serta 10 orang dari Parti Bersatu Sabah yang memerintah—yang hubungannya kurang baik dengan UMNO dan kerajaan persekutuan—akan wujud 74 kerusi, yang dengan berkesan menghapuskan majoriti dua pertiga yang diperlukan untuk meluluskan pindaan Perlembagaan.

Bagaimanapun ini semuanya masih spekulasi. Dr. Mahathir bukanlah jenis orang yang terus mengalah apabila terdesak, dan beliau mempunyai satu senjata yang kuat di tangannya. Beliau boleh menunggang terbalikkan permainan angka itu dengan mengadakan satu pilihanraya umum apabila beliau memikir beliau dapat menggunakan jentera Barisan Nasional yang begitu teratur dan ia mempunyai sumber kewangan untuk menghapuskan ahli-ahli Parlimen yang degil daripada kerusi mereka.

Sama ada diadakan pilihanraya atau tidak apa yang boleh lahir hampir melagakan secara seimbang sistem dua parti, masing-masing satu barisan pelbagai kaum mewakili kepentingan yang hampir serupa. Inilah yang sama-sama menjadi kekuatan dan kelebihan kumpulan Razaleigh. Pasti ada tarikan kepada yang bersikap sederhana untuk menjauhkan diri daripada kegiatan politik melam-pau yang bererti ia tidak menawarkan sebarang pilihanraya yang terlalu berbeza.

Saya akan meneruskan cara saya

KATA Barisan Nasional yang memerintah, itu hanya ‘satu lagi pilihanraya kecil’—menentukan hanya satu dari 177 kerusi di Parlimen—tetapi penentang-penentang Dr. Mahathir, menjadikan pilihanraya kecil Johor Baru pada 25 Ogos sebagai menguji satu isu: Corak kepimpinan Dr. Mahathir. Setelah menang dengan majoriti besar, 12,613 undi, Datuk Shahrir Abdul Samad, yang dicalat daripada kabinet oleh Dr. Mahathir dan bertanding sebagai calon bebas, menegaskan, “Orang itu harus pergi.”

Setelah berjaya dengan kelebihan undi yang memerlukan jangkaan enam hingga lapan bulan bagi Dr. Mahathir untuk berundur. Namun Perdana Menteri tidak menampakkan keimbangan oleh kekalahan itu, dan satu siri pilihanraya kecil secara paksa yang banyak diperkatakan oleh para penentang Dr. Mahathir yang lai-

padahpun ketinggalan jadual. Dr. Mahathir berkata keputusan itu menunjukkan semua calon mempunyai peluang untuk menang, dengan itu membuktikan beliau bukan seorang diktator semoga mana dituduh oleh penentang-penentangnya. "Kami tidak mengganggu pilihanraya, dan kami membenarkan sesiapa sahaja beranding," tambahnya.

Ini adalah pilihanraya kecil pertama oleh para penyokong UMNO lama menentang UMNO Baru pimpinan Dr. Mahathir sejak Mahkamah Tinggi mengisyiharkan UMNO asal haram.

Shahrir meletakkan jawatan Ahli Parlimen Johor Baru untuk memaksakan satu ujian populariti ke atas UMNO Baru, dan setanjutnya populariti Dr. Mahathir. Perjudiannya berhasil. Jumlah pengundi yang keluar mengundi rendah, 61.5% bagi satu pilihanraya kecil yang sangat genting dari segi psikologi, namun Shahrir memperolehi 23,581 undi mengalahkan Mas'ud Abdul Rahman, calon Barisan Nasional yang mendapat 10,968 undi dan 2,260 undi diperolehi oleh Abdul Razak Ahmad dari Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM).

Dalam pilihanraya umum tahun 1986, Shahrir menang dengan kelebihan hanya 2,235 undi. Bagi Shahrir hanya ada satu isu: Dr. Mahathir. Mas'ud, seorang guru sekolah yang punya kelebihan biasa bagi orang Melayu, iaitu boleh berbahasa Cina dan calon UMNO Baru bagi Barisan Nasional semata-mata calon proksi. Shahrir menyamakan kejayaannya sebagai hadiah hari jadi ke-59 bekas Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas, yang disyorkan oleh Dr. Mahathir supaya digantungkan perkhidmatannya dan kemudiannya dipecat oleh Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Barisan Nasional cuba mengelakkan isu ini, dengan menegaskan rekod pembangunan dan perpaduan dibawanya, dengan menaikkan peruntukan belanja M\$300 juta untuk pembesaran tamasya Johor dengan Singapura, M\$35 juta lagi untuk kemudahan umum asas yang lain serta bersetuju dengan permohonan para pendidik Cina supaya ditubuhkan sebuah kolej rendah berpenganggaran Cina diberi nama Kolej Selatan.

Landasan Razak Ahmad pula ialah kedua-dua Shahrir dan Mas'ud mewakili parti-parti politik yang terlibat di dalam skandal melibatkan wang awam. Razak tidak mempunyai hujah-

hujah yang berkesan seperti Shahrir. Pada suatu ketika dalam kempennya, Shahrir dan Barisan Nasional seolah-olah menghujahkan perkara yang bertimbang balik. Tetapi Dr. Mahathir yang menarik isu itu kembali kepada dirinya. Di dalam satu ucapan yang disiaran oleh televisyen sebelum pilihanraya kecil itu, beliau mempertahankan diri sendiri daripada kritik bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan mengisyiharkan, "Saya akan meneruskan cara dan rancangan saya yang telah disusun bersama rakan-rakan di dalam kerajaan." Dari sejak itu, sedikit sahaja penonton memikirkan yang isunya tidak lain selain daripada caranya.

Musa telah merakamkan kritiknya terhadap Dr. Mahathir dan berlepas ke Eropah. Di dalam satu ucapan penuh emosi Dr. Mahathir menafikan yang beliau enggan bertemu dengan para pemimpin pertengahan UMNO yang ada kaitan dengan lawannya di rumahnya semasa Hari Raya dalam bulan Mei, iaitu satu perbuatan amat tidak sopan mengikut ukuran adat Melayu yang penuh sopan santun. Dr. Mahathir menegaskan yang beliau tidak pernah menghalang para pelawat ke rumahnya, dan mencabar Musa supaya mengulang tuduhan itu dan bersumpah dengan al-Quran—ujian yang dianggap paling mutlak tentang kebenaran bagi seseorang Muslim. Musa menerima tetapi oleh kerana berada di luar negeri tidak perlu berbuat demikian.

Sama ada optimistik atau tidak Shahrir mendakwa kemenangan di Johor Bahru itu akan memulakan sedikit demi sedikit perubahan yang akan menghapuskan Dr. Mahathir daripada jawatannya. Pada peringkat itu, Shahrir Samad telah membuktikan sekurang-kurangnya di kerusi bandar yang pelbagai kaum, sentimen anti-Dr. Mahathir cukup kuat. Kini tinggal usaha untuk mengubah aliran di kawasan yang secara tradisinya selamat oleh UMNO pula.

Langkah seterusnya daripada pihak lawan ialah mengadakan satu siri pilihanraya kecil, di kawasan yang majoriti Melayu, untuk menguji populariti Dr. Mahathir. Di pertengahan kempen Shahrir bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad sepatutnya meletakkan jawatan, untuk menyatakan keyakinan terhadap Shahrir dan untuk mengekalkan momentum bangkangan. Beliau tidak berbuat demikian. Radzi Sheikh Ahmad tidak yakin dengan cara itu.

Ada kemungkinan Dr. Mahathir akan menterbalikkan langkah lawannya dengan meminda undang-undang pilihanraya dan menarik syaratkan tidak perlu diisi kerusi yang kosong dalam tempoh 60 hari tetapi membiarkannya untuk diisi dalam pilihanraya umum akan datang, sebagaimana yang dilakukan oleh Singapura.



"Kita sudah berjaya," ujar PM keriangan merayakan kemenangan Pilihanraya Umum



(Dari kanan) Tan Sri Rahim Tamby Chik, Datuk Wan Abu Bakar, Datuk Tajol Rasli dan

KETUA HAKIM NEGARA DIGANTUNG

"Ia telah ditohmahkan oleh mereka yang menentang kerajaan, secara diam-diam, menggunakan akhbar, membuat kenyataan memihak secara tidak langsung; menggunakan mahkamah. Dengan berbuat demikian mereka memberi gambaran negara ini rasuah, pentadbirannya rasuah. Apabila saya bertanya, siapakah yang rasuah? Tidak ada yang menjawab. Ada rujukan secara kabur tentang si polan si polan, tapi....di mana buktinya?"

— Dr. Mahathir

EJAK beberapa bulan, badan kehakiman Malaysia yang amat ketara menunjukkan kebebasan telah meniti laluan yang berkonflik, dengan pentadbiran Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad. Apabila kedua-dua belah pihak akhirnya benar-benar bersambung kesannya memerlukatkan rakyat Malaysia. Dalam satu angkah yang belum pernah dilakukan sebelumnya, Tun Mohamad Ali Abas, Ketua Hakim Negara, digantung perkhidmatannya kerana 'kelakuan yang tidak kena' terhadap DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung, Sultan Mahmood Iskandar.

Episod itu menimbulkan kontroversi baru berkenaan pengasingan kuasa eksekutif, kehakiman dan Parlimen—tiga tonggak demokrasi Malaysia. Kata seorang peguam veteran di Kuala Lumpur, "Ini krisis bidang kuasa. Kini kita memasuki medan yang belum pernah orang jejaki dulu."

Hakim yang paling kanan di negara ini digantung daripada perkhidmatan dikatakan atas dua sebab. Pertama: menulis surat

kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan lapan orang Raja lain dalam usaha beliau mempertahankan bidang kehakiman daripada 'serangan Perdana Menteri kebelakangan ini terhadapnya'. Surat itu dihantar dalam bulan Mac 1988 tidak lama selepas Dr. Mahathir menyegerakan satu pindaan perlombagaan menerusi Parlimen. Di antara lain, undang-undang itu memindahkan kepada kerajaan kuasa untuk menentukan bidang tugas dan kuasa Mahkamah Tinggi.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Salleh, penggantungan jawatannya berkuatkuasa mulai 27 Mei 1988, setelah baginda menyatakan rasa tidak senang tentang surat peribadi yang ditulis kepada baginda dan lapan orang lagi Raja lain itu. Menurut Salleh, tetapi dinafikan oleh Dr. Mahathir, satu lagi sebab ialah kerana Salleh dituduh terlibat secara sedikit sebanyak di dalam kes-kes mahkamah yang melibatkan UMNO lama dan UMNO Baru.

Memanglah ini tidak diterima dengan senang oleh masyarakat guaman atau para hakim. Kata Salleh satu lagi aduan terhadapnya ialah beliau dikatakan memihak di dalam beberapa kes mahkamah akibat keputusan Mahkamah Tinggi pada 4 Februari yang mana UMNO pimpinan Dr. Mahathir telah diharamkan. Salleh, 58 tahun, seorang yang pendiam dan cukup warak bagaimanapun mengafikan dakwaan-dakwaan itu.

Babak pertama drama itu terpapar apabila Dr. Mahathir memanggil Salleh ke pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri. Di Malaysia, kehakiman bebas sama sekali daripada eksekutif, jadi amatlah aneh bagi seorang Perdana Menteri atau mana-mana anggota eksekutif memanggil seorang hakim, apa lagi Ketua Hakim Negara atau mana-mana anggota kehakiman ke pejabatnya. Keadaan Salleh memenuhi panggilan itu juga anch.

Tidak lama selepas pertemuan peringkat tinggi itu, Salleh kembali ke kamarnya. Tidak sampai pun 30 minit beliau di sana, beliau menerima sepucuk surat yang dihantar dengan tangan dari pada kerajaan. Surat itu mengatakan yang beliau digantung dari pada jawatan sementara menunggu penubuhan sebuah tribunai untuk menyiasat dakwaan terhadapnya. Salleh kemudiannya merangka sepucuk surat kepada Perdana Menteri. Di dalam dokumen bertarikh 28 Mei, beliau menawar untuk meletakkan jawatannya

Sekalipun beliau masih ada enam tahun lagi tempoh perkhidmatan sebelum persaraan wajib pada usia 65 tahun.

Apabila berita itu merebak seperti kebakaran liar di ibu negara, para hakim dan peguam menggesa Ketua Hakim Negara agar menarik balik perletakan jawatannya. Di antara mereka ialah Timbalan Yang Dipertuan Agung ketika itu, Sultan Azlan Shah dari Perak, seorang kawan rapat. Kedua-dua Azlan Shah dan Salleh terlibat mengendalikan satu kes mahkamah penuh sensasi dalam tahun 1973 yang melibatkan Sultan Mahmood, Putera Mahkota Johor. Baginda telah didakwa atas empat tuduhan menyebabkan lerosakan jasmani ke atas seorang wanita. Salleh, yang ketika itu menjadi pendakwaraya, telah mendakwa Putera Mahkota Johor. Putera Mahmood didapati bersalah. Secara kebetulan Raja Azlan Shah yang menjadi Hakim dalam perbicaraan itu. Sedang tesis 'Kehakiman-Eksekutif' itu memuncak, Raja Azlan Shah pula diambilkan akan menjadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung seterusnya apabila tempoh Yang Dipertuan Agung yang ada tamat pada bulan April 1989.

Menurut Salleh, Dr. Mahathir menuduhnya melampui batas kuasa pejabat Ketua Hakim Negara dengan mengeluarkan kenyataan dan membuat ucapan mengkritik kerajaan. Katanya, Perdana Menteri juga merujuk kepada surat Salleh kepada baginda-baginda dia. Menurut Salleh, Perdana Menteri telah membayangkan satu surat keluar yang mungkin ada bagi Salleh iaitu meletakkan jawatan. Kalau tidak, beliau diberitahu yang Sultan Mahmood akan dilantik sebuah tribunal di bawah Fasal 125 (3) Perlembagaan Malaysia untuk memecatnya, mungkin kerana 'berkelakuan yang tidak kena'.

Di bawah perlembagaan, hakim-hakim tidak boleh dipecat. Dalam surat nasihat Perdana Menteri, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung boleh membentuk sebuah tribunal terdiri daripada tidak kurang lima orang hakim yang masih berkhidmat atau bersara dari Malaysia atau mana-mana negara Commonwealth yang lain. Tribunal itu boleh menyarankan pemecatan mana-mana hakim atas alasan 'kelakuan yang tidak kena, tidak adil, tidak sah, kerana tidak sihat jasad atau fikiran.'

Di pihaknya, kata Dr. Mahathir, tidak ada tekanan dikenakan atas Salleh 'untuk bersara atau meletakkan jawatan'. Perdana

Menteri berkata, baginda Yang Dipertuan Agong sendiri telah memandang berat tentang surat hakim itu dan meminta supaya Salleh digantikan.

Oleh kerana ini tidak dapat dilakukan mengikut perlembagaan, Dr. Mahathir meminta baginda Yang Dipertuan Agung menubuhkan sebuah tribunal. "Tidak ada perkara UMNO disebut secara positif di dalam pertemuan itu," kata Perdana Menteri. "Anggapan yang dakwaan terhadap Salleh berhubung dengan sikap memihaknya terhadap UMNO adalah anggapannya sendiri."

Penggantungan Salleh daripada jawatan itu berlaku sehari sebelum 13 Jun 1988, tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah Agung untuk membicarakan kes rayuan oleh 11 orang penentang terhadap UMNO yang kini sudah diharamkan. Kalau rayuan itu berjaya, parti pengganti yang dibentuk oleh Dr. Mahathir, UMNO (Baru) akan berada di dalam keadaan yang menyulitkan, wujud setanding dengan UMNO yang dihidupkan semula. UMNO adalah sebuah parti yang sungguh besar maknanya kepada orang Melayu kerana parti itulah yang memperjuangkan kemerdekaan dari tahun 1946 hingga 1957.

Cerita Salleh dan cerita Dr. Mahathir tentang pertemuan mereka pada 27 Mei—empat hari sebelum Dr. Mahathir mengumumkan penggantungan jawatan ketua hakim itu—berbeza. Dr. Mahathir memanggil Salleh ke pejabatnya dan memberitahu hanya yang DYMM Yang Dipertuan Agung sedang melantik sebuah tribunal untuk meneliti apa yang dikatakan 'kelakuan tidak senonoh' Ketua Hakim Negara itu. Timbalan Perdana Menteri Abdul Ghafar Baba dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamed hadir sama di dalam pertemuan jam 11 pagi itu.

Salleh yang jelas sekali sangat kecewa itu enggan menjawab soalan para wartawan. Tetapi di dalam kenyataannya Salleh berkata ada dua tindakan yang Dr. Mahathir dapati 'tidak sesuai' iaitu; pertama kerana beliau telah menulis surat kepada Baginda Yang Dipertuan Agung dan Raja-Raja dalam usaha mempertahankan kehakiman daripada serangan bertubi-tubi dari Dr. Mahathir, dan kedua sikap memihaknya di dalam kes-kes UMNO. Salleh tidak menafikan yang beliau telah menulis surat kepada Seri Paduka Baginda, tetapi menjelaskan bahawa beliau tidak melihat sesuatu

yang tidak kena kerana hakim-hakim dilantik dengan kebenaran dan kelulusan Raja-Raja.' Surat itu sebenarnya ditulis setelah semua hakim di Kuala Lumpur bertemu pada 25 Mac dan menyatakan perhatian berat ekoran kecaman Dr. Mahathir pada 17 Mac ke atas pihak kehakiman di Parlimen.

"Tuduhan konon saya bersikap memihak di dalam kes-kes UMNO adalah tidak benar sama sekali, dan saya menafikan dengan sekeras-kerasnya," kata Salleh di dalam suratnya kepada Dr. Mahathir. "Saya menunggu perlantikan tribunal, yang saya pasti, akan membersihkan nama saya. Saya yakin keadilan akan meng...." Salleh berada di Mekah menuaikan fardu haji apabila beberapa kes UMNO dibicarakan. Sekembalinya pada 17 Mei, beliau telah mengarahkan supaya kes rayuan oleh para pemberontak UMNO itu dibicarakan oleh panel sembilan orang Hakim Mahkamah Agung. Langkah Salleh itu menunjukkan betapa berat kes tersebut. Lima orang adalah bilangan biasa satu-satu perbicaraan oleh Mahkamah Agung, dan tiga adalah yang minimum dibenarkan oleh undang-undang.

Kenyataan tiga muka surat daripada Dr. Mahathir yang diluarkan pada 31 Mei berkata pada mesyuarat 27 Mei, Salleh meminta untuk mengetahui alasan yang beliau terpaksa menghadapi satu tribunal, tetapi Dr. Mahathir tidak dapat memberitahu, walaupun alasan surat Salleh kepada Yang Dipertuan Agung. UMNO tidak ada disebut, katanya. Kata kenyataan itu, Salleh kemudiannya memberitahu Dr. Mahathir yang beliau bersedia untuk menghadapi tribunal dan tidak akan meletakkan jawatan. Bagaimanapun kesokannya Salleh menulis surat meminta untuk dibenarkan berara awal dan mengambil semua cutinya yang masih ada—sekitar 6 hari.

Kata Dr. Mahathir, permohonan Salleh dibuat secara sukarela setelah diberitahu cadangan untuk menubuhkan sebuah tribunal. Tidak ada tekanan dikenakan supaya beliau meletakkan jawatan atau bersara. (Di dalam satu wawancara dengan BBC Salleh berkata Dr. Mahathir menawarkan segala 'keistimewaan baru kalau beliau berundur.' 'Keputusannya untuk meletakkan jawatan adalah semata-mata keputusannya sendiri', kenyataan itu diceraskan. Beliau kini mengubah fikiran. Itu semata-mata kemasannya sendiri. Biasanya kerajaan tidak terikat untuk menerima

keputusan kemudiannya kalau ia sudah menerima satu permohonan untuk bersara awal. 'Kenyataan Salleh kepada akhbar, tambanya, membawa nada politik' dan oleh kerana beliau meminta supaya dihadapkan kepada tribunal, sebuah tribunal ditubuhkan untuk meneliti kesnya.

Kalaular kata-kata penutup kenyataan itu merupakan satu bayangan pilihan peribadi Dr. Mahathir, maksudnya ialah supaya Salleh bersara secara senyap-senyap. Malam itu setelah kenyataan Salleh, Dr. Mahathir dengan ringkas berkata, "Saya tidak tahu... katanya dia nak bersara," apabila ditanya oleh wartawan. Lebih pedas lagi, akhbar New Straits Times, mencela Salleh kerana teragak-agak. "Kita tidak dapat membiarkan seorang hakim yang tidak tetap pendirian," ulasan akhbar itu pada 31 Mei. Cerita yang mana satu benar tentang pertemuan 27 Mei itu tidak diketahui, bagaimanapun ketegangan setahun di antara Dr. Mahathir dan pihak kehakiman tidak menunjukkan tanda-tanda mahu kendur.

Para peguam kecewa dengan peristiwa itu. "Nampaknya Dr. Mahathir secara serius tidak memahami doktrin pemisahan kuasa," kata Majlis Peguam berhubung dengan serangan Dr. Mahathir ke atas para peguam. Yang lainnya tertanya-tanya kemungkinan langkah Dr. Mahathir terhadap Salleh diwarnai oleh alasan-alasan politik. Pembangkang DAP menyebutnya sebagai, "langkah yang sengaja, diperkira dan dirangka khas untuk menakut-nakutkan pihak kehakiman memandangkan kes-kes UMNO yang dijadualkan akan dibicarakan tidak lama lagi di hadapan Mahkamah Agung."

Untuk merumitkan lagi peristiwa itu, pada 31 Mei Sen Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung melantik Datuk Harun Hashim menjadi hakim Mahkamah Agung pula. Hakim Mahkamah Tinggi itulah yang telah mengisyiharkan UMNO sebagai pertubuhan haram dalam bulan Februari dan menyebabkan seluruh negara termanggu. Harun Hashim menjadi hakim Mahkamah Agung untuk menggantikan scorang hakim yang bersara pada 4 Jun. Bagaimanapun Harun dikatakan telah disisihkan. Perlantikannya memenuhi jumlah 10 orang hakim Mahkamah Agung, termasuk Salleh. Bagaimanapun dua tiga orang hakim tersebut ketika itu dijadualkan akan bersara tidak lama lagi.

Mahathir Terdesak Ke Satu Sudut

BIASANYA Majlis Tertinggi Barisan Nasional tiga belas buah parti yang memerintah jarang bertemu, kecuali sebelum pilihanraya umum. Namun, dalam empat bulan yang lalu, badan penggubal dasar tertinggi itu bersidang dua kali sekalipun tempoh untuk pilihanraya umum masih ada tiga tahun lagi. Salah satu pertemuan itu diadakan pada pertengahan Februari 1988 untuk menerima anggota yang baru, UMNO (Baru), parti pimpinan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad yang baru sahaja ditubuhkan. Menjelang akhir Jun 1988 para pemimpin Barisan berhimpun sekali lagi di Kuala Lumpur atas kehendak Dr. Mahathir. Majlis Tertinggi itu bermesyuarat adalah untuk memutuskan sama ada bolch atau tidak dipecat dari Barisan ahli-ahli Barisan dari UMNO lama yang enggan menyertai parti baru Perdana Menteri itu.

Apabila isu itu ditimbulkan bagaimanapun ahli-ahli Majlis Tertinggi BN menjelaskan kepada Perdana Menteri yang mereka tidak sepakat dengan beliau. Mereka berpendapat yang Barisan tidak mempunyai kuasa untuk memecat sesiapa kerana ia adalah suatu 'gabungan parti, bukan individu'. Di akhir sidang itu, Dr. Mahathir sendiri bersetuju dengan pendapat itu dan 'tidak dapat menentukan kedudukan Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri,' yang enggan menyertai UMNO Baru.

"Kita tidak ada kuasa ke atas mereka," isytiharnya. "UMNO Baru tidak dapat bercakap bagi pihak orang yang bukan ahlinya dan yang sudah meletakkan jawatan daripada parti itu." Itu sungguh berundur yang besar bagi Dr. Mahathir dan para penyokongnya, yang sebelum itu menegaskan yang UMNO Baru berhak memecat para pemberontak UMNO dari kerusi-kerusi kerajaan di dalam Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri. Peguam Negara, Abu Talib Othman menegaskan, bagaimanapun hanya Barisan dapat memecat para pemberontak itu kerana mereka telah memilih atas tiket Barisan. Para pemimpin UMNO Baru kemudian menyerahkan kepada Majlis Tertinggi Barisan untuk membuat putusan.

Keengganan memecat para pemberontak UMNO, kata seorang pemimpin Barisan, adalah 'kali pertama kehendak parti-parti komponen lebih kecil di dalam Barisan diikut, sejak Barisan ditu-

buhkan'. Dalam persidangan itu, para pemimpin Barisan juga membincangkan krisis kehakiman, termasuk penggantungan Tun Mohamed Salleh Abas dari jawatan Ketua Hakim Negara.

Satu Tribunal enam orang telah dilantik untuk menyiasat dakwaan terhadap hakim yang digantungkan tugas itu. Diketuai oleh timbalan Salleh, Ketua Hakim Malaya, Abdul Hamid Omar, panel itu termasuk Ketua Hakim Sri Lanka, K.A.P. Ranasinghe, Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Singapura, T.S. Sinnathuray, Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia yang telah bersara, Abdul Aziz Zain dan bekas Hakim Mahkamah Tinggi Mohamad Zahir Ismail, yang kini menjadi Speaker Dewan Rakyat.

Keanggotaan panel itu dikritik keras oleh Presiden Majlis Peguam, Raja Aziz Addruce, yang juga menjadi peguam bagi Salleh. Aziz mendapat lima orang anggota panel itu lebih rendah pangkatnya daripada Peguam Negara. Dengan itu beliau berkata perlantikan mereka bercanggah dengan prinsip bahawa seseorang itu harus dibicarakan oleh sama ada orang yang setaraf dengannya atau lebih kanan. Daripada enam orang anggota panel itu, hanya Ketua Hakim Sri Lanka yang sama taraf kekananannya dengan Salleh. Aziz juga menimbulkan keraguan tentang penegasan oleh Dr. Mahathir bahawa Sri Paduka Baginda telah mengambil daya usaha mengenakan tindakan terhadap Salleh. "Perlombagaan Malaysia tidak memberi kuasa kepada Yang Dipertua Agung untuk melantik sebuah tribunal demikian kecuali PM terlebih dahulu membentangkan kepada baginda yang (Salleh) harus dipecat," hujah Aziz Addruce.

Kebanyakan daripada enam orang hakim yang dilantik menganggotai tribunal itu dianggap oleh golongan guaman Malaysia sebagai pro-establishment di negara masing-masing. Pengurus tribunal itu, Ketua Hakim Malaya, Tan Sri Abdul Hamid Omar, adalah orang kedua selepas Salleh di dalam susunan hiraki kehakiman dan kini memangku jawatan Ketua Hakim Negara. Sekiranya tribunal itu menasihatkan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung agar memecat Salleh, Hamid Omar dengan sendirinya akan menggantikannya. Hakikat tribunal itu mengandungi enam orang ahli, satu angka genap, juga dipersoalkan. Bagaimanapun ini dapat diterima dari segi teknik kerana perlombagaan hanya mengatakan sekurang-kurangnya lima.

Ketua Hakim Sri Lanka, K.A.P. Ranasinghe, dianggap sebagai seimbang di kalangan golongan guaman Colombo, sekalipun pertontikannya dalam bulan Februari tahun lalu mengalahkan calon lain yang paling kanan, menampakkan dengan jelas penerimaannya dari segi politik. Hakim Mahkamah Tinggi Singapura, T.S. Sinnathuray dilantik kerana Ketua Hakimnya berada di luar negeri, kata Jabatan Perdana Menteri. Di Singapura, kes-kes Sinnathuray yang terbaru dan banyak dihebohkan ialah permohonan 'hebeas corpus' oleh para tahanan ISA dalam mana Sinnathuray mempertahankan hujah-hujah kerajaan.

Ketua Hakim Borneo, Tan Sri Lee Hun Hoe pula adalah seorang lagi yang masih berkhidmat. Dua orang lagi hakim dari Malaysia dalam panel itu sudah bersara. Tan Sri Zahir Ismail, 64 tahun, bersara dari Mahkamah Tinggi Kelantan dalam tahun 1982 dan kini menjadi Speaker Dewan Rakyat. Tan Sri Abdul Aziz Zain yang dikenali, setelah meninggalkan Mahkamah Persekutuan (ketika itu) dalam tahun 1971 pada usia 49 tahun. Aziz kini mengendalikan sebuah firma guaman dan terlibat di dalam perniagaan. Yang jelas tidak disertakan di dalam susunan itu ialah hakim yang telah bersara Tun Mohamad Suffian Hashim, yang berkhidmat kepada mahkamah selama 21 tahun, lapan tahun sebagai Ketua Hakim Negara.

Di dalam kenyataan tunggal sejak digantung dari jawatan, Salleh meminta supaya dihakimi oleh orang-orang yang setaraf dengannya, "yang pangkat dan kedudukannya sekurang-kurangnya sama dengan saya". Hasrat itu tidak dipenuhi. Salleh juga meminta bicarakan secara terbuka, tetapi kerajaan senyap mengenai peristiwa itu.

Semua badan undang-undang antarabangsa menyokong perintah Salleh. "Adalah menyakitkan hati bagi hakim-hakim yang lebih rendah pangkatnya mengemukakan perakuan berhubung dengan Ketua Hakim Negara," kata Suruhanjaya Para Juris Antarabangsa menulis kepada Dr. Mahathir. Surat itu juga mengrisikkan yang Salleh berhak membela diri di samping hak untuk memanggil saksi, diwakili oleh peguam dan perbicaraan terbuka dia mahukannya.

Punca penggantungan itu, sebagaimana diberikan oleh Dr. Mahathir, juga menimbulkan keraguan tentang kesahihan proses

itu dari segi perlembagaan. Sebagai seorang Raja berperlembagaan haruskah baginda mengemukakan aduan? Percanggahan boleh timbul di antara peranannya sebagai yang ‘mengadu’ dan pemutus mutlak.

Lagipun beberapa sumber guaman melihat wujudnya ‘percanggahan kepentingan’ dengan perlantikan Hamid sebagai ketua tribunal itu. Kata mereka sekiranya Salleh didapati bersalah, Hamid akan mendapat faedah kerana beliau adalah orang yang bakal mengisi jawatan Ketua Hakim Negara. Namun kalau Salleh didapati tidak bersalah, Hamid akan bersara tanpa kenaikan pangkat.

Peguam-peguam tempatan berkata mesyuarat pada 25 Mac yang dihadiri oleh para hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung telah memutuskan supaya Salleh menulis surat kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan lapan orang lagi Raja-Raja itu. “Oleh itu kenapa segala-galanya Salleh yang dipersoalkan?” tanya seorang peguam.

Dokumen tuduhan juga menuduh Salleh cuba ‘menyatakan semula undang-undang umumnya selari dengan prinsip undang-undang Islam,’ yang kata kerajaan, mengenepikan ciri masyarakat pelbagai agama di Malaysia. Satu lagi dakwaan ialah berhubung dengan keputusan Salleh tahun 1987 yang menangguhkan sehingga satu tarikh yang ditetapkan bagi perbicaraan kes seorang gadis Cina yang telah memeluk Islam. Sebelum itu Salleh mendakwa Dr. Mahathir memberitahunya yang beliau ‘tidak layak membicarakan kes-kes UMNO.’ Bagaimanapun PM menafikan.

Sekalipun ketua tribunal itu, Hamid Omar, mengakui ada menghadiri mesyuarat 25 Mac namun beliau tidak berhasrat untuk menarik diri. “Saya ada tugas untuk dilaksanakan,” beliau memberitahu sebuah akhbar harian. “Saya akan menderhaka kalau tidak menjalankannya.” Beliau menegaskan yang tribunal itu bukan sebuah mahkamah kangaroo, dan bahawa ‘Salleh bukan sahaja akan dilayan dengan adil, tetapi juga akan kelihatan adil.’ Beliau menuduh orang-orang yang meragui perlantikannya sebagai ‘berniat jahat dan kejam.’

Dr. Mahathir juga mempertahankan perlantikan Hamid. “Siapa yang tidak menghadapi percanggahan kepentingan?” kata PM. Peguam Negara, Abu Talib cuba meredakan keadaan. “Hakim-hakim tidak harus menganggapkan kes ini sebagai satu

konfrantasi di antara pihak kehakiman dan eksekutif," tegasnya.



Dr. Mahathir sedang memotong kek kemenangan BN dalam pilihanraya 1990.



Dr. Mahathir di sidang akhbar setelah menang majoriti besar dalam pilihanraya 1986.

KRISIS BIDANG KUASA

"Saya tidak fikir yang pihak kehakiman itu bebas sepenuhnya. Ia hanya adil dan saksama. Banyak kambing hitam di dalam kumpulan itu yang mahu menunjukkan kebebasan sepenuhnya. Apabila kita mahu bebas sepenuhnya, kita lupa kewajipan untuk bersikap adil dan saksama. Kita hanya berminat untuk menjadi amat bebas, dan untuk itu berlebih-lebih sedikit, dan terpaksa membuktikan yang kita boleh mengetuk kerajaan, misalnya."

— Dr. Mahathir

SATU syarahan tentang demokrasi di Filipina telah diadakan selama tiga hari di Universiti Malaya mulai 7 Julai 1988. Penyiarannya ialah Claudio Teehankee, bekas Ketua Hakim Filipina. Ia mendapat sambutan di kalangan masyarakat guaman, termasuk Tun Salleh Abas dan seorang rakan yang digantung dari jawatan.

Sehari selepas itu akan diputuskan pula perbicaraan tentang kesabahan tribunal yang membicarakan tatacara dan kelakuan hakim-hakim yang digantungkan itu. Keputusan tersebut adalah bersabit satu larangan sementara yang dibuat di Mahkamah Tinggi tetapi telah dibatalkan oleh satu persidangan lima orang hakim di Mahkamah Agung.

Masyarakat peguam di seluruh bandaraya sibuk sekali dan mengadakan satu pertemuan yang diberi jolokan 'Selamatkan Kehakiman'. Perhimpunan itu dihadiri oleh sekitar 1,000 peguam.

Penggantungan hakim-hakim daripada jawatan masing-masing itu bukan sahaja meningkatkan ketegangan di antara badan

kehakiman dan kerajaan tetapi mencampakkan negara ke dalam krisis perlembagaan yang paling serius sejak 1983. Pelbagai pendapat yang menyokong dan menentang tindakan kerajaan yang 'disifatkan sebagai mengukuhkan' kuasa eksekutif dan sebaliknya mengurangkan kuasa Raja dan kehakiman.

Di antara masalah utama setelah digantung lima orang hakim yang menolak larangan sementara di atas kes tribunal itu ialah kekurangan hakim di peringkat Mahkamah Agung. Krisis tersebut kini melibatkan bukan setakat para peguam dan hakim tetapi sudah melibatkan Raja-Raja di seluruh Malaysia, setelah pelbagai majlis peguam menulis surat rayuan kepada Majlis Raja-Raja.

Ketika ketegangan memuncak di antara Kerajaan Malaysia dan pihak kehakiman, Timbalan Perdana Menteri memberi amaran bahawa tidak ada hakim yang di luar undang-undang. Hanya sembilan orang Raja di Malaysia berada di luar undang-undang. Katanya hakim tidak boleh dicabar apabila membuat keputusan di mahkamah, tetapi apabila membuat kenyataan politik di luar mahkamah, mereka boleh dicabar dan kerajaan terpaksa bertindak.

Keadaan menjadi semakin rumit apabila pada suatu hari Sultan Kelantan bertitah menyeru dipertahankan sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi. Titah Sultan Kelantan itu dianggap sebagai satu serangan ke atas kerajaan. Tidak lama lepas itu pada 14 Julai 1988 Pergerakan Pemuda sebuah parti politik turut campur dengan mengadakan tunjuk perasaan membawa sepanduk menentang kritik ke atas penggantungan Tun Salleh Abas dan lima orang hakim Mahkamah Agung yang lain. Bantahan itu adalah satu sokongan kepada kedaulatan Raja yang menggantungkan Salleh dan melantik Hamid.

Pelbagai usaha untuk mententeramkan ketegangan diambil oleh pihak Raja dan Sultan: Sultan Pahang menasihatkan para peguam agar jangan terlalu emosional. Baginda Sultan Perak cuba merundingkan kompromi dengan Salleh, supaya Salleh dilantik semula dan tribunal dibubar dengan syarat Salleh lepas itu bercuti dan bersara dengan serta merta. Cadangan itu tidak diterima oleh Salleh. Sultan Azlan Shah juga mencadangkan supaya lima orang hakim memohon maaf kepada Hamid kerana membelakangkannya di dalam sidang tergempar pada 2 Julai menangguhkan perintah kes atas Salleh. Sultan Trengganu pula diminta oleh para peguam di

Trengganu agar menguruskan Sidang Majlis Raja-Raja untuk menyelesaikan masalah itu.

Keputusan Agung

SETELAH setahun pergolakan di dalam bidang kehakiman, tribunal membuat keputusan tentang lima orang hakim yang digantung jawatan itu. Keputusannya ialah dua orang daripada mereka dipecat dan tiga lagi dibebaskan. Mereka yang dipecat ialah Hakim Tan Sri Wan Suleiman Pawan Teh dan Datuk George Seah kerana tidak menghadiri sidang Mahkamah Agung yang dijadualkan di Kota Bharu tetapi menghadiri sidang tribunal tergempar di Kuala Lumpur. Sebaliknya tiga lagi yang dibebaskan ialah Hakim Tan Sri Eusoffe Abdoolcader, Tan Sri Wan Hamzah Mohamed Salleh dan Tan Sri Mohamed Azmi Kamaruddin. Ketiga-tiga mereka yang telah digantung sejak 6 Julai 1988 itu bertugas semula seperti biasa.

Bagi kes Tun Salleh pula, Tribunal yang satu lagi telah sebulat suara mendapati beliau ‘bertindak di luar batasan’ dan dengan itu tribunal mengusulkan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong supaya beliau dipecat.

Kalangan pemerhati mengatakan kenapa keputusan dua Tribunal itu berbeza adalah disebabkan yang perbicaraan pertama dihadiri oleh kelima-lima Hakim yang digantung jawatan itu. Mereka membela diri dengan dibantu oleh 11 orang peguam. Sebaliknya Tun Salleh tidak mahu menghadiri dan tidak membela diri sewaktu Tribunal yang satu lagi itu bersidang. Itulah sebabnya Tribunal khas itu sebulat suara mendapati Tun Salleh harus dipecat.



OK! Kita berjaya. Dr. Mahathir mengangkat kedua-dua belah tangan merayakan kemenangan.



Tahniah daripada seorang isteri yang setia.

TAWARAN KABINET UNTUK DITOLAK

"Politik 'bujangan' dan politik 'pondan' tidak boleh dipakai di Malaysia. Ku Li dan Musa mungkin bijak bermain politik (kurang pasti pula politik yang bagaimana), namun rakyat sudah dapat memahaminya."

PADA 30 Oktober 1988, dalam Perhimpunan Agung UMNO Baru yang dihadiri oleh 1,545 perwakilan, dan setelah seinggu UMNO Baru memenangi pilihanraya kecil di Parit Raja di Johor, tiba-tiba Mahathir mengumumkan, 'demi kepentingan perduan', Tengku Razaleigh dan Musa Hitam ditawarkan jawatan cabinet sebagai Menteri Tak Berportfolio. Pengumuman itu mendapat tepukan gemuruh daripada perwakilan. Sebelum itu Dr. Mahathir juga mengumumkan untuk membuka keahlian UMNO kepada semua orang Melayu.

Langkah Dr. Mahathir itu melemahkan hujah Razaleigh dan Musa yang menuduhnya memecahkan belahkan orang Melayu. Sebagai reaksi timbul ekoran tawaran itu. Musa telah menolaknya dengan mengatakan bukan jawatan sedemikian menentukan perduan Melayu. Razaleigh mahu memikirkan dulu perkara itu tetapi kemudiannya menolak.

Pada 19 Oktober pula Mahkamah Agung memutuskan bahwa dua kumpulan akhbar terbesar di Malaysia (milik UMNO) tak payah merujuk UMNO sebagai UMNO (Baru), cukup dengan UMNO sahaja. Ini mematahkan kesahihan perjuangan Musa dan Razaleigh mahu memulihkan UMNO lama.

Ketika itu juga sekumpulan teknokrat dan ahli akademik Melayu diketuai oleh Tan Sri Basir Ismail, Pengurus Bank Bumi-putera dan Petronas bersepakat mengadakan langkah bertolak ansur dengan mengemukakan beberapa saranan. Pada 15 Oktober mereka mengemukakan empat perkara untuk penerimaan UMNO sebagai pengganti UMNO asal dengan menyusun semula parti itu agar selari dengan perlombagaan parti lama. Cadangan itu dianggap berkecuali dan lebih praktikal.

Mengenai cadangan supaya diadakan pilihanraya umum pula ditolak oleh Mahathir. Sebaliknya untuk menjamin kesetiaan orang Melayu, Kerajaan menambah peruntukan bagi pembangunan luar bandar dari M\$4 ribu juta dalam tahun 1989 kepada M\$5.1 ribu juta dalam tahun 1990.

Sementara itu Razaleigh nampaknya semakin giat mendapatkan sokongan dari masyarakat Cina dan India. Beliau juga sudah menghantar wakil untuk meninjau sokongan di Malaysia Timur dan mendapat sambutan cukup menggalakkan. Kekalahan UMNO (Barisan Nasional) di Johor Bahru sedikit masa lalu membayangkan akan kemungkinan ada kekuatan di dalam usaha itu. Kalau ini benar maka akan wujudlah apa yang disebut sebagai sebuah barisan pembangkang yang benar-benar pelbagai kaum.

Razaleigh Gagal Di Parlimen

PADA 6 Disember 1988, satu percubaan untuk memulihkan UMNO lama yang dibatalkan pendaftarannya telah gagal di Parlimen dengan 108-35 undi setelah perbahasan hangat dua hari. Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional mengundi untuk menolak usul itu sementara lawan mereka, 15 orang ahli UMNO lama diketuai oleh Tengku Razaleigh bersama dengan 19 orang ahli DAP dan seorang ahli bebas dari Sarawak, menyokong cadangan itu.

Dengan kekalahan itu kedudukan Mahathir menjadi lebih kukuh kerana tidak ada lagi saluran untuk memulihkan UMNO lama. Dengan itu beliau telah meningkatkan kedudukannya dengan menawarkan jawatan kabinet dan UMNO (Baru). Dengan tawaran terbaru pada 2 Disember itu maka kedudukan Razaleigh dan Musa menjadi semakin serba salah.

TAIB DALAM DILEMA

"Saya tidak hendak mengatakan apa-apa berkenaan berita angin itu. Di negara ini orang gemarkan berita angin. Kita ber kali-kali memberitahu mereka, kisah itu tidak benar. Namun ini tidak menghalang orang daripada menimbulkan lebih banyak berita angin. Saya rasa itu mungkin satu jenis hiburan."

— Dr. Mahathir

KORAN meningkatnya kesedaran politik kaum Iban sejak beberapa tahun kebelakangan ini, perpecahan kini wujud di dalam perkongsian kuasa Melayu-Melanau yang menguasai Sarawak selama dua dekad yang lalu, sekalipun merupakan kumpulan minoriti. Kerajaan Persekutuan pula semakin mengetatkan ikatan ke atas kerajaan negeri pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang didominasikan oleh Melayu, khususnya Parti Pesaka bumiputera Bersatu (PBB).

Dalam satu langkah yang mengejut, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Parlimen pada 4 Julai bahawa telah berlaku satu percubaan dalam tahun 1987 untuk membunuh Taib. Pendedahan itu nampaknya bertujuan menimbulkan aib kepada Taib dan mengingatkannya tentang kerapuhan posisinya dalam politiknya. Persaingan etnik, ketegangan Negeri Persekutuan dan Negeri, cemburu dan cita-cita peribadi membawa politik Sarawak ke arah perbalahan.

Beberapa kebakaran dan letupan yang berlaku di Serian dan Bintulu dalam beberapa minggu setelah pilihanraya Sarawak April 1987 adalah sebahagian daripada percubaan untuk membunuh Ketua Menteri, Tan Sri Taib Mahmud. Perbalahan Perdana Men-

teri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed di Parlimen pada 4 Julai 1989 itu sungguh mengejutkan.

Pendedahan yang lewat itu dibuat setelah polis menamatkan satu penyiasatan yang menyebabkan 11 orang ditahan peringkat demi peringkat di bawah ISA mulai pertengahan tahun 1988. Namun pendedahan itu lebih banyak menimbulkan soalan daripada menjawabnya.

Politik Malaysia jarang sekali dicemari keganasan, jadi kisah itu menimbulkan banyak minat—sesuatu yang payah dipercayai. Dalam kes ini, kehairanan orang ramai bertambah apabila Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub membebaskan baki tujuh orang tahanan yang dikatakan terlibat di dalam plot itu, tanpa sebarang syarat dalam tempoh empat jam setelah ucapan Dr. Mahathir.

Sedang ramai di Sarawak bersetuju mungkin ada percubaan untuk menggugat kerajaan pimpinan Taib setelah beliau memenangi pilihanraya yang ditandingi dengan sengit itu, mereka juga berpendapat penegasan tentang ancaman sebenar ke atas nyawa Taib mungkin sengaja diperbesar-besarkan. Komplot itu merancang hendak meletupkan kereta Taib, mengebom rumahnya dengan menggunakan pesawat mainan kawalan jauh, atau menembaknya, kata Dr. Mahathir. Sebuah skuad berani mati juga telah ditubuhkan. Mereka telah memperolehi senjata api dan bahan letupan.

Kalau beberapa orang ahli politik berpendapat pengeboman tahun 1987 itu mempunyai motif politik, yang lain hari ini melihat pembebasan tahanan juga dilakukan dalam motif serupa. Di antara orang yang paling penting ditahan ialah bekas Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Kelaka Datuk Wan Yusof Tuanku Haji Bujang. Beliau menyifatkan yang mereka difitnah. "Dosa tunggal kami kalaularah itu dosa, ialah kami terlalu banyak mengetahui tentang mereka," kata Yusuf tentang lawan politiknya iaitu Datuk Taib Mahmud. "Mereka mengatakan sesuatu dan kami mengetahui apa yang mereka hendak lakukan kemudiannya."

Wan Yusof adalah Presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) dan lima orang daripada enam orang lagi di dalam kumpulannya yang ditangkap adalah juga sama ada ahli atau ahli jawatankuasa badan agama-pendidikan Persatuan Melayu itu

dikatakan menarik keluar sokongan Melayu daripada Parti Sosaka Bumiputera Bersatu pimpinan Taib. Menurut para penyohong Wan Yusof, Taib berharap untuk mematahkan pengaruh KMS dengan ‘memenggal kepalanya’ tetapi kini para pemimpinnya bebas, dan mereka lebih berazam lagi untuk mencapai matlamat mereka.

Satu dimensi baru timbul di dalam politik Sarawak yang boleh mengubah susunan kuasa bumi Kenyalang, negeri yang terbesar di Malaysia itu. Beberapa orang pemimpin Persekutuan bimbang tentang persaingan itu boleh mengakibatkan kumpulan-kumpulan bimbangkang Sarawak bersatu tenaga dengan seteru politik Dr. Mahathir di peringkat Persekutuan, terutama sebuah gabungan yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Mereka juga bimbang pasukan politik bukan Melayu akhirnya boleh menguasai Sarawak dan menuntut lebih autonomi bagi negeri itu.

Sementara itu, kerajaan Persekutuan berusaha untuk meningkatkan kawalan ke atas negeri yang kaya dengan sumber asli itu. Dr. Mahathir menjemput Taib ke Kuala Lumpur dan memintanya masukkan parti lawannya yang berasaskan kaum Iban, Parti Sosia Dayak Sarawak (PBDS), sebagai anggota komponen keempat kerajaan campuran negeri. PBDS yang dipecat dari Barisan Nasional Sarawak dalam tahun 1987 berada dalam keadaan yang baik kerana menjadi anggota Barisan Nasional 13 parti di peringkat Pusat tetapi pembangkang di peringkat negeri Sarawak. Taib akan, kata sumber-sumber yang rapat, dan ini menimbulkan marahan Dr. Mahathir.

Meramalkan yang Razaleigh akan melancarkan satu cabaran Melayu yang kuat di Semenanjung terhadap kepimpinannya, Dr. Mahathir mahu mengelakkan sebarang kerumitan di Sarawak di pilihanraya umum akan datang, yang dijangka akan diadakan pada tahun 1990, sekalipun belum tiba jadualnya sehingga Ogos 1991. Razaleigh sudahpun berpadu tenaga dengan dua buah parti bimbangkang Persekutuan utama dan boleh jadi akan cuba mencincang parti-parti di Sarawak dan Sabah, khasnya yang mengalami hubungan tegang dengan kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Apa yang bermula sebagai satu persaingan dalam keluarga dan puak, kini menjadi satu batas pemisah di dalam politik Sarawak. Pilihanraya umum negeri yang diadakan pada 15 dan 16 April

1987, telah mengembalikan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abdul Taib mahmud ke tumpuk kuasa. Keputusan pilihanraya itu mematahkan pemberontakan terhadapnya, mengakibatkan kebangkitan yang tidak diramal satu dimensi baru arena politik dalam bentuk nasionalisme Dayak pula.

Satu hasrat yang kian memuncak yang ditagih oleh kumpulan bumiputera terbesar Sarawak itu untuk meningkatkan suara mereka tentang masa depan masing-masing mengakibatkan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) memenangi 15 daripada 21 kerusi yang majoriti pengundinya Dayak di dalam pilihanraya itu. Ini menjadikannya parti tunggal terbesar di dalam Dewan Undangan Negeri 48 kerusi, malah mengalahkan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) pimpinan Taib yang merupakan parti dominan, yang hanya memperolehi 14 kerusi. Bagaimanapun majoriti mudah 28 kerusi dicapai oleh tiga parti komponen Barisan Nasional Sarawak—PBB untuk Melayu-Melanau, SUPP untuk masyarakat Cina 11 kerusi dan Parti Kebangsaan Sarawak yang berasaskan kaum Dayak memenangi tiga kerusi—bererti Taib menghadapi blok pembangkang terbesar pernah wujud di sebuah negeri yang biasa dengan kompromi dan bukan konfrantasi. Taib sendiri menyebut 36 sebagai angka hikmat yang hendak dimengerti, tetapi beliau gagal dengan kekurangan lapan kerusi daripada sasarananya.

Gangguan terbesar bagi Taib ialah PERMAS, parti serpihan PBB, yang baru ditubuhkan dipimpinkan oleh bapa saudara di bekas pengasuh Taib, Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yakub. Sekalipun PERMAS hanya berjaya memenangi lima kerusi Rahman berikrar akan meneruskan perjuangan menentang anak saudaranya—yang mungkin bererti Taib terpaksa terus mengawal para penyokongnya supaya tidak menyeberang ke pihak lawan.

Bagi Taib, kejayaan peribadinya dengan majoriti 2,194 undi Sebandi bertambah manis dengan kekalahan Tun Rahman yang tidak disangka-sangka di Matu-Daro. Taib telah mencabar Rahman sebelum hari penamaan calon agar bertanding menentangnya. Sebandi, secara satu lawan satu. Rahman menolak.

Persaingan di antara mereka sungguh mendalam. Rahman memilih sendiri Taib untuk menggantikannya sebagai Menteri dalam tahun 1981, apabila beliau sendiri dilantik mer-

yang Dipertua Negeri. Dengan jalan itu Rahman berharap mengejalkan kuasa di tangan kumpulan Melayu-Melanau, serta mempunyai kawalan langsung terhadap pentadbiran. Namun Taib tidak senang sekadar menjadi ketua yang dibayangi oleh bapa saudara sendiri. Akibatnya timbulah perselisihan di dalam keluarga.

Pergeseran itu memuncak apabila 28 orang Ahli Dewan Undangan Negeri yang memberontak dari kesemua empat parti komponen Barisan Nasional ketika itu meninggalkan Barisan pada 10 Mac 1987 dan akhirnya menujuhkan sebuah parti baru, PERMAS. Untuk mengelakkan undi tidak percaya, Taib membubarkan Dewan Undangan Negeri dan mengadakan pilihanraya umum. Sampaian kuasa yang mengancam itu gagal, namun Taib juga mengalami kerugian, kerana kebangkitan Dayak telah menjadi lebih hebat daripada persaingan peribadi di antara Taib dan Rahman.

Oleh kerana lahir dari acuan politik yang sama kedua-duanya mengemukakan dasar-dasar yang serupa, hanya perbezaan dari segi personaliti. Para pemerhati yang sinis berkata hasilnya hanya menyentujan siapakah yang akan memiliki lebih banyak kawasan balak. "Politik Sarawak adalah politik balak," Taib mengakui dalam tahun 1987. Beliau telah membekukan 25 (kawasan) konsesi balak, bernilai kira-kira MS22.5 ribu juta (US\$9 ribu juta). Langkah itu, untuk mencegah kawasan balak daripada "dipusatkan di tangan gelintir orang," ujar Taib tanpa menyebut sebarang nama atau kumpulan.

Kempen itu sendiri menelan belanja berjuta-juta ringgit. Pilihanraya itu melibatkan lebih banyak pidato para pemimpin daripada penyertaan rakyat. Bagaimanapun para penyandang, beruntung kerana rakyat Sarawak mengaitkan Barisan Nasional dengan pembangunan—aliran kempen Taib.

Pihak Taib beruntung sebagai penyandang—di samping kakalan ke atas helikopter-helikopter kepunyaan Hornbill Skyways, sebahagian milik kerajaan, satu aset amat penting untuk keberkesanan kempen di kawasan pedalaman Sarawak di mana lawan terpaksa bergantung kepada bot dan kenderaan pacu empat roda. Semenanjung itu, tema Sarawak untuk Rakyat Sarawak yang dikemukakan dalam PBDS ternyata berkesan.

Dr. Mahathir sudah tentu tidak mahu pengulangan peristiwa

di Sabah dalam tahun 1985-86 apabila para pengundi menumbangkan Berjaya, parti komponen Barisan Nasional, dan melonjakkan Parti Bersatu Sabah yang baru ditubuhkan ke tampuk kuasa hasil kempeta nasionalisme etnik Kadazan. Terangsang oleh semangat serupa, tetapi di Sarawak di kalangan orang Iban, PBDS memperolehi 15 dari 48 kerusi di dalam pilihanraya Sarawak 1987 —menyatukan para pengundi yang dulunya berpecah di kalangan masyarakat Dayak, yang merangkumi orang Iban dan kumpulan-kumpulan bumiputera yang lebih kecil. PERMAS pula berjaya memenangi lima kerusi.

"Kita harus menerima hakikat. Satu hari mereka (Iban) akan memerintah negeri ini. Jumlah mereka ramai," kata seorang ahli politik Melayu. Setakat ini 20% Melayu dan 5% Melanau di Sarawak telah berkuasa kerana mereka bersatu sementara Iban yang terdiri daripada 33 % berpecah sokongan di kalangan tiga parti. Namun ini berubah. Sekiranya Iban naik berkuasa, kumpulan Dayak yang lebih kecil seperti Bidayuh (9%) dan Orang Ulu (3%) mungkin menyertai mereka berdasarkan nasionalisme etnik.

Melihat tanda-tanda nasionalisme Iban semakin jelas, Dr. Mahathir berusaha mengekalkan PBDS di dalam lingkungan Barisan Nasional. Sarawak mempunyai 24 kerusi Parlimen dan hanya satu kerusi kini di tangan pembangkang DAP. Sabah yang memiliki 20 kerusi—empat daripadanya di tangan DAP. Hasil gerakan penyemakan sempadan kawasan pilihanraya, Sarawak akan mempunyai 27 kerusi Parlimen dan Sabah 24 di dalam pilihanraya akan datang. Satu blok 51 kerusi yang kukuh dari Sabah dan Sarawak akan memperbesarkan benteng keselamatan Dr. Mahathir untuk berhadapan dengan cabaran Razaleigh.

Dalam satu rombakan kabinet dalam bulan Jun 1989, Dr. Mahathir memindahkan pemimpin PBDS Datuk Leo Moggie dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ke Kementerian Kerajaan—satu permintaan setara. Namun di Sarawak, dengan kebanyakannya masih belum mempunyai jalanraya, langkah Dr. Mahathir itu dianggap sebagai satu kenaikan pangkat. "Di dalam politik Sarawak, orang yang menguasai jalanraya menguasai undi," kata seorang penduduk Sarawak. Jalanraya boleh dikatakan tidak ada di kawasan pembangkang dan ramai yang mengharapkan Leo Moggie untuk memperbaiki keadaan yang tidak seimbang itu

Dengan cara itu mendatangkan lebih banyak sokongan untuk hartinya. Lagi pun dengan penswastaan jalanraya beberapa tahun lalu, ramai tokoh terkemuka di dalam Barisan Nasional Negeri Sarawak yang memenangi kontrak jalanraya kini bimbang yang akan menamatkan kontrak itu.

Di dalam rombakan itu, bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah, Datuk Sulaiman Daud, menteri penuh tunggal dari PBB, dipindahkan ke portfolio Kehakiman yang kurang penting. Sulaiman telah dimasukkan ke hospital untuk beberapa bulan dan perlu banyak berehat. Para pemimpin PBB menjangka orang lagi dari kalangan mereka dinaikkan pangkat ke dalam kabinet, dan menganggap satu tamparan terhadap Taib apabila ini tidak berlaku.

Pendedahan Dr. Mahathir tentang plot tahun 1987 menimbulkan gegaran di Parlimen. 11 orang telah ditahan berperingkat tingkat di bawah ISA kerana dikatakan terlibat, namun anehnya, semua 7 orang baki tahanan dibebaskan beberapa jam setelah Dr. Mahathir mendedahkan plot itu. Soalan ditimbulkan tentang motif untuk pendedahan Dr. Mahathir di Parlimen serta pembebasan para tahanan itu oleh pihak berkuasa penjara. Ramai pemerhati mendapati, oleh kerana plot itu ditujukan kepada Taib, Dr. Mahathir secara tidak langsung membayangkan yang beliau tidak berpedulikan survival politik Taib. Taib sendiri tidak diberitahu awal-awal tentang pembebasan itu. Beliau cukup kecewa sehingga menghantar lapan orang menteri negeri untuk berjumpa Dr. Mahathir dua hari kemudian. Taib sendiri tidak pergi.

Menurut para pengkritik Taib, Dr. Mahathir secara peribadi sangat senang dengan perlantikan Taib sebagai Ketua Menteri lalu tahun yang lalu, tetapi mengalah kepada bapa saudara yang menyandang jawatan itu sebelum Taib—Tun Haji Abdul Rahman Jakob. Rahman yang memegang jawatan Yang Dipertua Negeri Sarawak tahun 1981, berharap untuk mengekalkan kawalan ke atas akutif menerusi anak saudara dan orang di bawah perlindungan-

Namun personaliti Taib yang kuat tidak membolehkannya lalu dan kemudiannya bercanggah pendapat dengan bapa saudaranya, menyebabkan Tun Rahman meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Negeri dalam tahun 1985. Rahman kemudiannya memimpin se-

buah kumpulan serpihan PBB dalam tahun 1987, mahu menge-
mukakan undi tidak percaya pada awal tahun 1987 terhadap Taib.
Percubaan itu gagal menyebabkan diadakan pilihanraya dan PER-
MAS pimpinan Rahman gagal.

Sebaliknya pula, Taib cukup rapat dengan bekas Timbalan
Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, satu hubungan yang mem-
bimbangkan Dr. Mahathir ekoran pergolakan hebat di dalam
UMNO. Apabila Dr. Mahathir berada dalam keadaan amat terse-
pit, tahun 1988, Taib menambah kedudahan Perdana Menteri de-
ngan mengancam akan memberi hak mendarat kepada Penerban-
gan Singapura (SIA) sekiranya Kerajaan Pusat tidak menambahkan
penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Kuching. Dr. Mahathir
dan kabinetnya marah terhadap apa yang merupakan asakan lang-
sung ke atas kepimpinan persekutuan dan pencagasan kebebasan
yang luar biasa.

Para pemerhati politik kini tidak pasti apakah Dr. Mahathir
mahu menggantikan Taib, mungkin selepas pilihanraya umum
akan datang, dan lebih tepat lagi ialah apakah beliau akan menyel-
tuji seorang Iban menjadi Ketua Menteri—yang pertama setelah
20 tahun. Di negeri-negeri, tidak ada orang yang dapat bertahan
lama kalau bercanggah dengan Kuala Lumpur,’ kata seorang ahli
politik Sarawak. Sejak penggulingan Datuk Stephen Kalan
Ningkan dan diisyiharkan darurat dalam tahun 1966, diikuti oleh
satu tempoh pemerintahan ringkas oleh seorang lagi Ketua Men-
teri Iban, Penghulu Tawi Sli sehingga tahun 1969, Ketua Menteri
Sarawak seterusnya adalah Melayu-Melanau (Islam).

Orang Melayu adalah juga kaum utama di Semenanjung yang
menjaminkan hubungan licin persekutuan-negeri. Namun kini Dr.
Mahathir mungkin bersedia untuk menerima seorang Ketua Men-
teri Iban dengan syarat beliau lebih mudah dikawal daripada
seorang Melayu, menurut pandangan ahli-ahli politik Iban dan
Melayu.

Perpecahan itu sebahagian daripadanya akibat perbezaan per-
sonaliti. Dalam 20 tahun pertama setelah Sarawak dan Sabah me-
nyertai persekutuan dalam tahun 1963, ketua-ketua mereka
mereka adalah sahabat peribadi Perdana Menteri yang berkuan-
tan. Namun hari ini, baik Taib atau Datuk Joseph Pairin Kitingan dan
Sabah, tidak boleh datang ke pejabat Dr. Mahathir atau ke

nahnya untuk berbual secara informal dan tanpa temujanji, kata para pembantu mereka.

Sementara itu sebilangan ahli politik Melayu di Sarawak bahukan UMNO turut serta secara langsung di dalam politik negeri, untuk menjamin supaya permintaan Sarawak akan diberi lebih banyak perhatian. Kini 'kami dilayan macam anak tiri kerana kami tidak mengundi Presiden UMNO, yang tentunya menjadi Perdana Menteri,' seorang Melayu Sarawak mengadu. Tabung pembangunan dicurahkan ke Kuala Lumpur, sementara di Sarawak, rakyat masih berperahu, katanya.

Beberapa orang pemimpin Sarawak berkata, Sarawak sebuah negeri yang kaya dengan gas asli, balak dan lada hitam. Mereka mengeluh, kalaualah bukan kerana mainan sejarah, Sarawak juga boleh sekaya Brunei. Mereka merasa kerugian di bawah sistem ada yang hanya memperuntukkan 5% pendapatan gas kepada kerajaan Negeri, dan bakinya dibahagikan di antara tabung persekutuan dan syarikat-syarikat minyak asing. Lebih menyulitkan lagi hubungan persekutuan-negeri ialah hubungan tradisi di Sarawak yang juga tegang. PBB dikuasai oleh kumpulan etnik Melanau, dalam mana Taib dan Rahman merupakan tokoh-tokoh penting kaum itu. "Orang Melanau 'baik di dalam kerajaan atau di luar' pembangkang, memegang kuasa kerana rajin dan bijak," kata orang ahli politik Iban.

Namun ada tanda-tanda hubungan rapat Melayu-Melanau telah jadi retak. Sebilangan orang Melayu yang lebih berpendidikan dan giat berpolitik kesal dengan apa yang mereka lihat sebagai bantuan yang berlebihan dari Taib kepada orang Melanau dalam kerajaan dan perniagaan, sebaliknya meninggalkan mereka di tepi. Sekalipun bukan sebuah parti politik, Persatuan Kesusaahan Melayu Sarawak (PKMS), adalah sebuah badan agama, pendidikan dan kebudayaan Melayu. Jelas sekali pertubuhan itu marik keluar orang Melayu dari PBB. Yang untung ialah PERAS, kerana beberapa orang pemimpin utama PKS juga merupakan PERMAS.

Menurut para pemerhati tempatan Taib bertindak balas demenarik 30% Cina Sarawak, yang kebanyakannya diwakili oleh SUPP, dan sedikit sebanyak SNAP yang pelbagai kaum, yang menjadi rakan di dalam Barisan Nasional negeri. Namun orang Cina

yang pragmatik akan menyokong mana-mana pihak yang kuat dan menuntut lebih banyak kawasan balak untuk ‘harga’ sokongan mereka. Jadi dalam kes ini Taib bermain api. Beliau hanya mengira hari-hari ketika mana barisannya akan dikalahkan di dalam pilihanraya. Personaliti Taib menjadikan kedudukannya rapuh.

POLITIK: KOMODITI JUAL BELI

"Apa saja kempen yang dijalankan baik secara individu maupun secara berparti memerlukan modal yang besar. Jika tidak janganlah bermimpi untuk meraih kemenangan."

TREND politik hari ini ialah politik wang. Politik sudah menjadi seperti barang atau komoditi yang boleh dijual beli. Tokoh-tokoh politik merupakan penaja barang tersebut sememangnya pasaran terbukanya ialah negara ini sendiri. Antara komoditi politik yang utama buat masa ini termasuklah UMNO, MCA, MIC, PBS, PBB dan beberapa buah lagi parti yang kita sama-sama tahu maklum. Bagaimanapun buat masa ini UMNO adalah merupakan komoditi paling penting yang mendapat perhatian 'pembelian dan penjualan saham terbesar'.

Gejala politik berunsurkan wang dan harta ini memang sudah wajar dan sangat sukar untuk dibendung lagi. Sesiapa saja yang minat politik dan mahu menjadi orang penting memerlukan sokongan wang yang banyak. Apa saja kempen yang dijalankan baik secara individu maupun secara berparti memerlukan modal yang besar. Jika tidak janganlah bermimpi untuk meraih kemenangan. Politik jual beli pengaruh seumpama ini dilakukan oleh semua baik pembangkang maupun kerajaan sendiri. Misalnya, Mahathir tidak dapat memenangi dan seterusnya mengukuhkan duduk beliau jika tidak mengeluarkan perbelanjaan yang besar membiayai berbagai kempen. Samada modal itu dari kocek

beliau sendiri ataupun sahabat-sahabat ataupun 'wang kerajaan' adalah perkara lain. Soal pokoknya beliau mesti mengeluarkan modal, jika kedekut sudah tentu jatuh.

Demikian juga dengan Tengku Razaleigh, beliau sanggup terus melawan walaupun sudah kalah adalah semata-mata kerana beliau masih mempunyai banyak wang yang boleh dibelanjakan. "Belumpun ada sepuluh peratus kekayaan Tengku Razaleigh dibelanjakan untuk melawan Dr.Mahathir," demikian hujah seorang penyokong beliau.

Keadaan akan berubah jika sekiranya Tengku Razaleigh bukan seorang yang benar-benar kaya raya. Alang-alang jutawan tidak akan dapat bertahan lama. Jika kekurangan modal, perlawanan akan mudah ditamatkan. Keadaan inilah yang menimpa Datuk Musa. Beliau terpaksa kembali "melutut Dr.Mahathir" kerana kurang modal. Datuk Musa sudah mulai jatuh miskin, maka mahukan tak mahu terpaksalah "menjilat ludah sendiri" dan berbaik semula dengan orang yang telah beliau maki hamun sebelum ini.

Kenapa Datuk Musa tidak terus bersekongkol dengan Tengku Razaleigh juga kerana politik wang. Datuk Musa memang mengutuk keras politik wang. Akan tetapi yang dikutuk, hanya politik wang yang kecil-kecil saja. Kalau politik wang yang besar dan dapat membantu dirinya naik semula, itu tak mengapa. Tetapi Tengku Razaleigh tidak dapat nak tanggung Datuk Musa terus-terusan. Nafsu Musa sangat besar. Penyokong Musa juga ramai. Gunung emas sekalipun akan habis jika dilombong terus-terusan. Kerana itulah Datuk Musa berpecah dengan Tengku Razaleigh.

Sebenarnya inilah faktor terpenting kenapa persekongkol Razaleigh—Musa pecah. Perpecahan itu tidak banyak melibatkan soal-soal prinsip perjuangan. Mereka bersatu tenaga sebelum itu adalah disebabkan oleh "mabuk kuasa" serta janji-janji pembagian kuasa dan seterusnya menguasai harta kekayaan yang ada.

Ahli politik walau sebesar mana sekalipun adalah manusia juga. Ahli politik walau sewarak mana sekalipun adalah manusia juga. Ahli politik walau sebaik mana sekalipun manusia juga. Manusia punya nafsu. Manusia perlu makan, pakai dan kuasa. Justeru walau apa sekalipun yang dilakukan oleh manusia itu, perkakaknya tidak lari dari soal-soal makan, pakai dan kuasa itu tadi.

Oleh kerana Datuk Musa sudah tidak cukup makan serta pakai dan tak ada kuasalah maka beliau sanggup melutut semula kepada Dr. Mahathir. Soal perjuangan, soal mahu menyumbangkan tenaga tidak timbul. Yang penting ialah menyelamatkan diri sendiri dari terus dilupakan oleh rakyat. Datuk Musa sudah membuat perhitungan, jika dia lebih lama lagi duduk di luar UMNO maka perang untuk beliau naik semula tertutup rapat. Sesiapa saja yang berus keluar UMNO dan tidak mahu rujuk semula maka riwayat politiknya tidaklah dapat bertahan lama. Jadi dengan rujuk semula itu, Datuk Musa berpeluang mengumpul modal dan tenaga baru bagi meneruskan perjuangannya untuk mendapatkan kuasa pula. Tetapi makan dan pakai sudah Dr. Mahathir berikan apabila belum sanggup berlutut meminta maaf walaupun dilakukan dengan tujuan yang berbelah bagi dan ‘malu-malu kuching’.

Saya katakan malu-malu kuching kerana gelagat Datuk Musa yang sekejap kata nak masuk, sekejap lagi kata tak mahu. Sekejap tinafikan tetapi tak lama lepas itu tahu-tahu dah dilantik menjadi ‘wakil negara’ ke Bangsa-Bangsa Bersatu pula. Entah esok lusa dia akan terus menjadi Perdana Menteri. Waktu itu saya pula yang tersusah melutut Datuk Musa kerana menulis mengutuk beliau.

Sebenarnya saya faham sangat macamana ‘sirih naik junjung’. Datuk Musa memang mahir dalam selok belok berpolitik. Beliau boleh diibaratkan macam ‘seekor ular sawa’. Dia belit dan telan siapa saja musuhnya. Soal berpolitik dan belit membelit, Datuk Musa memang jaguh. Akan tetapi sebagai sebuah negara majmuk yang sedang pesat membangun ini, apakah Malaysia dapat dipimpin oleh seorang yang ‘pembelit’? Kita boleh berpolitik, akan tetapi janganlah sampai memecah-belahkan rakyat. Kita boleh menyedut harta dan apa saja kekayaan, tetapi janganlah sehingga rakyat miskin juga dibaham sama. Sewaktu negara masih aman serba serbinya mewah walaupun adakalanya meleset ini, menghalang dapat kita belit sana dan belit sini. Akan tetapi jika keadaan sudah huru hara ‘otak belit membelit’ tidaklah dapat gunakan dengan berkesan. Kerana jika ‘hukum koboi’ tiba nanti, ah sikit atau geram sikit, tembak. Tak ada lutut melutut dalam hukum koboi.

Politik wang mula-mula merebak di Sabah iaitu di zaman Tun Mustapha menjadi Ketua Menteri dulu. Beliaulah antara

tokoh politik negara ini yang dianggap kaya raya dikalamana orang lain walaupun berkuasa dan menjadi menteri tetapi 'sengkek'. Waktu itu Tun Mustapha disanjungi bukan kerana pandai berpolitik tetapi adalah disebabkan beliau jutawan yang boleh menabur wang ringgit mengikut sesuka hati beliau saja. Malah beliau adalah tokoh politik negara yang pertama ada pesawat peribadi yang boleh diterbangkan ke mana saja dan pada bila-bila masa beliau suka.

Disamping beliau sudah tentu ramai pula kuncu-kuncunya yang turut kaya raya. Mereka ini adalah penyimpan harta yang 'diamanahkan'. Antara orang yang turut berkesempatan menimba kekayaan di zaman kegemilangan Tun Mustapha ialah 'anak Kedah' yakni Datuk Syed Kechik. Beliau berjaya kerana pandai berpolitik dan merupakan 'penasihat dan orang kuat' Tun Mustapha. Setelah USNO kecundang dalam pilihanraya ditangan BERJAYA, maka tiba-tiba era Datuk Haris Saleh pula mengumpulkan harta kekayaan. Orang-orang BERJAYA pun ramailah yang berjaya menjadi kaya raya. Demikianlah seterusnya hingga ke hari ini tiba-tiba giliran Datuk Pairin Kitingan dan kuncu-kuncunya dalam PBS pula menyedut kekayaan Sabah. Politik adalah perniagaan yang sangat menguntungkan. Pendek kata sesiapa sahaja yang berjaya menguasai politik dan Kerajaan Negeri maka dengan sendirinya akan menjadi kaya raya.

Fenomena politik wang ini kemudiannya menular juga di Sarawak. Kalau di Sabah ada Tun Datu Mustapha maka di Sarawak pula Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub merupakan pelopor utamanya. Tahun-tahun awal beliau menjadi Ketua Menteri Sarawak, kesemuanya berada didalam keadaan miskin. "Waktu itu kita sering sangat minta sedekah. Semuanya berada dalam serba kekurangan," ujar beliau kepada saya sewaktu pertama kali saya datang menemuinya untuk bertugas dengan akhbar Sinar Sarawak pada penghujung 1970-an dulu.

Elok sekiranya saya paparkan disini bagaimana saya menyaksikan sendiri orang-orang politik Sarawak menjadi kaya raya. Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub yang saya hormati itu pernah memberitahu saya: "Kita selalu merasa cemas bila menghadapi pilihanraya. Pernah sewaktu berkempen menghadapi pilihanraya 1974 dulu, kita ketiadaan wang yang cukup untuk melawan SNAP.

"Tun Razak berjanji nak berikan wang tapi sumbangan UMNO itu tak juga datang. Tun Mustapha juga berjanji nak beri bantuan tapi cuma sedikit saja yang diberikan.

"Nasib baik Tengku Razaleigh (waktu itu Pengurus Bank Bumiputra) sanggup beri pinjam \$2.5 juta. Kalau tidak rumitlah tadaan kita dan mungkin keputusan pilihanraya tidak menyebati kita."

Peristiwa kerumitan mendapatkan bantuan wang untuk dibenarkan sewaktu berkempen itulah yang menyebabkan beliau berulang 'kita perlu kaya jika mahu terus berpolitik'. Setelah menang pilihanraya 1974 beliau berjaya menujuhkan Kerajaan Negeri Sarawak pembangkang kerana parti SNAP juga turut masuk Barisan Nasional disamping PBB dan SUPP. Kemasukan SNAP ke dalam komponen Barisan Nasional itu dengan sendirinya menamatkan persengketaan politik Sarawak. Iklim politik yang mulai aman dari itu memberikan peluang yang banyak kepada Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'akub untuk ditumpukan dalam usaha membangunkan negeri. Mulai tahun 1974 inilah juga beliau mengorak langkah untuk memperkuatkan kedudukan ekonomi bersifat khususnya parti PBB dan pendukung-pendukung utama berulang.

Beliau tidak mahu peristiwa kekurangan wang untuk dilanjakan dalam berkempen itu berlaku lagi. Sumbangan dari UMNO memang tidak dapat diharapkan kerana UMNO sendiri waktu itu masih 'miskin'. Malah UMNO sendiri banyak bergantung dengan sumbangan saudagar-saudagar Cina dan parti MCA.

Mula-mula sekali bekas Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri Sarawak itu memilih lebih kurang sepuluh orang untuk berikan hutan balak. "Adalah mustahil untuk saya memberikan kekayaan pada semua orang dalam waktu yang singkat. Itulah sebenarnya saya membuat pendekatan dengan memperkayakan sekumpulan kecil dahulu. Hasilnya cepat dan mudah kita kawal," demikian kata Tun Rahman pada saya. Oleh kerana sekitar penghujung Jun 1970-an, harga kayu balak melambung tinggi, maka dengan sendirinya kekayaan mudah dikumpul. Perlu diingat bila menyebut kasus konsesi balak di Sarawak mahupun Sabah ia melibatkan berian ratusan ribu ekar dan bukannya sepuluh atau dua puluh ekar seperti yang banyak dilakukan di Semenanjung. Justeru

itu kalau sudah beratus-ratus ribu ekar dan ditambah pula harga balak yang melambung tinggi, maka dengan sendirinya ‘orang buta kayu dalam perniagaan pun boleh menjadi jutawan terbilang dalam seklip mata’.

Selepas kumpulan pertama ini berhasil, barulah beliau meluaskan lagi ‘pemberian kekayaan’ itu kepada orang-orang lain yang beliau fikirkan layak dan boleh diharap untuk membantu mengukuhkan kedudukan politik beliau. Bertolak dari sinilah maka timbulnya ramai jutawan Melayu/Bumiputera di Sarawak. Dengan ujudnya mereka ini ‘bagai cendawan tumbuh’ telah mengukuhkan kedudukan politik Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya‘akub. Soal wang ringgit tidak ada masalah lagi. Adakanlah pilhanraya setiap tahun sekalipun ‘pasti boleh menang’ kerana soal sogok-menyogok dan beli membeli undi itu dapat dilakukan dengan mudah. Ada wang pasti menang.

Bagaimanapun ‘senjata wang’ ini jugalah yang menyebabkan beliau tumpas di tangan anak saudaranya sendiri yakni Ketua Menteri Tan Sri Taib Mahmud. Apabila timbul krisis politik antara Tun Rahman dengan Taib Mahmud itu, kekuatan beliau sudah terbahagi dua. Sebenarnya ‘ramai orang Tun Rahman sendiri yang menyebelahi Taib’. Hal ini berlaku semata-mata kerana harta. Waktu ini Datuk Taib yang ada kuasa, jadi walaupun Tun Rahman yang berikan peluang untuk kaya raya dulu, mereka ini termasuk Taib sendiri ‘lupa daratan’. Jadi untuk menjaga kepentingan peribadi maka berlakulah perpecahan. Hanya beberapa kerat penyokong setia Tun Rahman saja yang masih tetap berdiri teguh dibelakang beliau. Yang lain-lain itu ‘asyik bermuka-muka’ dan tidak boleh diharap untuk bertempur di medan perjuangan. Inilah punca tewasnya Tun Rahman di tangan Taib.

“Datuk Taib sekarang ini makin teguh. Operasi ‘tutup paip’ nya berjaya,” demikian antara yang pernah saya dengar dari para penyokong beliau. Operasi ‘tutup paip’ yang dimaksudkan itu ialah antaranya menarik balik lesen-lesen dan konsesi balak serta tender tender yang telah diberikan kepada orang-orang kuat Tun Rahman supaya mereka jatuh bankrap. Dengan cara ini dapat ‘mengeringkan telaga dan sumber kewangan’ Tun Rahman dan kuncu-kuncu beliau. Apabila bekalan ‘peluru’ kehabisan, maka dengan mudah mereka ini ditewaskan. Dalam proses tersebut, mana-mana yan-

tidak sanggup ‘mati katak’, mereka dengan cara terbuka menyeberangi Datuk Taib pula. Orang-orang yang sedemikian bukan saja berselamat malah Datuk Taib tambahkan lagi kekayaannya itu. Bagaimanapun yang paling beruntung ialah Datuk James Wong dan kuncu-kuncunya. Inilah yang dinamakan ‘kalau sudah nasib orang Cina, bagaimanapun keadaannya mereka tetap boleh menang untung’.

Sewaktu saya di Sydney, Australia kerana belajar, secara ketulungan saya bertembung dengan Haji Alli Kawi bekas Presiden PAJAR yang pernah saya kutuk habis-habisan sewaktu bertugas di Samarahan Sarawak (akbar lidah resmi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak ringkasnya PBB) dulu. Kami pun bertegur sapa beberapa minit. Dalam perbualan singkat itu beliau dengan angkuh memperitahu saya yang kedudukan Datuk Taib makin kukuh di Sarawak. Saya menyambut dingin ungkapan beliau itu sambil berkata, “Kuat macamana sekalipun bila tiba saat jatuh maka akan jatuh juga.” Sambil terpinga-pinga mendengar jawapan sinis saya itu, beliau berlalu bersama rombongannya yang termasuk Timbalan Speaker Dewan Negara, Datuk Abang Haji Ahmad Urai serta ‘duah hati’ dan Datuk Hamdan Sirat dan isteri beliau.

Haji Alli Kawi adalah Presiden Parti PAJAR yang menjadi pembangkang utama Kerajaan Negeri Sarawak khususnya dalam pilihanraya Parlimen 1978 dan kemudiannya pilihanraya negeri 1979. Bagaimanapun PAJAR tidak mendapat sebarang kerusi sejak parti itu ditubuhkan. Haji Alli Kawi, bekas seorang Timbalan Pengarah Polis itu tidak berjaya dalam usaha menjatuhkan pimpinan Ketua Menteri Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya’akub. Baliknya imej pemimpin unggul Sarawak itu semakin melonjak ak selepas kedua-dua pilihanraya tersebut. Sokongan rakyat semakin padu dan dengan itu tohmah-tohmah politik yang sengaja dilakukan oleh golongan berkepentingan di Sarawak mahupun di Kuala Lumpur dapat dihapuskan. Ura-ura Datuk Patinggi Rahman telah letakkan jawatan juga telah ditarik balik.

Rasanya perlu saya jelaskan disini bahawa cara Datuk Taib menjatuhkan maruah Tun Rahman’ yang bukan saja bapa saudara diri malah orang yang bertanggungjawab meridik serta memimpinnya adalah antara perbuatan politik yang sangat kotor. Sangat atau bukan sandiwara itu saya tak tahu lah.

Bagaimanapun itu hal mereka. Saya setelah 'terpaksa keluar dari Sarawak' tidak lagi ada sebarang kepentingan. Biarlah saya meneruskan pelajaran saya dan mempersiapkan diri untuk bergiat cergas dalam politik UMNO di Semenanjung pula. Mana tahu suatu hari nanti bintang saya cerah, jadi saya bolch jadi menteri ataupun perdana menteri. Masa menentukan. Kalau tak pun dok jadi macam Syed Huscin Al-Attas alias 'Nujum Pak Belalang'. Tulis sana, hentam sini, tau-tau dah pakai BMW. Dan silap-silap kena saman pulak. Nasib baik Pak Habib kita mampu bayar \$100,000 kepada Datuk Musa. Mewah sikit bekas Timbalan Perdana Menteri kita itu. Yang saya pula, 'dok keliling dunia, bila balik, pimai-pimai dok tang tu jugak'.

Politik wang di Sabah dan Sarawak menjadi suatu perkara yang biasa dilakukan untuk mencenguhkan kedudukan politik. Bagaimanapun berbeda dengan UMNO sekitar tahun 1970an belum lagi terdedah dengan 'wabak penaburan wang untuk menang baik dalam parti mahupun dalam pilihanraya'. Keadaan ini bagaimanapun mulai berubah apabila para pendukung dan pemimpin menengah UMNO mulai menjadi jutawan. Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan selepas peristiwa 13 Mei dulu, mulai membawa hasilnya walaupun tidaklah seelok mana. Jutawan Melayu sudah tumbuh dan berjaya menempatkan diri ditengah-tengah peraturan politik.

Sudah menjadi lumrah manusia apabila ada wang lebih maka tentulah dibelanjakan. Orang-orang yang hanya cukup makan pula sudah tenntulah mahu lebih. Dalam proses inilah, apabila yang bertanding itu orang yang mempunyai wang sedangkan yang akan mengundi itu orang yang 'ketagihkan wang', maka terjadilah kemen-kemen pembelian undi. Bagi orang kaya, jika menang nanti dia boleh mencari wang yang lebih banyak lagi kerana ada kuasa dan pengaruh juga bertambah. Sementara bagi para pengundi atau perwakilan yang ada hak mengundi, inilah waktunya untuk mendapat 'durian runtuh'.

BERSATU UNTUK BERPECAH?

"Jika sejarah diambil sebagai panduan, nasionalisme hanya kukuh apabila ada krisis. Selepas krisis tamat, proses perpecahan berlaku semula."

1400-AN. Maka Tun Kudu diceraikan. Tujuannya untuk menjaga perpaduan Melaka. Tun Ali mendapat tanda Sultan dan Tun Perak menjadi Bendahara.

1988. Orang Melayu dikatakan berpecah dan suara mengharap perpaduan bahasa basi di sana sini. Andainya dilihat secara terperinci premis ini berkait rapat dengan sebuah parti orang Melayu terbesar. Kias parti itu ialah parti kita—orang Melayu. Hal ini secara kebetulan bersamaan dengan prinsip Manheim: elit menjadi penentu masa depan (Melayu). Sebab, parti tersebut menjadi parti terbesar orang Melayu. Selain itu parti tersebut menjadi tungku kerajaan sekarang. Keributan yang disebut sebagai perpecahan berlaku apabila ada pihak yang menolak gaya kepimpinan orang pemimpin dan menerima yang lain. Segala mehnah terjadi apunggalah parti lama dimatikan oleh mahkamah.

Sejak itu isu perpaduan Melayu menjadi slogan harian (pada masa yang sama isu ini bermaksud isu perpecahan Melayu). Seanainya ditelusuri, kesilapan ini antara lain bermula apabila ada hak mahu 'hear not listen'. Selain itu, alat perpaduan Melayu, nasionalisme, bukanlah satu simpulan kukuh melainkan amat rapuh. Jika sejarah diambil sebagai panduan, nasionalisme hanya kukuh

apabila ada krisis. Selepas krisis tamat, proses perpecahan berlaku semula.

Perkara ini sesuai dengan kata-kata seorang aktivis Islam Indonesia, Jalaludin Rahmat. Katanya umat Islam (di Indonesia) berkumpul untuk berpecah. Demikianlah orang Melayu. Mereka ramai-ramai bersatu dalam menentang Malayan Union, kemudian berpecah dalam pelbagai parti dan bersatu semula akibat tragedi 13 Mei. Kemudian berpisah dalam pelbagai kumpulan.

Perpecahan orang Melayu jika diteliti kadang-kadang hanya dilauung-laungkan oleh beberapa pemimpin demi kepentingan diri sendiri. Orang ramai diheret oleh pelbagai isu dan kenyataan. Ada yang tertarik akibat rasa primodial hubungan darah, jenis ras, bahasa, daerah, agama dan kebiasaan. Kesannya ada yang melihat perpecahan ini berpunca dari adanya konflik utara selatan (sekurang-kurangnya dalam perkara BM, iaitu seperti kata Prof. Islami Hussain).

Sehubungan ini ada pihak berkata perpecahan sekarang berpunca setelah beberapa menteri disingkirkan dari kabinet Dr. Mahathir. Sifat tolak ansur hilang dan ingatan terhadap kebaikan yang beliau lakukan tenggelam. Jawatan sebagai menteri dan pemimpin dilihat sebagai hak. Oleh itu perlawan-perlawanan dilakukan.

Barangkali kini orang Melayu terlupa dengan kisah Umar al-Khattab menurunkan jawatan panglima perang Abu Bakar al-Siddiq, Khalid al-Walid. Tulisan Ibn Kathir dalam kitabnya Al-Bidayah Walnahayah: Dirahmati Allah akan Tuan! Apa yang menghalang tuan daripada menyampaikan kepada saya ketika tuan menerimanya? Demikian tanya Khalid. Kata Khalid lagi, tidaklah kekuasaan dunia yang saya kehendaki, dan tidak pula saya bekerja untuk dunia. Sementara itu pihak yang satu lagi harus sedar bahawa tanggungjawab pemimpin bukanlah satu hak melainkan satu tanggungjawab. Dengan itu ingatan Hasan al-Basri perlu dikenang. Jawatan tidak pernah kekal.

Walau bagaimana isu perpecahan orang Melayu ini diperkatakan, yang sebenarnya sebahagian besar hati orang Melayu telah pecah. Secara kasarnya penonjolan ini bermula dengan tragedi 13 Mei, demonstrasi pelajar 1974, darurat di Kelantan, permusuhan hebat terhadap PAS dan selepas UMNO lama mati. Yang terakhir sekali ialah tudungan terhadap al-Arqam.

Perpecahan bangsa Melayu yang agak menonjol sebelum krisis UMNO dan Semangat 46 ini ialah perbalahan UMNO—PAS. Dua buah parti ini mempunyai asas perjuangan yang berbeza. Masing-masing parti saling menuding tangan. Menurut PAS, fatwa-fatwa sering dikeluarkan oleh pihak UMNO walaupun tidak berdasarkan kaedah-kaedah pengambilan hukum Islam dari sumbernya. Pihak yang satu lagi mendakwa PAS lebih bahaya daripada komunis. Akhir sekali masalah takfir timbul hingga perpecahan begitu ketara sekali, sekurang-kurangnya di negeri-negeri Pantai Timur, Kedah, Perlis dan Perak Utara. Masalah dua imam dilaporkan berlaku di Gong Pasir; Sembahyang berasingan, tanah perkuburan berlainan, perceraian politik, masalah pembayaran zakat, masalah sembelihan binatang, hal JKKK, perebutan masjid dan perkara kafir-mengakir berlaku.

Pada masa ini pihak kerajaan tidak memandang hal itu begitu serius, kerana pihak UMNO masih utuh walaupun bangsa Melayu sudah berpecah hati. Kalaupun dianggap berbahaya, kertas putih dikeluarkan dan pemimpin tertentu ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Hanya apabila dari UMNO (yang sebahagian besarnya menjadi pimpinan negara) agak kelam-kabut, hal perpaduan Melayu di ‘play-up’ dan ‘blown out of proportion’ oleh media dan sebaran am tentunya ada strategi tertentu. Secara mudah hal perpaduan Melayu (ataupun perpecahan Melayu) dilihat oleh setengah-setengah orang sebagai isu politik yang digunakan dalam satu power-game.

Yang terjadi sekarang lebih kurang seperti kata Albert Low dalam *Zen and Creative Management*: itu atau ini! Dalam kata lain tetelah memutuskan yang ini, yang itu disingkirkan. Keadaan ini bukanlah tolak ansur. Suasana ini tidak ubah seperti teori Gestalt: Hitam atau putih!

Pilihan yang ada sekarang ialah kembali kepada ajaran Islam. Sebagaimana kata Prof. Syed Naguib, Islam telah merubah semangat dan jiwa, dan membawa bersamanya nilai intelek dan rasionalisme... dunia metos runtuh....

Seorang pemerhati sosial berpendapat, “Hubungan sesama kaum di negara ini masih bersifat luaran.” Katanya lagi, orang Melayu Malaysia hanya berinteraksi di pasar atau di padang bola. Setelah itu mereka kembali ke dalam kepompong ras masing-

masing. Satu kajian yang dibuat merumuskan bahawa hanya dengan melihat persekitaran kita—di jalan-jalanraya, di perhentian bas, di pejabat-pejabat, di kilang-kilang, kompleks membelibelah, sekolah-sekolah dan termasuk juga di kampus-kampus universiti—ini semua sudah memadai untuk kita membuat kesimpulan bahawa hubungan antara kaum masih renggang.

Kajian-kajian juga menunjukkan terdapatnya kecenderungan syak beberapa tahun kebelakangan ini ke arah ketegangan dan permusuhan antara kaum. Ahli Parlimen DAP, Karpal Singh bersetuju. Menurutnya, selain daripada masalah kemiskinan masalah besar yang sedang menghambat Malaysia ialah persoalan perpaduan. Dan ia tidak hanya menyentuh hubungan kaum tetapi juga di dalam sesuatu kaum itu sendiri. "Melayu sesama Melayu pun ada polarisasi. Sembahyang di masjid parti..." keluh wartawan veteren, Pak Samad Ismail. Dan seperti yang termaklum, perkembangan politik semasa mendedahkan betapa UMNO sendiri parah dilanda bencana perpecahan.

Demikianlah, sepantas lalu senario semasa yang memberi gambaran tentang tahap perpaduan yang ada di Malaysia. Setiausaha Politik Perdana Menteri, Sdr. Noor Azam yang seakan-akan pesimistik terhadap perpaduan nasional pernah berkata, "...mungkin yang sebenarnya apa yang kita kata perpaduan nasional itu tidak ada. Hanya teori saja. Teorinya saja ada, tetapi kenyataannya perpaduan nasional itu sendiri tidak ada."

BELAJARLAH BERTERIMA KASIH

"Oleh kerana begitu tebal sentimen mereka terhadap Perdana Menteri, maka nampaknya tidak ada satu pun yang beliau lakukan telah membawa kebaikan kepada negara dan rakyat. Betulkah begitu?"

KALAU kita perhatikan dalam masyarakat hari ini, banyak benar tindak-tanduk dan tutur kata yang boleh dieritkan sebagai tidak berterima kasih kepada apa yang mereka perolehi sekarang. Ada di kalangan mereka bersuara lantang menerusi media massa, dia yang bersungut sesama sendiri dalam perjumpaan tertentu dan dia yang berkunjung dari satu tempat ke satu tempat menyebarkan rasa tidak puas hati. Sikap tidak bersyukur yang ditunjukkan ini semuanya mudah mendapat perhatian dunia luar dan dengan mudahula dijadikan 'bukti' untuk mengutuk pentadbiran negara.

Seperti yang diketahui, kecaman utama dilemparkan kepada seorang pimpinan, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Setiap kegagalan, segala keburukan dan semua spek negatif yang menimpa negara, seolah-olah berpunca daripada kuatkuahan, kediktatoran dan sikap pilih kasih Dr. Mahathir. Oleh kerana begitu tebal sentimen mereka terhadap Perdana Menteri, maka nampaknya tidak ada satu pun yang beliau lakukan telah membawa kebaikan kepada negara dan rakyat. Betulkah begitu?

Sikap tidak berterima kasih atau bersyukur ini amat ketara di kalangan parti-parti pembangkang, terutama parti-parti yang

menggunakan sentimen perkauman sebagai kekuatan mereka. Dalam usaha mereka memburuk-burukkan kerajaan Barisan Nasional (BN), mereka sentiasa menggunakan isu yang berbau perkauman.

Kita akui bahawa tugas utama parti-parti pembangkang ialah untuk mengawasi parti pemerintah supaya tidak menyeleweng dan melupakan tanggungjawabnya terhadap rakyat. Peranan ini boleh dilakukan dengan menghadiri persidangan Dewan Rakyat bukan keluar dan memulaukannya, atau berkelakuan tidak senonoh dalam Dewan Undangan Negeri atau mengepalai perhimpunan haram. Mereka juga tidak patut membawa isu dalaman kluar negara dan ‘mendedahkan pekung di dada’ dalam persidangan antarabangsa di Eropah atau di Amerika Syarikat. Perbuatan mereka ini sudah ketertuan, lebih-lebih lagi mereka sendiri sedar bahawa berbanding dengan negara membangun yang lain, suasana di Malaysia jauh lebih stabil, malah lebih aman dan makmur daripada banyak negara maju.

Perbuatan mendedahkan pekung di dada ini dilakukan juga oleh para pemimpin kesatuan sekerja dan sebilangan usahawan tempatan. Semasa menghadiri persidangan di luar negeri, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak putus-putus mengutuk kerajaan, kerana kononnya memberi layanan yang buruk kepada golongan pekerja serta mempertahankan undang-undang buruh yang memihak kepada majikan. Ada pula yang sependapat dengan sebilangan usahawan tempatan yang menuduh kerajaan terlalu murah hati memberi taraf perintis kepada syarikat-syarikat asing yang membuka perusahaan di negara ini. Kononnya, tindakan demikian bukan sahaja memberi syarikat-syarikat berkenaan untung besar, tetapi telah menganaktirikan usahawan tempatan. Dasar “menyusuk kera di hutan” ini, menurut mereka, sekaligus telah menindas kaum buruh tempatan kerana mereka diberi gaji yang rendah serta dikenakan syarat-syarat bekerja yang terlalu ketat.

Kita tidak dapat nafikan mengenai taraf perintis yang diberi kepada syarikat-syarikat asing yang layak; kita juga tidak dapat nafikan bahawa mereka mendapat keuntungan menerusi perusahaan di negara ini. Tetapi tidakkah kita nampak bahawa dengan adanya perusahaan tersebut, muda-mudi kita juga dapat pekerjaan dan teknologi asing yang baru dibawa ke negara ini?

Kemasukan usahawan asing tidak pula menghapuskan peluang kepada usahawan tempatan; malah peluang yang disediakan untuk mereka bertambah. Mereka juga digalakkan mengadakan usahasama dengan pelabur asing. Ramai antara mereka yang telah berjaya, tetapi ramai juga yang gagal, disebabkan, kebanyakannya oleh perbuatan mereka sendiri. Mereka yang gagal inilah, selalu, mencari helah dan menyalahkan dasar kerajaan, menyalahkan cara dasar berkenaan dilaksanakan dan berbagai-bagai helah lagi. Sebaliknya kesalahan mereka sendiri didiamkan. Sungutan yang tidak berasas begini dengan mudah menjadi bahan dalam ceramah politik, kenduri politik dan musyawarah politik, yang dianjurkan oleh pembangkang.

Kalau parti-parti pembangkang, pemimpin kesatuan sekerja dan para usahawan bersikap tidak berterima kasih atau tidak bersyukur, maka kita ada asas untuk menganggap perbuatan itu perlu biasa, kerana itulah tabiat mereka di negara ini. Maka sudah tentulah kepada mereka ini, semua dasar kerajaan akan bertentangan dengan kehendak mereka. Tetapi kalau kakitangan kerajaan sendiri menunjukkan sikap tidak berterima kasih dan tidak bersyukur, maka tindakah itu aneh?

Akhir-akhir ini memang kita selalu mendengar kakitangan kerajaan yang bersungut terhadap kerajaan, menyalahkan dasar itu ini; membantah pelaksanaan dasar-dasar tersebut dan terikut dengan gelagat pembangkang dan memburuk-burukkan cucuk pimpinan negara. Perkara ini amatlah dikesalkan, kerana bukan sahaja nampaknya kakitangan berkenaan tidak berterima kasih dan bersyukur, mereka juga tidak menunjukkan kesetiaan yang sepatutnya kepada 'tuan' mereka.

Ini tidak pula bererti kakitangan kerajaan tidak boleh mewarakan pendapat mereka, tetapi ia hendaklah dilakukan mengikut saluran-saluran dan cara yang dibolehkan; bukan dengan tngkritik secara melulu terhadap kerajaan.

Di kalangan kakitangan kerajaan yang tidak berterima kasih bersyukur ini, ada yang memegang jawatan penting, ada yang dibat dalam proses melaksanakan dasar, dan ramai yang mendapat rahmat daripada dasar yang dikritiknya itu. Tetapi mereka bertiasa memilih negara yang lebih maju, tidak negara yang setara yang lebih ketinggalan daripada Malaysia sebagai perbandi-

ngan. Ini dilakukan, kerana mereka sedar bahawa keadaan di negara ini sudah amat baik bagi seseorang itu untuk berterima kasih atau bersyukur.

Kalau kita tinjau dari dekat, maka jelas bahawa kakitangan kerajaan di negara ini mempunyai nasib yang lebih baik daripada rakan sejawatan mereka di kebanyakan negara jiran. Di negara berkenaan, atau negara membangun yang lain, pegawai-pegawai tinggi pun tidak dapat hidup lumayan. Tetapi di negara ini; baik yang tinggal di rumah pangsa, mahupun yang tinggal di rumah teres, ramai mempunyai kenderaan sendiri, kalaupun tidak semua. Malah, ada antara mereka yang tinggal di kawasan setinggan pun mempunyai kereta! Walaupun ilustrasi ini bukan ukuran lengkap, patutkah mereka masih bersungut?

Sebaliknya, mereka yang bekerja sendiri, khususnya masyarakat kampung adalah golongan yang lebih bersyukur dengan apa yang mereka perolehi. Mereka sedar bahawa jika dibandingkan dengan golongan yang sama di negara-negara jiran, nasib mereka jauh lebih baik. Mereka juga sedar, di setengah-setengah negara, keselamatan rakyatnya pun tidak terjamin, apatah lagi untuk menikmati kemudahan infrastruktur seperti yang kita nikmati di negara ini. Tetapi sayangnya, fakta ini bukan sahaja tidak diakui oleh parti-parti pembangkang, sebilangan pemimpin kesatuan sekerja ataupun sebahagian kakitangan kerajaan, sebaliknya mereka cuba mempengaruhi pendirian golongan ini hingga ada yang berusaha menghasut mereka supaya menyalahkan kerajaan.

Satu golongan yang diketahui menjadi tumpuan ialah golongan peneroka FELDA. Mereka ini dahulunya tidak bertanah, kini sudah mempunyai tanah dan kebun sendiri. Pengurusannya, bagaimanapun masih ada yang dikendalikan oleh FELDA tetapi akan dipindahkan kepada tuan tanah masing-masing akhirnya. Untuk memudahkan golongan peneroka ini juga, mereka diberi kemudahan kredit untuk mendapatkan keperluan, termasuk bekalan makanan. Adakalanya, oleh kerana kurang kawalan, jumlah kredit yang mereka ambil hampir menyamai (atau melebihi) pendapatan bulanan mereka. Maka berlakulah, apa yang didakwa oleh pihak pembangkang, satu penganiayaan iaitu seseorang peneroka itu hanya membawa pulang beberapa ringgit sebulan. Tetapi, pernahkah dipastikan, apakah peneroka berkenaan tidak cukup makan,

atau anak-anak mereka tidak bersekolah atau mereka sekeluarga terpaksa tinggal merempat di pinggir hutan atau di celah-celah pokok kelapa sawit?

Peneroka FELDA memang golongan yang bersyukur, seperti alinya dengan golongan petani, nelayan dan penoreh getah. Mereka sedar, ramai penduduk negara jiran yang bersedia datang ke negara ini untuk mengambil alih pekerjaan mereka sekiranya bolehkan. Mereka juga sedar, jika mereka berusaha lebih sedikit mereka boleh menambah pendapatan bagi memperbaiki kehidupan mereka. Anak-anak mereka bukan sahaja boleh mempusakai tanah dan kebun yang mereka terokai, mereka juga berpeluang mendapat pelajaran hingga ke universiti, jika pencapaian persekolahan mereka memuaskan. Lagipun, bantuan dan kemudahan ke arah itu disediakan. Jadi, bagi seorang ibu atau bapa, apakah lagi yang diharapkan, dalam masa hadapan yang terjamin untuk anak-anak mereka?

Tetapi agak dikesalkan, dikalangan pelajar yang datang dari golongan petani, nelayan, penoreh getah dan peneroka FELDA pun, sudah ada yang seolah-olah tidak bersyukur dengan pencapaian mereka. Sikap mereka ini bukanlah salah mereka sendiri, mungkin kerana dipengaruhi oleh 'suara pembangkang' yang sensitif menyelinap di kalangan persatuan pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi tanahair. Secara kebetulan, masyarakat pelajar mudah diresapi fahaman kiri dan radikal kerana darah muda yang berdar-kobar dalam jiwa mereka itu sentiasa gemarkan sesuatu yang mencabar dan yang agresif. Dalam keadaan begini, dengan mudah mereka dipengaruhi sehingga melihat yang negatif sahaja daripada kerajaan, tidak yang positif. Jika bakal cendekiawan negara sudah ejiwai sikap ini lagi semasa di universiti, maka bagaimanakah akinya pendirian mereka apabila keluar menganggotai masyarakat penuhnya kelak? Kita patut bimbang, kerana di antara mereka bukan sahaja ada yang jadi pegawai-pegawai kanan kerajaan, bahagiannya akan aktif dalam politik dan akan menjadi pengaruh.

Jadi, berpandukan analogi ini, sungutan terhadap kerajaan ini lebih jadi sungutan terhadap diri sendiri, akhirnya. Tetapi kita juga boleh membantu memperbetulkan apa yang disungut itu, tetapi kita melakukan sesuatu yang positif ke arah itu, bukan merusak sikap tidak berterima kasih atau tidak bersyukur seperti

yang kita lihat sekarang. Dalam hal ini, parti-parti pembangkang boleh mendahului golongan lain, kalaularah mereka mahu jadi pembangkang yang benar-benar efektif. Dengan peranan pembangkang yang sihat, mereka bukan sahaja akan dihormati, malah satu hari nanti mereka mungkin dipilih untuk memegang kuasa!

Golongan usahawan, baik pemodal yang besar, ahli perniagaan pertengahan mahupun peniaga kecil, tentulah tidak dapat menafikan rahmat yang mereka nikmati sekarang ini. Jika diteliti mereka jauh lebih bernasib baik daripada kakitangan kerajaan, masyarakat kampung ataupun peneroka FELDA. Masalah mereka barangkali, ialah bagaimanakah hendak kaya dengan cepat. Mungkin bagi mereka, dalam negara ini ada banyak cara yang dibolehkan kepada arah itu; pilihlah satu atau dua dan bergiatlah untuk mencapainya. Bukankah itu lebih bermakna daripada bersungut menidakkannya?

Kalau semua pihak sanggup mengulangkaji dan memupuk kembali sikap berterima kasih atau bersyukur, kita percaya negara yang sedia berada di ambang kemakmuran ini akan terus maju sehingga dapat menandingi negara-negara yang sudah maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada dan lain-lainnya. Ini tidak bererti kita tidak boleh mengkritik dasar dan cara kerajaan melaksanakan dasar tersebut. Sesungguhnya, kerajaan memerlukan teguran dan pandangan rakyat, syaratnya ia mesti dibuat dengan niat dan tujuan yang baik.

51**DASAR LUAR
MAHATHIR**

"Dr. Mahathir mempunyai wawasan yang penuh realisme. Ini adalah istimewa kerana ahli politik kerapnya terperangkap antara wawasan dan realisme."

— Chief Emaka Anyaoku

SEJAK merdeka, dasar luar diwarnai oleh fenomena sejarah dan perkembangan negara. Ia bermula dengan dilema kemerdekaan (1957–63), konfrontasi, kekacauan dan perubahan (1963–69), arah baru dan order baru (1970–75), pengukuhan dasar-dasar tadi (1976–77) dan era baru 'towards greater Malaysia' (1981 hingga sekarang). Ada sarjana tempatan yang membuat pembahagian yang lebih menarik. Beliau melihatnya daripada kaca mata kecenderungan hubungan: sejak merdeka hingga 1962, ia bersifat pro Barat dan bersikap antikomunis; dasar regionalisme dan berkecuali (1963–69); berkecuali dan bersahabat dengan China (1979–75); cabaran-cabaran baru terhadap Malaysia (1976–81); dan penyusunan semula kepentingan negara (1981 hingga sekarang). Secara mudah, dapatlah dikatakan bahawa dasar luar dipandu oleh faktor komunalisme, komunisme, kolonialisme dan suasana politik antarabangsa.

Dalam menyusun semula dasar luar ini Dr. Mahathir membuat senarainya: ASEAN, negara-negara Islam, negara berkecuali, Komanwel dan negara-negara lain. Gaya hubungan antara negara juga diubah, hubungan dua hala dipertingkatkan berbanding hu-

bungan banyak hala. "Hubungan dua hala menimbulkan keakraban dan meninggikan kefahaman."

Semasa melaksanakan kerja-kerja dasar luar ini, Dr. Mahathir banyak dipengaruhi oleh pengalaman peribadi, wawasan terhadap peristiwa-peristiwa dunia dan sahsiahnya. "Ia melihat sesuatu dengan mata doktor," tulis seorang pengamat politik tempatan.

Oleh sebab tujuan dasar luar Dr. Mahathir antara lain untuk meletakkan nama Malaysia dalam peta antarabangsa, beliau tidak teragak-agak menggunakan pelbagai arena yang terbuka untuk dimasuki. Komanwel yang mulanya dilihat cuma sebagai sebuah kelab eksekutif, diguna sebaik-baiknya untuk mengemukakan wawasan-wawasan. Melalui Sidang Ketua-ketua Negara Komanwel (1989), ia menyebut banyak isu yang menarik perhatian antarabangsa. Malah, ucapannya diikuti oleh banyak anggota PBB. Menurut Datuk Razali Ismail, wakil tetap Malaysia ke PBB, "Inilah kali pertama isu-isu yang dibincangkan dalam CHOGM disebut di PBB."

Sehubungan ini Dr. Mahathir juga merangka dasar yang realistik dan pragmatik sifatnya dan bukan hanya kerana hubungan emosi atau perkaitan sejarah. Dengan itu kadang-kadang ia bertindak amat tegas sehingga disifat sebagai radikal. Misalnya dasar buy-British last (1983).

Dalam kaitan inilah ia memandang ke Timur. Selain kerana mengagumi kehebatan Maharaja Meiji Mutsuhiko, beliau bertindak sesuai dengan dasar luar Malaysia dekad 80-an: diplomasi ekonomi. Orientasi ini dinyatakan oleh bekas Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen. "Dasar luar bernafas ekonomi ini adalah titik perubahan baru dalam orientasi dasar luar kita."

Sebagai sebuah negara Islam, Dr. Mahathir meletakkan dasar berbaik-baik dengan semua negara Islam sebagai amat penting selepas ASEAN. Selain kepentingan ekonomi seperti kemasukan duit minyak negara-negara Arab, dasar ini secara langsung merupakan ideanya untuk meningkatkan kemakmuran bersama saudara Se-Islam negara-negara lain. Menurutnya, bercakap sahaja mengenai persaudaraan Islam tidak mencukupi jika perhubungan ekonomi yang efektif dan bererti tidak wujud.

Keazamannya meletakkan Islam pada tahap unggul di dalam pergolakan politik antarabangsa, menyebabkan beliau tanpa ragu-

agu memberi pelbagai bantuan kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Mujahidin Afghanistan. Sikapnya yang ofensif ketika berdepan dengan isu-isu begini mendapat penghormatan negara-negara Islam kerana banyak negara Islam yang lebih besar bersikap membisu lantaran gentar kepada Israel dan sekutu-sekutunya. Malah apabila dunia Barat mempersoalkan isu kebangkitan Islam yang dianggap berbahaya kepada dunia, beliau secara terbuka menjelaskan kekeliruan tersebut. Seterusnya Dr. Mahathir secara terus terang berkata ini adalah gara-gara Zionis.

Apabila beliau menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir meconjol ke depan dan berucap di Perhimpunan Agung. Ini kerap dilakukan secara bergilir-gilir dengan Timbalan Perdana Menteri. Setiap kali beliau naik pentas Perhimpunan Agung, isu-isu antarabangsa akan ditimbulkan. Antara isu-isu yang pernah disebutnya ialah peranan PBB, soal Kemboja, Palestin, Afghanistan, aparteid, penyalahgunaan najis dadah, kepura-puraan dunia maju dan kuasa besar, Antartika, kebangkitan Islam, alam sekitar dan bahaya nuklear. Kerap beberapa isu akan diulang-ulang dalam beberapa Perhimpunan Agung adalah untuk menimbulkan kesan "penaan idea" di kalangan anggota PBB.

Intipatinya, Dr. Mahathir memang mempunyai sistem antara bangsa yang berkisar pada badan dunia itu, walaupun dia sedar kuasa-kuasa besar gagal memainkan peranan mereka. Tambahan pula sebagai negara kecil, PBB memang menguntungkan berbanding kos yang dikeluarkan. Mengikut laporan terbaru, Malaysia setakat ini cuma membayai 1 peratus sahaja belanjawan PBB selain beberapa sumbangan sukarela dari semasa ke semasa.

PBB bagi sesetengah orang adalah "suatu tempat bahaya" atau soap-box ataupun karya Utopia yang agung. Skeptisme ini kerap dilaungkan oleh beberapa negara Barat yang berasa kepentingan mereka untuk memanipulasikan PBB semakin mengecil. Bagi Dr. Mahathir, PBB bukan sekadar lambang, tetapi di situ lah leknya harapan masa depan yang lebih sempurna bagi keadilan, perdamaian, kestabilan dan kemakmuran warga dunia. Pendapat tidak jauh bezanya dengan idea Clive Archer, penyelidik jempul tang PBB. Menurut Archer, PBB terbangun bagi menyediakan dua asas utama: sebagai instrumen bagi melaksanakan dasar luar, sebagai arena atau forum tempat tindakan, dan sebagai orang ten-

gah bebas tidak memihak.

Sejak kebelakangan ini peranan PBB cukup mencabar dan amat penting bagi Dunia Ketiga berbanding dengan negara-negara besar yang cenderung untuk meremehkannya. Dalam Perhimpunan Agung PBB ke-39, 1984, Dr. Mahathir secara lantang menyebut hal ini. "Kuasa-kuasa besar secara berterusan memperkecil-kecilkan PBB. Mereka membentuk satu rangkaian hubungan di luar PBB untuk menyelesaikan masalah dunia...mereka semakin tidak menghiraukan PBB.... Mengkhianati agensi-agensi tertentu itu tentunya bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah." Dalam hubungan beginilah Dr. Mahathir tanpa silu menyebut PBB gagal memainkan peranannya kerana karenah kuasa-kuasa besar yang enggan menerima keputusan dan ketetapan yang dibuat.

Dalam merangka dasar luar, Dr. Mahathir bukan hanya terkongkong untuk negara ini, tetapi juga turut mencadangkan beberapa wawasan demi kepentingan bersama, terutama blok Dunia Ketiga. Antaranya ialah gagasan Selatan-Selatan. Baginya hubungan ekonomi Utara-Selatan yang merugikan Selatan harus dihentikan, sebaliknya kerjasama Selatan-Selatan mesti ditingkatkan. Dengan itu beliau mengusul satu Suruhanjaya Selatan-Selatan ditubuhkan dengan sebahagian besar biaya disumbangkan oleh Malaysia. Dr. Mahathir kemudiannya dilantik menjadi pengurus pemandu suruhanjaya ini.

Yayasan Selatan di London turut memberi kerjasama penuh terhadap Dr. Mahathir. Kesannya pada Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali di Harare, Zimbabwe, 1986, Dr. Mahathir mendapat tepukan gemuruh; negara-negara yang hadir menyokong penuh. Beberapa tokoh Dunia Ketiga seperti Nyerere (Tanzania) dan Manmohan Singh (India) turut dilibatkan. Kini, sebagai lanjutan, Dr. Mahathir sekali lagi terlibat secara langsung dengan beberapa negara Selatan yang aktif dalam Kumpulan 15. Sidang negara-negara itu dilangsungkan di Kuala Lumpur awal Jun 1990.

Penghormatan dunia Islam terhadap langkah-langkah Malaysia di bawah Dr. Mahathir menyebabkan beliau disanjung dan dipercayai. Kesannya, antara lain, Malaysia terpilih sebagai Pengrusi Jawatankuasa Pendamai Pertubuhan Negara-Negara Islam bagi krisis perang Iran-Iraq.

Selain keutamaan yang disusun itu, Dr. Mahathir juga berhabat dengan semua kuasa besar tanpa sifat memihak. Kesannya dikenali di Barat dan Timur, Selatan dan Utara sebagai negarawan antarabangsa. Malah, Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri British yang amat berpengaruh di Barat sendiri mengakui kehebatan Dr. Mahathir. Menurutnya, Dr. Mahathir telah memberi suaranya dan suara Malaysia didengari di seluruh dunia. "Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir dalam dua atau tiga tahun kebelakangan ini sudah bertapak kukuh di pentas dunia..." Iaalah Margaret Thatcher sendiri mengakui bahawa Dr. Mahathir iaalah sahabatnya yang cekap dan pandangannya amat berguna. Ia mungkin kerana Dr. Mahathir sendiri pernah suatu ketika dahulu mendapat bimbingan dari Dr. Henry Kissinger, diplomat Amerika Syarikat, dan dari John Cabot Lodge, pengajar politik yang termasyur di benua Amerika seperti yang ditulis oleh Robin Rdshead, dalam *Mahathir of Malaysia, Statement and Leader*.

Negara-negara kecil seperti di Selatan Pasifik, Afrika dan Amerika Latin turut diberi perhatian. Pelbagai program kerjasama teknikal ditingkatkan. Semenjak dari tahun 1985, lebih 30 juta diburkan untuk program-program tersebut. Tujuan ini, antara lain adalah untuk membantu negara-negara berkenaan mencapai kelembaman. Selain itu, ia juga boleh menaikkan nama Malaysia, di mana ia berfungsi sebagai lobi untuk mendapatkan sokongan terhadap isu-isu yang digarap oleh Malaysia di arena antarabangsa.

Isu-isu Penting Dr. Mahathir di PBB

DALAM dekad-dekad kebelakangan ini Malaysia begitu serius mengemukakan pelbagai isu antarabangsa di PBB. Antaranya ialah konflik di Kemboja, membela manusia tertindas, isu Antartika, hal moditi utama dan gejala dadah.

Isu benua ais di Kutub Selatan (Antartika) yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir adalah dalam satu dimensi baru, iaitu asas dasar perserikatan bersama semua warga dunia. Ini bertentangan dengan kehendak-kehendak pihak yang terlibat dalam pengajian Antartika. Walaupun perjanjian itu bersifat umum, keahliannya terhad dan eksklusif. Sebelum ini (1982), isu ini telah cuba dibawa ke Perhimpunan Agung tetapi gagal akibat tentangan kuat pihak-pihak

tertentu. Antara alasan yang diberikan ialah bahawa Piagam PBB hanya terpakai untuk manusia, bukan untuk penguin!

Menurut B. A. Hamzah dari Institut Kajian Dasar dan Strategik Antarabangsa (ISIS), kejayaan Dr. Mahathir menjadikan Antartika sebagai isu yang dibahaskan di Perhimpunan Agung terletak pada "diplomasi efektif selain isu tersebut memenuhi kehendak sebahagian besar negara."

Bagi Malaysia, isu ini berjaya dikemukakan setelah anggota-anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), menyokong kuat. Isu ini tidak dijadikan inisiatif ASEAN kerana ada beberapa negara anggota yang secara peribadi tidak mahu berkonfrontasi dengan negara-negara perjanjian Antartika. Negara-negara ini kemudiannya menggunakan usaha diplomatik dan peribadi untuk menghalang Malaysia. Malangnya kebanyakan negara membangun menyokong Malaysia. Akan tetapi Siera Leone merumitkan keadaan dengan meminta pindaan dibuat terhadap draf resolusi yang berkait dengan Afrika Selatan. Akhirnya Siera Leone berlembut hasil diplomasi Malaysia. Walaupun begitu isu emosi bagi negara-negara Afrika itu tidak boleh dinafikan selamanya.

Kejayaan Malaysia disifatkan sebagai suatu kempen yang pernah teliti bagi mempengaruhi pendapat antarabangsa. Bagaimanapun negara-negara Perjanjian Antartika berjaya memujuk India, anggota berpengaruh NAM, masuk kelab eksklusif mereka. Ini dilihat sebagai strategi untuk melemahkan Malaysia. Bagi India, inilah peluang Dunia Ketiga menyuarakan pendapat mereka. Oleh itu sebagai taktik baru, kini Malaysia mula menyebut isu Antartika bukan isu Malaysia, tetapi isu inisiatif Dunia Ketiga. "Dengan cara itu, Dr. Mahathir mahu ia berlaku," kata scorang sarjana Malaysia.

Isu ini sekaligus meletakkan Malaysia ke barisan depan dalam arena diplomasi politik antarabangsa, dan bukan lagi tertutup pada penekanan diplomasi ekonomi sahaja. Sejak tahun 1978, Malaysia terlibat dalam menangani masalah Kemboja. Malaysia melihat isu ini sebagai ancaman serius terhadap keselamatan serantau. Oleh itu dalam Sidang Pleno Perhimpunan Agung ke-34, 1979, wakil Malaysia berkata tugas utama Malaysia ialah mencari penyelesaian politik di wilayah tersebut. Sungguhpun demikian diplomasi terhadap Vietnam tetap terbuka, sebagai suatu jalan komunikasi!

Sebagai anggota ASEAN, Malaysia berbahas di PBB dalam

semangat tersebut. Malah isu ini dilihat sebagai isu inisiatif ASEAN. Sejak isu ini menjadi agenda Perhimpunan Agung pada tahun 1979, Malaysia secara aktif dan bersungguh-sungguh membangunkannya. Bertolak daripada perbahasan-perbahasan ini, Perdangan Antarabangsa Mengenai Kemboja diadakan pada tahun 1981; Malaysia dipilih sebagai rapporteur. Kerajaan Gabungan Kemboja Demoristik (1982) pula diisyiharkan di Kuala Lumpur setelah menghadapi pelbagai kesulitan.

Bagaimanapun usaha Malaysia dan anggota ASEAN lainnya mencapai kejayaan terhad di PBB. Akan tetapi segala kerja kuat Malaysia telah mengangkat nama Dr. Mahathir sebagai pemimpin Malaysia yang berusaha keras menyelesaikan masalah rumit. Keadaan ini samalah seperti tertutupnya sebuah pintu tetapi mempunyai pintu yang lain. Malah isu ini menjadi ujian litmus yang boleh digunakan oleh Malaysia untuk mendapatkan sokongan ASEAN terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

Membela Manusia Tertindas

SEBELUM tahun 1969, isu Palestin tidak begitu menjadi perbincangan utama Malaysia sehingga Persidangan Negara-negara Islam diadakan di Kuala Lumpur. Sokongan terhadap masalah ini makin kukuh apabila Malaysia mencari identiti progresif di arena tarabangsa.

Dalam ucapan pertama Dr. Mahathir di PBB (1982) setelah menjadi Perdana Menteri, beliau secara langsung menuduh Israel sebagai ‘biang keladi’ yang menganiaya Palestin dengan restu kuasa-kuasa Barat, terutama Amerika. Baginya kekejaman itu dapat diamalkan dengan zalimnya Nazi zaman Hitler terhadap orang Yahudi. Penekanan ini disebut lagi dalam ucapan tahun 1984, 1986 dan 1988. Malah beliau dengan berani menyalahkan PBB yang gagal menyelesaikan masalah ini.

“Ini adalah satu isu yang gagal diselesaikan oleh PBB, walaupun agendanya wujud sejak terasasnya PBB.”

Bagi Dr. Mahathir penyelesaian masalah ini mungkin boleh capai sekiranya kuasa-kuasa besar tetap pendirian dan saksama hadap Israel dan Palestin. “Tanpa dasar saksama oleh kuasa besar, PBB tidak boleh bertindak.”

Di PBB, isu Palestin mendapat sokongan negara-negara Islam, NAM dan negara blok Timur, termasuk Rusia. Di Malaysia, pergerakan pembebasan Palestin mendapat pelbagai bantuan yang diperlukan. Sebagai suatu penghormatan PBB, suatu sidang mengenai Palestin peringkat Asia telah dilangsungkan di Kuala Lumpur pada tahun 1983 sebelum Persidangan Utama dibuat di Geneva. Sidang ini sekali lagi memberi peluang kepada Dr. Mahathir meningkatkan profilnya sebagai negarawan.

Pandangan-pandangan sidang Kuala Lumpur ini kemudian diaambil kira dalam Program Bertindak Geneva kemudiannya. Sebelum ini wawasan-wawasan tersebut, giat dicanang oleh Malaysia kepada ahli-ahli Majlis Keselamatan, seperti Perancis, Amerika Syarikat dan Britain. Sementara China dan Rusia telah pun ber-setuju semasa sidang di Kuala Lumpur. Malangnya usaha Malaysia menemui kebuntuan apabila pihak terbabit dalam masalah Palestin enggan bertindak tegas. Sikap keras Dr. Mahathir terhadap Zionisme tidak begitu disenangi oleh beberapa pihak hingga ditohmah sebagai punca kejatuhan harga komoditi Malaysia di pasaran antarabangsa.

Perjuangan membela nasib orang kulit hitam Afrika Selatan juga disokong oleh Dr. Mahathir. Baginya sekitan ekonomi dengan bersungguh-sungguh patut dikenakan ke atas Afrika Selatan. Apabila Nelson Mandela dibebaskan, Dr. Mahathir dengan segera berlepas ke Afrika mengalu-alukannya, selain berbincang dengan beberapa pemimpin utama dunia di sana. Ini adalah satu penghortutan kerana Dr. Mahathir adalah antara negarawan pilihan dalam perjumpaan eksklusif tersebut.

Komoditi Utama

PENDAPATAN eksport utama Malaysia sehingga kini banyak bergantung kepada komoditi utama seperti getah, kelapa sawi, bijih timah, lada hitam, kayu balak dan petroleum. Oleh demikian kestabilan harga-harga komoditi ini mempunyai kesan langsung terhadap ekonomi negara.

PBB menjaga kepentingan ini melalui Persidangan Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD). Dr. Mahathir melalui beberapa tindakannya di arena antarabangsa berhubung kes komod-

ntama ini, telah menimbulkan beberapa kejutan. Pada tahun 1981-1982, beliau mengarahkan "pembelian rahsia" di London Metal Exchange bagi meningkatkan harga timah. Ini merupakan angkah masa pendeknya sebelum suatu penyelesaian dapat dikirakan. Malaysia bersama-sama beberapa buah negara menuahkan persatuan pengeluar timah yang berasingan. Sungguhpun mekanisme Perjanjian Timah Antarabangsa PBB gagal dalam sahanya Malaysia tetap menggunakan PBB bagi usaha menaikan harga pada tahun 1987.

Dadah

MASALAH penyalahgunaan dadah adalah isu serius yang dihadapi oleh Malaysia. Pelbagai kempen dilancarkan dan pelbagai undang-undang digubal. Malah ada satu jawatankuasa khas ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri. Menyedari betapa besarnya ancaman dadah ini, Malaysia mula berkempen di PBB dan merhatinya sebagai isu masalah keselamatan, bukan masalah ekonomi, atau sosial. Hal ini disebut di dalam Perhimpunan Agung, Tahun 1980. Sekali lagi pada tahun 1983, isu ini ditimbulkan di PBB, dan mendapat perhatian. Isu ini disokong oleh ASEAN, dan sekaligus menghapus imej ASEAN sebagai sinonim dengan isu Kemboja sahaja.

Sebagai pemuka aktif, Malaysia menyediakan draf resolusi mengenai strategi menentang penyalahgunaan dadah dan pengaruhnya bagi Perhimpunan Agung ke-40, 1985. Kesannya Setiausaha PBB bersetuju mengadakan Persidangan Antarabangsa mengenai Dadah (ICDAIT) pada tahun 1987, di Vienna.

Apabila Setiausaha Agung PBB Perez de Cuellar mengumumkan hal tersebut, banyak negara berebut hendak menjadi Presiden persidangan. Ini kerana inilah kali pertama persidangan sumpama itu diadakan setelah satu perbahasan hebat dilangsungkan. Dr. Mahathir menawarkan diri menjadi Presiden ICDAIT. Taja lobi dilakukan oleh para diplomat Malaysia di semua negara mana mereka ditempatkan. Datuk Rais Yatim, sewaktu itu Menteri Luar Negeri, mengelilingi dunia meminta sokongan.

Usaha mencari sokongan ini dibuat sehingga akhir-akhir waktu menjelang persidangan. Kuasa-kuasa besar yang berpenga-

ruh seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan negara-negara Pasaran Bersama Eropah menyatakan sokongannya terhadap Dr. Mahathir. Begitu juga ASEAN, Asia, NAM dan Komanwel. Bolivia bagaimanapun menentang Dr. Mahathir melalui Menteri Luarinya, Dr. Guillermo Bedregal Gutierrez dan disokong oleh negara-negara Caribbean dan Amerika Latin.

Sebelum itu spekulasi tentang pertandingan ini telah sampai ke Kuala Lumpur. Oleh itu, Dr. Mahathir meminta Tengku Ahmad Rithaudeen pergi ke La Paz untuk berbincang. Bolivia akhirnya bertolak ansur, khabarnya, setelah de Cuellar memujuk. Kompromi dapat dicapai apabila Venezuela menarik diri daripada menjadi calon penggerusi persidangan. De Cuellar kemudian mengumumkan bahawa Dr. Mahathir menjadi Presiden ICDAIT dan Gutierrez menjadi Pengurus. Mingguan Malaysia menyebut kejayaan ini sebagai bukti bahawa Dr. Mahathir adalah negarawan dunia. Dr. Mahathir berjaya menonjolkan Malaysia dan dirinya selama sepuluh hari tersebut sebagai orang paling depan dalam kmpen memerangi najis dadah.

Profil Antarabangsa

ISU-isu yang dibawa oleh Malaysia di PBB yang secara langsung melibatkan wawasan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia telah membuka ruang bagi anggota-anggota Perhimpunan Agung menilai tentang kematangan Dr. Mahathir dalam senario antarabangsa. Selain itu forum antarabangsa di PBB ini juga telah mendekatkan beberapa negara di Afrika dan Amerika Latin dengan Malaysia yang sekaligus amat penting dalam sistem pembuangan undi terhadap isu-isu tertentu yang dibawa oleh Malaysia. Malah patut diingat bahawa hubungan diplomatik Malaysia dengan China bermula di PBB.

Jika ditinjau secara menyeluruh era Dr. Mahathir di PBB, Malaysia secara aktif memperkatakan hal-hal yang melibatkan dunia antarabangsa yang sebahagiannya tidak secara langsung melibatkan kepentingan domestik. Kesannya, Malaysia mendapat kepercayaan kebanyakan anggota yang hadir di Perhimpunan Agung. Antara kejayaan itu ialah menduduki Majlis Keselamatan bagi tempoh 1989/1990. Selain itu beberapa individu dari Malaysia juga

ipilih menjawat beberapa jawatan penting: Datuk Seri Anwar Ibrahim (Pengerusi UNESCO), Datuk Dr. Siti Zaharah dan Hajah Aminon Kuntom (wakil dalam suruhanjaya mengenai status wanita TBB), dan Dr. Mahathir (Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Pelarian Indo-China, 1989).

Profil antarabangsa Malaysia turut menonjol dalam komuniti antarabangsa melalui aktiviti-aktivitinya dalam kumpulan Asia, Kumpulan 77, blok Islam, NAM, Komanwel, ASEAN, Kumpulan 5 dan Kumpulan Selatan-Selatan. Selain terbukti berjaya membawa persidangan-persidangan berkenaan dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh, pemimpin-pemimpin yang datang mengangkat topi hormat terhadap keupayaan Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

Menurut Chief Emaka Anyaoku, Setiausaha Agung Komanwel, Dr. Mahathir mempunyai wawasan yang penuh realisme. "Ini adalah istimewa kerana ahli politik kerapnya terperangkap antara wawasan dan realisme." Ini juga turut diakui oleh Puan Margaret Thatcher. "Dr. Mahathir seorang yang cekap."

Bekas Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shirdath Ramlal menyebut bahawa suara lantang Dr. Mahathir dalam forum-forum antarabangsa terhadap apartheid merupakan gema yang menggegarkan dunia, khususnya Afrika Selatan. Altaf Gauthar dari Syiasat Selatan pula berkata tindakan-tindakan Dr. Mahathir adalah strategis dan praktis terutama dalam memenangi masalah Dunia Ketiga. "Dr. Mahathir memberi perhatian berat terhadap masalah Selatan. Gagasan kerjasama Selatan-Selatan sudah dimulakan lama dahulu. Walaupun sudah banyak kali bersidang, suruhanjaya itu hanya berjaya ditubuhkan setelah bersidang di Kuala Lumpur."



Dato' Sri Najib melancarkan buku *Mahathir Great Malaysian Hero* di Holiday Inn.



Dato' Haji Abdul Aziz Mohamed seorang ahli perniagaan dan penerbit yang berjiwa pa-

PERTARUHANNYA TERLALU BESAR

"Bukankah jelas bahawa segala usaha beliau selama ini adalah semata-mata kerana hendak menjadi Presiden UMNO? Jika begitu, bukankah perjuangan beliau ini lebih bercorak perjuangan peribadi daripada perjuangan kebangsaan?"

BILA Tengku Razaleigh Hamzah berlawan dengan Datuk Musa Hitam bagi merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981, beliau telah ditanya oleh para wartawan kenapa dia mengambil tindakan yang nekad itu. Jawabnya, beliau mahu memaksa para perwakilan UMNO membuat pilihan, Razaleigh atau Musa. Tapi setelah kalah, Tengku Razaleigh sekali lagi menentang Datuk Musa dan sekali lagi kalah. Pengajarannya: *Paksaan seperti ini hanya boleh dibuat sekali.*

Dalam pilihanraya umum kali ini, DAP telah mengikut 'keberanian' Tengku Razaleigh. Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang berpindah kawasan untuk menentang Dr. Lim Chong Eu dalam pertarungan hidup atau mati di Padang Kota. Lima orang kuat parti itu juga mengambil tindakan yang sama—memaksa pengundi memilih satu.

Di peringkat nasional, para pengundi dalam pilihanraya kali ini, telah dihadapkan dengan keadaan di mana mereka perlu membuat pemilihan dengan serius kerana bagi kali pertama mereka diwarkan satu alternatif kepada Barisan Nasional. Alternatif ini, agaimanapun, merupakan gabungan tenaga-tenaga ekstrim yang

terlalu kuat berpegang kepada ideologi masing-masing, khususnya PAS dan DAP.

Mengikut trend masa lalu, para pengundi negara ini, bila dihadapkan dengan keadaan ‘hidup atau mati’ telah membuat keputusan yang difikir habis-habis. Mereka telah membuktikan bahawa bila manusia diletakkan dalam keadaan dipaksa dan didesak, kewarasan akan menang. Satu contoh ialah pertarungan hidup atau mati antara bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dengan Pengurus DAP, Dr. Chen Man Hin di Seremban dalam pilihanraya 1982. Dalam pertarungan menebus maruah dan membaiki imej ini, Dato’ Lee akhirnya menang dengan 845 undi walaupun DAP menguasai Parlimen Seremban selama 15 tahun. Orang-orang Cina akhirnya memilih suara sederhana. Dr. Chen menitiskan air mata bila keputusan diumumkan.

Pertandingan merebut jawatan-jawatan teratas dalam parti-parti politik juga telah menunjukkan trend yang sama dimana para pemilih tidak memperdulikan masa depan mereka dengan mencuba sesuatu yang tidak menentu.

Dalam pilihanraya kali ini parti-parti pembangkang cuba menggunakan strategi desak dan paksa di samping cuba menukar apa yang dipanggil ‘angin perubahan’ untuk menumbangkan Barisan Nasional. Dengan mengemukakan dua barisan pembangkang sebagai alternatif kepada Barisan Nasional, mereka menggunakan strategi pertandingan satu-lawan-satu untuk mencapai matlamat tersebut. Adalah jelas strategi ini dirumuskan oleh Tengku Razaleigh Hamzah—strategi yang sama yang digunakannya semasa menentang Dato’ Musa dulu di dalam UMNO.

Setelah dua kali gagal menentang Dato’ Musa, Tengku Razaleigh sekali lagi mengambil tindakan berani mati dengan menentang Dato’ Sri Dr. Mahathir sendiri bagi jawatan Presiden UMNO. Strategi memaksa pemilih digunakannya lagi.

Perwakilan UMNO dipaksa dan didesak membuat satu pemilihan yang sukar walaupun mereka sayangkan kedua-dua pemimpin Melayu itu. Tapi kerana strategi memaksa dan mendesak yang suka digunakan oleh Tengku Razaleigh, satu pemilihan terpaksa dibuat. Dan sekali lagi kewarasan manusia menang.

Jika hasil perlawanannya dengan Dato’ Sri Dr. Mahathir dan Dato’ Musa boleh digunakan sebagai pedoman, maka hasil yan-

hal dicapai oleh APU dan Gagasan Rakyat pimpinan Tengku Razaleigh juga dapat diramalkan. Kali ini putera Kelantan itu bukan sahaja memaksa dan mendesak orang-orang UMNO memilih satu antara dua, tapi beliau memaksa dan mendesak hampir 8 juta pengundi membuat pemilihan yang berani, sama dengan keberanian beliau yang berkali-kali memperjudikan nasibnya.

Lapan juta pengundi ini adalah satu jumlah yang amat besar, akan bilangan kecil perwakilan UMNO yang dapat dikuasai dengan berbagai-bagai cara. Lebih dari itu, sebahagian besar daripada mereka bukan ahli mana-mana parti. Golongan penyokong senyap sebenar sama penting kalau tidak lebih penting daripada ahli parti.

Jika dihitung, ahli UMNO sekarang cuma 1.5 juta, Semangat 200,000. Jumlah ahli PAS dan DAP tidak diketahui. Paling mut, ahli-ahli semua parti politik mungkin tidak lebih daripada tiga juta. Ini bererti hampir lima juta pengundi dalam pilihanraya kali ini adalah ‘penyokong senyap’ yang tidak menyertai mana-mana parti tapi mempunyai simpati pada parti-parti tertentu. Mereka juga bukanlah golongan yang sanggup memperjudikan masa depan mereka dan masa depan negara.

Keputusan tujuh pilihanraya yang lalu dan demikian juga pilihanraya Umum 1990 menunjukkan golongan penyokong seperti ini tidak cenderung kepada perubahan radikal dan tidak akan mencuba sesuatu yang tinggi risikonya. Walaupun sentimen golongan melampau menonjol dalam pilihanraya 1969 yang menitiskan rakyat, ia adalah akibat trend mengundi ahli-ahli *hard core* dan bukan kerana golongan penyokong senyap ini mengubah trend mengundi mereka.

Namun begitu, keadaan sekarang sudah berubah. Golongan penyokong senyap ini juga sudah digantikan dengan manusia baru yang lebih berpendidikan, kritikal dan sensitif serta tidak mengikut arah. Tapi yang tetap tidak hilang daripada mereka ialah kewaspadaan manusia.

Li Main Wayang Kulit

HARI sebelum hari penamaan calon untuk pilihanraya umum, pada sidang 46, Tengku Razaleigh telah memanggil para wartawan ke

White Housenya di Jalan Langgak Golf, Kuala Lumpur untuk memberitahu tentang persiapan barisan pembangkang bagi menghadapi pilihanraya itu.

Sekalipun telah dicaci, diancam, dipulau, dihalau malah akhbar-akhbar mereka dibakar, namun wartawan-wartawan tetap menyahut panggilan itu sekalipun sebenarnya mereka boleh hidup terus tanpa menyiaran berita-berita 46, sekalipun mereka menyedari bahawa pembangkang yang memerlukan mereka dan bukannya mereka memerlukan pembangkang.

Kebanyakan wartawan-wartawan yang lama tidak menemui Tengku Razaleigh merasa agak terkejut apabila melihat beliau kelebihan sudah lebih tua dari umurnya dan tidak lagi menampakkan kecerdasan, keriangan dan keyakinan seperti di masa-masa yang lalu. Mungkin perubahan ini tidak akan begitu terasa oleh para wartawan kiranya beliau selalu menemui mereka dan tidak lari dari mereka.

Tengku Razaleigh telah mengajak parti-parti pembangkang melancarkan konfrontasi terhadap akhbar-akhbar dan wartawan-wartawan sejak dua tahun lalu tetapi hanya PAS yang mengikut jejaknya.

Bagaimanapun pemimpin-pemimpin DAP terutamanya Lee Lam Thye terus memelihara hubungan yang baik dengan akhbar-akhbar. Maka itu apabila Tengku Razaleigh memanggil persidaan akhbar pada hari Rabu lalu, wartawan-wartawan merasakan seolah-olah beliau menyedari kesilapan dan tetap merasakan perlunya untuk berbaik-baik dengan akhbar-akbar terutama di dalam keadaan yang tercepit.

Beliau nampak seolah-olah melupakan sikap permusuhan terhadap media massa.

Yang Dipertua PAS Haji Fadhil Noor juga telah bercakap kepada akhbar-akhbar, radio dan televisyen dalam saat-saat menjelang hadapi pilihanraya sekalipun sebelum ini pemimpin PAS hanya bercakap menerusi Bernama sahaja. Semuanya ini membuktikan bahawa pemimpin pemimpin pembangkang itu tetap mengiktiraf peranan akhbar-akhbar utama di negara ini seperti Utusan Malaysia, Utusan Melayu, New Straits Times dan Berita Harian. Mereka tetap melihat akhbar-akhbar ini sebagai saluran terbaik untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Mungkin mereka sendiri sudah tidak percaya dengan berita-berita rkaan dalam akhbar mereka sendiri. Maka itu mereka mahu baca berita mereka dalam akhbar-akhbar UMNO.

Dalam masa menghadiri persidangan akhbar Tengku Razaleigh itu, kita terkenang semula kecaman-kecamannya terhadap akhbar-akhbar dan para wartawan. Kerana tidak mendapat mengagatkan semula dengan tepat, kita telah membuka lambaran lama Utusan Malaysia dan juga Berita Harian.

Di antara berita-berita yang menarik ialah:

Kota Bharu, Jumaat (8 Mei 1987): Bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah petang ini mengajak penyokongnya memulaukan akhbar-akhbar New Straits Times dan juga Berita Harian mulai esok.

Beliau berkata, seruan itu bertujuan mengajar kedua-dua akhbar itu yang dituduhnya tidak memberikan liputan saksama kepada regu beliau yang mencabar kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam perhimpunan agung UMNO lalu.

Katanya, kedua-dua akhbar itu bukan sahaja tidak adil sewaktu tempoh kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO tetapi juga sesudah pemilihan itu selesai dengan kempen memburuk-burukan apa yang disebut ‘Team B’.

Beliau menyebut contohnya ialah berita oleh Berita Harian yang mengatakan beliau bercadang menubuhkan sebuah parti baru setelah tewas dan dengan marah beliau berkata “celaka sungguh penulis berita itu.

(Berita Harian 9 Mei 1987).

Utusan Malaysia keluaran 13 Mac 1988 pula telah menyiar berita Tengku Razaleigh akan menubuhkan sebuah parti politik baru bernama Perkasa. Dua hari kemudian Datuk Rais Yatim tuduh Utusan mempunyai niat jahat di dalam membuat laporan ini dan pada 5 April 1988 Tengku Razaleigh telah mengambil tindakan mahkamah terhadap Utusan kerana menyiar berita sebut. Bagaimanapun pada 5 Mei 1989, Tengku Razaleigh telah menubuhkan parti barunya secara rasmi. Cuma namanya tidak

sama. Siapakah sebenarnya yang cuba meyembunyikan sesuatu kepada orang ramai? Pada 9 Januari 1990 akhbar Utusan Malaysia menyarkan berita dari Melaka mengenai Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah akan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin DAP, PAS, Hamim dan Berjasa untuk membincangkan mengenai kemungkinan memulaukan akhbar-akhbar di negara ini yang beliau dakwa tidak bertanggungjawab.

Beliau mendakwa langkah itu akan dapat menginsafkan akhbar-akhbar yang kurang bertanggungjawab itu kerana menyebarluaskan maklumat salah kepada orang ramai. Empat bulan selepas Tengku Razaleigh mengumumkan rancangan itu, Mukhtamar PAS yang berlangsung di Pusat Tarbiyah Taman Melewar, Kuala Lumpur telah mengadakan upacara membakar akhbar-akhbar Kumpulan Utusan Melayu dan Kumpulan New Starits Times.

Di dalam mukhtamar itu para wartawan yang membuat liputan telah dikecam, disindir dan dimaki hamun dengan kata-kata kesat dan beberapa orang anggota PAS pula cuba menimbulkan perasaan marah anggot-anggota lain sambil menuding jari ke arah wartawan-wartawan yang hadir. "Bakar mereka! ujar salah seorang anggota PAS dengan nada marah.

Tengku Li tentulah bergembira dengan kesanggupan PAS melakukan apa yang tidak sanggup dilakukan olehnya sendiri. PAS telah melakukan sesuatu yang merosakkan lagi imejnya sendiri yang telah pun rosak sebagai parti pelampau.

Untuk memperbaiki semula kerosakan itu, Tengku Li khabarnya telah menasihatkan PAS supaya jangan menonjolkan sangat Haji Hadi yang membawa imej Ayatollah Khomeini dalam pilihanraya ini. Sementara PAS berada dalam krisis identiti, Tengku Li mengadakan sidang akhbar di Kuala Lumpur untuk menunjukkan bahawa perangainya tidaklah seperti PAS—sebaliknya beliau adalah seorang yang bersopan, liberal dan bertolerensi. Sesungguhnya Tengku Li memang pandai bermuka-muka.

Cabaran? Cabaran Apa?

TELATAH Tengku Razaleigh Hamzah yang bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri Malaysia secepat mungkin, lebih banyak haru-biru daripada mempersonakan. Sejak beliau meninggalkan

UMNO dan menubuhkan parti yang dinamakannya Semangat 46 itu, Tengku Razaleigh nampaknya telah berjaya menjadikan perjuangan peribadi menentang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai perjuangan rakyat, perjuangan nasional.

Soalnya rakyat yang dimaksudkan itu rakyat mana? Secara umum kita dapat lihat bahawa rakyat yang jadi pengikut setianya sehingga kini hanyalah beberapa orang tokoh politik yang pernah menjadi anggota kerajaan Allahyarham Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Jelaslah bahawa kegalanannya mengalahkan Dr. Mahathir dalam perebutan kerusi Presiden UMNO pada tahun 1987 itu adalah kekecewaan politik Tenku Razaleigh yang paling besar. Kekecewaan itu begitu hebat hingga kini ia menjadi igauan yang berat pula. Kecekalan hatinya menakjubkan. Sayang sekali kecekalan itu nampaknya salah tuju. Andainya beliau benar-benar hendak berjuang membela nasib bangsa dan tanahair secara jujur dan ikhlas, beliau seharusnya kekal dalam UMNO Baru dan ikut memperkuuhkan parti induk orang Melayu itu.

Sebaliknya, beliau menubuhkan parti baru. Nama yang diberikan kepada parti agak aneh juga. Mengapa Semangat 46? Untuk mengajak orang Melayu mengingat kembali sejarah penubuhan UMNO dan perjuangan menentang penjajahan? Implikasinya Tengku Razaleigh ingin mengajukan bahawa kerajaan kita sekangkerajaan penjajah? Jika benar, bukankah Tengku Razaleigh juga pernah menjadi anggota Kabinet kerajaan ini? Bukan sekejap lalu. Malah, hingga hampir sepuluh tahun. Mulanya sebagai Menteri Kewangan dan selepas itu sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Tidak dikira waktu beliau menjadi Pengurus Sekutu Bank Bumiputra dulu.

Jika benarlah Tengku Razaleigh tidak bersetuju dengan beberapa dasar kerajaan atau partinya, kenakah beliau mengambil waktu begitu lama hendak mengundurkan diri dan menubuhkan parti baru? Barangkali bukan dasar parti atau kerajaan yang tidak disenangi beliau, tetapi peribadi Dr. Mahathir sendiri. Jika mar, apakah sifat-sifat Dr. Mahathir itu yang tidak disenanginya? Apakah sejak Dr. Mahathir menjadi Presiden UMNO baru beliau melihat kepincangan pada peribadi Dr. Mahathir? Atau, apakah itu Tengku Razaleigh tidak melihat kepincangan peribadi

Dr. Mahathir semata-mata kerana beliau berasa kedudukan beliau dalam parti dan kerajaan adalah lebih 'senior' daripada kedudukan Dr. Mahathir dan jesteru lebih mantap pula?

Tengku Razaleigh sendiri tentu tidak boleh menafikan bahawa waktu itu sikapnya terhadap Dr. Mahathir lebih bersifat 'patronising' daripada sebagai sahabat yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Hanya setelah beliau gagal mendapat jawatan Timbalan Presiden UMNO dan jesteru Timbalan Perdana Menteri baru, Tengku Razaleigh tiba-tiba sedar bahawa Dr. Mahathir menjadi saingan utamanya untuk menjadi Presiden UMNO. Bagaimanapun, Tengku Razaleigh tidak meluahkan perasaan sebenar terhadap Dr. Mahathir secara meletakkan jawatan dari parti atau kerajaan. Sebaliknya, beliau cuba merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO dua kali berturut-turut. Malang usaha itu gagal juga.

Jika dilihat dari perspektif ini, bukankah jelas bahawa segala usaha beliau selama ini adalah semata-mata kerana hendak menjadi Presiden UMNO? Jika begitu, bukankah perjuangan beliau ini lebih bercorak perjuangan peribadi daripada perjuangan kebangsaan? Apakah semangat perjuangan peribadi ini sudah begitu menghantui sehingga ia menjadi satu gagasan? Gagasan kebangsaan pula? Dan, jika gagasan itu bererti satu cita-cita atau idea, maka pastilah gagasan Semangat 46 itu adalah gagasan peribadi Tengku Razaleigh. Justeru maka gagasan perkumpulan Gagasan Rakyat itu juga adaah semata-mata gagasan peribadi Tengku Razaleigh.

Jika benar, alangkah ceteknya gagasan ini. Dan gagasan inikah yang harus diterima oleh rakyat sebagai gagasan nasional? Apakah kita harus menerima hakikat bahawa parti-parti pembangkang seperti DAP dan PAS sudah mengetepikan semua gagasan perjuangan mereka sejak bertahun-tahun itu dan kini menerima gagasan Tengku Razaleigh? Maksudnya apakah jika ditakdirkan Semangat 46 dan sekutunya dapat membentuk kerajaan baru, maka mereka akan membuang segala prinsip perjuangan mereka? Jika benar begitu, jelaslah bahawa semua parti-parti pembangkang sudah sekian lama bermatiaw-matiaw mendirikan identiti sendiri itu seperti tidak mempunyai sebarang prinsip perjuangan yang mantap. Justeru bolehkah secara jujur kita mengharapkan sebarang alter-

atif kepada kerajaan yang ada sekarang?

Soal memilih pemimpin dan memilih kerajaan bukanlah seudah seperti menukar baju. Sebagai rakyat, hak memilih itu juga adalah satu amanah, satu tanggungjawab. Dan, tanggungjawab itu amatlah berat. Jika tersalah pilih dan tersalah kira, padahnya hingga anak cucu. Barangkali kita harus kembali mengingati amanat Hadzina Abu bakar Al-Siddiqu sewaktu beliau dilantik menjadi califah pertama. Antara lain kata beliau, jika beliau memimpin cara yang direndai Allah, ikutlah beliau. Dan, jika beliau melakukan kesalahan sewaktu memimpin, tegurlah beliau.

Jelas bahawa dalam Islam, tugas pemimpin dengan yang pimpin adalah sama berat. Seorang Islam yang ingin menjadi pemimpin haruslah insaf bahawa Islam tidak pernah menganjurkan paya perjuangan dan cita-cita peribadi dijadikan asas untuk megakkan kerajaan. Dalam Islam setiap perjuangan berlandaskan insip-prinsip yang telah ditentukan oleh Allah. Antara prinsip penting itu termasuklah menentang musuh-musuh Islam, memberi adilan kepada umat Islam jika mereka tertindas, menegakkkan ar Islam dan membela nasib orang miskin. Itulah secara kanya.

Adakah sebarang persamaan antara gagasan perjuangan Islam dengan gagasan yang dikemukakan oleh Semangat 46 dan sekutu itu?

Banyak sekali tomah dan fitnah yang telah disebarluaskan terhadap peribadi Dr. Mahathir, angota-anggota Kabinet dan orang secorangan yang menyokong Perdana Menteri itu. Kebanyakannya dan tomahan itu datangnya dari pihak Semangat 46 dan suttonya. Hampir tidak ada langsung pembicaraan ke atas perkara-perkara yang substantive seperti dasar kerajaan atau penyelegaran besar dalam perlaksanaan dasar. Mengapa? Kerana hampir dua pemimpin Semangat 46 itu sendiri duluunya bersama-sama MNO dan kerajaan dalam membentuk semua dasar yang ada seorang. Mereka juga secara langsung dan tidak lansung terbabit am sebarang perlaksanaan dasar-dasar itu samaada ada penyelegaran atau tidak. Jadi, tentulah sukar bagi mereka hendak memata pekung di dada sendiri.

Memang ada tuduhan bahawa soal ‘privatisation’, iaitu skim menjual syarikat-syarikat kerajaan kepada swasta sebagai satu

penyclewengan dasar. Bagaimana sikap Tengku Razaleigh terhadap soal ini? Apakah beliau percaya bahawa penswastaan itu tidak menguntungkan rakyat dan negara? Kita ingin mendengar komitmen Tengku Razaleigh yang tegas dan rasmi mengenai perkara ini.

Bukankah dasar penswastaan itu telah dimaktubkan sewaktu Tengku Razaleigh masih dalam Kabinet? Jika beliau menentang dasar ini, adakah beliau menyatakan pendiriannya waktu itu? Sebagai seorang Menteri, walaupun bukan Menteri Kewangan, beliau mempunyai suara dan pilihan. Jika membisu bererti setuju dan jika tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan kerana ia bertentangan dengan prinsip, maka beliau seharusnya meletakkan jawatan. Soal penswastaan dengan soal ekonomi yang sehubungan itu adalah soal-soal dasar untuk menggalakkagn kepesatan ekonomi. Bukan kita saja yang telah malancarkan dasar begitu. Negara maju seperti England telah memulakan dasar ini lebih awal daripada kita. Apakah kita hendak andaikan bahawa kerajaan Inggeris yang dipimpin oleh Margaret Thatcher itu lebih bodoh daripada kita?

Bagaimana pula dengan dasar untuk menggunakan wang negara bagi membeli syarikat-syarikat gergasi seperti Guthrie dari pada Inggeris? Kononnya atas dasar nasionalisme; untuk membawa kembali syarikat -syarikat itu ke tanahair? Tahukah kita apa implikasinya? Mudah. Kerana kita yang membeli, maka kita telah memberikan beratus juta ringgit kepada orang Inggeris yang menerima dengan senang hati. Kemudian mereka guna wang itu untuk membeli ladang-ladang getah yang lebih luas dan murah di Indonesia. Sebagai sifat orang berdagang, mereka melabur dan membangunkan ladang-ladang getah seperti yang mereka lakukan di negara kita. Kemudian segala hasilnya dijual di pasaran dunia.

Justeru mereka kini menjadi saingan kita. Dan kita? Kit megah seperti Pak Kaduk, menang sabung, kampung tergada. Dalam hal ini wang kita beri pada orang dan dagangan kiat makin tersepit. Siapa yang menjadi Menteri Kewangan waktu dasar begin dilaksanakan? Di segi jangka panjang bukankah dasar ini lebih merugikan negara daripada dasar penswastaan? Ya, dasar penswastaan itu tak betul, kata pengkritik, kerana ia diberikan kepada konco-konco Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Jika benar tuduhan itu, adakah itu salah dasar atau salah perlaksanaan? An sekolah pun tahu beza diantara dua hal ini.

Soal konco ini tak pernah selesai dan tak akan selesai sekali-pun Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri. Apakah ketika Tengku Razaleigh menjadi Pengurus Eksekutif Bank Bumiputra dulu dan kemudiannya menjadi Menteri Kewangan, Tengku tidak mempunyai konco? Tak seorang pun? Apakah tak ada seorang pun sahabat handal tengku secara merit atau tidak, telah mendapat sesuatu faedah ekonomi atau kewangan daripada kuasa yang ada pada Tengku pada waktu itu?

Kita tidak menuduh Tengku Razaleigh atau mengajukan innuendo bahawa Tengku Razaleigh menyalahgunakan kuasa. Kita cuma bertanya adakah waktu itu tidak ada sahabat handai, kawan taulan biar dia orang UMNO atau tidak, yang telah mendapat peluang bermiaga hasil tandatangan Tengku Razaleigh? Itu saja. Kalau ada jawablah dengan ikhlas. Kalau tidak pun jawablah dengan tenang hati.

Gagasan kita ini hanyalah untuk cuba membuktikan bahawa soal konco ini adalah soal remeh, bukan soal dasar perjuangan. Kalau mahu, soal ini mudah saja diselesaikan. Orang politik jangan ada parti politik dan jangan ada pengikut atau penyokong. Jadi, tak perlu untuk bertanding dalam pilihanraya parti atau bertanding dalam pilihanraya umum secara berparti. Bolehkah Tengku Razaleigh amalkan dasar ini supaya kita benar-benar yakin bahawa jika ditakdirkan Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri, maka beliau tidak akan dikerumuni oleh konco-konconya?



Dr. Mahathir dijulang oleh Tok Mat dan Mat Taib merayakan kemenangan dalam Pilihanraya Umum 1990 di PWTC.

SKANDAL KU LI TERBONGKAR?

"Saya percaya dia (Tengku Razaleigh) tidak layak atau tidak patut memegang kedudukan tertinggi seperti itu."

— Lorrain

SEBENARNYA dalam pilihanraya baru lalu itu, Ku Li dan geng-gengnya dah tersilap pilih tema. Malaysia memang dah man dan selamat, yang belum selamat ialah KuLi dan geng-gengnya.

Dia nak cepat menjadi Perdana Menteri hingga sanggup ahwin mutaah—kahwin kontrak. Kahwin dua tiga bulan, dia cerai; kemudian kahwin lain pula. Kahwin jenis ni boleh ramai rang sekaligus. Mula-mula dia kahwin mutaah dengan Musa litam dan Shahrir Samad. Bila dah jemu dia cerai, kahwin pula dengan Fadzil Noor dan Ustaz Hadi Awang. Sekarang ini dengar dia dah cerai pula. Dan dia mutaah pula dengan Lim Kit Siang, Syed Hussein Ali, Pandithan dan Yeoh Poh San.

Antara keempat-empat ‘isterinya’ yang baru tu, kita tengok dia paling sayang sekali ialah Lim Kit Siang. Dia bagi 56 kerusi Parlimen dekat Lim Kit Siang. Maklumlah Lim Kit Siang ni cum laude kahwin dengan sapa-sapa lagi. Tak sama dengan Pandithan yang baru bercerai dengan Samy Vellu, jadi dia bagi dua kerusi dia. Syed Hussein pula kita tak tau pasal apa dia dapat tiga kerusi dia. Barangkali dia ni jenis anak dara yang senang dapat, tak cun macam Lim Kit Siang. Punyalah sayang, awal-awal lagi dia janji bagi

Pulau Pinang pada Lim Kit Siang. Apa lagi, Lim Kit Siang pun naik tocang terus terjun di Padang Kota lawan Dr. Lim Chong Eu. Bagi orang Pulau Pinang—baik Melayu, Cina atau India—Dr Lim Chong Eu ni adalah jenis ahli politik yang cukup faham. Kata orang putih “a moderate politician”. Dia faham hati budi orang Melayu, dia faham kehendak orang Cina dan orang India.

Sebab itulah lepas Gerakan menang di Pulau Pinang tahun 1969 dulu, dia cepat-cepat jumpa Allahyarham Tun Abdul Razak ajak tubuh Barisan Nasional. Dia tau kalau bagi Cina semua perintah Pulau Pinang, negeri itu tidak aman. Kerana sikapnya yang ‘moderate’ itulah maka Barisan Nasional dapat memerintah Pulau Pinang dengan aman sampai hari ini.

Bagi Lim Kit Siang, politik sederhana dan ‘accommodative’ seperti yang Dr. Lim bawa tak ada tempat dalam DAP. Sebab itulah ahli politik moderate seperti Lee Lam Thye tak boleh hidup lama dalam DAP. Bila dia tengok Lee Lam Thye lebih popular daripadanya, dia cari jalan singkirkan Lee Lam Thye. Ini bukan kita kata, tetapi Lee Lam Thye yang kata. Lee Lam Thye bukanlah mangsa pertama Lim Kit Siang. Dalam pilihanraya 1986, Lim Kit Siang jatuhkan Dr. Koh Tsu Koon di Kampong Kolam. Koh Tsu Koon ini seorang lagi ahli politik ‘moderate’ yang dididik oleh Dr. Lim Chong Eu. Beliau popular dikalangan masyarakat Cina Pulau Pinang dan dengar ura-ura bakal pengganti Dr. Lim.

Lepas dua orang ‘moderate’ sudah berjaya dikalahkan oleh Lim Kit Siang, sekarang dia tala pula Dr. Lim Chong Eu. Dia berani buat macam tu sebab Ku Li kipas dari belakang. Jadi, pendek kata Ku Li juga tak suka kepada ahli politik ‘moderate’ seperti Lim Chong Eu. Negara kita mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Politik perkauman dan pelampau seperti DAP memang tidak boleh menjamin apa-apa. Begitu juga dengan politik kahwin mutaah macam Ku Li, hanya boleh wujudkan keadaan cacamarba saja. Jadi kalau kita semua hendak hidup makmur, aman dan damai maka Selamatkanlah Malaysia daripada bahaya ini semua.

Kenyataan Lim, Kuli Sejak 1983

BEKAS Penggerusi Bumiputra Malaysia Finance (BMF), Lorrai Esme Osman, mendedahkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai

orang yang bertanggungjawab ke atas penyelewengan \$2.6 billion milik syarikat kewangan itu.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan melalui sumber yang rapat dengannya di London, Lorrain yang kini ditahan di penjara Brixton sementara menunggu perbicaraan di Hong Kong, berkata Tengku Razaleigh ialah orang yang bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku kepada BMF dan Carrian di Hong Kong.

Beliau juga menamakan bekas pengurus besar BMF, Ibrahim Jaafar, sebagai turut bersuhabat dalam skandal yang dilakukan kira-kira 10 tahun dulu.

Sejak berlakunya skandal itu, parti pembangkang terutama Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, sering membuat pelbagai tuntutan kepada kerajaan dan melemparkan tuduhan kepada Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Sebaliknya, Tengku Razaleigh juga berusaha untuk membela diri dengan pelbagai kenyataannya, malah sanggup mengambil undakan mahkamah terhadap sesiapa yang ingin menuduhnya. Berikut ialah beberapa sedutan kenyataan Encik Lim Kit Siang dan Tengku Razaleigh.

Kenyataan Lim Kit Siang Berhubung BMF 24 September 1983:

PERAK: Tengku Razaleigh Hamzah diminta membuat pendedahan sepenuhnya mengenai skandal pinjaman beribu juta ringgit membabitkan Bumiputra Malaysia Finance (BMF) di Hong Kong.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa DAP negeri di Ipoh, Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, berkata perkembangan terbaru menunjukkan skandal pinjaman BMF adalah satu 'permulaan kepada perkara yang lebih besar.'

—(12 Oktober 1983)

KUALA LUMPUR: Dalam sidang Dewan Rakyat, Encik Lim Kit Siang meminta kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat skandal BMF dan ingin mengetahui pelbagai aspek operasi BMF.

—(19 Oktober 1983)

KUALA LUMPUR: Encik Lim Kit Siang meminta Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, membuat pendedahan sepenuhnya skandal BMF dalam laporan Belanjawan yang akan dibentangkan.

Menurutnya, tanpa pendedahan itu dalam Belanjawan 1984, ini akan mengecewakan rakyat Malaysia.

—(November 1983)

KUALA LUMPUR: Encik Lim Kit Siang mengusulkan kepada Dewan Rakyat pemotongan \$10 daripada gaji Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, kerana tidak puas hati dengan caranya mengendalikan skandal pinjaman BMF sebanyak \$2.5 billion.

Menurutnya, cara kerajaan mengendalikan kes BMF adalah bertentangan dengan slogan ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ serta “kepemimpinan Melalui Teladan.”

—(5 Mei 1984)

RAUB: Encik Lim Kit Siang meminta penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Parlimen untuk menyiasat tuduhan Mak Fook Than bahawa beliau (Mak) bertindak sebagai ejen bagi Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dan menteri lain.

Dalam majlis ulang tahun makan malam cawangan DAP Raub, beliau berkata cara yang paling baik dan berkesan untuk Menteri Kewangan dan Menteri lain membersihkan nama mereka ialah dengan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan.

—(7 April 1984)

Encik Lim Kit Siang menuduh Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, bertanggungjawab terhadap ‘beberapa pembabitan’ berhubung pinjaman BMF.

—(20 Februari 1983)

Kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah mengenai BMF:

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata bahawa kaitan antara Bumiputra

Malaysia Finance (BMF), anak syarikat Bank Bumiputra di Hong Kong dengan masalah pinjaman kepada kumpulan Carrian sudah menjadi "isu politik".

—(22 Mac 1983)

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, mengingatkan keadaan Bank Bumiputra akan menjadi kucar-kacir jika isu kecil menyentuh Bumiputra Malaysia Fianace (BMF) diperbesar-besarkan.

—(23 Mac 1983)

KUALA LUMPUR: Masalah pinjaman Bumiputra Malaysia Finance (BMF), anak syarikat Bank Bumiputra di Hong Kong kepada beberapa 73 syarikat di Hong Kong adalah isu besar. Tetapi ia tidaklah digembar-gembur.

—(12 Oktober 1983)

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata tidak perlu ditubuhkan Suruhanjaya Penyiasat Diraja untuk meneliti skandal BMF kerana penyiasatan rapi sedang dijalankan.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) di Dewan Rakyat, yang ingin tahu pelbagai aspek behubung operasi BMF.

Tengku Razaleigh berkata, penyiasatan itu termasuk usaha mengaudit akaun (luar dan dalaman) urusan dalam akaun BMF Menurutnya, BMF diurus oleh lembaga pengarah yang bebas dan merekalah yang bertanggungjawab terhadap sebarang keputusan pinjaman BMF.

Bagaimanapun, katanya BMF biasanya menghantar maklumat mengenai operasinya kepada bahagian antara-bangsa bank dari semasa ke semasa.

—(6 April 1984)

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, menjelaskan bahawa tidak pernah dan

tidak perlu bagi Bank Bumiputra Malaysia Finance (BMF) mendapatkan persetujuan daripada bank Negara atau daripada mana-mana menteri sebelum meluluskan sebarang pinjaman.

—(13 April 1984)

KOTA BHARU: Tengku Razaleigh Hamzah memberi amaran beliau akan mengambil tindakan mahkamah terhadap sesiapa saja memfitnah beliau sama ada melalui penerbitan, sebaran, siaran, kenyataan dan cakap mulut.

—(13 April 1990 Utusan Malaysia)

KOTA BHARU: Pengerusi badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, memberi amaran akan mengambil tindakan ke atas sesiapa saja yang membuat fitnah terhadap dirinya baik dengan cara penerbitan sebaran, siaran kenyataan dan cakap mulut.

—(3 Mei 1984)

KUALA LUMPUR: Tengku Razaleigh Hamzah menafikan dakwaan Mak Fook Than, yang dituduh membunuh Jalil Ibrahim Julai 1983 di Hong Kong, bahawa dia mempunyai hubungan dengan peniaga dari Klang itu. "Demi Allah, saya tidak kenal orang ini dan saya tidak pernah dan tiada ada sebarang hubungan dengannya.

"Dakwaan yang beliau bekerja bagi puak saya selama lapan tahun adalah karut dan memang sengaja dibuat dan nyatalah ada orang tolol mengira berapa lama saya sudah menjadi Menteri," katanya.

—(3 Mei 1984)

Sebahagian kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah pada 3 Mei 1984:

"Saya terperanjat mendapat tahu tentang pendustaan liar dan jahat yang dilemparkan terhadap saya dan menteri Kerajaan Malaysia di dalam kenyataan yang dikatakan dibuat oleh Mak Fook Than.

"Tuduhan-tuduhan liar dan bohong itu dibuat dengan niat membawa akibat yang buruk. Tidaklah hairan kenapa media-media membesarakan perkara ini. Saya membuat kenyataan ini untuk menjelaskan hal ini dalam perspektif sebenar."

—(4 Mei 1984,

KOTA BHARU: Tengku Razaleigh Hamzah rela rekod perkhidmatannya disiasat untuk membuktikan benar atau tidak tuduhan pembabitan beliau dalam rasuah, jenayah, termasuk kes BMF di Hong Kong dan dakwaan Mak Fook Than yang dituduh membunuh Jalil Ibrahim Julai 1983 di tanah jajahan itu.

Menteri Kewangan itu berkata, "Rekod perkhidmatan saya sejak saya berkhidmat kepada masyarakat dan negara memang terbuka untuk disiasat."

Tengku Razaleigh menegaskan, "Kalau saya bersalah dan melakukanya, bukan sahaja saya sanggup dihukum, malah saya pohon kepada Allah membinasakan saya."

"Demi Allah saya membuat pengisyiharan bahawa saya tidak berdosa dan tidak terbabit dalam kes BMF, Carrian atau kes lain," Tengku Razaleigh bersumpah.

Beliau berucap kepada pemimpin UMNO negeri selepas sembahyang Jumaat dan majlis doa selamat di Bangunan UMNO Negeri.

Dasar Pecah dan Perintah Ku Li

ALAM pilihanraya yang lepas, Tengku Razaleigh bolehlah diaraskan seperti seorang suami yang beristeri ramai, yang masing-masing mempunyai citarasa yang amat berbeza. Bukan mudah untuk memuaskan hati kedua-dua pihak, apalagi membawa mereka akan semeja. Jika tersilap langkah, akan meranalah badan. Akhirnya, Tengku Razaleigh memang betul-betul merana.

Setelah gagal membawa DAP dan PAS tidur sebantal, Semata-mata 46 terpaksa membina bilik yang berasingan bagi memastikan dua-dua parti itu tetap berada di bawah satu bumbung barisan bangkang. Bagi Tengku Razaleigh khususnya, kehadiran ke-

dua-dua parti itu dalam barisan pembangkang amat penting bagi membolehkan mereka menghadapi BN dalam pilihanraya umum itu.

Jika mereka berpecah, ia bermakna akan hancurlah cita-cita untuk menumbangkan BN dan membentuk kerajaan baru nanti. Lebih penting, keadaan itu akan menghancurkan impian beliau untuk menjadi Perdana Menteri baru bagi Malaysia. Jadi, berdasarkan keadaan itulah maka Semangat 46 bersatu menuju menubuhkan satu lagi pakatan dengan DAP, Parti Rakyat Malaysia (PRM), Barisan Progresif India (IPF) dan Parti Solidariti Malaysia (MSP) dalam Gagasan Rakyat sebagai tambahan kepada pakatannya dengan PAS, Hamim dan Berjasa dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Tindakan itu dilakukan semata-mata kerana titik pertemuan serta persefahaman antara PAS dan DAP sekarang semakin tipis.

Di segi politik, kita boleh anggap peranan Tengku Razaleigh menjadi 'match-maker' antara parti-parti pembangkang ini amat bijak. Tanpa mempersoalkan kesannya, kita juga bolchlah menganggap beliau sebagai tokoh yang dihormati dan berpengaruh di kalangan pemimpin pembangkang. Tetapi, disebalik pembentukan kedua-dua pakatan itu tersembunyi satu rahsia yang dengan mudah dapat diketahui umum.

Ia sebenarnya menggambarkan bahawa Semangat 46 secara khusunya berada dalam keadaan yang amat serba salah. Mereka seolah-olah kehilangan punca dan keyakinan untuk menghadapi BN, apalagi menewaskannya. Untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa mereka adalah barisan alternatif yang setanding dengan BN, maka terpaksa mereka berpura-pura telah berjaya mencapai kata sepakat dan menjalankan hubungan yang intim, sedangkan pada hakikatnya masih banyak ranjau yang perlu mereka lalui.

Kalau mereka benar-benar sudah sepakat, kenapa perlu adua pakatan yang berasingan, yang masing-masing mewakili kelompok dan geografi tertentu. APU dianggotai oleh parti-pa yang hampir 100 peratus anggotanya terdiri daripada orang Melayu Islam manakala Gagasan Rakyat pula dianggotai oleh rakyat berbilang kaum. Di segi geografi, APU lebih bertumpu ke negeri-negeri Melayu, terutama di Pantai Timur manakala Gagasan Rakyat pula di Pantai Barat Semenanjung.

Di segi strategi menghadapi pengundi, mereka juga mempunyai manifesto pilihanraya masing-masing. Gagasan Rakyat menggunakan satu manifesto, tetapi Semangat 46 dan PAS mempunyai manifesto yang berbeza di negeri-negeri majoriti Melayu. Adakah ini satu petanda bahawa jikalah ditakdirkan dapat memerintah, mereka juga akan mempunyai dua dasar yang berbeza, iaitu di antara negeri yang dikuasai APU dan negeri yang dikuasai oleh Gagasan Rakyat, terutama DAP.

Melihatkan kepada perkembangan ini, kita teringat kembali kepada dasar ‘pecah dan perintah’ yang dilaksanakan oleh penjajah Julu terhadap orang Melayu dan bukan Melayu di negara ini. Bagaimanapun, kita mendapati satu perkara yang agak aneh dalam akatan pembangkang kali ini, walaupun mereka mencatat sejarah kerana berjaya mewujudkan barisan pembangkang buat pertama kali dalam sejarah politik negara. Menurut Tengku Razaleigh, PAS dan Berjasa sudahpun memberi sokongan mereka kepada prinsip yang terkandung dalam manifesto Gagasan Rakyat, terutama mengenai politik dan ekonomi.

Tetapi, Gagasan Rakyat, terutama DAP, tidak pula menyokong manifesto PAS. Menurut Tengku Razaleigh, cuma Semangat 46 yang menyetujui prinsip perjuangan parti itu, yang mahu menekankan negara Islam. Pendirian DAP itu sudah lama dimaklumi, kerana parti itu tidak pernah menyetujui falsafah dan matlamat PAS. Jadi, tidak mustahil ini juga akan menjadi pendirian DAP terhadap PAS walaupun barisan pembangkang dapat menujuhkan erajaan kelak.

Apakah ertinya ini? Mengapa PAS, Berjasa dan Hamim sanggup menggadai maruah mereka semata-mata mahu mengikut Semangat 46? Mereka tidak lagi berpegang pada pepatah ang tua; orang memberi kita merasa. PAS kini hanya memberi, apabila DAP sahaja yang merasa. Sepatutnya, apabila PAS memberi tanda, maka bungalah balasannya. Berdasarkan persahabatan ini, apa untung dan siapa pula jadi alat? Majoriti pengundi telah menjawab persoalan ini dengan mudah.

Akhirnya Gagasan Rakyat kecundang teruk dan APU pula lelah bersyukur kerana berjaya menawan Kelantan. DAP namanya masih gagal menawan Pulau Pinang walaupun mendapat kerusi Dewan Undangan Negeri. DAP sebenarnya perlukan 3

kerusi negeri saja lagi untuk menawan Pulau Pinang. Nampaknya projek Tanjung II Lim Kit Siang itu belum direstui lagi. Tengku Razaleigh dan gurkha-gurkha Semangat 46 pula gigit-gigit jari.

Pendedahan Lorrain Cemar Ku Li

REAKSI bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, terhadap dakwaan bahawa beliau bertanggungjawab dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF) yang membabitkan penyelewengan \$2.6 bilion milik syarikat itu agak mengelirukan. Tengku Razaleigh mahu sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan bekas Penggerusi BMF sendiri, Lorrain Esme Osman, bahawa beliau (Tengku Razaleigh) menerima sogokan berjuta-juta ringgit daripada syarikat kumpulan Carrian yang membuat pinjaman lebih \$2 bilion daripada BMF, tetapi kemudian gagal membayarnya.

Dalam menyatakan kesediaannya untuk menghadapi siasatan sebarang suruhanjaya seumpama itu, Tengku Razaleigh juga berharap semua pihak yang terbabit bersedia mengambil tindakan se pertinya bagi menyelesaikan perkara itu. Kenyataan Tengku Razaleigh ini menimbulkan beberapa persoalan baru kepada isu yang berlaku kira-kira 10 tahun lalu itu. Pertama, apakah dengan membuat kenyataan seperti itu, Tengku Razaleigh ingin menyatakan bahawa ada pihak lain yang diketahuinya turut terbabit dalam skandal itu? Keduanya, ia menimbulkan tandatanya mengapa Tengku Razaleigh mengubah sikapnya berhubung isu ini.

Kita bertanya demikian kerana ia adalah jauh berbeza dengan sikapnya ketika menjadi Menteri Kewangan dahulu. Rekod kita menunjukkan bahawa ketika diasak oleh Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, di Dewan Rakyat pada 12 Oktober 1983, Tengku Razaleigh berkata, adalah tidak perlu sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan bagi menyiasat skandal BMF itu kerana siasatan telah pun dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Yang menjadi persoalan mengapa beliau mengubah pendiriannya sekarang? Mengapa beliau tidak merujuk kepada butir dan hasil siasatan itu sahaja sebagai reaksi kepada pendedahan Lorrain itu?

Walau apa pun reaksinya terhadap tuduhan Lorrain itu, kini pasti ia tetap meninggalkan banyak kesan terhadap Tengku Ra-

leigh sendiri. Sesungguhnya ia boleh merosakkan kewibawaannya bukan sahaja sebagai bekas Menteri Kewangan Malaysia, tetapi juga sebagai seorang pemimpin politik. Beliau sudah memberi resasi awal kepada tuduhan Lorrain itu dengan menyatakan bahawa itu adalah fitnah.

Namun begitu, isu yang penting di sini bukanlah soal sama ada kita harus mempercayai tuduhan-tuduhan Lorrain bahawa Tengku Razaleigh adalah orang yang sanggup menggadaikan manah yang diberikan kepadanya sebagai Menteri Kewangan Malaysia bagi mendapatkan wang ke saku sendiri, tetapi bagaimana Tengku Razaleigh sebagai seorang bercita-cita menjadi perdana menteri di negara ini mahu membersihkan nama baiknya. Perkara ni adalah serius dan kita berharap rakyat tidak perlu menunggu sehingga beliau menjadi perdana menteri sebelum beliau menegangkan kedudukan sebenarnya.

Satu perkara yang menarik difikirkan ialah, mengapakah Lorrain membuat pendedahan ini setelah menderita dikurung sebagai tahanan reman selama lima tahun? Menurut Lorrain, beliau tidak sahuh membuat pendedahan yang membabitkan Tengku Razaleigh dan bekas Pengurus Besar BMF, Ibrahim Jaafar, kerana sangat setiakawan. Demi semangat ini Lorrain bersedia untuk menanggung derita dipenjarakan dan terpaksa menghadapi pertanggungjawabannya untuk tidak dipindahkan ke Hong Kong bagi menghadapi tuduhan terbabit dalam skandal itu.

Bagaimanapun nampaknya semangat setiakawan sahaja tidak dapat membendung satu lagi prinsip Lorrain dalam hidup ini. Menurut kenyataan yang dikeluarkan di tempat beliau ditahan di penjara Brixton, London, yang disalurkan melalui satu sumber yang rapat dengannya, Lorrain mencerangkan bahawa beliau memilih untuk mendedahkan penyelewengan Tengku Razaleigh itu tanpa soal prinsip.

Perasaan kita agak tercuit juga dengan prinsip Lorrain bahawa walaupun beliau sanggup melindungi Tengku Razaleigh dan Ibrahim Jaafar selama ini daripada dibabitkan dalam skandal BMF, beliau tidak boleh membiarkan Tengku Razaleigh terutamanya, untuk bebas bersaing merebut jawatan politik tertinggi di Malaysia, iaitu untuk menjadi perdana menteri. Baginya meskipun Tengku Razaleigh itu sahabatnya, beliau tidak boleh membiarkan

orang yang salah (menurut perkirannya) dalam skandal itu menjadi perdana menteri kerana "saya percaya dia tidak layak atau tidak patut memegang kedudukan tertinggi seperti itu". Sesungguhnya patut atau tidak Tengku Razaleigh menjadi perdana menteri, bukanlah tertakluk kepada penilaian Lorrain, tetapi rakyat.

Bagaimanapun prinsip hidup Lorrain ini cukup wajar dicontohi. Meskipun nama baiknya kini tercemar oleh skandal itu, sekurang-kurangnya kasih Lorrain kepada negaranya masih utuh hingga tidak rela ia dikemudi oleh orang yang tidak layak.

PBS MAHU SABAH KELUAR MALAYSIA

"Slogan Pairin potong habis bawang. PBS memberitahu pengundi bukan Islam bahawa masanya sudah tiba untuk menamatkan pemerintahan negeri yang diterajui oleh orang Islam, dan menggantikannya dengan pemimpin Kristian."

KPUTUSAN PBS keluar daripada Barisan Nasional bukanlah kerana marah sebab Kerajaan Persekutuan tidak melayan pelangai permintaannya. Ia juga bukan sekadar disebabkan manifesto semangat 46 secara kebetulan sama dengan perjuangannya. Perjuangan PBS sampai bila pun tidak akan sama dengan sebarang manifesto parti lain. Ini kerana niat sebenar parti itu adalah lain sama sekali. Matlamat perjuangan PBS ialah membawa Sabah keluar dari Malaysia.

Perjuangan PBS itu tidak akan terhenti di situ sahaja. Seperti PAS yang selama ini berjuang untuk menegakkan sebuah negara Islam, PBS juga berjuang ke arah menegak sebuah negara Kristian di Sabah. Hakikat ini jelas tercerna sejak penubuhan PBS pada 1985 dan dilaungkan di mana saja di seluruh Sabah, terutama kepada kumpulan pilihanraya tiga bulan kemudian dan berjaya menumangkan Kerajaan Berjaya.

PBS mengajak pengundi Sabah, khususnya pengikut Kristian menyatakan 'potong habis bawang' dan tegakkan salib. Bawang disifatkan sebagai lambang kubah masjid. Dan maksud potong bawang ialah menamatkan kerajaan pimpinan orang Islam. Jadi Tengku

Razaleigh Hamzah tidak harus ghairah apabila Datuk Joseph Pairin Kitingan menyatakan PBS akan berkerjasama dengan Semangat 46 pimpinannya. Dia harus fikir banyak kali dan melihat jauh ke depan.

Barangkali Tengku Razaleigh perlu bertanya kepada Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Ahmad Baharom Kitingan dan Speaker Dewan Undangan Negeri itu, Datuk Hassan Alban, mengenai kesahihan kempen ‘potong bawang’ itu. Kedua-dua tokoh berkenaan ketika itu masih dalam Berjaya. Mereka memberitahu hal itu di rumah Datuk Harris Salleh di Likas, Kota Kinabalu, pada malam keputusan pilihanraya 1985 itu diumumkan.

Menurut mereka, kempen ‘potong bawang’ dilakukan oleh PBS di mana saja, kecuali di kalangan pengundi Islam, walau pun secara terbuka PBS ditonjolkan sebagai sebuah parti pelbagai kaum di Sabah. PBS memberitahu pengundi bukan Islam bahawa masa ini sudah tiba untuk menamatkan pemerintahan negeri yang diaturi oleh orang Islam, dan menggantikannya dengan pemimpin Kristian.

Perihal tidak senangnya Datuk Pairin terhadap gerakan atau kegiatan yang bertujuan meningkatkan syiar Islam ketika itu begitu ketara ketika dia masih menjadi menteri dalam Kerajaan Berjaya.

Dia pernah bertelagah dengan Datuk Harris apabila kerajaan mengarahkan pejabat-pejabat daerah di negeri itu melaksanakan pelbagai kegiatan yang perlu sempena sambutan Bulan Dakwah.

Datuk Pairin juga marah apabila beberapa kain pemidam mengenai Bulan Dakwah itu direntang di beberapa jalan utama di Kota Kinabalu. Sebelum itu dia juga kerap menegur perihal usaha membina masjid dan surau. Walaupun dia tahu sebahagian besar daripada perbelanjaan untuk tujuan itu adalah sumbangan daripada kerajaan beberapa negara Islam, namun jelas dia scolah-olah tidak suka usaha itu dilaksanakan.

Seperti kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tindakan PBS keluar dari BN itu memang sudah diduga sejak lama sebelum itu—sekurang-kurangnya pada hari penamaan calon 11 Oktober lalu. Rancangan PBS itu dapat dibaca sebaik sahaja tempoh permaian calon ditutup.

PBS walaupun diperuntukkan 14 daripada 20 kerusi Parlimen, berkeras mahu menggunakan lambang sendiri. Manakala

rakannya dalam BN, USNO, yang hanya mendapat enam kerusi, menggunakan lambang BN.

Selain itu, PBS juga meletakkan enam calon yang bertanding atas tiket Bebas menentang semua calon Usno. Jadi, jelaslah PBS mengaja berbuat semua itu semata-mata untuk menipu Usno dan sekaligus memerangkap BN. PBS bagaimanapun terlalu gopoh mengumumkan keputusannya itu kerana empat hari menjelang hari mengundi sebenarnya masih banyak masa untuk rakyat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung meneliti semua perkembangan itu.

Datuk Pairin mungkin boleh dianggap bijak, sekurang-kurangnya dalam mencari alasan mengapa PBS harus keluar daripada BN. Katanya, keputusan itu adalah berikutan keengganan Kuala Lumpur melayan beberapa kehendak Sabah. Antara permintaan Sabah itu ialah menaikkan kadar royalti minyak daripada lima peratus kepada 20 peratus; membenarkan Sabah mempunyai rangkaian TV sendiri dan menubuhkan sebuah universiti.

Namun, semua alasan itu tidak lebih daripada tipu muslihat berdasarkan helah politik belaka. Biasanya helah begini akan hanya menjerangkap diri sendiri. Hanya masa saja yang akan menentukannya. Sehingga ini, hanya Tengku Razaleigh saja yang semacam seronok dengan keputusan PBS keluar daripada BN itu. Soalnya, apakah DAP yang menjadi musuh ketat PBS di Sabah, juga akan turut gembira?

Perlu diingat, Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, entiasa diawasi sekiranya pergi ke Sabah. Dia juga pernah disuruh pulang semula ke Kuala Lumpur apabila tiba di Kota Kinabalu. Ini kerana Kerajaan PBS yang dipimpin oleh Datuk Pairin adalah asaran utama DAP kerana ia dikatakan penuh dengan pelbagai aktiviti rasuah yang turut membabitkan pemimpin tinggi PBS.

Apakah selepas PBS bekerjasama dengan Semangat 46, dan akhirnya menyertai Gagasan Rakyat bersama DAP dan tiga parti lain itu boleh melupakan DAP terhadap penyelewengan yang dilakukannya berlaku dalam Kerajaan PBS? Bagaimanapun perlu diingat, DAP bukanlah sebuah parti yang konsisten perjuangan dan tindak-tanduknya, terutama dalam hal-hal seperti ini. Conohnya ada dan cukup jelas.

Pada satu ketika dulu, umpamanya, beberapa pemimpin DAP begitu lantang mengecam Tengku Razaleigh berhubung skandal

BMF di Hongkong yang melingkupkan lebih \$2 bilion wang negara. Mereka mempersoalkan kewibawaan Tengku Razaleigh berhubung jenayah itu kerana ketika skandal itu berlaku dia adalah menteri kewangan. Tetapi, setelah bersikongkol dengan Semangat 46, DAP terus melupakan semua itu.

Dikejar Tak Dapat Dikendong Keciciran

SEWAKTU ditanya mengenai tindakan Datuk Joseph Pairin Kitingan menarik Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar daripada Barisan Nasional (BN), dengan penuh yakin Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah berkata kepada para wartawan: "Anda ketinggalan zaman. Kami tidak lagi bercakap tentang mendakkan majoriti dua pertiga BN. Kami sekarang bercakap tentang menuju kerajaan selepas pilihanraya. Kami sudah pun ada 26 kerusi sekarang. Anda jangan tanya soalan yang bodoh."

Jawapan beliau itu mengingatkan kita kepada reaksinya se-waktu bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO menentang Dato' Musa Hitam pada 1981 dahulu. Beberapa hari sebelum berlangsungnya pertandingan sengit itu, apabila ditanya oleh wartawan mengenai peluangnya untuk menang, dengan penuh yakin beliau menjawab, "Kemenangan adalah dalam tangannya."

Beliau ternyata tidak berubah. Kini beliau begitu gembira dengan tindakan Datuk Pairin itu. Langkah PBS dianggap sebagai satu kemenangan baginya. Beliau bersama Setiausaha Agung DAP Encik Lim Kit Siang, berlepas ke Sabah untuk merayakan kemenangan pihak pembangkang. Mereka gembira kerana sudah menang walaupun undi belum lagi dibuang. Cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri walau apa caranya semakin jelas terbaik yang.

Dengan bergabung bersama PBS, apakah Tengku Razaleigh sebenarnya membuat perhitungan yang tepat? Tindakan Datuk Pairin telah menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu. Beliau dianggap telah menikam orang-orang Melayu dan BN dari balik lalang.

Beliau telah menghina Perdana Menteri dengan menelefon Dr. Mahathir meminta supaya Perdana Menteri tidak datang

Sabah beberapa hari sebelum Perdana Menteri melawat ke sana. Apabila Dr. Mahathir berkata yang beliau tidak dapat membatalkan lawatan yang telah dijadualkan, Datuk Pairin meminta untuk menyemak teks ucapan Perdana Menteri yang akan di baca di Sabah.

Ini adalah satu penghinaan bukan saja kepada Dr. Mahathir sebagai individu, tetapi penghinaan kepada pemimpin negara. Perkara sebegini tidak pernah dibuat oleh mana-mana pemimpin pun sebelum ini. Apabila Perdana Menteri enggan membenarkan ucapannya disemak, Datuk Pairin membuat beberapa tuntutan antaranya ialah menaikkan royalti minyak, menubuhkan universiti di Sabah dan membenarkan Sabah mempunyai stesen televisyen sendiri.

Menurut surat rayuan Datuk Pairin yang disebar kepada semua bahagian PBS dan paderi-paderi di Sabah menjelang pilihanraya 1986, Presiden PBS itu menegaskan bahawa partinya akan mengambil semula kuasa-kuasa termasuk mendapatkan saluran televisyen bagi mengembangkan agama Kristian.

Keputusan menggabungkan partinya dengan Semangat 46 tentulah berdasarkan perhitungan bahawa Tengku Razaleigh akan dapat memenuhi tuntutan beliau sekiranya Presiden Semangat 46 itu menjadi Perdana Menteri. Di pihak Tengku Razaleigh pula, gabungan dengan PBS bererti pihak pembangkang sudah terjamin 14 kerusi yang ditandingi oleh PBS. Parti itu juga yakin dapat mengalahkan calon USNO di 6 kerusi lain. Dari Sabah mereka sudah mendapat 20 kerusi.

Tetapi apa yang mungkin tidak diperhitungkan oleh Tengku Razaleigh ialah kemarahan orang-orang Melayu terhadap tindakan Datuk Pairin itu. Kini siapa sebenarnya Datuk Pairin dan cita-citaanya sudah terbongkar. Gabungan Tengku Razaleigh dan Datuk Pairin Kitingan telah menghilangkan keyakinan penyokong-penyo-kong Semangat 46 dan juga PAS terhadap putera raja Kelantan itu.

PAS yang juga bergantung dengan Semangat 46 dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) merasa tertipu oleh pemimpin Semangat 46. PAS lansung tidak diberitahu mengenai rancangan Tengku Razaleigh dengan Datuk Pairin itu.

PAS telah menggadai 61 kerusi Parlimen dan 147 kerusi Dewan Undangan Negeri kali ini untuk membolehkan Semangat

46 meletakkan calon mereka. Soalnya apakah ahli-ahli PAS dapat menerima gabungan Semangat 46 dengan PBS? Selama ini PAS merupakan satu-satunya parti yang begitu lantang menentang usaha melemahkan Islam di Sabah. Tetapi kini Tengku Razaleigh sendiri telah bergabung dengan Datuk Pairin. Kita boleh memahami perasaan kecewa dan marah ahli-ahli PAS dan juga ahli-ahli Semangat 46 sendiri kepada Tengku Razaleigh.

Presiden Semangat 46 itu mengharapkan Sabah dan Sarawak menjadi king maker dalam pilihanraya kali ini tetapi nampaknya, tindakan Datuk Pairin itu telah menjadikan Sabah sebagai king killer baginya.

Tindakan Datuk Pairin tersebut tidaklah disokong sepenuhnya oleh rakyat Sabah. Malah tindakan itu membawa perbalahan dalam PBS sendiri. Naib Presiden parti itu, Datuk Kasitah Gadam tidak bersetuju dengan tindakan Datuk Pairin yang dianggap merugikan rakyat Sabah serta bercanggah dengan kepentingan nasional.

Tengku Razaleigh sangat kecewa dengan parti-parti terbesar di Sarawak yang bukan saja tidak menyebelahinya, tetapi tidak bersetuju dengan langkah Datuk Joseph Pairin tersebut. Beliau mengharapkan tindakan Datuk Joseph Pairin itu dapat memberi kemenangan kepadanya. Tetapi perkembangan di Semenanjung, khasnya di Kelantan sendiri ekoran tindakan Datuk Pairin tersebut membuatkan yang dikehjarnya tidak dapat, dan yang dikendong kecinciran.

BARISAN NASIONAL TETAP UNGGUL

"Pastinya nama Tengku Razaleigh akan tercatat dalam sejarah sebagai tokoh yang memulangkan Kelantan kepada PAS, mengeluarkan PBS daripada BN dan memusnahkan harapan DAP untuk menambah kerusi Parlimennya. Barangkali inilah kejayaan terbesar Tengku Razaleigh Hamzah dalam pilihanraya 1990."

BARISAN Nasional (BN) memenangi 127 daripada 180 kerusi Parlimen serta 253 daripada 351 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi dalam Pilihanraya Umum Oktober 1990.

Pencabar utamanya, DAP pula mendapat 20 kerusi Parlimen, diikuti Parti Bersatu Sabah (PBS) 14 kerusi, Semangat 46 (lapan), PAS (tujuh) dan Bebas (empat).

Di Semenanjung, BN dapat membentuk kerajaan di semua negeri kecuali Kelantan apabila semua calonnya kalah, termasuk bagi kerusi Parlimen. Sarawak dan Sabah hanya bertanding bagi jawasan Parlimen.

Di Perlis, BN sekali lagi mengekalkan kemenangan di semua 4 kerusi DUN dan dua Parlimen. Semua kerusi Parlimen BN diwakili UMNO dan 12 daripada 14 kerusi DUN dimenangi UMNO dan MCA (dua).

Di Kedah, BN memenangi 26 daripada 28 kerusi DUN serta menyapu bersih semua 14 kerusi Parlimen. Parti itu juga berjaya merampas semula dua daripada tiga kerusi DUN daripada PAS,

iaitu di Sala dan Langgar. Kedah mempunyai 28 kerusi DUN.

BN bertanding semua kerusi Parlimen, manakala PAS bertanding enam kerusi, Semangat 46 (100), DAP (dua) dan Bebas (empat). Daripada 14 kerusi Parlimen yang dimenangi BN, 12 kawasan di wakili UMNO, manakala bakinya oleh MCA. Bagi DUN pula, UMNO memperolehi 23 kerusi, dua MCA dan satu MIC.

Di Pulau Pinang, BN memenangi 19 daripada 33 kerusi DUN, manakala bakinya ditawan oleh DAP. Pada Pilihanraya Umum 1986, DAP hanya memenangi 10 kerusi yang ditandinginya.

Daripada jumlah undi yang diperolehi BN itu, 52.3 peratus adalah dari kawasan majoriti pengundi Melayu. Calon Gerakan yang menang di kawasan majoriti Cina hanya di Machang Bubok, Tanjung Bunga, Kebun Bunga dan Sungai Pinang.

UMNO memenangi semua 12 kerusi di kawasan majoriti Melayu yang diperuntukkan kepadanya, manakala tiga lagi kerusi yang dimenangi Gerakan ialah di kawasan yang mempunyai lebih 55 peratus pengundi Melayu.

Bagi MCA pula yang satu ketika dulu berkuasa di Pulau Pinang mengulangi sejarah 1969 apabila tersingkir terus daripada memenangi sebarang kerusi DUN pada pilihanraya umum ini.

Bagi kerusi Parlimen pula, BN hanya memenangi lima kawasan, manakala enam lagi ditawan DAP. Kerusi BN ialah empat daripada UMNO dan satu Gerakan.

Di Perak, BN mengulangi pencapaian Pilihanraya Umum 1986 untuk terus menerajui kerajaan negeri dengan mendapat 33 daripada 46 kerusi DUN yang dipertandingkan selain memenangi 19 daripada 23 kerusi Parlimen. Empat lagi kerusi Parlimen dimenangi DAP.

Daripada 33 kerusi DUN BN, 27 diwakili UMNO, tiga MCA, dua MIC dan satu Gerakan. Manakala bagi kerusi Parlimen pula, 11 oleh UMNO, tiga MCA, tiga Gerakan dan dua MIC.

DAP terus menjadi pencabar tunggal dalam DUN kali ini apabila mengekalkan 13 kerusi yang dimenangi pada pilihanraya umum lalu.

Di Selangor, BN memenangi 35 daripada 42 kerusi DUN dan 11 daripada 14 kerusi Parlimen. Ia kehilangan kerusi Parlimen Klang kepada DAP dan dua kerusi DUN, Teluk Gadong dan

Panglima Garang kepada DAP dan Semangat 46. Semua kerusi itu diwakili calon MCA.

Daripada kerusi DUN yang dimenangi BN, 26 diwakili UMNO, enam MCA dan tiga MIC, manakala UMNO turut mewakili tujuh kerusi Parlimen, dua lagi masing-masing dimenangi MCA dan MIC.

DAP mendapat tambahan satu kerusi Parlimen, menjadikannya tiga dan satu kerusi DUN, manakala UMNO turut mewakili tujuh kerusi Parlimen, dua lagi masing-masing dimenangi MCA dan MIC.

DAP mendapat tambahan satu kerusi Parlimen, menjadikannya tiga dan satu kerusi DUN, menjadikan jumlahnya enam. DAP bertanding di lima kawasan Parlimen dan 13 DUN.

Semangat 46 yang bertanding di enam kawasan Parlimen dan 23 negeri, hanya memenangi satu kerusi DUN manakala PAS gagal memenangi kedua-dua kerusi Parlimen dan keenam-enam Dewan negeri yang ditandinginya.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, BN mengekalkan kerusi Parlimen Lembah Pantai dan Titiwangsa melalui UMNO serta kerusi Batu oleh Gerakan, yang dimenanginya pada 1986.

Bagaimanapun, kedudukan DAP terus kukuh selepas memenangi empat daripada tujuh kerusi Parlimen itu, tiga daripada anggotanya mengekalkan kerusi masing-masing.

Di Negeri Sembilan, BN menyapu bersih tujuh kerusi Parlimen dan mengekalkan 24 daripada 28 kerusi DUN dimenangi oleh UMNO, empat oleh MCA dan satu daripada MIC.

Daripada tujuh kerusi Parlimen yang dimenangi BN, empat adalah UMNO, dua MCA dan satu MIC. Di peringkat DUN, DAP mempertahankan kerusi Rahang, Mambau dan Bahau tetapi gagal di kawasan Peradong. Semua kawasan itu dimenanginya dalam Pilihanraya Umum 1986.

Di Melaka, BN mengekalkan status quo 17 kerusi DUN dan empat kerusi Parlimen seperti yang dimenanginya pada Pilihanraya Umum 1986. Melaka mempunyai lima kerusi Parlimen dan 20 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Dua belas daripada kerusi DUN BN dimenangi UMNO, empat oleh MCA dan satu MIC. Bagi kerusi Parlimen pula, UMNO menang tiga kawasan dan satu oleh MCA. Bagaimanapun,

BN masih gagal menembusi kubu kuat DAP di kawasan Parlimen Kota Melaka dan kawasan DUN Kubu, Durian Daun dan Tranquerah.

Di Johor, BN memenangi semua 18 kerusi Parlimen serta 32 lagi kerusi DUN dan akan menubuhkan kerajaan baru sebelum akhir minggu ini. Parti pembangkang hanya memenangi empat kerusi DUN, iaitu Jementah, Bekok dan Maharani yang dimenangi DAP, manakala kerusi Parit Bakar pula dimenangi Semangat 46.

Daripada jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi BN, 12 diwakili UMNO, lima MCA dan satu MIC. Bagi kawasan DUN pula, 21 oleh UMNO, lapan MCA dan dua MIC.

Di Pahang, BN menubuhkan kerajaan negeri selepas memenangi 31 daripada 33 kerusi DUN. Kerusi DUN Teras yang diwakili DAP, Encik Lip Tuck Chee, berjaya dirampas semula oleh BN.

BN juga memenangi semua 10 kerusi Parlimen, iaitu tujuh oleh UMNO dan tiga MCA. Daripada 31 kerusi DUN, 25 dimenangi UMNO, empat MCA, manakala masing-masing satu bagi MIC dan Gerakan.

Di Terengganu, BN memenangi 22 daripada 32 kerusi DUN selain kehilangan dua daripada lapan kerusi Parlimen yang di-tandinginya. Semua kerusi Parlimen dan DUN yang dimenangi BN, diwakili UMNO, MCA yang mempertahankan kerusi Bandar, tewas kepada PAS.

PAS menunjukkan peningkatan dengan memenangi lapan kerusi DUN dan satu kerusi Parlimen, manakala Parti Semangat 46 memenangi dua kerusi DUN dan satu Parlimen.

Di Kelantan, semua 38 calon UMNO dan calon tunggal MCA yang bertanding bagi kerusi DUN serta 13 calon UMNO bagi kerusi Parlimen tewas kepada Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang dianggotai PAS dan Semangat 46.

Di Sarawak, prestasi BN agak merosot apabila hanya mampu menawan 21 daripada 27 kerusi Parlimen. Walaupun jumlah kerusi BN tidak berubah seperti pada 1986, angka itu dianggap tidak meningkat kerana Sarawak mendapat tambahan tiga kerusi Parlimen.

Parti Pesaka Bumiputera Bersatu yang diperuntukkan 10 kerusi dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) empat kerusi, me-

menangi semuanya. BN melalui PBDS menang satu kerusi tanpa bertanding di Lubok Antu.

Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) gagal membaiki kedudukan. SUPP yang diperunkukkan lapan kawasan tewas di empat kawasan, manakala Snap yang diberi lima kerusi hilang dua.

DAP yang meletakkan lapan calon memenangi dua kerusi, iaitu di Lanang dan Bandar Kuching. Bebas pula memenangi empat kerusi.

Di Sabah, tindakan PBS keluar dari BN selepas penamaan calon dengan harapan akan merampas enam lagi kerusi yang dipegang BN (USNO), ternyata silap.

Sebaliknya, BN yang diwakili USNO berjaya mengkekalkan semua kerusinya, manakala di Wilayah Persekutuan Labuan pula, UMNO berjaya memenangi kerusi tunggal di situ.

Rakyat Kian Matang Guna Hak Mengundi

RAKYAT semakin menunjukkan minat dan menggunakan hak sebagai pengundi apabila 5,778,763 orang atau 72.6 peratus keluar mengundi dalam pilihanraya umum yang lalu.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Datuk Harun Din, berkata jumlah itu lebih tinggi berbanding 69 peratus yang diwakilkan dalam Pilihanraya Umum 1986.

Dalam pilihanraya umum kali ini, 7,958,640 warganegara Malaysia layak mengundi dengan Kelantan mencatat jumlah paling ramai keluar mengundi kali ini, katanya. Keseluruhannya, Datuk Harun berpuas hati dengan proses pilihanraya baru lalu yang berlalu lancar tanpa sebarang kejadian buruk. "Sebagai sebuah negara demokrasi, rakyat negara ini sudah menunaikan tanggungjawab mereka dengan baik tanpa menimbulkan sebarang masalah dan ini turut mencerminkan imej Malaysia, khususnya apabila pilihanraya kali ini diperhatikan oleh Kumpulan Pemerhati Komenwel," kata dia.

Sementara itu, Setiausaha SPR, Datuk Abdul Rashid berkata sebagai sebuah badan bebas, SPR berjaya menjalankan tugasnya dengan licin serta adil berdasarkan kepercayaan rakyat kepadanya.

Pemilih di Semenanjung memberi 4,325,276 undi kepada

calon Barisan Nasional (BN) yang bertanding dalam pilihanraya umum kali ini atau kira-kira 54.4 peratus daripada keseluruhan yang mengundi bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Jumlah itu diperolehi selepas ditolak undi rosak dan undi yang diberikan kepada parti pembangkang dan Bebas.

BN memperolehi undi seperti berikut: di Perak (779,426 undi), diikuti Selangor (763,075), Johor (693,238), Perlis (95,030), Terengganu (265,014), Melaka (244,510), Kedah (579,814), Kelantan (266,174), Pahang (401,876), Pulau Pinang (436,912), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (153,723 undi).

Bagaimanapun, Pahang mencatat peratusan undi yang paling banyak diperolehi BN berbanding parti lain, iaitu 75.29 peratus daripada 533,723 undi yang dibuang. Peratus bagi negeri lain ialah 62.91 peratus daripada 151,046 undi di Perlis, Terengganu (49.44 peratus daripada 535,993), Melaka (59.60 peratus daripada 410,242), Kedah (59 peratus daripada 982,654), Pulau Pinang (51 peratus daripada 855,880).

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula ialah 40.59 peratus daripada 378,716 undi keseluruhan, Johor (41.61 peratus daripada 1,665,673), Perak (54.3 peratus daripada 1,433,733) dan Selangor (57.29 peratus daripada 1,331,990). Bagi parti pembangkang pula, DAP mendapat 17.39 peratus di Melaka, 10.39 peratus di Pahang, 37.1 peratus di Pulau Pinang, 37.43 peratus di Kuala Lumpur, 15.32 peratus di Johor, 3.4 peratus di Perak dan 11.12 peratus di Selangor.

Semangat 46 pula memperolehi 14.07 peratus daripada keseluruhan undi di Perlis, 18.63 peratus di Terengganu, 15.31 peratus di Melaka, 14 peratus di Kedah, 40.7 peratus di Kelantan, 20.26 peratus di Pahang, 3.1 peratus di Pulau Pinang, 1.49 peratus di Kuala Lumpur, 14.31 peratus di Johor, satu peratus di Perak dan 13.94 peratus di Selangor.

Rakyat Masih Mahukan BN

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kejayaan Barisan Nasional (BN) mengckalkan majoriti dua pertiga dalam pilihanraya kali ini sebagai bukti rakyat masih mahukan BN merintah ke arah mengekalkan keamanan, kestabilan dan ke-

makmur.

"Saya amat gembira kerana kita mencapai majoriti dua periga, apatah lagi kita dapat majoriti ini dengan mengalahkan Semangat 46, selain daripada Kelantan dan Terengganu, semua pemimpin besar Semangat 46 dikalahkan," katanya.

Ketika mengulas kekalahan beberapa menteri, Perdana Menteri berkata, beliau akan memikirkan mengenai wakil negeri negeri dalam senarai kabinet. "Yang menjadi masalah kepada kita ialah yang menang di Kelantan tidak seorang pun yang boleh kita calonkan, walaupun untuk menjadi setiausaha politik," katanya.

Dua menteri yang tewas ialah Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rithaudeen di Kota Bharu dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong di Bandar Kuching. Ditanya bagaimanakah beliau akan berurusan dengan Sabah dan Kelantan yang kini diperintah oleh pembangkang, beliau berkata, "Saya mengakui bahawa saya tidak mempunyai pengalaman berurus dengan kerajaan yang dikuasai oleh parti pembangkang.

"Untuk itu saya perlu memikirkannya dengan mendalam mengenai perkara ini dan mendapatkan nasihat daripada mereka yang dahulu biasa dengan pengalaman ini." Pada keseluruhannya, Datuk Seri Dr. Mahathir berpuas hati dengan pencapaian parti-parti komponen BN yang keseluruhannya lebih baik daripada pencapaian pilihanraya 1986.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, menyifatkan kemenangan BN dalam pilihanraya umum 1990 sebagai kemenangan rakyat yang membuat keputusan bijak. Katanya, keputusan itu juga mencerminkan kematangan rakyat dalam memilih kerajaan yang benar-benar ingin membela rakyat dan mereka tidak mudah terpengaruh dengan janji-janji kosong pembangkang.

Datuk Seri Samy Vellu, yang juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berkata, kejayaannya menewaskan Naib Penggerusi DAP, Encik P Patto, ialah hasil bantuan UMNO dan orang Melayu. Beliau menumpaskan Encik Patto dengan kelebihan 1,763 undi tetelah memperolehi 14,427. Beliau juga gembira dengan kemenangan semua enam calon MIC yang bertanding di kawasan Parlimen dan 12 daripada 13 calon kerusi negeri.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, pula berata kejayaan itu adalah hasil kerjasama dan pengorbanan semua

penyokong dan pekerja BN. Bagaimanapun, beliau terpaksa menerima hakikat bahawa Semangat 46 sedikit sebanyak telah menyebabkan majoritinya kurang. Beliau memenangi kerusi itu dengan majoriti 1,015 dalam pilihanraya umum lalu mengalahkan calon DAP, Dr. Gong Ngia Hea dan calon Pas, Encik Hassan Mohamad.

Ditanya mengenai kekalahan Ketua Menteri Pulau Pinang dan Penasihat Gerakan, Dr. Lim Chong Eu ditangan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang di kawasan negeri Padang Kota, beliau berkata, "Perkara (keputusan) yang terjadi itu terlalu penting untuk diberikan sebarang ulasan sekarang dan saya perlukan masa sebelum mengulas keputusan itu," katanya.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Ling Liang Sik, berkata beliau akan meneruskan khidmatnya kepada penduduk Labis yang sekali lagi memilihnya sebagai ahli Parlimen kawasan itu pada pilihanraya kali ini. Beliau bagaimanapun tidak berpuas hati dengan pencapaian partinya dalam pilihanraya kali ini. Beliau memperolehi 17,710 undi manakala Encik Ahmad Ton mendapat 12,485 undi.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Barisan Nasional menang kerana rakyat sedar dan pandai menilai apa yang dapat ditawarkan oleh kerajaan BN. Katanya, hanya BN dapat membela nasib rakyat dan memajukan negara dan hakikat itu menyebabkan rakyat menolak pembangkang.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, pula menyifatkan kegagalan Permas mendapat sebarang kerusi Parlimen dalam pilihanraya kali ini menggambarkan masyarakat Melayu Sarawak menolak parti pembangkang itu serta Gagasan Rakyat yang tidak mempunyai asas sebagai pengganti kerajaan BN. Dalam pilihanraya itu, Permas yang turut menyertai Gagasan Rakyat pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah, bertanding di sembilan kawasan dan tujuh daripadanya mencabar calon BN-PBB.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Haji Mohd Isa Abdul Samad, bersyukur kerana BN negeri berjaya menumbangkan parti Semangat 46 termasuk Timbalan Presidennya, Datuk Rais Yatim. Katanya, kejayaan ini akan mendorong kerajaan untuk bekerja keras bagi membangunkan negeri ini. Mengenai kejayaan BN

merebut kerusi Parlimen Jelebu daripada Datuk Rais, beliau berkata kejayaan ini adalah hasil perancangan lama BN.

Presiden Usno, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun, mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalannya, Encik Ghafar Baba serta pemimpin UMNO yang lain atas kejayaan cemerlang parti itu yang menjadi tulang belakang parti pemerintah. "Ini jelas menunjukkan rakyat mahukan kesinambungan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan berterusan demi menjamin kestabilan politik di negeri ini," katanya. Tun Mustapha juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat di negeri Sabah yang memilih enam calon BN dan ia juga menunjukkan rakyat masih yakin dengan pemerintahan kerajaan BN di peringkat Pusat.

Ikatan Masyarakat Malaysia (Ikatan) pula menyifatkan kemenangan besar BN dalam pilihanraya umum kali ini sebagai membuktikan sokongan rakyat kepada kerajaan yang ada. Presidennya, Haji Abdul Wahab Yunus, berkata kemenangan itu membolehkan kerajaan meneruskan pembangunan kepada rakyat negara ini.

Segalanya Takdir Ilahi, Kata Tengku Razaleigh

PRESIDEN Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah menyifatkan kegagalan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat untuk mencapai impiannya bagi membentuk kerajaan baru di negara ini dan menawan beberapa negeri, sebagai takdir Allah.

Beliau mengakui pencapaian dua pakatan pembangkang itu tidak sebanyak yang diharap dan jangkakan, tetapi menerima kepuasan pilihanraya itu sebagai satu takdir. "Kepada pengundi dan penyokong kami, saya berharap dan menyeru agar menerima kekalahan ini dengan penuh kesedaran dan sikap yang tawakal serta bijaksanaan."

"Walaupun dari segi bilangan kerusi yang dimenangi, pencapaian kita ternyata rendah, namun di segi bakti terhadap kehidupan demokrasi di negara ini, kita memberi sumbangan yang sangat besar ertiinya," kata beliau dalam satu kenyataan. Kenyataan dua buka itu diedarkan oleh seorang penyokongnya kepada pemberita yang menunggu di depan kediamannya di Kuala Lumpur sejak

keputusan pilihanraya diumumkan, tetapi gagal menemui Tengku Razaleigh.

Tengku Razaleigh juga menyatakan dalam pilihanraya ini pembangkang telah mengawal diri daripada menggunakan agama dan mengapi-apikan semangat perkauman. "Kita juga mengawal diri daripada mempengaruhi pengundi dengan sogokan wang. Semoga semua ini akan merintis jalan dan menjadi teladan untuk amalan demokrasi yang lebih sihat di negara ini pada masa akan datang," katanya sambil mengucapkan tahniah kepada BN.

Melihat pada pelbagai dugaan dan cabaran yang terpaksa dilalui oleh Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya kali ini, tidak siapa dapat menafikan bahawa kemenangan BN kali ini adalah lebih cemerlang daripada 1986. Dalam pilihanraya tahun 1986, BN hanya berdepan dengan musuh tradisinya iaitu PAS dan DAP. Tidak ada musuh dalam selimut di waktu itu, dan kekecohan dalam parti-parti komponen kurang berbanding pilihanraya kali ini. Kali ini BN terpaksa berdepan dengan gabongan parti-parti pembangkang DAP, PAS, Semangat 46, PRM, PBS, Permas, Hamim, Berjaya, IPF, dan Bebas.

Pakatan parti-parti pembangkang ini bukanlah diadakan secara tergesa-gesa tetapi dirancang dengan teliti dan dipersetujui sejak lebih setahun dulu. Barisan Pembangkang yang diterajui oleh Tengku Razaleigh telah bersiap sedia sejak awal-awal lagi. Mereka juga mendapat publisiti bukan saja dari media dalam negeri yang dikuasainya, tetapi juga akhbar dan majalah antarabangsa. Kempen dan ceramah politik PAS dan DAP bermula sebaik saja berakhirnya pilihanraya 1986.

DAP dan projek Tanjung Duanya telah menumpukan sepenuh perhatian di Pulau Pinang sejak empat tahun dulu. Begitu juga Tengku Razaleigh telah menjelajah dan berkempen ke seluruh pelosok sebaik saja UMNO yang diharamkan didaftar semula. Dan tamparan paling hebat kepada BN dalam pilihanraya ini datang tiga hari sebelum pembuangan undi apabila Datuk Pairin Kitingan mengumumkan PBS keluar BN.

Selain berdepan dengan Barisan Pembangkang yang begitu ramai dan tindakan menikam dari belakang oleh PBS, parti-parti komponen BN juga tidak terlepas daripada beberapa masalah dalam. UMNO umpamanya, menghadapi masalah perebutan untuk

menjadi calon, terutama bagi kerusi yang dikosongkan oleh wakil rakyat yang menyertai Semangat 46.

Masalah ini walaupun tidak ketara tetapi di sesetengah kawasan agak serius sehingga memerlukan campur tangan Presiden Parti. Malah di Kelantan ada kawasan yang nama calonnya diputuskan beberapa jam sebelum penamaan calon ditutup. MIC pula menggemparkan seluruh negara apabila Presidennya Datuk Samy Vellu menggugurkan dua Timbalan Menteri daripada dicalonkan semula.

Berdasarkan latar belakang sedemikian rupa, maka Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) yang lain tentulah mempunyai alasan yang kukuh untuk bergembira menyambut kemenangan dua pertiga BN. Walaupun beliau yakin BN boleh menubuhkan kerajaan, tetapi secara ikhlas beliau mengaku kesukaran BN mengekal majoriti dua pertiga. Di satu majlis makan malam sebaik saja beliau mengumumkan pembubaran Parlimen, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengakui cabaran sengit yang bakal dihadapi oleh BN. Dalam nada yang sederhana beliau berkata, "Kita serahkan kepada rakyat untuk membuat pilihan dan sama ada BN memiliki kuasa atau tidak hanya Allah saja yang akan menentukannya." kata-kata beliau ini sama sekali berbeza dengan Tengku Razaleigh yang begitu yakin pakatannya akan menubuhkan kerajaan walaupun pengundian belum bermula.

Barangkali kerana terlalu seronok dengan pengumuman Datuk Pairin untuk berkerjasama dengan Semangat 46, Tengku Razaleigh ketika ditanya oleh wartawan terus menjawab yang pakatannya sudah pun memenangi 20 kerusi. Beliau terlupa yang BS ketika itu cuma mempunyai 11 kerusi Parlimen dan DAP 4. kepada rakyat yang tidak taksub dengan lagak pemimpin pastinya dapat membuat perbandingan siapakah di antara Datuk Seri Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh yang memiliki sikap seorang pemimpin yang berhemah tinggi.

Melihat kepada halangan dan cabaran yang dihadapi oleh BN, maka kemenangan 127 kerusi Parlimen adalah satu kejayaan. MNO gagal mempertahankan dua kerusi Parlimen saja daripada kerusi yang dimilikinya sebelum ini. MCA berjaya menambah satu kerusi menjadi 18, PBB tambah dua kerusi menjadi 10, Usno tam-

bah satu kerusi, manakala MIC dan Gerakan masing-masing berjaya mengekalkan kerusi yang mereka miliki sebelum ini.

Sebaliknya DAP bukan saja hilang empat kerusi, malah tiga orang kuatnya iaitu Dr Chen Man Hin, Hu Sepang dan P Patto berjaya ditewaskan oleh calon BN. Semangat 46 yang mempunyai 12 kerusi hanya mampu mengekalkan lapan kerusi. Cuma PAS yang mencatat kejayaan cemerlang dari satu kerusi menjadi tujuh. Jadi walau apa pun analisa yang di buat, hakikatnya rakyat tetap yakin dengan BN.

Kejayaan Besar Kepada Mahathir

PILIHANRAYA umum Malaysia yang baru berakhir merupakan satu kejayaan besar kepada Barisan Nasional (BN) dan kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Dengan memperolehi majoriti dua pertiga di Parlimen dan penguasaan di 10 daripada 11 Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Dr. Mahathir mempunyai kedudukan yang baik untuk merajui negara mencapai matlamat untuk menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian berdasarkan pembuatan yang diidaminya sejak memegang tampuk kuasa pada tahun 1981.

Akhbar Business Times Singapura dalam rencana pengarang 'Mandat Bagi Pertumbuhan' bagaimanapun berkata, kemenangan ini bukanlah mudah. Pemerhati pilihanraya menganggapnya sebagai pilihanraya paling sengit dalam sejarah 33 tahun negara itu.

Menurutnya, taktik-taktik terpaksa diubah bagi mengelakkan pertambahan sokongan peringkat bawahan kepada pembangkang berikutan cabaran bersepdua pembangkang dan langkah Parti Bersatu Sabah (PBS) meninggalkan BN pada peringkat awal kempenia yang singkat.

Dalam proses itu, UMNO terpaksa mengeluarkan senjatanya yang paling kuat walaupun boleh menggugat perpaduan, iaitu rayuan bagi menjamin pengekalan ketuanan dan dominasi politik Melayu dalam meghadapi cabaran daripada golongan bukan Melayu dan bukan Islam, katanya.

Ia menambah kata, "Sama ada rayuan ini faktor penting yang menentukan kejayaan BN mengekalkan majoriti dua pertiganya perlu dikaji oleh para penganalisis.

Apa Kata Akhbar-akhbar Indonesia

AKHBAR-akhbar Indonesia, yang mengulas mengenai kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum di Malaysia, melahirkan keyakinan pemerintahan di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan bertambah mantap ke arah membawa kemakmuran.

Mereka juga berharap kekuatan baru diperolehi oleh Datuk Seri Dr. Mahathir akan mendorong meningkatkan peranan ke arah meletakkan rantau ASEAN ke tahap yang lebih maju. "Kemengan itu menunjukkan bahawa Malaysia masih mengharapkan Dauk Seri Dr. Mahathir setidaknya (untuk) terus mempertahankan tingkat kehidupan sosial ekonomi rakyat," kata akhbar tertua Merdeka, dalam rencana pengarangnya.

Harian Media Indonesia pula berpendapat dengan kemenangan itu, Malaysia dijangka lebih cepat memasuki jajaran 'harimau Asia' atau Negara Perindustrian Baru (NIC) terutama kerana pertumbuhan ekonominya diramalkan mula memasuki angka dua tidak lama lagi.

Hampir separuh daripada 20 akhbar harian yang diterbitkan di Jakarta mengulas mengenai keputusan pilihanraya umum Malaysia dalam rencana pengarang masing-masing dengan memberi kekanan terhadap perkembangan ekonomi, kestabilan politik Malaysia dan juga pengaruhnya kepada rantau ASEAN. Akhbar-akhbar tersebut, selain daripada majalah berita, turut menghantar wargawan masing-masing membuat liputan pilihanraya umum di Malaysia.

Akhbar berbahasa Inggeris The Jakarta Post pula berkata, seunikan demokrasi berpolitik di Malaysia, di sebalik gejala perkauhan dan faktor seumpamanya, ialah ia berjaya melaksanakan prinsip dasar demokrasi itu secara teratur dan mengikut jadual. Menurut akhbar itu, sejarah politik moden Malaysia menunjukkan demokrasi berparlimen, walaupun menghadapi krisis dari semasa ke semasa, berkesan dalam usaha meningkatkan perpaduan seluruh negara.

Akhbar-akhbar itu juga kagum dengan kekuatan Dr. Mahathir menghadapi lawan-lawan politiknya dan berjaya pula melaksanakan pilihanraya umum dengan tertib dan berkesan walaupun

pelbagai tuduhan dilemparkan ke atasnya. "Meskipun (beliau) pernah mendapat serangan jantung, beliau menunjukkan stamina luar biasa tanpa mengenal lelah berkempen sejak setahun lalu," kata Media Indonesia dalam rencana pengarang muka hadapan bertajuk 'Mahathir Unggul'.

Menurut akhbar-akhbar ini, Indonesia boleh belajar daripada kemampuan Malaysia mengendalikan 'pesta demokrasi' itu dengan aman sungguhpun isu-isu perkauman dan agama yang dibangkitkan semasa berkempen bolch mengancam perjalanan pilihanraya. "BN di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir nampaknya tidak membawa negara dengan penduduk pelbagai kaum itu ke arah nasionalisme yang sempit," kata Harian Merdeka yang senada dengan akhbar-akhbar lain bahawa Malaysia sejak merdeka berjaya membawa rakyatnya lebih maju di kalangan negara-negara dunia ketiga.

Akhbar berpengaruh KOMPAS pula mengadakan wawancara khas dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan di Kota Kinabalu dan melaporkan bahawa beliau berharap kerajaan Pusat tidak akan melakukan tekanan politik terhadap kerajaan negeri ekoran kedudukannya sekarang tidak lagi menjadi anggota komponen BN.

Akhbar-akhbar di Indonesia mengutip kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa rakyat Malaysia mahukan kerajaan yang kuat ketika mengulas keputusan pilihanraya yang sekali lagi memberikan mandat kepada BN untuk membentuk semula kerajaan. "Kami di Indonesia berharap beliau dapat menjadikan kedudukannya yang teguh di Malaysia untuk mengambil bahagian yang lebih aktif di peringkat serantau dalam usaha mencapai rantau ASEAN yang progresif," kata Jakarta Post.

Malam Penantian Penuh Debaran

MALAM 21 Oktober merupakan malam penantian penuh debaran. Masing-masing menunggu keputusan pilihanraya dengan degupan jantung yang lebih deras. Bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, masa menunggu keputusan itu menjadi lebih menakutkan lagi. Seluruh negara, malah dunia melihat kepadanya.

Pada malam itu bersama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, dua orang anaknya dan rakan-rakannya dalam kerajaan dan parti, beliau menanti keputusan pilihanraya dari tingkat 39 Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra. Setiba di pusat itu kira-kira pukul 8.50 malam, beliau kelihatan riang sambil berbual dan berjenaka dengan rakan-rakannya, Dato' Mohamad Rahmat, Dato' Megat Junid, Tan Sri Hanif, Tan Sri Ahmad Sarji, Tan Sri Azman Hashim dan lain-lain kenamaan.

Antara berita pertama yang diperolehi di pusat ini ialah dua kerusi di Sabah jatuh ke tangan Parti Bersatu Sabah (PBS). Keputusan ini tidak memberi apa-apa kesan, selain dari memang dijangka, juga kerana PBS mengalahkan DAP. Tetapi pada pukul 9 malam suasa bertukar. Berita tidak rasmi dari Kelantan diterima; Tengku Razaleigh menang di Gua Musang. Ketiga-tiga kerusi negeri di kawasan itu juga jatuh ke tangan Semangat 46. Berita tidak rasmi itu juga menyatakan yang kerusi Parlimen Rantau Panjang yang ditandingi oleh Ketua Penerangan UMNO, Senator Hussein Ahmad kalah termasuk tiga kerusi Dewan Undangan Negeri di bawahnya.

Kerusi Parlimen Pasir Putih yang ditandingi oleh Encik Karanuddin Mohd. Noor juga jatuh ke tangan pembangkang. Suama mula menjadi bimbang dan resah. Berita-berita ini sama ada di terima menerusi layar besar, TV atau pun dari cakap kawanawan yang pergi merisik dari pekerja UMNO yang menerima keputusan dari seluruh negara. Tetapi suasana itu kemudian reda sedikit apabila Perdana Menteri dan semua yang hadir di malam itu terlepas gembira menerima keputusan dari Limbawang, Sabah—Tun Datu Mustapha Datu Harun menang.

Suasana gembira bercampur bimbang menyelubungi tingkat 9. Sementara pekerja-pekerja UMNO sibuk mendapatkan keputusan dari telefon hotline masing-masing, para tetamu, termasuk Perdana Menteri berbual-bual kosong. Sekali-sekala ketawa mereka memecah ruang bilik menanti itu.

Kemudian pada pukul 9.40 malam tiba-tiba ‘bom’ pertama eletup. Berita diterima yang Dato' Dr. Lim Chong Eu kalah dengan Lim Kit Siang di Padang Kota. Berita itu diterima dengan rkejut. Perdana Menteri duduk di sebelah isterinya di hadapan bar besar yang menayangkan keputusan-keputusan.

Tetapi kejutan diredakan sedikit 6 minit kemudian apabila berita kemenangan Datuk Patinggi Taib Mahmud di Sarawak. Masing-masing bertepuk gembira. Kemudian diterima pula berita Osu Sukam menang di Sabah. Suasana menjadi sedikit selesa.

Tetapi kira-kira pukul 10 malam Perdana Menteri kelihatan semakin resah. Beliau bangun dari kerusinya berjalan menghampiri anak perempuannya dan berbual-bual pendek.

Di layar besar, tercatat jumlah keputusan Barisan Nasional (BN) mendapat 16 kerusi parlimen dan Pembangkang juga 16. Debaran menanti semakin kencang. Para tetamu sama ada berbual-bual kecil atau pun mundar-mandir dari tempat duduk kemeja pekerja-pekerja UMNO untuk bertanyakan keputusan.

Pada pukul 10.24 malam sekali lagi tepukan melegakan sedikit perasaan apabila kerusi Labuan jatuh ke tangan BN. Tetapi tepukan tidak dapat mengubati debaran yang semakin dirasakan. Keputusan pertama dari Semenanjung diterima pada pukul 10.25 malam. Kerusi Negeri Juasseh, Negeri Sembilan dimenangi BN.

Pada pukul 11.13 malam layar besar mencatatkan keputusan 26 BN, 4 DAP dan 18 lain-lain pembangkang. Keresahan dirasakan di mana-mana. Kemudian pada pukul 11.25 diterima berita menyatakan pembangkang menyapu bersih Kelantan. Keadaan menjadi semakin bertambah resah. Perdana Menteri bangun berjalan menghampiri rakan-rakannya sambil berbual-bual ringan, dan sekejap kembali ke tempat duduk di sebelah isterinya. Beliau nam-pak letih dan gelisah, walaupun di wajahnya tetap mengukir senyum, barangkali untuk menyembunyikan perasaan yang sebenar.

Keputusan terus diterima. Debaran tidak pernah reda. Di papan catatan, para pekerja sibuk meletakkan keputusan-keputusan yang diterima. Di situ kelihatan BN mendapat 50 kerusi dan pembangkang 30 kerusi. Jam menunjukkan pukul 12.05. Selang 40 minit kemudian berita Dato' Rais Yatim kalah di Batu Kikir dan Jelebu di sambut dengan tepukan, untuk melegakan perasaan masing-masing.

Angka di papan catatan menunjukkan 61 kerusi BN dan 31 pembangkang. Suasana cemas tadi menjadi lebih tenteram. Perasaan optimis mula terbayang di wajah masing-masing, walaupun belum begitu pasti.

Pada pukul 12.46 minit, Menteri Besar Trengganu menelefon Perdana Menteri memberitahu yang BN mendapat 6 kerusi Parlimen dan 22 kerusi negeri. BN boleh tubuh kerajaan di Terengganu. Suasana berdebar menjadi semakin gembira menjelang pukul 1 pagi 22 Oktober apabila catatan di papan menunjukkan 70 kerusi Parlimen BN dan 33 pembangkang.

Kali ini debaran yang berlainan pula berdentum di jantung masing-masing. Kali ini semuanya menjadi tidak sabar untuk menambah kerusi demi kerusi untuk mendapatkan 90 kerusi. Dengan 91 kerusi BN sudah boleh menubuhkan kerajaan. Pada 1.15 pagi, Perdana Menteri menerima keputusan pilihanraya kawasannya sendiri, Kubang Pasu. Berita itu disambut dengan tepukan gembira dan ucapan tahniah. Beliau menang besar. Kemudian berita gembira, DAP kalah di Kluang.

Pada 1.25 pagi, BN mendapat 86 kerusi, pembangkang 33. Perdana Menteri kelihatan semakin gembira. Beliau berkata, "Tengok badminton pun tidak berdebar macam ini." Kemuncak kepada penantian itu ialah apabila keputusan dari Temerloh tiba pada pukul 1.30 pagi, Dato' Sabaruddin Chik menang. Angka menjadi 90 BN, 33 pembangkang. Berita itu disambut dengan tepukan penuh gembira dan ketawa.

Sekarang BN perlukan satu lagi kerusi untuk membentuk kerajaan. Penantian ini dirasakan sangat lama. Masing-masing menunggu deringan telefon. Dua minit kemudian, berita datang dari Arau, Perlis, BN menang.

Perdana Menteri dengan yakin dan sambil ketawa diberi penghormatan meletakkan angka 91 di papan catatan. Jurugambar dibuk merakamkan saat bersejarah itu. Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah kelihatan sungguh terharu. Beberapa wartawan yang ada di situ terus menemuramah Perdana Menteri meminta komennya mengenai pencapaian itu. Kemudian doa dibacakan. Sebentar kemudian kek besar dibawa masuk menandakan BN merayakan kemenangan membentuk kerajaan. Kemudian penantian untuk mendapat majoriti dua pertiga iaitu 120 kerusi menjadi lebih mudah.

Pada pukul 3.02 pagi BN telah memenangi 121 kerusi. Perdana Menteri menjadi bertambah yakin. Suasana di bilik menanti menjadi terlalu gembira. Akhirnya sekitar jam 4.00 pagi Barisan

Nasional sudah mendapat 127 kerusi. Dengan majoriti yang melebihi dua pertiga kerusi Parlimen itu maka dengan sendirinya Dr.Mahathir benar-benar seorang wira di Malaysia. Dan penantian mandat baru yang sangat-sangat dikehendaki itupun kini menjadi kenangan manis Mahathir dan kenangan yang paling pahit pula bagi Tengku Razaleigh.

Teladan Bagi Pemimpin Taksub dan Bongkak

BERAKHIR sudah pilihanraya umum kelapan yang bersejarah, mendebaran, sengit dan menyayatkan. Walaupun tidak ada isu besar, ia mendebaran kerana pertama kali dalam sejarah pilihanraya di Malaysia parti pembangkang pelbagai aliran—kapitalisme, sosialisme, cauvinistik, ekstremisme dan Islam bergabung dalam Barisan Pembangkang dengan satu matlamat—menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Segala-galanya bermula daripada pengharaman UMNO yang melahirkan parti serpihan Semangat 46. Tengku Razaleigh Hamzah yang pernah melukai hati PAS dan DAP, tiba-tiba kembali berasmara dengan dua parti yang sama sekali berlainan rupa. Gabungan yang pelik dan ajaib ini pada mulanya seolah-olah gergasi lapar yang mahu meratah BN habis-habisan. Malangnya, gergasi lapar cepat melupai diri. Kesilapan demi kesilapan menimpa diri dan akhirnya cita-cita menjadi Perdana Menteri hanya tinggal mimpi.

Pilihanraya kali ini sengit kerana pertama kali tidak seorang pun calon UMNO yang menang tanpa bertanding. Semua kerusi UMNO dan parti komponen BN, kecuali satu di Sarawak, diperlombakan. Keadaan menjadi sengit dan lebih mendebaran apabila rakan BN dari Sabah, Parti Bersatu Sabah (PBS) bertindak sebagai petualang menikam BN dari belakang. Satu perbuatan yang angkuh, sompong dan tidak bermaruah. Hanya mereka yang yakin dengan kebijaksanaan rakyat membuat pilihan, yang tidak tergugat semangat dan keyakinannya dengan peristiwa ini.

Bagi oportunistik politik dan warga korporat yang tipis patriotisme dan nasionalismenya, mereka bertukar menjadi kura-kura yang mahu menyembunyikan diri daripada tampil ke depan membelia kerajaan yang begitu banyak jasanya kepada mereka. Begitulah

pilihanraya, selain memilih pemimpin dan kerajaan, ia juga menyikap kulit palsu.

Seperti yang dijangka, kesan serpihan Semangat 46 terhad di Kelantan saja. Jaguh Semangat 46 di Negeri Sembilan, Selangor, Terengganu, Pahang, semuanya kecundang—kecundang di tangan calon BN yang tidak terkenal. Kekalahan yang pastinya menyayat hati Tengku Razaleigh kerana beliau kini terpaksa bergantung di bekas DAP yang memenangi 20 kerusi Parlimen. Kekalahan teruk Semangat 46 memberi mesej yang jelas bahawa UMNO masih menjadi tonggak kekuatan BN dan ketuanan Melayu.

Seperkara yang paling ketara dalam pilihanraya ini ialah terserahnya sifat parochialisme rakyat Kelantan. Sifat ini sememangnya sudah lama berakar umbi dan ia kembali dibajai Tengku Razaleigh dan PAS, sehingga jentera kerajaan turut bergiat menentang BN. Kehadiran tangan dari istana yang sanggup mencemar mertabatnya untuk turun kegelangan politik, menebalkan lagi parochialisme yang merugikan rakyat Kelantan.


Sesungguhnya rakyat Kelantan sudah merayakan satu kemenangan jangka pendek. Tengku Razaleigh dan Semangat 46 tidak boleh mendabik dada kerana kemenangannya tidak mampu membantuk kerajaan negeri. PAS barangkali mengucapkan terima kasih pada Tengku Razaleigh, tetapi kemenangan tanpa majoriti dua pertiga pastinya menyulitkan pentadbiran kerajaan negeri.

Yang bakal menerima padahnya ialah rakyat Kelantan. Dengan pendapatan kerajaan negeri yang hanya cukup membayar gaji setinggan kerajaan untuk tempoh tiga bulan, pentadbiran PAS yang rangkali akan menjadi lebih sulit daripada pentadbirannya sebelum ini. Bagaimanapun, kita harap pucuk pimpinan BN tidak membuat jasa sebahagian lagi rakyat Kelantan yang menyokongnya. Seskipun rakyat Kelantan menolak pimpinan mereka yang bakal menyerlah di kerajaan Pusat, rakyat di negeri lain sedia mangakui tokoh dan kewibawaan mereka. Atas dasar ini, kita harap BN akan memberi tempat kepada beberapa pemimpin Kelantan dalam kerajaan Pusat.

Pilihanraya kali ini menyayat hati kerana ia juga menyaksikan kauhuan Kelantan, kekalahan dua menteri, seorang menteri besar dan seorang ketua menteri. Dr. Lim Chong Eu sudah membuat usytataan bersara daripada politik, satu pengakhiran yang amat

merugikan masyarakat Cina dan politik Malaysia. Bagi Tengku Razaleigh dan Lim Kit Siang, yang dikejar tidak dapat dan yang dikendong berciciran.

Bagi PBS pula, sikap bongkak dan tamak pemimpinnya mempelawa UMNO untuk bertapak disana—keputusan yang akan menguntungkan UMNO untuk jangka panjang. Pastinya nama Tengku Razaleigh akan tercatat dalam sejarah sebagai tokoh yang memulangkan Kelantan kepada PAS, mengeluarkan PBS daripada BN dan memusnahkan harapan DAP untuk menambah kerusi Parlimennya. Barangkali inilah kejayaan terbesar Tengku Razaleigh Hamzah dalam pilihanraya 1990.



KABINET BARU DIBENTUK

"Saya harus bekerja keras untuk melaksanakan amanah besar yang dipertanggungjawabkan kepada saya."

— Syed Hamid Albar

PERDANA Menteri mengumumkan barisan Kabinet barunya dengan menampilkan tiga muka baru sebagai menteri dan membentuk sebuah lagi kementerian. Kementerian baru itu ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diketuai oleh Datuk Dr. Sulaiman Daud. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bertukar nama kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, diketuai oleh Datuk Seri Rafidah Aziz.

Tiga muka baru menjadi menteri ialah ahli Parlimen Kota Tinggi, Syed Hamid Syed Jaafar Albar sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; Ahli Parlimen Semiorna, Tan Sri Sakaran Haji Dandai sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi; dan Haji Annuar Musa yang dilantik Senator, sebagai Menteri Belia dan Sukan. Tiga kementerian berubah nama iaitu Kementerian Kebajikan Masyarakat kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi; serta Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Selain itu, tiga timbalan menteri dinaikkan pangkat sebagai menteri penuh, lapan muka baru dilantik sebagai timbalan menteri, tujuh muka baru selaku setiausaha parlimen dan dua setiausaha parlimen menjadi timbalan menteri. Timbalan Menteri yang dinaikkan pangkat ialah Datuk Abang Haji Abu Bakar Mustapha sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Encik Law Hieng Ding sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; Dr. Ting Chew Peh sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Muka baru yang menjadi timbalan menteri ialah Ahli Parlimen Rasah, Encik Wong See Wah dan Ahli Parlimen Sik, Datuk Dr. Haji Abdul Hamid Othman sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ahli Parlimen Seri Gading, Encik Yassin Kamari sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar; Ahli Parlimen Setiu, Tengku Mahmud Mansur sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama; Ahli Parlimen Saratok, Datuk Peter Tinggom dan Ahli Parlimen Taiping, Encik Kerk Choo Ting sebagai Timbalan Menteri Kerjaraya.

Ahli Parlimen Selandar, Encik Fong Chan Onn sebagai Timbalan Menteri Pendidikan; dan Ahli Parlimen Lipis, Datuk Chan Kong Choy sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan. Muka baru yang dilantik sebagai setiausaha parlimen ialah Ahli Parlimen Betong, Encik Douglas Uggah (Jabatan Perdana Menteri); Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Mohd Shariff Haji Omar (Kementerian Kesihatan); Ahli Parlimen Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman (Kementerian Penerangan).

Ahli Parlimen Padawan, Encik Yong Khoon Seng (Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat); Ahli Parlimen Tampin, Encik Mohd Noh Rajab (Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi); dan Ahli Parlimen Kemaman, Datuk Ismail Said (Kementerian Belia dan Sukan). Setiausaha Parlimen yang dinaikkan pangkat sebagai timbalan menteri ialah Encik Chua Jui Ming (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian) dan Encik Peter Chin (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar).

Dua jawatan timbalan menteri yang diperuntukkan kepada MIC—Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pertanian—belum diisi. Dua timbalan menteri—Datuk Alias Ali (Kementerian Perusahaan Utama) dan Encik Woon See Chin

Pendidikan), dan dua setiausaha parlimen, Haji Awang Jabar (Belia dan sukan) dan Encik Ong Tim Kim (Pertanian) tidak dilantik semula. Sementara Ahli Parlimen Bagan Datoh, Datuk Mohamed Jamrah kekal selaku Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Lain-lain Menteri Kabinet kekal di jawatan masing-masing ialah Encik Abdul Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri mengikap Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Sanusi Junid di Kementerian Pertanian dan Datuk Paduka Daim Zainuddin di Kementerian Kewangan, Datuk Samy Vellu di Kementerian Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie di Kementerian Perjaraya dan seterusnya.

Syed Hamid Berjanji Kerja Keras

HLI Parlimen Kota Tinggi, Syed Hamid Syed Jaafar Albar, berita tugas pertamanya selepas mengangkat sumpah sebagai Menteri Kehakiman ialah belajar sebanyak mana yang boleh untuk melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. "Saya harus bekerja keras untuk melaksanakan amanah besar yang diperlukan kepada saya," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur sejurus selepas pengumuman susunan Kabinet dimulakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Syed Hamid, 47, yang memenangi kerusi Parlimen Kota Tinggi dengan majoriti terbesar di Johor dalam pilihanraya umum itu, berkata walaupun tugas sebagai menteri memerlukannya menghabiskan lebih banyak masa di ibu negara, rakyat di kawasan yang diwakilinya tidak akan diabaikan.

Menurutnya, atas sokongan mereka, beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen dan seterusnya menganggotai Kabinet. "Malah, saya perlu berterima kasih kepada pelbagai pihak, termasuk Perdana Menteri yang memberi kepercayaan kepada saya, kepada Menteri Besar Johor yang memberi peluang saya bertanding dan kepada semua pengundi yang memilih saya sebagai wakil mereka."

Syed Hamid yang berkelulusan Ijazah Ekonomi dan Politik dari Universiti Monash, Australia serta Ijazah Undang-Undang

Middle Temple, London, bukan baru dalam bidang undang-undang. Beliau pernah menjadi majistret serta Presiden Mahkamah Tengah di samping menjawat tugas Penasihat Undang-Undang Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB).

Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman luas dalam bidang korporat, termasuk menjadi Pengurus Besar BBMB di Bahrain dan London, Ketua Pengurus Besar merangkap Setiausaha Kumpulan BBMB, Pengerusi Shamelin Berhad serta menganggotali Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen).

Suaranya Semakin Sayu

PILIHANRAYA kali ini telah mencatatkan sejarah yang sangat bererti di dalam proses pembentukan bangsa dan negara dengan kelumpuhan cita-cita Malaysian Malaysia dan perjuangan bagi sebuah Negara Islam. DAP telah meneruskan perjuangan Malaysian Malaysia yang ditinggalkan oleh PAP sejak Malaysia berpisah dari Singapura pada tahun 1965 dan Negara Islam pula telah menjadi perjuangan PAS sejak penubuhannya.

Pemimpin kedua parti itu mungkin tidak mahu mengakui hakikat pengunduran mereka dari cita-cita asal itu tetapi ini telah menjadi kenyataan kepada rakyat terutama kepada pengikut-pengikut parti itu sendiri yang sekarang merasakan kehilangan sesuatu dari parti mereka. Sekalipun Semangat 46 sejak mula-mula lagi diramalkan akan kalah teruk di dalam pilihanraya kali ini tetapi pemimpinnya Tengku Razaleigh setakat ini telah berjaya menjadi moderating factor yang membawa PAS dan DAP ke dalam suatu krisis identiti. Mungkin DAP dan PAS telah membuat perkiraan bahawa pilihanraya ini adalah suatu peluang terakhir bagi mendapat kuasa setelah percubaan mereka di dalam beberapa pilihanraya yang laju menemui kegagalan demi kegagalan. Maka itu mereka menerima pimpinan Tengku Razaleigh.

Keputusan ini mereka ambil mungkin juga setelah menyedari bahawa dasar Malaysian Malaysia dan juga Negara Islam itu tidak lagi realistik di dalam masyarakat Malaysia. Mungkin mereka bermaksud menyisihkan cita-cita mereka itu buat sementara dan berazam untuk menegakkannya apabila berkuasa kelak. Tetapi kepada penyokong-penyokong mereka dan pengundi-pengundi

mumnya, mereka telah kelihatan sama seperti BN sendiri atau meminjam istilah Tengku Razaleigh berada dalam barisan alternatif.

Haruslah diingatkan DAP selama ini menawan hati pengundi engundi bukan Melayu dengan isu-isu Malaysian Malaysia yang menampakkan sikap anti Melayu; penentangan secara berlapik terhadap dasar membantu orang-orang Melayu menerusi hak keis-mewaan Melayu dan kedaulatan Bahasa Melayu. PAS pula menawan sentimen orang-orang Islam di kampung-kampung dengan dasar-dasar keislaman dengan menggambarkan orang-orang UMNO sebagai orang-orang yang senantiasa mengerjakan dosa, ghud, kafir dan sebagainya.

Perubahan sikap kedua parti itu telahpun nampak sejak sebelum pilihanraya. Lim Kit Siang telah membuat perisytiharan bahwa beliau menerima hakikat masyarakat Malaysia tidak sanggup menerima bukan Melayu sebagai Perdana Menteri.

Sementara itu PAS pula membuat kenyataan akan mengangurkan negara Islam dari manifestonya. Sekalipun ini dinafikan tapi terdapat kebenaran bahawa kenyataan itu telah dibuat kepada akhbar-akhbar berbahasa Cina. PAS juga tidak lagi memainkan isu kafir-mengkafir dan tidak lagi menonjolkan gambaran bar Ayatollah Khomeini yang menyengutukannya dengan cita-cita negara Islam Iran.

Di dalam pilihanraya ini khabarnya di Pulau Pinang agak kar bagi Lim Kit Siang (DAP) untuk membuat ucapan-ucapan yang bersifat anti Melayu kerana beliau senantiasa diikuti oleh orang-orang kuat 46 di dalam kempen pilihanrayanya dan PAS juga tidak lagi sampai hati untuk mengkafirkhan orang-orang Islam kerana orang-orang 46 yang melakukan perkara-perkara yang haram dan dikafirkannya juga berada di dalam kempen pilihanrayanya. PAS tidak berani untuk menegur 46 meletakkan calon-wanita di dalam pilihanraya ini sekalipun PAS sendiri mengramkannya.

Memandang kepada pengaruh dan kekuatan kedua parti itu amanah ini adalah bergantung kepada permainan isu-isu yang berat perkauman dan keagamaan, maka tidakkah penyokong-penyokong mereka sekarang merasakan kehilangan dan kekosongan dari parti yang mereka yakini dan harapkan selama ini bagi

memperjuangkan cita-cita mereka. Kiranya mereka telah merasakan bahawa dasar barisan alternatif ini sama dengan Barisan Nasional, tidakkah mereka berfikir bahawa lebih baik bagi mereka memilih barisan tulin-Barisan Nasional (BN) yang telah pun membuktikan keupayaan dan kemampuan bagi mengisi cita-cita yang baru hendak diperjuangkan oleh barisan tiruan.

Selain dari itu menjadi suatu hakikat yang amat jelas bahawa menerusi kerjasama dengan Tengku Razaleigh, PAS dan DAP tunduk kepada pimpinan serpihan UMNO sekalipun tidak sanggup menerima UMNO yang berkuasa. Dan untuk itu PAS mengorbankan negara Islam dan DAP melupakan Malaysian Malaysia.

Sementara menunggu saat-saat akhir kedua ideologi itu, di dalam pilihanraya ini sesekali kita masih terdengar suara Timbalan Yang Dipertua Agung PAS Haji Hadi yang cuba hendak menunjukkan kewujudannya dengan memberikan hukuman-hukuman agama ke atas pengundi-pengundi tetapi suara itu tidak senyaring dulu lagi. Suara itu dirasakan terasing dari realiti politik yang diperjuangkan oleh Tengku Razaleigh apatah lagi apabila dibandingkan dengan suara orang-orang bandar dan terpelajar seperti Lim Kit Siang.

Perbezaan itu tidak dihiraukan orang ketika mereka dahulu berasingan tetapi apabila berada di dalam satu angkatan atau gagasan maka amat jelas kelihatan dan kedengaran. Sesungguhnya nampak Haji Hadi bersendirian dan suaranya semakin jauh, semakin sayu dan semakin tidak dipedulikan. Kita sama-sama menyaksikan Tengku Razaleigh membunuh tidak sahaja PAS tetapi juga DAP.

KEHILANGAN DR. M AKAN DIRATAPI

"Sekarang beliau (Dr. Mahathir) dikritik dan dikecam hebat. Tunggulah akan tiba waktunya nanti mereka ini bersama seluruh dunia menangisi kehilangannya."

— Hasan Hj. Hamzah

MAHATHIR bukan sahaja menjadi simbol kuasa dan otoriti tetapi memancarkan imej keras hati dan degil. Beliau mempunyai satu visi dan mengharapkan visi itu menjadi kenyataan. "Mahathir adalah seorang yang tegas pendiriannya," komen Prof. Iomo S. Sundram dari Institut Pengajian Tinggi, Universiti Melaya. "Beliau nampaknya tidak mudah berganjak daripada sebarang keputusan yang telah dibuatnya jika beliau yakin keputusan itu adalah yang terbaik sesuai dengan apa yang dirancangnya."

Kegagalan regu Mahathir-Musa dikatakan berpunca daripada masalah ini. Ketidakpuasan sesetengah anggota MT dan ahli UMNO sendiri dikatakan ada kaitan dengan sikap ini. Lalu pengkritik beliau meletakkan label 'diktator' kepadanya. Beliau mahu membuat semua keputusan sendiri, dengan cara sendiri. Beliau dikatakan tidak mendengar pandangan orang lain.

Benarkah demikian? "Mustahil sekumpulan manusia terpilih dan cerdik dalam Kabinet menjadi tunggal dan mengiakan semua monolog Mahathir," kata seorang pemerhati politik.

Paling akhir ialah krisis kehakiman yang mendapat kecaman banyak pihak. "Untuk menjadi diktator sepenuhnya," kata YTM

Tunku A. Rahman kepada New York Times, "dia terpaksa menguasai segala-galanya. Satu sahaja yang menghalang beliau, badan kehakimam yang bebas."

Bagi Mahathir isu kehakiman ini adalah isu pentadbiran bukan politik. "Penyingkiran hakim mungkin tidak pernah dibuat di Malaysia. Ini kerana dahulu hakim tidak melanggar undang-undang."

Beberapa dasar utama beliau juga mendapat kritikan yang keras. Baginya dasar ini bukan modal politik semata-mata tetapi satu pemikiran semula yang menuntut strategi dan pendekatan yang tersendiri. Bukan sekali Mahathir terpaksa menjawab sendiri kritikan terhadap dasar pandang ke Timur misalnya. Anchnya pengusaha bumiputera yang sepatutnya mendapat manfaat daripada dasar ini adalah di antara pengkritiknya yang paling keras.

Orang-orang Jepun sendiri malah Mahathir pernah memberikan peringatan tegas kepada Jepun bahawa pengiktirafan dan sambungan Malaysia terhadap negara itu tidak harus dimengertikan sebagai tanda penyerahan atau sebagai isyarat negara ini boleh dipersenda-sendakan.

Dasar penswastaan juga menghadapi kritikan yang keras. Tetapi sekiranya projek pengswastaan besar seperti Sistem Telekom Malaysia Berhad (STMB) berjaya, Mahathir akan dapat membuktikan bahawa percubaan tidak sia-sia. Kepimpinan Melalui Teladan sekalipun dicemuh telah memberikan pengertian yang baru kepada makna 'Bersih, cekap dan Amanah' yang menjadi tema memperbaiki prestasi perkhidmatan sektor awam.

Di dalam melaksanakan dasar penerapan nilai-nilai Islam kecacuan tentang konsep dan pelaksanaannya juga ketara. "Yang tertonjol ialah kursus-kursus bina insan, 'qiyamullail dan ceramah agama yang diwajibkan, bukan bagaimana nilai sebenar Islam itu dapat diterapkan dan diaplikasi ke dalam sistem pentadbiran negara secara menyeluruh. Akibatnya rakyat bukan Islam menjadi resah dan khuatir," komen seorang sarjana.

Mahathir mengajak rakyat Malaysia memandang ke hadapan dengan berani. Malaysia bagi beliau akan menjadi sebuah negara perindustrian dengan rakyatnya menikmati taraf hidup setanding dengan negara lain pada tahun 2000 kelak. "Inilah hasrat saya sebagai Perdana Menteri Malaysia dan sumbangan saya kepada

bangsa dan negara iaitu menyediakan asas untuk tujuan itu.”

Beliau bukan sahaja bercakap tentang rakyat Malaysia baru tetapi orang Melayu baru, yang dinamis, cekal dan bersedia menghadapi zaman muka dengan sikap dan kekuatan baru. Segala-galanya kelihatan begitu besar dan ambitious. Cukuplah segala-gala ini dengan hanya sekadar visi scorang Perdana Menteri.

“Masalahnya bukan dasar tetapi pelaksanaannya,” kata seorang Naib Canselor. “Kita masih belum bersedia mentafsirkan dan menjadikan visi beliau dalam bentuk kenyataan.”

“Dasar-dasar ini memerlukan penerangan yang menyeluruh, bukan dalam bentuk lagu dan dokumentari yang bersifat propaganda,” komen scorang Ketua Setiausaha yang tidak mahu namanya disebut.

“Pelaksana dan pentadbir dasar inilah yang sepatutnya lebih tahu,” kata Sdr. Mohd Rosli Hakim, scorang perniaga. “Kalau kakitangan kerajaan yang sepatutnya melaksanakan dasar-dasar ini benar-benar faham, Mahathir tidak akan menghadapi masalah seperti hari ini.”

Di manakah salahnya? Apakah Mahathir sendiri gagal memahami sikap dan mentaliti rakyatnya yang belum bersedia menghadapi perubahan? Kegagalan jentera pentadbiran kerana kakitangannya?

Bukankah sejak beberapa tahun kebelakangan ini kakitangan kerajaan ghairah membaca segala teori terbaru tentang pengurusan dari konsep Persyarikatan Jepun hingga kebangkitan Korea Selatan dalam tahun 70-an, konsep sogoshosha dan chaebol, mengenal kaizen dan bushido, menghayati pemikiran pengurusan daripada Peter Drucker hinggalah pemikiran strategik Kenichi Ohmae, menelaah buku *In Search of Excellence* dan *Change Masters*, juga membaca *Business Wargames* dan *Competitive Advantage*, dan bukankah berkat keghairahan baru ini buku tentang tokoh korporat seperti Akio Morita, Lee Iacocca, Donald Trump laris bagi goreng pisang panas di negara ini?

Apa yang tidak menarik perhatian Mahathir? Dari tambak Johor yang kotor, masalah 300,000 kes mahkamah yang tertangguh, hingga lampu yang tidak bernyala di tengah kota. Tegurnya terhadap kakitangan yang tidak cekap dan tidak berkesan selalunya keras dan menyakitkan.

Apakah punca masalah ketidaksenangan sesetengah kalangan kakitangan terhadap beliau? Masalah komunikasi? Atau memang mereka belum bersedia menghadapi perubahan?

Di dalam majlis makan malam Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, beliau melahirkan kekecewaan kerana kesetiaan kakitangan awam terhadap kerajaan yang di lantik oleh rakyat cuba dipalingkan melalui risalah dan khabar angin yang bertujuan menjasaskan kekesanan kerajaan. Malah berlaku, menurut beliau, pegawai dan kakitangan kerajaan yang engkar mengikut arahan kerajaan. "Keadaan di mana siapa yang memerintah dan siapa yang berkuasa tidak dapat ditentukan akan menyebabkan huru-hara hingga demokrasi akan hhapus."

Apabila Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987 memberikan kelebihan undi sebanyak 43 kepada beliau dan 40 undi kepada En. Ghafar Baba, banyak pihak menganggap Mahathir akan jatuh. Tetapi beberapa tindakan beliau selepas itu bukan sahaja di luar jangkaan tetapi ternyata sangat berkesan. Banyak pihak menyalahkan beliau apabila menyingkirkan kesemua ahli majlis tertinggi yang berpihak kepada ke Tengku Razaleigh-Musa, kumpulan yang dikaitkan dengan Team B. Perhimpunan Agung tahun 1987 itu yang dianggap paling intense di dalam sejarah UMNO meninggalkan implikasi yang sangat besar ke atas perpaduan Melayu melalui UMNO.

Apabila Mahkamah Tinggi mengisyiharkan UMNO sebagai pertubuhan tidak sah pada 4 Februari 1988, keadaan menjadi bertambah buruk. Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn serta Tengku Razaleigh berusaha untuk menubuhkan UMNO Malaysia dan Mahathir serta bekas ahli majlis Tertinggi UMNO menaja UMNO baru.

Perhimpunan Agung UMNO 1988 bulan Oktober membuktikan ramalan banyak pihak tentang Mahathir adalah salah. Apa lagi apabila beliau mengumumkan tawaran Menteri tak Berportfolio kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam sebagai lanjutan daripada tawaran Majlis Tertinggi yang membuka penyertaan UMNO kepada semua orang Melayu dan melantik tiga orang tokoh yang berpengaruh yang dikaitkan dengan Team B pada 15 Oktober merupakan satu langkah yang menguntungkan beliau.

Soal kejujuran pula yang ditimbulkan. Kalangan politik berpendapat kontradiksi pada ucapan Mahathir yang keras mengecam ‘golongan serpihan’ dalam UMNO dan menyemarakkan kemarahan perwakilan kepada golongan ini, tetapi pada waktu yang sama menghulurkan tangan memberi kemaafan dan menawarkan kedudukan.

“Sudah terlambat,” kata seorang penyokong kumpulan yang menggunakan slogan Semangat 46. “Kalau benar Mahathir jujur, kenapa singkir orang-orang yang dilantik oleh perwakilan sendiri di dalam Majlis tertinggi dulu?”

Bukan kecil pula keresahan orang Melayu terhadap krisis perpaduan ini. Selain daripada 25 cendekiawan yang menghantar memorandum kepada beliau, Persatuan Penulis Nasional (PENA) juga berusaha menganjurkan sebuah perhimpunan perpaduan Melayu walaupun tidak dibenarkan oleh polis pada saat terakhir. Perhimpunan Melayu Johor yang diadakan pada 18 Disember 1988 yang meluluskan enam usul penting bagi mengembalikan perpaduan Melayu.

Menurut kalangan pemerhati politik, isu perpaduan Melayu yang berakibat daripada perpecahan di dalam UMNO adalah di antara yang paling buruk pernah berlaku di kalangan orang Melayu dalam sejarah tanahair kita.

Beliau juga menghadapi masalah beberapa parti komponen di dalam Barisan Nasional. MCA nampaknya tidak pernah puas hati dalam banyak hal, tentunya tentang beberapa masalah yang melibatkan kepentingan pengundi Cina. Tetapi MCA hari ini hanyalah bayang-bayang parti yang kuat dan berpengaruh pada satu ketika dahulu.

Majlis Peguam serta beberapa pertubuhan sosial sukarela mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap beliau.

Di tengah-tengah segala ini, seorang manusia bernama Mahathir berdiri hampir-hampir sendirian menerima kecaman dan pujian.

Belum pernah rasanya seorang manusia menentukan agenda bagi sedemikian banyak perkara. Mahathir muncul di mana-mana, mengocak sikap ‘complacency’ pentadbirannya, mencabar status quo dan sikap ahli politik yang ada, sesekali menggongcang dunia dengan beberapa komentarnya yang keras, tentang Komanwel

yang menjadi kelab pemimpin berhati kolonial dan kegagalan pertubuhan itu mengerti realiti pimpinan baru negara bekas tanah jajahan, kerajaan Inggeris yang menganggap negara ini hanya sebahagian sejarah gemilang negaranya.

Tiba-tiba Malaysia memainkan peranan yang lebih global, menyentuh soal Antartika, mendapat penghormatan dunia mengenai pembanterasan penyalahgunaan dadah, juga dengan perlantikan Mahathir sendiri di dalam Majlis Dادah Antarabanggsa.

Buat beberapa waktu ini Mahathir mempunyai beberapa keutamaan. Penyelesaikan masalah perpaduan Melayu amat penting dan mendesak. Dasar Ekonomi baru akan berakhir pada tahun 1990. Soalnya apakah dasar ini akan diteruskan atau suatu rancangan baru yang akan menggantikannya. DEB tidak mencapai matlamat sepenuhnya 30 peratus kepada bumiputra sehingga 1990.

Di dalam hal ini Mahathir akan menghadapi bukan sahaja parti komponen Barisan Nasional yang merasakan dasar ini rata-rata bersikap pilih kasih dan tidak selari dengan semangat kerjasama. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) merasakan dasar ini melahirkan kelas pengusaha yang terbatas bukan menyediakan satu asas bagi pembinaan sebuah komuniti komersial dan industri di kalangan orang Melayu.

Sekiranya benar pencapaian ini hanya di sekitar 22 peratus maka perlaksanaannya sepanjang waktu ini masih terdapat kelema-hannya. Dr. Kamal Salleh, Pengarah Eksekutif MIER sewaktu membentangkan kertas kerja di dalam seminar MIER baru-baru ini menyebutkan bahawa bagi membolehkan Bumiputera mendapat tempat di dalam bidang perniagaan dan pelajaran, mutu telah dikorbankan. Diskriminasi, scumpama ini antara lain menurut beliau merupakan 'the institutionalisation of mediocrity.'

Apakah yang akan belaku selepas ini? Pemulihan ekonomi yang memberangsangkan, usaha agresif menarik pelaburan ke negara ini, juga penilian semula rancangan pembangunan, kesemuanya menjanjikan masa depan yang baik bagi negara.

Mahathir telah membuktikan keupayaannya menangkis segala bentuk kecaman yang dihadapkan kepadanya. Pengkritik beliau yang paling keras sekalipun terpaksa mengakui di dalam banyak hal Mahathir adalah pemimpin yang punya kelibar dan bijak.

Tidak dapat dinafikan beliau seorang punya visi yang hebat, seorang pemikir dan cendekiawan yang percaya kecemerlangan tidak ada galang gantinya. Mungkin beliau menggunakan kayu ukur dirinya untuk menilai orang lain yakni sikap bahawa kegagalan bukan sesuatu yang boleh diterima secara mudah. Beliau agaknya tidak percaya kepada pentingan yang lain selain dari menjadi yang terbaik.

Cuma sayangnya idealisme tidak akan bererti tanpa didukung oleh landas teori dan pendekatan praktis yang berkesan. Gagasan beliau sekalipun sebesar mana akan hanya tinggal impian sekiranya gagal ditafsir dan dilaksanakan.

Yang penting ideanya dapat dilaksanakan. Seorang ahli politik selalu dicurigai. Kecurigaan ini membahayakan prasangka dan prasangka boleh menjelaskan pelaksanaan. Mahathir harus bersedia untuk berkompromi nampaknya bukan sahaja di dalam menghadapi cabaran politiknya tetapi dengan diri dan idealismenya. Beliau adalah negarawan yang benar-benar unggul. Sukar untuk Malaysia mencari gantinya.

Sejarah akan membuktikan bahawa Mahathir akan diingati sebagai monumentalist atau visionist, sebagai negarawan atau ahli politik yang unggul. Saya berani mengatakan yang seluruh negara akan meratapi kehilangannya nanti. Lawan-lawan politik beliau akan menyesali perbuatan serta sikap yang ‘tidak sepatutnya’ kerana mengkritik sesuka hati.



BIBLIOGRAFI

Dean Jaros (1973)

Socialization to Politics. New York: Praeger Publishers.

Fifth Malaysian Plan 1986–1990. Kuala Lumpur: Government Printers.

Fourth Malaysian Plan 1981–1985. Kuala Lumpur: Government Printers.

Gale, Bruce (1981)

Politics and Public Enterprise in Malaysia. Singapore: Eastern University Press.

Gordon P. Means (1976)

Malaysian Politics. London: Hodder and Stoughton Ltd.

Hasan Haji Hamzah (1985)

Umat Islam Di Negara Kafir. Kuching: Sarawak Publishers.

Herbert R. Winter and Thomas J. Bellows (1977)

People and Politics. New York: John Wiley & Sons.

Mahathir Mohamad (1982)

The Malay Dilemma. Singapore: Times Book International.

Mahathir's Economic Policies. Kuala Lumpur: INSAN.

Michael Ong (1983)

Towards A Greater Malaysia. Singapore: Institute of South-East Asian Studies.

Shamsul AB (1987)

f wedakan dan sebabnya

From British to Bumiputra Rule: Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia. Singapore: Institute of South-East Asian Studies.

Shamsul AB (1987)

The Battle Royal—UMNO Election 1987. Singapore: Institute of South-East Asian Studies.

Syed Husin Ali (1981)

The Malays: Their Problems and Future. Kuala Lumpur: Longman.

Majalah

Aliran Monthly /

Asiaweek, Hong Kong

Asian Wall Street Journal, Hong Kong

Dewan Masyarakat

Far Eastern Economics Review, Hong Kong

Financial Times, London

Fortune

Investor's Digest, Kuala Lumpur Stock Exchange

Malaysian Business

Mastika

Times

Akhbar

Berita Harian

Business Times, Malaysia

Business Times, Singapore

Mingguan Malaysia

New Straits Times

Sunday Mail

Sunday Star

Sunday Times

Sydney Morning Herald, Sydney, Australia

The Rocket

The Star

Utusan Malaysia

Utusan Melayu

